Turut menjadi jawatankuasa bersama ialah Pengurus Besar Tourism Selangor . Antara lain jawatankuasa ini akan memastikan semua aktiviti, acara dan program yang telah dirancang sebelum ini dijalankan serta memberikan impak yang baik terhadap industri pelancongan di negeri Selangor . Selain daripada itu skretariat ini juga akan menjadi pengawal kepada penggunaan semua peruntukan agar ianya dapat dibelanjakan secara berhemat dan terkawal .

Walau bagaimanapun bagi melancarkan lagi pengurusan dan perjalanan Tahun Melawat Selangor 2015 juga turut melibatkan serta bekerjasama dengan erat daripada pihak-pihak seperti berikut :

- i) Kementerian Pelancongan Malaysia
- ii) Tourism Malaysia
- iii) Tourism Malaysia Selangor
- iv) Semua pengusaha produk pelancongan negeri Selangor
- v) Agensi pelancongan
- vi) Pusat membeli belah
- vii) Restoran
- viii) Kraftangan
- ix) Semua NGO pelancongan seperti MATTA, Bumitra, Persatuan Pemandu Pelancongan, MAH, MBHA dan lain-lain lagi.

Tourism Selangor turut mengambil inisiatif dengan menubuhkan sebuah jawatankuasa yang akan membantu menyelesaikan isu-isu berbangkit yang melibatkan agensi kerajaan mahupun diperingkat swasta . Jawatankuasa ini dikenali sebagai Jawatankuasa Pegawai Perhubungan Pelancongan Pihak Berkuasa Tempatan , Pejabat Daerah , Agensi Kerajaan dan Swasta yang mempunyai keanggotaan seperti berikut :

- i) Pegawai Pelancongan / Komunikasi Korporat Pihak Berkuasa Tempatan
 - ii) Pegawai Pelancongan / Komunikasi Pejabat Daerah
 - iii) Pegawai Agensi Kerajaan Persekutuan Di Peringkat Negeri Selangor
 - iv) Pegawai Agensi Swasta Yang Lain
- b) Negeri Selangor kini boleh berbangga dengan produk dan destinasi pelancongannya kerana dengan promosi berterusan yang dilakukan oleh Negeri Selangor melalui agensi pelaksanaannya iaitu Tourism Selangor mula menampakkan hasil apabila produk dan destinasi pelancongan di Negeri Selangor semakin dikenali dan menjadi pilihan percutian oleh para pelancong dalam dan luar negara.

Pada awal kempen 'Selangor Shines' dijalankan, terdapat 10 destinasi pelancongan yang terkenal dan sering menjadi tarikan utama pelancong apabila mereka berkunjung ke Negeri Selangor. Sehingga kini jumlah destinasi tersebut semakin bertambah.

Berikut adalah 20 destinasi di Negeri Selangor yang popular dikalangan pelancong dari dalam dan luar negara:

Bil	Destinasi Pelancongan	Daya Tarikan
1.	Sunway Lagoon, Petaling Jaya	<ul style="list-style-type: none"> • Teman Tema Air • 'One stop centre' hiburan, membeli-belah, hospital, pendidikan dan lain-lain
2.	Batu Caves, Gombak	<ul style="list-style-type: none"> • Perayaan Thaipusam • Tempat beribadat terbesar bagi masyarakat India
3.	Kelip-Kelip, Kuala Selangor	<ul style="list-style-type: none"> • Menyaksikan keindahan hidupan kerdipan kelip-kelip pada waktu malam
4.	Masjid Sultan Abdul Aziz Shah, Shah Alam	<ul style="list-style-type: none"> • Kecantikan dan keunikan seni bina Islam • Tempat beribadat bagi umat Islam • Merupakan masjid terbesar dan terunggul di Malaysia dan di Asia Tenggara
5.	Sepang Gold Coast, Sepang	<ul style="list-style-type: none"> • Menawarkan pengalaman percutian yang indah dengan tinggal di chalet-chalet di atas air yang menganjur ke Selat Melaka dan binaan chalet yang menyerupai pokok plama (dilihat dari udara) seperti sebuah resort yang terdapat di negara Timur Tengah.
6.	Dong Zen Monastery Temple, Kuala Langat	<ul style="list-style-type: none"> • Tempat beribadat bagi penganut agama Buddha yang setiap tahun menganjurkan pelbagai aktiviti seperti 'Pesta Tanglung' serta mempunyai landskap yang

		cantik dan bersih
7.	Forest Research Institute of Malaysia (FRIM), Kepong	<ul style="list-style-type: none"> Tempat beriadah serta menjadi kunjungan bagi penggemar mahupun pengkaji flora dan fauna serta mempunyai hutan hujan yang tertua di Malaysia
8.	Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz, Klang	<ul style="list-style-type: none"> Sebuah muzium yang serba indah yang memaparkan sejarah yang amat bernilai mengenai kehidupan dan pemerintahan Institusi Diraja Negeri Selangor.
9.	Bukit Melawati, Kuala Selangor	<ul style="list-style-type: none"> Sebuah kota peninggalan kerajaan Melayu Selangor yang menyimpan pelbagai cerita sejarah, misteri dan juga menempatkan makam Diraja Selangor. Juga merupakan tempat bagi mencerap anak bulan serta Rumah Api yang dibina pada 1907 dan beroperasi hingga kini bagi pengguna Selat Melaka.
10.	Hutan Lipur Kanching, Rawang	<ul style="list-style-type: none"> Merupakan tempat paling popular bagi aktiviti riadah bersama keluarga sambil mandi manda di air terjun yang airnya sejuk dan menyegarkan.
11.	I-City Shah Alam, Shah Alam	<ul style="list-style-type: none"> Menyaksikan keindahan pelbagai lampu LED yang berwarna warni serta aktiviti bermain salji di 'snow walk', galeri seni dan permainan taman tema air yang menyeronokkan.
12.	Kidzania, Mutiara Damansara	<ul style="list-style-type: none"> Taman tema 'indoor' bagi kanak-kanak yang mempunyai pelbagai aktiviti yang mendedahkan mereka kepada kehidupan sebenar apabila mereka dewasa kelak.

		<ul style="list-style-type: none"> Hanya terdapat beberapa buah taman tema seperti ini diseluruh dunia.
13.	Morib Gold Coast, Kuala Langat	<ul style="list-style-type: none"> Sebuah resort yang mempunyai pelbagai aktiviti riadah bersama keluarga serta sebuah mini taman tema air.
14.	Litar Formula One, Sepang	<ul style="list-style-type: none"> Litar Formula Satu bagi kejohanan lumba motor dan kereta formula satu peringkat antarabangsa dan antara litar yang terbaik di dunia.
15.	Pusat Membeli Belah GM, Klang	<ul style="list-style-type: none"> Pusat membeli belah barangan secara borong yang sangat terkenal.
16.	Genting Strawberry Leisure Farm, Genting Highlands (Dalam sempadan Hulu Selangor)	<ul style="list-style-type: none"> Kebun tanaman buah strawberi yang sangat terkenal dan turut menyajikan pelbagai makanan diperbuat daripada buah strawberi. Pengunjung boleh memetik sendiri buah tersebut. Serta terdapat juga tanaman sayur, ternakanmadu lebah serta kebun cendawan.
17.	Hutan Lipur Sungai Chongkak, Hulu Langat	<ul style="list-style-type: none"> Sebuah resort yang terletak di dalam hutan semulajadi dan mempunyai chalet untuk disewa. Boleh menjalankan aktiviti seperti hari keluarga serta program perkhemahan juga kem motivasi. Mempunyai sungai yang bersih serta sesuai untuk mandi manda dan berkelah bersama keluarga mahupun teman-teman.
18.	Jalan Tengku Kelana, Klang (Little India)	<ul style="list-style-type: none"> Tempat yang amat popular yang menempatkan pelbagai kedai serta gerai yang menjual pelbagai keperluan bagi

		<p>masyarakat India.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Amat sibuk menjelang perayaan Deepavali.
19.	Homestay Selangor	<ul style="list-style-type: none"> • Negeri Selangor mempunyai 15 buah homestay yang berlesen yang menawarkan pengalaman suasana kehidupan kampung yang cantik dan bernilai.
20.	Genting Highlands (Dalam sempadan pentadbiran Hulu Selangor)	<ul style="list-style-type: none"> • Sebuah taman tema yang terletak di tanah tinggi yang terkenal diseluruh duina dan menawarkan pelbagai aktiviti permainan serta membeli-belah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 Kota Damansara)**

TAJUK : PENYELENGGARAAN JALAN NEGERI

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Nyatakan perbelanjaan pengurusan jalan negeri mengikut daerah?
 - b) Nyatakan kawasan-kawasan yang belum diselenggara?
 - c) Nyatakan jumlah laporan kehilangan penutup '*main hole*' dan berapa yang telah diganti semula?

JAWAPAN:

- a) Untuk tahun 2014 jumlah peruntukan penyelenggaraan jalan negeri yang dilaksanakan oleh setiap JKR Daerah adalah sepertimana berikut ;

<u>DAERAH</u>	<u>PERUNTUKAN</u>
Klang	RM 18,251,000.00
Kuala Langat	RM 14,163,000.00
Kuala Selangor	RM 20,346,000.00
Sabak Bernam	RM 20,437,000.00
Hulu Langat	RM 11,000,000.00
Hulu Selangor	RM 5,431,000.00
Petaling	RM 12,548,535.75
Gombak	RM 5,705,000.00
Sepang	RM 9,150,000.00
Jumlah Keseluruhan	RM 117,031,535.75

- b) Panjang keseluruhan jalan negeri adalah 3990.765 km. Sejak tahun 2008 jalan yang di selenggara ialah 3703 km setahun.
- c) Tiada rekod kehilangan '*main hole*' diterima oleh JKR Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 Tanjung Sepat)**

TAJUK : KILANG HARAM

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Mohon senaraikan kilang-kilang yang telah dikenal pasti sebagai kilang haram
 - b) Senaraikan kilang-kilang haram dan status setiap satu terhadap pencapaian Program Pemutihan Kilang Haram sepanjang 2010 hingga 2014
 - c) Apakah faktor-faktor utama kilang-kilang haram ini tidak berjaya untuk diputihkan?

JAWAPAN:

a) dan b)

Senarai kilang yang telah dibanci dan dikenalpasti sedang beroperasi tanpa kebenaran di seluruh Negeri Selangor sebanyak **3,291 buah kilang** manakala sebanyak **3,291 lot tanah** yang terlibat dengan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran (PPKTK) dan pecahannya mengikut Pejabat Tanah Dan Daerah (PTD) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1:
JUMLAH KILANG TANPA KEBENARAN MENGIKUT DAERAH**

BIL.	DAERAH	JUMLAH KILANG
1	Petaling	1,461
2	Gombak	77
3	Klang	732
4	Hulu Langat	361
5	Kuala Langat	209
6	Hulu Selangor	23
7	Kuala Selangor	167
8	Sepang	64
9	Sabak Bernam	6
JUMLAH KESELURUHAN		3,100

**JUMLAH KILANG TANPA KEBENARAN MENGIKUT MENGIKUT PBT NEGERI
SELANGOR**

BIL.	PBT	JUMLAH KILANG
1	MBSA	967
2	MBPJ	462
3	MPSJ	305
4	MPAJ	0
5	MPK	597
6	MPS	89
7	MPKj	399
8	MPSp	55
9	MDKL	209
10	MDHS	53
11	MDKS	149
12	MDSB	6
	JUMLAH KESELURUHAN	3291

- c) Berikut adalah antara faktor utama kilang-kilang haram tersebut tidak berjaya diputihkan, iaitu:
- i) Pemilik tanah tidak berkemampuan untuk membayar premium tambahan yang terlalu tinggi walaupun telah diberi potongan;
 - ii) Pemilik tanah terikat dengan perjanjian sewaan tanah di mana pemilik tanah menyewakan tanah pada kadar yang rendah menyebabkan pemilik tanah enggan membuat permohonan tukar syarat dan Kebenaran Merancang;
 - iii) Pemilik tanah menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pinjaman bank kerana tempoh pajakan yang hampir luput dan usia pemilik tanah yang telah lanjut; dan
 - iv) Pemilikan tanah yang ramai dan menyebabkan pemilik-pemilik tanah enggan membuat permohonan tukar syarat dan permohonan Kebenaran Merancang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 Kota Anggerik)**

TAJUK : USAHA UNTUK MENAIK TARAF PASAR SEKSYEN 6 SHAH ALAM

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah usaha MBSA untuk menaik taraf Pasar Moden Seksyen 6 Shah Alam?
 - b) Berapa kos untuk usaha-usaha untuk menaik taraf pasar tersebut?
 - c) Bila dijangka selesai?

JAWAPAN:

- a) Pasar Moden Seksyen 6 telah di baik pulih oleh pihak Majlis Bandaraya Shah Alam pada tahun 2006 dengan perbelanjaan sebanyak RM850,000.00. Walau bagaimanapun, memandangkan aktiviti penggunaan pasar tersebut yang terlalu padat maka pihak Majlis telah mengambil inisiatif untuk menaik taraf Pasar Moden Seksyen 6 ini pada tahun 2015.

Majlis Bandaraya Shah Alam telah pun menyediakan spesifikasi kontrak dan bercadang untuk mengiklankan kerja-kerja menaik taraf pasar ini pada bulan Disember 2014. Kerja-kerja menaik taraf yang dicadangkan adalah seperti berikut :-

- i. Kerja-kerja menaik taraf bumbung
 - ii. Kerja-kerja naik taraf tandas
 - iii. Kerja-kerja mengecat
 - iv. Kerja-kerja pembaikan sistem aliran air hujan
 - v. Kerja-kerja penukaran papan tanda
 - vi. Kerja-kerja pembaikan sistem kumbahan
 - vii. Kerja-kerja menaik taraf kawasan parkir
 - viii. Kerja-kerja menaik taraf pagar
 - ix. Kerja-kerja pembaikan sistem bekalan air
- b) Anggaran kos bagi kerja-kerja berkaitan adalah sebanyak RM778,875.00.
- c) Kerja-kerja menaik taraf ini dijangka mula pada Mac 2015 dan dijangka siap sepenuhnya menjelang Disember 2015.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 Kuala Kubu Bharu)**

TAJUK : KEJADIAN TUMPAHAN MINYAK DI SUNGAI SELANGOR

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah hasil siasatan kejadian tumpahan minyak yang mengakibatkan tiga loji rawatan air di Sungai Selangor terpaksa ditutup pada 12 Oktober 2014?
 - b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengadakan kawalan yang lebih ketat di Sungai Selangor untuk mengelakkan kejadian sedemikian berlaku?

JAWAPAN:

- a) 3 Loji Pembersihan Air (LPA) Sungai Selangor yang terlibat iaitu Sungai Selangor Fasa 1 (SSP1), Sungai Selangor Fasa 2 (SSP2), Sungai Selangor Fasa 3 (SSP3) dan Rantau Panjang telah di henti tugas pada 11 Oktober 2014 disebabkan kehadiran unsur minyak di dalam air sungai.

Siasatan bersepadu oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) bersama agensi iaitu Jabatan Alam Sekitar (JAS), Puncak Niaga Sdn Bhd (PNSB) dan SPLASH bagi mengenal pasti punca pencemaran tersebut.

Hasil siasatan mendapati beberapa sampel air Sungai Selangor dan anak sungainya ditemui kesan bau unsur minyak. Namun, kesannya hilang apabila siasatan dijalankan di kawasan yang lebih hulu. Ini dipercayai pelepasan dilakukan dalam tempoh yang singkat serta kesannya telah hilang dan telah mengalir ke kawasan hilir.

Sampel-sampel yang diambil telah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia (JKM), Pusat Penyelidikan Forensik Alam Sekitar UPM dan makmal diakreditasi bagi mengenal pasti jenis minyak. Berdasarkan keputusan analisis yang diperolehi, terdapat jenis minyak diesel dan minyak enjin ditemui di dalam sampel yang diambil.

Pemadanan jenis minyak dengan aktiviti yang signifikan dibuat melalui inventori secara bersepadu yang dijalankan antara LUAS bersama JAS.

MAKLUMAT TAMBAHAN :

Siasatan pasukan penyiasat mendapati kesan bau dan unsur minyak adalah tidak signifikan dengan aktiviti pengepaman air kolam alternatif. Kawalan pencemaran aktiviti pengepaman air kolam alternatif dilaksanakan dengan berhati-hati bagi mengelakkan sebarang kejadian pencemaran berlaku.

- b) Memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri. Pemantauan dan siasatan berkala dijalankan bagi memastikan sumber air dipelihara daripada pelbagai aktiviti yang memberikan kesan negatif kepada kuantiti dan kualitinya.

Dalam pada itu, usaha penjagaan dan pemuliharaan sumber air dikuatkuasakan melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan :

- i) Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai,
- ii) Pasukan Petugas Lembangan Sungai, dan
- iii) Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air.

Penguatkuasaan kuasa perundangan yang diperuntukkan juga dilaksanakan secara holistik dalam penjagaan sumber air, antaranya;

- i) pelesenan Kemasukan Atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor),
- ii) pemberian Kebenaran Bertulis bagi Aktiviti Pengubahan Sumber, dan
- iii) pengeluaran Notis Pemberitahuan Kesalahan, Kompaun dan pendakwaan bagi setiap kesalahan yang berkaitan dengan sumber air. Untuk kes pencemaran yang berlaku pada Ogos 2013, pendakwaan telah dibuat dan kini kes sedang dalam peringkat perbicaraan di Mahkamah Seksyen Shah Alam.

Selain itu, beberapa program sedang dilaksanakan, antaranya :

- i) Mewartakan kawasan rizab sungai sebagai zon perlindungan bagi tujuan kawalan fizikal dan kualiti air sungai. Tiada aktiviti berisiko tinggi yang menyumbang kepada pencemaran terhadap Sungai Selangor dibenarkan di kawasan rizab sungai yang telah diwartakan tersebut.
- ii) Kajian semula inventori pemetaan pencemaran dengan penganalisan risiko tahap pencemaran dan menetapkan syarat yang lebih ketat, dan
- iii) Pembangunan *Decision Support System, (DSS)* bagi pengurusan Lembangan Sungai Selangor secara holistik di mana pelepasan air empangan akan dilaksanakan secara optima dengan mengambil kira keadaan semasa aliran sungai dan juga ramalan hujan di kawasan tadahan. Pembangunan DSS ini juga akan direplikasi kepada lembangan lain secara berfasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 Sungai Panjang)**

TAJUK : LEBUHRAYA KIDEX

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah status semasa cadangan projek lebuhraya Kinrara-Damansara Expressway (KIDEX)?
 - b) Apakah bentuk bantahan terhadap projek ini?
 - c) Bagaimanakah kerajaan negeri dapat memastikan projek ini dilaksanakan pada situasi "menang-menang"?

JAWAPAN:

a) dan c)

Projek lebuhraya Kinrara-Damansara *Expressway* (KIDEX) belum dimuktamadkan pelaksanaannya. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Selangor telah meminta dan menetapkan pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) supaya terus mengadakan dialog, perbincangan ataupun *Town Hall Meeting* bagi berkongsi semua maklumat berhubung perancangan ini dan ia mestilah dikemukakan kepada semua *stakeholders*.

Kerajaan Negeri akan hanya mempertimbangkan permohonan bagi pelaksanaan mana-mana lebuhraya di Negeri Selangor seperti yang diputuskan oleh Kerajaan Persekutuan di dalam Belanjawan 2015 dengan syarat-syarat ketat seperti berikut:

- i. Kajian Impak Trafik (*Traffic Impact Assesment - TIA*) mestilah menguntungkan kepada pengguna lebuhraya dan juga penduduk sekitar dengan mengambil kira jajaran yang memberikan manfaat terbaik;
- ii. Pendedahan kepada umum tentang kadar tol termasuklah cadangan kenaikannya dan juga kadar pulangan pelaburan (*return of investement - ROI*); dan
- iii. Pendedahan kepada umum ke atas perjanjian konsesi.

Maka itu, mana-mana pihak yang terlibat dalam apa jua bentuk pembangunan di Negeri Selangor mestilah mematuhi setiap proses dan prosedur yang ditetapkan oleh agensi-agensinya teknikal seperti Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan seumpamanya.

Pematuhan kepada syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan adalah sangat perlu supaya Kerajaan Negeri dapat mempertahankan rakyat daripada menerima masalah-masalah pencemaran, kesihatan, banjir, kemalangan dan sebagainya.

Dalam hal ini, pandangan dan pendapat awam serta pihak yang berkepentingan perlu diambil kira dan diberi pertimbangan supaya keutamaan atau kepentingan rakyat menjadi keutamaan kerana ia melibatkan cukai yang dibayar oleh rakyat.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri turut mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan memberi penekanan dan mengambil langkah-langkah berikut:

- i. Perjanjian yang adil (tidak berat sebelah) iaitu, tidak memihak hanya kepada pemegang konsesi;
 - ii. Meletakkan kepentingan awam sebagai keutamaan;
 - iii. Memasukkan ke dalam perjanjian klausa penamatan awal (*early termination clause*) iaitu sekiranya pemegang konsesi telah mencapai *projected profit* bagi projek ini lebih awal dari tempoh konsesi tamat, maka perjanjian hendaklah ditamatkan lebih awal; dan
 - iv. Pra-syarat tambahan seperti perjanjian konsesi tidak terikat dengan *Akta Rahsia Rasmi 1972 (OSA)*.
- b) Projek KIDEX mendapat bantahan daripada Ahli Parlimen, ADUN, Ahli Majlis dan penduduk di kawasan Petaling Jaya berkenaan dengan jajaran lebuh raya tersebut. Pihak konsesi dan Lembaga Lebuh raya Malaysia (LLM) telah mengadakan pameran awam serta beberapa siri taklimat bersama Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) serta taklimat kepada ADUN, Ahli Majlis dan penduduk kawasan yang terlibat.

Perkara yang telah dibangkitkan oleh pihak-pihak berkepentingan adalah:

- i. Kajian tidak mengambil kira penyambungan dengan lebuh raya sedia ada;
- ii. Memerlukan penjelasan terperinci Kajian Impak Lalu lintas (TIA); dan
- iii. Kajian tidak mengambil kira pembangunan yang telah diluluskan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 Dusun Tua)**

TAJUK : MASALAH REMAJA DAN BELIA HAMIL

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk memberi bantuan fizikal dan psikososial kepada remaja dan belia yang hamil di luar ikatan perkahwinan?
 - b) Jika tidak, apakah rancangan Kerajaan agar mereka dapat kembali meneruskan kehidupan, pembelajaran atau pekerjaan seperti sediakala?

JAWAPAN:

- a)
 - i. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi sentiasa berusaha meminimumkan masalah gejala sosial yang melanda masyarakat di Negeri Selangor khususnya golongan remaja.
 - ii. Sehingga kini tiada bantuan fizikal yang diberikan secara terus kepada mereka yang hamil di luar ikatan perkahwinan. Walau bagaimanapun Kerajaan memandang serius mengenai masalah ini dan akan mencari alternatif yang terbaik bagi menanganinya.
 - iii. Bantuan psikososial disediakan melalui Pusat Kaunseling Selangor (Talian Sahabat) yang dikawal selia oleh Cawangan Pengurusan Kaunseling dan Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia yang beroperasi di Kompleks Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor Shah Alam. Oleh itu, remaja dan belia yang ingin mendapat perkhidmatan kaunseling psikologi boleh mendapatkannya secara sukarela dan percuma di pejabat tersebut.
- b) Kerajaan Negeri akan menyediakan satu Pelan Menyeluruh untuk menangani gejala sosial di Negeri Selangor yang akan diumumkan pada tahun 2015.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 Kajang)**

TAJUK : KUTIPAN DAN PENGAGIHAN ZAKAT

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Minta kerajaan negeri nyatakan jumlah dan statistik penerima zakat mengikut pengelasan di kawasan DUN Kajang dari tahun 2010-2013
- b) Minta kerajaan negeri kemukakan jumlah kutipan zakat dan jumlah kutipan yang telah diagihkan kepada penerima dari tahun 2010-2013
- c) Minta kerajaan negeri kemukakan unjuran kutipan zakat oleh Lembaga Zakat Selangor dalam tempoh 5 tahun akan datang.

JAWAPAN:

- a) Bilangan asnaf fakir dan miskin di DUN Kajang bagi tahun 2010-2013 adalah seperti berikut:

BILANGAN KELUARGA ASNAF FAKIR DAN MISKIN DARI TAHUN 2010-2013

TAHUN	BIL. FAKIR & MISKIN (KELUARGA)
2010	1,028
2011	1,132
2012	1,282
2013	1,180

- b) Jumlah kutipan zakat dan agihan zakat dari tahun 2010-2013 adalah seperti berikut:

JUMLAH KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT DARI TAHUN 2010-2013

TAHUN	KUTIPAN ZAKAT (RM JUTA)	AGIHAN ZAKAT (RM JUTA)
2010	336,674,526	364,946,019
2011	394,103,904	373,465,626
2012	451,325,027	401,717,682
2013	517,305,275	463,472,826

- c) Untuk makluman, LZS tidak menyediakan unjuran kutipan zakat untuk lima tahun akan datang. Sebaliknya, unjuran kutipan zakat dibuat pada setiap tahun. Bagi unjuran untuk tahun 2015, ia masih di dalam peringkat persediaan dan perlu mendapat kelulusan MAIS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 Damansara Utama)**

TAJUK : TAPAK PELUPUSAN SAMPAH DI SELANGOR

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan semua tapak pelupusan sampah di Selangor dan bekalkan maklumat berikut: PBT yang menggunakannya, keluasan, kapasiti, kapasiti yang telah digunakan, kadar pembuangan sampah (harian/bulanan), *tipping fees*, dan lain-lain.

JAWAPAN:

- a) Terdapat lapan (8) tapak pelupusan yang beroperasi di Selangor pada masa ini iaitu:
- i. Tapak Pelupusan Sanitari Jeram;
 - ii. Tapak Pelupusan Sanitari Tanjong 12;
 - iii. Tapak Pelupusan Terbuka Bkt. Beruntung;
 - iv. Tapak Pelupusan Terbuka Panchang Bedena;
 - v. Tapak Pelupusan Sanitari Bukit Tagar;
 - vi. Tapak Pelupusan Sisa Lengai Dengkil;
 - vii. Tapak Pelupusan Sisa Lengai Sg Kertas; dan
 - viii. Tapak Pelupusan Sisa Lengai Kuang.

Tapak Pelupusan Sanitari Jeram dibuka pada tahun 2007 dengan keluasan berjumlah 160 ekar. Tapak ini boleh menerima sebanyak 1,250 tan sisa pepejal sehari dan dijangka mampu untuk menampung sebanyak 7.8 juta tan sisa pepejal sehingga 2016. Namun begitu, melihat kepada perkembangan semasa dengan penerimaan harian yang berganda iaitu sebanyak 2,500 tan sehari, jangka hayat tapak ini berkemungkinan besar tidak akan mampu bertahan sehingga 2016. Sehingga kini, 77% kapasiti telah digunakan iaitu 6 juta tan dari 7.8 juta tan kapasiti keseluruhan. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang menggunakan tapak ini ialah Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK). Yuran tipping yang dikenakan adalah sebanyak RM36/tan.

Tapak Pelupusan Sanitari Tanjong 12 dibuka pada tahun 2010 dan berkemampuan untuk menerima sebanyak 9 juta tan sisa pepejal. Tapak pelupusan berkeluasan 160 ekar ini telah mencapai kapasiti sebanyak 9% penggunaan iaitu sebanyak 800,000 tan sehingga kini. Tapak ini mampu untuk

menampung sebanyak 1,000 tan sisa pepejal sehari dan PBT yang menggunakannya adalah Majlis Perbandaran Sepang (MPS), Putrajaya, Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPK). Yuran tipping yang dikenakan juga sama seperti di Jeram iaitu RM36/tan.

Tapak Pelupusan Sanitari Bukit Tagar digunakan oleh Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan keluasan sebanyak 700 ekar. Ianya mampu untuk menampung sebanyak 3,000 tan sisa pepejal sehari dengan jumlah keseluruhan kapasiti sebanyak 36.4 juta tan. Sehingga kini, 25% kapasiti telah digunakan dan kadar yuran tipping yang dikenakan adalah RM49/tan.

Tapak Pelupusan Terbuka Bukit Beruntung yang dioperasikan oleh Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) mengenakan yuran tipping mengikut saiz lori yang digunakan untuk mengangkut sampah. Bagi lori yang berkapasiti di bawah 3 tan, yuran yang dikenakan adalah sebanyak RM40, lori berkapasiti 3 – 5 tan dikenakan yuran sebanyak RM60 dan bagi lori yang berkapasiti melebihi 5 tan akan dikenakan yuran sebanyak RM90. Kadar pembuangan harian bagi tapak ini adalah sekitar 150 tan dan digunakan oleh MDHS sendiri. Tapak berkeluasan 30 ekar ini telah mencapai 80% kapasiti dari jumlah keseluruhan kapasiti sebanyak 2.2 juta tan.

Bagi Tapak Pelupusan Terbuka Panchang Bedena pula, sebanyak 50% kapasiti telah digunakan sehingga kini. Jumlah kapasiti yang mampu ditampung oleh tapak ini adalah 2 juta tan sisa pepejal. Ianya dioperasikan oleh Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) dan mengenakan yuran tipping sebanyak RM25/tan. Berkeluasan 25 ekar, kadar pembuangan harian bagi tapak ini adalah 60 tan.

Bagi Tapak Pelupusan Sisa Lengai Dengkil yang mempunyai keluasan sebanyak 145 ekar, tapak ini mampu menerima sebanyak 3.7 juta tan sisa pepejal. Sehingga kini hanya 10% kapasiti yang digunakan dan kadar pembuangan harian adalah sebanyak 250 tan. PBT yang menggunakan tapak ini adalah Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis Perbandaran Sepang (MPS) dan Putrajaya. Yuran tipping yang dikenakan pula adalah sebanyak RM10-30/tan mengikut jenis sisa pepejal.

Seterusnya adalah Tapak Pelupusan Sisa Lengai Kuang. Tapak ini berkeluasan sebanyak 27 ekar dan mampu untuk menerima kadar pembuangan harian sehingga 150 tan. Hanya 9% kapasiti yang telah digunakan daripada jumlah kapasiti keseluruhan sebanyak 2.7 juta tan. Tapak ini digunakan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dengan kadar yuran tipping sebanyak RM10-30/tan mengikut jenis sisa pepejal.

Tapak pelupusan terkecil iaitu Tapak Pelupusan Sisa Lengai Sg Kertas pula mampu menerima sehingga 100 tan pembuangan sehari. Dengan hanya

berkeluasan 14.1 ekar, ianya mampu menampung sebanyak 1.1 juta tan sisa pepejal dan sebanyak 14% kapasiti telah pun digunakan sehingga kini. Yuran tipping yang dikenakan bergantung kepada jenis sisa pepejal yang dibuang dan dikenakan caj antara RM10-30/tan. PBT yang menggunakan tapak ini adalah Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Ringkasan bagi maklumat setiap tapak pelupusan adalah seperti **Lampiran A**.

LAMPIRAN A

RINGKASAN MAKLUMAT MENGENAI TAPAK PELUPUSAN DI SELANGOR

Tapak Pelupusan	Pengguna	Kadar Pembuangan Harian, tan	Keluasan, ekar	Kapasiti, juta tan	Peratus Kapasiti Telah Digunakan	Yuran Tipping, RM/Tan	
Tapak Pelupusan Sanitari Jeram	MPSJ	500	160	7.8	77%	36	
	MBPJ	450					
	MBSA	500					
	MPAJ	400					
	MDKS	100					
	MPK	550					
	Jumlah	2,500					
Tapak Pelupusan Sanitari Tanjong 12	MPSp	400	160	9.0	9%	36	
	Putrajaya						
	MDKL						
	MPKj						550
	Jumlah						950
Tapak Pelupusan Sanitari Bukit Tagar	MPS	3,000	700	36.4	25%	49	
	DBKL						
Tapak Pelupusan Terbuka Bkt. Beruntung	MDHS	150	30	2.2	80%	Mengikut saiz lori <3 tan=RM40 3-5 tan=RM60 >5 tan=RM90 (Dioperasikan oleh MDHS)	
Tapak Pelupusan Terbuka Panchang Bedena	MDSB	60	25	2.0	50	25 (Dioperasikan oleh MDSB)	
Tapak Pelupusan Sisa Lengai Dengkil	MBSA	250	145	3.7	10%	10-30 (mengikut jenis sisa pepejal)	
	MPSJ						
	MPSp						
	Putrajaya						

Tapak Pelupusan	Pengguna	Kadar Pembuangan Harian, tan	Keluasan, ekar	Kapasiti, juta tan	Peratus Kapasiti Telah Digunakan	Yuran Tipping, RM/Tan
Tapak Pelupusan Sisa Lengai Kuang	MBPJ	150	27	2.7	9%	10-30 (mengikut jenis sisa pepejal)
	MBSA					
	MPS					
	MPS					

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 Dengkil)**

TAJUK : PORTFOLIO PELANCONGAN

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar dan perancangan portfolio Pelancongan tahun 2015?
- b) Apakah ada perbezaan atau penambahan perancangan berbanding tahun-tahun sebelumnya?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah memilih tahun 2015 sebagai Tahun Melawat Selangor dan program ini dijangka akan merencanakan lagi industri pelancongan di negeri Selangor dan dapat meningkatkan lagi pendapatan kepada semua pemain industri sekali gus meningkatkan lagi jumlah kedatangan pelancong dari dalam dan luar negara ke negeri Selangor .

Sehubungan dengan itu penganjuran Tahun Melawat Selangor 2015 adalah di bawah seliaan dan pentadbiran Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Puan Elizabeth Wong (UPEN Pihak Berkuasa Tempatan). Selain itu turut menjadi sekretariat Tahun Melawat Selangor 2015 ialah Jawatankuasa Pelancongan yang dianggotai Ahli Lembaga Pengarah Tourism Selangor seperti berikut :

- i. Yang Berbahagia Datin Jasmine Abdullah Heng
- ii. Yang Berusaha En Anthony Wong
- iii. Wakil Pihak Pejabat Menteri besar Inc.

Turut menjadi jawatankuasa bersama ialah Pengurus Besar Tourism Selangor . Antara lain jawatankuasa ini akan memastikan semua aktiviti, acara dan program yang telah dirancang sebelum ini dijalankan serta memberikan impak yang baik terhadap industri pelancongan di negeri Selangor. Selain daripada itu sekretariat ini juga akan menjadi pengawal kepada penggunaan semua peruntukan agar ianya dapat dibelanjakan secara berhemat dan terkawal .

Walau bagaimanapun bagi melancarkan lagi pengurusan dan perjalanan Tahun Melawat Selangor 2015 juga turut melibatkan serta bekerjasama dengan erat daripada pihak-pihak seperti berikut :

- i) Kementerian Pelancongan Malaysia
- ii) Tourism Malaysia
- iii) Tourism Malaysia Selangor
- iv) Semua pengusaha produk pelancongan negeri Selangor
- v) Agensi pelancongan
- vi) Pusat membeli belah
- vii) Restoran
- viii) Kraftangan
- ix) Semua NGO pelancongan seperti MATTA, Bumitra, Persatuan Pemandu Pelancongan, MAH, MBHA dan lain-lain lagi.

Tourism Selangor turut mengambil inisiatif dengan menubuhkan sebuah jawatankuasa yang akan membantu menyelesaikan isu-isu berbangkit yang melibatkan agensi kerajaan mahupun di peringkat swasta . Jawatankuasa ini dikenali sebagai Jawatankuasa Pegawai Perhubungan Pelancongan Pihak Berkuasa Tempatan , Pejabat Daerah , Agensi Kerajaan dan Swasta yang mempunyai keanggotaan seperti berikut :

- i) Pegawai Pelancongan / Komunikasi Korporat Pihak Berkuasa Tempatan
- ii) Pegawai Pelancongan / Komunikasi Pejabat Daerah
- iii) Pegawai Agensi Kerajaan Persekutuan Di Peringkat Negeri Selangor
- iv) Pegawai Agensi Swasta Yang Lain

- b) Negeri Selangor kini boleh berbangga dengan produk dan destinasi pelancongannya kerana dengan promosi berterusan yang dilakukan oleh Negeri Selangor melalui agensi pelaksanaannya iaitu Tourism Selangor mula menampakkan hasil apabila produk dan destinasi pelancongan di Negeri Selangor semakin dikenali dan menjadi pilihan percutian oleh para pelancong dalam dan luar negara.

Pada awal kempen ‘Selangor Shines’ dijalankan, terdapat 10 destinasi pelancongan yang terkenal dan sering menjadi tarikan utama pelancong apabila mereka berkunjung ke Negeri Selangor. Sehingga kini jumlah destinasi tersebut semakin bertambah.

Berikut adalah 20 destinasi di Negeri Selangor yang popular dikalangan pelancong dari dalam dan luar negara:

Bil	Destinasi Pelancongan	Daya Tarikan
1.	Sunway Lagoon, Petaling Jaya	<ul style="list-style-type: none"> • Teman Tema Air • ‘One stop centre’ hiburan, membeli-belah, hospital, pendidikan dan lain-lain
2.	Batu Caves, Gombak	<ul style="list-style-type: none"> • Perayaan Thaipusam • Tempat beribadat terbesar bagi masyarakat India

3.	Kelip-Kelip, Kuala Selangor	<ul style="list-style-type: none"> • Menyaksikan keindahan hidupan kerdipan kelip-kelip pada waktu malam
4.	Masjid Sultan Abdul Aziz Shah, Shah Alam	<ul style="list-style-type: none"> • Kecantikan dan keunikan seni bina Islam • Tempat beribadat bagi umat Islam • Merupakan masjid terbesar dan terunggul di Malaysia dan di Asia Tenggara
5.	Sepang Gold Coast, Sepang	<ul style="list-style-type: none"> • Menawarkan pengalaman percutian yang indah dengan tinggal di chalet-chalet di atas air yang menganjur ke Selat Melaka dan binaan chalet yang menyerupai pokok plama (dilihat dari udara) seperti sebuah resort yang terdapat di negara Timur Tengah.
6.	Dong Zen Monastery Temple, Kuala Langat	<ul style="list-style-type: none"> • Tempat beribadat bagi penganut agama Buddha yang setiap tahun menganjurkan pelbagai aktiviti seperti 'Pesta Tanglung' serta mempunyai landskap yang cantik dan bersih
7.	Forest Research Institute of Malaysia (FRIM), Kepong	<ul style="list-style-type: none"> • Tempat beriadah serta menjadi kunjungan bagi penggemar mahupun pengkaji flora dan fauna serta mempunyai hutan hujan yang tertua di Malaysia
8.	Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz, Klang	<ul style="list-style-type: none"> • Sebuah muzium yang serba indah yang memaparkan sejarah yang amat bernilai mengenai kehidupan dan pemerintahan Institusi Diraja Negeri Selangor.
9.	Bukit Melawati, Kuala Selangor	<ul style="list-style-type: none"> • Sebuah kota peninggalan kerajaan Melayu Selangor yang menyimpan pelbagai cerita sejarah, misteri dan juga

		<p>menempatkan makan Diraja Selangor.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Juga merupakan tempat bagi mencerap anak bulan serta Rumah Api yang dibina pada 1907 dan beroperasi hingga kini bagi pengguna Selat Melaka.
10.	Hutan Lipur Kanching, Rawang	<ul style="list-style-type: none"> • Merupakan tempat paling popular bagi aktiviti riadah bersama keluarga sambil mandi manda di air terjun yang airnya sejuk dan menyegarkan.
11.	I-City Shah Alam, Shah Alam	<ul style="list-style-type: none"> • Menyaksikan keindahan pelbagai lampu LED yang berwarna warni serta aktiviti bermain salji di 'snow walk', galeri seni dan permainan taman tema air yang menyeronokkan.
12.	Kidzania, Mutiara Damansara	<ul style="list-style-type: none"> • Taman tema 'indoor' bagi kanak-kanak yang mempunyai pelbagai aktiviti yang mendedahkan mereka kepada kehidupan sebenar apabila mereka dewasa kelak. • Hanya terdapat beberapa buah taman tema seperti ini diseluruh dunia.
13.	Morib Gold Coast, Kuala Langat	<ul style="list-style-type: none"> • Sebuah resort yang mempunyai pelbagai aktiviti riadah bersama keluarga serta sebuah mini taman tema air.
14.	Litar Formula One, Sepang	<ul style="list-style-type: none"> • Litar Formula Satu bagi kejohanan lumba motor dan kereta formula satu peringkat antarabangsa dan antara litar yang terbaik di dunia.
15.	Pusat Membeli Belah GM, Klang	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat membeli belah barangan secara borong yang sangat terkenal.

16.	Genting Strawberry Leisure Farm, Genting Highlands (Dalam sempadan Hulu Selangor)	<ul style="list-style-type: none"> • Kebun tanaman buah strawberi yang sangat terkenal dan turut menyajikan pelbagai makanan diperbuat daripada buah strawberi. • Pengunjung boleh memetik sendiri buah tersebut. • Serta terdapat juga tanaman sayur, ternakanmadu lebah serta kebun cendawan.
17.	Hutan Lipur Sungai Chongkak, Hulu Langat	<ul style="list-style-type: none"> • Sebuah resort yang terletak di dalam hutan semulajadi dan mempunyai chalet untuk disewa. • Boleh menjalankan aktiviti seperti hari keluarga serta program perkhemahan juga kem motivasi. • Mempunyai sungai yang bersih serta sesuai untuk mandi manda dan berkelah bersama keluarga mahupun teman-teman.
18.	Jalan Tengku Kelana, Klang (Little India)	<ul style="list-style-type: none"> • Tempat yang amat popular yang menempatkan pelbagai kedai serta gerai yang menjual pelbagai keperluan bagi masyarakat India. • Amat sibuk menjelang perayaan Deepavali.
19.	Homestay Selangor	<ul style="list-style-type: none"> • Negeri Selangor mempunyai 15 buah homestay yang berlesen yang menawarkan pengalaman suasana kehidupan kampung yang cantik dan bernilai.
20.	Genting Highlands (Dalam sempadan pentadbiran Hulu Selangor)	<ul style="list-style-type: none"> • Sebuah taman tema yang terletak di tanah tinggi yang terkenal diseluruh duina dan menawarkan pelbagai aktiviti permainan serta membeli-belah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 Paya Jaras)**

**TAJUK : KESALAHAN TAKSIRAN CUKAI TANAH KEPADA TETUAN SRI PURI
MANAGEMENT CORPORATION (SPMC)**

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Mengapakah bayaran lebih berjumlah RM148,682.00 bagi tahun 2004 dan 2005 masih belum dibayar balik kepada Seri Puri Management Corporation sehingga hari ini?
 - b) Bilakah pihak kerajaan negeri akan membuat bayaran balik lebih wang tersebut?
 - c) Adakah pihak kerajaan negeri mempunyai kuasa untuk menjalankan audit terhadap akaun pihak JMB dan Persatuan Penduduk yang berdaftar dengan pihak Pesuruhjaya Bangunan (COB)?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, bayaran balik lebih cukai tanah kepada Seri Puri Management Corporation bagi tahun 2004 dan 2005 yang berjumlah RM148,682.00 tidak dilaksanakan kerana ini adalah berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri MMK No. 12/4/2007 pada 31 Januari 2007, yang telah menolak penyelarasan semula cukai tanah tahun 2005 dan tahun-tahun sebelumnya ke atas hak milik bangunan berbilang tingkat.
- b) Pihak Kerajaan Negeri tidak akan membuat bayaran balik lebih wang tersebut.
- c) Kerajaan negeri tidak mempunyai kuasa untuk menjalankan audit ke atas akaun pihak JMB dan Persatuan Penduduk yang berdaftar memandangkan kuasa mengaudit tersebut adalah di bawah Pesuruhjaya Bangunan (COB), selaras dengan Akta 663.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 Meru)**

TAJUK : PENEMPATAN PEKERJA ASING DI DUN MERU

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bolehkah dipastikan setiap kilang menyediakan asrama khas bagi pekerja asing?
- b) Berapakah kilang yang telah mempunyai asrama dan kapasiti penghuni yang tidak bercampur penduduk tempatan?
- c) Adakah disedari kesan masalah sosial kepada masalah tempatan.

JAWAPAN:

- a) Setiap pembangunan kilang boleh dipastikan untuk menyediakan perumahan pekerja kilang. Berdasarkan kepada garis panduan perancangan perumahan pekerja kilang (13/97), terbitan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia. Keperluan penyediaan perumahan pekerja adalah seperti berikut :
 - i. Kawasan industri hendaklah tidak kurang daripada 20ekar bagi membolehkan 10-20% kawasan diperuntukkan bagi pembangunan perumahan pekerja kilang.
 - ii. Lokasi pertapakan perumahan pekerja kilang pula hendaklah ditempatkan di dalam zon pentadbiran kilang dan dekat dengan pusat perkhidmatan sokongan kawasan industri.
 - iii. Jarak dari zon industri hendaklah tidak kurang daripada 500meter (industri berat) dan dipisahkan dengan zon penampan (fizikal hijau).

Merujuk kepada Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor edisi kedua, terbitan Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor. Kemudahan sokongan bagi kawasan perindustrian di antaranya adalah perumahan pekerja dan ia bergantung kepada jenis industri dan tertakluk kepada kelulusan Jabatan Alam Sekitar.

Kilang – kilang yang terdapat di sekitar Jalan Teratai Meru ini dimiliki oleh individu yang berasingan. Luas setiap lot industri di kawasan ini pula berkeluasan 3 ekar. Setiap permohonan pelan – pelan pembangunan kilang dikemukakan oleh pemilik tanah individu tersebut.

- b) Berdasarkan rekod , hanya kilang membuat sarung tangan oleh tetuan Top Glove Sdn Bhd telah mempunyai kelulusan kebenaran merancang untuk membina perumahan pekerja (pelan lulus majlis bil. MPK/KU/34/2013 bertarikh 28/4/2013. Cadangan membina asrama perumahan perumahan pekerja terletak di lot 4956 Jalan Teratai, mukim Kapar Daerah Klang. Tapak cadangan berkeluasan 3 ekar dan komponen pembangunan adalah seperti berikut :-
- i. Blok asrama dan kemudahan 3 tingkat (boleh menempatkan pekerja seramai 750 orang)
 - ii. Kawasan lapang, tempat meletak kenderaan, tempat meletak basikal, MSTP
 - iii. Kemudahan yang disediakan seperti berikut :-
 - Bilik kuarantin, bilik dobi, kedai gunting rambut, ruang solat, dewan makan terbuka & kantin, dewan serba guna/ruang menonton televisyen, mini market dan mesin ATM.
- c) Kewujudan pekerja asing di kawasan ini tidak dinafikan telah memberi kesan kepada masalah sosial tempatan. Di antara masalah sosial yang wujud adalah seperti berikut :-
- i. Pekerja asing berniaga di kawasan perumahan.
 - ii. Penduduk tempatan berasa kurang selamat dengan kewujudan pekerja asing.
 - iii. Privasi penduduk tempatan terganggu dengan kewujudan pekerja asing.
 - iv. Berlaku kejadian jenayah ragut di kawasan ini, mangsa ragut adalah pekerja asing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 Batu Tiga)**

TAJUK : PEMBENTUKAN FATWA SELANGOR

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah proses untuk menentukan sesuatu fatwa oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor?
- b) Adakah semua mereka yang terlibat/didakwa dipanggil untuk menjelaskan kedudukan mereka sebelum sesuatu fatwa itu dibentuk?
- c) Siapakah/agensi manakah yang menguatkuasakan fatwa?

JAWAPAN:

- a) Sebelum sesuatu fatwa dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor, ia perlu melalui beberapa proses seperti berikut:
 - i. Kajian menyeluruh terhadap isu atau sesuatu perkara. Ia melibatkan rujukan kepada nas-nas tertentu serta sumber perundangan Islam yang lain. Selain itu, kajian lapangan juga dilaksanakan dengan menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual, soal selidik serta pengumpulan bahan atau maklumat.
 - ii. Setelah selesai kajian, satu kertas kerja yang lengkap akan di bentang dan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor.
 - iii. Sekiranya sesuatu fatwa itu tidak perlu diwartakan, ia akan dimaklumkan terus secara bertulis kepada pihak yang berkenaan.

Manakala bagi fatwa yang perlu diwartakan, keputusan fatwa tersebut akan dimaklumkan kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) & deraf pewartaan disediakan.
 - iv. Sembah taklimat kepada D.Y.M.M. Sultan Selangor akan disediakan oleh pihak MAIS bagi mendapatkan perkenan Baginda sebelum sesuatu fatwa tersebut diwartakan.

- v. Fatwa yang telah diperkenan oleh D.Y.M.M. Sultan Selangor, akan dibawa kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) sebagai makluman.
 - vi. Proses pewartaan fatwa dilaksanakan oleh MAIS.
 - vii. Fatwa yang telah diwartakan akan dimaklum dan disebarluaskan untuk makluman masyarakat awam melalui pelbagai medium serta media sosial.
- b) Sekiranya sesuatu isu itu melibatkan individu, pertubuhan atau kumpulan tertentu yang pegangan atau aktiviti mereka menimbulkan keraguan atau penyelewengan dari aspek aqidah, syariah atau akhlak, pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) akan memanggil mereka yang berkenaan untuk sesi temu bual dan soal siasat.

Pihak terbabit kemudiannya akan dinasihatkan untuk kembali semula kepada ajaran Islam yang sebenar dan pemantauan akan dilaksanakan dari semasa ke semasa. Jika masih kekal dengan pegangan atau aktiviti tersebut, maka JAIS melalui Bahagian Penyelidikan akan menyediakan kertas kerja yang lengkap untuk dibawa kepada Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor bagi mendapatkan keputusan fatwa.

- c) Bahagian Penguatkuasaan, JAIS mempunyai kuasa bagi menjalankan aktiviti penguatkuasaan terhadap mereka yang melanggar fatwa yang telah diwartakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 Kinrara)**

TAJUK : TANAH PERKUBURAN

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan lokasi disertai keluasan bagi tanah perkuburan Islam dan Bukan Islam yang ada di daerah Petaling.
- b) Nyatakan nama pihak-pihak yang dilantik untuk bertanggungjawab ke atas penyelenggaraan dan pengurusan tanah perkuburan di daerah Petaling.
- c) Sejauh manakah tanah-tanah perkuburan yang sedia ada dapat menampung permintaannya?

JAWAPAN:

Perlu dirujuk kepada Pihak Berkuasa tempatan yang terlibat

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 Sungai Air Tawar)**

TAJUK : AHLI MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah elaun setiap Ahli Majlis Daerah Sabak Bernam?
- b) Adakah Ahli Majlis mempunyai kuasa untuk membatalkan sebarang penggunaan dewan untuk sesebuah program yang telah diluluskan?
- c) Berapa peruntukan yang diberi kepada setiap ahli Majlis untuk membuat sebarang aktiviti?

JAWAPAN:

- a) Elaun Ahli Majlis Daerah adalah Seperti berikut ;
 - i) Elaun Tetap Ahli Majlis RM1,000.00
 - ii) Elaun Kehadiran Mesyuarat RM100.00
 - lii) Elaun Telefon RM100.00
- b) Ahli Majlis tidak mempunyai kuasa untuk membatalkan sebarang penggunaan dewan untuk sesuatu program yang diluluskan . Pembatalan hanya boleh dibuat oleh YDP / SU sahaja
- c) Jumlah peruntukan yang diberi kepada Ahli Majlis untuk mengadakan sebarang aktiviti adalah sebanyak RM5,000.00 setahun mengikut zon yang ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 Hulu Kelang)**

**TAJUK : ELAUN MB, AHLI MMKN SERTA EX-OFFICIO SEBAGAI LEMBAGA
PENGARAH GLC SELANGOR**

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan ahli-ahli di atas yang menjadi ahli lembaga syarikat dan bilangan GLC atau subsidiari di mana mereka mendapat bayaran elaun.
- b) Berapakah jumlah pelbagai elaun yang diperolehi ahli-ahli dalam senarai tersebut dari Jun 2008 hingga Jun 2014?
- c) Berapakah nilai jika diterjemahkan kepada Ringgit segala kemudahan melibatkan pengangkutan dan kediaman?

JAWAPAN:

- a) Senarai ahli-ahli di atas yang menjadi ahli lembaga syarikat dan bilangan GLC atau subsidiari di mana mereka mendapat bayaran elaun adalah seperti di **Lampiran A.**

b) dan c)

Jumlah gaji, elaun dan *share option* (jika ada) yang diterima oleh setiap wakil rakyat tersebut tidak boleh didedahkan kerana menyentuh kerahsiaan individu.

Walau bagaimanapun, Y.B. Ahli Dewan Negeri yang ingin bertanya perlulah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar atau kepada Setiausaha Dewan. Jawapan akan diberikan hanya kepada Y.B. Ahli Dewan Negeri yang bertanya sahaja dan harus diingatkan bahawa Y.B. Ahli Dewan Negeri yang bertanya mestilah bertanggungjawab ke atas maklumat tersebut dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) adalah berkaitan.

LAMPIRAN A**MB, AHLI MMKN SERTA EX-OFFICIO SEBAGAI LEMBAGA PENGARAH GLC SELANGOR**

BIL	GLC SELANGOR	AHLI LEMBAGA PENGARAH
1	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)(MBI)	Y.A.B Tuan Mohamed Azmin Bin Ali Y.B Dato' Haji Mohamed Khusrin bin Haji Munawi Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman
2	Yayasan Selangor	Y.A.B Tuan Mohamed Azmin Bin Ali Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad
3	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	Y.A.B Tuan Mohamed Azmin Bin Ali Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman
4	Bukit Beruntung Golf & Country Resort (BBGC)	Y.B. Dato' Nordin bin Sulaiman
5	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd (PIYS)	Y.A.B Tuan Mohamed Azmin Bin Ali Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi bin Nik Sulaiman
6	Tourism Selangor Sdn Bhd (TSSB)	Y.A.B Tuan Mohamed Azmin Bin Ali Y.B Dato' Haji Mohamed Khusrin bin Haji Munawi Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman Y.B. Puan Elizabeth Wong

BIL	GLC SELANGOR	AHLI LEMBAGA PENGARAH
7	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)	Y.A.B Tuan Mohamed Azmin Bin Ali Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi bin Nik Sulaiman
8	MSNS Holdings Sdn Bhd	Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman Y.Bhg. Dato' Tarmedi Bin Haji Omar Y.Bhg En. Azal bin Adzhar
9	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)	Y.A.B Tuan Mohamed Azmin Bin Ali Y.B Dato' Haji Mohamed Khusrin bin Haji Munawi Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman
10	Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)	Y.A.B Tuan Mohamed Azmin Bin Ali Y.B Dato' Haji Mohamed Khusrin bin Haji Munawi Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman
11	Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB)	Y.A.B Tuan Mohamed Azmin Bin Ali Y.B Dato' Haji Mohamed Khusrin bin Haji Munawi Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 Rawang)**

TAJUK : RIZAB HUTAN SELANGOR

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan lokasi, jumlah keluasan dan nombor warta hutan simpanan yang terdapat di Selangor.
- b) Senaraikan rizab hutan dan hutan simpanan di Selangor yang telah dibatalkan wartanya dan tujuan pembatalan tersebut mengikut pecahan daerah bagi tahun 2007-2014.
- c) Senaraikan lokasi, keluasan rizab hutan dan hutan simpanan yang telah dibatalkan warta dan tujuan pembatalan tersebut bagi DUN Rawang untuk tahun 2004-2013.

JAWAPAN:

2009	Kumpulan: (RM7,479,000)	Kumpulan: (RM737,000)	<ul style="list-style-type: none"> - Penurunan kerugian sebanyak RM121.7 juta berbanding tahun 2009 adalah disebabkan oleh lain-lain pendapatan seperti berikut:- <ul style="list-style-type: none"> (i) RM115 juta merupakan penerimaan geran daripada MBI oleh KHSB; (ii) pampasan yang diterima daripada Lembaga Lebuhraya Malaysia bagi pengambilalihan tanah di Pulau Indah pembinaan lebuhraya <i>South Klang Valley Expressway</i> sebanyak RM39 juta; (iii) pendapatan daripada usaha sama sebanyak RM17.5 juta. - Walaubagaimanapun, sebanyak RM131 juta telah direkodkan sebagai perbelanjaan untuk Skim Air Percuma berbanding tahun 2008 sebanyak RM69 juta.
	Syarikat: (RM121,802,000)	Syarikat: (RM127,782,000)	<ul style="list-style-type: none"> - Syarikat mencatatkan kerugian bersih berbanding keuntungan pada tahun 2008 disebabkan oleh pembayaran Skim Air Percuma sebanyak RM131 juta dalam tahun 2009 yang meningkat sebanyak RM62 juta berbanding tahun 2008. - Di samping itu, Syarikat juga menanggung kos kewangan sebanyak RM4 juta bagi pinjaman sebanyak RM200 juta yang diperolehi daripada Kerajaan Negeri Selangor bagi membiayai pembayaran Skim Air Percuma.
2010	Kumpulan: RM66,329,000	Kumpulan: RM42,653,000	<ul style="list-style-type: none"> - Kumpulan mencatatkan keuntungan bersih berbanding kerugian pada tahun 2009 disebabkan penurunan pembayaran untuk Skim Air Percuma, di mana sebanyak RM23 juta dibelanjakan bagi dua bulan bagi tahun semasa (Januari dan

			<p>Februari 2010) berbanding RM131 juta bagi tahun 2009. Bermula Mac 2010, kos pembayaran Skim Air Percuma telah diambilalih oleh MBI.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Walaubagaimanapun, kos kewangan meningkat sebanyak RM22 juta disebabkan oleh Kumpulan telah mengambilkira penamatan diskaun ke atas aset tidak ketara dan peruntukan untuk tanggungan konsesi ("<i>unwinding of discount on intangible assets and provision for concession liability</i>") sebanyak RM19 juta sejajar dengan standad perakaunan kewangan IC12.
	Syarikat: RM7,848,000	Syarikat: RM6,174,000	<ul style="list-style-type: none"> - Syarikat mencatatkan peningkatan keuntungan bagi tahun 2010 berbanding kerugian bagi tahun 2009 disebabkan oleh penurunan pembayaran untuk Skim Air Percuma sebanyak RM23 juta bagi dua bulan tahun 2010 berbanding RM131 juta bagi tahun 2009. Syarikat juga mencatatkan keuntungan dari jualan tanah di Lot PT 28259, HS(D) 25027 dan Lot PT 1136, HS(D) 25014, Mukim Tanjong Duabelas sebanyak RM55 juta kepada First Allied Holdings Berhad.
2011	Kumpulan: RM15,445,000	Kumpulan: (RM4,497,000)	<ul style="list-style-type: none"> - Penurunan keuntungan dicatatkan bagi tahun semasa adalah disebabkan penurunan perkongsian keuntungan syarikat bersekutu iaitu SPLASH sebanyak RM35 juta berikutan peruntukkan bagi penghutang peniagaan iaitu SYABAS. - Di samping itu, lain-lain perbelanjaan meningkat sebanyak RM16 juta disebabkan peruntukan ke atas hutangragu Syabas sebanyak RM23.4 juta yang

			direkodkan oleh Konsortium Abass Sdn Bhd.
	Syarikat: (RM16,713,000)	Syarikat: (RM17,825,000)	<ul style="list-style-type: none"> - Kerugian disebabkan oleh faktor-faktor berikut:- <ul style="list-style-type: none"> (i) Penurunan dalam lain-lain pendapatan sebanyak RM55 juta. (2010: Keuntungan dicatatkan bagi penjualan tanah sebanyak RM55 juta) (ii) peningkatan dalam perbelanjaan kewangan sebanyak RM8 juta bagi pinjaman RM200 juta daripada Kerajaan Negeri.
2012	Kumpulan: RM36,005,000	Kumpulan: RM22,896,000	<ul style="list-style-type: none"> - Keuntungan bagi tahun semasa berbanding kerugian pada tahun 2011 disebabkan oleh peningkatan perkongsian keuntungan syarikat bersekutu terutamanya sumbangan daripada SPLASH meningkat sebanyak RM67 juta disebabkan pengurangan peruntukan hutang ragu ke atas hutang daripada SYABAS. - Walaubagaimanapun, lain-lain pendapatan menurun sebanyak RM22 juta manakala lain-lain perbelanjaan meningkat sebanyak RM36 juta.
	Syarikat: (RM16,708,000)	Syarikat: (RM18,173,000)	<ul style="list-style-type: none"> - Tiada perubahan ketara dibandingkan dengan tahun 2011 kecuali peningkatan dividen diterima sebanyak RM16 juta daripada anak-anak syarikat dan peningkatan lain-lain perbelanjaan sebanyak RM14 juta.
2013	Kumpulan: RM7,847,000	Kumpulan: (RM7,083,000)	<ul style="list-style-type: none"> - Penurunan keuntungan bersih bagi tahun 2013 berbanding tahun 2012 sebanyak RM29.98 juta adalah disebabkan perkara-perkara berikut:-

			<p>(i) penurunan daripada perkongsian keuntungan syarikat bersekutu sebanyak RM59.643 juta iaitu daripada Syarikat Pengeluar Air Selangor Holdings Berhad ("SPLASH") sebanyak RM58.378 juta disebabkan peruntukan kerugian bagi penghutang pemiagaan; dan</p> <p>(ii) peningkatan kos kewangan sebanyak RM18.782 juta di sebabkan tambahan kos kewangan sebanyak RM5.76 juta bagi pinjaman sebanyak RM413.20 juta dari Kerajaan Negeri dan peningkatan ke atas penamatan diskaun ke atas aset tidak ketara ("<i>unwinding of discount on intangible assets</i>") sebanyak RM10.78 juta.</p> <p>- Walaubagaimanapun, Kumpulan mencatatkan kenaikan dalam lain-lain pendapatan sebanyak RM47.24 juta daripada penerimaan pampasan bagi tanah Lingkaran Jalan Pulau Indah ("Pulau Indah Ring Road") sebanyak RM11.3 juta dan kerugian terkumpul diambil kira semula ("<i>writeback of accumulated losses</i>") sebanyak RM31.3 juta berikutan pembubaran anak syarikat KDEB iaitu Darul Ehsan Multimedia Sdn Bhd dan KDEB Anzagain Sdn Bhd.</p>
	Syarikat: RM48,119,000	Syarikat: RM34,443,000	<p>- Peningkatan keuntungan bersih sebanyak RM53.32 juta berbanding tahun 2012 adalah disebabkan penerimaan dividen khas daripada syarikat subsidiari, Kumpulan Perangsang Selangor Berhad ("Perangsang Selangor") sebanyak RM57.76 juta berikutan daripada hasil penjualan anak syarikat iaitu Kumpulan Hartanah Selangor Berhad oleh Perangsang</p>

			<p>Selangor kepada KDEB.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, kos kewangan meningkat sebanyak RM5.765 juta disebabkan tambahan pinjaman sebanyak RM413.20 juta dari Kerajaan Negeri.</p>
2014 (sehingga 30 September 2014)	Kumpulan: RM107,095,000	Kumpulan: RM87,842,000	<ul style="list-style-type: none"> - Peningkatan daripada perkongsian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu sebanyak RM34 juta dan pengurangan lain-lain perbelanjaan sebanyak RM62 juta.
	Syarikat: RM39,245,000	Syarikat: RM39,231,000	<ul style="list-style-type: none"> - Tiada perubahan ketara berbanding tahun 2013 kecuali peningkatan dalam lain-lain pendapatan seperti keuntungan daripada penjualan saham syarikat bersekutu iaitu Konsortium Jaringan Selangor Sdn Bhd sebanyak RM22 juta, pampasan diterima daripada pengambilalihan tanah oleh Kerajaan Persekutuan di Dengkil sebanyak RM37 juta dan pengurangan dividen diterima daripada anak syarikat, Perangsang Selangor sebanyak RM75 juta berbanding tahun 2013.

LAMPIRAN C

1) MSNS HOLDINGS SDN BHD

Bil	Butiran kes	Tahun permohonan	Keputusan akhir mahkamah/ status terkini sekiranya belum selesai
1.	<p>Dalam Mahkamah Sesyen di Shah Alam Saman No. :52-3502-12/2012</p> <p>Indah Water Konsortium ...Plaintiff</p> <p>MSNS Holdings Sdn Bhd ...Defendan</p> <p>Harta Edisi Sdn Bhd ...Pihak Ketiga</p>	2013	<p>Pihak Plaintiff telah mengarahkan Defendan untuk membayar RM158,784.00. Puan Hakim Mahkamah Sesyen telah membenarkan Defendan memasukkan Penghakiman Terus terhadap Pihak Ketiga dengan kos sebanyak RM7,000.00, di mana Pihak Ketiga diperintahkan untuk menyumbang 100% terhadap jumlah Penghakiman Terus kepada Plaintiff.</p>

2) TOURISM SELANGOR SDN BHD

Bil	Butiran kes	Tahun permohonan	Keputusan akhir mahkamah/ status terkini sekiranya belum selesai
1.	<p>Ampang Look Out Point (ALOP) Guaman NO.21-555-2010 Plaintiff: Pinang Harmoni Sdn Bhd Defendan: Kerajaan Negeri Selangor dan Tourism Selangor Isu penutupan ALOP yang diarahkan Kerajaan Negeri yang didakwa pihak Pinang Harmoni adalah tidak berasas.</p>	2010	TSSB telah menang kes 1 dan mahkamah telah mengarahkan pihak plaintif untuk membayar RM 1,000.00 kepada TSSB pada 2013
2	<p>Ampang Look Out Point (ALOP) Guaman NO. 21NCVC-130-11/2011 Plaintiff: Pinang Harmoni Sdn Bhd Defendan: Kerajaan Negeri Selangor, Majlis Perbandaran Kajang dan Tourism selangor Isu penutupan ALOP yang diarahkan Kerajaan Negeri dan perobohan oleh MPKj yang didakwa pihak Pinang Harmoni adalah tidak berasas.</p>	2012	TSSB telah menang kes 2 dan mahkamah telah mengarahkan pihak plaintif untuk membayar RM 5,000.00 kepada TSSB pada 2013.
3.	<p>Anglers Resort No Kes 72-11-2010 Plaintif: Tourism Selangor Defendan: Alaf Progresif Sdn Bhd.</p>	2010	TSSB telah menang kes dan Alaf Progresif telah bersetuju membayar tunggakan tersebut secara ansuran mulai bulan September 2010.

Bil	Butiran kes	Tahun permohonan	Keputusan akhir mahkamah/ status terkini sekiranya belum selesai
	Tuntutan tunggakan bayaran sewa bulanan bermula Februari hingga April 2009 berjumlah RM 11,003.16.		

3) PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR

Bil	Butiran kes	Tahun permohonan	Keputusan akhir mahkamah/ status terkini sekiranya belum selesai
1	Upright Dignity Sdn Bhd V PKPS & SAP Holdings Berhad & Desa Hilir Sdn Bhd. (Perjanjian jualbeli tanah di Air Hitam, Selangor & tuntutan gantirugi RM300 juta oleh Upright Dignity Sdn Bhd)	2008	PKPS, SAP Holdings SB dan Desa Hilir SB telah menang kes pada tahun 2012 di Mahkamah Tinggi Shah Alam dan Mahkamah Rayuan Putrajaya. Kes selesai.
2	Mukhthar Bin Nur V PKPS (tuntutan gaji dan bonus)	2008	PKPS telah menang kes di Mahkamah Industri Kuala Lumpur. Kes selesai.
3	Rubberised Products Industries Sdn Bhd V PKPS & Selangor Oil Palm Industries Corporation (anak syarikat PKPS) (Penjualan saham milik RPISB dalam SOPIC)	2008	PKPS telah menang kes di Mahkamah Tinggi Shah Alam. Kes selesai.

Bil	Butiran kes	Tahun permohonan	Keputusan akhir mahkamah/ status terkini sekiranya belum selesai
4	Blossom Horizon Sdn Bhd V PKPS (Pembatalan pendaftaran kaveat persendirian tanah PKPS di Sepang, Selangor & pengambilbalik milikan kosong tanah PKPS)	2008	PKPS telah menang kes di Mahkamah Tinggi Shah Alam. Kes selesai.
5	PKPS V Kooi Lim Ostrich Sdn Bhd (Penamatan Perjanjian Usaha Sama & Tuntutan gantirugi oleh KLOSB-RM1.5 juta)	2009	Kes diselesaikan di luar Mahkamah Tinggi Shah Alam.
6	Hayati Md Yatim V PKPS (Penamatan perkhidmatan kakitangan PKPS)	2009	PKPS telah menang kes di Mahkamah Tinggi Shah Alam. Kes selesai.
7	Megafores Nursery Sdn Bhd V PKPS (Tuntutan pampasan – RM 600,000.00 oleh Megafores Nursery Sdn Bhd untuk pengambilan tanah oleh Kerajaan Negeri Selangor di Hutan Simpan Rantau Panjang, Selangor)	2009	Kes telah dibatalkan oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam. Kes selesai.
8	PKPS V Rumpun Berkat Sdn Bhd (Pembatalan Perjanjian Pajakan, pembatalan pendaftaran pajakan tanah & pengambilanbalik milikan kosong tanah PKPS di Ulu Tinggi, Kuala Selangor, Selangor)	2010	PKPS menang kes di Mahkamah Tinggi Shah Alam. Kes selesai.

Bil	Butiran kes	Tahun permohonan	Keputusan akhir mahkamah/ status terkini sekiranya belum selesai
9	<p>Peninsular Forest Management Sdn Bhd v PKPS & Menteri Besar Selangor & Jabatan Perhutanan Negeri Selangor</p> <p>(Permit pengeluaran balak untuk projek penghutan semula di Hutan Simpan Bukit Tarek Rantau Panjang, Selangor tuntutan gantirugi RM250 juta oleh Peninsular Forest Management SB)</p>	2010	Kes masih dalam proses prosiding bicara timbangtara di Pusat Timbangtara Kuala Lumpur
10	<p>PKPS v Basco Sdn Bhd</p> <p>(Pembatalan Perjanjian Usaha Sama, pendaftaran kaveat persendirian tanah & pengambilan balik milikan kosong tanah PKPS di Air Terentang, Sepang, Selangor)</p>	2010	PKPS menang kes di Mahkamah Tinggi Shah Alam & Mahkamah Rayuan Putrajaya. Kes selesai.
11	<p>PKPS v Sheba Resources Sdn Bhd</p> <p>(Perjanjian Jual Beli Tanah di Miri Sarawak)</p>	2010	PKPS kalah kes di Mahkamah Tinggi Miri, Sarawak. Tanah telah dipindahmilik kepada Sheba Resources Sdn Bhd. Kes selesai.
12	<p>PKPS v Megafores Nursery Sdn Bhd (syarikat usaha sama PKPS)</p> <p>(Pembatalan Perjanjian Usaha Sama) (Projek Penghutan semula di Hutan Simpan Rantau Panjang)</p>	2010	PKPS telah menang kes di Mahkamah Tinggi Shah Alam & Mahkamah Rayuan Putrajaya. Syarikat Megafores Nursery Sdn Bhd telah digulung. Kes selesai.

Bil	Butiran kes	Tahun permohonan	Keputusan akhir mahkamah/ status terkini sekiranya belum selesai
	(Penggulungan syarikat Megafores Nursery Sdn Bhd)		
13	PKPS V Baymatik Maju Sdn Bhd (Pembatalan pendaftaran kaveat persendirian tanah) Jual beli tanah PKPS di Sepang, Selangor)	2010	PKPS telah menang kes di Mahkamah Tinggi Shah Alam. Kes selesai.
14	Mega Forest Plantation Management Sdn Bhd V PKPS (Tuntutan gantirugi, MFPM RM59juta / PKPS RM95juta (Tuntutan balas) (Projek penghutan semula di tanah Hutan Simpan Rantau Panjang, Selangor)	2011	Kes masih dalam proses bicara rayuan oleh Mega Forest Plantation Management Sdn Bhd & PKPS di Mahkamah Rayuan Putrajaya.
15	Mega Forest Plantation Sdn Bhd V PKPS & Kerajaan Negeri Selangor & Megafores Nursery Sdn Bhd (semakan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor tahun 2010 & tuntutan gantirugi RM2juta oleh Mega Forest Plantation Sdn Bhd) (Projek penghutan semula di tanah Hutan Simpan Rantau Panjang, Selangor)	2011	PKPS & 2 Defendan PKPS telah menang kes di Mahkamah Tinggi Shah Alam dan Mahkamah Rayuan Putrajaya. Kes masih dalam proses prosiding bicara di Mahkamah Tinggi Shah Alam untuk taksiran gantirugi RM2 juta.

Bil	Butiran kes	Tahun permohonan	Keputusan akhir mahkamah/ status terkini sekiranya belum selesai
16	<p>PKPS V WDS Management Consultancy Services Sdn Bhd</p> <p>(tuntutan tunggakan sewaan RM700,000 & penggulungan syarikat WDS Management Consultancy Services Sdn Bhd) (Tanah & Bangunan Bazaar Rakyat PKPS di Seri Kembangan, Selangor)</p>	2011	PKPS telah menang kes di Mahkamah Tinggi Shah Alam. Syarikat WDS Management Consultancy Services Sdn Bhd telah digulung. Kes selesai.
17	<p>PKPS V Perusahaan Sepang Maju Sdn Bhd</p> <p>(notis tuntutan oleh PKPS untuk tunggakan belian ubi kayu RM70,000)</p>	2012	Kes diselesaikan di luar Mahkamah Majistret Shah Alam
18	<p>PKPS V PKPS Bukit Tinggi Fish Farm Sdn Bhd (anak syarikat PKPS)</p> <p>(tuntutan tunggakan bayaran pinjaman kewangan-RM1.5juta dan penggulungan syarikat PBTFSSB)</p>	2012	PKPS menang kes di Mahkamah Tinggi Shah Alam. Syarikat PKPS Bukit Tinggi Fish Farm Sdn Bhd telah digulung. Kes selesai.
19	<p>PKPS V Wan Muhammad Hamdzan Bin Aziz</p> <p>(Notis tuntutan tunggakan sewa dan utiliti-RM25,000 dan pengambilan balik milikan kosong bangunan di Meru, Klang, Selangor)</p>	2012	PKPS menang kes di Mahkamah Sesyen Shah Alam. Wan Muhammad Hamdzan Bin Aziz diisytiharkan muflis.
20	<p>PKPS V Pejabat Tanah Daerah Gombak & Pejabat Tanah Galian Negeri</p>	2012	Kes diselesaikan di luar Mahkamah Tinggi Shah Alam. Kerajaan Negeri Selangor telah

Bil	Butiran kes	Tahun permohonan	Keputusan akhir mahkamah/ status terkini sekiranya belum selesai
	<p>Selangor & Kerajaan Negeri Selangor</p> <p>(tuntutan award pampasan RM14juta untuk pengambilan balik tanah PKPS oleh Kerajaan Negeri Selangor di Gombak, Selangor)</p>		<p>bayar RM14 juta kepada PKPS. Kes selesai.</p>
21	<p>Serimba Agro Resources Sdn Bhd v PKPS & Pegawai Daerah Tanah Hulu Langat & Penolong Pegawai Daerah Tanah Hulu Langat & Pejabat Daerah Tanah Hulu Langat & Pengarah Tanah Galian Negeri Selangor & Kerajaan Negeri Selangor</p> <p>(tuntutan gantirugi oleh Serimba Agro Resources Sdn Bhd -RM2.7 juta dan RM181 juta) (Pengambilan balik tanah PKPS oleh Kerajaan Negeri Selangor di Hulu Langat Selangor)</p>	2012	<p>(a) Mahkamah Persekutuan Putrajaya tidak membenarkan permohonan rayuan Serimba Agro Resources Sdn Bhd. PKPS & 5 Defendan telah menang kes. Kes selesai.</p> <p>(b) Taksiran gantirugi RM2.7 juta dalam proses bicara di Mahkamah Tinggi Shah Alam</p>
22	<p>PKPS v Pentadbir Tanah Daerah Kuala Selangor & JW Properties Sdn Bhd</p> <p>(Pengambilan balik tanah PKPS oleh Kerajaan Negeri Selangor di Mukim Api-api, Kuala Selangor, Selangor)</p> <p>(tuntutan award pampasan-RM3juta)</p>	2012	<p>PKPS menang kes di Mahkamah Tinggi Shah Alam. Kes masih dalam proses rayuan oleh JW Properties Sdn Bhd di Mahkamah Rayuan</p>

Bil	Butiran kes	Tahun permohonan	Keputusan akhir mahkamah/ status terkini sekiranya belum selesai
23	PKPS V Misuan Bin Jais & Mustaffa Bin Mat Noor (Pencerobohan tanah PKPS di Hulu Langat, Selangor)	2012	PKPS menang kes di Mahkamah Tinggi Shah Alam. Kes selesai.
24	PKPS V Al-Muqarram Holdings SB (tuntutan tunggakan sewaan-RM16,000)(Bangunan dan tanah PKPS di Mukim Api-api, Kuala Selangor, Selangor)	2012	Kes diselesaikan di luar Mahkamah Majistret Shah Alam.
25	PKPS V Rekah Development Sdn Bhd (Penamatan Perjanjian Pajakan & Pembatalan Pendaftaran kaveat persendirian tanah & pengambilan balik milikan kosong tanah PKPS di Kuala Langat, Selangor & tuntutan gantirugi RM2.7 juta oleh Rekah Development Sdn Bhd)	2012	PKPS menang kes di Mahkamah Tinggi Shah Alam. Kes selesai.
26	PKPS V United Falcon Sdn Bhd (syarikat usaha sama PKPS) (Penggulungan syarikat United Falcon Sdn Bhd dan tuntutan tunggakan pinjaman kewangan (RM5 juta)	2012	PKPS telah menang kes di Mahkamah Tinggi Shah Alam. Syarikat United Falcon Sdn Bhd telah digulung. Kes selesai.
27	PKPS V Juta Seri Sdn Bhd (Penamatan Perjanjian	2013	Kes telah dibatalkan oleh Mahkamah Majistret Shah Alam pada bulan Oktober

Bil	Butiran kes	Tahun permohonan	Keputusan akhir mahkamah/ status terkini sekiranya belum selesai
	Pajakan & Pembatalan Pendaftaran Pajak tanah & Pengambilan balik milikan kosong tanah PKPS di Ulu Tinggi, Kuala Selangor, Selangor)		2014. PKPS sedang dalam proses pengambilan balik milikan kosong tanah.

4) KUMPULAN SEMESTA SDN BHD (KSSB)

Bil	Butiran kes	Tahun permohonan	Keputusan akhir mahkamah/ status terkini sekiranya belum selesai
1.	<p>Lembah Jejak Sdn Bhd lawan KSSB</p> <p>No.kes: Saman Pemula AT2-24-2990-2009 Mahkamah Tinggi Shah Alam</p> <p>Kes berkenaan pemindahan bahan bantuan pasir di kawasan Olak Lempit, Kuala Langat di mana Lembah Jejak mewakili kaum orang asli membuat tuntutan bahawa tanah di kawasan tersebut milik mereka. Tanah tersebut adalah milik PKPS</p>	2009	<p>Kes telah selesai dibicarakan pada 30/11/2010</p> <p>KSSB telah memenangi kes dan Lembah Jejak dikehendaki untuk membayar kos kepada KSSB</p>
2.	<p>Resvil Holdings Sdn. Bhd. Lawan KSSB.</p> <p>No. Kes : Saman 22-1077-</p>	2010	Plaintif telah menarik balik kes pada 10/03/2011.

Bil	Butiran kes	Tahun permohonan	Keputusan akhir mahkamah/ status terkini sekiranya belum selesai
	<p>2010</p> <p>Mahkamah Tinggi Shah Alam</p> <p>Plaintif telah memfailkan saman dengan tuntutan berikutan kontrak melombong pasir di Bestari Jaya telah dibatalkan kerana melanggar syarat.</p>		
3.	<p>Naga Timur Sdn. Bhd. lawan Elegant Biz Sdn. Bhd., Helmy Bin Shamsuddin (Nur Delima Enterprise) dan KSSB</p> <p>No. Kes : 22NCVC-53-2011</p> <p>Mahkamah Tinggi Shah Alam</p> <p>Kes adalah berkenaan kontraktor KSSB telah mencero boh tanah plaintif semasa menjalankan kerja-kerja cucigali di Sungai Liam, Hulu Selangor.</p>	2011	<p>Mahkamah telah memutuskan defendan perlu membayar kos kepada plaintif.</p> <p>Plaintif telah membuat rayuan dan Mahkamah Rayuan memutuskan untuk membenarkan tuntutan plaintif dan gantirugi akan ditentukan.</p>
4.	<p>Batin Malam anak Gerchang, Dewi Bin Malam, Jafrin Bin Malam lawan Kerajaan Negeri, Pentadbir Tanah Kuala Langat, KSSB, Pengarah Tanah dan Galian Selangor dan Pihak Berkuasa Negeri</p>	2011	<p>Dalam peringkat pengurusan kes.</p>

Bil	Butiran kes	Tahun permohonan	Keputusan akhir mahkamah/ status terkini sekiranya belum selesai
	<p>No. Kes : 21NCVC-96-2011</p> <p>Mahkamah Tinggi Shah Alam</p> <p>Plaintif mewakili orang asli Mukim Tanjung Duabelas, Kuala Langat menuntut kawasan Olak Lempit seluas lebih-kurang 17,900 ekar adalah rizab orang asli meskipun tanah-tanah tersebut mempunyai pemilik berdaftar termasuk GLC.</p> <p>Mereka merujuk kepada Warta Kerajaan FMS bertarikh 13/5/1927 berkenaan kawasan rayauan orang asli yang diwarisi turun-temurun.</p> <p>Kes ini lebih-kurang sama dengan kes yang dibawa oleh Lembah Jejak.</p>		
5.	<p>KL Larut Sdn. Bhd. Lawan Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pentadbir Tanah Daerah Kuala Selangor dan KSSB</p> <p>No. Kes : Semakan Kehakiman 25-62-2011</p> <p>Mahkamah Tinggi Shah Alam</p> <p>Plaintif menuntut semakan</p>	2011	<p>Mahkamah telah membenarkan permohonan KSSB untuk dikeluarkan dari saman tersebut.</p> <p>KSSB tidak lagi menjadi defendan dalam kes tersebut.</p>

Bil	Butiran kes	Tahun permohonan	Keputusan akhir mahkamah/ status terkini sekiranya belum selesai
	<p>kehakiman berkenaan keputusan kerajaan negeri untuk tidak memperbaharui pajakan melombong di atas 2 bidang tanah di Daerah Kuala Selangor.</p> <p>Tuntutan ke atas KSSB adalah untuk menahan KSSB dari memasuki dan memindahkan bahan batuan pasir dari tanah-tanah tersebut.</p>		
6.	<p>Thiagarajan a/l Pavadai lawan KSSB, Azmi Mat Isa dan Kamarul Baharin Zubir.</p> <p>No. Kes : 22NCVC-256-03/2013</p> <p>Mahkamah Tinggi Shah Alam</p> <p>Plaintif, seorang pengarah KL-Larut Sdn. Bhd., menuntut saman malu RM200 juta berikutan kejadian kumpulan plaintif menghalang defendan dan penjawat awam memasuki tanah bekas Pajakan Melombong KL-Larut Sdn. Bhd. di Bestari Jaya, Kuala Selangor.</p> <p>Defenden kedua dan ketiga adalah kakitangan KSSB semasa kes berlaku.</p>	2013	<p>Mahkamah Tinggi Shah Alam telah memutuskan kes dibatalkan dan plaintif mempunyai tempoh sebulan dari 28/10/2014 untuk memfailkan rayuan.</p> <p>Plaintif telah memaklumkan bahawa mereka berhasrat untuk memfailkan rayuan.</p>

Bil	Butiran kes	Tahun permohonan	Keputusan akhir mahkamah/ status terkini sekiranya belum selesai
	Laporan polis oleh defendan dan penjawat awam telah menyebabkan plaintif ditahan oleh polis.		

5) PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD

Bil	Butiran kes	Tahun permohonan	Keputusan akhir mahkamah/ status terkini sekiranya belum selesai
1.	Ikram Anggun Sdn Bhd v PNSB Mahkamah Rayuan, Rayuan Sivul No: B-02-1163-07/2013 (Mahkamah Tinggi Shah Alam No: 22-1789-2009) -Deklarasi bahawa PNSB telah secara salah menamatkan perjanjian usahasama.	2009	Mahkamah Persekutuan masih belum menetapkan tarikh pendengaran kes untuk permohonan notis usul.
2.	Litazu & 2 ors v PNSB Mahkamah Tinggi Shah Alam Sivul No. S4-22-905-2008 -Deklarasi bahawa jaminan Pengarah plaintif adalah batal dan tidak sah & sejumlah ganti rugi	2008	Mahkamah menolak permohonan Plaintiff pada 7.4.2014 dan membenarkan tuntutan PNSB melalui kes No. MT2-22-481-2008 dan Mahkamah juga mengarahkan bayaran pulangan PNSB dinilai atau ditaksir oleh Pendaftar Mahkamah

Bil	Butiran kes	Tahun permohonan	Keputusan akhir mahkamah/ status terkini sekiranya belum selesai
	<p>PNSB v Litazu & 2 Ors</p> <p>Mahkamah Tinggi Shah Alam Writ Saman No. 22-418-2008</p> <p>-Tuntutan Bayaran Pulangan</p>		
3.	<p>PNSB v Feller Resources sdn Bhd</p> <p>Mahkamah Tinggi Shah Alam Saman No. MT1-22-960-2008</p> <p>-Tuntutan bayaran "consideration"</p>	2008	Defendan telah digulung pada 25.5.2012.
4.	<p>PNSB v LBS Bina Group Bhd</p> <p>Mahkamah Tinggi Shah Alam Saman Pemula No. 24-394-03/2013</p> <p>-Perintah/deklarasi antaranya satu deklarasi bahawa Defendan tidak berhak ke atas sejumlah pampasan.</p>	2013	Mahkamah telah menolak permohonan Aturan 18 oleh Defendan pada 30.10.2014. Mahkamah masih belum menetapkan tarikh perbicaraan seterusnya
5.	<p>PNSB v Yayasan Sekebung Bunga & 2 Ors</p> <p>Mahkamah Sesyen Shah Alam Guaman No. B52-157-07/2013</p> <p>-Tunggakan sewaan</p>	2013	Perbicaraan kes masih dijalankan di Mahkamah.

Bil	Butiran kes	Tahun permohonan	Keputusan akhir mahkamah/ status terkini sekiranya belum selesai
6.	<p>PNSB v Nor Azmi Samikon & Rakiah Binti Abd Aziz (Haaq Enterprise)</p> <p>Mahkamah Sesyen Shah Alam Saman Pemula No. B54-22-12/2013</p> <p>-Deklarasi untuk penamatan perjanjian penyewaan.</p>	2013	Pengurusan kes akan dtetapkan oleh Mahkamah.
7.	<p>PNSB v Sameru Chemicals</p> <p>Mahkamah Majistret Shah Alam Saman No: A72NCC122-06/2014</p> <p>-Tunggakan sewa</p>	2014	Penghakiman telah direkodkan pada 21.8.2014.
8.	<p>PNSB v Hadramawt (M) Sdn Bhd</p> <p>Mahkamah Majistret Shah Alam No: A72NCVC-1095-06/2014</p> <p>-Tunggakan sewa</p>	2014	Penghakiman telah direkodkan pada 19.8.2014.

6) KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD

Bil	Butiran kes	Tahun permohonan	Keputusan akhir mahkamah/ status terkini sekiranya belum selesai
1.	<p>Kumpulan Darul Ehsan Berhad -vs- Khairuzzaman Subohi (Mahkamah Tinggi Shah Alam Rayuan Sivil No. 12B-182-05/2014) (Mahkamah Sesyen Shah Alam Saman No. 52-1437-06/2012 diantara Khairuzzaman Hj Subohi -vs- KDEB Anzagain Sdn Bhd, DEMC Sdn Bhd & KDEB)</p> <p>Plaintif adalah bekas kakitangan KDEB Anzagain Sdn Bhd, sebuah syarikat usahasama di antara DEMC dan Anzagain Sdn Bhd. Plaintif menuntut gaji tertunggak, tunggakan caruman KWSP dan lain-lain wang pendahuluan.</p>	2011	Kes diperingkat rayuan ke Mahkamah Tinggi dan masih belum selesai dibicarakan .
2.	<p>Kes Mahkamah Perusahaan No. 26/4 -668/13, Mazyah Mohd Zain -vs- KDEB</p> <p>Representasi Pemulihan Kerja di bawah Seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967</p> <p>Pihak menuntut adalah bekas kakitangan KDEB yang telah diberhentikan kerja oleh Syarikat pada 16 Februari 2012.</p>	2013	Perbicaraan kes telah ditetapkan pada 18 & 19 Mac 2015.

Bil	Butiran kes	Tahun permohonan	Keputusan akhir mahkamah/ status terkini sekiranya belum selesai
3.	<p>Kes Mahkamah Perusahaan No. 26/4 -821/13, Necia Abdullah -vs- KDEB</p> <p>Representasi Pemulihan Kerja di bawah Seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967.</p> <p>Pihak menuntut adalah bekas kakitangan KDEB yang telah diberhentikan kerja oleh Syarikat pada 4 Mei 2012.</p>	2013	Perbicaraan kes telah ditetapkan pada 25 & 26 Februari 2015.
4.	<p>Mahkamah Rayuan Malaysia Rayuan Civil No B. 02 (NCVC)-2185-10/2013 Mastika Lagenda Sdn. Bhd. v. KDEB (Mahkamah Tinggi Shah Alam Guaman Civil No. 22NCVC-558-2011 Mastika Lagenda Sdn. Bhd. v. KDEB)</p> <p>Plaintif menuntut KDEB mengembalikan wang sebanyak RM8.5 juta yang dibayar kepada KDEB sebelum ini hasil dari pembelian 300,000 unit saham milik KDEB di dalam Sepang Power Sdn Bhd. Salah satu syarat perjanjian ialah Plaintif mempunyai opsyen menamatkan perjanjian dengan KDEB sekiranya Perjanjian Jual Beli saham di antara Plaintif dan TNB dibatalkan.</p>	2011	<p>Pada 17 September 2013 Mahkamah Tinggi Shah Alam telah menolak tuntutan Plaintif ke atas KDEB.</p> <p>Plaintif telah merayu ke Mahkamah Rayuan di mana pada 30 September 2014, Mahkamah Rayuan telah membenarkan rayuan Plaintif.</p> <p>KDEB telah memfailkan Notis Usul untuk kebenaran merayu ke Mahkamah Persekutuan pada 29 Oktober 2014. Tarikh pendengaran untuk kes tersebut masih belum ditetapkan.</p>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 Kuang)**

TAJUK : PENCEMARAN SUNGAI

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri mengenal pasti pengusaha kegiatan industri yang menjalankan kegiatan berhampiran dengan sungai?
- b) Adakah kerajaan negeri melakukan siasatan untuk mengenalpasti pengakhiran pembuangan sisa industri?

JAWAPAN:

- a) Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) adalah agensi yang dipertanggungjawabkan dalam penjagaan sumber air di Negeri Selangor. Setiap kes pencemaran adalah diberi perhatian dan tindakan segera supaya ianya tidak menjejaskan keperluan semua sektor.

Antara usaha yang dilaksanakan bagi mengenalpasti aktiviti berhampiran dengan sungai adalah menjalankan kajian semula inventori pemetaan pencemaran dengan penganalisan risiko tahap pencemaran dan menetapkan syarat yang lebih ketat. Data-data diperoleh daripada jabatan-jabatan teknikal berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), pihak berkuasa tempatan dan lawatan tapak.

Terdapat juga beberapa aktiviti yang berada di bawah tanggungjawab dan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, antaranya kawalan pencemaran terhadap aktiviti perindustrian dan efluen loji rawatan kumbahan (*Sewerage Treatment Plant*, STP).

- b) Terdapat dua (2) jenis sisa yang dihasilkan oleh industri iaitu sisa yang dikategorikan sebagai buangan terjadual di bawah bidangkuasa Jabatan Alam Sekitar dan sisa yang dikategorikan sebagai sampah sarap/sisa pepejal di bawah bidangkuasa Pihak Berkuasa Tempatan. Bagi buangan terjadual Jabatan Alam Sekitar sentiasa memantau pengurusan buangan tersebut bermula dari ianya dihasilkan oleh premis industri sehingga ianya dilupuskan di premis yang telah ditetapkan iaitu yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar sahaja. Manakala bagi sampah sarap/sisa pepejal pula pemantauan dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi-agensi berkenaan yang lain. *(Maklumat daripada JAS Selangor).*

Memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri. Pemantauan dan siasatan berkala dijalankan bagi memastikan sumber air dipelihara daripada pelbagai aktiviti yang memberikan kesan negatif kepada kuantiti dan kualitinya.

Dalam menangani isu pencemaran daripada pembuangan sisa industri, Jabatan Alam Sekitar mengawalselia perkara ini melalui penguatkuasaan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.

Dalam pada itu, isu pencemaran daripada aktiviti industri turut dikuatkuasakan melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan :

- i) Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai,
- ii) Pasukan Petugas Lembangan Sungai, dan
- iii) Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 Gombak Setia)**

TAJUK : PROJEK PASIR

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Boleh nyatakan berapakah pendapatan pasir dari Kerajaan Negeri Selangor dalam tahun 2014 dari Januari hingga Oktober 2014 dan apakah bentuk kawalan dibuat terhadap projek tersebut.

JAWAPAN:

- a) Pendapatan dalam bentuk royalti yang telah dibayar oleh KSSB untuk tempoh Januari hingga Oktober 2014 adalah seperti berikut;

Bulan (2014)	Bayaran Royalti Oleh KSSB Mengikut Daerah (RM)							
	Gombak	Hulu Langat	Hulu Selangor	Kuala Langat	Kuala Selangor	Petaling	Sepang	Jumlah
Januari	168,000	471,600	432,000	1,980,000	387,000	45,000	23,000	3,506,600
Februari	-	-	-	398,338	69,000	-	-	467,338
Mac	-	21,000	-	-	240,214	-	-	261,214
April	-	215,288	1,470,000	-	2,173,489	27,000	-	3,885,777
Mei	-	-	-	-	652,246	-	120,000	772,246
Julai	21,000	-	272,896	671,165	-	-	315,000	1,280,061
Ogos	-	-	-	61,689	176,329	45,000	108,000	391,018
September	-	9,186	-	-	-	-	-	9,186
Oktober	-	-	15,393	-	-	-	-	15,393
Jumlah	189,000	717,075	2,190,290	3,111,192	3,698,278	117,000	566,000	10,588,834

Disamping itu, Kerajaan Negeri juga mendapat hasil berikut dari KSSB untuk tempoh yang sama yang dapat dimanfaatkan untuk rakyat Negeri Selangor;

Perkara	Jumlah (RM)
Sumbangan Kepada Program-program Kerajaan Negeri	1,777,264
Dividen Kepada MBI (Untuk Tahun Kewangan 2013)	15,000,000
Zakat Perniagaan	298,045
Jumlah	17,075,309

Untuk tempoh tersebut juga, KSSB telah mencatatkan pendapatan jualan sekitar RM97.8 juta.

Setiap operasi perlombongan KSSB dijalankan dan dikawal dengan berdasarkan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA), Pelan Pengurusan Alam Sekitar dan Skim Pengekstrakan Pasir yang telah diluluskan oleh Jabatan-jabatan Teknikal yang berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 Batu Tiga)**

TAJUK : PUNCA KEJADIAN KEBAKARAN *UPTOWN* SEKSYEN 24 SHAH ALAM

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah punca-punca kebakaran di *Uptown* Seksyen 24 pada 15 Oktober 2014 yang lalu?
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mencegah berulangnya kejadian yang serupa?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan kepada maklumat yang diberikan oleh pegawai Bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Kota Anggerik, kebakaran berlaku pada jam lebih kurang 2.30 pagi yang berpunca dari litar pintas. Kebakaran ini bermula di lot bahagian belakang lot FB20 dan telah merebak dengan pantas ke seluruh bahagian bangunan Blok B. Seramai 154 peniaga terlibat dengan 187 unit gerai telah musnah terbakar semasa kejadian tersebut.
- b) Keputusan Mesyuarat MTES yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor pada 6 November 2014 lalu diputuskan beberapa langkah pelan pembangunan Uptown seperti berikut :
 - i) Pengurusan Uptown akan diserahkan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) untuk membina semula bangunan Uptown yang terbakar
 - ii) Pihak UPEN akan merobohkan 8 lot/gerai di blok A yang menghalang pili bomba seperti yang diminta oleh pihak Bomba
 - iii) Tiada lagi sambungan dan struktur binaan yang didirikan di Uptown tanpa mendapat kebenaran daripada pihak UPEN terlebih dahulu.
 - iv) Tapak sementara akan disediakan oleh Pihak PKNS sementara menunggu Bangunan baru siap dibina di tapak kepunyaan Persatuan Ibu Tunggal Shah Alam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 Teluk Datuk)**

TAJUK : TABUNG INFRA SOSIAL

106, Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan projek dan program yang telah menggunakan tabung infra sosial di daerah Kuala Langat sejak tahun 2008 hingga kini?
- b) Pecahan penggunaan tabung infra sosial sejak tahun 2008 hingga kini setiap PBT?
- c) Adakah jumlahnya akan bertambah pada tahun 2015?

JAWAPAN:

- a) Jawatankuasa Akaun Amanah Infrastruktur Sosial menerima permohonan peruntukan projek dan program bagi tujuan penyaluran peruntukan bagi daerah Kuala Langat melalui Akaun Amanah Infrastruktur Sosial mulai tahun 2013. Jumlah peruntukan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Akaun mulai tahun 2008 hingga kini berjumlah **RM1,778,632.00 (Ringgit Malaysia : Satu Juta Tujuh Ratus Tujuh Puluh Lapan Ribu Enam Ratus Tiga Puluh Dua Sahaja)** Senarai projek dan program peruntukan yang telah diluluskan bagi daerah Kuala Langat seperti **JADUAL 1** :

JADUAL 1

Bil	Pihak Berkuasa Tempatan / Agensi	Perkara	Tahun	Jumlah (RM)
1	Majlis Daerah Kuala Langat	Cadangan Membaikpulih Bangunan Astaka Beserta Infrastruktur Berkaitan Di Stadium Jugra, Telok Datok, Banting Kuala Langat	2013	1,459,222.00
2	Majlis Daerah Kuala Langat	Cadangan Menaiktaraf Kemudahan Di Pasar Awam Telok Panglima Garang Kuala Langat	2013	228,031.50
3	Majlis Daerah Kuala Langat	Cadangan Menaiktaraf Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Dewan Orang Ramai Sungai Jarom, Jenjarum Kuala Langat	2013	91,378.50
JUMLAH				1,778,632.00

- b) Penggunaan Akaun Infrastruktur Sosial adalah berdasarkan permohonan yang diterima oleh pihak Unit Perancang Ekonomi selaku urus setia Jawatankuasa Akaun melalui PBT yang berkaitan. Permohonan penggunaan akaun hanya mulai tahun 2012. Sehingga kini, penggunaan wang caruman infrastruktur sosial berjumlah **RM13,492,710.55 (Ringgit Malaysia : Tiga Belas Juta Empat Ratus Sembilan Puluh Dua Ribu Tujuh Ratus Sepuluh Sahaja)** Pecahan penggunaan caruman mengikut PBT adalah berjumlah **RM 6,340,000.00 (Ringgit Malaysia: Enam Juta Tiga Ratus Empat Puluh Ribu Sahaja)** sejak tahun 2008 hingga kini seperti **Jadual 2**;

JADUAL 2

Bil	PBT	Jumlah (RM)
Petaling		
1.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	1,000,000.00
2	Majlis Bandaraya Shah Alam	400,000.00
JUMLAH		1,400,000.00
Gombak		
1	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	600,000.00
JUMLAH		600,000.00
Hulu Langat		
1.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	1,000,000.00
JUMLAH		1,000,000.00
Kuala Langat		
1	Majlis Daerah Kuala Langat	410,000.00
JUMLAH		410,000.00
Klang		
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	600,000.00
2.	Majlis Perbandaran Klang	2,000,000.00
JUMLAH		2,600,000.00
Kuala Selangor		
1.	Majlis Daerah Kuala Selangor	330,000.00
JUMLAH		330,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		6,340,000.00

- c) Caruman Infrastruktur Sosial dikenakan terhadap pembangunan kawasan berkeluasan 10 ekar dan ke bawah bagi menampung kos penyediaan infrastruktur sosial yang diperlukan ke dalam Tabung Amanah Infrastruktur Sosial.

Pada ketika ini, jumlah caruman Akaun Amanah Infrastruktur Sosial sehingga 31 Oktober 2014 adalah berjumlah **RM8,740,056.56 (Ringgit Malaysia: Lapan Juta Tujuh Ratus Empat Puluh Ribu Lima Puluh Enam Dan Sen Lima Puluh Enam Sahaja)** dengan perincian kutipan mengikut daerah seperti berikut:

Bil	Daerah	Jumlah Kutipan (RM)
1	Petaling	2,522,746.97
2	Gombak	1,049,001.84
3	Klang	2,656,134.50
4	Kuala Langat	412,412.00
5	Hulu Langat	164,525.00
6	Sepang	196,608.00
7	Kuala Selangor	330,540.00
8	Hulu Selangor	1,092,073.25
9	Sabak Bernam	316,015.00
JUMLAH		8,740,056.56

Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Selangor Bilangan 4/2007 – Pengenaan Caruman Infrastruktur Sosial Bagi Pembangunan Melebihi 1 hingga 10 Ekar Dalam Negeri Selangor telah mensyaratkan supaya caruman pembangunan seperti **JADUAL 1** berikut:

(ruangan ini sengaja dikosongkan)

JADUAL 1

Bil	Luas Tapak Cadangan	Pengenaan Caruman Dan Peruntukan Kawasan Lapang
1	Lebih dari 1 ekar dan kurang dari 5 ekar	Diwajibkan caruman tetapi dikecualikan daripada penyediaan kawasan lapang
2	5 hingga 10 ekar	Pemaju diberi pilihan samada menyerahkan 10% dari kawasan untuk dijadikan kawasan lapang ATAU membayar caruman
3	Lebih dari 10 ekar	Tidak dikenakan caruman tetapi diwajibkan menyediakan kawasan lapang

Walau bagaimanapun, mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil.1/2010 yang bersidang pada 2 Februari 2010 **TELAH MEMBATALKAN** pengenaan bayaran caruman infrastruktur sosial bagi pembangunan melebihi satu (1) hingga kurang lima (5) ekar dalam Negeri Selangor.

Sehubungan itu, kutipan caruman tertakluk kepada pembangunan sepertimana **JADUAL 1 Bil 2 dan 3.**

Dalam hal ini, caruman tersebut **kemungkinan akan bertambah** bagi tahun 2015. Walau bagaimanapun, pemaju diberi pilihan samada menyerahkan 10% kawasan pembangunan untuk kawasan lapang atau bayaran caruman seperti **Jadual 1 - Bil 2.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 Hulu Bernam)**

TAJUK : BAS WANITA

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menyediakan perkhidmatan bas berhenti-henti yang dikhaskan untuk wanita ?
- b) Sejauh manakah kerajaan negeri mengambil berat tentang keselamatan pengguna bas dari golongan wanita?

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini Kerajaan Negeri tidak berhasrat menyediakan perkhidmatan bas berhenti-henti yang dikhaskan untuk wanita.
- b) Kerajaan Negeri prihatin dan mengambil berat isu-isu berkaitan wanita sama ada pembangunan, kebajikan, keselamatan dan sebagainya. Kerana itu, pelbagai program di bawah Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) dilaksanakan bagi membantu pelbagai lapisan masyarakat termasuk wanita, kanak-kanak dan Orang Kelainan Upaya (OKU).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 Selat Klang)**

**TAJUK : PENGGUNAAN MAKSIMA TANAH REZAB KERAJAAN UNTUK DI
USAHAKAN OLEH BELIA/JKKB UNTUK TANAMAN SAYUR**

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Untuk menggalakkan belia berbakti kepada tanah bolehkah kerajaan membenarkan dan memberi insentif kepada belia sebagai satu hobi berkelompok di kawasan kampung di pinggir bandar bagi menampung keperluan harian keluarga dan boleh menambah wang saku? contoh di benteng/ban sebelah sungai.
- b) untuk suri rumah, bolehkah di bekalkan benih dan baja hasilnya bagi mengurangkan kos tanggungan keperluan hidup keluarga.

JAWAPAN:

- a) Untuk projek pertanian di kawasan Kampung, permohonan insentif juga boleh dikemukakan melalui Pejabat Pertanian Daerah dengan syarat ia dilaksanakan di tanah sendiri ataupun tanah hakmilik individu, swasta atau tanah rezab kerajaan yang diberi kebenaran oleh tuan punya tanah/agensi/jabatan yang terlibat. Pada tahun 2014, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan insentif Projek Sayur-sayuran sebanyak RM480,000 .

Bagi pelaksanaan projek di benteng atau ban perlulah mendapat khidmat nasihat teknikal daripada Jabatan Pertanian atau agensi terbabit seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sebelum melaksanakan projek tersebut. Jika kawasan tersebut didapati sesuai untuk aktiviti pertanian serta mendapat kebenaran dan syor teknikal daripada JPS, permohonan bantuan insentif boleh dikemukakan kepada Pejabat Pertanian Daerah berhampiran.

- b) Jabatan Pertanian sedia memberi khidmat nasihat bagi penanaman yang dilaksanakan secara '*edible garden*'. Surirumah secara individu atau berkumpulan boleh memohon bantuan khidmat nasihat dan insentif bersesuaian dari Pejabat-pejabat Pertanian Daerah berhampiran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 Kota Anggerik)**

**TAJUK : MASALAH RUMAH MENDAP DI JALAN 101 JALAN PLUMBUM
SEKSYEN 7 SHAH ALAM**

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan PKNS bagi membantu penduduk untuk memperbaiki rumah mereka yang mendap ?.
- b) Berapa peruntukan yang telah disediakan ?
- c) Bila masalah ini akan selesai ?

JAWAPAN:

a) **TAWARAN PKNS KEPADA PENDUDUK**

- 1. PKNS membeli semula rumah dengan harga penilaian semasa seperti tawaran PKNS kepada Penduduk pada 24 Jun 2013. Tawaran adalah bermula dari RM405,000.00 sehingga RM900,000.00. Selain itu, penduduk ditawarkan diskaun 10% bagi rumah baru PKNS sekiranya berminat untuk membeli.

ATAU

- 2. PKNS membaikpulih bangunan dengan kaedah perunding Dato' Ir. Dr. Gue See Sew (termasuk mengecat semula keseluruhan rumah) dengan menawarkan pemindahan sementara dengan kos sewaan bulanan rumah sewa berjumlah RM2,000 (intermediate lot) hingga RM2,500 (corner lot) serta kos pengangkutan pemindahan ditanggung oleh PKNS. Tawaran ini adalah termasuk :-
 - (i) PKNS akan menyenaraikan agen-agen hartanah di sekitar Lembah Klang sebagai rujukan pihak penduduk dalam mencari rumah yang bersesuaian.
 - (ii) Perabot/barang-barang/'fitting' yang ditinggalkan di dalam rumah yang mengalami kerosakan semasa kerja-kerja dilaksanakan akan dibaikpulih/diganti oleh PKNS.
 - (iii) Semua keretakan/kerosakan dalam rumah yang disebabkan oleh mendapan tanah atau yang berkaitan dengan kerja-kerja baikpulih akan ditanggung oleh PKNS.

- (iv) Kerosakan pada bangunan tambahan/ubahsuai akan dibaikpulih oleh PKNS dan kos akan ditanggung oleh pemilik.

STATUS RUNDINGAN BERSAMA PENDUDUK

1.	Penduduk yang bersetuju untuk menjual	-	5 unit
2.	Penduduk yang telah berpindah sementara	-	11 unit
3.	Penduduk yang mengambil tindakan mahkamah	-	21 unit
4.	Penduduk yang tidak memberi maklumbalas	-	22 unit

(Rujuk Lampiran A1)

- b) Anggaran awal bagi kerja-kerja baikpulih termasuk semua perbelanjaan berkaitan adalah berjumlah RM10 juta. Peruntukan keseluruhan akan dimuktamadkan selepas kaedah baikpulih yang terperinci diperolehi daripada pihak perunding termasuk keseluruhan 48 pemilik yang terlibat memilih tawaran PKNS.
- c) Kerja-kerja kajian punca mendapan telah/sedang dijalankan. Kerja-kerja baikpulih akan dimulakan secara berperingkat mulai 2015 (bermula dengan rumah-rumah yang telah dikosongkan) dan dijangka akan tamat pada pertengahan tahun 2016.

STATUS TINDAKAN BAIKPULIH

1. Tindakan lanjut PKNS adalah menggunakan cadangan oleh Dato' Ir. Gue See Sew daripada G&P Professional Sdn. Bhd. sejajar dengan arahan dan keputusan Mesyuarat EXCO-MTES bertarikh 17 Julai 2014.
2. Tempoh pelaksanaan kerja-kerja baikpulih adalah lebih singkat iaitu 18 bulan berbanding meroboh dan membina semula iaitu 36 bulan. Walau bagaimanapun, kedua-kedua kaedah ini memerlukan keseluruhan 48 unit ini dikosongkan.
3. Bagi memastikan kaedah baikpulih dilaksanakan secara terperinci dan muktamad, beberapa ujian pemantauan perlu dilaksanakan. PKNS telahpun melaksanakan proses sebutarga bagi kerja-kerja di bawah :-
 - (i) Engineering Survey – akan dimulakan pada 8 Oktober 2014 dengan tempoh 3 minggu.
 - (ii) Dilapidation Survey – telah melalui proses perolehan dan dijangka akan memulakan kerja pada 3 Disember 2014 dengan tempoh 7 minggu.

- (iii) Soil Investigation & Monitoring – telah melalui proses perolehan dan dijangka akan memulakan kerja pada 3 Disember 2014 dan tempoh pemantauan adalah 6 bulan (termasuk kerja-kerja pemantauan mendapan tanah).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 Kinrara)**

TAJUK : BANJIR KILAT DI KAWASAN DUN KINRARA PUCHONG

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang kerajaan negeri dalam menaiktarafkan sistem perparitan di sekitar Kampung Kuala Sungai Baru, Kampung Tengah dan Kampung Kenangan bagi mengelakkan berlakunya banjir kilat ?
- b) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan negeri menerusi PBT dalam mencegah banjir kilat di kawasan sekitar IOI Mall?
- c) Apakah punca utama banjir di Taman Bukit Kuchai, Taman Kinrara Seksyen 2 dan Taman Pak Siong yang telah berlarutan selama 20 tahun serta tindakan kerajaan negeri dalam menangani masalah tersebut?

JAWAPAN:

- a) Perancangan dan tindakan adalah seperti berikut :

Rancangan jangka masa pendek

Pihak Majlis sedang di dalam peringkat penyediaan dokumen untuk melantik juruperunding kajian menyeluruh berkaitan sistem perparitan di sekitar Kampung Kuala Sungai Baru, Kampung Tengah dan Kampung Kenangan dan juga melaksanakan kerja-kerja pembersihan longkang secara berkala.

Rancangan jangka masa panjang

Pihak majlis akan melaksanakan kerja menaiktaraf sistem perparitan berdasarkan kajian yang akan dilaksanakan oleh pihak perunding.

- b) Susulan kejadian banjir kilat 18 Februari 2013 beberapa tindakan segera telah diambil seperti berikut :
 - i. Pembersihan kelodak di sepanjang longkang utama di hadapan IOI Mall oleh MPSJ.
 - ii. Pembersihan kelodak di Triple Cell RC box culvert (2.7m X 2.15m) merentasi LDP oleh Pihak LITRAK
 - iii. Penyiapan longkang utama di kawasan pemajuan LRT oleh pihak Prasarana.

Hasil pemerhatian secara berkala mendapati penyiapan kerja-kerja pembinaan longkang utama di kawasan pemajuan LRT telah berjaya mengatasi berlakunya ulangan kejadian banjir kilat berdasarkan kepada beberapa siri kejadian hujan lebat yang terakhir.

c) Antara punca utama banjir adalah seperti berikut :

- i. Peningkatan kadar hujan secara mendadak.
- ii. Terdapat kelodak di sepanjang longkang utama sehingga ke pemetung di bawah Lebuhraya KESAS.
- iii. Sistem perparitan yang telah usang di sebahagian kawasan perumahan dan industri.

Cadangan tindakan yang diambil adalah seperti berikut :

Rancangan jangka masa pendek

- i. Penyelenggaraan berterusan bagi membersihkan kelodak disepanjang longkang utama.
- ii. Pembersihan secara berkala kawasan perumahan dan industri.
- iii. Menaiktaraf sistem perparitan yang tidak sempurna dan usang
- iv. Penyelarasan bersama pihak KESAS bagi penyelenggaraan longkang dan pemetung.

Rancangan jangka masa panjang

Melaksanakan kajian menyeluruh serta rekabentuk bagi menaiktaraf sistem perparitan terutama di kawasan lama dan bermasalah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 Kota Damansara)**

TAJUK : BANJIR LUMPUR AKIBAT PROJEK

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah aduan yang telah diterima oleh PBT berkaitan permasalahan ini?
- b) Apakah tindakan akhir yang dikenakan kepada pemaju yang ingkar dengan perjanjian luar mahkamah?
- c) Senaraikan pemaju yang terlibat dengan projek yang menyebabkan berlaku mendapan lumpur?

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah jumlah aduan yang telah diterima oleh PBT berhubung banjir lumpur akibat projek :

PBT	JUMLAH ADUAN DITERIMA OLEH PBT
MBSA	TIADA
MBPJ	TIADA MAKLUMBALAS
MPK	TIADA
MPAJ	5 ADUAN
MPSJ	7 ADUAN
MPS	TIADA MAKLUMBALAS
MPKJ	
MPSP	4 ADUAN
MDKL	TIADA
MDHS	3 ADUAN

MDKS	1 ADUAN
MDSB	TIADA
JUMLAH	20 ADUAN

- b) Tindakan notis kesalahan dan kompaun di bawah seksyen 70A (9) dan Arahan Berhenti Kerja di bawah seksyen 70A (4) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) kerana tidak mematuhi syarat kerja tanah.
- c) Berikut adalah senarai pemaju yang terlibat dengan projek yang menyebabkan berlaku mendapan lumpur :

PBT	SENARAI PEMAJU
MPAJ	Aman Kemansah Sdn Bhd
	SDB Properties Sdn Bhd
	Valencia Terrace Sdn Bhd
	Hamton Development Sdn Bhd
	Jaguh Gemilang Sdn Bhd
MPSJ	Prasarana Malaysia Berhad
MPSp	Lega Tropika Sdn.Bhd.
	Juta Sempurna (Giching) Sdn.Bhd.
	Rumpun Ehsan Sdn.Bhd.
	Hayat Abadi Sdn.Bhd.
MDHS	Ligamas Sdn. Bhd
	Rumpun Pelangi Sdn. Bhd
	JRD Deveelopment Sdn. Bhd
MDKS	Tetuan Metro KL City Sdn. Bhd

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH
(N26 Bangi)**

**TAJUK : PERINGKAT PELAKSANAAN PROJEK PERUMAHAN SELANGORKU DI
SUNGAI SERING.**

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon nyatakan peringkat pelaksanaan projek perumahan Selangorku di Sungai Sering

JAWAPAN:

- a) Peringkat pelaksanaan Projek Perintis Rumah Selangorku di Taman Ukay Indah, Sungai Sering Mukim Hulu Kelang daerah Gombak mengambil masa yang agak panjang memandangkan beberapa proses kelulusan yang perlu dilalui sebelum kerja-kerja pembinaan dapat dimulakan di tapak. Sehingga kini Pelan Kebenaran Merancang baru sahaja diluluskan secara bersyarat oleh Mesyuarat Jawatankuasa OSC Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) pada 12 November 201 dan Pelan Bangunan dijangka akan diluluskan dalam masa terdekat. Sebaik sahaja pelan-pelan kelulusan ini diluluskan dan syarat-syarat dipatuhi, kerja-kerja di tapak dijangka akan dapat dimulakan selewat-lewatnya Januari 2015.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 Kajang)**

TAJUK : KESIHATAN

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Minta Kerajaan Negeri nyatakan pelan tindakan untuk mencegah wabak denggi dan langkah untuk mengurangkan kes denggi di Selangor
- b) Apakah cadangan dan inisiatif Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap kempen menderma darah
- c) Minta kerajaan negeri senaraikan statistik kes denggi dan lokasi *hotspot* Denggi di seluruh Selangor dari Januari 2013

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah melancarkan Pelan Tindakan Selangorku Bebas Denggi 2014 pada 3 November 2014. Pelan ini diwujudkan bagi membuktikan mengenai komitmen serius Kerajaan Negeri Selangor di dalam aktiviti membanteras denggi di peringkat negeri Selangor. Pelan Tindakan Selangorku Bebas Denggi 2014 ini akan dilaksanakan oleh semua pihak Negeri Selangor secara berperingkat dan menyeluruh di bawah penyeliaan Jawatankuasa Tetap Kesihatan Negeri Selangor. Pelan Tindakan ini memfokuskan kepada tiga bentuk pendekatan utama, iaitu : -
 - i. Kawalan dan Tindakan
 - ii. Aktiviti kesedaran dan promosi
 - iii. Pemantauan secara berterusan

Di samping itu, tindakan pencegahan yang melibatkan pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan semua Pihak Berkuasa Tempatan telah dilaksanakan sejak November 2013 dan ianya telah terbukti berkesan di dalam mengurangkan jumlah kes denggi di Negeri Selangor. Antara aktiviti yang di jalankan oleh pihak PBT dan JKN Selangor adalah seperti berikut:-

- i. Pemeriksaan ke tapak binaan, premis-premis, rumah-rumah,
- ii. Membuat semburan SRT, ULV, TIFA dan bti,
- iii. Menggiatkan aktiviti gotong –royong di setiap kawasan berkaitan; dan
- iv. Kempen kesedaran di sekolah-sekolah di seluruh negeri Selangor

Selanjutnya, Jawatankuasa Tetap Kesihatan turut mengadakan Mesyuarat Mingguan Denggi yang dipengerusikan bersama Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan (YB EXCO Kesihatan – YB Puan Dr. Daroyah Binti Alwi) dan semua

PBT di Negeri Selangor akan membentangkan aktiviti minggu yang telah dilaksanakan oleh Jabatan masing-masing di dalam aktiviti membanteras aedes.

Selain itu, pada tahun ini, Kerajaan Negeri turut melaksanakan Pelan Tindakan Denggi PBT yang telah diperkenalkan oleh KPKT dan dilaksanakan di Lokality Hotspot. Tempoh pelaksanaan Pelan ini adalah 2 bulan bermula 24 Julai sehingga 23 September 2014. Pelan tersebut telah menetapkan semua PBT perlu melakukan pemantauan ke beberapa kawasan berpotensi tinggi berlaku pembiakan seperti di tempat-tempat berikut:

- i. Kawasan pelupusan sampah,
- ii. Kawasan projek terbengkalai,
- iii. Tempat pembuangan sampah haram,
- iv. Tempat pengumpulan barangan lusoh,
- v. Kawasan rumah atau tanah kosong yang ditinggalkan.

Peruntukkan daripada KPKT turut telah diagihkan kepada semua PBT Selangor yang berjumlah RM 1.04 juta dengan RM 930 ribu diperuntukkan untuk *outsourcing* perkhidmatan kutipan sampah tambahan (sampah haram) dan RM 400 ribu untuk pembelian *Temephos EC*.

Yang terkini, satu Program Gotong-Royong Mega: Terjah & Musnah Aedes Negeri Selangor 2014 telah di adakan pada 16 November dengan penyertaan menyeluruh dan dijalankan serentak oleh seluruh masyarakat negeri Selangor. Strategi utama program ini adalah aktiviti "cari dan musnah" kawasan potensi pembiakan nyamuk di dalam dan di luar rumah oleh setiap individu serta masyarakat. Pelaksanaan program seumpama ini akan diteruskan sehingga akhir disember tahun 2014 dan dijangkakan bilangan kes denggi di Negeri Selangor dapat dikurangkan dengan jayanya.

- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri akan terus meningkatkan kesedaran awam terhadap kempen menderma darah melalui siri kempen derma darah di pelbagai lokasi pada tahun 2015. Kerajaan Negeri juga akan memastikan setiap PBT menjalankan kempen menderma darah sekurang-kurangnya sekali bagi tahun hadapan.
- c) Statistik kes denggi dan lokasi *hotspot* Denggi di seluruh Selangor dari Januari 2013 adalah seperti berikut:-

DAERAH/ PBT	BIL KES MENGIKUT TAHUN	
	2013	2014 (sehingga 15 Nov 2014)
Kes Denggi	22,444	44,957
Lokasi Hotspot	86	92

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 Sungai Panjang)**

TAJUK : PUSAT MEMBELI BELAH

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan pusat membeli belah yang terdapat di Selangor mengikut PBT?
- b) Nyatakan jumlah pusat membeli belah yang dibina dari tahun 2010 hingga 2014?

JAWAPAN:

- a) Senarai pusat membeli belah yang terdapat di Selangor adalah seperti di **Lampiran 1**.
- b) Jumlah pusat membeli belah yang dibina dari tahun 2010 hingga 2014 adalah sebanyak 60 buah seperti di bawah:-

PBT	Bil. Pusat Membeli Belah Yang Dibina Dari Tahun 2012 - 2014
MBSA	18
MBPJ	13
MPK	0
MPAJ	1
MPSJ	11
MPS	2
MPKJ	6
MPSP	1
MDKL	4
MDHS	1
MDKS	3
MDSB	0
Jumlah	60

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor*

Lampiran 1

BIL.	PBT	Senarai Pusat Membeli Belah
1.	MBSA	<ol style="list-style-type: none"> 1) Pasaraya Giant, Seksyen 7 2) Central plaza/i-city 3) Plaza Shah Alam 4) Pasar Besar Giant, Seksyen 13 5) Tesco, Seksyen 13 6) Tesco Extra, Seksyen 13 7) Kompleks PKNS 8) Plaza Alam Sentral 9) SACC Mall 10) Anggerik Mall 11) IDCC 12) Pasaraya checkers 13) Pasaraya Giant, Seksyen 18 14) Pasaraya Mydin 15) Kompleks Ole-Ole 16) Aeon Big 17) Plaza sri muda 18) Aeon Big Bukit Rimau 19) Giant Hypermarket Kemuning Utama 20) Space U8 21) Setia City Mall 22) Tesco Setia Alam 23) Pasaraya The Store
2.	MBPJ	<ol style="list-style-type: none"> 1) Jaya 33 Jalan Semangat, Sek. 13 2) Jaya Shopping Centre Menara CSM, Sek. 14 3) PJ Digital Mall Jalan 14/20, Sek. 14 4) Amcorp Mall Persiaran Barat, Sek. 52 5) Giant Super Market Sdn. Bhd., Kelana Jaya, SS6 6) Giant Super Market Sdn. Bhd., Jalan PJU 5/1, PJU 5 7) Paradigm Mall Kelana Jaya, SS6 8) The Atria Shopping Centre, Damansara Utama, SS21 9) Tesco, Mutiara Damansara, PJU 7 10) Ikea, Mutiara Damansara, PJU 7 11) Ikano, Mutiara Damansara, PJU 7 12) The Curve, Mutiara Damansara, PJU 7 13) Jaya One, Sek. 13 14) Sunway Giza Kota Damansara, PJU 5 15) The Strand Mall, Kota Damansara, PJU 5 16) Citta Mall, Ara Damansara, PJU 1 17) Tropicana City Mall, SS20, Damansara Jaya 18) SStwo Mall, Sek. 19 19) AEON Big Kota Damansara, Kota Damansara, PJU 5

		<p>20) One Utama Shopping Centre, Bandar Utama, PJU6</p> <p>21) Centrepoint Bandar Utama, Bandar Utama, PJU6</p>
3.	MPK	<p>1) Shaw Centre Point Jalan Raja Hassan, Bandar Klang</p> <p>2) Klang Parade, Meru</p> <p>3) AEON Bandar Baru Klang</p> <p>4) AEON Bandar Bukit Tinggi</p> <p>5) AEON Big Jalan Kapar</p> <p>6) GM Klang</p> <p>7) Harbour Place, Persiaran Raja Muda Musa</p> <p>8) Centro, Bandar Klang</p> <p>9) Tesco Bandar Bukit Tinggi</p> <p>10) Giant Bandar Bukit Tinggi</p> <p>11) Giant Klang Sentral</p> <p>12) Giant Pelabuhan Klang</p> <p>13) Giant Jalan Kebun</p>
4.	MPAJ	<p>1) Spectrum Shopping Complex</p> <p>2) Paragon Point Shopping Complex</p> <p>3) Pandan Safari Shopping Complex</p> <p>4) Ampang Point Shopping Centre</p> <p>5) Giant Superstore, Taman Permata</p> <p>6) Galaxy Ampang Shopping Complex</p> <p>7) Tesco Store (M) Sdn. Bhd</p> <p>8) Fiesta Shopping Complex</p> <p>9) Aeon Big Taman Dagang Permai</p> <p>10) Mid Point Shopping Center</p> <p>11) Puteri Park Plaza</p>
5.	MPSJ	<p>1. The Summit Subang USJ Persiaran Kewajipan, USJ 1, 47600, UEP Subang Jaya, Selangor.</p> <p>2. Sunway Pyramid Shopping Mall No.3, Jalan PJS 11/5, Bandar Sunway, 47150 Subang Jaya.</p> <p>3. Subang Parade No. 5, Jalan SS 16/1, 47500 Subang Jaya.</p> <p>4. Nineteen Digital Mall Sdn. Bhd Level 6, Nineteen Digital Mall, Jalan Persiaran Kewajipan, USJ 19, 47620 Subang Jaya.</p> <p>5. Empire Shopping Gallery LG-01, Lower Grd Floor, Empire Shopping Centre, SS 16, 47500 Subang Jaya.</p>

		<p>6. Shopping Kompleks (Subang Avenue) Persiaran Kemajuan, SS 16, 47500 Subang Jaya.</p> <p>7. The Main Place Shopping Kompleks Jalan USJ 25/10, Persiaran Kewajipan 47500 Subang Jaya.</p> <p>8. IOI Mall Pusat Bandar Puchong, Batu 9, Jalan Puchong, 47100 Selangor.</p> <p>9. Kompleks Puchong Perdana Jalan Perdana 3/1, Taman Puchong Perdana, 47100 Puchong.</p> <p>10. Mines Shopping Fair Off Jalan Balakong, Mines Resort City, 43300 Seri Kembangan.</p> <p>11. South City Plaza Persiaran Serdang Perdana, Taman Serdang Perdana, 43300 Seri Kembangan.</p> <p>12. Mines 2 Sdn. Bhd. Jalan Dulang, Mines Resort City, 43300 Seri Kembangan.</p>
6.	MPS	<p>1) Selayang Mall 2) Selayang Capital 3) Aeon Rawang 4) Tesco 5) NSK 6) Giant 7) Wisma Etonic</p>
7.	MPKJ	<p>1) Aeon Cheras Selatan 2) Aeon Bandar Mahkota Cheras 3) Metro Plaza 4) Metro Point 5) Warta 6) Kompleks PKNS</p>

8.	MPSp	Tiada pusat membeli belah
9.	MDKL	<ol style="list-style-type: none"> 1) Giant Hypermarket 2) The Store 3) Pasaraya Econsave 4) Megah Supermarket
10.	MDHS	1) Tesco Bukit Sentosa
11.	MDKS	<ol style="list-style-type: none"> 1) Tesco Kuala Selangor 2) Giant Kuala Selangor 3) Econsave 4) Tesco Puncak Alam
12.	MDSB	Tiada pusat membeli belah

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 Dusun Tua)**

TAJUK : SKIM-SKIM UNTUK GOLONGAN OKU

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selain Skim Khairat Kematian untuk OKU, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menyediakan skim-skim lain bagi membolehkan mereka berdikari dan mendapat pekerjaan.
- b) Jika ada, minta dikemukakan.

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerajaan Negeri menyambut baik mengenai cadangan untuk menyediakan skim-skim khas kepada golongan OKU. Namun begitu, buat masa ini program-program berkenaan telah dilaksanakan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor (JKMNS) melalui Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dengan menyediakan pelbagai jenis latihan asas, tunjuk ajar, pemulihan serta kemahiran yang bersesuaian kepada pelbagai kategori OKU. Program ini dilaksanakan bagi membolehkan mereka dapat menjalani kehidupan seharian seterusnya dapat berdikari dan mendapat pekerjaan yang bersesuaian dengan latihan yang diberikan mengikut kesesuaian pasaran kerja.

Di antara bentuk bantuan yang disediakan kepada golongan OKU adalah seperti berikut :-

1. Pendaftaran OKU
2. Latihan vokasional dan pemulihan perubatan di PLPP Bangi
3. Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)
4. *Disability Equality Training* (DET)
5. *Job Coach*
6. *Independent Living* (IL)
7. Kaunseling
8. Elaun Pekerja Cacat – RM300.00 sebulan.
9. Bantuan OKU Tidak Bekerja (BTB) – RM 150.00 sebulan.
10. Geran Pelancaran – maksimum RM2,700.00
11. Bantuan Alat Tiruan / Sokongan (BAT) – berdasarkan kepada harga alat tiruan / sokongan
12. Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik – RM300.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 Teratai)**

TAJUK : PERBELANJAAN DAN PENGURUSAN MES

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan senarai semua perbelanjaan setiap Skim MES setakat Oktober 2014.
- b) Sila kemukakan laporan perbandingan prestasi setiap Skim MES antara tahun 2012 dengan tahun 2013
- c) Sila kemukakan maklumat pindaan terkini untuk skim MES yang dipinda dalam tahun 2013 dan 2014.

JAWAPAN:

- a) Jumlah pemanfaat dan perbelanjaan bagi program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) setakat 31 Oktober 2014 yang dilaporkan adalah berjumlah 9,274,608 orang penerima dengan perbelanjaan sebanyak RM1,244,695,274.11. Bagi Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) dan Hadiah Anak Masuk Universiti, jumlah perbelanjaan adalah sebanyak RM15,222,500 dan RM45,466,950. Manakala sebanyak RM135,026,500 dan RM8,215,495 pula telah dibelanjakan di bawah Skim Mesra Usia Emas dan Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang.

Untuk kedua-dua Skim Mikrokredit, iaitu Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel) dan Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR), perbelanjaan setakat 31 Oktober 2014 adalah sebanyak RM88,876,586 dan RM21,959,187. Bagi Skim Kesihatan Wanita (MammoSel) sejumlah RM1,807,580 telah dibelanjakan dan sejumlah RM10,907,300 pula dibelanjakan di bawah Program Jom Shopping. Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si Kembar) dan Skim Bantuan Tadika (TUNAS) pula masing-masing telah membelanjakan sebanyak RM943,900 dan RM4,509,127. Manakala di bawah Insentif Perkahwinan Belia dan Pusat Tuisyen Rakyat sebanyak RM1,375,000 dan RM15,475,145 telah dibelanjakan. Perbelanjaan paling tinggi di bawah Program MES adalah bagi Program Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (M3) Pertama, iaitu sejumlah RM892,306,779.48 telah dibelanjakan untuk seluruh rakyat Selangor.

Ringkasan bagi statistik penerima faedah dan perbelanjaan setakat 31 Oktober 2014 bagi setiap skim MES yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui agensi yang dilantik adalah seperti di Lampiran A.

LAMPIRAN A

Program MES
Statistik Penerima Faedah dan Perbelanjaan Setakat 31 Oktober 2014

STATUS TERKINI PROGRAM MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES) SEHINGGA 31 OKTOBER 2014				
BIL.	PROGRAM	AGENSI	JUMLAH KESELURUHAN	
			PENERIMA FAEDAH (ORANG)	PERBELANJAAN (RM)
1	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)	152,225	15,222,500
2	Hadiah Anak Masuk Universiti	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	44,831	45,466,950
3	Skim Mesra Usia Emas	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	54,982	135,026,500
4	Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang	Seksyen Sektoral, UPEN	13,093	8,215,495
5	Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (M ³) Pertama	Kerajaan Negeri Selangor	8,814,947	892,306,779.48
6	Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel)	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor	10,827	88,876,586
7	Skim Mikrokredit Wanita Ladang (WALA)	Pejabat YB Puan Rodziah binti Ismail	649	2,603,224.63
8	Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	18,742	1,807,580
9	Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR)	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor	10,770	21,959,187
10	Insentif Perkahwinan Belia	Seksyen Sektoral, UPEN	6,409	1,375,000
11	Pusat Tuisyen Rakyat	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	25,465	15,475,145.00
12	Pusat Dialisis Rakyat	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	121	-
13	Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si KEMBAR)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	1,237	943,900
14	Skim Bantuan Tadika (TUNAS)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	11,205	4,509,127
15	Cuti Bersalin 90 Hari	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	30	-
16	Cuti Untuk Suami Yang Isterinya Bersalin Selama 14 Hari	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	1	-
17	Cuti Kematian Suami Selama 30 Hari	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	1	-
18	Jom Shopping (Warga emas + ibu tunggal)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	109,073	10,907,300
19	Pusat Khidmat Krisis Sehentia (OSCC)	Seksyen Sektoral, UPEN		
			ROYALTY YANG DIBAYAR KEPADA KERAJAAN NEGERI SELANGOR (RM)	
20	Program Peningkatan Hasil Daripada Bahan Batuan dan Mineral	Pejabat Tanah dan Galian Selangor		28,491,130.32
JUMLAH			9,274,608	1,244,695,274.11

- b) Secara keseluruhan, jumlah perbelanjaan pada tahun 2013 mencatatkan peningkatan dari tahun sebelumnya sebanyak RM17,674,892.27. Perbandingan secara kasar pada tahun 2012 dan tahun 2013 bagi penerima faedah pula menunjukkan peningkatan sejumlah 198,879 orang. Namun begitu, terdapat skim yang menunjukkan penurunan pada penerima faedah dan jumlah perbelanjaan iaitu bagi Skim Hadiah Anak Masuk Universiti, Skim Mesra Usia Emas, Skim Mikrokredit Selangor, Skim Kesihatan Wanita, Skim Mikrokredit Miskin Bandar dan Skim Pusat Tuisyen Rakyat. Skim-skim lain meningkat dalam kadar sederhana.

Jadual perbandingan prestasi setiap Skim MES antara tahun 2012 dengan tahun 2013 bagi jumlah penerima faedah dan jumlah perbelanjaan adalah seperti di Lampiran B.

LAMPIRAN B

Perbandingan Prestasi Setiap Skim MES Antara Tahun 2012 Dengan Tahun 2013

BIL.	PROGRAM	AGENSI	JUMLAH PENERIMA FAEDAH		JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	
			TAHUN 2012	TAHUN 2013	TAHUN 2012	TAHUN 2013
1	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)	31,103	62,949	3,110,300.00	4,464,800.00
2	Hadiah Anak Masuk Universiti	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	7,175	6,629	7,921,058.00	7,407,924.00
3	Skim Mesra Usia Emas	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	9,727	9,159	24,725,500.00	21,648,000.00
4	Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang	Seksyen Sektoral, UPEN	1,060	4,444	931,325.00	2,446,694.00
5	Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (M ³) Pertama*	Kerajaan Negeri Selangor	1,305,891	1,368,119	146,009,767.20	151,360,585.83
6	Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel)	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor	2,414	1,813	26,431,500.00	25,205,450.00
7	Skim Mikrokredit Wanita Ladang (WALA)	Pejabat YB Puan Dr. Daroyah binti Alwi		512		153,153.45
8	Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	3,822	1,729	363,620.00	184,410.00
9	Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR)	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor	3,671	179	7,080,000.00	308,700.00
10	Insentif Perkahwinan Belia	Seksyen Sektoral, UPEN		3,659		363,000.00
11	Pusat Tuisyen Rakyat	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	4,803	4,140	3,036,000.00	2,662,720.00
12	Pusat Dialisis Rakyat	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	2	40	-	-
13	Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si KEMBAR)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	157	394	81,100.00	287,200.00
14	Skim Bantuan Tadika (TUNAS)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	1,277	3,191	214,175.00	1,494,402.00
15	Cuti Bersalin 90 Hari	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	-	0	-	-
16	Cuti Untuk Suami Yang Isterinya Bersalin Selama 14 Hari	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	-	0	-	-
17	Cuti Kematian Suami Selama 30 Hari	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	-	1	-	-
18	Jom Shopping (Warga emas + ibu tunggal)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)		103,023		10,302,300.00
19	Pusat Khidmat Krisis Sehentia (OSCC)	Seksyen Sektoral, UPEN	-	-	-	-
			ROYALTI YANG DIBAYAR KEPADA KERAJAAN NEGERI SELANGOR (RM)			
20	Program Peningkatan Hasil Daripada Bahan Batuan dan Mineral	Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB)			10,416,277.08	19,706,175.27
JUMLAH			1,371,102	1,569,981	219,904,345.20	228,289,339.28

c) TIADA pindaan dilakukan kepada Skim MES pada tahun 2014. Namun begitu, pada tahun 2013 terdapat 1 (satu) skim baru yang telah diperkenalkan. 1 (satu) skim tambahan yang telah ditambah berbanding Skim MES yang asal adalah:

- i. Insentif Perkahwinan Belia (RM500 seorang)
- ii. Program Bantuan Masuk Sekolah Anak-anak TAWAS (Voucher RM50)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 Dengkil)**

TAJUK : MUZIUM NEGERI

117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pencapaian dan program Muzium Negeri sepanjang tahun 2014?
- b) Berapakah jumlah pengunjung tahun 2014 berbanding tahun-tahun sebelumnya?
- c) Apakah perancangan Muzium Negeri tahun 2015?

JAWAPAN:

- a) Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor yang bertanggungjawab dalam pengurusan muzium negeri dan muzium-muzium cawangan telah melaksanakan pelbagai program dan perancangan . Antara kejayaan yang telah di capai bagi tahun 2014 adalah;
 - i- Penganjuran Temasya Seni Silat dan Senjata Warisan pada bulan Febuari 2014. Temasya ini telah Berjaya mengumpulkan sebanyak 30 pertubuhan silat seluruh Selangor dan lebih 500 bilah senjata di pameran dan di pertandingan.
 - ii- Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam pada 14 hingga 18 Mei 2014. Sambutan pada kali ini Selangor telah menjadi tuan rumah di mana telah berjaya menarik minat seramai 15 ribu pengunjung melawat pameran dan menyertai pelbagai aktiviti yang di anjurkan seperti pameran, seminar, bengkel, lawatan, gotong royong dan sukan.
 - iii. Selain dari program dan aktiviti pihak PADAT juga sedang usaha menaikkan ruang pameran dan bangunan Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam seperti;
 - Kerja-kerja keemasan dinding bangunan Muzium Sultan Alam Shah (projek sedang dilaksana dan di jangka siap Disember 2014
 - Kerja-kerja menaikkan ruang lobi muzium Sultan Alam Shah (sedang proses tender)
 - Kerja-kerja menaikkan ruang pameran Balai Warisan Alam Semulajadi dan Balai Kebudayaan (sedang proses tender)
 - Kerja-kerja Naiktaraf kemudahan ruang pejabat dan pembaikan bangunan Muzium Sejarah Daerah Kuala Selangor (siap di laksana)
 - Kerja-kerja konservasi bangunan Istana Bandar, Kuala Langat dan Gedung Raja Abdullah, Klang (sedang di laksana di jangka siap Disember 2014)

- Kerja-kerja auditan elektrik bangunan oleh pihak JKR(projek telah siap di laksana)
 - Kerja-kerja pembaikan Muzium Permainan Rakyat di Kuala Selangor (sedang dilaksanakan dan di jangka siap Disember 2014)
- iv. Di masa ini juga di Muzium Sultan Alam Shah sedang berlansung dua buah pameran ;
- Pameran Dinosaur (sehingga Januari 2015)
 - Pameran Nostalgia Permainan Kanak-kanak (sehingga Januari 2015)
- v. Pada tanggal 2 september 2014 ini genaplah 25 tahun Muzium Sultan Alam Shah di buka kepada orang ramai. Sempena sambutan 25 tahun pelbagai aktiviti telah di rancang selama setahun sehingga bulan September 2015. Bagi tahun 2014 ini beberapa aktiviti telah dan akan di laksana;
- Majlis bacaan Yassin dan doa selamat (2 September 2014)
 - Kejohanan Bolasepak 9 sebelah antara muzium-muzium di Malaysia (11 oktober 2014)
 - Seminar Kesultanan Selangor (18 November 2014)
 - Seminar Pantang larang Masyarakat di Selangor (25-26 November 2014)
 - Mencari Harta Karun Diraja Selangor (Disember 2014)

b)

Muzium	2012	2013	2014*
Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam	94,515	109,60 1	72,991
Muzium Sejarah Daerah Kuala Selangor	84,385	94,443	66,611
Muzium Permainan Tradisional Rakyat, Kuala Selangor	-	-	-
Muzium Pertanian dan Perikanan, Sabak Bernam	11,035	13,331	10,398
Muzium Insitu Jugra, Kuala Langat	10,418	10,041	6,653
Jumlah Keseluruhan	192,05 3	201,41 6	145,25 3

**Setakat September 2014*

- c) Bagi tahun 2015 pihak PADAT telah merangka pelbagai program bagi membantu penggalakan orang ramai mengunjungi muzium seperti;
- i. Pameran Telepuk, Kelingkan dan Kebaya Selangor (Mac – Mei 2015)
 - ii. Seminar Tekstil Antarabangsa (Mac 2015)
 - iii. Temasya Seni Tari Selangor (April 2015)
 - iv. Temasya Seni Muzik Cempuling (24 jam) (Mac 2015)
 - v. Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Negeri Selangor (Mei 2015)
 - vi. Kembara 25 Tahun MSAS (Mei 2015)
 - vii. Program Kenali WarisanKu (Ogos 2015)
 - viii. Pameran Terkenang Zaman Kanak-kanak dan Program Berkhatan Perdana (September - November 2015)
 - ix. Seminar memperkasa Identiti Selangor (September 2015)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 Paya Jaras)**

**TAJUK : PEMBELIAN TANAH BAGI TAPAK SURAU AL-TAQWANIAH. KG.
 PAYA JARAS, MUKIM SUNGAI BULOH DAERAH PETALING. HS(M)
 1257 PT 815,**

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini permohonan tersebut?
- b) Bilakah pengambilan ini dijangka selesai sepenuhnya?

JAWAPAN:

- a) Pejabat Tanah Daerah Petaling telah mengemukakan permohonan penilaian semula tapak berkenaan kepada jabatan penilaian harta kerana nilai asal yang dijalankan pada tahun 2011 perlu dinilai semula.
- b) Pengambilan ini dijangka selesai bergantung kepada kelulusan dari semua jabatan-jabatan yang terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 Kota Anggerik)**

TAJUK : MENAIK TARAF TASIK SHAH ALAM

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program yang telah dijalankan untuk menaik taraf tasik Shah Alam ?
- b) Berapakah peruntukan yang telah dihulurkan untuk menaiktaraf tasik Shah Alam ?
- c) Bilakah program menaik taraf ini dapat diselesaikan ?

JAWAPAN:

- a) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 17/2013 bertarikh 19 Jun 2013 dan telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Negeri Selangor ke 18/2013 pada 26 Jun 2013 mengambil perhatian kepada titah DYMM Sultan Selangor supaya MBSA memberi tumpuan kepada tahap kebersihan tandas dan restoran di Taman Tasik Shah Alam.

Berikutan hal di atas, MMKN mengambil keputusan untuk mewujudkan satu Jawatankuasa Khas bagi memantau dan merancang pelan pemulihan menyeluruh Taman Tasik Shah Alam untuk tempoh enam (6) bulan yang dianggotai oleh YB Dato' Teng Chang Kim, YB Puan Hajah Rodziah bt Ismail, YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping dan mendapatkan khidmat nasihat daripada Y. Bhg. Datin Ong Beng Teng yang merupakan Penasihat Taman-Taman di Singapura.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri juga bersetuju bahawa kos pemulihan Taman Tasik Shah Alam akan dibiayai oleh Kerajaan Negeri.

Selaras dengan perkara di atas, pihak MBSA telah mengadakan satu bengkel penyediaan pelan tindakan bagi penambahbaikan dan pembangunan semula infrastruktur kemudahan serta kualiti air tasik, Taman Tasik Shah Alam yang melibatkan penyertaan seramai 94 orang dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pelbagai agensi luar. Seramai 7 pakar dari pelbagai bidang dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Persatuan Arborist Malaysia, Playground Safety Association of Malaysia.dengan membincangkan aspek pembersihan dan kualiti air tasik, menaiktaraf fasiliti & amenity dan 'rebranding' Taman Tasik Shah Alam sebagai satu tarikan pelancongan dari dalam dan luar negara.

Pihak MBSA juga telah melaksanakan beberapa program untuk menaiktaraf kemudahan di dalam Taman Tasik Shah Alam pada tahun 2013, dengan melaksanakan kerja-kerja pembinaan jambatan kayu di tepi pusat rekreasi air Wet World, Taman Tasik Barat, Shah Alam iaitu sepanjang 230 meter dari jenis kayu cengal dengan kos RM416,508.00.

Bagi tahun 2014, MBSA telah melaksanakan projek pembinaan pagar dekoratif sepanjang 1.2 km dengan kos sebanyak RM481,940.00 yang berfungsi sebagai kawalan keselamatan serta meningkatkan imej Taman Tasik tersebut.

Pihak MBSA juga telah mengeluarkan sebutharga penggantian semula tong sampah di Taman Tasik Shah Alam dan taman-taman awam yang lain yang dijangka siap pada Mac 2015.

Pengawalan kualiti air Tasik Shah Alam masih diteruskan bagi memastikan tahap kualiti air tasik sentiasa terkawal dan berada pada Kelas IIB iaitu tahap selamat untuk rekreasi air iaitu dengan pemasangan 140 unit alat 'diffuser' bagi penyaluran oksigen melalui paip yang diletakan ke dalam air yang dipasang secara tetap dan pemasangan 3 unit 'aerators' pada semua tasik berkenaan.

Pemantauan kualiti air tasik dibuat secara berkala, dua bulan sekali melalui pengambilan sampel air dan penganalisaan air tersebut adalah berdasarkan kepada parameter-parameter berikut :-

- a) Suhu
- b) Nilai pH
- c) Oksigen terlarut (DO)
- d) Total Suspended Solid (TSS)
- e) Chemical Oxygen Demand (COD)
- f) Ammonia Nitrogen
- g) Biochemical Oxygen Demand (BOD)
- h) Chlorophyll-a
- i) Escherichia Coli (E-coli)
- j) Turbidity

- b) Sejak tahun 2011 hingga 2014, MBSA telah membelanjakan sebanyak RM 8.8 juta untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan RM 7.5 juta bagi projek-projek pembangunan seperti jadual di bawah.

Tahun	Penyelenggaraan (RM)	Pembangunan (RM)
2011	2 juta	1 juta
2012	2.1 juta	1.5 juta
2013	2.2 juta	2 juta
2014	2.5 juta	3 juta

- c) Pihak MBSA telah melantik Panel Penasihat Pembangunan Landskap dan Kualiti Air yang merupakan pakar-pakar dari UTM, NAHRIM, UMT dan UPM bermula pada Januari 2015 bagi membantu member pandangan dan nasihat tentang kaedah terbaik bagi menaiktaraf kualiti air tasik dan infrastruktur yang akan dilaksanakan dan dibangunkan secara berterusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 Sekinchan)**

TAJUK : MASALAH BANJIR KILAT

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah punca utama yang menyebabkan banjir kilat sering berlaku di Taman Indah Sekinchan ?
- b) Apakah tindakan susulan yang akan dilakukan oleh MDSB bagi menyelesaikan masalah tersebut ?
- c) Sila huraikan apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang bagi mengatasi masalah tersebut ?

JAWAPAN:

- a) Punca yang menyebabkan berlaku banjir kilat di Taman Seri Indah Sekinchan adalah berdasarkan factor muka bumi(aras tanah yang rendah) dan faktor kurang saluran laluan air daripada taman (outlet terhad dan tidak dapat menampung jumlah aliran air semasa hujan lebat)
- b) Cadangan untuk mengatasi masalah adalah dengan melaksanakan kerja-kerja baik pulih longkang. Selain daripada itu dicadangkan outlet tambahan dibuat sebagai tempat saluran air keluar. Disamping itu peranan JPS diperlukan untuk membantu mengatasi masalah banjir ini.
- c) Perancangan jangka pendek adalah dengan membaiki system saluran dan menaikkan level longkang di taman, manakala perancangan jangka panjang adalah dengan mengemaskini system laluan air keluar (outlet) dengan meminta pandangan dari JPS

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 Sungai Air Tawar)**

TAJUK : SISTEM PERPARITAN JABATAN SALIRAN SELANGOR

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapa sistem perparitan di kampung gagal diselenggara oleh Jabatan Parit dan Saluran (JPS) ?
- b) Adakah JPS memantau parit-parit yang telah ditebas oleh JKKK sebelum membuat sebarang bayaran ?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor sentiasa menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan ke atas sistem perparitan khususnya di dalam kawasan pertanian. Selain itu juga perancangan dan pelaksanaan kerja-kerja tebasan banjir khususnya di dalam sistem perparitan turut diberi penekanan dan perhatian. Pemantauan dan perhatian akan dilakukan oleh Pegawai Penguasa di setiap kawasan jagaan yang terlibat ke atas kerja-kerja penyelenggaraan sistem perparitan yang dijalankan dari masa ke semasa.

Untuk makluman, kerja-kerja penyelenggaraan sistem perparitan di dalam Daerah Sabak Bernam terbahagi kepada dua (2) kategori. Sebahagian kerja-kerja penyelenggaraan ke atas parit-parit pertanian dijalankan oleh pihak JKKK yang dilantik oleh Kerajaan Negeri secara berkala iaitu 4 pusingan bagi kawasan pengairan dan 3 pusingan bagi kawasan saliran dalam tempoh setahun. Manakala sebahagian kerja-kerja penyelenggaraan ke atas parit-parit utama yang menghalau ke kunci air dijalankan oleh pihak kontraktor yang dilantik.

Secara umumnya, kerja-kerja penyelenggaraan tersebut mempunyai spesifikasi dan syarat-syarat penyelenggaraan turut disertakan dan perlu diambil perhatian oleh pihak JKKK/kontraktor yang dilantik sebelum kerja-kerja dimulakan. Kebiasaannya, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor akan memaklumkan kepada pihak JKKK/kontraktor yang dilantik sekiranya terdapat ketidakpuasan dan ketidakpatuhan ke atas spesifikasi serta syarat-syarat kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan dan mengarahkan agar kerja-kerja penyelenggaraan tersebut dijalankan sekali lagi sehingga ianya mematuhi spesifikasi yang ditetapkan.

- b) Secara umumnya, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor akan menyemak dan memeriksa terlebih dahulu kerja-kerja tebasan yang dijalankan

oleh pihak JKJK sebelum proses pembayaran dilakukan. Semakan dan pemeriksaan oleh Pegawai Penguasa dilakukan ke atas laporan tuntutan yang dikemukakan bagi kerja-kerja yang telah dijalankan dan ianya perlu mengikut syarat-syarat pembersihan parit yang telah ditetapkan. Pengesahan akan dilakukan oleh Jurutera Daerah selepas pemeriksaan dilakukan oleh Pegawai Penguasa terbabit sebelum proses pembayaran dibuat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 Meru)**

TAJUK : BANTUAN KEBAJIKAN JKM.

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kadar disumbangkan kerajaan negeri bagi penerima bantuan bulanan JKM?
- b) Adakah perancangan untuk meningkatkan kadar tersebut?
- c) Adakah bengkel bimbingan motivasi dan latihan berjadual bagi setiap penerima bagi meningkatkan taraf kehidupannya?

JAWAPAN:

- a) Kadar yang disumbangkan oleh kerajaan Negeri kepada penerima bantuan bulanan JKM adalah seperti berikut:
 - i. Kadar Bantuan Am adalah RM 75.00, RM100.00 dan RM175.00 sebulan
 - ii. Kadar Bantuan Latihan Perantis adalah RM250.00 sebulan.
- b) Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengemukakan kertas cadangan kepada kerajaan Negeri Selangor untuk menaikkan kadar Bantuan Am kepada RM300.00 sebulan mulai Januari 2015.
- c) Jabatan telah mengenalpasti klien jabatan dan mengelaskan kepada 2 kategori iaitu klien yang masih produktif dan klien yang sudah tidak produktif. Bagi klien yang masih produktif, Jabatan telah menawarkan bantuan Geran Pelancaran dan program 1 AZAM bagi membolehkan klien tersebut memulakan perniagaan. Kursus Motivasi dan Literasi Kewangan telah diberikan kepada peserta 1 AZAM sebelum mereka memulakan perniagaan. Bimbingan dan nasihat berterusan turut diberikan kepada klien jabatan yang menerima Bantuan Geran Pelancaran.

Jabatan juga menawarkan perkhidmatan bantu di rumah kepada klien yang sudah tidak produktif dan tidak mampu mengurus diri. Perkhidmatan tersebut adalah inisiatif kerajaan persekutuan untuk membantu golongan tersebut dengan menggunakan pendekatan sukarelawan yang akan ke rumah klien bagi memberi perkhidmatan bantu di rumah seperti membersihkan rumah klien, rakan bual, membuat pembelian runcit, pembayaran utiliti dan membawa klien ke hospital.

Setiap Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah telah menyediakan seorang kaunselor yang berdaftar mulai tahun 2008 bagi memberi khidmat bimbingan dan kaunseling kepada klien jabatan yang memerlukan bantuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 Kajang)**

TAJUK : HAL EHWAL ISLAM

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan langkah-langkah yang diambil kerajaan negeri untuk mengenal pasti golongan penerima asnaf zakat yang tercicir
- b) Apakah rancangan kerajaan negeri untuk menaiktaraf Masjid Jamek dan Masjid Qariah di Kajang
- c) Berapakah jumlah SRA baru yang akan dibina di kawasan sekitar Bandar Kajang dan Lembah Kantan (Kampung Sungai Kantan, Saujana Impian, Desa Sri Jenaris dan Prima Saujana) khususnya dan di seluruh negeri Selangor umumnya dalam tempoh 3 tahun akan datang?

JAWAPAN:

- a) LZS telah melaksanakan pelbagai langkah bagi mengenal pasti golongan asnaf yang tercicir di Selangor. Antara langkah-langkah yang dilaksanakan ialah:
 - i. Program Skuad Jejak Kemiskinan – Merupakan aktiviti turun padang bagi mengenal pasti golongan yang memerlukan namun tidak berdaftar dengan LZS. Ia diadakan sebanyak dua kali setahun di setiap daerah di Selangor.
 - ii. Memaklumkan melalui Talian Zakat Selangor (1-800-88-5353) atau FB LZS.
 - iii. Kerjasama melalui 1,700 penolong amil kariah yang dilantik oleh LZS.
 - iv. Membuat semakan tahunan untuk asnaf fakir dan miskin.
 - v. Memaklumkan melalui Kaunter Mini Zakat yang dibuka pada minggu-minggu tertentu di setiap daerah.
 - vi. Memaklumkan dengan mengunjungi 26 cawangan LZS di seluruh Selangor.
 - vii. Memaklumkan melalui Kaunter Bergerak LZS.
- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam Selangor merancang untuk menaiktaraf Masjid Daerah Pekan Kajang, antaranya penambahan ruang solat, pembinaan dewan serbaguna dan menaik taraf landskap.

Penyelenggaraan masjid-masjid kariah yang lain akan dilaksanakan secara berkala atau mengikut keperluan.

- b) Belum ada cadangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 Pandamaran)**

TAJUK : MARRIS

124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah skop kerja yang dibenarkan untuk menggunakan peruntukan MARRIS? Sila menyenaraikan atau membekalkan sesalinan garis panduan tentang kegunaan MARRIS.

JAWAPAN:

- a) Seperti tertakluk di **Perenggan 11, skop penyenggaraan Jalan Negeri yang dibenarkan di bawah Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri** terbahagi kepada **empat (4) kategori** utama seperti berikut:-

1. Penyenggaraan rutin (berjadual)

Kerja-kerja penyenggaraan rutin adalah kerja penyenggaraan yang dijalankan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan, contohnya;

- i. Penyenggaraan pavemen (tampal jalan)
- ii. Penyenggaraan bahu jalan
- iii. Kerja-kerja pemotongan rumput/lanskap
- iv. Penyenggaraan perabot jalan
- v. Penyenggaraan pembentung dan jambatan
- vi. Pembersihan longkang tepi jalan
- vii. Penyenggaraan cerun (semula jadi dan buatan manusia)
- viii. Penyenggaraan jejambat/jejantas
- ix. Penyenggaraan terowong

2. Penyenggaraan Berkala

Kerja-kerja yang memerlukan pemeriksaan dan penilaian sebelum dilaksanakan, contohnya;

- i. Menyenggara pavemen (menurap semula jalan)
- ii. Mengganti perabot jalan
- iii. Mengecat jalan

- iv. Mengganti saluran
- v. Membaiki cerun (atas dan bawah)
- vi. Membaiki jambatan dan pembentung yang menghubungkan jalan
- vii. Menyenggara pokok-pokok di bahu jalan
- viii. Menyenggara persimpangan jalan
- ix. Ujian ketahanan jalan
- x. Menyenggara lampu jalan dan lampu isyarat

3. Penyenggaraan kecemasan

Kerja-kerja luar jangka yang memerlukan tindakan segera, contohnya;

- i. Pokok tumbang
- ii. Tanah/cerun/tembok penahan runtuh
- iii. Jalan mendap
- iv. Kegagalan benteng
- v. Pembentung dan perparitan runtuh
- vi. Banjir
- vii. Tumpahan bahan-bahan kimia, toksik, bahan konkrit atau lain-lain kerja yang melibatkan keselamatan pengguna jalan raya yang terancam secara serius

Bagi pembaikan yang melibatkan keruntuhan struktur selain keruntuhan cerun, pembaikan hanya melibatkan laluan sementara.

4. Penyenggaraan Pencegahan (*preventive*)

Kerja-kerja tindakan awal yang perlu dilaksanakan bagi mengekalkan fungsi asal elemen jalan sedia ada yang mana kelewatan mengambil tindakan tersebut boleh menyebabkan implikasi kewangan yang tinggi dan boleh membahayakan keselamatan pengguna jalan raya iaitu:-

- i. Kajian cerun
- ii. Kajian Ketahanan Jalan
- iii. Kajian Lalu Lintas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 Semenyih)**

TAJUK : KONTRAKTOR PEMOTONGAN RUMPUT

125. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi memastikan pemotong?
- b) Bagaimanakah proses lantikan kontraktor oleh PBT?an rumput sentiasa mengikut jadual
- c) Senaraikan kontraktor yang dilantik dan kawasan terlibat mengikut PBT?

JAWAPAN:

- a) Langkah Kerajaan Negeri bagi memastikan pemotongan rumput sentiasa mengikut jadual adalah dengan memastikan kontraktor pembersihan kawasan yang dilantik menghantar laporan kerja pemotongan rumput bagi setiap jalan dalam kawasan kontrak sebelum atau pada 30hb bulan sebelumnya kepada PBT dan pemantauan dijalankan di lapangan bagi memastikan kerja – kerja pemotongan rumput dijalankan mengikut jadual. Kegagalan kontraktor yang dilantik mematuhi jadual yang ditetapkan akan menerima tindakan penalti 'Notice to Correct' (NTC) dan pemotongan bayaran akan dibuat pada tuntutan bayaran bulanan.
- b) Kontraktor pembersihan awam dilantik oleh PBT secara sebutharga dan tender terbuka. Pemilihan adalah berdasarkan penilaian harga terendah.
- c) Kontraktor yang dilantik mengikut kawasan terlibat mengikut PBT adalah seperti di **Lampiran 1.**

Lampiran 1.

1. Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)

Bil	Seksyen	Zon	Sh / Tender	Nama Kontraktor	Tempoh Kontrak
KONTRAKTOR PEMBERSIHAN KAWASAN					
1	2 & 3	SA1	T 79/2013	Jangkauan Delima Sdn. Bhd.	01/01/2014 - 31/12/2016
2	4, 5 & 14	SA 2	T236/2014	Adem Teknik Resources	01/10/2014 - 30/09/2017
3	4	SA2 (A)	T 80/2013	Purple Star Industries Sdn Bhd	01/01/2014 - 31/12/2016
4	6	SA 3	T101/2012	Knm Smart Resources	01/12/2012 - 30/11/2014
5	7	SA4 (A)	T 81/2013	Budi Makmur Resources	01/01/2014 - 31/12/2016
6	7	SA4 (B)	T 82/2013	Gorass(M) Sdn. Bhd.	01/01/2014 - 31/12/2016
7	7	SA4 (C)	T 83/2013	Syarikat Perniagaan Azreen	01/01/2014 - 31/12/2016
8	7	SA4 (D)	T 84/2013	Fatimah Niaga Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
9	7	SA4 (E)	T 85/2013	Nurzie Enterrise	01/01/2014 - 31/12/2016
10	7	SA 4(F)	T20/2014	D.A.T.R Technology Resources Sdn Bhd	01/05/2014 - 28/02/2017
11	7	SA4 (G)	T 86/2013	Megatech Engineering & Construction	01/01/2014 - 31/12/2016
12	7	SA 4(H)	SH332/2012	Pentas Wawasan Enterprise	15/11/2012 - 14/11/2014
13	7	SA4 (I)	T 87/2013	Reapline Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
14	7	SA4 (J)	T 88/2013	Kz Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
15	8	SA5 (A)	T 89/2013	Rathkom Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
16	8	SA5 (B)	T 90/2013	Akasia Stl Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
17	9	SA6 (A)	T 91/2013	Wilayah Hijau Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
18	9	SA 6 (B)	T111/2012	Nature Leisure Sdn Bhd	01/02/2013 - 31/01/2015
19	10	SA 7 (A)	SH132/2013	Nizar Berjaya Enterprise	01/06/2013 - 31/05/2015
20	11	SA 7 (C)	SH133/2013	Rynz Resources	01/06/2013 - 31/05/2015
21	12	SA 7 (B)	SH251/2012	Seri Dedaun Enterprise	01/10/2012 - 30/09/2014
22	13	SA8 (A)	T 92/2013	Berjaya Multi Resources	01/01/2014 - 31/12/2016

23	13	SA 8(B)	T112/2012	El Nour Enterprise	01/12/2012 - 30/11/2014
24	13	SA 8 (C)	T113/2012	Desa Tanjung Enterprise	01/12/2012 - 30/11/2014
25	15	SA9 (A)	T 93/2013	Adi Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
26	15	SA9 (B)	T 94/2013	Cater-Const Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
27	16	SA10 (A)	T 95/2013	Amisacon Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
28	16	SA10 (B)	T 96/2013	Bina Asli Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
29	17	SA11 (A)	T 97/2013	Variation Management Sdn Bhd	01/01/2014 - 31/12/2016
30	17	SA 11(B)	T237/2014	Elegant Showcase Sdn Bhd	01/10/2014 - 30/09/2017
31	17	SA11 (C)	T 98/2013	Pewara Holdings Sdn Bhd	01/01/2014 - 31/12/2016
32	17	SA 11(D)	T238/2014	Tafs Trading	01/10/2014 - 30/09/2017
33	18	SA12 (A)	T 99/2013	Imtell Ventures	01/01/2014 - 31/12/2016
34	18	SA12 (B)	T 100/2013	Kota Nilam Resources	01/01/2014 - 31/12/2016
35	19	SA13 (A)	T 101/2013	Syarikat Mazali	01/01/2014 - 31/12/2016
36	19	SA13 (B)	T 102/2013	Maju Bina Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
37	20	SA14 (A)	T 103/2013	Dz Teras Waja Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
38	20	SA14 (B)	T 104/2013	Ufuk Rata Sdn Bhd	01/01/2014 - 31/12/2016
39	22	SA15	T 105/2013	Tasek Madu Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
40	23	SA16	T 106/2013	Madu Kawan Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
41	24	SA17 (A)	T 107/2013	Wahizal Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
42	24	SA17 (B)	T 108/2013	Usaha Menjadi Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
43	25	SA18 (A)	T 109/2013	Kayima Services	01/01/2014 - 31/12/2016
44	25	SA18 (B)	T 110/2013	Perniagaan Pembinaan Ilham Jaya	01/01/2014 - 31/12/2016
45	25	SA 18 (C)	T114/2012	Azhood Services	01/12/2012 - 30/11/2014
46	25	SA 18(D)	T 2/2013	Ss Mentari Muda Enterprise	01/04/2013 - 31/03/2015
47	25	SA18 (E)	T 111/2013	S & A Bintang Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
48	25	SA18 (F)	T 112/2013	Pembinaan Bukit Tinggi	01/01/2014 - 31/12/2016

49	25	SA18 (G)	T 113/2013	Anggun Harmoni Resources	01/01/2014 - 31/12/2016
50	U1	SA29 (A)	T 149/2013	Wawasan Muda Fd Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
51	U1	SA29 (B)	T 150/2013	Arida Usaha Niaga	01/01/2014 - 31/12/2016
52	U1	SA29 (C)	T 151/2013	Fz Trading & Services	01/01/2014 - 31/12/2016
53	U1	SA29 (D)	T 152/2013	<i>Dalam Proses Lantikan. Kontrak Sedia Ada Telah Ditamatkan.</i>	01/01/2014 - 31/12/2016
54	U1	SA29 (E)	T 153/2013	Aminnuddin Baharum Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
55	U2	SA30 (A)	T 154/2013	E Jal Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
56	U2	SA30 (B)	T 155/2013	Peremba Green Sdn. Bhd.	01/01/2014 - 31/12/2016
57	U2	SA30 (C)	T 156/2013	<i>Dalam Proses Lantikan. Kontrak Sedia Ada Telah Ditamatkan.</i>	01/01/2014 - 31/12/2016
58	U3	SA31 (A)	T 157/2013	Zegron Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
59	U3	SA31 (B)	T 158/2013	Zerra Resources	01/01/2014 - 31/12/2016
60	U6	SA33 (A)	T 159/2013	Baha Niaga Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
61	U6	SA33 (B)	T 160/2013	Fias Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
62	U6	SA33 (C)	T 161/2013	Hi Risk Technology	01/01/2014 - 31/12/2016
63	U8	SA34 (A)	T 162/2013	Seri Aku Enterprise Sdn. Bhd.	01/01/2014 - 31/12/2016
64	U8	SA34 (B)	T 163/2013	Sumaha Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
65	U8	SA34 (C)	T 164/2013	Alfala Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
66	U8	SA 34(D)	T115/2012	Masury Jaya Enterprise	01/12/2012 - 30/11/2014
67	U8	SA34 (E)	T 165/2013	As Bina Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
68	U8	SA34 (F)	T 166/2013	Rumpun Damai Nursery	01/01/2014 - 31/12/2016
69	U8	SA 34(G)	SH321/2012	Qeris Tualang	15/11/2012 - 14/11/2014
70	U8	SA34 (H)	T 167/2013	N.Z Motah Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
71	U8	SA34 (I)	T 168/2013	N.A Maju Jaya Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
72	U8	SA34 (J)	T 169/2013	Aqilshah Jaya Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
73	U8	SA 34(L)	SH 75/2013	Mognas Communication Sdn Bhd	01/04/2013 - 31/03/2015
74	U9	SA35 (A)	T 170/2013	Roswada Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016

75	U9	SA35 (B)	T 171/2013	Geroot Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
76	U9	SA35 (C)	T 240/2014	Oli Tech Venture	01/10/2014 - 30/09/2017
77	U10	SA36 (A)	T 172/2013	Geliga Delima Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
78	U10	SA36 (B)	T 173/2013	Nurfarahazida Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
79	U10	SA36 (C)	T 174/2013	Zamara Resources	01/01/2014 - 31/12/2016
80	U11	SA 37	T21/2014	Zmb Resources Sdn Bhd	01/05/2014 - 28/02/2017
81	U12	SA 38	T22/2014	Syarikat Hastran	01/05/2014 - 28/02/2017
82	U13	SA 39(A)	T23/2014	Aiemy Resources	01/05/2014 - 28/02/2017
83	U13	SA 39(B)	T24/2014	Shahdins Resources	01/05/2014 - 28/02/2017
84	U13	SA 39(C)	T25/2014	Izzr Enterprise	01/05/2014 - 28/02/2017
85	U13	SA 39 (D)	SH 76/2013	Zahass Trades	01/04/2013 - 31/03/2015
86	ZON PENAMPAN LEBUHRAYA PERSEKUTUAN	SA 45A	T26/2014	Kuyang Jaya Enterprise	01/05/2014 - 28/02/2017
87		SA 45B	T27/2014	Kohati Enterprise	01/05/2014 - 28/02/2017
88	26	SA 19(A)	SH 71/2013	Saf Sal Enterprise	01/04/2013 - 31/03/2015
89	26	SA19 (B)	T219/2014	Hamiludin Enterprise	01/10/2014 - 30/09/2017
90	27	SA20 (A)	T 115/2013	Tiara A Trading	01/01/2014 - 31/12/2016
91	27	SA20 (B)	T 116/2013	Pristine Tiara (M) Sdn Bhd	01/01/2014 - 31/12/2016
92	27	SA20 (C)	T 117/2013	Que Tech Services	01/01/2014 - 31/12/2016
93	27	SA20 (D)	T 118/2013	Gior Enterprise Sdn. Bhd	01/01/2014 - 31/12/2016
94	27	SA20 (E)	T 119/2013	Kawah Emas Contruccion	01/01/2014 - 31/12/2016
95	28	SA21 (A)	T 120/2013	Kaisara Maju Resources	01/01/2014 - 31/12/2016
96	28	SA21 (B)	T 121/2013	Razana Utama Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
97	29	SA22	T 122/2013	Tekad Bekal Teamwork	01/01/2014 - 31/12/2016
98	30	SA23 (A)	T 123/2013	Jawharah An Nur Resources	01/01/2014 - 31/12/2016
99	30	SA23 (B)	T 124/2013	Delima Hijau Trading	01/01/2014 - 31/12/2016

100	30	SA23 (C)	T 125/2013	Rwn Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
101	31	SA 24(A)	T30/2013	Laila Binti Daya	01/06/2013 - 31/05/2015
102	31	SA24 (B)	T 126/2013	<i>Dalam Proses Lantikan. Kontrak Sedia Ada Telah Ditamatkan.</i>	01/01/2014 - 31/12/2016
103	31	SA24 (C)	T 127/2013	Warisan Puncak Niaga	01/01/2014 - 31/12/2016
104	31	SA24 (D)	T 128/2013	Rozawani Maju Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
105	31	SA24 (E)	T 129/2013	Ilham Syamimi Entepriase	01/01/2014 - 31/12/2016
106	31	SA24 (F)	T19/2014	Syarikat Pembinaan Nuri	01/05/2014 - 28/02/2017
107	31	SA24 (G)	T 130/2013	Hazainie Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
108	31	SA24 (H)	T 131/2013	Inteleque Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
109	31	SA24 (I)	T 132/2013	Wanie Suri Resources	01/01/2014 - 31/12/2016
110	31	SA 24(J)	SH 72/2013	Abdul Harizal Bin Abdul Hashim	01/04/2013 - 31/03/2015
111	31	SA 24(K)	T29/2013	Huahad Sdn Bhd	01/06/2013 - 31/05/2015
112	31	SA24 (L)	T 133/2013	Seri Kandis Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
113	32	SA25 (A)	T 134/2013	Firaz Construction	01/01/2014 - 31/12/2016
114	32	SA25 (B)	T 135/2013	Eco Alam Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
115	32	SA25 (C)	T229/2014	Anjung Rimbun	01/10/2014 - 30/09/2017
116	32	SA25 (D)	T 137/2013	Kejuruteraan Nifa	01/01/2014 - 31/12/2016
117	32	SA25 (E)	T 138/2013	Yens Usa Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
118	32	SA25 (F)	T 139/2013	Ar-As Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
119	32	SA 25(G)	SH277/2014	Tritech Trading	01/10/2014 - 30/09/2017
120	32	SA 25(H)	SH 73/2013	Jengking Emas Trading & Construction	01/04/2013 - 31/03/2015
121	32	SA25 (I)	T 140/2013	H.N Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
122	33	SA26 (A)	T 141/2013	Asas Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
123	33	SA26 (B)	T 142/2013	Jai Pitis Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
124	33	SA26 (C)	T 143/2013	Mfar Builders (M) Sdn Bhd	01/01/2014 - 31/12/2016
125	34	SA27 (A)	T 144/2013	Labur Suci	01/01/2014 - 31/12/2016

126	35	SA27 (B)	T 145/2013	Kasulin Sdn Bhd	01/01/2014 - 31/12/2016
127	35	SA 27(D)	T102/2012	Sedia Urus Bersama Resources	01/12/2012 - 30/11/2014
128	36	SA28 (A)	T 146/2013	Tuah Berganda Sdn Bhd	01/01/2014 - 31/12/2016
129	36	SA28 (B)	T 147/2013	Suhaimi Jaya Enterprise	01/01/2014 - 31/12/2016
130	36	SA28 (C)	T 148/2013	Bah Udy Construction	01/01/2014 - 31/12/2016
131	U4	SA 47	SH 78/2013	Bakti Usaha Niaga	01/04/2013 - 31/03/2015
132	U5	SA 32 (A)	T28/2014	Indah Amieraz	01/05/2014 - 28/02/2017
133	U5	SA 32 (B)	T29/2014	Sha - Qira Construction & Services	01/05/2014 - 28/02/2017
134	U5	SA 32 (C)	T30/2014	Akhmal Niaga Resources	01/05/2014 - 28/02/2017
135	U5	SA 32 (D)	T31/2014	Zns Engineering	01/05/2014 - 28/02/2017
136	U5	SA 32 (E)	T32/2014	Amtrolink Sdn Bhd	01/05/2014 - 28/02/2017
137	U5	SA 32 (F)	T33/2014	Zas Prestige Resources	01/05/2014 - 28/02/2017
138	U5	SA 32 (G)	T34/2014	Revenue Lifestyle Enterprise	01/05/2014 - 28/02/2017
139	U5	SA 32 (H)	T35/2014	Ctris Resources	01/05/2014 - 28/02/2017
140	U5	SA 32 (I)	T36/2014	D'EHSAN ENTERPRISE	01/05/2014 - 28/02/2017
141	U5	SA 32 (J)	T37/2014	<i>dalam proses lantikan. Kontrak sedia ada telah ditamatkan.</i>	01/05/2014 - 28/02/2017
142	U5	SA 32 (K)	T239/2014	Khudrat Enterprise	01/10/2014 - 30/09/2017
143	U5	SA 32 (L)	T38/2014	Zummy Engineering	01/05/2014 - 28/02/2017
144	U5	SA 32 (M)	T39/2014	Rb D Salsa Enterprise	01/05/2014 - 28/02/2017
145	U5	SA 32 (N)	SH 74/2013	Aienz Mutiara	01/04/2013 - 31/03/2015
146	U5	SA32 (O)	T40/2014	Cahaya Orion Trading	01/05/2014 - 28/02/2017
147	U5	SA32 (P)	T41/2014	Sabsa Bina Enterprise	01/05/2014 - 28/02/2017
148	U16	SA 40 (A)	T42/2014	Sentuhan Warisan Sdn Bhd	01/05/2014 - 28/02/2017
149	U16	SA 40 (B)	T43/2014	Aftacop Sdn Bhd	01/05/2014 - 28/02/2017
150	U16	SA 40 (C)	SH 77/2013	Sinergi Alam Sdn Bhd	01/04/2013 - 31/03/2015
151	U16	SA40 (D)	T44/2014	Sfk Global Resources	01/05/2014 - 28/02/2017

152	U16	SA40 (E)	T45/2014	Imas Bina Enterprise	01/05/2014 - 28/02/2017
153	U17	SA 41 (A)	T46/2014	Msar Resources	01/05/2014 - 28/02/2017
154	U17	SA 41 (B)	T47/2014	Aras Ganda Sdn Bhd	01/05/2014 - 28/02/2017
155	U17	SA 41(C)	T48/2014	Nissuh Enterprise	01/05/2014 - 28/02/2017
156	U17	SA 41(D)	SH320/2012	Ah Intelligence Construction & Services	15/11/2012 - 14/11/2014
157	U18	SA42	T49/2014	Aiqal Global Services	01/05/2014 - 28/02/2017
158	U19	SA43A	T50/2014	Emey Zaily Enterprise	01/05/2014 - 28/02/2017
159	U19	SA43B	T116//2012	D' Bina Enterprise	01/2/2013 - 31/01/2015
160	U19	SA 43C	T97/2014	Afbatni Resources	01/05/2014 - 28/02/2017
161	U19	SA 43D	T98/2014	Senggara Tani Enterprise	01/05/2014 - 28/02/2017
162	U19	SA 43E	T99/2014	Syarikat Azis Salleh	01/05/2014 - 28/02/2017
		Lot 1643, Batu 9, Kampung Medan, 42500 Telok Panglima Garang, Selangor
34	Pembersihan Kawasan Di Seluruh Kawasan	KERJASS SDN BHD

	Industri Jalan Sultan Mohamed, Bandar Sultan Sulaiman Dan Kawasan Sekitarnya Seperti Di Dalam Peta	No. 12A, Jalan Saujana Indah 1, Taman Saujana Indah, Sek. U2, 40150 Shah Alam, Selangor
BIL	KAWASAN	NAMA SYARIKAT
35	Pembersihan Kawasan Di Kawasan Perindustrian Fasa 2B, 2C, & 2D, Selangor Halal Hub, Bandar Armada Putra, Pulau Indah Dan Kawasan Sekitarnya Seperti Di Dalam Peta	F AND R ENTERPRISE Lot 3182, Batu 22 ½ Jalan Masjid, Kanchong Darat, 42700 Banting, Selangor
36	Pembersihan Kawasan Di Keseluruhan Industri Fasa 1, Industri Fasa 2A, Taman Laguna Park, Pulau Indah Dan Kawasan Sekitarnya Seperti Di Dalam Peta	TANGAN SENI ENTERPRISE Lot 6801, Batu 6 ½, Kg. Sementa, 42100 Klang, Selangor

10) Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)

48 kontraktor (tidak senaraikan kontraktor)

11) Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)

Tiada lantikan kontraktor di MDSB kerana dilaksanakan secara *in-house*.

12) Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)

Tiada Maklumbalas

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 Hulu Kelang)**

TAJUK : KAEDAH PEMILIHAN KHIDMAT KATERING SUK

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah maksud “pemilihan mengikut giliran senarai syarikat katering yang berdaftar”?
- b) Adakah syarat-syarat yang membolehkan sesebuah syarikat katering didaftarkan?
- c) Bagaimana sistem giliran itu ditetapkan dan dilaksanakan?

JAWAPAN:

- a) Pemilihan mengikut giliran senarai syarikat katering yang didaftarkan bermaksud:

Mempelawa syarikat katering untuk memberi perkhidmatan menyediakan makanan bagi mesyuarat, bengkel dan kursus yang diadakan di Pejabat Setiausaha Kerajaan secara bergilir dikalangan syarikat yang telah memberikan maklumat atau latarbelakang syarikat kepada Pentadbiran. Harga yang ditawarkan adalah tertakluk kepada peraturan yang telah dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor (Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil.7 Tahun 2011).

Bagaimanapun penggiliran ini tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana terdapat syarikat katering yang menolak perlawaan berikutan kenaikan kos berbanding kadar harga yang telah ditetapkan.

- b) Syarikat katering yang didaftarkan mempunyai:

1. Sijil Syarikat Malaysia (SSM)
2. Sijil Kementerian Kewangan
3. Akaun Syarikat.

- c) Sistem giliran tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana ianya tertakluk kepada kesanggupan pihak pembekal (katerer) dalam penyediaan katering mengikut harga yang ditawarkan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor (Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil.7 Tahun 2011)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 Rawang)**

TAJUK : TABUNG CARUMAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

127. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jenis caruman yang diwujudkan bawah Kerajaan Negeri Selangor dan kegunaan setiap jenis caruman tersebut.
- b) Senaraikan jumlah peruntukan yang sedia ada dalam caruman tersebut.

JAWAPAN:

Perlu merujuk kepada kerajaan negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 Lembah Jaya)**

TAJUK : RUMAH URUT

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Benarkah rumah-rumah urut tumbuh subur di negeri Selangor. Nyatakan berapakah jumlah yang telah dilesenkan mengikut PBT.
- b) Berapakah premis rumah urut yang telah disalahgunakan. Huraikan mengikut PBT.
- c) Berapakah kompaun yang telah dikenakan mengikut PBT.

JAWAPAN:

Tuan Speaker,

- a) Permintaan pelanggan terhadap perkhidmatan rumah urut adalah salah satu faktor meningkatnya premis rumah urut di sesebuah kawasan. Walau bagaimanapun ada PBT telah membekukan lesen rumah urut sejak 2008 dan hanya memproses pembaharuan lesen sedia ada sahaja. Sehubungan itu, jumlah rumah urut yang telah dilesenkan pada tahun 2014 adalah sebanyak 157 seperti di bawah:-

BIL.	PBT	Bil. Lesen Rumah Urut
1.	MBSA	1
2.	MBPJ	0
3.	MPSJ	0
4.	MPS	81
5.	MPAJ	36
6.	MPKj	0
7.	MPK	32
8.	MPSp	0
9.	MDKS	7

10.	MDKL	0
11.	MDSB	0
12.	MDHS	0
	Jumlah Keseluruhan	157

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor*

b) Soalan b) dan c) adalah bersekali

Premis rumah urut yang didapati menyalahgunakan premis perniagaannya pada tahun 2014 adalah sebanyak 25 premis seperti di bawah:-

BIL.	PBT	Bil. Premis Rumah Urut Yang Disalahgunakan	Bil. Kompaun Yang dikeluarkan
1.	MBSA	0	0
2.	MBPJ	1	1
3.	MPSJ	0	0
4.	MPS	2	8
5.	MPAJ	0	0
6.	MPKj	0	0
7.	MPK	13	66
8.	MPSp	0	2
9.	MDKS	9	9
10.	MDKL	0	28
11.	MDSB	0	0
12.	MDHS	0	0
	Jumlah Keseluruhan	25	114

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 Batu Tiga)**

TAJUK : DASAR KELUARGA SELANGOR

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar keluarga Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Apakah mekanisme yang dirancang bagi menjayakan dasar tersebut?

JAWAPAN:

Pada ketika ini, Kerajaan Negeri mengguna pakai Dasar Keluarga Negara secara umum. Walau bagaimanapun, ia diselaraskan mengikut keperluan di Negeri melalui Pelan Tindakan Wanita Negeri Selangor dijadikan asas dan diguna pakai di dalam pelaksanaan program-program pemberdayaan wanita dan keluarga.

Terdapat 12 fokus yang digariskan di dalam pelan tindakan ini yang merangkumi aspek kekeluargaan yang menekankan kesejahteraan institusi keluarga sebagai unit asas masyarakat dalam membentuk nilai-nilai murni sesebuah masyarakat. Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan semua jabatan dan agensi-agensi Kerajaan serta badan-badan bukan Kerajaan dalam usaha bersama memelihara institusi kekeluargaan di Negeri Selangor.

Jawapan (c) dan (d) adalah bersekali:

Kerajaan Negeri merancang pelbagai program latihan pemberdayaan wanita dan keluarga melalui Pusat Wanita Berdaya. Terdapat 12 Bidang keutamaan pemberdayaan yang dirancang antaranya ekonomi, undang-undang, pendidikan dan latihan, politik, sosioial dan budaya, kekeluargaan, kesihatan dan teknologi dan alam sekitar.

Sehingga Januari 2014 sebanyak RM317,500.00 telah dibelanjakan bagi pelaksanaan program dan latihan pemerdayaan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 Sekinchan)**

TAJUK : MASALAH TANAH BAGAN SEKINCHAN

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini proses pembatalan warta tanah lorong 6-12 Bagan Sekinchan ?
- b) Sila nyatakan kenapa PDT terpaksa mengambil masa yang panjang untuk menyelesaikan masalah tersebut ?
- c) Sila nyatakan bilakah para penduduk Bagan Sekinchan dapat mengemukakan permohonan hak milik tanah ?

JAWAPAN:

- a) Proses pembatalan sebahagian simpanan Melayu Tanjung Karang GN 1879-3 kerajaan di Bagan sekinchan lorong 6-12 dalam tindakan JUPEM penyediaan pelan warta. tindakan JUPEM. PTD (tunggu pelan warta) JUPEM siap
- b) Melibatkan jabatan lain iaitu JUPEM (jabatan kerajaan persekutuan)
- c) Bergantung kepada proses penggantian dan pembatalan sebahagian simpanan Melayu tersebut. Rujuk Perkara 89 (3) perlembagaan persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 Jeram)**

TAJUK : PERKHIDMATAN BAS

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri dalam menambah bilangan pengusaha perkhidmatan bas henti-henti sekitar Selangor?
- b) Apakah mekanisme Kerajaan Negeri dalam memastikan pengusaha bas henti-henti memberikan khidmat yang baik kepada pengguna ?

JAWAPAN:

- a) Pendaftaran dan pelesenan perkhidmatan pengangkutan awam darat termasuk pengusaha perkhidmatan bas adalah di bawah bidang kuasa dan fungsi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Buat masa ini, TIADA inisiatif dalam menambah bilangan pengusaha perkhidmatan bas henti-henti di Selangor kerana perkara ini terletak di luar bidang kuasa dan perundangan Kerajaan Negeri. Sebaliknya, usaha lebih tertumpu kepada penambahbaikan pelan rangkaian bas, operasi dan infrastruktur bas serta penyelarasan perkhidmatan pengusaha bas henti-henti sedia ada dengan kerjasama pihak SPAD.

Walaubagaimana pun, Kerajaan Negeri sentiasa melaksanakan penambahbaikan dalam memastikan sistem pengangkutan awam Negeri Selangor dipertingkatkan. Inisiatif yang dirangka bagi menambahbaik pengangkutan awam adalah dengan:

- i. Menubuhkan Majlis Pengangkutan Awam Selangor (MPAS) yang bertindak sebagai pengendali/pelaksana induk atau penggubal dasar bagi sistem pengangkutan awam Selangor. Melalui penubuhan MPAS juga, satu Jawatankuasa Khas dibentuk khususnya untuk mengendalikan isu-isu teknikal dan membincangkan cadangan-cadangan baru pengangkutan awam yang dikemukakan untuk diputuskan oleh MPAS.
- ii. Memperluaskan lagi pelaksanaan program pengangkutan awam percuma iaitu perkhidmatan bas komuniti secara berperingkat melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terlibat dan memastikan program ini kekal untuk jangka masa yang panjang.
- iii. Memastikan pelaksanaan projek-projek pengangkutan awam darat

seperti LRT 3 dan MRT 2 diselaraskan dengan Rancangan Struktur Negeri (RSN).

- iv. Menyokong pelaksanaan *Bus Rapid Transit* (BRT) yang dijangka dapat membantu usaha Kerajaan Negeri dalam mengurangkan kebergantungan terhadap kenderaan persendirian yang menyebabkan masalah kesesakan jalanraya di kawasan Bandar.

Dalam pada itu, Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan melalui Jawatankuasa Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat (RIPAD) dengan pelaksanaan projek perintis di daerah Kuala Langat iaitu **Projek Penambahbaikan Bas Henti-henti atau *Commuter Bus Improvement Project* (CBIP)**. Pihak SPAD sebagai pihak yang berwajib dalam hal perkhidmatan pengangkutan awam darat telah memaklumkan bahawa *Projek Perintis* ini berada di fasa pelaksanaan iaitu proses tender untuk projek bas henti-henti di daerah Kuala Langat dijangka bermula pada awal tahun 2015. Bagi daerah Kuala Selangor, Sabak Bernam dan Hulu Selangor, pula berada di dalam proses akhir rangka Pelan Rangkaian Bas dan Operasi Bas.

- b) Elemen pemantauan dan penguatkuasaan terhadap perkhidmatan pengangkutan awam darat adalah juga di bawah bidang kuasa dan fungsi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat (RIPAD) telah dimaklumkan oleh pihak SPAD sebagai pihak yang berwajib dalam hal perkhidmatan pengangkutan awam darat bahawa Projek CBIP akan dilengkapi dengan sistem pemantauan terhadap setiap bas henti-henti yang beroperasi bagi memastikan keseluruhan "*trip*" ditetapkan dipenuhi. Semua pengusaha bas henti-henti yang terlibat akan diagihkan dengan laluan yang sama rata termasuk "*sosial route*".

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 Gombak Setia)**

TAJUK : SISA PEPEJAL

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai bidang kuasa untuk menghalang dan menahan pembuangan sisa pepejal daripada projek-projek pembangunan lain ke Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri tiada bidang kuasa untuk menghalang dan menahan pembuangan sisa pepejal daripada projek-projek pembangunan lain ke Negeri Selangor. Namun pembuangan sisa pepejal tersebut hanya dibenarkan dibuang di tapak pelupusan sanitari dan sisa lengai sisa pepejal yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri sahaja iaitu seperti di bawah:-

BIL.	NAMA	KENDALIAN
1.	Jeram Sanitary Landfill	WHB
2.	Tanjung Dua Belas Sanitary Landfill	WHB
3.	Bukit Tagar Sanitary Landfill	KUB Berjaya Enviro Sdn. Bhd.
4.	Dengkil Inert Waste Landfill	WHB
5.	Kuang Inert Waste Landfill	WHB
6.	Sg. Kertas Inert Waste Landfill	WHB

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 Kota Anggerik)**

TAJUK : PENGSWASTAAN PARKIR BERBAYAR MBSA

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah hasil kutipan yang diperolehi oleh pihak yang mengendalikan parkir ?
- b) Berapakah hasil kutipan yang diperolehi oleh MBSA ?
- c) Senaraikan lembaga pengarah syarikat yang memperolehi konsesi penswastan parkir tersebut ?

JAWAPAN:

- a) Pihak yang mengendalikan kutipan parkir pengswastan di Majlis Bandaraya Shah Alam ialah Syarikat Konsesi Suasa Efektif Sdn Bhd. Rekod hasil kutipan yang diperolehi oleh syarikat konsesi Suasa Efektif (M) Sdn Bhd adalah seperti berikut :

Tahun	2012	2013	2014 (Jan hingga Sept)
Hasil	RM	RM	RM
Jumlah Keseluruhan	2 ,457,208.00	4,176,747.00	4,561,578.00

- b) Jumlah kutipan hasil parkir berbayar yang diperolehi oleh Majlis Bandaraya Shah Alam adalah seperti berikut :

2012	2013	2014 (sehingga Okt)
RM 1,784,753.94	RM 2,371,306.80	RM 3,984,436.90

- c) Lembaga Pengarah Syarikat yang memperolehi konsesi pengswastan parkir adalah seperti berikut :

Bil	Nama	Jawatan
1.	Y.M. Tengku Dato' Naizatul Shima binti Tengku Abd Murad Shah	Pengerusi
2.	Dr. Abdul Latid bin Shaikh Mohamed	Ketua Pengarah Eksekutif
3.	Y.M. Tengku Dato' Taha	Pengarah Eksekutif

	Alfashni bin Tengku Abd Murad Shah Al-Haj	
4.	Ramlan bin Pin	Pengarah
5.	Mohd Ismail bin Masri	Pengarah

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 Pandamaran)**

TAJUK : PEMBINAAN TANDAS BARU DI JALAN BESAR PANDAMARAN

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Majlis Perbandaran Klang telah bersetuju untuk membina satu tandas baru di Jalan Besar Pandamaran pada tahun 2013 tetapi pembinaan tidak dilakukan sehingga kini disebabkan kekurangan dana. Bolehkah Kerajaan Negeri membantu dari segi kewangan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa bersedia untuk melihat permasalahan yang dihadapi oleh Majlis Perbandaran Klang dan sedia mempertimbangkan apa-apa permohonan kewangan yang dikemukakan tertakluk kepada justifikasi yang diberikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 Batang Kali)**

TAJUK : PROGRAM PEMERKASAAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS)

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah jenis program pemeriksaan IKS yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri?
- b) Berapa jumlah peserta yang telah menyertai program tersebut dan nyatakan mengikut Daerah?

JAWAPAN:

- a) Sebanyak 104 program pemerksaan IKS yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 2014. Senarai program-program tersebut adalah seperti di **Lampiran 1**.
- b) Jumlah peserta yang telah menyertai program tersebut adalah seramai 16,867 orang.

Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:-

Bil.	Daerah	Jumlah Peserta
1	Gombak	1972
2	Hulu Langat	2279
3	Klang	1902
4	Petaling	2313
5	Sepang	1687
6	Hulu Selangor	1508
7	Kuala Langat	1684
8	Kuala Selangor	1809
9	Sebak Bernam	1713
Jumlah		16,867

Lampiran 1

Senarai Diantara Program –Program Pemerkasaan Yang Telah Dilaksanakan

Bil.	Nama Program
1	Penang International Halal Expo & Convention
2	Program 4P – Modul 2
3	Program 4P - Modul 3
4	Seminar “Globalization and Economic Community, is Malaysia Ready?”
5	Malaysia International Halal Show 2014
6	Taklimat Pembiayaan Perniagaan (AGROBANK)
7	Taklimat Halal - JAIS
8	Taklimat MeSTI – KKM
9	Seminar Peluang Perniagaan Barangan China dan Vietnam Bersama Farouk Hussin
10	Kursus Peningkatan Jualan Melalui “Facebook Marketing”
11	Taklimat Pembiayaan Perniagaan (SME BANK)
12	Seminar Kepentingan Pendaftaran Syarikat SSM
13	Taklimat Panduan Mengeksport oleh MATRADE & Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) oleh MITI
14	Bengkel Penulisan Kertas Kerja Perniagaan (PUNB)
15	HALAFEST
16	Mungkin Keusahawanan Diri (MKD)
17	Bengkel Pengurusan Kewangan (BPK)

18	Program Penghargaan Peserta (PPP) Zon 1
19	Program Penghargaan Peserta (PPP) Zon 3
20	Program Penghargaan Peserta (PPP) Zon 2
21	Bengkel Membina Perniagaan yang Berjaya
22	Program SPIES Zon 1
23	Program SPIES Zon 3
24	Bengkel Membina Website
25	Bual Biz Santai : Nikmat Rahsia Kegagalan dalam perniagaan
26	Bengkel Pelan Perniagaan Usahawan
27	Program Usahawan
28	Taklimat Produk/Hub Halal
29	Program Usahawan
30	Bengkel Pelan Perniagaan Usahawan
31	Promasa (Usahawan Separuh Masa)
32	Bengkel Membina Website
33	Seminar Kenali Karektor Diri
34	Bengkel Kertas Kerja Usahawan
35	Program Taklimat Usahawan
36	Taklimat Penerangan Food Safety & Halal Toyyiban
37	Kursus Pra Kelulusan (KPK Fasa 52)
38	Kursus Pra Kelulusan (KPK Fasa 53)
39	Bengkel Pengurusan Kewangan Usahawan
40	Kursus Pra Kelulusan (KPK Fasa 54) & Bengkel Usahawan
41	Kursus Pra Kelulusan (KPK Fasa 55) & Bengkel Usahawan
42	Kursus Pra Kelulusan (KPK Fasa 56) & Bengkel Usahawan
43	Bengkel SMART BIZ
44	Kursus Pra Kelulusan (KPK Fasa 57) & Bengkel Usahawan
45	Bengkel FB Marketing for Business Siri 1
46	Kursus Pra Kelulusan (KPK Fasa 58) & Bengkel Usahawan

47	Kursus Pra Kelulusan (KPK Fasa 59) & Bengkel Usahawan
48	Bengkel FB Marketing for Business Siri 2
49	Bengkel Penjenamaan Produk /Label/Packaging
50	Kursus Survival Mikro-Niaga 1.0 (SMN Fasa 60)
51	Kursus Survival Mikro-Niaga 2.0 (SMN Fasa 61)
52	Seminar ICT For Growth
53	Bengkel Penyediaan Rancangan Perniagaan Efektif
54	Bengkel Penyediaan Perakaunan Perniagaan Kecil dan Sederhana
55	Seminar Inspirasi Usahawan: Usahawan Muslim Profesional
56	Program Mudahcara Pensijilan Halal
57	Kursus Pengendalian Makanan dan Kesedaran Halal
58	Bengkel Transformasi Usahawan Niaga
59	Seminar 'Kenapa Bisnes?'
60	Bengkel Transformasi Usahawan Niaga Sesi 2
61	Kursus Borong China dan Pemasaran Secara Online
62	Program Mudahcara Pensijilan Halal Sesi 2
63	Kursus Imej Profesional dan Etiket Bisnes
64	Kursus Pengendalian Makanan Sesi 2
65	Kursus Hartanah
66	Kursus Kenali Potensi Diri
67	Kursus Kek (Sesi 1)
68	Kursus Kek (Sesi 2)
69	Kursus Gubahan Bunga Segar
70	Kursus Apam Balik dan Kek Sarang Semut
71	Kursus Makanan Tradisional
72	Kursus Perakaunan dan Simpan Kira
73	Kursus MESTI (Sesi 1)
74	Kursus MESTI (Sesi 2)
75	Kusus Pastrri Pizza dan Puding Nangka

76	Kursus Sejuk Beku
77	Kursus Kek dan Foundant
78	Kursus Membuat Kek
79	Kursus Kraft dan Gubahan Bunga
80	Kursus Biskut
81	Kursus Natural Farming
82	Kursus Kraftangan
83	Kursus Frozen Food
84	Kursus Laksa
85	Kursus Coklat (Sesi 1)
86	Kursus Coklat (Sesi 2)
87	Kursus Bakery, Pastry, & Puff
88	Kursus MESTI
89	Kursus Kuih Tradisional
90	Kursus Sejuk Beku
91	Kursus Dekorasi dan Gubahan Kek
92	Kursus Perakaunan dan Simpan Kira
93	Kursus Pastry
94	Demo Sejuk Beku (Program Luar)
95	Kursus Roti dan Pau
96	Kursus Kraftangan
97	Kursus Kuih Tradisional
98	Kursus Makanan Barat
99	Kursus Mee Kuning
100	Kursus Kek Moden
101	Kursus Soya dan Cincau
102	Kursus Mee dan Cendol
103	Kursus Roti Asas
104	Kursus Congo Bar

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 Selat Klang)**

**TAJUK : PELAN PROAKTIF UNTUK MENGATASI MASALAH IBU TUNGGAL YANG
MENJAGA ANAK BERSEKOLAH**

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan kerajaan untuk mengenal pasti dan menyalur bantuan pantas bagi golongan sebegini agar anak-anak tidak tercicir persekolahan
- b) Berapakah ibu tunggal yang berdaftar di DUN Selat Klang?
- c) Apakah jenis bantuan yang telah mereka terima daripada kerajaan?

JAWAPAN:

- a) Pada ketika ini, Kerajaan Negeri tiada menyediakan bantuan pantas bagi golongan sebegini, walau bagaimanapun Kerajaan Negeri akan merangka program bantuan khusus kepada ibu tunggal dari aspek bantuan sokongan agar membolehkan mereka meneruskan kehidupan yang lebih baik termasuk memastikan anak – anak dihantar ke sekolah supaya mendapat pendidikan yang sempurna. Dengan ini, masalah keciciran persekolahan anak-anak ibu tunggal dapat dibendung.
- b) Jumlah Ibu tunggal yang berdaftar di DUN Selat Klang melalui sistem e-Bu adalah seramai 583 orang.
- c) Pada masa kini, Kerajaan Negeri ada menyediakan beberapa bantuan untuk ibu tunggal untuk jangka masa panjang seperti latihan dan bimbingan. Melalui latihan dan bimbingan ini mereka boleh mendapatkan bantuan kewangan dari SKIMSEL, MIMBAR, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Lembaga Zakat Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 Kajang)**

TAJUK : KEBUDAYAAN, PELANCONGAN DAN WARISAN

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan industri sate Kajang sebagai hub pelancongan utama di negeri Selangor
- b) Apakah ada usaha-usaha yang diambil oleh kerajaan negeri untuk menaiktaraf Kajang sebagai Bandar Warisan Selangor kerana bandar Kajang sudah berusia lebih seratus tahun
- c) Minta Kerajaan Negeri mengemukakan inisiatif untuk memelihara warisan kebudayaan di negeri Selangor

JAWAPAN:

- a) Sate Kajang merupakan salah satu daya tarikan utama untuk menarik para pengunjung terutamanya pelancong di dalam negara untuk datang ke Kajang. Majlis perbandaran Kajang dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan Tourism Selangor telah merancang pelbagai program untuk membangunkan industri sate Kajang sebagai hub pelancongan Negeri Selangor.

Senarai Program Unit Pelancongan Majlis Perbandaran Kajang 2015

Bil.	Program / Aktiviti	Tarikh	Penganjur
1.	Penganjuran Karnival 1001 Rasa Sate Kajang 2015	April 2015	Kerajaan Negeri Selangor / Majlis Perbandaran Kajang / Tourism Selangor
2.	Pesta Sate Selangor 2015	Akan Di Maklumkan Kelak	Kerajaan Negeri Selangor / Majlis Perbandaran Kajang / Tourism Selangor

3.	Hari Terbuka Galeri Sate Kajang 2015	Disember 2014	Majlis Perbandaran Kajang
4.	Lawatan Harian Galeri Sate	Sepanjang Tahun 2015	Majlis Perbandaran Kajang

- b) Pihak Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor tidak menerima sebarang permohonan dari Majlis Perbandaran Kajang bagi tujuan tersebut.
- c) Pihak kerajaan Negeri melalui Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor sebagai agensi pelaksana telah melaksanakan kerja-kerja konservasi (pemuliharaan) terhadap dua buah bangunan lama iaitu Bangunan Gedong Timah Raja Abdullah Klang dan bangunan Istana Bandar Kuala Langat. Perbadanan Adat Melayu juga dari masa ke semasa akan melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan terhadap bangunan-bangunan lama yang mengalami kerosakan terutama kesan daripada masalah penggaraman.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 Sungai Burong)**

TAJUK : BANK TANAH ANAK SYARIKAT NEGERI

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan lokasi dan keluasan bank tanah yang dimiliki oleh anak-anak syarikat negeri yang belum diusahakan?
- b) Apakah perancangan anak-anak syarikat negeri terhadap tanah-tanah tersebut?
- c) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengambil semula tanah-tanah yang gagal dibangunkan?

JAWAPAN:

- a) Lokasi dan keluasan tanah yang dimiliki oleh anak-anak syarikat Kerajaan Negeri yang belum diusahakan dikemukakan seperti di **Lampiran A**.
- b) Anak-anak syarikat Kerajaan Negeri telah merancang untuk membangunkan tanah-tanah yang belum diusahakan. Walau bagaimanapun, terdapat juga tanah-tanah yang tidak diusahakan ini ditawarkan penjualan kepada syarikat-syarikat yang berminat dengan memberi tumpuan untuk pembinaan Rumah Mampu Milik Selangorku. Di samping itu, ada juga perancangan untuk menyewakan tanah tersebut kepada individu atau syarikat yang berminat dan berpengalaman dalam mengusahakan tanah. Walau bagaimanapun, perancangan tersebut adalah tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan pihak Lembaga Pengarah serta Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

- c) Kerajaan Negeri dari masa kesemasa akan mengadakan perbincangan dengan anak-anak syarikat mengenai status tanah-tanah yang telah diberi milik dan tidak diusahakan. Sekiranya terdapat tanah-tanah tersebut yang gagal dibangunkan, Kerajaan Negeri akan membuat tawaran penjualan atau penyewaan tanah-tanah berkenaan kepada pihak syarikat atau individu yang berminat.

LAMPIRAN A

LOKASI DAN KELUASAN TANAH YANG DIMILIKI OLEH ANAK-ANAK SYARIKAT NEGERI YANG BELUM DIUSAHAKAN

Bil	Anak Syarikat	Daerah	Lokasi	Keluasan (ekar)
1.	MBI	Gombak	Sungai Serai, Bandar Kundang	155.03
			Pekan Pengkalan Kundang	178.75
			Plot C, Rawang	151.80
			Plot B1 & B2, Bukit Lagong	20.652
		Hulu Langat	Kampung Kachau, Ulu Semenyih	111.54
		Petaling	Seksyen U10, Bukit Cherakah, Bukit Raja	43.780
2.	PKPS	Hulu Langat	PT 11122, HS(D)133479, Mukim Ulu Langat	27.761
			PT 11350, HS(D) 136066, Mukim Ulu Langat	17.74
		Hulu Selangor	PT 136, HS(D) 40782, Mukim Bunga Telor	46.54
			PT 16743, Mukim Batang Kali	17.13
3.	PKNS	Petaling	Shah Alam Kelana Jaya Petaling Jaya Selatan Kota Damansara	40.59
		Klang	Pulai Indah Kg. Sri Kenangan	387.47
		Gombak	Kota Puteri Sungai Bakau	714.03
		Hulu Selangor	Antara Gapi Bernam Jaya	6,707.93
		Kuala Selangor	Bandar Kuala Selangor	5.73
		Sabak Bernam	Sungai Lang Pancang Bedana	85.00
		Hulu Langat	Broga Bandar Mahkota Sungai Batangsi Sungai Jelok	1,007.96

Bil	Anak Syarikat	Daerah	Lokasi	Keluasan (ekar)
4.	Yayasan Selangor	Gombak	Kuang, Pekan Pengkalan Kundang	8.3625
			Kem Temasya Rimba Templer, Rawang	27.0
		Klang	Seksyen 21	16.59
			Sebelah TESCO Bukit Tinggi	1.00
		Petaling	PT 7, Shah Alam	1.145
		Kuala Langat	PT 647, Pulau Carey, Jugra	1,127.00
			PT 357, Pulau Carey, Jugra	17.00
			PT 358, Pulau Carey, Jugra	45.00
			PT 359, Pulau Carey, Jugra	568.00
			PT 88, Pulau Carey, Jugra	91.00
			PT 552, Pulau Carey, Jugra	1,296.00
			PT 679, Pulau Carey, Jugra	10.45
		Hulu Selangor	Hulu Bernam	217.00
			Bandar Kuala Kubu Bharu, Ampang Pecah	13.5
			The Woods Resort, Ulu Yam, Hulu Yam	13.797
			Serendah	316.00
			PT 100, Kuala Kubu Bharu, Bandar Kuala Kubu	3.00
			PT 104, Kuala Kubu Bharu, Bandar Kuala Kubu	5.00
			PT 104, Kuala Kubu Bharu, Bandar Kuala Kubu	27.00
		Sepang	Asrama Bestari Ampar Tenang, Dengkil	15.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH
(N26 Bangi)**

TAJUK : AIR : ROYAL RAINMAKER PROJECT

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon nyatakan berkenaan '*Royal Rainmaker Project*':
- a) Berapakah kos terlibat.
- b) Peratusan keberkesanannya.

JAWAPAN:

- a) Pihak LUAS telah mengambil inisiatif menjemput pakar operasi pembenihan awan daripada Jabatan Penerbangan dan Penghasilan Hujan dan Pertanian Di Raja, Thailand (*Royal Rainmaking and Agricultural Aviation Department*) pada 2 hingga 6 Mei 2014. Kehadiran pakar daripada Thailand ini adalah bagi mendapatkan pandangan teknikal dan cadangan kaedah penambahbaikan yang boleh dibuat bagi meningkatkan keberkesanan operasi pembenihan awan yang telah dijalankan di kawasan tadahan empangan di Negeri Selangor. Pakar daripada Thailand tersebut juga telah turut serta dalam operasi pembenihan awan bersama LUAS dan Jabatan Meteorologi Malaysia semasa tempoh lawatan. Kos yang dikeluarkan bagi mendapatkan pandangan teknikal dan kepakaran daripada Thailand adalah hanya melibatkan tiket penerbangan pergi-balik dari Thailand ke Kuala Lumpur, kos penginapan hotel dan juga elaun perjalanan serta perundingan. Jumlah kos yang terlibat ialah RM11,514.80.
- b) Kaedah yang digunakan oleh Negara Thailand adalah berbeza berbanding Malaysia. Kewujudan cold cloud di Negara Thailand dan warm cloud di Malaysia. Di Malaysia, kaedah operasi pembenihan awan yang dijalankan menggunakan '*hygroscopic flare*' dan juga larutan garam (sodium klorida). Bahan-bahan tersebut akan menghasilkan partikel untuk bertindakbalas apabila wujudnya awan kumulus menara yang seterusnya menghasilkan hujan. Cadangan kepelbagaian kaedah dengan menggunakan bahan-bahan yang berbeza tertakluk kepada prestasi pesawat dan kelengkapan peralatan akan berupaya meningkatkan keberkesanan operasi pembenihan awan. Penggunaan ais kering (*dry ice*) telah cuba dilaksanakan dalam beberapa operasi pada bulan Jun, walau bagaimanapun

keberkesanannya tertakluk kepada kesesuaian cuaca, kesesuaian peralatan yang digunakan dan jumlah bahan yang digunakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 Rawang)**

TAJUK : LANTIKAN JAWATAN DALAM ANAK SYARIKAT SELANGOR

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan Ketua Jabatan Agama untuk Kumpulan Perangsang Selangor Berhad bagi tahun 2004-2014 dan skop kerja jawatan tersebut.
- b) Apakah kemudahan dan manfaat yang disediakan kepada Encik Zaharuddin Muhammad sebagai Ketua Jabatan Agama Kumpulan Perangsang Selangor Berhad ?
- c) Senaraikan jumlah saham yang diberikan mengikut jawatan dalam Kumpulan Perangsang Selangor Berhad.

JAWAPAN:

- a) Dari tahun 2004 – 2014, hanya seorang sahaja pemegang jawatan Ketua Jabatan Agama di Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (“Perangsang Selangor”) iaitu Ustaz Zaharudin bin Muhammad (“Ustaz Zaharudin”).

Jabatan Agama merupakan jabatan baharu yang diwujudkan setelah mendapat kelulusan dari Lembaga Pengarah Perangsang Selangor dalam pembentangan bajet 2012 pada 31 Januari 2012. Jabatan Agama mula beroperasi mulai 15 Februari 2012. Jabatan ini mempunyai lima orang warga kerja yang terdiri daripada Ustaz Zaharudin sendiri selaku Ketua Pegawai Agama (*Chief Religious Officer*) serta empat Eksekutif Agama.

Ustaz Zaharudin merupakan individu pertama yang menyandang jawatan Ketua Pegawai Agama di Gred E9. Skop jawatan Ketua Pegawai Agama antaranya adalah seperti berikut:

- i. Merancang, mengkoordinasi dan melaksanakan pelbagai aktiviti keagamaan bagi memenuhi keperluan jasmani dan rohani warga kerja Perangsang Selangor dan anak-anak Syarikat serta komuniti setempat dalam usaha mempertingkatkan lagi ilmu, penghayatan dan kecintaan mereka terhadap agama Islam sebagai ad-deen (*Way of Life*);

- ii. Memberi pandangan dan khidmat nasihat kepada pihak Pengurusan berkaitan aktiviti perniagaan bagi memastikan kepatuhan dari sudut syariah;
 - iii. Merencana strategi bagi membantu Perangsang Selangor dan anak-anak syarikat melahirkan warga kerja yang tawaduk (rendah diri) dan sentiasa berpegang kepada etika kerja berlandaskan Syariat Islam;
 - iv. Berperanan dalam memberi khidmat nasihat berkenaan zakat serta mengenal pasti asnaf-asnaf yang layak di peringkat negeri Selangor bagi tujuan pengagihan zakat Perangsang Selangor dan anak-anak syarikat; dan
 - v. Merancang dan memainkan peranan proaktif bagi melaksanakan aktiviti dakwah dan tarbiyah untuk komuniti setempat.
- c) Jumlah saham yang ditawarkan kepada Pengarah dan warga kerja Perangsang Selangor semenjak pelancaran ESOS pada tahun 2003 adalah seperti di LAMPIRAN 1.

SENARAI NAMA PENGARAH DAN WARGA KERJA YANG MENERIMA SAHAM UNTUK TEMPOH 2003 - 2013 PENGARAH DAN WARGA KERJA YANG MASIH AKTIF PADA 13 NOVEMBER 2014

Bil.	Bahagian	Jawatan	Kategori	Jumlah
1	Pengarah	Pengerusi	Pengarah	897,047
2	Pengarah	Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan / Pengarah Urusan	Pengarah	2,242,617
3	Pengarah	Lembaga Pengarah	Pengarah	622,785
4	Pengarah	Lembaga Pengarah	Pengarah	616,720
5	Pengarah	Lembaga Pengarah	Pengarah	616,720
6	Pengarah	Lembaga Pengarah	Pengarah	616,720
7	Pengarah	Lembaga Pengarah	Pengarah	560,654
8	Kesetiausahaan Syarikat	Setiausaha Syarikat	Pengurusan Kanan / Ketua Jabatan	599,719
9	Undang-undang Kumpulan	Ketua Undang-undang Kumpulan	Pengurusan Kanan / Ketua Jabatan	596,869
10	Jabatan Agama	Ketua Pegawai Hal Ehwal Agama	Pengurusan Kanan / Ketua Jabatan	558,869
11	Audit Dalaman Kumpulan	Pengurus Besar Audit Dalaman Kumpulan	Pengurusan Kanan / Ketua Jabatan	554,623
12	Perancangan Strategik & Pelaburan Kumpulan	Ketua Perancangan Strategik & Pelaburan Kumpulan	Pengurusan Kanan / Ketua Jabatan	529,438
13	Perhubungan Awam, Media & Tanggungjawab Sosial Korporat Kumpulan	Ketua Perhubungan Awam, Media & Tanggungjawab Sosial Korporat Kumpulan	Pengurusan Kanan / Ketua Jabatan	527,438
14	Kewangan & Pentadbiran	Pengurus Besar Kewangan & Pentadbiran	Pengurusan Kanan / Ketua Jabatan	489,586
15	Sumber Manusia Kumpulan	Pengurus Besar Sumber Manusia Kumpulan	Pengurusan Kanan / Ketua Jabatan	462,482
16	Pengurusan Risiko Kumpulan	Ketua Pengurusan Risiko Kumpulan	Pengurusan Kanan / Ketua Jabatan	59,837
17	Kewangan & Pentadbiran	Pengurus Kanan Kewangan &	Pengurusan	868,657
18	Sumber Manusia Kumpulan	Penolong Pengurus Perkhidmatan Sumber Manusia & IT	Pengurusan	423,920
19	Kewangan & Pentadbiran	Penolong Pengurus Kewangan & Pentadbiran	Pengurusan	396,579
20	Sumber Manusia Kumpulan	Pemangku Pengurus Pampasan & Faedah Dan Pembangunan Organisasi	Pengurusan	370,303
21	Unit Pengurusan Bangunan	Penolong Pengurus Operasi Bangunan & Penyelenggaraan	Pengurusan	287,366
22	Kewangan & Pentadbiran	Pengurus Kanan Kewangan &	Pengurusan	201,717
23	Perhubungan Awam, Media & Tanggungjawab Sosial Korporat Kumpulan	Penolong Pengurus Perhubungan Awam, Media & Tanggungjawab Sosial Korporat	Pengurusan	154,915
24	Sumber Manusia Kumpulan	Pemangku Penolong Pengurus Besar Sumber Manusia Kumpulan	Pengurusan	51,769
25	Audit Dalaman Kumpulan	Pemangku Penolong Pengurus Besar Audit Dalaman Kumpulan	Pengurusan	50,950
26	Tanggungjawab Sosial Korporat	Penolong Pengurus Tanggungjawab Sosial Korporat	Pengurusan	43,579
27	Sumber Manusia Kumpulan	Pengurus Sumber Manusia Kumpulan	Pengurusan	42,881
28	Kesetiausahaan Syarikat	Pengurus Kanan Kesetiausahaan	Pengurusan	42,879
29	Audit Dalaman Kumpulan	Pengurus Audit Dalaman Kumpulan	Pengurusan	39,711
30	Undang-undang Kumpulan	Penolong Pengurus Undang-Undang Kumpulan	Pengurusan	38,631
31	Perancangan Strategik & Pelaburan Kumpulan	Penolong Pengurus Perancangan Strategik & Pelaburan Kumpulan	Pengurusan	35,449
32	Sumber Manusia Kumpulan	Penolong Pengurus Perjawatan dan Hal Ehwal Kakitangan Kumpulan	Pengurusan	13,881
33	Kewangan & Pentadbiran	Senior Eksekutif Kewangan &	Eksekutif	556,759
34	Perancangan Strategik & Pelaburan Kumpulan	Eksekutif Kanan Setiausaha	Eksekutif	476,972

LAMPIRAN 1

**SENARAI NAMA PENGARAH DAN WARGA KERJA YANG MENERIMA SAHAM UNTUK TEMPOH 2003 -
2013 PENGARAH DAN WARGA KERJA YANG MASIH AKTIF PADA 13 NOVEMBER 2014**

35	Kewangan & Pentadbiran	Eksekutif Setiausaha	Eksekutif	421,759
36	Kewangan & Pentadbiran	Penolong Pengurus Kewangan & Pentadbiran	EKsekutif	369,579
37	Unit Pengurusan Bangunan	Eksekutif Kanan Operasi Bangunan & Penyelenggaraan	Eksekutif	286,759
38	Audit Dalaman Kumpulan	Eksekutif Setiausaha	Eksekutif	230,940
39	Kewangan & Pentadbiran	Eksekutif Setiausaha	Eksekutif	205,759
40	Perancangan Strategik & Pelaburan Kumpulan	Senior Eksekutif Perancangan Strategik & Pelaburan Kumpulan	Eksekutif	145,882
41	Jabatan Agama	Executive Hal Ehwal Agama	Eksekutif	139,822
42	Jabatan Agama	Eksekutif Hal Ehwal Agama	Eksekutif	139,822
43	Jabatan Agama	Executive Hal Ehwal Agama	Eksekutif	139,822
44	Jabatan Agama	Executive Hal Ehwal Agama	Eksekutif	139,822
45	Pejabat Pengerusi	Pembantu Peribadi	Eksekutif	138,609
46	Kesetiausahaan Syarikat	Eksekutif Kanan Setiausaha	Eksekutif	118,639
47	Sumber Manusia Kumpulan	Eksekutif Pembangunan Bakat, Pengurusan Prestasi & Perhubungan	Eksekutif	114,426
48	Kewangan & Pentadbiran	Eksekutif Kanan Kewangan dan	Eksekutif	114,426
49	Unit Pengurusan Bangunan	Eksekutif Operasi Bangunan & Penyelenggaraan	Eksekutif	84,259
50	Perhubungan Awam, Media & Tanggungjawab Sosial Korporat Kumpulan	Eksekutif Multimedia, Grafik & Fotografi	Eksekutif	15,893
51	Undang-undang Kumpulan	Eksekutif Kanan Setiausaha	Eksekutif	15,883
52	Pengurusan Risiko	Eksekutif Kanan Setiausaha	Eksekutif	14,973
53	Sumber Manusia Kumpulan	Eksekutif Pampasan & Faedah Dan Pembangunan Organisasi	Eksekutif	14,760
54	Perhubungan Awam, Media & Tanggungjawab Sosial Korporat Kumpulan	Eksekutif Media & Penerbitan	Eksekutif	14,680
55	Audit Dalaman Kumpulan	Eksekutif Audit Dalaman Kumpulan	Eksekutif	14,363
56	Tanggungjawab Sosial Korporat	Eksekutif CSR	Eksekutif	13,881
57	Perhubungan Awam, Media & Tanggungjawab Sosial Korporat Kumpulan	Eksekutif Laman Web & Media Sosial	Eksekutif	13,770
58	Sumber Manusia Kumpulan	Eksekutif Perkhidmatan Sumber Manusia	Eksekutif	12,860
59	Kewangan & Pentadbiran	Eksekutif Akaun & Pentadbiran	Eksekutif	9,802
60	Kewangan & Pentadbiran	Pembantu Logistik	Bukan Eksekutif	500,333
61	Operasi Bangunan & Penyelenggaraan	Foreman	Bukan Eksekutif	257,940
62	Kewangan & Pentadbiran	Pembantu Logistik	Bukan Eksekutif	189,833
63	Kewangan & Pentadbiran	Pembantu Kanan Pentadbiran &	Bukan Eksekutif	176,940
64	Kewangan & Pentadbiran	Pembantu Pentadbiran & Perolehan	Bukan Eksekutif	176,030
65	Unit Pengurusan Bangunan	Chargeman	Bukan Eksekutif	108,062
66	Unit Pengurusan Bangunan	Handyman	Bukan Eksekutif	103,443
67	Unit Pengurusan Bangunan	Chargeman	Bukan Eksekutif	82,440
68	Kewangan & Pentadbiran	Pembantu Kanan Akaun	Bukan Eksekutif	70,153
69	Unit Pengurusan Bangunan	Pembantu Kanan Operasi Bangunan & Penyelenggaraan	Bukan Eksekutif	68,940
70	Unit Pengurusan Bangunan	Foreman	Bukan Eksekutif	14,940
71	Unit Pengurusan Bangunan	Pembantu Operasi Bangunan & Penyelenggaraan	Bukan Eksekutif	12,658
JUMLAH				19,341,944

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 Kampung Tunku)**

TAJUK : PENYEDIAAN PELAN HAK MILIK SAMBUNGAN

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah proses yang terlibat dalam penyediaan Pelan Hak Milik Sambungan (*Title in Continuation*) selepas selesai sesuatu pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960?
- b) Berapa banyak Pelan Hak Milik yang telah didaftar dan belum didaftar di setiap daerah sehingga sekarang?

JAWAPAN:

- a) Jika sebahagian lot tanah yang diambil di bawah Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960, pengukuran semula baki tanah hendaklah dilaksanakan untuk Hak milik Sambungan dapat disedia dan didaftarkan. Terdapat dua (2) kaedah untuk mendapat Pelan Ukur (PU) dalam penyediaan Hakmilik Sambungan tersebut, iaitu:
 - i) Pentadbir Tanah Daerah (PTD) membuat permohonan Pelan Ukur (PU) ke JUPEM. Seterusnya, pihak JUPEM akan mengemukakan Pelan Akui (PA) yang telah diluluskan oleh jabatan tersebut kepada PTD untuk proses pengeluaran Hak Milik Sambungan dan Hak Milik Sambungan akan disediakan berdasarkan PA tersebut; atau
 - ii) Agensi pemohon melantik sendiri Juru Ukur Berlesen untuk menyediakan PA dan mengemukakan ke JUPEM untuk mendapatkan pengesahan. Selepas itu, pihak agensi perlu mengemukakan PA tersebut kepada PTD untuk proses pengeluaran Hak Milik Sambungan yang akan disediakan berdasarkan PA yang berkenaan.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, proses pengambilan balik tanah dilaksanakan oleh dua (2) Agensi, iaitu Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) bagi projek-projek Kerajaan Negeri dan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (Persekutuan) Negeri Selangor (JKPTG) bagi projek-projek Kerajaan Persekutuan. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada JKPTG Negeri Selangor, terdapat **516 permohonan** dokumen Hak Milik Sambungan yang telah dihantar ke PTD bagi tujuan pengeluaran dokumen Hak Milik Sambungan. Jumlah tersebut adalah merupakan data terkumpul dari tahun 2010 sehingga kini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 Bukit Melawati)**

TAJUK : PEMBINAAN DEWAN ORANG RAMAI DI BANDAR BARU KUALA SELANGOR

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Masa telah lama berlalu, adakah cadangan pembinaan Dewan Baru menggantikan Dewan Melawati yang telah dirobohkan akan dibina di atas tapak yang telah sedia ada di Bandar Baru Kuala Selangor?

JAWAPAN:

- a) Pejabat Daerah Kuala Selangor akan membina dewan dan dari segi penggunaan ianya boleh menampung keperluan penduduk di Bandar Baru.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 Paya Jaras)**

**TAJUK : PENGANGKUTAN AWAM DI KAWASAN KG. MELAYU SUNGAI
BULOH, KG. MATANG PAGAR, KG. SRI INDAH, TAMAN MATANG
JAYA, TAMAN SRI PUTRA DAN TAMAN IMPIAN INDAH.**

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan perkhidmatan bas awam atau di kawasan tersebut?
- b) Bilakah Kerajaan Negeri akan melaksana projek pengangkutan bas awam di kawasan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri amat prihatin dalam menyediakan sistem pengangkutan awam yang baik terutamanya perkhidmatan bas awam di setiap peringkat negeri. Namun begitu, projek penambahbaikan perkhidmatan bas awam sedia ada akan dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) bersama Pihak Berkuasa Tempatan melalui Projek Penambahbaikan Bas Henti-henti atau *Commuter Bus Improvement Project* (CBIP).

Bagi mewujudkan perkhidmatan bas awam di kawasan-kawasan luar bandar seperti Kg. Melayu Sungai Buloh, Kg. Matang Pagar, Kg. Sri Indah, Taman Matang Jaya, Taman Sri Putra Dan Taman Impian Indah, pelaksanaan CBIP wajar mengambilkira kawasan tersebut pada fasa akan datang secara berperingkat.

- b) Antara usaha lain yang menjadi hasrat Kerajaan Negeri adalah untuk menyediakan perkhidmatan bas percuma atau dikenali sebagai bas komuniti. Pelaksanaan perkhidmatan bas percuma ini tertakluk di kawasan atau laluan yang dikenalpasti PBT berdasarkan kepada jumlah kepadatan penduduk, kekurangan atau tiada perkhidmatan bas ke kawasan tumpuan seperti pusat bandar.

Penyediaan perkhidmatan bas awam percuma yang telah dimulakan adalah di kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).

Kawasan-kawasan yang dinyatakan iaitu Kg. Melayu Sungai Buloh, Kg. Matang Pagar, Kg. Sri Indah, Taman Matang Jaya, Taman Sri Putra dan Taman Impian Indah adalah kawasan di dalam pentadbiran MBSA. Namun, buat masa ini perkhidmatan bas percuma yang disediakan bagi kawasan pentadbiran MBSA adalah di Hentian Pusat Bandar, Seksyen 14 dan melalui Seksyen 2, 7, 11, 14, 15, 16, 17 dan 18.

Kerajaan Negeri percaya bahawa PBT mempunyai perancangan rapi dalam mempertingkatkan mutu perkhidmatan bas yang disediakan. Sehubungan dengan itu, segala usaha yang dirancang dan dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan adalah selaras dengan perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan setiap kemajuan dalam pembangunan dapat dinikmati oleh semua golongan rakyat di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 Batu Tiga)**

TAJUK : KEBAJIKAN KAKITANGAN KERAJAAN SELANGOR

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah imam dan kakitangan masjid-masjid di negeri Selangor dilantik? Siapakah yang melantik mereka?
- b) Adakah perbezaan status ganjaran seperti gaji, bonus dan ganjaran-ganjaran lain di antara mereka yang dilantik oleh MAIS dan JAIS? Jika ada perbezaan, adakah usaha menyelaraskan sistem, kaedah dan pemberian ganjaran untuk kakitangan di kedua-dua institusi tersebut?

JAWAPAN:

- a) Bagi Masjid Negeri, Diraja dan Daerah, imam dan kakitangan masjid dilantik oleh Kerajaan Negeri mengikut tatacara dan skim perkhidmatan yang berkuatkuasa ketika ini. Manakala masjid kariah, pemilihan imam adalah dipilih melalui Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Pegawai dan Jawatankuasa Masjid oleh anak-anak kariah. Nama-nama yang dicalonkan akan diangkat ke mesyuarat jawatankuasa kariah MAIS untuk disahkan.
- b) Tiada perbezaan seperti yang disebutkan kerana semua lantikan dilaksanakan oleh JAIS mengikut tatacara dan skim perkhidmatan yang berkuatkuasa ketika ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 Bukit Gasing)**

TAJUK : ARENA SUKAN RAKAN MUDA DI JALAN SELANGOR, PETALING JAYA

145. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Siapakah pemilik atau pengawal tanah bagi keseluruhan kompleks Arena Sukan Rakan Muda di Jalan Selangor, Petaling Jaya
- b) Adakah status permohonan untuk pembinaan satu bumbung kekal di atas gelanggang serba guna di kompleks ini?

JAWAPAN:

- a) Tapak Arena Petaling Jaya mempunyai dua lot tanah iaitu Lot 436 dan Lot 437. Lot 436 adalah hak MBPJ, (Gelanggang sukan lasak dan bangunan pejabat Bahagian Kebudayaan). Manakala Lot 437 (Dewan terbuka dan gelanggang futsal) dimiliki oleh Kelab Petaling Jaya.
- b) Pihak Majlis tidak dapat peruntukan khas untuk pembinaan bumbung kekal di atas gelanggang serbaguna kompleks Arena buat masa ini. Walau bagaimanapun pihak Majlis telah membuat permohonan kepada pihak negeri melalui lawatan turun padang Y.B Exco Pembangunan Generasi Muda (Y.B Tuan Amirudin Bin Shari) pada 31 Oktober 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 Pelabuhan Klang)**

TAJUK : PESTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI AIR SELANGOR

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Keupayaan memastikan Perjanjian Induk disempurnakan dan kesungguhan menguatkuasakan WSIA 2006 memandangkan ketamakan atau kedegilan sesetengah pemegang konsesi air seperti permintaan mendadak menukar pendekatan "*sale of equity*" kepada "*sale of business*" malah keengganan menandatangani sebarang perjanjian sama sekali.

JAWAPAN:

1) Perkembangan Terkini Penstrukturan Industri Air Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya

Kerajaan Negeri telah mengumumkan bahawa pada 11 November 2014, anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri iaitu Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) telah memuktamadkan pembelian saham dengan Puncak Niaga Holding Bhd (PNHB) sepertimana yang disyaratkan oleh Perjanjian Induk Penstrukturan Air Selangor (Perjanjian Induk Atau *Master Agreement*) bertarikh 12 September 2014 yang dimeterai diantara Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Air Selangor.

Pembelian saham dari PNHB ini melibatkan syarikat pemegang konsesi air iaitu SYABAS dan Puncak Niaga Sdn. Bhd. (PNSB). Dengan persetujuan pembelian saham ini, sebahagian besar operasi dan aset bekalan air akan kembali kepada rakyat. Kerajaan Negeri yang telah diberi amanah oleh rakyat, akan mentadbirnya dengan penuh hemah demi kebaikan rakyat. Kerajaan Negeri melalui Air Selangor akan mula mengambil alih dan menyusun semula operasi SYABAS dan PNSB.

Langkah seterusnya di dalam proses penstrukturan industri air ini ialah memuktamadkan pengambilalihan dua (2) lagi syarikat konsesi iaitu ABASS dan SPLASH yang juga akan mengikut kerangka dasar yang menjamin kepentingan rakyat Selangor.

2) Terma-terma Perjanjian

Pada umumnya terma-terma umum perjanjian air di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan antaranya adalah:

- i) Persetujuan untuk saling memudahcara bagi menjayakan penstrukturan industri perkhidmatan air di Negeri Selangor, Wilayah persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya;

- ii) Penyaluran pembiayaan untuk urusan pengambilalihan ekuiti syarikat-syarikat konsesi;
- iii) Persetujuan untuk sewa-pajak aset-aset bekalan air;
- iv) Penyerahan pengendalian dan penyelenggaraan (*operation and maintenance*) industri perkhidmatan air kepada SPV milik Kerajaan Negeri Selangor;
- v) Pemberian lesen perkhidmatan kepada SPV milik Kerajaan Negeri Selangor; dan
- vi) Kebenaran pelaksanaan Loji Rawatan Air Langat 2 (LRAL2) serta penubuhan Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan.

Berkenaan dengan pelaksanaan Projek Langat 2, Kerajaan Negeri Selangor amatlah menitik beratkan supaya projek ini dapat dilaksanakan dengan mendukung prinsip berasaskan *value for money*. Prinsip *value for money* itu hendaklah dilihat bukan sahaja dari segi pembangunan fizikal projek tetapi juga mengambil kira kos operasi yang akan terlibat di masa akan datang kerana setiap kos yang terlibat itu akhirnya akan diterjemahkan dalam bentuk tarif air yang akan ditanggung oleh rakyat umum.

Pada ketika ini telah dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan akan pengujudanan Jawatan Kuasa Pemandu dan Jawatan Kuasa Kerja Teknikal yang melibatkan wakil-wakil dari Kerajaan Negeri Selangor untuk meneliti pelaksanaan pembangunan Projek LRAL 2 ini.

Dalam hal ini, saya telah menegaskan pendirian supaya Kerajaan Negeri Selangor dilibatkan secara langsung dalam proses membuat keputusan berkaitan pelaksanaan pembangunan LRAL2 dan Sistem Agihan.

3) Isu Tarif dan Manfaat Jangka Pendek dan Jangka Panjang kepada Rakyat

Usaha dan matlamat Kerajaan Negeri Selangor untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor adalah bertujuan semata-mata untuk memastikan kepentingan rakyat terjamin. Kesemua operator rawatan air dan operator agihan yang ada pada ketika ini adalah merupakan syarikat swasta yang mana bagi syarikat swasta keuntungan merupakan matlamat utama di dalam setiap perniagaan.

Melalui penstrukturan semula ini, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) yang merupakan anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Selangor akan menjadi operator perkhidmatan air yang baru. Sebagai syarikat milik penuh Kerajaan Negeri, pemantauan dan kawalan secara langsung akan diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha untuk memastikan bahawa Air Selangor beroperasi dengan mementingkan kualiti dan keberkesanan operasi dan bukannya mengaut keuntungan.

Kerajaan Negeri Selangor mempunyai kuasa sepenuhnya untuk memantau agar Air Selangor mendapat *one time profit*, yang mana keuntungan yang akan dijana adalah tidak melampaui. Dengan keuntungan yang tidak melampaui, Air Selangor dapat mengekalkan kadar tarif yang munasabah. Kenaikan tarif di dalam operasi memang tidak dapat dihalang berikutan dengan kenaikan kos bahan mentah dan kos operasi, namun kenaikan tarif tersebut akan dipastikan munasabah.

Selain dari itu, Air Selangor akan beroperasi secara holistik dan ini dapat mengekang pemindahan harga (*transfer pricing*) bagi tujuan memastikan kos operasi yang tidak membebankan kerana setiap kos yang dibelanjakan oleh Air Selangor akan dipantau secara langsung melalui kuat kuasa Akta Industri Perkhidmatan Air, 2006 (Akta 655). Air Selangor tidak akan dibebani dengan terma pembelian minima atau caj kapasiti yang tinggi bagi pembelian air terawat seperti mana keadaan pada masa ini.

Di bawah rejim pelesenan, SPAN melalui peruntukkan di bawah Akta 655 boleh mengesyorkan kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan aras kadar yang hendak dicajkan bagi perkhidmatan air termasuk kadar air pukal dan kadar tarif air.

Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, kawalan secara langsung dapat diberikan oleh Kerajaan Negeri. Ditambah pula dengan adanya pengawasan dan pengawalan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) pemantauan ke atas prestasi operator akan dapat dilaksanakan lebih teratur dan berkesan terutamanya ke atas aspek ekonomi, teknikal, sosial dan perlindungan pengguna. Ini dapat mengujudkan sistem tadbir urus yang lebih cekap dan telus di mana kepentingan rakyat akan diberi perhatian utama. Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor dapat direalisasikan di bawah struktur baru ini.

4) Projek Loji Rawatan Air Langat 2 (LRAL 2)

Selepas sahaja MOU ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor pada 26 Februari 2014, Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) telah mengeluarkan Kebenaran Merancang bagi pelaksanaan Projek Langat 2 untuk komponen kerja Loji Rawatan Air, Tangki Imbangan Hulu Langat, Tangki Imbangan Bukit Enggang, Kolam Sg Besi, Outlet Portal dan Loji Rawatan Enap Cemar dan Tapak Pelupusan.

Seterusnya, Kerajaan Negeri Selangor pada 4 September 2014, telah bersetuju untuk meneruskan pelaksanaan Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Langat 2. Kebenaran Merancang telah diberikan oleh Majlis Perbandaran Kajang kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) selaku pelaksana Projek Langat 2 ini.

Pada ketika ini, kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik oleh PAAB adalah masih diperingkat Kerja Awalan seperti Kerja-kerja pembersihan tapak.

Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Selangor akan mencari dan mengguna ruang yang ada untuk memastikan penstrukturan industri air ini memberi nilai terbaik kepada rakyat secara menyeluruh. Ruang yang saya maksudkan ini termasuklah memastikan pembinaan LRAL2 yang melibatkan kapasiti, kos kejuruteraan dan pembinaan, akan dinilai secara objektif oleh wakil-wakil Kerajaan Negeri Selangor supaya tidak ada unsur pembaziran yang kelak membebankan rakyat.

Berkenaan dengan pelaksanaan Projek Langat 2, Kerajaan Negeri Selangor amatlah menitik beratkan supaya projek ini dapat dilaksanakan dengan mendukung prinsip berasaskan *value for money*. Prinsip *value for money* itu hendaklah dilihat bukan sahaja dari segi pembangunan fizikal projek tetapi juga mengambil kira kos operasi yang akan terlibat di masa akan datang kerana setiap kos yang terlibat itu akhirnya akan diterjemahkan dalam bentuk tarif air yang akan ditanggung oleh rakyat umum.

Pada ketika ini telah dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan akan pewujudan Jawatan Kuasa Pemandu dan Jawatan Kuasa Kerja Teknikal yang melibatkan wakil-wakil dari Kerajaan Negeri Selangor untuk meneliti pelaksanaan pembangunan Projek LRAL 2 ini.

Dalam hal ini, saya telah menegaskan pendirian supaya Kerajaan Negeri Selangor dilibatkan secara langsung dalam proses membuat keputusan berkaitan pelaksanaan pembangunan LRAL2 dan Sistem Agihan.

5) **Air Tidak Berhasil (*Non Revenue Water ,NRW*)**

Setelah berjaya memuktamadkan penstrukturan industri air ini, Kerajaan Negeri Selangor telah menggariskan tugas utama yang perlu digalas oleh Air Selangor antaranya untuk memberi tumpuan kepada usaha untuk mengurangkan kadar NRW. Kerajaan Negeri sentiasa berpendirian bahawa NRW adalah sesuatu yang merugikan rakyat. Oleh itu wajarlah tumpuan diberikan untuk menurunkan kadar NRW.

Kadar Air Tidak Berhasil (NRW) di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya semasa permulaan Perjanjian Konsesi SYABAS pada 01 Januari 2005 adalah pada tahap 42.78%. Di bawah Perjanjian Konsesi SYABAS yang telah ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan SYABAS, SYABAS telah memberikan aku janji untuk menurunkan kadar air tidak berhasil (NRW) sehingga 15% menjelang tahun 2015. Sasaran NRW yang perlu diturunkan oleh SYABAS berdasarkan kepada tarikh semakan tarif adalah seperti berikut:-

Tarikh Semakan Tarif	NRW disasarkan	Penurunan NRW
01 Januari 2006	37.78%	5%
01 Januari 2009	27.98%	9.80%

Tarikh Semakan Tarif	NRW disasarkan	Penurunan NRW
01 Januari 2012	19.98%	8.00%
01 Januari 2015	15.48%	4.50%
01 Januari 2018	15.00%	0.48%
01 Januari 2021	15.00%	Kekal
01 Januari 2024	15.00%	Kekal
01 Januari 2027	15.00%	Kekal
01 Januari 2030	15.00%	kekal

Namun demikian, NRW yang berjaya dicapai oleh SYABAS sehingga 2013 adalah pada tahap 34.5% sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 Meru)**

TAJUK : TABUNG BANTUAN BENCANA DAERAH KLANG.

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah jawatankuasa dibentuk dan bidang kuasanya? Senaraikan.
- b) Berapakah peruntukan diperolehi setahun dan bencana bagaimana disalurkan?
- c) Apakah perancangan memastikan tabungan sentiasa sedia untuk sebarang kemungkinan?

JAWAPAN:

- a) Pembentukan Jawatankuasa Bencana Daerah Klang dan bidang kuasanya adalah berdasarkan kepada Arahan MKN 20 dan Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi Tabung Bencana Khas Negeri Selangor. Butiran Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

JAWATANKUASA PENGURUSAN DAN BANTUAN BENCANA DAERAH

A. KEAHLIAN

Pengerusi : Pegawai Daerah

- Ahli – ahli :
- 1. Ketua Polis Daerah
 - 2. Pegawai Bomba & Penyelamat Daerah
 - 3. Pegawai Kesihatan Daerah
 - 4. Jurutera Daerah, Jabatan Kerja Raya
 - 5. Wakil Angkatan Tentera Malaysia (ATM)
 - 6. Setiausaha Majlis Perbandaran / Daerah
 - 7. Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah
 - 8. Ketua Cawangan Pertahanan Awam
 - 9. Pegawai Penerangan Daerah
 - 10. Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran
 - 11. Pegawai RELA Daerah
 - 12. Pengurus Syarikat Telekom Malaysia (STMB)
 - 13. Pengurus Tenaga Nasional Berhad (TNB) Daerah

Turut Hadir : Lain – lain pegawai yang berkaitan

Setiausaha : Penolong Pengarah, Bahagian Keselamatan Negara (BKN), Daerah.

Catatan : *Daerah yang tidak mempunyai perjawatan Penolong Pengarah BKN Daerah, tugas beliau akan diambil alih oleh Penolong Pegawai Daerah (Keselamatan).

B. BIDANG TUGAS

1. Menyelaras keperluan pengurusan dan bantuan bencana seperti menentukan bantuan logistik dan mengambil alih (*requisition*) peralatan/jentera yang diperlukan secara sementara kepunyaan agensi – agensi Kerajaan atau Swasta.
2. Menggerakkan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah apabila berlaku bencana Tahap I.
3. Menentukan pembahagian tugas – tugas agensi terlibat di Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB).
4. Mengenal pasti dan mengadakan pusat–pusat pemindahan dan pengkalan hadapan.
5. Menyediakan kemudahan dan keperluan asas bagi mangsa dan petugas seperti tempat perlindungan, makanan dan rawatan perubatan.
6. Menentukan operasi mencari dan menyelamatkan dapat dijalankan secara lancar dan berkesan.
7. Mewujudkan sistem perhubungan di antara PKTK dengan PKOB dan seterusnya, dengan PKOB Negeri bagi memudahkan perhubungan dalam pengurusan bencana.
8. Menubuhkan Jawatankuasa Kerja di mana perlu bagi melancarkan lagi urusan menangani bencana seperti Jawatankuasa Kerja Kebajikan, Pengangkutan, Kewangan dan sebagainya.
9. Menubuhkan Jawatankuasa Kecil jika perlu, di peringkat mukim, kampung, persatuan penduduk atau Rukun Tetangga bagi membantu dalam kerja– kerja pengendalian bencana di tempat kejadian.
10. Mewujudkan satu bank data/pangkalan maklumat mengenai peralatan, kelengkapan dan senarai kepakaran di Peringkat Daerah dalam pengurusan bencana.
11. Menentu dan menjalankan *post-mortem* selepas sesuatu bencana serta memperakui cadangan – cadangan bagi mengatasi apa- apa kelemahan yang dikenal pasti.

12. Menjalankan kajian dan mengumpul maklumat mengenai potensi dan risiko kejadian bencana di Daerah.
13. Meminta agensi-agensi berkenaan mengemukakan laporan mengenai langkah – langkah pencegahan yang telah diambil bagi mencegah atau mengurangkan impak bencana.
14. Menyediakan laporan mengenai pengendalian dan pengurusan bencana yang berlaku meliputi aspek operasi mencari dan menyelamatkan serta bantuan kecemasan dan pemulihan yang diberikan kepada mangsa – mangsa.

- b) Peruntukan apungan Akaun Wang Panjar Bencana Khas bagi Daerah Klang adalah sebanyak RM40,000.00. Dalam menguruskan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana, kadar bantuan yang digunakan adalah seperti berikut :-

Bil	Perkara	Kadar Maksimum (RM)
1.	Mangsa banjir, tanah runtuh dan ribut	500.00
2.	Mangsa kebakaran a) Musnah keseluruhan b) Musnah sebahagian	500.00 250.00
3.	Waris kepada mangsa bencana yang meninggal dunia	1,000.00

Penyaluran bantuan kewangan ini dibuat kepada mangsa berdasarkan kepada maklumat yang telah disahkan oleh Penghulu, JKKK atau Ketua Kampung.

Setakat 30 Oktober 2014, sejumlah RM39,200.00 telah direkup bagi keperluan Tabung Bencana Daerah Klang.

- c) Satu Akaun Persendirian (*Personal Account*) telah dibuka dan dipegang bersamanya kad *Auto Teller Machine* (ATM) atas nama Pegawai Daerah, Pejabat Daerah/Tanah bagi memudahkan penyaluran tunai bantuan kewangan kepada mangsa bencana dengan had akaun maksimum sebanyak RM10,000.00. Peruntukan ini ditampung dengan menggunakan peruntukan daripada Akaun Tabung Bencana Induk. Dan, bagi memastikan tabung bencana ini sedia untuk digunakan pada bila-bila masa berlakunya bencana, proses rekupan sentiasa dibuat agar baki tabung sentiasa mencukupi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 Kota Anggerik)**

TAJUK : MASALAH PENINGKATAN PESAKIT DENGGI DI NEGERI SELANGOR

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kaedah baru yang digunakan oleh Kerajaan dalam mengawal penyakit denggi ?
- b) Berapa jumlah perbelanjaan untuk mencegah denggi mengikut setiap PBT ?
- c) Senaraikan jumlah kematian disebabkan denggi mengikut Daerah ?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Kesihatan menangani masalah denggi di Negeri selangor melalui pendekatan aktiviti kesedaran dan pendidikan. Pendidikan kesihatan kepada pelajar-pelajar sekolah iaitu di peringkat Pra Sekolah, Sekolah Rendah, Sekolah Menengah, Sekolah Kebangsaan Cina dan India, Sekolah Rendah Agama Rakyat dan Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta telah diberikan.

Kerajaan Negeri Selangor percaya dengan usaha mendidik pelajar-pelajar sekolah ini dapat mengubah sikap dan pemikiran masyarakat dalam jangka masa panjang agar sentiasa mementingkan kebersihan dan memastikan kawasan persekitaran mereka bebas dari tempat pembiakan nyamuk aedes seterusnya dapat mengurangkan kes denggi di Negeri Selangor.

- b) Jumlah perbelanjaan bagi setiap PBT sehingga 11 November 2014 di dalam usaha menangani denggi adalah seperti berikut:-

PBT	KOS PERBELANJAAN (RM)
MBSA	1,807,570.00
MBPJ	800,000.00
MPK	100,000.00
MPS	534,000.00
MPSJ	1,407,902.00
MPKJ	110,000.00
MPSP	113,200.00
MPAJ	1,000,000.00
MDKS	17,000.00
MDKL	242,000.00
MDHS	75,000.00
MDSB	45,000.00
JUMLAH	5,266,672.00

- c) Jumlah kematian mengikut daerah sehingga **15 November 2014** adalah seperti berikut:

DAERAH	KUMULATIF KEMATIAN
Gombak	14
Hulu Langat	16
Hulu Selangor	2
Klang	13
Kuala Langat	0
Kuala Selangor	2
Petaling	19
Sabak Bernam	0
Sepang	0
JUMLAH	66

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 Sungai Pelek)**

TAJUK : PANTAI BAGAN LALANG

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandangkan Pantai Bagan Lalang merupakan kawasan pelancongan yang terkenal . Adakah Kerajaan Negeri Selangor berperancangan menaiktarafkan tebing persisiran Pantai Bagan Lalang sehingga ke Tanjung Rhu?

JAWAPAN:

- a) Perancangan untuk menaiktaraf persisiran Pantai Bagan Lalang akan dibuat bersama dengan Sepang Gold Coast memandangkan keseluruhan tanah tersebut telah diberimilik kepada Sepang Gold Coast.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 Permatang)**

**TAJUK : PERUNTUKAN KHAS & PEMBANGUNAN KAWASAN
DEWAN UNDANGAN NEGERI PERMATANG**

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah peruntukan Kerajaan Negeri untuk kawasan Dewan Undangan Negeri Permatang dari tahun 2013 hingga 2014.
- b) Senaraikan nama-nama projek dan jumlah perbelanjaan yang dilaksanakan di kawasan Dewan Undangan Negeri Permatang melalui peruntukan yang diperoleh dari tahun 2013-2014.
- c) Nyatakan nama agensi atau orang perseorangan yang mengendalikan peruntukan berkenaan.

JAWAPAN:

- a) Jumlah peruntukan kawasan DUN Permatang mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH (RM)
2013	600,000.00
2014	600,000.00

- b) Tiada sebarang projek kecil yang menggunakan peruntukan DUN Permatang bagi tahun 2013 sehingga 31 Oktober 2014.
- c) Penyelaras DUN Permatang adalah seperti berikut:

TAHUN	PENYELARAS
2013	Encik Haji Mohd Yahya bin Haji Mat Sahri
2014	Puan Rozana binti Zainal Abidin

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 Hulu Kelang)

TAJUK : PARKIR DI DEWAN JUBLI PERAK

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan lot parkir di belakang Dewan Jubli jika dimaksimumkan penggunaannya?
- b) Berapakah kos yang perlu dibelanjakan bagi membangunkan kesemua lot-lot tersebut?
- c) Berapakah jumlah keseluruhan lot parkir di SUK sekiranya lot-lot tadi dibangunkan sepenuhnya?

JAWAPAN:

- a) Terdapat 172 petak lot parkir yang telah dibangunkan di belakang Dewan Jubli.
- b) Kos perbelanjaan yang terlibat untuk membangunkan ke semua lot-lot tersebut adalah sebanyak RM494,099.50
- c) Secara keseluruhannya, terdapat sebanyak 894 lot parkir di sekitar bangunan SSAAS dan ianya termasuk lot parkir di belakang Dewan Jubli. Berikut adalah pecahan lot parkir mengikut zon :

c.1	Zon A	- 522 lot
c.2	Zon B	- 45 lot
c.3	Zon C	- 19 lot
c.4	Zon D	- 54 lot
c.5	Zon E	- 13 lot
c.6	Parkir Pelawat	- 41 lot
c.7	Parkir Pelawat (Belakang Dewan Jubli)	- 172 lot

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 Kajang)**

TAJUK : PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

152. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan status projek-projek perumahan terbengkalai di bawah Majlis Perbandaran Kajang
- b) Minta kerajaan negeri senaraikan pangsapuri kos rendah dan status terkini di kawasan DUN Kajang yang diluluskan di bawah Skim Ceria dari tahun 2010
- c) Minta kerajaan negeri nyatakan jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan untuk menaiktaraf sistem keselamatan di bawah zon PBT seluruh Selangor

JAWAPAN:

- a) Sehingga 31 Oktober 2014, terdapat sebanyak 15 projek perumahan terbengkalai yang dikenal pasti di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang melibatkan 5,298 pembeli. Senarai dan status projek terbengkalai terlibat adalah seperti di **Lampiran 1**.
- b) Senarai penerima bantuan Skim CERIA di bawah DUN Kajang adalah seperti di **Lampiran 2**.
- c) Antara peruntukan bentuk dan insentif daripada Kerajaan Negeri kepada PBT atau komuniti setempat untuk meningkatkan tahap keselamatan seperti:-
 - i. Memasang sebanyak 414 unit CCTV di Negeri Selangor dan ditempatkan di lokasi terpilih atau *hot-spot* oleh PBT dan PDRM secara *build operate and transfer* di mana ia melibatkan kos sewaan untuk tempoh selama 20 tahun bermula dari bulan November 2013 sebanyak RM488,520.00 sebulan atau RM5,862,240.00 setahun dan penyelenggaraan dilakukan oleh pihak kontraktor sendiri;
 - ii. Menubuhkan Pasukan Tindakan Segera (PANTAS) di setiap PBT bagi memberi bantuan awal ketika berlakunya kecemasan antaranya banjir kilat, kebakaran dan kemalangan. Selain itu, pasukan ini juga telah diberikan latihan khas secara '*Smart Partnership*' dengan pihak Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) bagi penganjuran latihan dan kursus secara berterusan (*on-going*);
 - iii. Memberi peruntukan sebanyak RM5,000.00 setahun bagi melaksanakan program Pasukan Keselamatan Kejiranan atau Polis Komuniti di semua kampung Tradisi, Kampung Baru/Bagan/Tersusun dan Komuniti India; dan

- iv. Melaksanakan Skim Rondaan Keselamatan Dan Kejiranan Pangsapuri Negeri Selangor (SEROJA) melalui penyelarasan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Negeri Selangor (LPHS) kepada komuniti di pangsapuri-pangsapuri terpilih sebagai perintis. Selain itu, PBT telah menyediakan bantuan peralatan rondaan seperti rotan, wisel dan lampu suluh.

Lampiran 1

**STATUS PROJEK-PROJEK PERUMAHAN TERBENGGALAI DI BAWAH
MAJLIS PERBANDARAN KAJANG**

BIL	NAMA PROJEK	PEMAJU	STATUS
1.	Pembangunan Perumahan 110 unit pangsapuri kos rendah 12 tingkat, 24 unit rumah kos sederhana 2 tingkat, 240 unit pangsapuri 16 tingkat, Mukim Kajang, Hulu Langat.	Tetuan Serosa Resources Sdn. Bhd. (Telah Digulung)	<ul style="list-style-type: none"> a) Pelikuidasi iaitu Crowe Howarth sedang berkerjasama dengan Gale Force Sdn Bhd bagi membincangkan usaha semula memulihkan projek tersebut yang melibatkan 413 unit. b) Tiada sebarang penyambungan kerja pembinaan di tapak. c) Pemaju berlesen dengan KPKT dan dibawah pemantauan KPKT.
2.	Perumahan Bandar Puncak Damai Semenyih (Bandar Putri Jaya) yang mengandungi 1,000 Unit Pangsapuri Kos Rendah, 1,000 Unit Kos Sederhana Rendah, 600 Unit Pangsapuri Kos Sederhana, Mukim Ulu Semenyih, Daerah Ulu Langat	Tetuan Duta Nilai Sdn. Bhd. (digulung pada 17 Januari 2005)	<ul style="list-style-type: none"> a) Mahkamah Tinggi Ipoh telah melantik Jabatan Insolvensi Malaysia, Cawangan Shah Alam sebagai pelikuidasi sementara dan dalam tindakan melantik pelikuidasi yang baru. b) Tiada sebarang penyambungan kerja pembinaan di tapak. c) Pemilik tanah iaitu Duta Skyline Sdn Bhd dalam usaha memulangkan semula duit (refund) pembeli. d) Pemaju berlesen dengan KPKT dan dibawah pemantauan KPKT.
3.	Taman Kelisa Ria, Kampung Keramat Tangkas, Jalan Reko yang mengandungi 500 unit perumahan Kos Rendah di Kampung Sungai Tangkas Kajang, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan TJ Plaza Sdn. Bhd. (digulung)	<ul style="list-style-type: none"> a) KPKT telah melantik kontraktor penyelamat iaitu Imej Warisan Sdn Bhd bagi tujuan pemulihan. b) Projek telah berjalan dengan kemajuan kerja sebanyak 95% siap. c) Pemaju berlesen dengan KPKT dan dibawah pemantauan KPKT

4.	Projek Perumahan yang mengandungi 70 Unit (28 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Jenis A & 42 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Jenis B, Kg. Sg. Ramal, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan ZM Development Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> a) Projek masih berjalan namun pemaju dalam proses mendapatkan surat sokongan daripada SYABAS dan IWK bagi mendapatkan Sijil Layak Menduduki. b) Keseluruhan projek melibatkan kerja bangunan dan infrasktur telah siap dibina. c) Pemaju berlesen dengan KPKT dan dibawah pemantauan KPKT
5.	Projek Perumahan di Taman Bahagia Indah, Mukim Kajang, Daerah Ulu Langat.	Tetuan Bahagia Indah Properties Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> a) Tiada sebarang penyambungan kerja pembinaan di tapak. b) Terdapat kes Mahkamah antara pemaju dengan Persatuan Penganut Suci Ci Hang (2) dan masih menunggu keputusan Mahkamah. c) Pemaju tanpa lesen
6	Projek Pembesaran Kg. Titiwangsa Yang Mengandungi 87 Unit Rumah Teres 1 Tingkat, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Imbuan Murni Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> a) Projek mencapai kemajuan pembinaan 95 % siap b) Projek dimajukan sebelum kelulusan mendirikan bangunan diberikan oleh Majlis Perbandaran Kajang. c) Pemaju tanpa lesen.

7.	Projek Perumahan di Taman Sri Raya Yang Mengandungi 35 Unit RT Kos Rendah 1 Tingkat & 5 Unit Rumah Kedai, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat (Projek usahasama Kausar Corporation dengan PNSB)	Tetuan Kausar Corporation Sdn. Bhd (digulung)	<ul style="list-style-type: none"> a) Tiada sebarang penyambungan kerja pembinaan di tapak b) Pemodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) sedang dalam proses membayar saguhati kepada pembeli (refund) seramai 27 orang terlibat. c) Pemaju tanpa lesen.
8	Projek Perumahan Di Taman Kajang Villa Yang Mengandungi 1 Blok RPKR 12 Tgkt dan 600 Unit Kediaman, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Villaraya Management Sdn Bhd (digulung)	<ul style="list-style-type: none"> a) Pelikuidasi dalam proses melantik pemaju penyelamat dengan syarat mendapatkan persetujuan pembeli melebihi 75 % terlebih dahulu sebelum pemulihan dibuat. b) Pemaju tanpa lesen.
9	Projek Perumahan Taman Padang Tembak Yang Mengandungi 29 Unit Rumah Teres 2 Tingkat, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Happy Home Development Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> a) 11 unit telah didiami penduduk dan 18 unit terbengkalai b) Tanah masih berstatus pertanian dan hakmilik individu telah dikeluarkan. c) Pemaju tidak dapat dikesan bagi membincangkan penyelesaian menyiapkan 10%-30% kerja-kerja pembinaan. d) Pemaju tanpa lesen

10.	Projek Perumahan Taman Semenyih Jaya Yang Mengandungi 6 Unit Rumah Sesebuah Setingkat & 30 Unit Rumah Deret Setingkat, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Ample Development Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> a) Pembinaan telah 100% siap tapi infrastruktur masih belum diselesaikan. b) Pemaju tidak dapat dikesan namun difahamkan kontraktor projek ini dalam usaha menyelesaikan permohonan Sijil Layak Menduduki. c) Pemaju tanpa lesen
11	Projek Perumahan Taman Ilham Perdana Sejoli, Rumah Berkembar 1 Tingkat, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat.	Tetuan Ukiran Mutu Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> a) Tiada sebarang penyambungan kerja pembinaan di tapak b) Jalan masuk ke tapak projek tidak dapat dilalui kerana jalan telah runtuh dan semak yang tebal. c) Pemaju tidak dapat dikesan bagi membincangkan penyelesaian ini. d) Pemaju tanpa lesen
12.	Projek Terbangkalai Desa Seri Tekali, Di Atas Hakmilik H.S.(D) 40619, PT 5708, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat	Anglo Properties Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> a) Hanya kerja-kerja meratakan tanah sahaja dibuat. b) Tiada sebarang penyambungan kerja pembinaan di tapak. c) Pemaju tidak dapat dikesan bagi membincangkan penyelesaian ini. d) Pemaju tanpa lesen

13	Projek Terbengkalai Dusun Damai, Rumah Berkembar Satu Tingkat dan Rumah Sesebuah di atas hakmilik GM 5500 & 3497, Lot No. 1589 & 1590 Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat	Anjung Properties Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> a) Hanya kerja-kerja meratakan tanah sahaja dibuat. b) Tiada sebarang penyambungan kerja pembinaan di tapak. c) Pemaju tanpa lesen
14.	Projek Perumahan Terbengkalai Taman Nusa Lestari di atas hakmilik Induk GM 219(EMR4873), Lot 3022, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat	Kamara Land Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> a) Kerja-kerja pembinaan dengan kemajuan 70% siap. b) Tiada sebarang penyambungan kerja pembinaan di tapak. c) Pemaju tanpa lesen
15.	Projek Perumahan Evergreen Homes di atas H.S.(M) 6672, Pt No. 9307, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat.	Tetuan Averise Acres Holdings Sdn. Bhd	<ul style="list-style-type: none"> a) Terdapat 4 buah rumah banglo telah mencapai kemajuan 70% siap dan terbengkalai. b) Tapak projek di kaki bukit yang mungkin terdedah kepada masalah tanah runtuh. c) Tiada sebarang penyambungan kerja pembinaan di tapak. d) Pemaju tanpa lesen

Lampiran 2

**SENARAI PANGSAPURI KOS RENDAH DAN STATUS TERKINI DI KAWASAN
DUN KAJANG YANG DILULUSKAN DI BAWAH SKIM CERIA DARI TAHUN
2010**

Bil	Pangsapuri	Jenis baikpulih	Kos (RM)	Tahun	Status
1.	Flat Taman Damai Jaya	Sistem pembentungan	18,950.00	2011	Siap
2.	City Heights Apartment, Sg. Chua	Lif	507,160.00	2014	Siap
3.	Rumah Pangsa Kos Rendah Taman Cheras Mas	Palong air hujan (<i>gutter</i>)	87,919.70	2014	Kerja di tapak dijangka 17 November 2014
4.	Pangsapuri Pahlawan, Taman Tun Perak	Bumbung	491,519.60	2014	Kerja di tapak dijangka 17 November 2014
5.	Pangsapuri	Mengecat	73,550.00	2014	Kerja di

	Murah Kajang Indah				tapak dijangka 17 November 2014
6.	Pangsapuri Taman Cheras Mewah	Kerja membina pagar	134,720.00	2014	Proses mendapat kelulusan MPKj
7.	Pangsapuri Kos Rendah Desa Mutiara	Bumbung	570,000.00	2014	Kontraktor mula kerja pada 10 November 2014
8.	Glen Court A dan B	Mengecat	210,525.00	2014	Kerja di tapak dijangka November 2014
9.	Apartment Kinabalu, Taman Sinaran	Tangki air	52,000.00	2014	Surat tawaran baru dikeluarkan bertarikh 11 November 2014
		JUMLAH	2,146,344.30		

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 Sungai Pelek)**

TAJUK : PEBT

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah peruntukan untuk penganjuran program PeBT akan bertambah untuk tahun 2015?

JAWAPAN:

- a) Pada tahun 2015, peruntukan program Penggerak Belia Tempatan (PeBT) masih dikekalkan seperti tahun 2014 di mana setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan diperuntukkan sebanyak RM120,000.00 yang menjadikan keseluruhan adalah sebanyak RM1,440,000.00 untuk semua PBT bagi menjalankan program-program PeBT yang telah dirancang. Untuk makluman, peruntukan tersebut akan disalurkan kepada PBT di mana PBT dikehendaki untuk memantau dan merancang pelaksanaan program PeBT masing-masing untuk memastikan pelaksanaan program adalah sebagaimana yang telah dirancang.

Di samping itu juga, Kerajaan memperuntukkan sejumlah RM1,464,000.00 sebagai peruntukan elaun Penggerak Belia Tempatan (PeBT) di bawah pengurusan Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS).

Justeru itu, jumlah keseluruhan peruntukan elaun dan program Penggerak Belia Tempatan (PeBT) adalah sebanyak RM2,904,000.00 setiap tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 Permatang)**

TAJUK : PEMINDAHAN TEKNOLOGI

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah strategi Kerajaan Negeri untuk memastikan syarikat yang melabur di Selangor turut melatih dan memindahkan teknologi mereka kepada pekerja dan syarikat tempatan?
- b) Nyatakan bidang-bidang strategik di mana perlu berlaku proses pemindahan teknologi.

JAWAPAN:

- a) Antara langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam menggalakkan pemindahan teknologi seperti:-
 - 1. Kerajaan melalui MIDA/MITI telah menetapkan beberapa syarat dalam kelulusan insentif terhadap projek-projek perkilangan seperti berikut:-
 - i. nilai ditambah tinggi sebanyak 40 peratus;
 - ii. peratusan perbelanjaan R&D sebanyak 1 peratus daripada nilai jualan kasar;
 - iii. indeks kakitangan sains dan teknikal sebanyak 15 peratus daripada jumlah keseluruhan guna tenaga syarikat; dan
 - iv. indeks pengurusan teknikal dan penyeliaan sebanyak 25 peratus daripada jumlah keseluruhan guna tenaga syarikat.
 - 2. Selain itu, Bagi projek-projek khas dalam subsektor yang dikenal pasti yang diluluskan insentif di bawah Skim Galakan Istimewa, bantuan kewangan dalam bentuk R&D dan geran latihan juga ditawarkan untuk melatih pekerja rakyat Malaysia. Geran-geran ini adalah bertujuan untuk menggalakkan pemindahan teknologi kepada pekerja tempatan.
 - 3. Dalam kelulusan Lesen Pengilang, pihak industri telah disyaratkan untuk melatih rakyat Malaysia supaya pemindahan teknologi dan kepakaran dapat disalurkan di semua peringkat jawatan.

- b) Antara bidang-bidang strategik dimana berlaku proses pemindahan teknologi seperti;-
1. Industri Elektrik & Elektronik
 2. Mesin & Peralatan
 3. Bioteknologi
 4. ICT
 5. Aerospace
 6. Industri makanan.
 7. Industri pembuatan barangan getah

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 Selat Klang)**

**TAJUK : KAMPUNG DELEK MAHU DIJADIKAN 'BALDATUN TAYYIBATUN WA
RABBUN GHAFUR'**

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri boleh membantu misi tersebut, daripada bantuan peruntukan, sumber kepakaran, pembangunan ekonomi dan lain-lain di kampung Melayu tradisi ini?
- b) Apakah langkah kerajaan bagi memfokuskan masjid Nurul Amin , Kampung Delek ini sebagai pusat pembangunan khaira ummah daripada segi penyediaan prasarana dan ulamak murrabi yang berterusan membimbing ummah?
- c) Sanggupkah Kerajaan Negeri menerima misi ini sebagai projek perintis dalam proses menjadikan Selangor baldatun tayyyibatun wa rabbun ghafur?

JAWAPAN:

- a) Jabatan Agama Islam Selangor telah mengadakan perbincangan bagi melaksanakan pendekatan “Baldatun Tayyibatun Wa Rabbun Ghafur”. Pendekatan ini dibentuk dan dilaksanakan secara menyeluruh dengan kepakaran semua jabatan.
- b) Antara langkah yang dicadangkan adalah seperti berikut:
 - Menggerakkan masyarakat supaya cinta ilmu dan menjadikan masjid sebagai pusat penyatuan ummah contoh pengajian akidah mingguan dan menjadikan masjid sebagai salah satu pusat pembangunan ekonomi.
 - Menyediakan perancangan secara konsisten untuk melahirkan pendakwah dan kader pelapis yang berkemahiran, kompeten dan berilmu.
 - Mempelbagaikan pendekatan dan metodologi dakwah agar sesuai dengan semua peringkat sasaran dakwah yang mencakupi semua peringkat umur dan kategori sasaran.
- c) Kerajaan Negeri akan meneliti cadangan tersebut dan sekiranya .

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 Balakong)**

TAJUK : PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR BELIA DAN SUKAN

156. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perancangan Kerajaan dalam pembangunan infrastruktur belia dan sukan mengikut DUN masing-masing.
- b) Senaraikan pembangunan infrastruktur belia dan sukan yang telah dilaksanakan dan yang dalam pelaksanaan mengikut DUN masing-masing

JAWAPAN:

- a) Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri telah memperuntukan sebanyak RM1,120,000.00 untuk projek pembangunan infrasturktur belia & Sukan. Sehubungan dengan itu, sebanyak RM20,000.00 telah diperuntukkan kepada setiap DUN melalui PBT masing-masing dalam usaha untuk membaikpulih kemudahan dan infrastruktur sukan yang rosak dan terbiar seperti padang bola, gelanggang-gelanggang futsal, takraw dan badminton.
- b) Senarai projek pembangunan infrasturktur belia dan Sukan yang telah dilaksanakan dan dirancang mengikut DUN adalah seperti berikut :-

1. MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

Bil	Butiran Kerja	Lokasi	DUN	Jumlah (RM)
1.	Kerja-kerja membina baru gelanggang Sepak Takraw	Balairaya Taman Cahaya	Batangkali	19,930.00
2.	Cadangan Kerja-kerja membaikpulih gelanggang Sepak Takraw	Taman Seri Geriang	Hulu Bernam	18,595.00
3.	Kerja-kerja membaikpulih Gelanggang Futsal	Taman Tanjak	Kuala Kubu Baru	19,951.00
JUMLAH KESELURUHAN				58,476.00

2. MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

Bil	Butiran Kerja	Lokasi	Dun	Jumlah (RM)
1.	Cadangan Kerja-Kerja Membina dan Menyiapkan Gelanggang Badminton/Sepak Takraw	Kawasan Lapang Jalan Mutiara 4/6 Taman Sri Nanding, Mukim Hulu Langat, Majlis Perbandaran Kajang	Dusun Tua	19,900.00
2.	Cadangan Kerja-Kerja Membina dan Menyiapkan Gelanggang Badminton/Sepak Takraw	Kawasan Lapang Jalan Harmoni 13, Taman Harmoni, Mukim Semenyih, Majlis Perbandaran Kajang	Semenyih	19,900.00
3.	Cadangan Kerja-Kerja Membaikpulih Gelanggang Badminton/Sepak Takraw	Taman Jelok Indah, Mukim Kajang, Majlis Perbandaran Kajang	Kajang	19,900.00
4.	Cadangan Kerja-Kerja Membina dan Menyiapkan Gelanggang Badminton/Sepak Takraw	Kawasan Lapang, Taman Seri Ramal, Sungai Ramal, Kajang.	Bangi	19,900.00
5.	Cadangan Kerja-Kerja Membina dan Menyiapkan Gelanggang Badminton/Sepak Takraw	Kawasan Lapang Taman Kota Cheras Fasa 3, Mukim Cheras, Majlis Perbandaran Kajang	Balakong	19,900.00
JUMLAH KESELURUHAN				99,500.00

3. MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

Bil	Butiran Kerja	Lokasi	DUN	Jumlah (RM)
1.	Kerja-kerja membaikpulih Sukan seperti :- i) Kerja-kerja mengecat semula lantai gelangang Bandminton dan Takraw ii) Membaikpulih Pagar jejaring iii) Membekal kerusi pengadil iv) Membaikpulih lantai konkrit	Taman Kota, Sungai Rambai, Taman Dato' Hormat dan Taman Desawira, Teluk Panglima Garang, Kuala Langat	Sijangkang	19,986.00
2.	Kerja-kerja membaikpulih Sukan seperti :- i) Kerja-kerja mengecat semula lantai gelangang Badminton dan Takraw ii) Membaikpulih Pagar jejaring iii) Membekal kerusi pengadil iv) Membaikpulih lantai konkrit	Taman Yayasan serta Taman Melawati, Jenjarom dan Taman Sari Serta Taman Delima, Banting, Kuala Langat.	Telok Datuk	19,970.00
3.	Kerja-kerja membaikpulih Gelanggang Badminton dan Takraw	Taman Permai dan Taman Setia Jaya, Banting, Kuala Langat.	Morib	19,778.00
4.	Kerja-kerja membaikpulih Gelanggang Futsal	Kg. Tanjung Sepat dan Pantai Batu Laut, Tanjung Sepat, Kuala Langat	Tg. Sepat	19,980.00
JUMLAH KESELURUHAN				79,714.00

4. MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

Bil	Butiran Kerja	Lokasi	DUN	Jumlah (RM)
1.	Kerja-kerja membaikpulih gelanggang futsal	Taman Cempakasari, Ijok, Daerah Kuala Selangor.	Ijok	19,700.00
2.	Kerja-kerja membaikpulih gelanggang futsal	Zon Gapi Seksyen 7, Puncak alam Fasa 2, Daerah Kuala Selangor.	Jeram	19,700.00
3.	Kerja-kerja membaikpulih gelanggang futsal	Taman Sri Kuantan, Daerah Kuala Selangor.	Malawati	19,700.00
4.	Kerja-kerja membaikpulih gelanggang badminton/takraw	Taman Tennamaram, Daerah Kuala Selangor.	Permatang	19,700.00
5.	Kerja-kerja membaikpulih gelanggang futsal	Taman Damai, Tg. Karang, Daerah Kuala Selangor.	Sungai Burong	19,700.00
JUMLAH KESELURUHAN				98,500.00

5. MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

Bil	Butiran Kerja	Lokasi	DUN	Jumlah (RM)
1.	Mengecat semula gelanggang bola tampar / badminton dan kerja-kerja penyelenggaraan padang bola sepak	Jalan Bukit utama 2/2, Taman Bukit Utama	Bukit Antara bangsa	16,000.00
2.	Kerja-kerja membaikpulih permukaan gelanggang bola keranjang dan gelung besi (score goal) serta jaring penghadang bola di gelanggang futsal.	Jalan H 12, Taman Melawati (Dataran Anak Muda)	Hulu Kelang	6,000.00
	'Resurface' gelanggang badminton/sepak takraw dan membaikpulih semula jaring penghadang bola (Goal Barrier).	Jalan Permata 9, Taman Permata		10,000.00
	Kerja-kerja memasang tiang gol futsal dan tiang jaring penghadang gol (Goal Barrier).	Jalan Kesuma, Taman Kesuma	Lembah Jaya	6,000.00
	Membaikpulih jaring penghadang bola dan kerja-kerja mengecat semula permukaan lantai gelanggang dan garisan.	Jalan Kempas, Dewan Datuk Ahmad Tahir. Kg. Melayu Ampang		10,000.00
4.	'Resurface' permukaan gelanggang badminton / sepak takraw dan membuat garisan.	Jalan Persiaran 1, Taman Pandan Jaya.	Cempaka	6,000.00
	Kerja-kerja mengorek pasir sediada ditapak Pentaque dan menambak semula pasir baru dan meratakannya di tapak Pentaque.	Taman Perbandaran Pandan Indah (Town Park)		10,000.00
5.	Kerja-kerja pembinaan gelanggang badminton/sepak takraw	Jalan Bunga Melati 9, Taman Seraya	Teratai	16,000.00
JUMLAH KESELURUHAN				80,000.00

6. MAJLIS PERBANDARAN KLANG

Bil	Butiran Kerja	Lokasi	DUN	Jumlah (RM)
1.	Membekal lampu	Padang permainan Jalan Kebun Nenas 2K/KS7.	Kota Anggerik	19,980.00
2.	Membaiki Pagar gelanggang futsal	Pekan Meru	Meru	13,900.00
3.	Menaiktaraf (1) satu Unit Gelanggang Takraw	Lorong Klang Perdana 2C, Taman Klang Perdana.	Sementa	19,780.00
4.	Cadangan membina semula (1) satu unit gelanggang Badminton	padang permainan (berdekatan kuarters Blok B), Jalan Tepi Sungai.	Selat Klang	19,980.00
5.	Cadangan menaiktaraf lampu gelanggang	Jalan Sungai Chandung 9, Bandar Armada Putera.	Pelabuhan Klang	19,661.00
6.	Cadangan mengecat dan membaiki pagar dan pintu serta lain-lain yang berkaitan	gelanggang Tenis Jalan Sukma, Pandamaran.	Pandamaran	19,970.20
7.	Cadangan Membaiki Pagar Chain link di sekeliling Gelanggang bola Tampar	Padang Chetty dan Litar Kawalan Jauh di Jalan Padang, Klang.	Kota Alam Shah	18,433.10
8.	Membekal lampu solar	Kawasan padang permainan Lorong Bendahara 38E, Taman Mulia / Taman Indah.	Seri Andalas	19,805.00
9.	Membekal lampu	Padang permainan Jalan Kebun Nenas 2K/KS7.	Sri Muda	19,835.00
JUMLAH KESELURUHAN				171,344.30

7. MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Bil	Butiran Kerja	Lokasi	DUN	Jumlah (RM)
1.	Membaik pulih Lantai Gelanggang Futsal	Gelanggang Futsal USJ 4/8, Subang Jaya	Subang Jaya	19,959.19
2.	Membaikpulihan Gelanggang Bola Keranjang	Taman Kinrara, Jalan TK 4/3, Taman Kinrara, Puchong	Kinrara	18,354.80
3.	Membaikpulihan 2 Gelanggang Badminton dan Sepak Takraw	Flat Perumahan Taman Sri Serdang, Jalan 18/25, Seri Serdang	Seri Serdang	17,244.76
JUMLAH KESELURUHAN				55,558.75

8. MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Bil	Butiran Kerja	Lokasi	DUN	Jumlah (RM)
1.	Cadangan menaiktraf dan pembaikan kerosakan gelanggang Futsal	Taman Awam, Medan Selera, Dengkil.	Dengkil	19,913.20
2.	Menaiktaraf dan pembaikan kerosakan Gelanggang Tenis	Stadium Mini Komplek Sukan Bandar Baru Salak Tinggi	Salak Tinggi	17,980.00
JUMLAH KESELURUHAN				37,893.20

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 Kuang)**

TAJUK : PEMBENIHAN AWAN

157. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah kos pembenihan awan yang telah dikeluarkan pada tahun 2013 dan 2014?
- b) Nyatakan lokasi dan hasil yang diperolehi dari pembenihan awan ini?

JAWAPAN:

- a) Pelaksanaan Operasi Pembenihan Awan (OPA) dengan kerjasama Jabatan Meteorologi Malaysia (Met Malaysia) tiada dilaksanakan pada tahun 2013. Walau bagaimanapun, penyusutan paras empangan dan kadar taburan hujan yang rendah pada awal tahun 2014 telah menyebabkan OPA dilaksanakan secara intensif pada tahun ini. Terdapat dua (2) kaedah operasi pembenihan awan yang dijalankan iaitu melalui penggunaan *hygroscopic flare* dan juga larutan garam (*sodium klorida*). Jumlah operasi pembenihan awan yang telah dijalankan di kawasan tadahan air empangan Negeri Selangor terutamanya Empangan Sungai Selangor dari bulan Mac sehingga November (10 Nov) 2014 ialah sebanyak 193 kali dengan jumlah kos keseluruhan ialah RM 3,467,597.59.
- b) Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dengan kerjasama Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) telah melaksanakan Operasi Pembenihan Awan (OPA) di kawasan tadahan air empangan Negeri Selangor terutamanya Empangan Sungai Selangor dan Empangan Sungai Tinggi. Ini adalah bagi tujuan meningkatkan kadar intensiti hujan dan seterusnya paras air empangan.

Berdasarkan analisis peratusan hujan berdasarkan pelaksanaan OPA bagi Empangan Sungai Selangor 2014, nilai peratusan tertinggi 100% bersamaan jumlah hujan sebenar iaitu 344.3 mm pada bulan Ogos berbanding nilai peratusan terendah 36% (43.37 mm) daripada jumlah hujan sebenar iaitu 119.86 mm pada bulan April. Manakala bagi analisis peratusan hujan berdasarkan pelaksanaan OPA bagi Empangan Sungai Tinggi, nilai peratusan tertinggi 56% (338 mm) berbanding jumlah hujan sebenar iaitu 601 mm pada bulan April, nilai peratusan terendah 8.5% (40 mm) berbanding jumlah hujan sebenar iaitu 527 mm pada bulan Oktober. Peningkatan paras empangan Sungai Selangor dan Empangan Sungai Tinggi daripada paras air terendah bulan Ogos dan September berbanding dengan data pada 10 November 2014 adalah seperti berikut:

Empangan	Paras Empangan Terendah % Kapasiti takungan Tarikh paras terendah	Paras Empangan % Kapasiti takungan Tarikh rekod pada 10 Nov 2014	Peningkatan paras empangan % peningkatan kapasiti takungan
Sungai Selangor	186.10m 31.84% 10 Ogos 2014	199.40m 52.2%	13.3m 20.36%
Sungai Tinggi	48.82m 40.42% 24 Sept 2014	50.78m 49.63%	1.96m 9.21%

Dalam hubungan ini, pelaksanaan OPA adalah membantu dalam meningkatkan paras air empangan dan aliran air sungai. Walau bagaimanapun inisiatif Lembaga dengan menjalankan operasi pengepaman air kolam di Bestari Jaya ke Sungai Selangor juga telah membantu bagi mengelakkan kejadian catuan air daripada berulang setelah catuan air pertama pada sekitar bulan Mac hingga April.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH
(N26 Bangi)**

TAJUK : AIR : HORAS

158. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon nyatakan tentang projek HORAS.
 - a) Keluasan tapak lokasi.
 - b) Kos pembinaan mengikut fasa dan keseluruhannya.
 - c) Siapa kontraktor pembinaan dan cara pelantikannya.

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan data limpahan di River Gate SSP1/Baraj Bestari Jaya, menunjukkan penghasilan air di hiliran lembangan Sungai Selangor berpotensi untuk dibangunkan sebagai sumber air terawat dan jika tidak digunakan sebagai sumber air, ia akan terbuang ke sungai dan laut serta boleh meningkatkan risiko banjir.

Justeru itu, Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju untuk melaksanakan pembangunan penakungan air larian di hiliran sungai melalui konsep *Hybrid Off River Augmentation Storage (HORAS)*. Sistem HORAS ini akan melibatkan penakungan *stormwater* dari Sungai Selangor di kawasan *tailing ponds* atau bekas lombong bijih Bestari Jaya (Batang Berjuntai) yang luas berdekatan dengan UNISEL dan loji rawatan air SSP 1, SSP 2 dan SSP 3.

Pembangunan HORAS sebagai sumber air terawat untuk menakung air larian di hiliran sungai memberi kebaikan antaranya:-

- a) Mengurangkan penggantungan sepenuhnya kepada pelepasan air dari empangan;
- b) Mengelakkan pembaziran air yang dianugerahkan oleh Allah melalui hujan dengan pengurusan sumber air yang lestari;
- c) Mengelakkan risiko banjir di penempatan kawasan hiliran sungai.

Pembangunan HORAS ini akan dilaksanakan mengikut 2 fasa pembangunan seperti berikut:-

Fasa Pertama – HORAS 600
Fasa Kedua - HORAS 3000

HORAS 600 akan dibangunkan di kawasan bekas lombong di Kg Sungai Darah, Bestari Jaya, Daerah Kuala Selangor. HORAS 600 yang akan dilaksanakan ini bukan sahaja tertumpu kepada penakungan semasa hari hujan sebaliknya turut merangkumi penggunaan air dari akuifer dari pembinaan kolam takungan.

Mengikut kajian yang telah dibuat, kawasan tapak projek HORAS 600 yang dikenal pasti akan melibatkan kawasan bekas lombong yang dianggarkan mempunyai keluasan sebanyak 235 hektar yang terletak di Kg Sungai Darah.

Komponen utama yang telah dikenal pasti untuk dibangunkan bagi tujuan melaksanakan projek HORAS 600 adalah:-

- i. Kolam Takungan dengan keluasan 166 hektar hingga mencapai kedalaman 23.5 meter dari paras tanah bagi tujuan penyambungan kepada akuifer bawah tanah bagi mendapatkan kapasiti air sejumlah 600 JLH.
- ii. Kerja-kerja pelindungan tebing kolam takungan menggunakan geotextiles;
- iii. Kerja-kerja pembaikan dan pelindungan sungai sejauh 3.8 km bagi tujuan menambah baik aliran sungai dengan kaedah melebar dan mendalamkan Sungai Selangor; dan
- iv. Stesen mengepam air mentah.

Pada ketika ini, Kerajaan Negeri Selangor telah melantik Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) untuk melaksanakan kerja-kerja pengorekan bagi tujuan pembinaan Kolam Takungan. Kerajaan Negeri Selangor tidak membayar KSSB bagi kerja-kerja pengorekan yang dibuat sebaliknya nilai kerja tersebut di kontra dengan jumlah pasir yang akan dijual oleh KSSB. Kerja-kerja pengorekan oleh KSSB telah bermula semenjak 15 Mac 2014 dan dijangka akan siap pada 30 September 2015.

Kos pembinaan bagi komponen-komponen lain di dalam pembangunan HORAS 600 ini hanya akan dapat ditentukan selepas tender bagi pelantikan kontraktor dimuktamadkan. Kerajaan Negeri Selangor akan melantik kontraktor-kontraktor bagi pembangunan HORAS 600 ini melalui kaedah tender terbuka dan dijangkakan tender tersebut akan dikeluarkan pada Januari 2015.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 Kuala Kubu Baharu)**

TAJUK : GERAN SELANGORKU

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan permohonan membina dewan serba guna yang diterima di bawah Geran Selangorku.
- b) Berapa dan nyatakan permohonan tersebut diluluskan di bawah Geran Selangorku.
- c) Status permohonan membina sebuah dewan serba guna di Kg Baru Gurney, Hulu Selangor.

JAWAPAN:

- a) Sebanyak 27 permohonan melibatkan dewan serbaguna telah diterima seperti senarai berikut:

BIL	DAERAH	NAMA PROJEK	NAMA PEMOHON	DUN
1	PTD Gombak	Dewan terbuka berbumbung & berlampu Taman Jasa	Hj Ramly	Batu Caves
2	PTD Gombak	Membina Dewan terbuka berbumbung & berlampu Taman Jasa Utama	Hj Ramly	Batu Caves
3	PTD Gombak	Naiktaraf dewan masyarakat Jalan Permata 4, Taman Permata	YB Shari Sungip	Hulu Kelang
4	PTD Hulu Langat	Menaiktaraf dewan orang ramai Jalan Pandan Medan (Jalan H), Kg. Pandan	YB Iskandar	Pandan
5	PTD Hulu Langat	Kerja-kerja membina dewan serbagunan pada kawasan lapang di Taman Kemacahaya	Afrodi Ali	Dusun Tua
6	PTD Hulu Langat	Membina semula Dewan MPAJ di Kg Cheras Baru	YB Jenice Lee Ying Ha	Teratai
7	PTD Hulu Selangor	Membaikpulih dewan & longkang dik Kg Orang Asli, Serendah	Pusat Khidmat Masyarakat Batang Kali	Batang Kali
8	PTD Hulu Selangor	Membina dewan serbaguna termasuk pembinaan jalan Kg Baru Gurney	MDHS	Batang Kali
9	PTD Hulu Selangor	Cadangan kerja-kerja membaikpulih dewan orang ramai Batang Kali	MDHS	Batang Kali
10	PTD Hulu Selangor	Cadangan kerja-kerja membaikpulih dewan Abdul Hamid, Batang Kali	MDHS	Batang Kali
11	PTD Hulu Selangor	Cadangan kerja-kerja membaikpulih dewan orang ramai Sg, Choh	MDHS	Batang Kali
12	PTD Hulu Selangor	Cadangan kerja-kerja membaikpulih dewan orang ramai Hulu Yam	MDHS	Batang Kali
13	PTD Hulu Selangor	Cadangan kerja-kerja membaikpulih dewan orang ramai Serendah	MDHS	Batang Kali
14	PTD Hulu Selangor	Cadangan kerja-kerja membaikpulih dewan komuniti Serendah	MDHS	Batang Kali
15	PTD Hulu Selangor	Cadangan kerja-kerja membaikpulih dewan orang ramai Rasa	MDHS	Kuala Kubu Bharu
16	PTD Hulu Selangor	Cadangan kerja-kerja membaikpulih dewan orang ramai Kuala Kubu Baru	MDHS	Kuala Kubu Bharu
17	PTD Hulu Selangor	Cadangan kerja-kerja membaikpulih dewan orang ramai Kerling	MDHS	Kuala Kubu Bharu
18	PTD Klang	Membaikpulih serta menaiktaraf Dewan Orang Ramai di Jalan Seri Sarawak 29, Taman Seri Andalas	NORAZ EHSAN ENTERPRISE	Sri Andalas
19	PTD Klang	Membaikpulih Dewan Kg. Jawa	YB Dr. Xavier Jayakumar	Sri Andalas
20	PTD Kuala Langat	Pembinaan Dewan Orang Ramai di atas sebahagian Lot 4339, Kg Sungai Kelambu	JKKK Kg Sungai Kelambu, Kuala Langat	Tanjung Sepat
21	PTD Kuala Langat	Permohonan cadangan mengecat semula & Menaiktaraf kemudahan asas prasarana Dewan Sri Kundang.	Ketua Kampung DUN Tg. Sepat	Tanjung Sepat
22	PTD Kuala Selangor	Kerja-Kerja Membina Sebuah Dewan Baru Serta kerja-Kerja Berkaitan Di Simpang 3 Jeram	Pusat Khidmat Masyarakat Jeram	Jeram
23	PTD Kuala Selangor	Membina sebuah dewan sebagai di Saujana Utama, Sg Buloh (Zon MDKS)	Ahli Majlis MDKS	Jeram
24	PTD Kuala Selangor	Memohon dewan baru serbaguna di Kampung Permatang, Kuala Selangor	JKKK Kampung Permatang	Jeram
25	PTD Kuala Selangor	Membina dewan orang ramai	Muhad Solihi b Misran	Jeram
26	PTD Petaling	Memohon pembinaan sebuah Dewan serbaguna di Tamn Setia Warisan	Persatuan Penduduk Taman Setia Warisan	Kota Damansara
27	PTD Petaling	Baik pulih bumbung dan kerosakan dewan JKKK Kg. bukit Cherakah Jaya Daerah Petaling	Azhar Bin Sabidin	Meru

- b) Hanya satu permohonan diluluskan iaitu menaiktaraf dewan orang ramai Jalan Pandan Medan (Jalan H), Kg. Pandan di DUN Chempaka dengan kos RM 318,520.40.
- c) Permohonan membina dewan serbaguna di Kg Baru Gurney, Hulu Selangor yang di KIV tidak dapat diteruskan melalui Program Geran Selangorku yang telah pun ditamatkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 Hulu Bernam)**

TAJUK : SKIM MESRA USIA EMAS (SMUE)

160. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-


- a) Berapakah permohonan yang telah diterima dan diluluskan semenjak SMUE diperkenalkan?
- b) Nyatakan statistik terkini penerimaan skim ini mengikut kaum?
- c) Apakah usaha kerajaan negeri dalam memastikan semua rakyat Selangor mendapat pemahaman tentang SMUE ?

JAWAPAN:

- a) Jumlah pendaftaran keahlian Skim Mesra Usia Emas sehingga 31 Oktober 2014 adalah berjumlah 231,972 orang keseluruhannya. Sejumlah 38.19% adalah daripada kaum Melayu, 45.62% daripada kaum Cina, 15.34% daripada kaum India sementara 0.85% adalah daripada lain-lain.

Pecahan Pendaftaran SMUE Sehingga 31/10/2014


Kaum	Jumlah	%
Melayu	88,583	38.2%
Cina	105,835	45.6%
India	35,583	15.3%
Lain-lain	1,971	0.8%
Jumlah	231,972	100.0%



- b) Sehingga 31 Oktober 2014, sejumlah RM135,026,500.00 telah dibayar kepada keluarga Ahli Skim Mesra Usia Emas yang telah meninggal dunia. Daripada jumlah tersebut, 40.30% (RM54,419,000.00) penerima adalah daripada kaum Melayu, 41.71% (RM56,326,000) penerima adalah daripada kaum Cina, 17.07% (RM23,045,500) adalah daripada kaum India dan 0.92% ((RM1,236,000) adalah daripada lain-lain.

Pecahan Pembayaran SMUE Sehingga 30/10/2014

Kaum	Jumlah	%
Melayu	54,419,000	40.30%
Cina	56,326,000	41.71%
India	23,045,500	17.07%
Lain-lain	1,236,000	0.92%
Jumlah	135,026,500	100.00%



Pembayaran SMUE mengikut Tahun sehingga 31/10/2014

Kaum	Jumlah RM
2008	867,000
2009	19,764,000
2010	21,515,500
2011	20,700,500
2012	24,725,500
2013	21,648,000
2014	25,806,000
Jumlah	135,026,500

- c) Usaha meningkatkan pemahaman dan kepekaan rakyat terhadap kewujudan program-program ini sentiasa menjadi keutamaan kerajaan negeri.

Untuk itu, pelbagai program taklimat, penerangan, pameran dan pendaftaran telah dilaksanakan oleh agensi yang berkaitan. Usaha ini turut dibantu oleh pelbagai agensi termasuklah Pejabat Daerah/Tanah (PDT) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Mereka bukan sahaja menyediakan ruang dan booth pameran kepada agensi berkaitan, malah turut menyediakan kemudahan kaunter penerangan dan pendaftaran untuk program-program MES kepada rakyat secara percuma di bawah kendalian PDT dan PBT yang berkenaan.

Taklimat dan Penerangan khusus berkaitan program-program MES juga turut diberikan kepada Ahli-ahli Dewan Negeri, Penghulu, Ketua Kampung, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta Ahli-ahli Majlis agar mereka sentiasa bersedia untuk menyampaikan maklumat sebaik mungkin dari semasa ke semasa secara berterusan di kawasan masing-masing.

Di peringkat kawasan Dewan Negeri Selangor pula, Kerani DUN 3 telah diwujudkan yang mempunyai tugas khusus berkaitan pengendalian dan mempromosikan program-program MES bagi DUN tersebut. Mereka akan memastikan sasaran yang ditetapkan untuk setiap DUN dapat dicapai, terutamanya dalam memberikan penerangan di kawasan berkenaan dan memastikan tiada yang tercicir daripada mendapatkan maklumat hingga mampu meningkatkan penyertaan rakyat serta menambah pendaftaran peserta baru, menguruskan pembayaran semua skim yang diwujudkan di samping turut membantu untuk memberikan input bagi sebarang penambahbaikan.

Dalam masa yang sama, radio dan TV Web Selangor terus digunakan sepenuhnya bagi mewar-warkan program MES dan menyampaikan maklumat terkini yang berkaitan. Malahan, saluran radio swasta yang mesra kerajaan negeri juga turut dimanfaatkan. Sebagai contoh iklan dalam Sinar FM pada waktu puncak di mana pendengar akan disalurkan maklumat yang berkaitan secara berulang-ulang sepanjang perjalanan mereka ke tempat kerja dan pulang ke rumah.

Maklumat serta aktiviti berkaitan program MES juga disampaikan secara tetap melalui akhbar SelangorKini, Portal Merakyatkan Ekonomi Selangor, portal-portal rasmi kerajaan serta edaran-edaran kerajaan yang lain dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan kesesuaiannya.

Tindakan proaktif juga telah dilakukan oleh agensi yang berkaitan dengan melakukan lawatan dan turun padang. Kerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan, persatuan-persatuan termasuk persatuan penduduk, rumah-rumah kebajikan dan rumah-rumah ibadat juga sering dilakukan bagi memastikan rakyat di lokaliti-lokaliti sasaran mendapat maklumat dan boleh didaftarkan jika sekiranya mereka layak dan memenuhi syarat yang telah ditetapkan.

Lawatan ke rumah orang tua-tua sebagai contoh, telah banyak memudahkan urusan mereka yang layak untuk didaftarkan sebagai ahli skim ini. Begitu juga lawatan ke pusat-pusat jagaan orang-orang kelainan upaya telah banyak membantu memudahkan urusan pendaftaran dilakukan dengan sebaiknya. Dengan cara ini, kekangan yang mereka hadapi seperti kesukaran untuk bergerak dan masalah-masalah logistik lain untuk ke pusat-pusat pendaftaran telah sedikit sebanyak dapat diatasi dan dipermudahkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 Paya Jaras)**

**TAJUK : PENUKARAN KEBENARAN MERANCANG RUMAH KOS RENDAH
KEPADA RUMAH MAMPU MILIK**

161. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan dapat memberikan kebenaran untuk menukar Kebenaran Merancang Rumah Kos Rendah kepada Rumah Mampu Milik?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri tiada halangan untuk pihak pemaju membuat penukaran/ pindaan Kebenaran Merancang yang telah diluluskan Rumah Kos Rendah (RKR) kepada Rumah Mampu Milik (Rumah Selangorku). Namun begitu, ianya bergantung kepada permintaan permohonan orang awam yang berdaftar dengan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor, perletakkan lokasi RKR tersebut yang agak pedalaman daripada jalan utama serta kemudahan – kemudahan yang terdapat di sekitar tapak tersebut termasuklah kemudahan pengangkutan awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 Damansara Utama)**

TAJUK : KUMPULAN HARTANAH SELANGOR BERHAD (KHSB)

162. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan semua projek usahasama KHSB dengan syarikat lain dan bekalkan maklumat terperinci.
- b) Sila senaraikan aset yang dimiliki oleh KHSB.

JAWAPAN:

a)

“Development Agreement” diantara Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (“KHSB”) dan Temasek Sehati Sdn Bhd bertarikh 08 Februari 2006		
Maklumat mengenai tanah	Keluasan	9.554 ekar
	No. Hakmilik	HSD 18264, PT 32547
	Pemilik Benifisiari	Kumpulan Hartanah Selangor Berhad
	Pemilik Asal	Kumpulan Darul Ehsan Berhad
Status bayaran kepada Kumpulan Hartanah Selangor Berhad	Jumlah Hak Penerimaan	RM 5,051,620.47
	Bayaran yang telah diterima	(RM 4,172,313.67)
	Baki bayaran	RM 879,306.80

b)

BIL.	LOKASI	KELUASAN (EKAR)	KEGUNAAN TANAH	NILAI BUKU SEMASA (RM'000)
1	Mukim Petaling, Seksyen 14, Petaling Jaya	9.66	Kosong (Komersil)	77,406
2	Berjantai Bestari, Daerah Kuala Selangor	4,975.89	Kosong (Pertanian)	40,469
3	Mukim Kuala Kalumpang, Daerah Hulu Selangor	191	Kosong (Bangunan)	24,714
4	Northport, Klang	2.6	Kedai Pejabat (72 unit)	27,113

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 Kota Damansara)**

TAJUK : KEMISKINAN BANDAR

163. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan atau dasar baru Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah kemiskinan bandar di negeri Selangor?
- b) Berapakah jumlah terkini penduduk miskin bandar bagi tahun 2014?
- c) Nyatakan julat pendapatan isi rumah yang dikategorikan sebagai miskin bandar?

JAWAPAN:

- a) Seperti mana kita sedia maklum, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai program bagi menangani masalah kemiskinan bandar di negeri Selangor. Di antara program-program yang disediakan oleh Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan adalah seperti Program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan, Program Tajaan Kemahiran Teknikal melalui Kolej Antarabangsa INPENS, Program Pemberian Baucer sempena Perayaan dan Program *Back to School*.

Di samping itu, pelbagai program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang telah diperkenalkan bagi mengurangkan kadar kemiskinan bandar seperti Program Skim Mikrokredit Selangor (Skimsel) dan Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MIMBAR). Program Skimsel bermatlamat untuk membantu golongan miskin memperoleh dana bagi menjalankan perniagaan sebagai salah satu usaha membebaskan mereka dari kitaran kemiskinan. Manakala program MIMBAR pula merupakan pinjaman mikrokredit Qardul Hasan iaitu pinjaman tanpa faedah dan caj pengurusan yang bertujuan untuk membantu menambahkan pendapatan seisi keluarga bagi melepasi Paras Garis Kemiskinan (PGK).

Dalam usaha Kerajaan Negeri memberi manfaat kepada semua rakyat melalui pembasmian dan pengurangan ketidakseimbangan ekonomi, Kerajaan Negeri akan sentiasa menambahbaik program-program Pembasmian Kemiskinan dari semasa ke semasa bagi mengurangkan kadar kemiskinan bandar di negeri Selangor sejajar dengan peningkatan taraf hidup rakyat dan perkembangan ekonomi semasa.

- b) Merujuk kepada Jabatan Perangkaan Malaysia tahun 2012, bilangan isi rumah miskin di bandar adalah sebanyak 2,834, iaitu 0.2%, manakala bilangan isi rumah miskin tegar adalah sebanyak 283 iaitu 0.0%. Perincian kadar kemiskinan mengikut strata di negeri Selangor bagi tahun 2012 adalah seperti di **JADUAL 8**.
- c) Di peringkat nasional, Paras Garis Kemiskinan (PGK) adalah selaras dengan Rancangan Ekonomi Kesepuluh (RMK-10), yang mana PGK makanan dan bukan makanan yang telah ditetapkan untuk isi rumah miskin di bandar adalah RM840.00 seisi rumah. Manakala PGK untuk isi rumah miskin di bandar bagi Sarawak serta Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan masing-masing adalah sebanyak RM960 dan RM1,080 seisi rumah.

Manakala julat pendapatan isi rumah yang digunapakai sebagai PGK di Selangor adalah RM1,500 ke bawah tanpa mengikut kawasan. Ini adalah berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil. 1/2009 pada 7 Januari 2009 telah bersetuju dan memutuskan supaya PGK Negeri Selangor dinaikkan ke RM1,500.00.

JADUAL 8:

KADAR KEMISKINAN MENGIKUT STRATA DI NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2012

Strata	Tahun 2012			
	Isi Rumah Miskin	ratus (%)	Isi Rumah Miskin Tegar	ratus (%)
Bandar	2,834	0.2	283	0.0
ar bandar	2,438	2.3	-	-
Jumlah	5,272	0.4	283	0.0

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 Teluk Datuk)**

TAJUK : UTILITI MAPPING DI SELANGOR

164. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kos dan perbelanjaan yang digunakan oleh kerajaan negeri untuk menjalankan kerja-kerja utiliti mapping di setiap PBT?
- b) Apakah agensi dan jabatan yang terlibat dalam program utiliti mapping?
- c) Sehingga kini bagaimanakah pencapaiannya yang di per oleh?

JAWAPAN:

- a) Pemetaan utiliti merupakan kerja-kerja pemetaan utiliti bawah tanah, jalan raya dan lebuh raya yang turut melibatkan kabel elektrik, kabel telekomunikasi, paip air, paip gas, saluran pembentungan. Gabungan proses pemetaan yang dilengkapi peta topografi akan memberi satu bentuk plan pemetaan utiliti yang komprehensif bagi membantu perancangan pembangunan dan infrastruktur Negeri Selangor. Kos dan perbelanjaan pemetaan utiliti dikira berdasarkan keluasan pengukuran, kepadatan penduduk dan kepesatan pembangunan di tapak serta skop kerja-kerja teknikal pemetaan utiliti. Anggaran awal kos dan perbelanjaan pemetaan utiliti ialah RM2 perkaki persegi. Sehubungan itu, untuk melaksanakan pemetaan utiliti di Negeri Selangor dengan keluasan 7,957.36 kilometer persegi, kos dan perbelanjaan bagi projek pemetaan utiliti adalah sangat besar dan berbeza mengikut faktor-faktor tersebut.

Mengikut amalan yang dilaksanakan kini, pemetaan utiliti dilaksanakan oleh pemaju sesuatu projek pembangunan sebagai salah satu syarat yang ditetapkan oleh PBT dalam permohonan Kebenaran Merancang (KM) setiap projek pembangunan.

- b) Pemetaan utiliti dilaksanakan berdasarkan peraturan dan prosedur seperti berikut :
 - i) Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bilangan 1 Tahun 2013 : Garis Panduan Pengukuran Jajaran Laluan Utiliti Baru; dan
 - ii) Panduan pelaksanaan pemetaan utiliti oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD SM) iaitu Garis Panduan Perancangan Perkhidmatan Utiliti pada 2012 yang bertujuan untuk membantu Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pemaju dalam perancangan peletakan laluan penyediaan utiliti dalam sesebuah

cadangan pembangunan.

Agensi Kerajaan yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan perancangan pemetaan utiliti ialah Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). JUPEM kini sedang menyediakan pemetaan utiliti Negeri Selangor dan dimulakan di Cyberjaya, Sepang.

Selain itu, pelaksanaan pemetaan utiliti juga memerlukan kerjasama bersama PBT, Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) dan Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) bagi mendapatkan maklumat-maklumat sedia ada pemetaan utiliti di kawasan PBT dan maklumat berkaitan guna tanah dan perancangan di peringkat daerah.

Penglibatan agensi swasta diperlukan secara tidak langsung melalui perkongsian maklumat-maklumat utiliti sedia ada agensi-agensi utiliti di Negeri Selangor iaitu agensi utiliti tenaga elektrik (Tenaga Nasional Berhad (TNB)), utiliti air (Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas)) dan utiliti telekomunikasi (Telekom).

- c) Memandangkan kos dan perbelanjaan yang tinggi, pemetaan utiliti di Negeri Selangor akan dilaksanakan secara berperingkat. Bagi memastikan pelaksanaan pemetaan utiliti dilaksanakan secara *cost effective*, pada peringkat permulaan, pemetaan utiliti akan dilaksanakan secara perkongsian data sedia ada bersama agensi-agensi teknikal dan utiliti.

Bagi tujuan tersebut, sesi perbincangan akan diadakan melibatkan pihak JUPEM dan agensi-agensi utiliti iaitu utiliti tenaga elektrik (Tenaga Nasional Berhad (TNB)), utiliti air (Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas)), utiliti telekomunikasi (Telekom) dan utiliti pembentungan (Indah Water Konsortium (IWK)).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 Sungai Panjang)**

TAJUK : TEMPAT MENUNGGU BAS

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan kerajaan negeri untuk membina tempat menunggu bas dari 2010 hingga 2014?
- b) Senaraikan bilangan, kos pembinaan tempat menunggu bas dari 2010 hingga 2014 mengikut PBT?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri ada memperuntukkan peruntukan pada tahun 2014 bagi tempat menunggu bas sebanyak iaitu sebanyak RM 428,000.00 kepada semua PBT di Negeri Selangor.
- b) Bilangan tempat menunggu bas dan kos yang diperuntukkan adalah seperti di **Lampiran 1.**

Lampiran 1.

PBT	Bilangan Tempat Menunggu Bas	Kos Pembinaan (RM)
MPK	17	59,000.00
MPSJ	5	60,000.00
MPKJ	4	48,000.00
MPSP	6	60,000.00
MDKL	11	38,000.00
MDHS	5	58,000.00
MDKS	16	38,500.00
MDSB	20	66,000.00
MPAJ	Tiada Permohonan Diterima Daripada PBT	
MPS	Tiada Permohonan Diterima Daripada PBT	
Jumlah Keseluruhan	84	428,000.00

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 Meru)**

TAJUK : INFRA BELIA DAN SUKAN.

166. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bolehkah dibina Dataran Anak Muda bagi setiap kampung atau berpandukan bagi setiap kepadatan penduduk?
- b) Bolehkah dipertingkatkan kepada aktiviti sukan lasak pada dataran sedia ada?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri mengambil maklum mengenai keperluan untuk membina Dataran Anak Muda bagi setiap kampung atau berpandukan bagi setiap kepadatan penduduk. Sehingga kini, sebanyak 30 Dataran Anak Muda telah dibina melalui Geran Selangorku seperti jadual di bawah :-

BIL.	NAMA PROJEK	DUN
1.	Cadangan kerja-kerja membina dan menyiapkan sebuah gelanggang sukan serbaguna futsal, bola jaring dan sepak takraw termasuk dataran dan lain-lain yang berkaitan di Bandar Baru Puncak Alam	Jeram
2.	Cadangan kerja-kerja membina dan menyiapkan sebuah gelanggang sukan serbaguna futsal, bola jaring dan sepak takraw termasuk dataran dan lain-lain yang berkaitan di Pekan Bestari Jaya	Ijok
3.	Kerja-kerja pembinaan gelanggang serbaguna futsal di Taman Kota Sungai Rambai, Daerah Kuala Langat	Sijangkang
4.	Kerja-kerja pembinaan gelanggang serbaguna futsal di Kampung Batu Laut, Daerah Kuala Langat	Tanjung Sepat
5.	Cadangan kerja-kerja membina dan menyiapkan sebuah gelanggang sukan serbaguna futsal, bola jaring dan sepak takraw termasuk dataran dan lain-lain yang berkaitan di Padang Astaka Tg Karang	Sungai Burong

6.	Pembinaan Gelanggang Futsal dan Bola Jaring di Pejabat SUK Selangor	Kota Anggerik
7.	Kerja-kerja membaikpulih/membina gelanggang sukan serbaguna dan dataran anak muda di Pekan Meru	Meru
8.	Membina dan menyiapkan sebuah gelanggang sukan serbaguna futsal, bola jaring dan sepak takraw termasuk dataran dan lain-lain yang berkaitan di Taman Jati Mukim Rawang 1	Rawang
9.	Membina dan menyiapkan sebuah gelanggang sukan serbaguna futsal, bola jaring dan sepak takraw termasuk dataran dan lain-lain yang berkaitan di Jalan H1, Taman Melawati, Mukim Hulu Kelang	Hulu Kelang
10.	Membina sebuah padang futsal di Padang Permainan Seksyen 1, Kajang Utama	Bangi
11.	Pembinaan gelanggang futsal/ takraw/ badminton di Jalan Pandan 8/Jalan Pandan 7, Pandan Jaya	Cempaka
12.	Cadangan kerja-kerja membina dan menyiapkan sebuah gelanggang sukan serbaguna futsal, bola jaring dan sepak takraw termasuk dataran dan lain-lain yang berkaitan di Kg. Parit Serong	Permatang
13.	Kerja-kerja membina gelanggang serbaguna dan dataran anak muda di kawasan bersebelahan dewan orang ramai Sungai Pelek	Sungai Pelek
14.	Cadangan kerja-kerja membina dan menyiapkan sebuah gelanggang sukan serbaguna futsal, bola jaring dan sepak takraw termasuk dataran dan lain-lain yang berkaitan di Kawasan Kampung Sekolah/Taman Seri, Batang Kali	Batang Kali
15.	Kerja-kerja membina gelanggang sukan serbaguna dan dataran anak muda di Jalan Dato' Dagang 17A, Taman Sentosa	Sri Andalas
16.	Pembinaan gelanggang sukan pelbagai guna di Gugusan Semarak Seksyen 4, Kota Damansara	Kota Damansara
17.	Pembinaan gelanggang sukan pelbagai guna dan dataran anak muda berhampiran masjid dan dewan di Kg Kanchong Tengah	Morib
18.	Pembinaan gelanggang sukan pelbagai guna dan dataran anak muda di Jalan 1, Taman Ampang Jaya	Bukit Antarabangsa

19.	Pembinaan gelanggang sukan pelbagai guna dan dataran anak muda berdekatan dengan Tasek Biru Kuang	Kuang
20.	Pembinaan gelanggang sukan pelbagai guna dan dataran anak muda di Taman Kantan Permai	Kajang
21.	Pembinaan gelanggang sukan pelbagai guna dan Dataran Kejat di DUN Bukit Lanjan, Taman Kayu Ara Indah	Bukit Lanjan
22.	Pembinaan gelanggang sukan pelbagai guna dan dataran anak muda di Taman Sri Nanding	Dusun Tua
23.	Pembinaan gelanggang sukan pelbagai guna dan dataran anak muda di Taman Bidara, Selayang	Taman Templer
24.	Pembinaan gelanggang sukan pelbagai guna dan dataran anak muda di Kg. Baru Batu Caves	Batu Caves
25.	Membina dan menyiapkan dataran anak muda di Kampung Tasek Tambahan, Ampang	Lembah Jaya
26.	Pembinaan gelanggang serbaguna di Jalan PU 2/29 Taman Puncak Jalil Seri Kembangan	Seri Serdang
27.	Pembinaan gelanggang serbaguna di Padang Mahkota, Banting	Teluk Datok
28.	Pembinaan gelanggang serbaguna di Kampung Pasir Baru, Semenyih	Semenyih
29.	Membina gelanggang bola keranjang baru di Taman Maju Jaya Cheras, antara Lorong Bunga Melati 1A dan Lorong Bunga Melor 3.	Teratai
30.	Pembinaan gelanggang serbaguna di kawasan lapang sebelah Dewan Meranti, Bandar Bharu Sg Buloh	Paya Jaras

- b) Kerajaan Negeri mengambil maklum berhubung perkara tersebut namun kemudahan Dataran Anak Muda atau Serbaguna sedia ada yang telah dibina adalah mengikut spesifikasi pembinaan bangunan-bangunan bagi aktiviti sukan seperti futsal, badminton, bola jaring dan sepak takraw.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 Kinrara)**

TAJUK : KEBAJIKAN WARGA EMAS

167. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan rumah-rumah kebajikan berdaftar yang ada di kawasan Puchong.
- b) Nyatakan statistik warga emas berumur 60 tahun ke atas mengikut kawasan DUN Selangor.
- c) Apakah rancangan kerajaan negeri dalam menyediakan skim-skim bantuan kepada warga emas selain daripada pemberian baucar Jom *Shopping* dan wang khairat SMUE?

JAWAPAN:

- a) Tidak berkaitan.
- b) Sila rujuk Jadual A yang dilampirkan berkaitan statistik Warga Emas yang berumur 60 tahun dan ke atas mengikut pecahan kawasan Dewan Negeri Selangor.
- c) Sehingga kini, belum ada lagi cadangan baru yang telah diluluskan. Walau bagaimanapun, kertas cadangan awal untuk warga emas menikmati sebahagian daripada wang manfaat ini semasa mereka masih hidup telahpun dikemukakan.

Antara cadangannya adalah, mengambil sebahagian daripada wang manfaat yang bernilai RM2500.00 tersebut untuk diberikan kepada warga emas yang telah berdaftar untuk digunakan semasa mereka masih hidup. Sementara bakinya akan diserahkan kepada waris mereka selepas berlaku kematian bagi meringankan bebanan dalam menampung kos pengurusan jenazah setiap ahli apabila mereka meninggal dunia. Mekanisma pelaksanaan, sama ada tunai ataupun baucer juga sedang diteliti untuk dicadangkan. Jika dipersetujui, ia akan dilaksanakan pada awal tahun 2015 nanti.

Nama DUN	JUMLAH PENDAFTARAN					PERATUS PENDAFTARAN			
	Melayu	Cina	India	Lain-Lain	Jumlah	Melayu %	Cina %	India %	Lain-Lain%
BALAKONG	569	3286	393	13	4261	13.35	77.12	9.22	0.31
BANGI	1599	635	566	11	2811	56.88	22.59	20.14	0.39
BATANG KALI	1162	757	303	22	2244	51.78	33.73	13.5	0.98
BATU CAVES	1840	279	898	38	3055	60.23	9.13	29.39	1.24
BATU TIGA	1712	377	768	43	2900	59.03	13	26.48	1.48
BUKIT ANTARABANGSA	957	307	62	6	1332	71.85	23.05	4.65	0.45
BUKIT GASING	109	1449	460	70	2088	5.22	69.4	22.03	3.35
BUKIT LANJAN	423	2337	362	43	3165	13.36	73.84	11.44	1.36
BUKIT MELAWATI	991	281	735	8	2015	49.18	13.95	36.48	0.4
CHEMPAKA	1357	1592	156	13	3118	43.52	51.06	5	0.42
DAMANSARA UTAMA	289	6132	268	62	6751	4.28	90.83	3.97	0.92
DENGKIL	2461	438	635	87	3621	67.96	12.1	17.54	2.4
DUSUN TUA	2017	1874	415	34	4340	46.47	43.18	9.56	0.78
GOMBAK SETIA	2714	888	408	62	4072	66.65	21.81	10.02	1.52
HULU BERNAM	2388	971	310	15	3684	64.82	26.36	8.41	0.41
HULU KELANG	3363	707	147	26	4243	79.26	16.66	3.46	0.61
IJOK	1535	692	1230	23	3480	44.11	19.89	35.34	0.66
JERAM	2246	471	205	6	2928	76.71	16.09	7	0.2
KAJANG	1383	3299	1310	53	6045	22.88	54.57	21.67	0.88
KAMPUNG TUNKU	328	3737	707	117	4889	6.71	76.44	14.46	2.39
KINRARA	420	3490	1016	36	4962	8.46	70.33	20.48	0.73
KOTA ALAM SHAH	167	1906	1136	84	3293	5.07	57.88	34.5	2.55
KOTA ANGGERIK	1397	788	532	29	2746	50.87	28.7	19.37	1.06
KOTA DAMANSARA	793	949	521	12	2275	34.86	41.71	22.9	0.53
KUALA KUBU BAHARU	1186	2175	666	76	4103	28.91	53.01	16.23	1.85
KUANG	1395	998	344	4	2741	50.89	36.41	12.55	0.15
LEMBAH JAYA	2451	2831	645	35	5962	41.11	47.48	10.82	0.59
MERU	3008	507	568	16	4099	73.38	12.37	13.86	0.39
MORIB	2672	518	632	17	3839	69.6	13.49	16.46	0.44
PANDAMARAN	602	3641	831	34	5108	11.79	71.28	16.27	0.67
PAYA JARAS	1902	1122	504	18	3546	53.64	31.64	14.21	0.51
PELABUHAN KLANG	1759	533	575	17	2884	60.99	18.48	19.94	0.59
PERMATANG	1757	756	206	1	2720	64.6	27.79	7.57	0.04
RAWANG	722	3046	1162	57	4987	14.48	61.08	23.3	1.14
SABAK	3128	647	161	6	3942	79.35	16.41	4.08	0.15
SEKINCHAN	1015	1614	52	3	2684	37.82	60.13	1.94	0.11
SELAT KLANG	3176	1470	543	47	5236	60.66	28.07	10.37	0.9
SEMENTA	1615	1283	1476	5	4379	36.88	29.3	33.71	0.11
SEMENYIH	1977	1548	769	43	4337	45.58	35.69	17.73	0.99
SERI ANDALAS	1442	1646	3052	57	6197	23.27	26.56	49.25	0.92
SERI KEMBANGAN	60	4574	182	10	4826	1.24	94.78	3.77	0.21

SERI SERDANG	1230	1454	738	25	3447	35.68	42.18	21.41	0.73
SERI SETIA	964	722	1034	47	2767	34.84	26.09	37.37	1.7
SIJANGKANG	2485	294	453	35	3267	76.06	9	13.87	1.07
SRI MUDA	1154	1023	1076	55	3308	34.89	30.93	32.53	1.66
SUBANG JAYA	232	2818	629	86	3765	6.16	74.85	16.71	2.28
SUNGAI AIR TAWAR	2684	341	50	1	3076	87.26	11.09	1.63	0.03
SUNGAI BURONG	3094	420	39	5	3558	86.96	11.8	1.1	0.14
SUNGAI PANJANG	3562	817	44	5	4428	80.44	18.45	0.99	0.11
SUNGAI PELEK	937	1259	749	13	2958	31.68	42.56	25.32	0.44
SUNGAI PINANG	937	5289	174	29	6429	14.57	82.27	2.71	0.45
TAMAN MEDAN	2529	931	1041	60	4561	55.45	20.41	22.82	1.32
TAMAN TEMPLER	1805	2803	618	40	5266	34.28	53.23	11.74	0.76
TANJUNG SEPAT	1960	1237	266	72	3535	55.45	34.99	7.52	2.04
TELUK DATUK	779	2654	1103	42	4578	17.02	57.97	24.09	0.92
TERATAI	653	3631	175	18	4477	14.59	81.1	3.91	0.4
WPKL - BANDAR TUN RAZAK	290	2632	397	15	3334	8.7	78.94	11.91	0.45
WPKL - BATU	361	1444	492	17	2314	15.6	62.4	21.26	0.73
WPKL - BUKIT BINTANG	1	181	1	5	188	0.53	96.28	0.53	2.66
WPKL - CHERAS	3	5	1	0	9	33.33	55.56	11.11	0
WPKL - KEPONG	5	2725	68	2	2800	0.18	97.32	2.43	0.07
WPKL - LEMBAH PANTAI	309	325	271	16	921	33.55	35.29	29.42	1.74
WPKL - SEGAMPUT	107	343	62	3	515	20.78	66.6	12.04	0.58
WPKL - SEPUTEH	7	5314	94	14	5429	0.13	97.88	1.73	0.26
WPKL - SETIAWANGSA	20	175	6	0	201	9.95	87.06	2.99	0
WPKL - TITIWANGSA	294	74	59	2	429	68.53	17.25	13.75	0.47
WPKL - WANGSA MAJU	89	352	27	5	473	18.82	74.42	5.71	1.06
JUMLAH	88,578	105,814	35,578	1,971	231,941	38.19	45.62	15.34	0.85

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 Dengkil)**

TAJUK : TAHUN MELAWAT MALAYSIA 2014 (TMM2014)

168. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah penglibatan negeri dalam program Tahun Melawat Malaysia 2014?
- b) Apakah pencapaian atau kesan baik TMM2014 terhadap industri pelancongan negeri?

JAWAPAN:

- a) Tahun Melawat Malaysia 2014 adalah merupakan platform terbaik bagi Negeri Selangor untuk menganjurkan Tahun Melawat Selangor 2015. Sehubungan dengan itu, kerajaan Negeri Selangor melalui UPEN Pihak Berkuasa Tempatan dan Tourism Selangor telah mengambil tindakan dan membuat analisa serta promosi bagi penganjuran TMS 2015 melalui program-program yang dianjurkan sepanjang Tahun Melawat Malaysia 2014.

Tourism Selangor akan terus memainkan peranan penting dalam mempromosikan Negeri Selangor sebagai destinasi pelancongan yang unik di Selangor. Antara tindakan yang akan terus dilakukan adalah seperti berikut:

Kerjasama antara Tourism Malaysia bersama dengan kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor diperlihatkan melalui kerjasama pemasangan kain rentang dan banting Tahun Melawat Malaysia 2014 di negeri Selangor dengan bantuan semua Pihak Berkuasa Tempatan serta mendapat beberapa pengecualian bayaran .

1) Promosi

- i. Kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor juga telah meneruskan semua aktiviti promosi yang telah di rancang dan dianjurkan sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 di dalam mahupun di luar negara untuk memperkenalkan semua produk pelancongan di Negeri Selangor.

Bagi tahun 2014, Tourism Selangor telah mengikuti siri promosi luar negara seperti berikut;

1. Asean Tourism Forum, Kuching 2014
2. Asean Travel Mart Dubai 2014
3. India (South Asia Travel & Tourism Exhibition – SATTE 2014)
4. ITB 2014, Singapore
5. WTM 2014, London

Siri promosi ini adalah berdasarkan statistik kedatangan pelancong bagi setiap negara.

- ii) Tourism Selangor juga terus mempromosikan produk pelancongan dengan menggunakan medium yang sesuai sama ada melalui media cetak, mahupun elektronik untuk memastikan golongan sasaran dapat menerima maklumat berkaitan destinasi ini.

2) Website

Tourism Selangor melalui laman web rasmi akan sentiasa mempromosikan produk-produk pelancongan Negeri Selangor dan memastikan semua maklumat yang dipaparkan adalah yang terkini dan tepat.

3) Familiarization Trip 'FAM Trip'

Tourism Selangor juga akan membawa lawatan-lawatan untuk para media mahupun lain-lain 'fam tour' serta agensi-agensi pelancongan dalam dan luar negara bagi mempromosikan produk-produk pelancongan secara terus kepada 'key players' dan agensi-agensi pelancongan. Secara tidak langsung sektor pelancongan dapat dipertingkatkan lagi.

Fam Trip yang telah dijalankan sepanjang tahun 2014 adalah seperti berikut :

- i) FAM Tour Myanmar (ATF 2014)
- ii) FAM Tour USA (ATF 2014)
- iii) FAM Trip Iran (SMIFT 2014)
- iv) FAM Trip Media Filipina 2014 AirAsia
- v) FAM Tour Media Selangor Golf Masters 2014
- vi) FAM Tour Pesara Kakitangan Kerajaan 2014
- vii) FAM Tour Jabatan Perkhidmatan Awam Majlis Bersama Kebangsaan Perdana 2014

4) Acara-acara Pelancongan

Tourism Selangor juga menganjurkan secara bersama atau penganjuran sepenuhnya terhadap pelbagai acara yang menjadikan destinasi pelancongan yang terdapat di Negeri Selangor sebagai lokasi penganjuran mahupun persinggahan para peserta.

Antara acara yang akan dianjurkan adalah seperti berikut:-

BIL	BUTIRAN ACARA	RINGKASAN ACARA	PESERTA/ PENGUNJUNG
1.	Acara: Rumah Terbuka Sambutan Tahun Baru Cina 2014 Peringkat Negeri Selangor	<ul style="list-style-type: none">- Merupakan acara yang meraikan masyarakat kaum cina yang menyambut perayaan Tahun Baru Cina di sekitar Selangor khususnya bagi penganut agama Buddha.	<ul style="list-style-type: none">- Jumlah pengunjung: 10 ribu orang
2.	Acara: Fiesta Sate Selangor Sempena Bulan Melawat Hulu Langat Tarikh: 1-2 Mac, 2014 Tempat: Stadium Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ)	<ul style="list-style-type: none">- Fiesta ini dianjurkan adalah bagi mempromosikan kawasan Kajang sebagai salah satu produk pelancongan yang terkenal dengan ikon Sate Kajang.- Salah satu medium mengetengahkan pelbagai jenis makanan warisan yang terdapat di negeri Selangor.	<ul style="list-style-type: none">- Jumlah pengunjung: 8 ribu orang
3.	Acara: Marathon Women Marathon 2014 (MWM) Tarikh: 14-16 Mac, 2014 Tempat: Teater Shah Alam & Dataran Kemerdekaan, Shah Alam	<ul style="list-style-type: none">- Merupakan acara yang dianjurkan setiap tahun.- Acara marathon ini telah mendapat sambutan dari penyertaan peserta luar negara seramai 1,900 peserta antaranya dari negara Australia, Hong Kong, China, Singapura dan Thailand.- Acara MWM ini telah mendapat sokongan yang baik dan mendapat liputan yang meluas dari media social & media massa.	<ul style="list-style-type: none">- Jumlah peserta: 4 ribu orang

4.	<p>Acara: Selangor Master Class</p> <p>Tarikh: 29 Mac, 2014</p> <p>Tempat: Concourse Publika Solaris, Dutamas</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Merupakan penganjuran program berkonsepkan fotografi yang mendapat sambutan yang memberangsangkan khususnya di kalangan blogger dan jurugambar. - Mengetengahkan destinasi dan produk pelancongan Selangor serta memperkenalkan warisan & budaya melalui program fotografi. 	<ul style="list-style-type: none"> - Jumlah peserta: 5 ribu orang
5.	<p>Acara: Sambutan 60+ Earth Hour Shah Alam 2014</p> <p>Tarikh: 29 Mac, 2014</p> <p>Tempat: Dataran Shah Alam</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Meraikan sambutan Earth Hour selama 60 minit dalam menyokong memelihara dan menyelamatkan bumi. - Warga Shah Alam khasnya telah meraikannya dengan aktiviti kayuhan basikal beramai-ramai di dalam kegelapan malam sebagai tanda sokongan sambutan Earth Hour. 	<p>Jumlah pengunjung: 2 ribu orang</p>
6.	<p>Acara: Forum Pembangunan Mampan dan Mesra Alam Peringkat Negeri Selangor</p> <p>Tarikh: 10 Jun, 2014</p> <p>Tempat: Dewan Annex, Bangunan SSAAS, Shah Alam</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Penganjuran forum ini bertujuan membincangkan tentang cabaran dan masa depan pelancongan hijau di negeri Selangor. - Forum ini memberi peluang dan perkongsian pengetahuan dan pengalaman dengan negara Taiwan dan Jepun berkenaan dengan pelancongan hijau kepada pelancong tempatan dan luar negara. - Menerokai landskap alam semula jadi yang terdapat di Selangor yang merupakan eko-pelancongan yang menyumbang kepada pelancongan Selangor. 	<ul style="list-style-type: none"> - Anggaran jumlah peserta: 150 orang
7.	<p>Acara: Majlis Sambutan Kemerdekaan Ke-57 Peringkat Negeri Selangor Darul Ehsan Tahun 2014 Dan Jamuan Hari</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Program ini merupakan anjuran Kerajaan Negeri Selangor bagi sambutan Kemerdekaan peringkat negeri. - Pelbagai program menarik yang telah diadakan bagi program 	<ul style="list-style-type: none"> - Jumlah pengunjung: 7 ribu orang

	<p>Raya Aidil Fitri</p> <p>Tarikh: 30 Ogos, 2014</p> <p>Tempat: Dataran Kemerdekaan</p>	<p>sambutan kemerdekaan tahun ini antaranya Perarakan Perbarisan Kontinjen & Kenderaan, pertunjukan seni pertahankan diri dan sebagainya.</p>	
8.	<p>Acara: Malaysia International Hockey Inline 2014</p> <p>Tarikh: 30-31 Ogos, 2014</p> <p>Tempat: Arena PJ, Jalan Selangor, Petaling Jaya</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Program ini merupakan acara sukan yang diadakan setiap tahun bertaraf antarabangsa. Pertandingan ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari negara luar. - Mendapat sambutan yang menggalakkan dari negara asia antaranya penyertaan dari negara Australia, Hong Kong, Taiwan dan Singapura. 	<ul style="list-style-type: none"> - Jumlah peserta: 298 orang
9.	<p>Acara: HMC Rush 2014</p> <p>Tarikh: 13 Sept, 2014</p> <p>Tempat: Laman Seni 7, Seksyen 7, Shah Alam</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Penganjuran program ini bagi mempromosikan serta mengetengahkan tempat-tempat pelancongan yang terdapat di negeri Selangor kepada golongan pelajar-pelajar IPTA / IPTS bagi tujuan promosi kepada golongan belia. - Program ini merupakan penganjuran kali kedua yang telah dijalankan di negeri Selangor bermula acara perlepasan di Laman Seni 7, Shah Alam seterusnya ke destinasi Pelancongan Sukan di Subang Jaya dan di Batu Caves, Gombak yang merupakan produk warisan pelancongan yang popular di Selangor. 	<ul style="list-style-type: none"> - Jumlah peserta: 32 orang (16 kumpulan)
10.	<p>Acara: Sambutan Pesta Tanglung Peringkat Negeri Selangor 2014</p> <p>Tarikh: 13 Sept, 2014</p> <p>Tempat: Cempaka Buddhist Lodge, Taman Sea,</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Sambutan Pesta Tanglung kali ini telah diadakan di Cempaka Buddhist Lodge, Petaling Jaya. Acara sambutan ini telah dirasmikan oleh Dato' Menteri Besar Selangor. - Penganjuran Sambutan Pesta Tanglung ini merupakan salah satu festival bagi kaum cina yang 	<ul style="list-style-type: none"> - Anggaran jumlah pengunjung: 5 ribu orang

	Petaling Jaya	<p>menarik untuk</p> <ul style="list-style-type: none"> - diketengahkan dengan mempamerkan tanglung-tanglung yang dihiaskan cantik dengan pelbagai corak dan warna yang menarik dan para pengunjung berpeluang melihat sendiri hiasan tanglung-tanglung yang digantung cantik lagi meriah untuk tatapan umum. 	
11.	<p>Acara: Shah Alam City Ride 2014</p> <p>Tarikh: 20 Sept, 2014</p> <p>Tempat: Dataran Kemerdekaan Shah Alam – Kompleks Taman Seni Islam Selangor</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Objektif penganjuran program Shah Alam City ini adalah mempromosikan serta memberi pendedahan tempat-tempat pelancongan menarik yang terdapat di sekitar Bandaraya Shah Alam melalui aktiviti berbasikal di laluan trek basikal yang telah disediakan oleh MBSA khususnya kepada pelancong dari dalam dan luar negara. - Melalui program aktiviti berbasikal sebegini, ianya dapat mempromosikan pakej berbasikal yang telah ditawarkan oleh pihak Tourism Selangor untuk dipromosikan kepada penduduk setempat amnya dan kepada pelancong domestik dan luar negara khususnya. 	<ul style="list-style-type: none"> - Anggaran jumlah peserta: 553 orang

5) Rak Risalah Pelancongan

Tourism Selangor pada tahun 2014 telah mengagihkan lebih daripada 150 rak risalah 'Tourism Selangor' kepada hotel-hotel, produk pelancongan, pihak berkuasa tempatan, hospital, pusat membeli-belah dan premis pemain industri pelancongan di seluruh negeri Selangor.

b) Kesan-kesan positif Tahun Melawat Malaysia terhadap industri pelancongan adalah seperti berikut;

1. Membantu mempromosikan dan memperkenalkan produk-produk pelancongan

Melalui kempen Tahun Melawat Malaysia 2014, banyak produk-produk pelancongan yang sedia ada dan produk-produk baharu diperkenalkan dan dipromosikan kepada pelancong-pelancong dari dalam dan luar negara. Ini disebabkan program-program promosi giat dijalankan dimerata tempat dalam dan luar negara.

2. Meningkatkan jumlah kedatangan pelancong ke Negeri Selangor

Program-program dan acara-acara yang dijalankan dapat meningkatkan kedatangan pelancong-pelancong ke Negeri Selangor. Sepanjang kempen Tahun Melawat Malaysia 2014, terdapat pelbagai acara dijalankan di tempat-tempat pelancongan. Secara langsung kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 ini, dapat meningkatkan jumlah kedatangan pengunjung-pengunjung ke kawasan pelancongan.

3. Meningkatkan pendapatan industri pelancongan

Kempen Tahun Melawat Malaysia dapat memberi kesan untuk meningkatkan pendapatan industri pelancongan kerana kebanyakan pelancong-pelancong dalam dan luar negara akan membelanjakan wang mereka di tempat-tempat pelancongan di kawasan Selangor. Ia juga dapat meningkatkan populariti tempat pelancongan tersebut dan akan menarik lebih ramai pelancong-pelancong.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 Hulu Kelang)**

**TAJUK : PERPUSTAKAAN SUK DAN PENINGKATAN KOMPETENSI AHLI
DEWAN NEGERI (ADN)**

169. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah piawaian yang diguna pakai bagi menentukan bahan di Perpustakaan SUK menepati keperluan peningkatan kompetensi ADN?
- b) Apakah kekerapan setiap dari 56 orang ADN menggunakan Perpustakaan SUK?
- c) Apakah rancangan kerajaan untuk mewujudkan perpustakaan yang *state-of-the-art* bagi ADN?

JAWAPAN:

- a) Perpustakaan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah mewujudkan Polisi Pemilihan Bahan Perpustakaan / Perkhidmatan, Perpustakaan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang digunakan sebagai panduan yang praktikal dalam menjalankan aktiviti pemilihan dan penyediaan bahan perpustakaan serta perkhidmatan atas talian.

Pihak perpustakaan juga menerima sebarang cadangan perolehan bahan-bahan yang diperlukan oleh ADN, dengan mengambil kira kegunaan bersama di antara ADN yang lain.

- b) Dalam setahun, kekerapan setiap dari 56 orang ADN menggunakan Perpustakaan SUK adalah 0 hingga 2 kali sahaja.

Hanya terdapat 1/3 daripada 56 orang ADN yang membuat pinjaman bahan perpustakaan dari tahun 2008 hingga 2014.

- c) Perpustakaan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor merupakan sebuah perpustakaan khusus/ jabatan.

Buat masa ini, kerajaan tidak mempunyai sebarang perancangan bagi mewujudkan perpustakaan yang *state-of-the-art* bagi ADN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 Sungai Pelek)**

TAJUK : PeBT

170. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah perbelanjaan setiap PeBT Negeri Selangor sejak 2013 hingga Oktober 2014?

JAWAPAN:

- a) Pada tahun 2015, peruntukan program Penggerak Belia Tempatan (PeBT) masih dikekalkan seperti tahun 2014 di mana setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan diperuntukkan sebanyak RM120,000.00 yang menjadikan keseluruhan adalah sebanyak RM1,440,000.00 untuk semua PBT bagi menjalankan program-program PeBT yang telah dirancang. Untuk makluman, peruntukan tersebut akan disalurkan kepada PBT di mana PBT dikehendaki untuk memantau dan merancang pelaksanaan program PeBT masing-masing untuk memastikan pelaksanaan program adalah sebagaimana yang telah dirancang.

Di samping itu juga, Kerajaan memperuntukkan sejumlah RM1,464,000.00 sebagai peruntukan elaun Penggerak Belia Tempatan (PeBT) di bawah pengurusan Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS).

Justeru itu, jumlah keseluruhan peruntukan elaun dan program Penggerak Belia Tempatan (PeBT) adalah sebanyak RM2,904,000.00 setiap tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 Lembah Jaya)**

TAJUK : WIFI PERCUMA

171. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-


- a) Nyatakan jumlah WIFI yang telah dipasang seluruh DUN di Selangor.
- b) Kenapakah WIFI terlalu kerap mengalami gangguan (tidak berfungsi).
- c) Bilakah kerajaan akan menaiktarafkan WIFI selari dengan kehendak masyarakat IT terkini.

JAWAPAN:

- a) Pada tahun 2013, dengan menggunakan peruntukan Geran Selangorku, Kerajaan Negeri Selangor telah mewujudkan sebanyak 112 lokasi perkhidmatan internet WiFi untuk rakyat di seluruh negeri Selangor. Program ini dinamakan WiFi Selangorku. Penempatan lokasi ini meliputi kawasan bandar dan luar bandar.


Setiap DUN diperuntukkan sebanyak 2 lokasi. Bagi mengenal pasti kawasan-kawasan terpilih, setiap DUN telah diminta untuk mengemukakan cadangan kepada STANDCO Sains, Teknologi dan Inovasi bagi memastikan semua mendapat kemudahan ini.

- b) Berdasarkan rumusan Laporan Purata Perkhidmatan Wifi Selangorku sejak diperkenalkan bermula daripada April 2013 – September 2014 adalah seperti di rajah di bawah :



Rajah 1

Sepanjang perkhidmatan WiFi Selangorku ini di lancarkan, sebanyak 70% perkhidmatan dapat dijalankan dengan lancar, manakala hanya 30% perkhidmatan tergendala.



Rajah 2

Perkhidmatan tergendala ini disebabkan beberapa faktor di antaranya berpunca daripada :

- i. Kerosakan perkakasan = 35%
Perkakasan seperti "Access Point"(AP), Switch, POE Adapter, Modem ISP mengalami kerosakan dan gagal berfungsi dengan baik. Kerosakan ini berlaku adalah disebabkan seperti terkena pancaran kilat, arus berlebihan dan faktor cuaca.
 - ii. Gangguan daripada Sektor ISP = 30%
Talian perkhidmatan internet yang dibekalkan oleh syarikat-syarikat ISP mengalami gangguan teknikal seperti kabel gentian terputus. Kerosakan pada pancaran antena syarikat ISP menyebabkan keadaan setempat tidak mendapat talian internet.
 - iii. Pengguna = 35%
Terdapat beberapa kes gangguan disebabkan oleh pengguna sendiri seperti menutup bekalan kuasa selepas waktu bekerja di pejabat, tersalah pemasangan kedudukan kabel ketika membuat ubahsuai lokasi/pejabat serta ada juga yang mengalihkan peralatan tanpa pengetahuan pihak DUN.
- c) Pada masa kini beberapa usaha sedang dijalankan oleh kerajaan negeri Selangor dengan mengadakan perbincangan bersama pihak penyedia rangkaian internet bagi membolehkan perluasan capaian perkhidmatan internet serta menaiktaraf kemudahan sedia ada ke seluruh negeri Selangor. Hasil perbincangan ini nanti akan di bentangkan di dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 Balakong)**

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS

172. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peruntukan MARRIS yang diterima bagi tahun 2014
- b) Nyatakan jumlah peruntukan yang diperuntukkan kepada setiap institusi pelaksana dan senaraikan laporan perlaksanaannya mengikut institusi masing-masing
- c) Nyatakan anggaran penerimaan dan cadangan pengagihan peruntukan MARRIS mengikut institusi bagi tahun 2015

JAWAPAN:

- a) Jumlah peruntukan MARRIS yang diterima bagi tahun 2014 sehingga 30 November 2014 adalah berjumlah RM 475,620,745.75 dan perincian terimaan peruntukan adalah seperti berikut:-

BULAN	JUMLAH TERIMAAN PERUNTUKAN MARRIS (RM)
Januari	41,502,833.00
Februari	41,502,833.00
Mac	41,502,833.00
April	41,502,833.00
Mei	41,502,833.00
Jun	41,502,833.00
Julai	41,502,833.00
Ogos	41,502,833.00
September	47,866,027.25
Oktober	47,866,027.25
November	47,866,027.25
JUMLAH	475,620,745.75

- b) Perbendaharaan Negeri Selangor telah meluluskan surat kuasa membelanja bagi penyelenggaraan jalan-jalan negeri kepada agensi-agensinya pelaksana pada tahun 2014 sebanyak **RM 555,942,110.97** seperti berikut:-

BIL.	JABATAN / AGENSI	PERUNTUKAN ASAL (RM)	PERUNTUKAN TAMBAHAN (RM)
1.	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	156,000,000.00	0.00
2.	Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) Negeri Selangor	4,000,000.00	0.00
3.	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	382,142,110.97	2,000,000.00
4.	Pejabat Daerah / Tanah	4,500,000.00	7,300,000.00
JUMLAH		546,642,110.97	9,300,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		555,942,110.97	

Pelaksanaan projek di peringkat agensi pelaksana adalah baik mengambil kira tuntutan bayaran melalui Surat Setuju Terima (SST) yang diurus oleh Perbendaharaan Negeri Selangor setakat 14 November 2014 seperti berikut:-

BIL.	JABATAN / AGENSI	PERUNTUKAN (RM)	BAYARAN (RM)	(%)
1.	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	156,000,000.00	53,465,021.78	34.27
2.	Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) Negeri Selangor	4,000,000.00	2,027,801.50	50.70
3.	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	390,142,110.97	273,289,422.03	70.05
4.	Pejabat Daerah / Tanah	11,800,000.00	3,705,451.08	31.40
JUMLAH		555,942,110.97	332,487,696.39	59.81

Prestasi dijangka terus meningkat mengambil kira tuntutan yang dikemuka secara berperingkat-peringkat oleh setiap agensi pelaksana.

- c) Perbendaharaan Negeri Selangor telah pun menyediakan kertas ringkasan berkaitan cadangan pengagihan peruntukan MARRIS bagi tahun 2015 kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) di mana kerangka asas pengagihan masih lagi mengekalkan format pembahagian yang telah dilaksanakan pada tahun 2014. Pemakluman secara rasmi berhubung jumlah peruntukan mengikut institusi akan dibuat selepas cadangan tersebut dipersetujui oleh MMKN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 Sungai Air Tawar)**

TAJUK : NAZIR DAN PENTADBIR MASJID

173. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pengetahuan di kalangan pihak pengurusan masjid ?
- b) Senaraikan program yang telah dilaksanakan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pengetahuan di kalangan pengurusan masjid dari 2008 hingga 2014 ?

JAWAPAN:

- a) Jabatan Agama Islam Selangor melalui Bahagian Pengurusan Masjid dengan kerjasama Institut Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS), Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Agensi Swasta (NGO) telah menyediakan pelbagai latihan berupa kursus, seminar, multaqa dan konvensyen setiap tahun kepada pegawai dan Jawatankuasa Kariah Masjid bertujuan membangunkan pengetahuan dan kemahiran mereka.
- b) Program yang telah dilaksanakan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pengetahuan di kalangan pegawai masjid dari tahun 2008 hingga 2014 ialah;

KURSUS 2008 HINGGA 2014

- 1) Kursus Kepimpinan Muslimah Masjid
- 2) Kursus Pemuda Harapan Masjid
- 3) Kursus Setiausaha Masjid
- 4) Kursus Pengurusan Organisasi Masjid
- 5) Kursus Pengurusan Kewangan Masjid
- 6) Kursus Bilal Masjid
- 7) Kursus Pengurusan Imam Masjid
- 8) Kursus Komitmen Imam Masjid Kariah
- 9) Kursus Pengurusan Bilal Dan Siak
- 10) Kursus Pembangunan Tanah Perkuburan Dan Tanah Wakaf
- 11) Kursus Enakmen Jenayah
- 12) Kursus Falak Syarie (Arah Kiblat)
- 13) Kursus Pengurusan Kubur

- 14)Kursus Audio Visual Dan Elektrik
- 15)Kursus Taqwim Dan Cerapan
- 16)Kursus Pengurusan Strategik Pengurusan Masjid
- 17)Kursus Kemahiran Teknologi Maklumat
- 18)Kursus Pengurusan Jenazah
- 19)Kursus Tajwid Dan Tarannum Al-Quran

SEMINAR 2008 HINGGA 2014

- 1) Seminar Masjid Sebagai Wahana Tranformasi Ummah
- 2) Seminar Pemerkasaan Masjid
- 3) Seminar Masjid Cemerlang Ummah Terbilang
- 4) Seminar Landskap Dan Pengindahan Masjid
- 5) Seminar Pengukuhan Integriti Pengurusan Masjid
- 6) Seminar Pembangunan Perniagaan Koperasi Kariah Masjid
- 7) Seminar Pembangunan Perniagaan Koperasi Kariah Masjid
- 8) Seminar Pengurusan Strategik Dan Pemikiran Kreatif Para Imam Dan Nazir
- 9) Seminar Belia
- 10)Seminar Muslimah
- 11)Seminar Pendiak Fatwa Kesihatan

KONVENSYEN 2008 HINGGA 2014

- 1) Konvensyen Pengurusan Masjid Dan Surau
- 2) Konvensyen Masjid-Masjid Pelancong Di Malaysia
- 3) Konvensyen Prosiding Pengurusan Masjid
- 4) Konvensyen Pendakwah Negara

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 Gombak Setia)**

TAJUK : TAMAN WARISAN NEGERI SELANGOR

174. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri terhadap Taman Warisan Negeri Selangor yang terletak di Gombak?

JAWAPAN:

- a) Di antara perancangan Kerajaan Negeri Selangor terhadap Taman Negeri Selangor adalah untuk mengekalkan ekosistem dan keaslian sumber semula jadi yang tidak ternilai ini sentiasa dipelihara dan diuruskan dengan baik. Sehubungan dengan itu, pada masa kini Kerajaan Negeri sedang giat mengumpul dan menyediakan dokumen bagi menjadikan Permatang Kuarza Klang Gates (sebahagian Taman Warisan Negeri Selangor) sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan telah menyediakan infrastruktur dan kemudahan di hutan lipur dan taman rekreasi untuk dinaiktaraf dan dibaikpulihan mengikut keperluan dan peruntukan kewangan semasa bagi faedah dan kegunaan masyarakat. Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukan sebanyak RM1,129,990.00 pada tahun 2014 bagi tujuan pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur dan kemudahan hutan lipur dan taman rekreasi di bawah seliaan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor.

Aspek keselamatan pengunjung adalah menjadi keutamaan pihak Jabatan Perhutanan Negeri Selangor untuk mengurangkan kes-kes kemalangan di hutan lipur dan taman rekreasi. Pihak jabatan telah mengambil langkah keselamatan dengan memasang papan tanda amaran, kawasan bahaya, kejadian kepala air dan lain-lain notis peringatan atau amaran demi untuk keselamatan para pengunjung. Disamping itu juga pegawai dan kakitangan yang bertugas di hutan lipur dan taman rekreasi ini juga akan bertanggungjawab memantau keselamatan pengunjung. Bagi tujuan promosi pula, tempat-tempat rekreasi ini disiarkan dalam laman web Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan juga melalui *brochure* dan *phamplet* yang diedarkan kepada masyarakat umum semasa pameran atau program-program jabatan.

Rondaan dan penguatkuasaan hutan turut dijalankan secara berterusan oleh JPNS bagi memastikan Taman Negeri Selangor dan HSK di Negeri Selangor ini tidak diceroboh oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab. Kerajaan negeri melalui JPNS tidak akan berkompromi dengan mana-mana individu yang

didapati telah melakukan kesalahan seperti menceroboh kawasan Taman Negeri Selangor akan dihukum sewajarnya mengikut mana-mana Seksyen yang berkaitan seperti yang diperuntukan di bawah Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga memperketatkan permohonan pengambilan hutan simpan (revocation) atau pihak yang ingin mengeluarkan hutan simpan diminta terlebih dahulu menyediakan kawasan hutan simpan untuk dijadikan gantian selain perlu melalui proses "*public hearing*" bagi tujuan mendapatkan maklumbalas daripada masyarakat awam. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga berusaha menambah keluasan hutan simpan dengan membuat pengambilan tanah-tanah kosong untuk dijadikan kawasan Hutan Simpanan Kekal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 Teratai)**

TAJUK : KERAJAAN WIFI PERCUMA

175. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan senarai lokasi WIFI percuma diberikan oleh Kerajaan Selangor
- b) Berapakah peruntukan telah digunakan untuk memberi perkhidmatan WIFI percuma di Selangor sejak tahun 2013?

JAWAPAN:

- a) Perkhidmatan WiFi percuma di bawah program WiFi Selangorku bermula pada tahun 2013. Lokasi dan kawasan liputan kemudahan WiFi yang telah dilaksanakan berdasarkan cadangan daripada setiap DUN serta berdasarkan kepada kemudahan infrastruktur di lokasi tersebut adalah seperti yang disenaraikan di bawah .:

Lokasi / DUN	Alamat Hot Spot WiFi Selangorku
N01001	Balai JKKK Sg Air Tawar
N01002	Surau Al-Khairiah, Sungai Air Tawar
N02001	PKM Parlimen Sabak Bernam
N02002	Balai Rakyat Taman Berjaya
N03001	Dewan Binjai Jaya
N03002	Balai Raya JKKK Jalan Kg Parit 13
N04001	Dewan Seri Sekinchan
N04002	Perpustakaan Kg Penerangan
N05001	Dewan Orang Ramai Sungai Selisik
N05002	PKM Balairaya Kg Hulu Bernam
N06001	Pejabat majlis Daerah Hulu Selangor
N06002	PKM DUN Kuala Kubu Bharu

N07001	Apartment Kenanga Bukit Beruntung
N07002	Dewan Komuniti Bukit Sentosa
N08001	Dewan Dato Hormat anjong Karang
N08002	Pejabat Khidmat Ahli Majlis Kuala Selangor
N09001	Dewan Mini Bukit Raja, Kg Permatang
N09002	Kampung Parit Serong
N10001	Kuil Sri Subramaniam Swamy
N10002	Perkarangan Masjid Sultan Ibrahim
N11001	PKM Dun Ijok
N11002	Rumah Kedai A77, Jln Besar Ijok
N12001	PKM DUN Jeram
N12002	Kampung Bukit Kuching Tengah
N13001	Masjid Nurul Yaqin
N13002	Jalan 7A/2 Bandar Tasik Puteri Rawang
N14001	Gerai MDKL, Telok Panglima Garang
N14002	Balai Raya Taman Rambai, Kuala Langat
N15001	DAP Cawangan Kampung Sg Sedu
N15002	Balai Raya Kg Seri Cheeding
N16001	PKM Dun Morib, Banting
N16002	Pusat Penerangan, Pantai Morib
N17001	Masjid Ar Raudah Kg Hulu Teris, Sungai Pelek
N17002	Pusat Khidmat Masyarakat, N54 Dun Tanjung Sepat
N18001	Balairaya Desa Putra, Dengkil
N18002	Dewan Desa Seri Melor, Kajang
N19001	PKM Bandar Baru Salak Tinggi

N19002	Pusat Penjaja Taman Seroja, BBST
N20001	Gerai MDKL, Telok Panglima Garang
N20002	Balai Raya Taman Rambai, Kuala Langat
N21001	DAP Cawangan Kampung Sg Sedu
N21002	Balai Raya Kg Seri Cheeding
N22001	PKM Dun Morib, Banting
N22002	Pusat Penerangan, Pantai Morib
N23001	Masjid Ar Raudah Kg Hulu Teris, Sungai Pelek
N23002	Pusat Khidmat Masyarakat, N54 Dun Tanjung Sepat
N24001	Balairaya Desa Putra, Dengkil
N24002	Dewan Desa Seri Melor, Kajang
N25001	PKM Bandar Baru Salak Tinggi
N25002	Pusat Penjaja Taman Seroja, BBST
N26001	Gerai MDKL, Telok Panglima Garang
N26002	Balai Raya Taman Rambai, Kuala Langat
N27001	DAP Cawangan Kampung Sg Sedu
N27002	Balai Raya Kg Seri Cheeding
N28001	PKM Dun Morib, Banting
N28002	Pusat Penerangan, Pantai Morib
N29001	Masjid Ar Raudah Kg Hulu Teris, Sungai Pelek
N29002	Pusat Khidmat Masyarakat, N54 Dun Tanjung Sepat
N30001	Balairaya Desa Putra, Dengkil
N30002	Dewan Desa Seri Melor, Kajang

N31001	PKM Bandar Baru Salak Tinggi
N31002	Pusat Penjaja Taman Seroja, BBST
N32001	Gerai MDKL, Telok Panglima Garang
N32002	Balai Raya Taman Rambai, Kuala Langat
N33001	DAP Cawangan Kampung Sg Sedu
N33002	Balai Raya Kg Seri Cheeding
N34001	PKM Dun Morib, Banting
N34002	Pusat Penerangan, Pantai Morib
N35001	Masjid Ar Raudah Kg Hulu Teris, Sungai Pelek
N35002	Pusat Khidmat Masyarakat, N54 Dun Tanjung Sepat
N36001	Balairaya Desa Putra, Dengkil
N36002	Dewan Desa Seri Melor, Kajang
N37001	PKM Bandar Baru Salak Tinggi
N37002	Pusat Penjaja Taman Seroja, BBST
N38001	Gerai MDKL, Telok Panglima Garang
N38002	Balai Raya Taman Rambai, Kuala Langat
N39001	DAP Cawangan Kampung Sg Sedu
N39002	Balai Raya Kg Seri Cheeding
N40001	PKM Dun Morib, Banting
N40002	Pusat Penerangan, Pantai Morib
N41001	Masjid Ar Raudah Kg Hulu Teris, Sungai Pelek
N41002	Pusat Khidmat Masyarakat, N54 Dun Tanjung Sepat
N42001	Balairaya Desa Putra, Dengkil

N42002	Dewan Desa Seri Melor, Kajang
N43001	PKM Bandar Baru Salak Tinggi
N43002	Pusat Penjaja Taman Seroja, BBST
N44001	Gerai MDKL, Telok Panglima Garang
N44002	Balai Raya Taman Rambai, Kuala Langat
N45001	DAP Cawangan Kampung Sg Sedu
N45002	Balai Raya Kg Seri Cheeding
N46001	PKM Dun Morib, Banting
N46002	Pusat Penerangan, Pantai Morib
N47001	Masjid Ar Raudah Kg Hulu Teris, Sungai Pelek
N47002	Pusat Khidmat Masyarakat, N54 Dun Tanjung Sepat
N48001	Balairaya Desa Putra, Dengkil
N48002	Dewan Desa Seri Melor, Kajang
N49001	PKM Bandar Baru Salak Tinggi
N49002	Pusat Penjaja Taman Seroja, BBST
N50001	Gerai MDKL, Telok Panglima Garang
N50002	Balai Raya Taman Rambai, Kuala Langat
N51001	Gerai MDKL, Telok Panglima Garang
N51002	Balai Raya Taman Rambai, Kuala Langat
N52001	DAP Cawangan Kampung Sg Sedu
N52002	Balai Raya Kg Seri Cheeding
N53001	PKM Dun Morib, Banting
N53002	Pusat Penerangan, Pantai Morib

N54001	Masjid Ar Raudah Kg Hulu Teris, Sungai Pelek
N54002	Pusat Khidmat Masyarakat, N54 Dun Tanjung Sepat
N55001	Balairaya Desa Putra, Dengkil
N55002	Dewan Desa Seri Melor, Kajang
N56001	PKM Bandar Baru Salak Tinggi
N56002	Pusat Penjaja Taman Seroja, BBST

- b) Peruntukan yang disalurkan bagi menyediakan kemudahan WiFi Selangorku ini adalah sebanyak RM 2,747,959.86 yang melibatkan sewaan kemudahan internet sebanyak 112 lokasi selama 2 tahun di seluruh negeri Selangor. Peruntukan ini dibiayai sepenuhnya oleh Perbadanan Menteri Besar (MBI) menerusi Geran Selangorku.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 Permatang)**

TAJUK : PROGRAM SPIES

176. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pencapaian program *SPIES* sebelum ini?
- b) Adakah program *SPIES* sebelum ini diteruskan?
- c) Apakah ada program baru untuk peningkatan Modal Insan Selangor?

JAWAPAN:

- a) Program pembangunan modal insan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui program *SPIES* merupakan satu pendekatan yang berhikmah dan kontemporari dalam usaha membangunkan modal insan secara bersepadu melalui konsep *continuous learning*. Pencapaian kepada program *SPIES* ini boleh dilihat dari sudut kuantitatif dan kualitatif. Dari segi **kuantitatif** program *SPIES* yang bermula Ogos 2008 sehingga Oktober 2014 telah berjaya melatih seramai **151,386 orang** dan dalam tempoh ini ia merupakan satu kejayaan dalam mengetengahkan konsep pembangunan insan yang holistik kepada warga Negeri Selangor. Maklumat kehadiran peserta *SPIES* adalah seperti jadual di bawah :

BIL	SASARAN PESERTA	JUMLAH PESERTA OGOS 2008 – NOVEMBER 2014							JUMLAH
		2008	2009	2010	2011	2012	2013	(Jan - Nov 2014)	
1	Remaja / Belia	3,003	11,622	9,426	9,138	10,627	13,606	14,577	71,999
2	Penjawat Awam	135	3,217	9,088	5,381	3,139	962	2,640	24,562
3	Warga Pendidik	850	1,615	3,824	3,413	2,396	1,106	3,074	16,278
4	Kanak-Kanak	411	-	-	-	-	-	-	411
5	Pimpinan Masyarakat	845	1,330	1,403	3,258	1,956	3,125	2,940	14,857
6	Keluarga	714	2,200	2,350	1,180	3,935	4,056	1,841	16,276
7	Pelajar IPT / Siswa	1,800	1,376	590	256	551	1,143	617	6,333
8	Warga Industri	160	-	-	-	-	285	175	620
9	Warga Emas	-	50	-	-	-	-	-	50
	JUMLAH	7,918	21,410	26,681	22,626	22,604	24,283	25,864	151,386

- b) Pengukuran dari segi **kualitatif** pula, ianya adalah agak abstrak kerana proses pembangunan modal insan adalah satu evolusi yang berterusan dan sepanjang hayat memerlukan jangkamasa yang panjang untuk mendapatkan satu ukuran yang boleh membantu untuk melihat kejayaan program kursus SPIES ini. Antara faktor pengukur yang boleh dijadikan panduan adalah melalui beberapa aspek :
- i. tahap kompetensi kakitangan kerajaan Negeri Selangor melalui peningkatan produktiviti (peningkatan hasil kerajaan, pengurangan aduan awam), dan pematuhan prosedur kerja; dan
 - iii. tranformasi budaya hidup di Selangor :
 - i. masjid / surau semakin dipenuhi; dan
 - ii. majlis ilmu dan program keagamaan banyak diadakan.

Secara umumnya, pelaksanaan program ini dapat diterima dengan baik oleh masyarakat yang mana ianya dapat dilihat menerusi peningkatan ilmu, pemerksaan potensi kebaikan diri secara holistik, keinsafan jiwa, peningkatan kesediaan diri untuk berubah ke arah menjadi aset bernilai kepada negara dan sebagai ruang kepada pihak kerajaan untuk memberi penjelasan terhadap usaha kerajaan dalam memantapkan nilai modal insan.

Jawatankuasa Tetap Modal Insan sedang dalam proses menilai program SPIES dan melihat pendekatan bagi menambahbaik pendekatan yang ada dalam SPIES.

- c) Jawatankuasa Tetap Modal Insan sedang dalam proses menilai program SPIES dan melihat pendekatan bagi menambahbaik pendekatan yang ada dalam SPIES.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 Selat Klang)**

TAJUK : STRATEGI MEMBASMI KEMISKINAN

177. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah yang telah diambil oleh kerajaan negeri untuk membasmi kemiskinan secara tuntas?
- b) Sila senaraikan taburan keluarga miskin mengikut DUN.
- c) Adakah kerajaan negeri menganalisa keperluan keluarga miskin yang berbeza di antara lain-lain DUN dan boleh mengambil kira syor ADUN?

JAWAPAN:

- a) Pelbagai program pembasmian kemiskinan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam membantu keluarga yang berpendapatan rendah bagi meringankan beban kos sara hidup yang semakin meningkat di samping menjana dan meningkatkan pendapatan serta seterusnya membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan. Antaranya adalah merangkumi :-

i. Program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan

Merupakan salah satu usaha Kerajaan Negeri Selangor untuk meningkatkan taraf ekonomi bagi golongan masyarakat berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil menerusi pemberian bantuan peralatan/ mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan bagi membantu menjana serta meningkatkan pendapatan keluarga. Antara lima (5) skop utama perusahaan adalah seperti jahitan, perniagaan makanan, perniagaan runcit, pengasuh kanak-kanak dan kraftangan.

ii. Program Tajaan Kemahiran Teknikal melalui Kolej Antarabangsa INPENS

Program ini dilaksanakan dengan memberikan penajaan kos yuran kepada pelajar-pelajar Kolej Antarabangsa INPENS daripada keluarga yang berpendapatan seisi rumah sebulan sebanyak RM3,000.00 dan ke bawah. Jumlah tajaan yang diterima oleh seorang pelajar adalah sebanyak RM13,100.00 bagi dua tahap pengajian.

iii. **Program Pemberian Baucer sempena Perayaan**

Merupakan program bantuan kepada masyarakat daripada golongan berpendapatan rendah di negeri Selangor untuk meringankan beban mereka bagi membuat persiapan dalam menyambut perayaan Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina dan Deepavali. Pemberian adalah berbentuk baucer bernilai RM100.00. Senarai penerima bantuan adalah berdasarkan senarai nama yang dikemukakan oleh Pejabat DUN dan didaftarkan di dalam sistem Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS).

iv. **Program *Back to School***

Merupakan program bantuan kepada pelajar sekolah daripada golongan berpendapatan rendah di negeri Selangor untuk membantu meringankan beban keluarga dalam menyediakan keperluan sekolah. Senarai penerima bantuan adalah berdasarkan senarai nama yang dikemukakan oleh Pejabat DUN dan didaftarkan di dalam sistem Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS).

- b) Berdasarkan data yang diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia tahun 2012 (seperti di **JADUAL 1**), negeri Selangor mencatatkan bilangan isi rumah miskin di bandar adalah sebanyak 2,834, iaitu 0.2%, manakala bilangan isi rumah miskin tegar di bandar adalah sebanyak 283 iaitu 0.0%.

Kerajaan Negeri telah membangunkan pangkalan data yang dikenali sebagai *Iworkfare* yang mana merupakan sistem pangkalan data bersepadu yang mengintegrasikan maklumat bagi penerima bantuan daripada pelbagai Jabatan/ Agensi di negeri Selangor yang terlibat dalam program bantuan.

Namun begitu, Kerajaan Negeri tidak mempunyai data dan statistik keseluruhan penduduk miskin mengikut DUN. Ini kerana tiada kajian khusus yang dibuat bagi menghitung jumlah pendapatan penduduk. Justeru itu, cadangan pembangunan sistem maklumat yang mengandungi data lengkap dan holistik bagi golongan seisi rumah yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 akan dicadangkan untuk dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) dan Universiti Selangor (UNISEL).

- c) Program-program pembasmian kemiskinan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri adalah berbentuk umum kepada kumpulan sasaran iaitu golongan berpendapatan rendah serta tidak memfokuskan berdasarkan keperluan mengikut kawasan DUN. Secara dasarnya, program-program yang dijalankan adalah mengikut daerah dan lebih menyeluruh. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat permohonan, syor-syor ADUN akan diteliti, dibincang dan dipertimbangkan berdasarkan peruntukan tahun semasa.

JADUAL 1:**KADAR KEMISKINAN MENGIKUT STRATA DI NEGERI SELANGOR
BAGI TAHUN 2009 DAN 2012**

Strata	2009				2012			
	Bil. Isi Rumah Miskin	Peratus (%)	Bil. Isi Rumah Miskin Tegar	Peratus (%)	Bil. Isi Rumah Miskin	Peratus (%)	Bil. Isi Rumah Miskin Tegar	Peratus (%)
Bandar	4,886	0.4	349	0.0	2,834	0.2	283	0.0
Luar bandar	3,537	3.2	765	0.7	2,438	2.3	-	-
Jumlah	8,423	0.7	1,114	0.1	5,272	0.4	283	0.0

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 Sekinchan)**

TAJUK : WORLDWIDE HOLDING BERHAD (WHB)

178. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan kedudukan kewangan terkini WHB dari tahun 2010-2013.
- b) Sila kemukakan jumlah keluasan tanah mengikut pecahan daerah dan pelaburan terkini hartanah WHB.
- c) Sila senaraikan nama-nama Ahli Lembaga Pengarah WHB dan gaji ,elaun serta segala kemudahan yang diterima.

JAWAPAN:

a)

	2010 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000
<u>PRESTASI KEWANGAN</u>				
PEROLEHAN	118,577	132,468	194,460	270,554
KEUNTUNGAN KASAR	42,345	56,015	72,636	72,702
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI (PBT)	61,131	108,439	106,509	177,078
<u>KEDUDUKAN KEWANGAN</u>				
ASET KETARA BERSIH (NTA)	811,863,816	853,601,277	912,917,611	1,010,914,598
ASET KETARA BERSIH SESAHAM (RM)	4.58	4.82	5.15	5.71

b) SENARAI PROJEK
Tarikh : 11 November 2014

No.	Pembangunan	Daerah	Baki Tanah Untuk Dibangunkan (Ekar)
1	Subang Bestari	Petaling	55.25
2	Alami – Ph. 1, 2 & 3	Petaling	1.21
3	Worldwide Business Park 2 – Blk 3 & Menara	Petaling	2.48
4	Puncak Bestari	Kuala Selangor	21
5	Kapar Bestari	Klang	121
6	Puncak Bestari 2	Kuala Selangor	75.13
JUMLAH			276.07

c) Senarai Nama Ahli Lembaga Pengarah WHB

Bil.	Nama	Status Jawatan
1.	Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman	Pengerusi
2.	Tn. Hj. Azlan Bin Md. Alifiah	Pengarah Bukan Eksekutif
3.	Y.Bhg. Datin Paduka Norazlina Binti Zakaria	Pengarah Eksekutif
4.	Y.Bhg. Dato' Mohd Salleh Bin Mahmud	Pengarah Bebas

Yuran tahunan Ahli Lembaga Pengarah adalah di antara RM40,000.00 ke RM60,000.00 setahun bergantung kepada prestasi Kumpulan Worldwide Holdings Berhad.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 Semenyih)**

TAJUK : PENGUSAHA PUSAT KITAR SEMULA

179. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah pengusaha pusat kitar semula di Selangor mengikut PBT?
- b) Apakah syarat yang harus dipatuhi untuk membuka pusat kitar semula?
- c) Apakah tindakan kerajaan negeri bagi memastikan pusat kitar semula mematuhi syarat yang ditetapkan?

JAWAPAN:

- a) Maklumat pengusaha pusat kitar semula bagi setiap PBT adalah seperti di dalam jadual: -

PBT	JUMLAH PENGUSAHA Pusat Kitar Semula
MBSA	6
MBPJ	2
MPK	5
MPAJ	1
MPS	140
MPSJ	20
MPKJ	62
MPSP	21
MDKL	2
MDKS	17
MDHS	3
MDSB	2
JUMLAH	281

- b) Maklumat syarat-syarat pembukaan Pusat Kitar Semula (PKS) bagi setiap PBT adalah seperti di dalam jadual: -

PBT	SYARAT-SYARAT PEMBUKAAN PKS
MBSA	1. PKS hendaklah beroperasi 6 hari seminggu dan tidak dibenarkan

	<p>ditutup pada hujung minggu atau cuti umum</p> <ol style="list-style-type: none"> 2. Waktu operasi bermula pada jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang 3. Pengusaha perlu membayar sewa yang telah ditetapkan oleh pihak majlis 4. Penyimpanan data kitar semula hendaklah menggunakan sistem komputer. 5. Pengusaha PKS perlu menghantar laporan kepada pihak majlis setiap bulan 6. Dilarang menjadikan kemudahan PKS ini sebagai pusat bahan lusuh atau besi buruk
MBPJ	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sentiasa menjaga kebersihan di sekitar Pusat Kitar Semula bagi mengelakkan pembiakan jentik - jentik dan rodensia lain. 2. Sekiranya terdapat sampah di sekitar Pusat Kitar Semula, pihak tersebut bertanggungjawab untuk membersihkan dan melupuskannya di tempat yang dibenarkan atas tanggungjawab sendiri. 3. Dilarang melakukan sebarang aktiviti pembakaran terbuka.
MPK	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemohon hendaklah mengemukakan pelan tapak yang menunjukkan lokasi penempatan tong (KIOSK) kitar semula. 2. Pemohon hendaklah memastikan bahawa tong berkenaan diletakkan di kawasan yang sesuai dengan tidak menjejaskan tanaman landskap yang ditanam dan diselenggarakan oleh pihak Majlis Perbandaran Klang. 3. Tong (KIOSK) tidak boleh diletakkan bertentangan dengan premis 4. Peletakan Tong (KIOSK) tidak boleh menyebabkan timbul kacau ganggu kepada pengguna jalan raya dan tidak menghalang lalu lintas.
MPAJ	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengusaha akan dikenakan sewaan sebanyak RM140.00 sebulan. 2. Pengusaha perlu mengekalkan identiti asal dan tidak dibenarkan menjadikan kemudahan sebagai pusat barang lusuh / besi buruk; 3. Penggunaan premis tidak melebihi dari Premis Kitar Semula. 4. Tambahan/ mengubah rupa asal bangunan adalah tidak dibenarkan; 5. Perlu menyediakan papan tanda yang memaparkan perkara berikut dengan jelas: <ul style="list-style-type: none"> • Jadual operasi Pusat Kitar Semula (Hari dan masa) • Jenis barangan kitar semula yang diterima dan harga 6. Bayaran bil api dan air perlu dijelaskan segera sebaik bil diterima. Salinan bayaran hendaklah dikemukakan kepada MPAJ dua (2) bulan sekali.
MPS	<ol style="list-style-type: none"> 1. "Hoarding" hendaklah dibina di sekeliling PKS dengan ketinggian 8 kaki. 2. Semua kerja-kerja hendaklah dilakukan di kawasan Hoarding 3. Mendapatkan lesen daripada MPS 4. Aktiviti perniagaan bermula 7.00 pagi hingga 6.00 petang 5. PKS hendaklah melantik syarikat swasta untuk menjalankan kerja-kerja pengawalan serangga 6. Tahap kebersihan perlu diutamakan 7. Semburan nyamuk perlu dijalankan mengikut jadual oleh pihak PKD atau MPS

MPSJ	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengusaha PKS hendaklah mengekalkan identiti pusat 2. Pengendali PKS hendaklah menyediakan ruang informasi bagi menyampaikan mesej kesedaran penjagaan alam sekitar 3. Pengusaha PKS hendaklah memaparkan dengan jelas Jadual Operasi dan Jenis Barangan Kitar Semula yang diterima 4. Hendaklah menjaga tahap kebersihan 5. Tahap-tahap keselamatan juga perlu diutamakan. 6. Pengusaha diwajibkan menghantar Laporan Bulanan kepada pihak majlis
MPKJ	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengguna pakai Garis Panduan Lesen Perniagaan & Perindustrian MPKJ
MPSP	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemohon perlu berada di kawasan industri. Jika berada di lot pertanian atau komersial, permohonan tidak akan diterima. 2. Pihak jabatan perlu mendapat ulasan pihak Polis terlebih dahulu sebelum kelulusan dikeluarkan. 3. Perlu mendapat ulasan jabatan teknikal terlebih dahulu sekiranya diperlukan (cth JAS)
MDKL	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mendapat ulasan sokongan permohonan daripada agensi / jabatan berkaitan seperti JAS dan Pejabat Kesihatan Daerah. 2. Sebarang pembinaan di atas tapak hendaklah mendapat kelulusan daripada Jabatan-Jabatan berkaitan di Majlis Daerah Kuala Langat. 3. Tahap kebersihan hendaklah dipastikan sentiasa terjaga. 4. Tidak dibenarkan membuat pembakaran di premis. 5. Aktiviti perniagaan hendaklah bermula dari jam 7.00 pagi dan berakhir selewat-lewatnya jam 6.00 petang. Tidak dibenarkan sama sekali aktiviti urusniaga pada sebelah malam.
MDKS	<ol style="list-style-type: none"> 1. Premis dibenarkan menjalankan perniagaan hanya di kilang atau di atas tapak bukan perumahan, perniagaan komersial dan tempat awam 2. Perlu mendapatkan permit yang diluluskan oleh pihak Polis. 3. Mengadakan pagar sekeliling, pintu keluar / masuk dan lampu yang sempurna dan selamat. 4. Mempamerkan papan tanda 'larangan merokok', (ukuran 40sm x50sm), 'utamakan keselamatan', 'menjaga kebersihan', dan menggunakan alat perlindungan' yang sempurna dan mencukupi. 5. Mengadakan sistem perparitan yang sempurna. 6. Mengadakan alat pemadam api yang sesuai dan mencukupi yang diluluskan oleh pihak Bomba. 7. Mengadakan perkhidmatan pembuangan sampah yang dilesenkan oleh MDKS. 8. Dilarang menyimpan barang-barang yang merbahaya, bahan-bahan pembuangan dan sisa-sisa toksik yang boleh meletup. 9. Premis perlu sentiasa dalam keadaan bersih, kemas dan baik

MDHS	<ol style="list-style-type: none"> 1. Aktiviti perniagaan hendaklah bermula dari jam 7.00 pagi dan berakhir selewat-lewatnya jam 6.00 petang 2. Sebarang pembinaan di atas tapak hendaklah mendapat kelulusan daripada Jabatan-Jabatan berkaitan 3. Pengusaha diwajibkan menghantar Laporan Bulanan kepada pihak majlis
MDSB	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengusaha PKS hendaklah mengekalkan identiti pusat 2. Pengendali PKS hendaklah menyediakan ruang informasi bagi menyampaikan mesej kesedaran penjagaan alam sekitar 3. Tahap kebersihan hendaklah dipastikan sentiasa terjaga. 4. PKS hendaklah melantik syarikat swasta untuk menjalankan kerja-kerja pengawalan serangga

- c) Tindakan terhadap pusat kitar semula agar patuh pada syarat-syarat yang di tetapkan bagi setiap PBT adalah seperti di dalam jadual: -

PBT	TINDAKAN SEKIRANYA INKGAR SYARAT
MBSA	Sekiranya terdapat pelanggaran syarat, pengusaha pusat kitar semula akan diberi notis amaran. Kompaun akan dikeluarkan sekiranya pengusaha gagal mematuhi arahan notis amaran
MBPJ	Notis amaran akan dikeluarkan jika gagal atau notis patuhi syarat-syarat lesen. Penarikan lesen juga didapati gagal patuhi notis.
MPK	Mengarahkan penutupan KIOSK yang tidak mematuhi syarat yang dikenakan.
MPAJ	Notis Penamatan Perkhidmatan akan diserahkan dalam tempoh satu (1) bulan bergantung kepada budi bicara pihak MPAJ.
MPS	Notis 14 hari akan dikeluarkan jika gagal atau notis patuhi syarat-syarat lesen. Penarikan lesen juga didapati gagal patuhi notis.
MPSJ	Notis Penamatan Perkhidmatan dalam tempoh (1) satu bulan mengikut budi bicara pihak majlis
MPKJ	Penarikan balik lesen sekiranya premis melanggar syarat
MPSP	Notis amaran akan dikeluarkan sekiranya ingkar. Jika didapati peniaga tidak patuh kepada notis tersebut, tindakan penguatkuasaan, kompaun, sita atau pembatalan lesen akan diambil.
MDKL	Sentiasa membuat pemantauan dan arahan untuk mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
MDKS	Notis amaran akan dikeluarkan sekiranya ingkar dan seterusnya pembatalan lesen
MDHS	PKS perlu kemukakan Surat tunjuk sebab dan jika masih ingkar pembatalan lesen akan dilakukan.
MDSB	Notis amaran akan dikeluarkan sekiranya ingkar dan seterusnya pembatalan lesen

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 Paya Jaras)**

**TAJUK : LALUAN ALTERNATIF KENDERAAN BERAT DI KAMPONG MATANG
PAGAR**

180. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah terdapat cadangan berkenaan dengan projek tersebut?
- b) Bilakah projek tersebut dijangka dilaksanakan?

JAWAPAN:

- a) Terdapat cadangan kerja penurapan jalan sepanjang 4.6km (bermula dari pintu kuari hingga ke Sekolah Bukit Rahman Putra) dengan kos rm1.4 juta yang dicadangkan untuk tindakan kuari, walau bagaimanapun pihak persatuan kuari matang pagar belum memberi maklumbalas terhadap cadangan itu. pihak mps sentiasa berhubung dengan pihak kuari berhubung perkara ini.
- b) Projek dijangka dilaksanakan pada awal Februari 2015

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 Kampung Tunku)**

TAJUK : PROGRAM DAN STRATEGI GO RURAL

181. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan telah melancarkan apa-apa program pembangunan luar bandar di bawah program “*Go Rural*” selain daripada program MES dan senaraikan semua projek pembangunan kampung baru, kampung tersusun, kampung bagan dan kampung tradisi di Selangor pada tahun 2014.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri dari dulu hingga kini memberi tumpuan spesifik kepada Pembangunan Desa tidak kira kepada Kampung Baru, Kampung Tersusun, Kampung Bagan atau Kampung Tradisi. Matlamat Kerajaan Negeri secara amnya adalah untuk meningkatkan pendapatan serta taraf ekonomi penduduk desa. Ini sekaligus dapat meningkatkan taraf hidup serta merapatkan jurang ekonomi masyarakat Bandar dan desa.

Pada ketika ini, Kerajaan Negeri Selangor sedang merangka satu dasar iaitu Pembangunan Desa Bersepadu dan Mampan. Ini bertujuan bagi meningkatkan pendapatan penduduk di samping mewujudkan nilai keempunyaan penduduk bagi sesuatu kampung tersebut. Perkara ini masih di peringkat awal di mana segala kajian sedang dilakukan di peringkat akar umbi bagi memastikan segala kajian sedang dilakukan di peringkat akar umbi bagi memastikan segala perjalanan berhubung perkara ini berjalan seperti yang dilaksanakan mengikut perancangan yang telah dibuat.

Memberi kesedaran terhadap kepentingan dan keperluan pembangunan desa “*Raising Awareness*”. Pada peringkat pertama ini, Ketua-Ketua Kampung telah mendengar sendiri mandat dan amanat yang akan disampaikan sendiri oleh Y.A.B Dato Menteri Besar mengenai pelaksanaan projek pembangunan desa. Pada peringkat ini juga akan diadakan sesi perbincangan untuk mempelajari sebab-sebab kegagalan dasar-dasar terdahulu oleh pembuat/pelaksana. (*Lesson Learn - Experienced Based*). Seterusnya, program akan diteruskan dengan memperkenalkan Agenda Polisi, “*Create Policy Agenda*”. Pada peringkat kedua ini, telah diadakan bengkel “Kenali Kampungku”. Bengkel ini disertai oleh Pegawai Daerah, Ketua-Ketua Kampung, Setiausaha JKKK, dan juga Wakil Wanita. Bengkel ini telah mengenal pasti pelanggan serta profil kampung seperti aset tenaga manusia yang dimiliki, kemudahan serta sumber sedia ada, sistem kewangan dan politik setempat, serta proses komunikasi di kampung-kampung yang terlibat. Selain itu, bengkel ini juga membolehkan perbincangan dua hala

mengenai masalah-masalah yang dihadapi di kampung-kampung yang menyekat kemajuan ekonomi mereka. Di samping itu, bengkel ini juga bertujuan untuk mendapatkan cadangan daripada masyarakat kampung sendiri tentang kemajuan yang diinginkan di kampung mereka.

Peringkat ketiga ialah untuk Menyusun Agenda-Agenda yang dibincangkan dalam bengkel Mengikut Keutamaan, "*Prioritize Agenda*". Peringkat keempat ialah Menggubal Dasar Baru. "*Enact on New Policy*". Peringkat penggubalan dasar baru ini diadakan hasil daripada pemantauan terperinci dari semasa ke semasa terhadap projek-projek yang dalam proses pelaksanaan bagi memastikan dasar digubal wajar dengan keperluan yang diteliti di peringkat akar umbi. Peringkat kelima ialah untuk Memantau Dan Menilai Polisi-Polisi, "*Evaluate Policy*".

Pelaksanaan pembangunan desa bersepadu dan mampan ini bergantung kepada kemajuan dalam pembangunan komuniti sesuatu kawasan tersebut. Langkah-langkah asas dalam pembangunan sesuatu komuniti adalah seperti membina sokongan iaitu merupakan tonggak yang paling utama di dalam dasar ini dimana ianya memerlukan kajian di peringkat akar umbi serta mendapatkan maklumat-maklumat yang diinginkan. Apabila maklumat yang diinginkan telah diperolehi, Kerajaan Negeri akan membuat perancangan bagi memastikan program ini berjalan secara lancar. Kajian-kajian juga turut dilakukan ke atas program yang gagal dilaksanakan bagi mengelakkan perkara yang sama berulang. Seterusnya, pelaksanaan dan penyesuaian pelan iaitu perancangan yang telah dirancang akan dilaksanakan akan dilihat mengikut kesesuaian di sesebuah kampung tradisi di Negeri Selangor.

Pada masa ini Kerajaan Negeri juga sedang menjalankan Program Kemahiran Teknikal Belia Desa. Program ini juga merupakan salah satu strategi pembangunan desa dengan memberi peluang kepada para belia untuk menjana pendapatan mereka sendiri dan sekaligus meningkatkan taraf ekonomi penduduk kampung.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 Jeram)**

TAJUK : KAWASAN TERBIAR DAN RUMAH TERBENGKALAI

182. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha kerajaan negeri bagi menangani kawasan terbiar dan rumah terbengkalai?
- b) Senaraikan kawasan perumahan terbengkalai di Selangor mengikut PBT?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, antara usaha Kerajaan Negeri bagi menangani kawasan terbiar dan rumah terbengkalai adalah seperti berikut :
 - 1) **Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT)** yang dipengerusikan oleh saya sendiri dengan keahlian terdiri daripada Y.B. Penasihat Undang-Undang, Pengarah Eksekutif LPHS, Pembantu EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggalan, Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Insolvensi/Liquidator, Jawatankuasa Pembeli/Pemilik Rumah dan Bank terlibat melalui LPHS yang **telah dilaksanakan secara berjadual sejak tahun 2011**. Peranan Jawatankuasa ini adalah bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak terlibat dalam memulihkan projek terbengkalai serta merangka pelan pemulihan di samping membuat pemantauan sehingga projek siap dengan Sijil Layak Menduduki.
 - 2) LPHS melalui Mesyuarat Teknikal turut mengadakan **perbincangan dengan pelikuidasi (liquidator), bersama semua jabatan teknikal** seperti SYABAS, TNB, IWK dan agensi berkaitan termasuk pihak bank dengan tujuan mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.
 - 3) Sekiranya projek ini melibatkan kenaikan kos, LPHS akan melantik Juruukur Bahan untuk membuat **penilaian semula kos pemulihan** projek tersebut yang bertujuan untuk memaklumkan kos tambahan yang perlu ditanggung oleh pembeli sekiranya projek ini ingin diteruskan.

- 4) Sekiranya projek ini menghadapi **defisit kos pemulihan**, LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan daripada kontraktor yang berminat dan berwibawa kepada KPKT untuk membuat keputusan bagi mendapatkan peruntukkan khas pemulihan projek ini. Sekiranya peruntukkan ini tidak dapat dipertimbangkan oleh KPKT, Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan untuk menggunakan dana daripada Tabung Pemulihan Projek Terbengkalai (Dana TEPAT) yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada 29 Oktober 2014.
- 5) **Membantu pembeli menubuhkan jawatankuasa bertindak di kalangan mereka** supaya tindakan yang diambil dapat diselaraskan dengan pihak berkuasa dan badan yang terlibat di mana persetujuan untuk memulihkan projek perlu diperoleh daripada sekurang-kurangnya 85% daripada pembeli.
- 6) **Memberi khidmat nasihat dan panduan mengenai tindakan yang boleh diambil oleh pembeli** untuk membawa kes ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah ditadbir melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989.
- 7) **LPHS juga akan mencadangkan kepada Kerajaan Negeri tindakan-tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil** demi memastikan hak pembeli terhadap hartanah mereka terjamin. Tindakan perampasan tanah boleh dibuat sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara (KTN) dan pelanggaran syarat di bawah Seksyen 129 Kanun yang sama. Selain itu, pengambilan tanah juga dilaksanakan sebagai usaha membolehkan projek terbengkalai dipulihkan semula dan seterusnya dimajukan secara tender.

- b) Jumlah projek perumahan terbengkalai di Negeri Selangor sehingga 31 Oktober 2014 adalah sebanyak 125 projek yang melibatkan 30,633 unit. Statistik projek perumahan terbengkalai mengikut pecahan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti berikut :

NO	KAWASAN PBT	PROJEK PERUMAHAN	PROJEK PEMBESARAN KAMPUNG	JUMLAH PROJEK	JUMLAH UNIT
1	MBSA	11	-	11	3,499
2	MBPJ	3	-	3	1,924
3	MPSJ	4	-	4	2,738
4	MPAJ	6	-	6	3,222
5	MPK	27	-	27	2,710
6	MPKJ	15	-	15	5,298
7	MPS	10	2	12	2,299
8	MPSp	7	-	7	185
9	MDKS	8	2	10	3,691
10	MDHS	8	5	13	4,511
11	MDKL	16	-	16	530
12	MDSB	1	-	1	26
JUMLAH		116	9	125	30,633

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 Meru)**

TAJUK : ADUAN PENGURUSAN SAMPAH DAN PERSEKITARAN.

183. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah tahap penilaian kepuasan khidmat berdasarkan aduan awam sahaja?
- b) Apakah penalti kesalahan atas kecuaiian kerja kontraktor menunjukkan perubahan mutu kerja mereka?
- c) Adakah rancangan memastikan pekerja kontraktor sentiasa meningkatkan mutu kerjanya?

JAWAPAN:

- a) Penilaian Kepuasan Perkhidmatan tidak hanya berdasarkan kepada aduan awam sahaja tetapi termasuk kajian kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan jabatan di PBT melalui kajian seperti:
 - i. Kajian kepuasan pelanggan di Kaunter-kaunter perkhidmatan di Majlis (seperti kaunter *helpdesk*, kaunter bayaran, permohonan lesen)
 - ii. Menilai tahap prestasi kerja penjawat awam di PBT; dan
 - iii. Menjalankan Kajian Pendapat Pengguna
- b) Ya. Secara keseluruhan setelah tindakan penalti dikenakan seperti NTC, surat amaran dan pemotongan prestasi telah menampakkan peningkatan prestasi kontraktor.
- c) Ya. PBT memastikan pekerja kontraktor sentiasa meningkatkan mutu kerjanya seperti :-
 - i. Mengadakan lawatan di lapangan bersama kontraktor setiap minggu;
 - ii. Menyediakan laporan bertulis dan bergambar dua (2) kali sebulan pada minggu pertama dan ketiga;
 - iii. Pasukan audit dalam Jabatan akan membuat lawatan mengejut bagi empat (4) buah syarikat setiap bulan bagi kontraktor-kontraktor yang bermasalah;
 - iv. Mengadakan mesyuarat bersama kontraktor setiap awal bulan; dan
 - v. Menyediakan kumpulan 'whatsapp' bagi setiap zon diantara kontraktor dan Ketua Pemantau untuk memudahkan penyampaian maklumat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 Bukit Gasing)**

TAJUK : STATISTIK LADANG DI SELANGOR

184. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua ladang aktif di Negeri Selangor, mengikut daerah atau PBT.
- b) Tolong beri perincian luas ladang tersebut, bilangan pekerja warganegara Malaysia dan bilangan pekerja asing bagi setiap ladang yang disenaraikan

JAWAPAN:

- a) Dan b)

BIL	DAERAH	NAMA LADANG	JUMLAH PEKERJA
1	HULU SELANGOR	Ladang Changkat Asa	70 orang
2		Ladang Katoyang	38 orang
3		Ladang Kerling	32 orang
4		Ladang Sungai Jernih	47 orang
5		Ladang Kelapa Bali	3 orang
6		Ladang Lima Blas	11 orang
7		Ladang Lima Blas Oil Mill	23 orang
8		Ladang Sungai Gumut	5 orang
9		Ladang Tanjung Malim Oil Mill	62 orang
10		Ladang SMR Factory	6 orang
11		Ladang Hulu selangor	13 orang
12		Ladang Sungai Gapi	32 orang
13		Ladang Sungai Gapi East Division	34 orang
14	KUALA LANGAT	Ladang Pulau Carey East A	82 orang
15		Ladang Pulau	74 orang

		Carey East B	
16		Ladang Pulau Carey East C	71 orang
17		Ladang Pulau Carey East D	16 orang
18		Ladang Pulau Carey East Oil Mill	66 orang
19		Ladang Pulau Carey West 4	80 orang
20		Ladang Pulau Carey West 6	37 orang
21		Ladang Pulau Carey West 7	48 orang
22		Ladang Pulau Carey South A	57 orang
23		Ladang Pulau Carey South B	44 orang
24	KUALA LANGAT	Ladang Pulau Carey West Oil Mill	51 Orang
25		Ladang Bandar	20 orang
26		Ladang Batu Untong	16 orang
27		Ladang Bedford	29 orang
28		Ladang Bukit Cheeding	5 orang
29		LadangBanting Palm Oil Mill	10 orang
30		Ladang Fermanagh Est/OM	63 orang
31		Ladang Lelanang Baru	35 orang
32		Ladang Sungai Bualah	5 orang
33		Ladang Teluk Datoh	25 orang
34		Ladang Tanjumb Duablas	13 orang
35		Ladang Sime Darby Research (OPRS)	114 orang
36		Ladang Sime Darby Blotech & Lab	8 orang
37		Ladang Sime Darby Seeds & Agricul	52 orang
38		Ladang Sri Langat Oil Mill	54 orang

39		Ladang Sepang B/C	189 orang
40		Ladang Sepang Sungai Linau	49 orang
41		Ladang Sungai Rawang	13 orang
42		Ladang Sepang Oil Mill	52 orang
43	SABAK BERNAM	Ladang Sungai Bernam 1	27 orang
44		Ladang Sungai Bernam 2	19 orang
45		Ladang -do- Cort 1&2	8 orang
46		Ladang Sabak Bernam	138 orang
47	KUALA SELANGOR	Ladang Berjuntai	15 orang
48	KUALA SELANGOR	Ladang Bukit Lagong	38 orang
49		Ladang Talang Oil Mill	38 orang
50		Ladang Talang	89 orang
51		Ladang Kampung Baru	93 orang
52		Ladang Rajamusa	105 orang
53		Ladang Bukit Belimbing	11 Orang
54		Ladang Bukit Tagar	25 orang
55		Ladang Nigle Gardener	45 orang
56		Ladang Bukit Rotan Oil Mill	8 orang
57		Ladang Eng Hang	2 orang
58		Ladang Elmina	65 orang
59		Ladang Starthalie	45 orang
60		Ladang Group of B	28 orang
61		Ladang Minyak	41 orang
62		Ladang Minyak Oil Mill	42 orang
63		Ladang Sungai Tinggi	62 orang
64		Ladang Shalimar	10 orang
65		Ladang Sungai Buloh	188 orang

66		Ladang Selangor River	83 orang
67		Ladang Kuala Selangor	44 orang
68		Ladang Sungai Rambai	2 orang
69		Ladang Tennamaram	79 orang
70		Ladang Hopeful	26 orang
71		Ladang Bukit Badong	15 orang
72		Ladang Tennamaram Oil Mill	45 orang
73		Ladang Tuan Mee	17 orang
74		Ladang Caledonian	42 orang
75		Ladang Jeram	40 orang
76		Ladang Bukit Darah	22 orang
77		Ladang Tuan Mee Oil Mill	60 orang
	KUALA SELANGOR		
78		Ladang Bukit Cheraka	137 orang
79		Ladang Bukit Clah	58 orang
80		Ladang Brounston	20 orang
81		Ladang Bukit Ijok	46 orang
82		Ladang Bukit Kerayong	44 orang
83		Ladang Sungai Kapar	7 orang
84		Ladang Jalan Acob	49 orang
85		Ladang Bukit Kerayong Oil Mill	15 orang
86		Ladang Golconda	1 orang
87		Ladang Golconda Oil Mill	10 orang
88		Ladang Bukit Raja	35 orang
89		Ladang Subang	15 orang
90		Ladang Ampertenang	41 orang
91		Ladang Balau	1 orang
		JUMLAH KESELURUHAN	3850 orang

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 Batang Kali)**

TAJUK : MAKMAL HALAL SAINTIFIK SELANGOR

185. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini Makmal Halal Sainstifik Selangor?
- b) Apakah matlamat sebenar kerajaan negeri menubuhkan Makmal Halal Saintifik Selangor?

JAWAPAN:

- a) Dan b)

JAIS tiada maklumat mengenai Makmal Halal Sainstifik Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 Hulu Kelang)**

TAJUK : KPI PEJABAT DATO MENTERI BESAR DALAM MEMBALAS SURAT

186. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah *benchmark* peratus surat yang dibalas oleh Pejabat MB setiap tahun?
- b) Apakah *benchmark* bilangan hari terpantas di mana surat-surat dalam perkara (a) di atas mesti dibalas?
- c) Apakah langkah-langkah yang diguna pakai bagi mencapai kedua-dua *benchmark* di atas?

JAWAPAN:

a) Dan b)

Pejabat Menteri Besar menggunakan benchmark seratus peratus (100%) dan semua surat dibalas dalam tempoh masa lima (5) hari waktu bekerja kecuali surat-surat yang dikategorikan sebagai surat makluman dan surat layang.

- c) Langkah-langkah yang digunapakai bagi mencapai kedua-dua benchmark di atas seperti berikut:-
 - i) Mengujudkan sistem e-surat di mana surat-surat yang diterima direkodkan dalam bentuk imej secara berkomputer dan boleh di akses oleh pegawai dan kakitangan yang berkenaan secara on-line.
 - ii) Surat-surat yang dibalas direkodkan dan dipantau oleh dua (2) orang kakitangan yang khusus menjaga transaksi surat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 Sungai Pelek)**

TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK

187. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor berperancangan menyediakan rumah mampu milik di DUN Sungai Pelek?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah mensasarkan setiap daerah sekurang- kurangnya mempunyai satu projek Rumah Mampu Milik (Rumah Selangorku) yang dibina oleh Kerajaan Negeri. Buat masa ini, Kerajaan Negeri masih belum mempunyai perancangan khusus untuk menyediakan Rumah Selangorku di DUN Sungai Pelek.

Namun begitu, Kerajaan Negeri telah meluluskan 4 projek Rumah Selangorku yang di bina oleh pihak swasta. Senarai 4 projek Rumah Selangorku adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Senarai Projek Rumah Mampu Milik di Daerah Sepang

Bil	Projek	Pemaju	Bilangan Unit
1.	Lot 3514, Mukim Sepang, Daerah Sepang.	Mainstay Development Sdn. Bhd.	28
2.	Hakmilik PM 4851 Lot 786, PM 4852 Lot 787, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	Wandeerfull Property Development Sdn. Bhd.	176

Bil	Projek	Pemaju	Bilangan Unit
3.	Taman Putra Impiana Di Atas Lot PT 49685, PT 49687 Dan PT 49688, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	Usahasama Utama Sdn. Bhd.	376
4.	Di Blok 19, Cyberjaya, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	Sterling Prima Sdn. Bhd.	960
JUMLAH			1,540

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 Sungai Burong)**

TAJUK : TANAH RIZAB MELAYU

188. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan keluasan Tanah Rizab Melayu yang masih dijaga oleh kerajaan negeri?
- b) Nyatakan pembangunan sekiranya ada yang sudah dilaksanakan di atas Tanah Rizab Melayu pada tahun 2014?

JAWAPAN:

- a) Sehingga 30 Oktober 2014, keluasan Tanah Rizab Melayu di Negeri Selangor adalah seluas **402,755.42 ekar** dan pecahannya mengikut daerah adalah seperti di **Lampiran A**.
- b) Tanah Rizab Melayu yang telah dibangunkan mengikut daerah bagi tahun 2014 adalah seperti di **Lampiran B**.

LAMPIRAN A

KEDUDUKAN TANAH RIZAB MELAYU (TRM) DI SEMBILAN (9) DAERAH
SEHINGGA 30 OKTOBER 2014

DAERAH	KELUASAN TRM (a)	KELUASAN PEMBATALAN (b)	KELUASAN PENGGANTIAN (c)	KELUASAN BELUM DIGANTI (d=b-c)	KELUASAN PADA 30/10/14 (e=a-b+c)
Ekar					
Petaling	2,617.88	0	0	0	2,617.88
Gombak	12,895.05	6.38	0	6.38	12,888.67
Klang	23,474.88	5.99	0	5.99	23,468.89
Sepang	28,500.94	4,621.93	2,325.60	2,296.33	26,204.61
Hulu Selangor	36,850.83	1,539.37	1,002.00	537.37	***36,313.46
Hulu Langat	33,325.79	22.34	23.61	-1.27	33,327.06
Kuala Langat	39,577.00	4,822.33	3,800.37	1,021.96	**38,555.04
Kuala Selangor	56,895.19	0	0	0	56,895.19
Sabak Bernam	172,485.00	59.53	59.15	0.38	172,484.62
JUMLAH	406,622.56	11,077.87	7,210.73	3,867.14	402,755.42

Sumber : Pejabat Tanah dan Daerah (PDT)

Nota:

* Seluas 1,024.20 ekar daripada 3,800.37 ekar TRM telah diganti di Daerah Hulu Selangor, iaitu TRM Bukit Tarek.

** Keluasan pada 30/10/2014 bagi Daerah Kuala Langat adalah 37,530.84 ekar kerana perkara seperti di *.

*** Keluasan pada 30/10/2014 bagi Daerah Hulu Selangor adalah 37,337.66 ekar kerana perkara seperti di *.

LAMPIRAN B**MAKLUMAT PEMBANGUNAN TANAH RIZAB MELAYU YANG TELAH
DILAKSANAKAN MENGIKUT DAERAH BAGI TAHUN 2014**

BIL.	DAERAH	JUMLAH PROJEK	JUMLAH KELUASAN (HEKTAR)
1.	Klang	40	49.378
2.	Gombak	7	3.572
3.	Sabak Bernam	1	2.099
4.	Sepang	25	27.348
5.	Hulu Langat	23	30.344
6.	Kuala Selangor	3	3.513
7.	Petaling	1	0.378
8.	Kuala Langat	25	31.665
9.	Hulu Selangor	Tiada	Tiada
JUMLAH KESELURUHAN		125	148.297

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 Gombak Setia)**

TAJUK : JOM SHOPPING IBU TUNGGAL & OKU

189. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan Negeri berhasrat untuk meneruskan JOM SHOPPING untuk ibu tunggal dan OKU
- b) Apakah perancangan bantuan dari Kerajaan Negeri untuk golongan ini pada masa akan datang.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM376,600.00 bersamaan dengan 3,766 orang ibu tunggal yang telah menerima manfaat ini pada Mac 2013. Buat masa ini, Kerajaan Negeri masih belum berhasrat untuk meneruskan program ini pada masa akan datang.
- b) Buat masa ini ibu tunggal masih lagi mendapat keutamaan dan keistimewaan dari program-program Merakyatkan Ekonomi (MES) serta agensi-agensi di bawah Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 Balakong)**

TAJUK : CAJ PEMBANGUNAN

190. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah caj pembangunan yang telah dikutip dan penggunaannya mengikut PBT masing-masing
- b) Adakah semua PBT mengamalkan tatacara yang sama dan nyatakan tatacara penggunaan dan pengurusan dana tersebut.

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah jumlah caj pembangunan yang telah dikutip dan penggunaannya mengikut PBT masing- masing :

PBT	JUMLAH CAJ PEMBANGUNAN (2014)	PENGGUNAAN
MBSA	RM 12,594,737.30	Penambahbaikan Atau Penyediaan Kemudahan Awam & Infrastruktur PBT
MBPJ	TIADA MAKLUMBALAS	
MPK	RM 58,063,484.40	
MPAJ	RM4,206,895.45	
MPSJ	RM 23,085,647.80	
MPS	TIADA MAKLUMBALAS	
MPKJ		
MPSP	RM 16,908,900.00	
MDKL	RM 575,000.00	
MDHS	RM1,988,950.00	
MDKS	RM 6,044,560.00	
MDSB	RM 853,219.00	
Jumlah Keseluruhan	RM124,321,393.95	

- b) Semua PBT mengamalkan tatacara yang sama iaitu dengan merujuk kaedah-kaedah caj pemajuan 2010 yang diwartakan pada 25 November 2010 oleh Warta Kerajaan Negeri Selangor. Penggunaan dan pengurusan dana tersebut dimasukkan ke satu akaun amanah dan diuruskan oleh Jawatankuasa Akaun Amanah Wang Caj Pemajuan PBT masing- masing.

Majlis Bandaraya	Majlis Perbandaran	Majlis Daerah
30 peratus x Kenaikan Nilai Tanah	30 peratus x Kenaikan Nilai Tanah	20 peratus x Kenaikan Nilai Tanah

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 Bukit Melawati)**

TAJUK : SAMPAH SARAP DI SUNGAI SELANGOR

191. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sedarkah pihak yang bertanggungjawab terdapat banyaknya sampah sarap di sungai berkenaan?
- b) Apakah tindakan yang akan diambil untuk membersihkan sampah sarap berkenaan?

JAWAPAN:

- a) Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) sedia maklum berkaitan isu terdapatnya sampah sarap di dalam Sungai Selangor. Salah satu punca yang dikenalpasti berlakunya pencemaran ini adalah disebabkan aktiviti pembuangan sampah haram oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Selain itu terdapat juga sebilangan masyarakat yang masih kurang kesedaran akan keburukan kesan aktiviti pembuangan sampah ke dalam sungai.

Sehubungan itu LUAS telah mengambil inisiatif bagi menangani isu ini dengan menjalankan pemantauan dan mengambil tindakan terhadap isu ini melalui mekanisme seperti Pasukan Petugas lembangan sungai, Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai Negeri Selangor, Jawatankuasa Kecemasan Sumber Air dan Program Kesedaran bersama komuniti setempat dengan kerjasama agensi kerajaan dan bukan kerajaan berkaitan kepentingan sumber air dan alam sekitar. Pasukan Petugas dan Jawatankuasa sediaada melibatkan agensi dan jabatan lain dalam menangani masalah berkaitan pengurusan sungai terutama isu – isu pencemaran sungai mengikut bidang kuasa agensi dan jabatan masing – masing. LUAS akan bertindak sebagai penyelaras bagi setiap isu yang dibincangkan.

Peruntukan undang – undang berkaitan dengan sampah adalah di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui Undang - Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (PBT berkaitan) 2007. Manakala maklumat berkaitan kuantiti sampah yang dibersihkan di dalam sungai boleh dirujuk ke pihak JPS. Penyelesaian masalah isu sampah sarap ini perlu ditangani secara menyeluruh dan tidak hanya difokuskan kepada sampah sarap di dalam sungai sahaja kerana aktiviti tersebut tetap menyumbang pencemaran kepada sumber air berhampiran.

b) Kerjasama antara agensi yang menjadi ahli dalam jawatankuasa di atas seperti LUAS, PBT, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) untuk memastikan sampah sarap di dalam sungai tersebut dibersihkan agar tidak mendatangkan keburukan kepada biodiversiti sungai dengan mengambil tindakan seperti berikut:

- Pemasangan log boom di sungai oleh pihak JPS seperti di Rantau Panjang dan Sungai Sembah yang berfungsi untuk memerangkap sampah supaya tidak terus hanyut ke hilir sungai. Kerja – kerja pemungutan sampah di log boom adalah di bawah tanggungjawab JPS dan dijadualkan sebanyak dua (2) kali sebulan;
- Memastikan kutipan sampah domestik dilaksanakan seperti yang telah dijadualkan oleh pihak PBT;
- Tindakan penguatkuasaan mengikut bidang kuasa agensi yang terlibat ke atas mana – mana individu yang dikenal pasti terbabit dengan aktiviti pembuangan sampah haram; dan
- Membersihkan dan menutup kawasan yang menjadi lokasi pembuangan sampah haram terutama yang berdekatan dengan tebing sungai melalui mekanisme di atas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 Selat Klang)**

TAJUK : BANTUAN USAHAWAN

192. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon senaraikan usahawan di DUN Selat Klang yang telah berjaya dibantu kerajaan negeri
- b) Berapakah peruntukan untuk tujuan membangunkan usahawan SEHINGGA berjaya di setiap DUN?
- c) Bagaimanakah kerajaan membantu usahawan yang mempunyai pelbagai kecenderungan, kekuatan dan kelemahan secara '*customized*' atau keperluan usahawan sasar?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri tidak mengagihkan bantuan mengikut DUN sebaliknya mengagihkan bantuan mengikut daerah kerana Jabatan / Agensi Pelaksana adalah mengikut daerah seperti Pejabat Daerah / Tanah, Pejabat Pertanian Daerah, Pejabat Veterinar Daerah dan lain-lain lagi agensi. Dun Selat Klang terletak di dalam Daerah Klang dan jumlah usahawan di daerah Klang yang telah berjaya dibantu di sepanjang oleh Kerajaan Negeri di antara 2010 hingga 2014 adalah seramai 1812. Senarai di antara usahawan di Daerah Klang yang telah berjaya dibantu Kerajaan Negeri adalah seperti di **Lampiran 1**.
- b) Peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri bagi membangunkan usahawan sehingga Berjaya tidak disalurkan mengikut DUN sebaliknya disalurkan mengikut Jabatan dan Agensi. Peruntukan yang telah disalurkan di antara 2012 hingga 2014 adalah sebanyak RM90,134,565.79. Pecahan peruntukan mengikut Jabatan dan Agensi adalah seperti berikut:-

Bil.	Jabatan / Agensi	2012	2013	2014
1	UPEN	2,050,000.00	2,200,000.00	2,200,000.00
2	Jab. Perkhidmatan Veterinar	460,000.00	215,000.00	1,450,000.00
3	Jabatan Pertanian	2,050,000.00	1,249,549.79	1,208,046.00
4	PKNS	2,589,560.00	2,595,210.00	3,893,000.00
5	SKIMSEL	26,431,500.00	19,599,950.00	21,942,750.00
Jumlah		33,581,060.00	25,859,709.79	30,693,796.00

- c) Setiap bentuk bantuan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri kepada usahawan-usahawan adalah mengikut kepelbagaian kecenderungan, kekuatan dan kelemahan secara 'customised' atau keperluan usahawan sasaran. Bantuan-bantuan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri adalah terbuka kepada semua golongan usahawan dan setiap usahawan bolehlah memohon bantuan yang bersesuaian dengan keperluan dan perusahaan mereka. Diantara bantuan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti di **Lampiran 2**.

LAMPIRAN 2

Bil.	Bantuan
1	Dana Industri Kampung
2	Program Peningkatan Keupayaan Produk
3	Bantuan Promosi
4	Bengkel Mangkin Keusahawanan Diri (MKD)
5	Bengkel Peningkatan Pendapatan / Jualan Melalui Facebook <i>Marketing (Simplified Facebook Marketing)</i>
6	Seminar Peluang Perniagaan (Memborong) Barangan China dan Vietnam
7	Bengkel Penulisan Kertas Kerja Perniagaan (Business Plan)
8	Kursus Pengendalian Makanan dan Kesedaran Halal
9	Program Mudahcara Pensijilan Halal
10	Seminar Inspirasi Usahawan : Usahawan Muslim Professional
11	Taklimat Pembiayaan Perniagaan Agrobank

12	Seminar ASEAN <i>Economic Community</i>
Bil.	Bantuan
13	Seminar <i>Free Trade Agreement (FTA)</i>
14	Taklimat Panduan Mengeksport
15	Pinjaman Perniagaan Khusus Untuk Peniaga Kecil-Kecilan
16	Bengkel Pengurusan Kewangan
17	Bengkel Membina Perniagaan yang Berjaya
18	Bengkel Bijak Mengurus Wang
19	Bengkel Membina <i>Website</i>
20	Bual Biz Santai : Nikmat Rahsia Kegagalan dalam perniagaan
21	Taklimat Produk/Hub Halal
22	Taklimat MeSTI dan Halal

23	Seminar Kenali Karektor Diri
24	Bengkel Kertas Kerja Usahawan
Bil.	Bantuan
25	Taklimat Penerangan <i>Food Safety</i> & Halal Toyyiban
26	Bengkel SMART BIZ
27	Bengkel Penjenamaan Produk /Label/ <i>Packaging</i>
28	Kursus Survival Mikro-Niaga
29	Seminar <i>ICT For Growth</i>
30	Bengkel Penyediaan Perakaunan Perniagaan Kecil dan Sederhana
31	Seminar Inspirasi Usahawan: Usahawan Muslim Profesional
32	Bengkel Transformasi Usahawan Niaga
33	Seminar 'Kenapa Bisnes?'

34	Kursus Imej Profesional dan Etiket Bisnes
35	Kursus Kenali Potensi Diri
36	Bantuan Bahan Binaan dan Naik Taraf Premis
Bil.	Bantuan
37	Khidmat Perundingan
38	Ujian Maklmal
39	Inkubator Usahawan
40	Penyewaan Premis Niaga
41	VIO

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 Kuala Kubu Baharu)**

TAJUK : SISTEM PEMBETUNGAN TERBIAR

193. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakan Kerajaan Negeri sedia membantu 400 penduduk di Lembah Beringin dan 200 penduduk di Taman Seri Rasa, Hulu Selangor yang menghadapi masalah sistem pembetulan terbiar memandangkan pemaju asal tidak menyerahkan kepada Indah Water Konsortium (IWK) untuk kerja-kerja penyelenggaraan?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri boleh dilakukan terhadap Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) yang tidak dapat menyelesaikan masalah sistem pembetulan terbiar kedua-dua tempat perumahan tersebut sejak 2010?

JAWAPAN:

- a) Pihak Majlis Daerah Hulu Selangor telah mengadakan mesyuarat bagi mengatasi masalah tersebut. Loji rawatan bagi kedua-dua tempat di Lembah Beringin dan Taman Seri Rasa telah dibincangkan dan wakil Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Pihak SPAN akan melantik kontraktor dan kerja tersebut ada dilaksanakan secara berperingkat bermula Januari 2105.

- b) Sistem pembetulan tersebut akan dilaksanakan pembaikan oleh SPAN dan masalah tersebut secara tidak langsung akan selesai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 Pelabuhan Klang)**

TAJUK : PENDIRIAN KERAJAAN NEGERI DALAM ISU LEBUHRAYA BERTOL

194. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pendirian Kerajaan Negeri terhadap projek KIDEX dan empat lagi lebuh raya bertol di Selangor iaitu SUKE, Lebuh raya Pantai Barat, DASH dan EKVE sebagaimana yang diumumkan dalam Bajet 2015 pada 10 Oktober 2014.

JAWAPAN:

- a) Projek lebuh raya Kinrara-Damansara Expressway (KIDEX) belum dimuktamadkan pelaksanaannya. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Selangor telah meminta dan menetapkan pihak Lembaga Lebuh raya Malaysia (LLM) supaya terus mengadakan dialog, perbincangan ataupun Town Hall Meeting bagi berkongsi semua maklumat berhubung perancangan ini dan ia mestilah dikemukakan kepada semua stakeholders.

Kerajaan Negeri akan hanya mempertimbangkan permohonan bagi pelaksanaan mana-mana lebuh raya di Negeri Selangor seperti yang diputuskan oleh Kerajaan Persekutuan di dalam Belanjawan 2015 dengan syarat-syarat ketat seperti berikut:

- i. Kajian Impak Trafik (Traffic Impact Assesment - TIA) mestilah menguntungkan kepada pengguna lebuh raya dan juga penduduk sekitar dengan mengambilkira jajaran yang memberikan manfaat terbaik;
- ii. Pendedahan kepada umum tentang kadar tol termasuklah cadangan kenaikannya dan juga kadar pulangan pelaburan (return of investement - ROI); dan
- iii. Pendedahan kepada umum ke atas perjanjian konsesi.

Maka itu, mana-mana pihak yang terlibat dalam apa jua bentuk pembangunan di Negeri Selangor mestilah mematuhi setiap proses dan prosedur yang ditetapkan oleh agensi-agensinya teknikal seperti Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Lebuh raya Malaysia (LLM), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan seumpamanya. Pematuhan kepada syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan adalah sangat perlu supaya Kerajaan Negeri dapat mempertahankan rakyat daripada menerima masalah-masalah pencemaran, kesihatan, banjir, kemalangan dan sebagainya.

Dalam hal ini, pandangan dan pendapat awam serta pihak yang berkepentingan perlu diambilkira dan diberi pertimbangan supaya keutamaan atau kepentingan rakyat menjadi keutamaan kerana ia melibatkan cukai yang dibayar oleh rakyat.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri turut mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan memberi penekanan dan mengambil langkah-langkah berikut:

- i. Perjanjian yang adil (tidak berat sebelah) iaitu, tidak memihak hanya kepada pemegang konsesi;
- ii. Meletakkan kepentingan awam sebagai keutamaan;
- iii. Memasukkan ke dalam perjanjian klausa penamatan awal (early termination clause) iaitu sekiranya pemegang konsesi telah mencapai projected profit bagi projek ini lebih awal dari tempoh konsesi tamat, maka perjanjian hendaklah ditamatkan lebih awal; dan
- iv. Pra-syarat tambahan seperti perjanjian konsesi tidak terikat dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 (OSA).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 Paya Jaras)**

TAJUK : KESESAKAN DI JALAN KAMPUNG MELAYU SUNGAI BULOH

195. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah terdapat cadangan pihak Kerajaan untuk menaiktaraf jalan tersebut?
- b) Adakah kerajaan bersedia untuk membuat pengambilan tanah untuk projek tersebut?
- c) Bilakah projek tersebut dapat dimulakan?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Merujuk kepada pelan yang disertakan (Lampiran A), jalan yang dimaksudkan sebenarnya adalah Jalan Kg Melayu Sungai Buloh dan Jalan Pusat Makmal Kesihatan di mana ianya ditandakan dengan warna kuning. Hasil pemantauan pejabat ini mendapati jalan tersebut ada mengalami isu kesesakan di Jalan Kampung Melayu Sungai Buloh kerana sepanjang jalan tersebut adalah kawasan perumahan dan terdapat juga perumahan yang baru di hujung jalan berkenaan (luar had senggaraan JKR) yang menggunakan jalan ini sebagai jalan utama.

Hasil pemantauan juga mendapati jalan yang dikenali sebagai Jalan Kusta juga memang mengalami kesesakan yang agak teruk kerana disitu terdapat Kawasan Industri Kg Jaya, Sungai Buloh. Sungguhpun begitu jalan tersebut adalah diluar had penyenggaraan JKR Gombak.

Kesimpulannya pihak JKR Gombak ada mempunyai perancangan jangka panjang untuk menaiktaraf jalan Kg Melayu Sg Buloh. Bagi tempoh jangka pendek, pihak JKR Gombak akan mengadakan kajian trafik bagi mendapatkan justifikasi bagi memohon kerja-kerja menaiktaraf jalan berkenaan.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 Damansara Utama)**

TAJUK : PENJUALAN TANAH ATAU ASET KERAJAAN

196. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan 5 penjualan terbesar (sama ada tanah, aset ataupun syarikat) yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri ataupun melalui anak-anak syarikat Selangor di bawah Pakatan Rakyat dari 2008-2013.
- b) Sila bekalkan butiran: tarikh penjualan, butir tanah/aset/syarikat, pembeli, harga dan sama ada tender terbuka dilakukan.

JAWAPAN:

a) dan b)

Senarai **lima (5)** penjualan tanah terbesar yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 2008 hingga 2013 selaras dengan Pekeliling PTGS Bilangan 6/2010 adalah seperti di **Lampiran A**.

LAMPIRAN A

**MAKLUMAT PENJUALAN
TANAH TERBESAR OLEH KERAJAAN NEGERI SELANGOR
BAGI TAHUN 2008 – 2013**

BIL	DAERAH	PT/LOT	LUAS	TUJUAN	HARGA TAWARAN	KAEDAH JUALAN	PEMBELI	CATATAN
1.	HULU LANGAT	LOT19701	685 mp	BANGUNAN KEDIAMAN	RM1,510,000.00	JUALAN TERUS	Nur Shamila binti Shaheen Cutgai dan Shahril Reza bin Shaheen Cutgai	MMKN ke 372013 bertarikh 4 Disember 2013
2.	KLANG	PT 14343	843.096mp	INDUSTRI RINGAN	RM480,000.00	JUALAN TERUS	Motivasi Setia Sdn. Bhd.	MMKN ke 35/2013 bertarikh 13 November 2013
3.	KLANG	PT14368	843.085mp	INDUSTRI RINGAN	RM613,773.00	JUALAN TERUS	Alpha Warehousing Sdn. Bhd.	MMKN ke 14/2014 bertarikh 23 April 2014
4.	KLANG	PT14390	929mp	INDUSTRI RINGAN	RM400,000.00	JUALAN TERUS	Impress Kuasa Sdn. Bhd.	MMKN ke 26/2013 bertarikh 4 September 2014
5.	KLANG	PT36899 dan PT36900	1,604mp	INDUSTRI RINGAN	RM685,000.00	JUALAN TERUS	Metro Semangat Sdn. Bhd.	MMKN ke 4/2014 bertarikh 29 Januari 2014

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 Permatang)**

TAJUK : CUKAI TERTUNGGAK

197. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah cukai tertunggak dari 2008 hingga 2014 mengikut PBT?
- b) Apakah tindakan kerajaan negeri bagi menyelesaikan masalah cukai tertunggak?

JAWAPAN:

- a) Jumlah cukai taksiran tertunggak meningkat dengan purata 1% setiap tahun .
Tunggakan cukai taksiran 12 PBT Negeri Selangor bagi tahun 2014 sehingga
September adalah berjumlah RM 271 juta. Berikut jumlah tunggakan cukai taksiran
dari tahun 2008 sehingga September 2014 mengikut PBT adalah Seperti berikut:

PBT	Tahun 2008 (RM JUTA)	Tahun 2009 (RM JUTA)	Tahun 2010 (RM JUTA)	Tahun 2011 (RM JUTA)	Tahun 2012 (RM JUTA)	Tahun 2013 (RM JUTA)	Sehingga September 2014 (RM JUTA)
MBSA	52.11	52.01	51.35	44.56	41.54	41.42	28.71
MBPJ	42.49	41.76	43.64	45.07	43.20	37.59	21.25
MPK	47.97	57.08	41.82	41.69	44.43	49.55	29.12
MPAJ	25.92	30.26	34.28	33.03	38.54	43.68	32.94
MPSJ	50.76	54.92	62.28	63.68	65.25	67.57	58.05
MPS	28.25	23.07	19.51	34.76	30.51	28.74	19.01
MPKj	33.74	36.78	39.58	39.72	41.77	42.89	34.73
MPSp	22.81	20.44	20.41	22.76	23.43	24.01	19.30
MDKS	6.91	9.20	11.92	14.48	12.17	7.81	3.38
MDHS	28.55	23.32	23.73	23.55	22.20	23.75	17.12
MDKL	8.62	10.31	10.08	8.31	7.07	9.01	5.90
MDSB	1.54	1.94	1.92	2.30	2.23	2.13	1.72
JUMLAH	349.72	361.15	360.57	373.97	372.39	378.21	271.29

b) Kerajaan Negeri telah menetapkan dasar kutipan cukai semasa sebanyak 90% dan kutipan tunggakan cukai taksiran sebanyak 70% bagi semua PBT. Selain itu, PBT komited dalam memastikan tunggakan cukai dapat dikutip dengan strategi yang telah dilaksanakan seperti berikut:

- I. Menjalankan “personal approach” bagi syarikat, pemaju dan individu yang mempunyai tunggakan yang tinggi.
- II. Mewujudkan Jawatankuasa / Task Force yang berfungsi untuk memantau prestasi kutipan dan isu-isu tunggakan cukai yang tinggi.
- III. Memberi kemudahan bayaran secara ansuran bagi menggalakkan bayaran tunggakan cukai.
- IV. Mempelbagaikan saluran bayaran melalui perkhidmatan bank secara online.
- V. Menyediakan kaunter bergerak bagi mempermudah bayaran dengan lokasi yang strategik.
- VI. Memperkasakan operasi penyitaan harta secara berkala bagi individu atau syarikat yang tegar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 Meru)**

TAJUK : PASUKAN PENGUATKUASA DAERAH KLANG.

198. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kekuatan penguatkuasa bagi Pejabat Daerah, MPK, JKR dan JPS?
- b) Adakah masalah dihadapi bagi penyelarasan penguatkuasaan atas pencerobohan binaan di rizab tanah, jalan dan parit?
- c) Adakah penguatkuasaan berdasarkan aduan awam sahaja dan bagaimana keadaan pencerobohan tanpa aduan yang masih aktif?

JAWAPAN:

Pejabat Daerah dan Tanah Klang

- a) Bagi Pejabat Daerah/Tanah Klang (PDTK), kekuatan penguatkuasa adalah seramai 10 orang anggota dengan kemudahan sebuah kenderaan Toyota Hilux.
- b) Keanggotaan Pasukan Penguatkuasa yang kecil jika dibandingkan dengan permasalahan yang dihadapi lebih-lebih lagi bagi daerah Metropolitan seperti Klang menjadi salah satu punca kepada permasalahan dalam melaksanakan dan menyelaraskan tindakan penguatkuasaan. Campur tangan politik juga turut menjadi penghalang kepada tindakan penguatkuasaan yang perlu diambil.
- c) Selain daripada aduan awam, PDTK akan meneliti setiap laporan penemuan ketika rondaan pemantauan yang telah dijadualkan bagi memastikan setiap pencerobohan akan diambil tindakan.

Majlis Perbandaran Klang

- a) Majlis Perbandaran Klang mempunyai seramai 260 orang Penguatkuasa.
- b) Masalah yang dihadapi oleh MPK bagi penyelarasan binaan yang mencerooboh kawasan rizab tanah, jalan dan parit adalah seperti berikut :-
 - i. Perbezaan bidang kuasa antara Majlis Perbandaran Klang dengan agensi-agensi yang berkenaan dan wujudnya pentafsiran perundangan yang berbeza ke atas peruntukan undang-undang yang tepat di atas sesuatu kesalahan di atas rezab tanah, jalan dan parit.
 - ii. Memerlukan operasi bersepadu yang berterusan.
- c) Penguatkuasaan tidak hanya berdasarkan aduan awam sahaja. Pihak Majlis Perbandaran Klang juga melaksanakan pemantauan berterusan di kawasan pentadbiran dari masa ke semasa. Butir-butir pemantauan dan siasatan akan disalurkan kepada agensi berkaitan untuk tindakan selanjutnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 Teluk Datuk)**

TAJUK : KERJA-KERJA NAIK TARAF STADIUM JUGRA TELOK DATOK

199. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pecahan perbelanjaan untuk naik taraf stadium Jugra.
- b) Senaraikan nama syarikat dan kontraktor kerja.
- c) Nyatakan Tarikh Mula dan siap kerja.

JAWAPAN:

- a) Bangunan : RM 500,000.00
Trek : RM 1.2 juta
- b) JFMA Enterprise Sdn. Bhd.
- c) Tarikh mula : 13/1/2014
Siap asal : 19/5/2014
EOT : 31/7/2014
- Kelewatan disebabkan perlu menepati kehendak IAAF yang memerlukan ketepatan yang jitu. Pihak kontraktor masih giat mematuhi syarat-syarat IAAF.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 Kuang)**

TAJUK : PEMBANGUNAN TANAH

200. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar baharu Pembangunan Tanah di bawah pentadbiran Menteri Besar kini?
- b) Bagaimanakah dasar pembangunan tanah ini dapat membantu rakyat?
- c) Apakah kelemahan dasar pada pentadbiran Menteri Besar yang lepas?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Kerajaan Negeri masih meneruskan dasar-dasar sedia ada yang berkaitan pengurusan dan pentadbiran tanah kerana ianya masih relevan dan bersesuaian untuk diteruskan bagi mencapai matlamat yang telah dirancang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 Selat Klang)**

TAJUK : DATARAN BELIA DI DUN SELAT KLANG

201. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Padang Awam di Kampung Delek adalah satu satunya padang awam di DUN Selat Klang. Apakah kerajaan negeri boleh menyediakan dataran belia yang sesuai di situ?
- b) Berapakah peruntukan yang dikhususkan untuk program pembangunan belia dan sukan di setiap DUN?

JAWAPAN:

- a) Kampung Delek merupakan kawasan yang asal terletak di luar pentadbiran MPK sebelum tahun 2005. Tiada padang awam berpusat sedia ada kerana lot tanah yang berbentuk "piece meal" dan tiada tanah Kerajaan diperuntukkan untuk padang awam.

MPK melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa akan mengenalpasti kapasiti tanah yang sesuai khususnya tanah Kerajaan bagi tujuan mewujudkan padang awam berkenaan.

Berdasarkan semakan, terdapat satu padang bola awam seluas lebih kurang 2 ekar yang digunakan oleh penduduk di Kg. Delek khususnya para belia. Padang awam tersebut diurus dan diselenggarakan oleh JKKK. Pihak Majlis akan menyemak status tanah dan jika tanah tersebut adalah rezab Kerajaan, Majlis Perbandaran Klang (MPK) akan mengkaji untuk menaiktaraf kemudahan tersebut berdasarkan peruntukan yang ada pada tahun 2015.

- b) Kerajaan Negeri tidak mengkhususkan peruntukan bagi program pembangunan belia dan sukan di setiap DUN. Justeru itu, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM120,000.00 setahun kepada setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi menjalankan program-program pembangunan belia di mana PBT dikehendaki untuk memantau setiap program yang dijalankan di peringkat Penggerak Belia Tempatan (PeBT). Manakala bagi program pembangunan sukan, kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM20,000.00 untuk setiap daerah. Peruntukan Majlis Sukan Daerah (MSD) ini adalah melibatkan program pembangunan sukan di daerah dan penyertaan di kejohanan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 Kinrara)**

TAJUK : PEMBINAAN HOSPITAL

202. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan kerajaan negeri dalam bekerjasama dengan pihak Pusat bagi menangani masalah penangguhan pembukaan Hospital Shah Alam yang telah membazirkan sejumlah dana awam yang besar?
- b) Senaraikan kawasan-kawasan lain di negeri Selangor yang terlibat dalam pembinaan hospital swasta dan hospital awam yang baharu.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri tidak menjalinkan kerjasama dengan pihak pusat memandangkan ini adalah projek persekutuan dan diselia oleh Projek Khas Ibu Pejabat JKR Malaysia.
- b) Kementerian Kesihatan Malaysia dalam perancangan untuk membina 2 buah hospital awam iaitu sebuah hospital di Daerah Kuala Selangor untuk menggantikan Hospital Tanjong Karang sedia ada dan sebuah lagi hospital awam dicadang dibina di Kapar, Daerah Klang .

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 Hulu Bernam)**

TAJUK : LESEN PUSAT HIBURAN KELUARGA (PHK)

203. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah permohonan yang diterima dan diluluskan untuk membuka PHK di Selangor?
- b) Adakah kerajaan negeri bersedia untuk menyahut saranan Menteri Dalam Negeri memberhentikan pengeluaran lesen PHK ?

JAWAPAN:

- a) Jumlah permohonan yang diterima dan diluluskan untuk membuka Pusat Hiburan Keluarga (PHK) di semua PBT adalah 148 lesen. Sila rujuk **Lampiran 1**.
- b) Kerajaan Negeri telah memanjangkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri kepada PBT berhubung Pembatalan Lesen Pusat Hiburan Keluarga (PHK) yang didapati menjalankan aktiviti perjudian yang berselindung di sebalik perniagaannya untuk dibincangkan dan dipertimbangkan. Kini Kerajaan Negeri juga sedang mengumpul maklumat untuk membincangkan tindakan lanjut.

Lampiran 1

No	PBT	Bilangan Lesen PHK yang Diluluskan setakat tahun 2014
1	MBSA	6 lesen
2	MBPJ	16 lesen
3	MPSJ	23 lesen
4	MPS	7 lesen
5	MPAJ	30 lesen
6	MPK	22 lesen
7	MPKJ	17 lesen
8	MPSP	1 lesen
9	MDKS	14 lesen
10	MDKL	2 lesen
11	MDSB	4 lesen
12	MDHS	6 lesen
	JUMLAH	148 Lesen

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 Hulu Kelang)**

TAJUK : PEMBANGUNAN SISTEM KOMPOS DI PBT

204. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah anggaran kos untuk membangunkan sistem kompos menurut PBT?
- b) Berapakah anggaran penjimatan kos dari penggunaan baja kompos mengganti baja kimia menurut PBT?
- c) Berapakah anggaran kos bagi kempen kesedaran, pendidikan rakyat dan latihan staf bagi menjayakan sistem kompos menurut PBT?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, pembangunan sistem kompos di PBT hanya terdapat di lima (5) PBT sahaja di Negeri Selangor. Senarai maklumat adalah seperti berikut: -

PBT	KOS PEMBANGUNAN KOMPOS (RM)	KOS PENJIMATAN (RM)	KOS KEMPEN KESEDARAN/ PENDIDIKAN/ LATIHAN STAF
MBSA	237,000.00	48,000.00	2,000.00
MPK	240,000.00	20,400.00	Tiada
MPAJ	500,000.00	Penjimatan mencecah 50%. Perbelanjaan tahunan menjadi 10,000.00	50,000.00
MPSJ	225,060.00	Penjimatan mencecah 12%.	50,000.00
MDKL	100,000.00	60,000.00	20,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 Teratai)**

TAJUK : PEMBANGUNAN INDUSTRI PERTANIAN NEGERI SELANGOR

205. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan skim / insentif yang menggalakkan industri pertanian moden
- b) Sila kemukakan senarai lokasi yang menjalankan industri pertanian moden Selangor
- c) Sila kemukakan maklumat tanah pertanian telah ditukar kepada tanah kegunaan lain dalam tempoh 2008 hingga 2014

JAWAPAN:

- a) Antara usaha kerajaan negeri dalam permodenan pertanian di Negeri Selangor adalah:
 - 1) Program Peningkatan Hasil Padi Negeri Selangor dan Program Natural Farming kawasan padi. Untuk program ini Kerajaan Negeri memperuntukkan RM 16.7 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor (2009-2013). Program ini diteruskan sehingga kini dengan keutamaan kepada pengamalan teknologi 'Rice Check' dimana tumpuan diberi kepada
 - Penggunaan benih CL bagi kawalan padi angin
 - Perataan tanah untuk penapakan dan pengurusan air sawah
 - Pembajaan
 - Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM)
 - Pertanian Lestari (Natural Farming)
 - 2) Memastikan pengeluaran tanaman makanan secara berterusan dengan mewujudkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Terdapat 12 kawasan TKPM di Negeri Selangor yang sedang beroperasi mengeluarkan hasil-hasil sayuran, buah-buahan, tanaman industri dan ternakan. Untuk Program ini Kerajaan Negeri Memperuntukkan RM7,560,000 dibawah RMK10 (Tahun 2011-2015)
 - 3) Meningkatkan pengeluaran hasil tanaman melalui Program Pembangunan Tanaman Makanan (Sayur-sayuran, Buah-buahan dan Kelapa) , dan Program Pembangunan Tanaman Industri (Nanas dan Umbisi) dimana Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM 13 juta untuk program-program tersebut dibawah RMK10 (Tahun 2011-2015). Program

pembangunan buah-buahan dan sayur-sayuran menumpukan kepada penggunaan teknologi fertigasi yang sesuai dalam keadaan penggunaan tanah yang terhad dan dapat dikawal sepenuhnya operasi pengeluarannya melalui mekanisasi dan automasi.

- 4) Menggalakkan dan membimbing petani kearah Pertanian Lestari dengan objektif:
 - Mengurangkan penggunaan bahan agro kimia yang boleh mendatangkan mudarat kepada petani
 - Mengeluarkan hasil pertanian yang berkualiti dan selamat untuk dimakan oleh pengguna Meningkatkan hasil dan pendapatan petani melalui pengurangan penggunaan bahan agro kimia
 - Melestarikan pertanian dan memulihara sumber alam
- 5) Meningkatkan kualiti tanaman dengan menggalakkan petani menyertai Pensijilan MyGAP , melalui skim ini petani akan dibimbing dan diberi pengiktirafan kerana mengamalkan pertanian berkonsep mesra alam , mengeluarkan produk berkualiti dan selamat dimakan.
 - MyGAP merupakan skim pensijilan yang komprehensif untuk sektor tanaman, Pensijilan MyGAP ini memudahkan laluan pasaran eksport memandangkan pensijilan ini telah dikenali di seluruh dunia
 - SOM pula ialah sebuah program pensijilan yang dibangunkan oleh Jabatan Pertanian untuk mengiktiraf ladang-ladang yang diusahakan secara organik mengikut kriteria dan keperluan yang telah ditetapkan dalam Standard Skim Organik Malaysia (SOM). Hasil yang dikeluarkan dari ladang telah diberi pensijilan SOM pula boleh dilabelkan sebagai produk organik dan berhak menggunakan Organik Malaysia di atas produk mereka. Dengan label ini, produk tersebut boleh dipasarkan sebagai produk organik dengan harga yang setimpal.
- 6) Program pembangunan usahawan Industri Asas Tani turut dilaksanakan untuk memberi nilai tambah kepada hasil-hasil pertanian melalui seterusnya menjana pendapatan tambahan hasil dari aktiviti pemprosesan tanaman. Usahawan dibimbing menggunakan teknologi pengilangan dan pembungkusan yang terkini dan kearah Amalan Pengilangan Baik (GMP) serta Pensijilan Halal.
- 7) Membangunkan kumpulan sasar melalui Program Pembangunan Sumber Manusia dimana aktiviti-aktiviti latihan , seminar, kursus, lawatan dan lain-lain dilaksanakan oleh jabatan khas untuk golongan sasar. Jabatan Pertanian Negeri Selangor turut meningkatkan kecekapan sistem penyampaian kepada golongan sasar melalui Sistem Pengembangan Tekno Pertanian (SPTP)

Maklumat Tambahan

Jumlah Keseluruhan Peruntukan Pembangunan Jabatan Pertanian Negeri Selangor

Tahun	Pembangunan (RM)	Mengurus (RM)
2014	10,000,000	19,963,754

Rasional peruntukkan tersebut diagihkan adalah untuk menyokong program-program Jabatan untuk membangunkan petani di Selangor seperti berikut.:

1. Pembangunan Taman Agroteknologi
2. Pembangunan Tanaman Makanan (Buah, Sayur, Padi dan Kelapa)
3. Pembangunan Tanaman Industri (Umbisi dan Nanas)
4. Pembangunan Industri Bunga dan Tanaman Hiasan
5. Pembangunan Industri Asas Tani
6. Pengurusan Perosak Bersepadu
7. Pembangunan Agropelancongan
8. Pembangunan Pertanian Bersepadu (Intergrasi Tanaman, Cendawan, Herba dan Lebah)
9. Perkhidmatan Pengembangan dan Perundingan (Khidmat Nasihat, Kursus, Seminar)
10. Program Pengurusan Tanah Bermasalah
11. Pembangunan/Pengurusan Tanah Terbiar
12. Pembangunan Kemudahan Kejenteraan dan Logistik Pertanian
13. Penyelidikan dan Perolehan Teknologi Baru Tanaman

b) Antara lokasi yang yang menjalankan industri pertanian moden Selangor adalah seperti berikut:

i. Terdapat 12 (Dua Belas) Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM):

Bil.	TKPM	jenis tanaman	Luas (HA)	nilai pengeluaran tanaman (RM)			Bil Peserta
				sasaran tahunan	nilai pengeluaran	% pencapaian	
1	Sg Batangsi, Hulu Langat	belimbing, nangka, markisa	65.1	450,450.00	639,090.00	141.88	12
2	Semenyih, hulu Langat	belimbing, cendawan, jambu batu	52	827,380.00	935,568.24	113.08	8
3	Hulu Yam, Hulu Selangor	sayuran daun, melon	220.4	14,800,000	15,151,552.00	102.38	36
4	Bkt Changgang, Kuala Langat	melon, sayur, orkid	60.7	2,263,060	1,694,090.00	74.86	16
5	Kundang, Kuala Langat	ubi kayu, keledak, nanas	120	1,072,579	950,870.00	88.65	41
6	Sg. Kelambu, Kuala Langat	ubi kayu, keledak, nanas	80	1,200,000	1,257,553.50	104.8	18
7	Bistari Jaya, Kuala Selangor	sayur, melon	57	744,377	1,144,205.81	153.71	18
8	Serdang	melon, tomato ceri	9	180,000.00	656,662.60	364.81	11
9	Hulu Chuchuh, Sepang	ubi kayu, keledak, nanas	100	2,178,065	2,083,090.00	95.64	23
10	Sg. Blankan, Sepang	ubi kayu, keledak, nanas	400	6,000,679	5,543,056.42	92.37	151
11	Batu Arang, Gombak	nangka, belimbing	149.2	250,550	322,480.00	128.71	31
12	Sungai Panjang, Sabak Bernam	kelapa, jambu batu	81	86,000	82,381.20	95.79	5
	JUMLAH		1394.35	30,053,141	30,460,599	101.36	370

ii. Pengwujudan Bengkel Pertanian Lestari

Bil	Nama Bengkel	Lokasi	Tahun Mula	Bil Peserta	Jenis Produk	Nilai Pengeluaran (RM)
1	SRI D9	Parit 9 Sg. Leman, Sabak Bernam	2011	23	Produk SRI, IMO+FPJ	153,870.00
2	SRI D Dorani	Parit 2, SgHj Dorani, Sabak Bernam	2011	6	Produk SRI, IMO+FPJ	26,220.00
3	SRI D 1	Parit 1, Sg.Hj Dorani, Sabak Bernam	2012	15	Produk SRI, IMO+FPJ	9,000.00
4	SRI D Lima	Simpang Lima, Sabak Bernam	2012	18	Produk SRI, IMO+FPJ	110,400.00
5	SRI D Nipah	Sg. Nipah, Sabak Bernam	2012	2	Produk SRI, IMO+FPJ	55,360.00
6	SRI D'Kenchana	Kg Sg Sembilang, Kuala.Selangor	2012	5	Sri Anak, Sri Bunga, Sri Buah	49,000.00
7	Sri NF	TKPM Bistari Jaya,Kuala Selangor	2012	1	Sri Anak, Sri Bunga, Sri Buah	70,000.00
8	SRI KOSAWAH	Sg. Burung, Kuala Selangor	2012	8	Sri Anak, Sri Bunga, Sri Buah	3,500.00
9	SRI D 12	Pt 12 Timur,Sg.Besar,Sabak Bernam	2013	10	Sri Anak, Sri Bunga, Sri Buah	15,870.00
10	SRI K-LIMA	Pt 5 Timur, Sg. Besar, Sabak Bernam	2013	5	Sri Anak, Sri Bunga, Sri Buah	6,000.00
11	SRI D PAKLANG	Taliair 8, Sg. Leman, Sabak Bernam	2013	4	Sri Anak, Sri Bunga, Sri Buah	24,000.00
12	SRI D'SELASA	Peket 60, Sg. Nipah, Sabak Bernam	2013	15	Sri Anak, Sri Bunga, Sri Buah	6,000.00
13	SRI Tedong	Sawah Sempadan, Kuala Selangor	2013	1	Sri Anak, Sri Bunga, Sri Buah	7,000.00
14	SRI D	Sg. Haji Dorani, Sabak	2013	6	Sri Anak, Sri	

	CHOMEL	Bernam			Bunga, Sri Buah	3,500.00
15	SRI D BELIA	Kg Merbau Berdarah, Sg Panjang, Sabak Bernam	2013	5	Sri Anak, Sri Bunga, Sri Buah	3,500.00
	JUMLAH			124		543,220.00

- c) Jabatan Pertanian tidak mempunyai maklumat tanah pertanian yang telah ditukar kepada tanah kegunaan lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 Kota Damansara)**

TAJUK : STRUKTUR BINAAN LUAR PREMIS (PEPULAU)

206. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan bilangan premis yang dikenalpasti telah membina pulau di atas tanah kerajaan bagi tujuan perniagaan?
- b) Apakah tindakan yang diambil terhadap pihak yang terlibat ini?
- c) Nyatakan kawasan-kawasan yang terlibat dengan taklimat penerangan berkaitan larangan pembinaan pulau ini?

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah beberapa PBT yang telah dikenal pasti membina pulau di atas tanah kerajaan bagi tujuan perniagaan :

PBT	Bilangan Premis Yang Membina Pulau Untuk Tujuan Perniagaan
MBSA	23
MBPJ	TIADA MAKLUMBALAS
MPK	605
MPAJ	80
MPSJ	TIADA
MPS	TIADA MAKLUMBALAS
MPKJ	
MPSP	3
MDKL	TIADA
MDHS	10
MDKS	TIADA
MDSB	TIADA
JUMLAH KESELURUHAN	721

- b) PBT telah mengambil tindakan tegas terhadap premis-premis yang didapati melakukan kesalahan dengan pengeluaran Notis di bawah peruntukan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) seperti berikut:
- i) **Seksyen 70(1)**
'Tiada seseorang boleh mendirikan sesuatu bangunan tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan'
Tempoh Notis 14 hari
 - ii) **Seksyen 72(1)(b)**
'...jika bangunan telah didirikan bersalahan dengan mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa pada masa itu berhubung dengan bangunan-bangunan dan kelulusan bangunan tidak diberi kemudiannya, pihak berkuasa tempatan boleh mengkehendaki pemunya tanah untuk meruntuhkan bangunan itu dalam masa yang dinyatakan.'
Tempoh Notis 14 hari
 - iii) **Seksyen 72(6)**
Mengosongkan bangunan dalam tempoh **tiga puluh hari (30)** dari tarikh Notis dikeluarkan untuk kerja-kerja perobohan
Tempoh Notis 30 hari
- c) Setakat ini tiada taklimat khusus diadakan kepada pemilik-pemilik premis kedai pejabat namun PBT telah mengambil pendekatan dengan melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara berperingkat ke kawasan-kawasan komersial dengan pengeluaran Notis-Notis Amaran. Purata tempoh masa yang diberikan kepada pemilik premis untuk mematuhi arahan PBT adalah selama 58 hari. Tempoh yang diberikan adalah cukup lama untuk pemilik untuk melaksanakan sendiri tindakan meroboh tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 Gombak Setia)**

TAJUK : KAWASAN RIADAH BERBASIKAL DI GOMBAK

207. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri mengenal pasti dan merancang untuk menaiktaraf kemudahan di kawasan Jalan Lama Bentong Gombak sebagai tempat rekreasi berbasikal.

JAWAPAN:

- a) Tiada perancangan oleh JKR untuk menaiktaraf kemudahan di kawasan Jalan Lama Bentong Gombak sebagai tempat rekreasi berbasikal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 Sekinchan)**

TAJUK : GERAI LUAR BANDAR (GLB)

208. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan secara terperinci jumlah bilangan GLB di semua PBT.
- b) Sila senaraikan jumlah sewa GLB yang berjaya dikutip dari tahun 2010-2013 oleh PBT.
- c) Sila nyatakan apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membina lebih banyak GLB bagi membantu rakyat luar Bandar.

JAWAPAN:

a) dan b)

Jumlah bilangan GLB dan jumlah sewa yang dikutip pada tahun 2010 hingga 2013 adalah sebanyak 2,741 buah gerai dan kutipan sewa sebanyak **RM2,086,152.81**. Sila rujuk **Lampiran 1**.

- c) Kerajaan Negeri tidak merancang untuk memperuntukkan pembinaan Gerai Luar Bandar di PBT-PBT. Walau bagaimanapun, PBT ada menyediakan pusat-pusat penjaja khas, gerai dan kiosk PBT. Kerajaan Negeri juga telah menyediakan kemudahan pembiayaan kepada mereka yang berminat berniaga melalui program di bawah Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) iaitu Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel) dan Program Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR).

Lampiran 1

Bilangan Gerai Luar Bandar di PBT dan Jumlah Kutipan 2010-2013

BIL.	PBT	BIL. GLB	Jumlah Kutipan Tahun 2010 – 2013 (RM)
1.	MBSA	106	203,150.00
2.	MBPJ	8	13,600.00
3.	MPSJ	42	62,797.50
4.	MPS	129	185,910.00
5.	MPAJ	79	112,320.00
6.	MPKj	138	263,925.00
7.	MPK	144	487,339.07
8.	MPSp	149	146,493.00
9.	MDKS	152	403,755.24
10.	MDKL	1427	124,020.00
11.	MDSB	172	14,803.00
12.	MDHS	195	68,040.00
	Jumlah Keseluruhan	2,741	2,086,152.81

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 Sungai Panjang)**

TAJUK : PENGURUSAN PEJABAT PENYELARAS DUN

209. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kos pengurusan pejabat dan bajet pembangunan penyelaras DUN Kerajaan Negeri?
- b) Berapakah peruntukan tahunan yang diberikan kepada setiap penyelaras DUN tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kos pengurusan pejabat dan peruntukan pembangunan penyelaras DUN Kerajaan Negeri seperti perincian berikut:

PERKARA		RM	RM
(i)	Peruntukan Mengurus	-	98,000.00
	1. Bayaran sewaan dan utiliti	42,000.00	-
	2. Bayaran bil telefon	6,000	-
	3. Pengurusan pejabat	50,000.00	-
(ii)	Peruntukan Pembangunan (projek/program mesra rakyat)	-	550,000.00
JUMLAH PERUNTUKAN TAHUNAN			648,000.00

- b) Peruntukan mengurus tahunan yang diberikan kepada setiap penyelaras DUN berjumlah RM150,000.00 dan perincian adalah seperti berikut:

NO.	PERKARA	RM
1.	Bayaran bil telefon	6,000.00
2.	Sewaan dan utiliti pejabat	42,000.00
3.	Elaun kerani kawasan	72,000.00
4.	Elaun pegawai penyelaras	30,000.00
JUMLAH PERUNTUKAN TAHUNAN		150,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 Selat Klang)**

**TAJUK : TAMAN REKREASI DAN TAMAN PERMAINAN KANAK-KANAK PERLU
DALAM KEADAAN SELAMAT DAN BERFUNGSI DENGAN BAIK**

210. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan jadual penyelenggaraan dan baik pulih semua taman-taman di atas di DUN Selat Klang
- b) Untuk mengatasi masalah vandalisme di taman-taman tersebut apakah pelan tindakan kerajaan?
- c) Bagi memastikan kesejahteraan rakyat di bandar, berapa peruntukan yang disediakan oleh kerajaan?

JAWAPAN:

- a) Kerja-karya penyelenggaraan dan baikpulih taman-taman permainan dilakukan secara:
 - i. Sebutharga terbuka (tahunan) – bagi kerja-karya membekal dan memasang komponen baru.
 - ii. Jabatan (in-house) – pemantauan harian oleh Unit Kemudahan Rekreasi yang akan melakukan kerja-karya modifikasi, membawa keluar komponen yang merbahaya dan kerja-karya penyelenggaraan am yang lain.

Pada tahun ini, Majlis Perbandaran Klang telah mengambil tindakan pembaikan kepada 10 buah taman permainan di dalam kawasan DUN Selat Klang termasuk menaiktaraf sebuah padang di Jalan Kiyai Khusairi 4, Taman Aneka Baru kepada Padang Cergas.

- b) MPK mengenakan syarat permohonan membekal alat permainan bersepadu baru yang dimohon oleh individu mestilah dibuat melalui Persatuan Penduduk untuk mewujudkan kerjasama dan sikap tanggungjawab masyarakat supaya sama-sama menjaga dan menghargai kemudahan yang dibekalkan oleh Majlis.
- c) Kerajaan Negeri sentiasa menitikberatkan kesejahteraan rakyat melalui pelbagai usaha yang dilaksanakan oleh PBT seperti membaikpulih taman, membina gelanggang sukan, outdoor gym dan sebagainya. Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan pembinaan Padang Cergas sebanyak RM1,165,040.00.

Selain itu, PBT juga telah mensyaratkan kepada pemaju untuk menyediakan kemudahan taman permainan di kawasan perumahan baru.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 Kampung Tunku)**

TAJUK : KELUASAN TANAH RIZAB MELAYU

211. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Terangkan latar belakang, sejarah dan undang-undang yang berkaitan dengan pentadbiran tanah rizab Melayu di Selangor dan berikan keluasan tanah rizab Melayu yang diwartakan di Selangor setiap tahun mengikut daerah sejak tahun 2000.

JAWAPAN:

- a) Tanah Rizab Melayu (TRM) mula diperkenalkan melalui Undang-Undang Tanah Rizab Melayu pada 1 Januari 1914 apabila Enakmen Rizab Melayu 1913 (ERM 1913) dikuatkuasakan dinegeri-negeri yang dahulunya dikenali dengan nama Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (**NMB**) iaitu Perak, **Selangor**, Negeri Sembilan dan Pahang. Enakmen Rizab Melayu 1913 ini telah dimansuhkan mulai dari 15 Disember 1933 dan digantikan dengan ERM 1933. Pada tahun 1935, ERM 1933 ini telah disemak dan diterbitkan semula sebagai **ERM (NMB Bab 142)** dan digunakan sehingga ke hari ini.

Berikut adalah Undang-undang yang terpakai bagi TRM, iaitu:

- 1) Enakmen Rizab Melayu [NMB Bab.142] (Selangor) atau *Malay Reservation Enactment [FMS Cap. 142] (As Applicable to the State of Selangor)*
- 2) Perlembagaan Persekutuan
- 3) Kanun Tanah Negara, 1965
- 4) Kaedah-Kaedah Tanah Selangor, 2003 (Pindaan 2005 dan Pindaan 2007)

Jumlah keluasan Tanah Rizab Melayu (TRM) yang diwartakan di Selangor setiap tahun mengikut Daerah semenjak tahun 2000 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A**REKOD PEWARTAAN, PEMBATALAN DAN PENGGANTIAN TANAH RIZAB MELAYU DI BAWAH
SEKSYEN 3 DAN 4 ENAKMEN RIZAB MELAYU YANG TELAH DIWARTAKAN DARIPADA TAHUN 2000
SEHINGGA TAHUN 2014**

Daerah	Pewartaan	Pembatalan	Penggantian
	Luas		
Klang	Tiada	36.8 ekar	26.7 ekar
Hulu Langat	72.508 ekar	22.395 ekar	23.610 ekar
Hulu Selangor	Tiada	754.307 ekar	783.997 ekar
Kuala Langat	558 ekar	7.468 ekar	10.015 ekar
	Tiada	3,392.33 ekar	3,800.37 ekar
Hulu Langat	8.034 ekar	5.250 ekar	5.250 ekar
Kuala Selangor	250.564 ekar	5.001 ekar	5.001 ekar (Sabak Bernam)
Sabak Bernam	53.031 ekar	Tiada	Tiada

Sumber : Bahagian Perundangan, PTGS

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 Dengkil)**

TAJUK : GERAI DI TEPI JALAN

212. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha kerajaan negeri untuk membantu peniaga gerai di tepi jalan?
- b) Nyatakan bantuan-bantuan yang kerajaan negeri sediakan kepada peniaga gerai di tepi jalan?

JAWAPAN:

- a) Antara usaha Kerajaan Negeri melalui PBT adalah PBT akan mengkaji permohonan lesen penjaja di tepi jalan sama ada ia boleh diluluskan mahupun ditolak melihat kepada kesesuaian lokasi yang dimohon. Penjaja-penjaja ini juga adalah digalakkan untuk memohon di tapak penjaja sementara yang disediakan selain memberi peluang berniaga di pasar malam dan pasar pagi dalam kawasan pentadbiran PBT tertakluk kepada kekosongan. PBT juga mengadakan tempat perniagaan gerai setempat (Food Court) seperti penyusunan semula penjaja dan membuat perancangan dengan mengadakan tapak peniaga kecil dalam kawasan perumahan baru.
- b) Bantuan yang boleh diberikan kepada penjaja di tepi jalan ialah boleh dilaksanakan dalam bentuk memudahkan permohonan pengeluaran lesen kepada penjaja-penjaja ini bagi memastikan mereka dapat menjalankan perniagaan di kawasan yang dipohon. Walau bagaimanapun, lokasi yang dipohon mestilah berada di lokasi yang sesuai, tidak membahayakan pengunjung dan peniaga dan tidak menyebabkan kesesakan lalu lintas dan tidak mengganggu gugat orang sekeliling.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 Paya Jaras)**

**TAJUK : TANAH RIZAB KERETAPI TANAH MELAYU (KTM) DI KAMPONG
MATANG PAGAR DIBANGUNKAN PREMIS PERNIAGAAN**

213. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan kerajaan negeri untuk membanteras binaan haram di atas tanah rizab?
- b) Bagaimanakah kawalan oleh pihak kerajaan negeri ke atas peneroka tanah rizab yang melanggar syarat guna tanah?

JAWAPAN:

- a) Perbadanan Aset Keretapi (PAK) sering memantau rizab keretapi bersama Pentadbir Tanah Gombak secara berkala.

Notis 425 Pendudukan secara tidak sah, dll., Tanah Kerajaan, tanah rizab atau tanah perlombongan telah dihantar kepada peneroka di atas tanah rizab KTM.

- b) Operasi bersama KTM telah dilaksanakan bagi membanteras binaan haram di atas rezab KTM mengikut aduan yang telah dibuat oleh Perbadanan Aset Keretapi (PAK)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 Bukit Gasing)**

TAJUK : AKTIVITI PERNIAGAAN HARAM DI SEKSYEN 18, PETALING JAYA

214. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Butirkan bilangan premis yang disalah guna untuk menjalankan perniagaan tanpa kelulusan di Seksyen 18?
- b) Apakah tindakan yang telah diambil dalam tahun 2014 untuk membanteras aktiviti ini. Sila beri tarikh-tarikh tindakan tersebut?
- c) Apakah tindakan susulan yang akan diambil selepas ini?

JAWAPAN:

- a) Jumlah premis kediaman yang terlibat ialah sebanyak 24 premis.
- b) Tindakan yang diambil adalah seperti berikut :
 - i. Kompaun tanpa lesen - 48
 - ii. Sitaan tanpa lesen - 3
 - iii. Notis salahguna bangunan - Rujuk Jabatan Perancangan Pembangunan
 - iv. Notis sambungan haram - Rujuk Jabatan Kawalan Bangunan

Tindakan yang diambil adalah sepanjang tahun 2014, bermula daripada Januari.

- c) Tindakan susulan secara berterusan akan dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 Sungai Air Tawar)**

TAJUK : ANCAMAN AJARAN SESAT

215. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri untuk membanteras ajaran sesat di Selangor ?
- b) Senaraikan tindakan yang kerajaan negeri laksanakan bagi tujuan menyekat penyebaran ajaran sesat di Selangor ?

JAWAPAN:

- a) Antara usaha yang telah dilakukan;
 - i) Merangka pelan tindakan dan modul bagi memantapkan akidah umat Islam,
 - ii) mengetengahkan kepada masyarakat secara terancang dan tersusun perkara-perkara yang boleh membatalkan akidah Ahli Sunnah Wal Jammah,
 - iii) memberi penjelasan kedudukan sebenar Islam dalam mendepani isu-isu melibatkan akidah, syariah dan akhlak melalui khutbah, wacana, seminar dan bengkel,
 - iv) menyediakan penceramah-penceramah pakar dalam bidang akidah untuk berhadapan dengan mana-mana kumpulan ajaran sesat dan memberi penjelasan kepada masyarakat dan melaksanakan latihan untuk mereka,
 - v) mempertingkatkan dakwah untuk memberi penjelasan dan berhadapan dengan sebarang bentuk penyebaran fahaman mahupun dakyah agama lain sehingga ke akar umbi,
 - vi) menguatkuasakan Enakmen Jenayah Syariah 1995 atas mana-mana seksyen kesalahan berkaitan.
- b) Antara tindakan yang dilaksanakan bagi tujuan menyekat penyebaran ajaran sesat;
 - i) Membentangkan hasil-hasil kajian untuk dibentang kepada Jawatankuasa Fatwa,
 - ii) Memberi penjelasan mengenai bahaya ajaran sesat atau mana-mana ajaran sesat yang telah difatwakan kepada masyarakat melalui khutbah,

forum, seminar dan lain-lain medium yang boleh menyampaikan keburukan ajaran sesat kepada agama, bangsa dan negara,

- iii) mengeluarkan modul dan buku akidah untuk memberi penjelasan kepada masyarakat mengenai akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang sebenar,
- iv) memanggil kumpulan atau pengikut yang terlibat dengan ajaran sesat untuk mendapatkan penjelasan dan menasihati mereka untuk meninggalkan ajaran sesat tersebut,
- v) meminta institusi masjid dan NGO bekerjasama untuk memberi penjelasan kepada masyarakat mengenai bahayanya ajaran sesat kepada masyarakat,
- vi) mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah Enakmen Jenayah Syariah 1995.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 Meru)**

**TAJUK : KEBAJIKAN KEPADA PETUGAS PKM, JKKK, KETUA KAMPUNG DAN
AHLI MAJLIS.**

216. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah setiap mereka dicarumkan SOCSO atau Insurans?
- b) Apakah ada halangan setiap mereka untuk dilindungi dalam skim tersebut dan apakah alternatifnya?
- c) Apakah skim kebajikan kepada petugas ini?

JAWAPAN:

- a) Pada 26 Mei 2011, Seksyen Sektor, UPEN telah mengarah dan memaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 8/2011 yang diadakan pada 2 Mac 2011 telah menimbang dan meluluskan cadangan mewajibkan caruman insuran secara berkelompok bagi setiap Ketua Kampung/Pengerusi JKKK dan Ketua Komuniti Kaum India Negeri Selangor.

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB) telah dipersetujui untuk menguruskan dan Caruman Insuran yang telah diluluskan merupakan Skim Komprehensif Takaful Selangor (SKTS) Insuran Berkumpulan yang mengenakan caj sebanyak RM30.00 seorang untuk tempoh setahun secara perkongsian 50:50 di antara Kerajaan Negeri dan pencarum.

Pada 15 Jun 2011, Pejabat Daerah/Tanah Klang telah mengeluarkan cek di atas nama Syarikat Takaful Malaysia Berhad berjumlah RM1,290.00 secara perkongsian 50:50.

Pada 24 November 2011, Syarikat Takaful Malaysia Berhad telah mengeluarkan sijil seperti berikut :

Nombor Sijil : 379111001079,
Nama Produk : *Group Term Family*

Walau bagaimanapun Skim Komprehensif Takaful Selangor (SKTS) Insuran Berkumpulan ini telah tamat pada 3 Oktober 2012. Adalah disyorkan agar pembaharuan skim dapat dibuat pada tahun 2015.

Bagi Petugas PKM, pencaruman di bawah SOCSO atau Insuran adalah di bawah Pejabat DUN masing-masing memandangkan setakat tiada dasar pelaksanaannya di bawah Pejabat Daerah/Tanah Klang.

- b) Untuk keperluan Ketua Kampung, JKKK dan Ketua Komuniti India, adalah disyorkan agar pembaharuan skim insuran berkenaan dapat diperbaharui untuk dilaksanakan pada tahun 2015 kelak.

Bagi pencaruman SOCSO atau Insuran untuk Petugas PKM, tiada halangan ke atas pelaksanaannya. Walau bagaimanapun, ia adalah mengikut kepada keputusan atau dasar Kerajaan Negeri jua.

- c) Setakat 15 November 2014, tiada skim kebajikan yang dilaksanakan kepada petugas PKM.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 Sungai Pelek)**

TAJUK : KOMPLEKS SUKAN

217. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor merancang untuk membina sebuah Kompleks Sukan di bahagian selatan bawah DUN Sg Pelek memandangkan bilangan penduduk yang semakin bertambah ?

JAWAPAN:

- a) Pihak kerajaan negeri perlu mengkaji dari semua aspek termasuk keperluan semasa dan peruntukan semasa bagi pembinaan serta pembangunan kemudahan sukan di bahagian selatan bawah DUN Sg Pelek memandangkan keperluan kompleks sukan ini juga amat penting bagi membolehkan penduduk di kawasan tersebut menjalankan aktiviti sihat pada masa-masa akan datang. Buat masa ini Daerah Sepang telah mempunyai Kompleks Sukan di Bandar Baru Salak Tinggi yang menjadi pusat aktiviti sukan seperti Bola Sepak, Olahraga dan lain-lain bagi tujuan beriadah dan juga bersukan. Meskipun bilangan penduduk yang bertambah, kesedaran untuk sentiasa melakukan aktiviti riadah dan juga bersukan adalah penting untuk meningkatkan tahap kesihatan mereka.

Oleh yang demikian, satu kajian terperinci perlu dijalankan untuk merancang dan membina sebuah Kompleks Sukan ini bagi memastikan kemudahan yang disediakan itu nanti akan memberi manfaat kepada keseluruhan komuniti termasuk penduduk dan atlet-atlet sukan prestasi tinggi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 Semenyih)**

TAJUK : SISTEM SALIRAN DAN PARIT

218. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan setahun bagi penyelenggaraan sistem saliran dan parit di Selangor?
- b) Senaraikan lokasi dan kos penyelenggaraan sistem saliran dan parit mengikut PBT dari 2013 hingga 2014?

JAWAPAN:

- a) Sejumlah RM20.3 juta peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor bagi kerja- kerja penyelenggaraan sistem saliran dan parit di Negeri Selangor.
- b) Lokasi dan kos penyelenggaraan sistem saliran dan parit dari 2013 hingga 2014 mengikut PBT adalah di bawah seliaan dan tanggungjawab PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 Hulu Kelang)**

TAJUK : R&D BAGI HERBA KHASNYA BELALAI GAJAH

219. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selain daripada FRIM dan MARDI, apakah rancangan kerajaan bagi R&D tumbuhan herba khasnya belalai gajah?
- b) Apakah rancangan kerajaan dalam bidang R&D terhadap belalai gajah sebagai mencegah penyakit barah?
- c) Berapakah dana R&D yang diperuntukkan bagi kajian terhadap herba khasnya belalai gajah?

JAWAPAN:


- a) Peranan '*Research & Development*' ini bukan dibawah fungsi atau bidang kuasa Jabatan Pertanian. Namun begitu Pihak Jabatan Pertanian menggalakkan penanaman herba sebagai sumber baru pertanian dan turut menawarkan insentif untuk petani yang ingin melaksanakan projek-projek penanaman herba.

Program Pembangunan Tanaman Herba yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian adalah dibawah **Projek Pembangunan Industri Tanaman Herba / Perhutani** dimana skop insentif tertumpu kepada kaedah penanaman yang sistematik dan berteknologi . Ianya merangkumi aktiviti pertanian hulu (upstream) dan pertanian hiliran (downstream). Di antara jenis herba yang mendapat menjadi tumpuan jabatan pada masa kini adalah tanaman yang mendapat permintaan tinggi seperti serai, mas cotek, stevia, limau kasturi dan limau purut. Anggaran insentif adalah RM 20,000.00/hektar.

Maklumat Tambahan:

PERANAN JABATAN PERTANIAN BAGI TEMPOH 2011-2015

Peranan Jabatan Pertanian dalam pembangunan industri pertanian akan ditumpukan kepada khidmat kepakaran teknikal dan pemindahan teknologi kepada pelanggan dan golongan sasaran seperti ditunjukkan dalam gambarajah dibawah:



Berikut adalah hala tuju Jabatan Pertanian bagi tempoh 2011 – 2015 berteraskan kepada hala tuju strategik Dasar Pertanian Negara Keempat (DPN4):

1. Meningkatkan pengeluaran dan produktiviti tanaman dan industri hiliran
2. Mempergiatkan aktiviti pemprosesan berasaskan pertanian dan kepelbagaian produk
3. Pengukuhan rantai bekalan sub-sektor tanaman makanan
4. Memperluaskan amalan pertanian mesra alam
5. Pembangunan sumber manusia berkualiti
6. Memperkukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan melalui Sistem Pengembangan Tekno Pertanian (SPTP)

b) Peranan ini bukan di bawah fungsi atau bidang kuasa Jabatan Pertanian

c) Peranan ini bukan di bawah fungsi atau bidang kuasa Jabatan Pertanian

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 Balakong)**

TAJUK : ANJING LIAR

220. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan menyediakan pelan komprehensif untuk mengatasi masalah anjing liar yang semakin membimbangkan?
- b) Nyatakan cara yang digunakan untuk mengatasi masalah ini dan keberkesananannya mengikut PBT masing-masing
- c) Senaraikan jumlah perbelanjaan untuk mengatasi masalah ini mengikut PBT masing-masing

JAWAPAN:

a) b) dan c)

Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan telah mengambil pelbagai langkah yang komprehensif bagi membasmi anjing liar yang semakin membimbangkan. Kerajaan Negeri juga akan menggunakan **Tatacara Operasi Piawai (SOP) Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan** seperti di **Lampiran A** yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT). Antara langkah yang telah diambil adalah seperti di berikut :-

PBT	USAHA-USAHA PBT MENANGANI PENINGKATAN ANJING LIAR	KOS PERBELANJAAN (RM)
MBSA	I. Penggunaan umpan dan perangkap. II. Penggunaan sumpitan pelali. III. Penggunaan penjerut. V. Lantikan kontraktor penangkapan anjing berkeliaran.	141,010.00
MBPJ	Menubuhkan pasukan kawalan anjing dengan menggunakan peralatan seperti "pole", perangkap anjing dan "netting" sebagai kaedah penangkapan.	43,000.00

PBT	USAHA-USAHA PBT MENANGANI PENINGKATAN ANJING LIAR	KOS PERBELANJAAN (RM)
MPK	Kaedah yang dijalankan di MPK ialah tangkapan secara berkala dan pelupusan anjing liar	80,000.00
MPAJ	Kaedah penangkapan menggunakan alat iaitu 'loop'	60,000.00
MPS	<ul style="list-style-type: none"> I. Melaksanakan program KEMBIRI melalui sistem pelesenan anjing, MPS II. Melaksanakan aktiviti tangkapan secara konvensional (looping). III. Dalam perancangan berkerjasama dengan NGO's bagi melaksanakan program kembiri dan pendidikan untuk member kesedaran kepada orang . V. Mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan pelesenan anjing MPS. V. Menguatkuasakan program pemandulan dalam sistem pelesenan anjing MPS. 	100,000.00
MPSJ	<ul style="list-style-type: none"> I. Menjalankan operasi tangkapan anjing terbiar di lokasi-lokasi yang diadakan dan kawasan sekitar. II. Kaedah tangkapan menggunakan 'rod and loop' serta perangkap anjing yang dikhaskan. III. Jika tiada sebarang tuntutan, anjing-anjing akan dihapuskan dengan menggunakan kaedah 'put to sleep' setelah tamat tempoh kuarantin. V. Setiap tuntutan akan dikenakan sejumlah bayaran termasuk kos makanan anjing-anjing terlibat. V. Penduduk diminta tidak memberi makan kepada anjing-anjing terbiar. 	350,000.00
MPKJ	Kaedah yang digunapakai adalah tangkapan menggunakan tali pencerut perangkap dan makanan beracun mengikut keperluan koperasi. Lebih kurang 180- 250 tangkapan berjaya dilakukan setiap bulan	154,850.00
MPSP	<ul style="list-style-type: none"> I. Diantara kaedah yang akan dilaksanakan adalah melalui pelalian dengan menggunakan kaedah tekanan angin (cadangan baru) II. Perbelanjaan 'put to sleep' untuk anjing yang tidak di tuntutan 	55,000.00
MDKL	<ul style="list-style-type: none"> I. Melantik kontraktor untuk menangkap dan melupus (suntik mati) II. Tangkapan dilakukan oleh Unit Vektor MDKL 	39,960.00

PBT	USAHA-USAHA PBT MENANGANI PENINGKATAN ANJING LIAR	KOS PERBELANJAAN (RM)
MDKS	Tangkapan melalui kaedah jerut dan penguatkuasaan undang-undang ke atas pemilik anjing tidak berlesen	3,200.00
MDHS	I. Operasi berkala tanpa menunggu aduan dari orang awam II. MDHS telah menjalankan operasi pada waktu malam iaitu (2) dua hari dalam seminggu	50,000.00
MDSB	I. Melantik kontraktor untuk menangkap dan melupus (suntik mati) II. Memasang perangkap anjing	26,750.00
JUMLAH		848,920.00

Sehubungan itu, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri dengan kerjasama PBT telah menetapkan sasaran yang jelas dalam mengatasi masalah pembiakan anjing liar di Negeri Selangor iaitu untuk mengurangkan populasi anjing liar dengan melaksanakan kerja-kerja kawalan secara berterusan serta menguatkuasakan undang-undang

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 Semenyih)**

TAJUK : RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK)

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status RKK di kawasan-kawasan yang telah diwartakan di seluruh Selangor?
- b) Adakah terdapat kawasan baru, termasuk kawasan Kampung Tradisi yang telah dirancangan untuk wartakan di bawah RKK dan butir-butir kawasan tersebut?
- c) Apakah kelebihan dan manfaat yang boleh diharapkan dan direalisasikan dengan pelaksanaan RKK?

JAWAPAN:

- a) Ahli-ahli Yang Berhormat, Rancangan Kawasan Khas (RKK) merupakan suatu rancangan pemajuan yang disediakan bagi kawasan yang mempunyai kepentingan khusus kepada Pihak Berkuasa Tempatan dalam masa yang singkat untuk tujuan perlaksanaan iaitu bagi tujuan sama ada untuk memaju, memajukan semula, memperelokkan lagi atau memelihara atau bagi tujuan pengurusan sebagaimana di bawah peruntukkan seksyen 16B, Akta 172. Sehingga kini terdapat 6 buah RKK yang telah diwartakan seperti:
 - i) **Rancangan Kawasan Khas Bestari Jaya (2004-2020)**
Rancangan Kawasan Khas ini disediakan bagi memberi tumpuan kepada kawasan pembangunan sekitar dan menaik taraf sektor pendidikan terutama institusi pengajian tinggi selaras wawasan Kerajaan Negeri untuk menjadikan Bestari Jaya sebagai Bandar Ilmu Negeri Selangor
 - ii) **Rancangan Kawasan Khas Bandar Pelabuhan Klang 2015**
Bertujuan menghasilkan susun atur perancangan yang lengkap sebagai panduan pembangunan untuk meningkatkan imej dan karektor Bandar Pelabuhan Klang sebagai Bandar Perkhidmatan Pelabuhan dan sebagai pintu masuk utama ke Selangor.
 - iii) **Rancangan Kawasan Khas Bandar Kuala Kubu Bharu 2015**
Perancangan pembangunan Bandar Kuala Kubu Bharu sebagai Bandar Dalam Taman Menjelang 2015 yang mempunyai sumber-sumber alam semulajadi dan binaan yang mempunyai kepentingan alam sekitar, warisan dan keindahan.

iv) Rancangan Kawasan Khas Seksyen 13, Petaling Jaya

Pembangunan Seksyen 13 bertujuan untuk memperbaiki persekitaran fizikal yang dahulunya adalah kawasan perindustrian serta menjadikan Seksyen 13 sebagai hub perdagangan yang dikenali sebagai 'Taman Perdagangan'.

v) Rancangan Kawasan Khas Kampung Sungai Pusu 2020

Bertujuan untuk merancang serta mengawal aktiviti pembangunan guna tanah dengan memberi penekanan kepada aspek-aspek pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar ke arah mewujudkan komuniti sejahtera serta persekitaran yang mampan. Kajian ini akan membantu pihak berkuasa tempatan untuk mengawal pembangunan di kawasan tersebut supaya lebih teratur dan mematuhi segala garis panduan perancangan khusus bagi kawasan tersebut.

vi) Rancangan Kawasan Khas Kawasan Perindustrian Sungai Choh 2020

Penyediaan kajian ini bertujuan untuk menjadikan kawasan perindustrian Sungai Choh sebagai 'Hab Industri Jaluran Pembangunan Automotif' dengan industri sokongan dan kluster industri lain bersesuaian berteknologi tinggi dan lestari.

b) Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat satu RKK yang dirancang yang melibatkan Kampung Tradisi iaitu Draf RKK Sungai Ramal Dalam, Kajang 2020. Kajian RKK Kampung Sungai Ramal Dalam melibatkan kawasan seluas 282.8 hektar. Kajian RKK ini merupakan kawasan rizab Melayu yang dikelilingi oleh pembangunan pesat Bandar Baru Bangi (selatan), Kajang (timur), penempatan elit Country Height dan pusat pentadbiran Putrajaya (barat). Kawasan ini juga terletak di dalam kawasan 'Greater Kuala Lumpur' yang bakal berubah wajah daripada imej kampung ke penempatan lengkap dengan kemudahan berkualiti dan serasi dengan pembangunan di sekitarnya. Justifikasi penyediaan RKK Sungai Ramal Dalam, Kajang 2020;

1. Setaraf dengan pembangunan pesat di kawasan sekitarnya yang berpotensi untuk dibangunkan dan kawasan yang mempunyai isu serta halangan memerlukan perancangan dan panduan yang lebih teliti;
2. Kawasan RKK merupakan Tanah Rizab Melayu (TRM) Kategori 1 yang kebanyakan lot tanahnya bersaiz kecil. Oleh yang demikian, pembangunan yang dijalankan juga berskala kecil dan tidak dapat menyediakan beberapa kemudahan masyarakat yang diperlukan oleh keseluruhan kawasan. Perancangan yang komprehensif diperlukan bagi mengenal pasti penyediaan kemudahan-kemudahan masyarakat untuk dikongsi bersama serta memenuhi peruntukan-peruntukan perancangan yang berkaitan; dan
3. Aktiviti guna tanah yang bercampur terutamanya aktiviti industri dan bengkel sering menimbulkan konflik kepada penduduk serta alam sekitar. Kawalan ke atas aktiviti yang menimbulkan konflik ini perlu dilaksanakan.

Sehingga kini, Kajian RKK ini telah dipublikiti dan seranta bermula dari 15hb Februari 2014 hingga 15hb Mac 2014 dan seterusnya proses Mesyuarat Jawatankuasa Pendengaran dan Siasatan akan dijalankan.

- c) Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, penyediaan RKK adalah merupakan instrumen atau *planning tools* dengan izin, untuk menyusun dan menambah baik dan menjadi panduan perancangan bagi kawasan yang dikenal pasti untuk tindakan segera. Di dalam menyediakan RKK ini pelbagai aspek dikaji secara bersepadu dengan mengambil kira pemilik terlibat, kaedah pelaksanaan, kewangan terlibat, projek penambahbaikan sedia ada atau projek baru, halangan-halangan, kesan dan agensi pelaksana yang diterjemahkan secara terperinci. Sekiranya, RKK ini dapat dirangka dan dilaksanakan sebagaimana cadangan, semua pihak terlibat akan mendapat manfaatnya dan menyediakan persekitaran yang lebih selesa dan kualiti hidup juga dapat ditingkatkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 Lembah Jaya)**

TAJUK : AHLI MAJLIS PBT

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah yang menyebabkan berlakunya kekosongan yang agak lama untuk jawatan Ahli Majlis?
- b) Apakah kriteria untuk menjadi Ahli Majlis?
- c) Huraikan jumlah mengikut PBT mengapa permohonan untuk menjadi Ahli Majlis ditolak.

JAWAPAN:

- a) Kekosongan jawatan Ahli majlis yang agak lama adalah berikutan pencalonan yang belum atau lambat diterima daripada parti-parti komponen Pakatan Rakyat.
- b) Kriteria asas pemilihan Ahli Majlis adalah berdasarkan Garis Panduan Kriteria Pemilihan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor yang dikuatkuasakan melalui Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) PBT: SPBT Bil. 2/2013 mulai tarikh 5 September 2013.

Kriteria Utama Pemilihan Ahli Majlis adalah seperti berikut:-

1) Kelayakan:

- i) Ahli Majlis yang dicalonkan mestilah warganegara Malaysia dan fasih berbahasa Melayu;
- ii) Had umur minimum bagi pencalonan Ahli Majlis adalah 21 tahun;
- iii) Hendaklah bermastautin di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan sekurang-kurangnya lima (5) tahun atau menetap di daerah bersebelahan;
- iv) Hendaklah bukan di kalangan kakitangan Kerajaan;
- v) Ahli Majlis yang dicalonkan untuk dilantik hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai kelayakan akademik minimum Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
- vi) Calon perlu menduduki dan lulus Ujian Asas yang akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemilihan.

2) Pengalaman:

- i) Ahli Majlis yang dicalonkan hendaklah mempunyai pengalaman luas dalam hal ehwal kerajaan tempatan; atau
 - ii) Telah memperolehi kejayaan terpuji dalam sesuatu profesion, perdagangan atau perindustrian, ataupun yang mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan komuniti mereka dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.
- c) Jumlah kekosongan dan sebab-sebabnya di PBT adalah seperti di **Jadual 1**. Sehingga 1 November 2014 seramai 272 daripada 279 kekosongan Ahli Majlis telah pun diisi dan calon yang ditolak adalah kerana tidak memenuhi kriteria seperti yang ditetapkan dalam Garis Panduan Kriteria Pemilihan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.

STATUS KEDUDUKAN AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN,UPEN
BAGI PENGGAL 2014/2015
PADA 26FEBRUARI 2014 (RABU) JAM 9.45 PAGI
HASIL SEMAKAN BERSAMA TP SPBT

PBT	BIL. KERUSI PENUH	KEKOSONGAN KERUSI	KUOTA KERUSI AHLI MAJLIS					KERUSI YANG DIISI						KEKOSONGAN KERUSI						DALAM SEMAKAN			UJIAN ASAS			LOST	PARTI LOST	
			YDP	OBD	DAP	PKR	PAS	YDP	OBD	DAP	PKR	PAS	JUM.	YDP	OBD	DAP	PKR	PAS	JUM.	DAP	PKR	PAS	DAP	PKR	PAS			
MBSA	25	4	1	1	5	11	7	1	1	4	8	7	21	0	0	0	2	0	2	1	0	0	0	1	0	√		
MBPJ	25	5	1	-	7	13	4	1	0	7	8	4	20	0	0	0	5	0	5	0	0	0	0	0	0	-1	PKR	
MPK	25	9	1	1	8	10	5	1	1	7	4	3	16	0	0	0	6	1	7	0	0	0	1	0	1	-1	PKR	
MPAJ	24	6	1	-	6	11	7	0	0	6	4	7	17	1	0	0	7	0	8	0	0	0	0	0	0	√		
MPSJ	25	5	1	-	11	9	3	1	0	10	6	3	20	0	0	0	2	0	2	1	0	0	0	1	0	√		
MPS	25	6	1	1	5	11	6	1	1	4	7	6	19	0	0	0	5	0	5	0	0	0	1	0	0	√		
MPKJ	25	6	1	1	8	9	6	1	1	6	6	5	19	0	0	1	3	1	5	1	0	0	0	0	0	-2	PKR	
MPSP	25	7	1	1	10	10	5	1	1	5	6	5	18	0	0	2	2	0	4	2	0	0	1	0	0	√		
MDKL	25	7	1	1	8	9	6	1	1	6	4	6	18	0	0	0	5	0	5	0	0	0	2	0	0	√		
MDHS	25	4	1	1	8	10	5	1	1	6	8	5	21	0	0	0	2	0	2	0	0	0	2	0	0	√		
MDKS	25	4	1	1	7	9	7	1	1	6	6	7	21	0	0	1	2	0	3	0	0	0	0	1	0	-1	DAP	
MDSB	25	6	1	1	9	8	6	1	1	5	6	6	19	0	0	0	2	0	2	0	0	0	4	0	0			
JUMLAH	299	69	12	9	92	120	67	11	9	72	73	64	229	1	0	4	43	2	50	5	0	0	11	3	1			
	-1 (YDP MPAJ)		21		279			229							1	49				5			15					
			300											-1 (YDP MPAJ)	69											5		
			69																									

JADUAL 1

**STATUS KEDUDUKAN AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN,UPEN
BAGI PENGGAL 2014/2015
PADA 11 OKTOBER 2014 (ISNIN) JAM 3.00 PTG**

PBT	BIL. KERUSI PENUH	KUOTA KERUSI AHLI MAJLIS				KERUSI YANG DIISI				KEKOSONGAN KERUSI				CATATAN
		DAP	PKR	PAS	JUM.	DAP	PKR	PAS	JUM.	DAP	PKR	PAS	JUM.	
MBSA	25	5	11	7	23	5	10	7	22	0	1	0	1	Calon tidak memenuhi kriteria dan masih menunggu calon baru.
MBPJ	25	7	13	4	24	7	13	4	24	0	0	0	0	-
MPK	25	8	10	5	23	8	10	4	22	0	0	1	1	Pelantikan ditangguhkan
MPAJ	25	6	11	7	24	5	11	7	23	1	0	0	1	Menunggu senarai nama
MPSJ	25	11	10	3	24	11	10	3	24	0	0	0	0	-
MPS	25	5	12	6	23	5	12	6	23	0	0	0	0	-
MPKJ	25	8	9	6	23	7	9	6	22	1	0	0	1	Menunggu senarai nama
MPSP	25	10	8	5	23	9	8	5	22	1	0	0	1	Menunggu senarai nama
MDKL	25	8	9	6	23	7	9	6	22	1	0	0	1	Menunggu senarai nama
MDHS	25	8	10	5	23	8	10	5	23	0	0	0	0	-
MDKS	25	7	9	7	23	6	9	7	22	1	0	0	1	Menunggu senarai nama
MDSB	25	9	8	6	23	9	8	6	23	0	0	0	0	-
JUMLAH	300	92	120	67	279	87	119	66	272	5	1	1	7	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 Batu Tiga)**

TAJUK : MAHKAMAH SYARIAH

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah bilangan kes-kes Mahkamah Syariah yang telah tertangguh sehingga kini?
- b) Apakah punca-punca kes tertangguh?
- c) Apakah usaha dan peruntukan belanjawan Selangor 2015 bagi mengatasi punca-punca yang dinyatakan di (b)?

JAWAPAN:

- a) Jumlah bilangan kes-kes mahkamah syariah yang telah tertangguh sehingga kini adalah sebanyak 10, 048 kes bagi kes mal dan 3,082 bagi kes jenayah.
- b) Punca-punca Kes Tangguh boleh dibahagikan kepada 4 kategori iaitu berpunca daripada pihak-pihak (Plaintif/Defendan/Pemohon/Responden/Perayu/Saksi), Peguam Syarie, Pendakwah Syarie dan Mahkamah.

1. Pihak-pihak (Plaintif/Defendan/Pemohon/Responden/Perayu/Saksi)

Antara punca-punca yang disebabkan oleh pihak-pihak pada kebiasaannya adalah disebabkan oleh masalah pihak-pihak tidak menghadirkan diri semasa prosiding dalam mahkamah, kegagalan melantik Peguam Syarie bagi membantu pihak-pihak mengendalikan kes. Hadir lewat ke mahkamah walaupun telah ditetapkan waktu kehadiran yang menyebabkan kes telah disebut dan mahkamah terpaksa memberi tarikh tangguhan lain bagi memberi peluang kepada pihak-pihak untuk menghadirkan diri.

Selain itu, kegagalan Plaintif/Pemohon memberikan alamat terkini Defendan/Responden kepada mahkamah untuk urusan-urusan berkaitan akan menyebabkan ketidakhadiran Defendan/Responden untuk hadir ke mahkamah kerana tidak mengetahui tarikh prosiding yang telah ditetapkan.

Pihak-pihak yang tidak diwakili oleh Peguam Syarie biasanya menyumbang kepada kegagalan mematuhi arahan mahkamah seperti

dokumen difailkan tidak lengkap, dokumen gagal difailkan tepat pada masanya dan kegagalan untuk mengemukakan bahan-bahan bukti kepada Mahkamah sehingga menyukarkan hakim untuk membuat keputusan.

2. **Peguam Syarie**

Antara punca-punca yang disebabkan oleh Peguam Syarie pada kebiasaannya adalah disebabkan oleh masalah kegagalan menghadiri kes di Mahkamah kerana Peguam Syarie menghadiri kes di mahkamah yang lain, permohonan tangguhan atas urusan peribadi atau anak guam, menghadiri kursus/seminar, kegagalan memfailkan dokumen pada tempoh yang ditetapkan, Peguam Syarie tidak memaklumkan tarikh bicara kepada anak guam, Peguam Syarie menarik diri daripada mewakili anak guam semasa prosiding kes masih berjalan dan belum selesai sehingga memaksa anak guam memohon mahkamah menangguhkan kes bagi melantik Peguam Syarie yang lain.

Terdapat segelintir peguam yang tidak memahami dan tidak mematuhi prosedur undang-undang dan Peguam Syarie yang gagal mematuhi arahan seperti dokumen difailkan tidak lengkap, dokumen gagal difailkan tepat pada masanya dan kegagalan mengemukakan bahan-bahan bukti kepada mahkamah sehingga menyukarkan hakim untuk membuat keputusan.

3. **Pendakwa**

Antara punca-punca yang disebabkan oleh Pendakwa pada kebiasaannya adalah disebabkan oleh masalah kegagalan pelaksanaan waran tangkap, kegagalan penyerahan saman/notis kerana ketiadaan alamat terkini Tertuduh, Tertuduh menghilangkan diri dan gagal dikesan, dan Pendakwa menghadiri kursus/seminar.

4. **Mahkamah**

Antara punca-punca yang disebabkan oleh Mahkamah pada kebiasaannya adalah disebabkan oleh masalah kekosongan perjawatan Hakim yang masih belum diisi, kekurangan perjawatan Hakim di Mahkamah Syariah Selangor untuk mengendalikan kes-kes di seluruh Negeri Selangor yang semakin meningkat dan tidak dapat ditampung dengan jumlah hakim yang sedia ada.

Punca lain adalah disebabkan oleh masalah kegagalan penyerahan saman/notis kepada pihak-pihak kerana ketiadaan alamat terkini pihak-pihak dan masalah kekurangan Penghantar Notis yang boleh menyegerakan penyampaian notis/saman.

- c) Bagi mengatasi punca-punca masalah yang dinyatakan di (b) tadi, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) telah mengambil beberapa langkah atau usaha bagi membuat penambahbaikan, antaranya ialah JAKESS telah melantik 60 jawatan kontrak daripada berbagai-bagai jawatan yang dibiayai oleh Lembaga Zakat Selangor dan dilantik oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK) mulai 1 November 2013.

JAKESS juga telah menubuhkan satu lagi mahkamah Syariah baru iaitu Mahkamah Syariah Ampang yang mula beroperasi pada 10 Jun 2014 bagi menyelesaikan masalah kes-kes tertunggak yang tinggi di Mahkamah Syariah Hulu Langat dengan kekuatan Hakim dan kakitangan sokongan yang dilantik secara kontrak.

Selain itu, JAKESS telah menggubal danewartakan kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014 pada 8 Mei 2014 bagi melancarkan prosedur kes-kes Permohonan Perceraian berdasarkan Seksyen 47 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003. Berdasarkan kaedah ini, kes-kes tuntutan cerai dengan lafaz talak yang melibatkan kehadiran suami dan isteri boleh diselesaikan dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh mahkamah membuat sabitan shiqaq.

JAKESS juga telah melaksanakan proses sebutan kes/pengurusan kes di hadapan Pendaftar Mahkamah bagi membantu melancarkan perjalanan prosiding kes di peringkat awal sebelum dipanjangkan kepada Yang Arif Hakim untuk perbicaraan. Proses ini memberi peluang para Hakim untuk menumpukan perhatian kepada perbicaraan kes. Di peringkat ini juga, Pendaftar akan memastikan semua dokumen atau pliding telah lengkap difailkan oleh semua pihak bagi membantu kelancaran perbicaraan kelak.

JAKESS juga telah membuat lantikan beberapa jawatan secara kontrak yang boleh membantu mengurangkan beban tugas hakim, iaitu Jawatan Timbalan Pendaftar, Pegawai Penyelidik Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan penambahan Pegawai Sulh yang boleh membantu mengendalikan Majlis Sulh (proses penyelesaian kes secara persetujuan bersama).

Selain itu, JAKESS juga telah mewujudkan perkhidmatan kaunter runding cara yang dikendalikan oleh pegawai-pegawai Syariah LS 41 yang dilantik secara

kontrak bagi memberikan khidmat nasihat perundangan dan memastikan setiap dokumen yang difailkan di mahkamah adalah menepati kehendak perundangan.

JAKESS juga telah mengambil inisiatif untuk mengadakan pertemuan dan perbincangan berkala bersama dengan PDRM dan agensi kerajaan yang lain bagi mewujudkan jalinan kerjasama yang lebih baik dan berkesan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 Pandamaran)**

**TAJUK : KERETA-KERETA YANG DIPERTUA PIHAK BERKUASA TEMPATAN
DAN PEGAWAI DAERAH**

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menggantikan kereta-kereta baru kepada semua Pegawai Daerah dan YDP pihak berkuasa tempatan memandangkan kereta-kereta mereka telah berumur lebih kurang 8 tahun selaras dengan Selangor sebuah Negeri Maju Jaya.

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan rekod, kenderaan yang digunakan oleh Pegawai-Pegawai Daerah di Negeri Selangor masih lagi dalam tempoh usia yang ekonomik untuk digunakan. Perbendaharaan Negeri telah mempunyai senarai kenderaan-kenderaan Pegawai Daerah yang perlu diganti berdasarkan kepada usia dan penyelenggaraan. Sebarang penggantian bergantung kepada Sijil Perakuan Pelupusan daripada Jabatan Kerja Raya. Bagi kenderaan Yang Dipertua (YDP) pihak berkuasa tempatan, syor penggantian bergantung kepada kemampuan kewangan jabatan masing-masing setelah kenderaan yang sedia ada mendapat Sijil Perakuan Pelupusan daripada Jabatan Kerja Raya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 Jeram)**

TAJUK : INDAH WATER KONSORTIUM (IWK)

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apa status terkini saman IWK terhadap kerajaan negeri ?
- b) Adakah kerajaan negeri masih menggunakan khidmat penuh IWK ?
- c) Apa pelan tindakan kerajaan negeri dalam pertimbangan untuk menambah perkhidmatan pengurusan sisa kumbahan dalam Negeri Selangor ?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan semakan yang dibuat dengan pihak Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor, hanya terdapat satu sahaja kes saman yang melibatkan Indah Water Konsortium (IWK) terhadap Kerajaan Negeri pada tahun 2011. Kes saman tersebut adalah antara Indah Water Konsortium Sdn Bhd lawan Indra a/p Masalamani dan Setiausaha Kerajaan Selangor (Saman No. 72-60-2011) yang difailkan pada 22 April 2011 di Mahkamah Majistret Sepang, Selangor (selepas daripada ini dirujuk sebagai "kes saman tersebut").

Kes saman tersebut adalah berkaitan tuntutan bayaran bagi perkhidmatan pembedungan yang tertunggak kepada IWK sebanyak RM712.00 oleh Defendan Pertama yang merupakan pemilik berdaftar bagi premis yang beralamat di No. 3, Jalan Seroja 14, Taman Seroja, 43900 Sepang, Selangor. Setiausaha Kerajaan Selangor telah dinamakan sebagai Defendan Kedua kerana dikatakan juga sebagai pemilik berdaftar premis yang diduduki oleh Defendan Pertama.

Berdasarkan semakan yang dibuat dengan Pejabat Tanah dan Galian Daerah Sepang, Selangor didapati bahawa premis tersebut telah didaftarkan sebagai hakmilik PN 43831 Lot 14945, Bandar Baru Salak Tinggi atas nama Indra a/p Masalamani dan K. Balakrishnan a/l Kanapathy yang merupakan suatu bangunan kediaman persendirian. Tanah tersebut merupakan tanah persendirian dan bukan tanah milik Kerajaan Negeri.

Sehubungan itu, suatu Perintah di bawah Aturan 14 Kaedah 21(1), Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 telah difailkan di Mahkamah Majistret Sepang oleh Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor untuk mengetepikan kes saman tersebut terhadap Setiausaha Kerajaan Negeri. Memandangkan bahawa perkara ini adalah antara IWK dan pemilik persendirian,

seharusnya Kerajaan Negeri dikecualikan daripada menjadi pihak dalam kes saman tersebut dan pihak IWK tidak mempunyai kausa tindakan yang jelas terhadap Kerajaan Negeri.

Lanjutan daripada itu, pihak IWK telah bersetuju untuk menarik balik tindakan terhadap Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri juga bersetuju untuk menarik balik permohonan Perintah di bawah Aturan 14 Kaedah 21(1), Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 terhadap IWK. Kes saman tersebut telah pun diselesaikan pada 24 Ogos 2011 secara penarikan balik oleh IWK. Selain kes yang dinyatakan ini, pihak Kamar Penasihat Undang-Undang tidak mempunyai apa-apa rekod lain mengenai kes saman IWK terhadap Kerajaan Negeri Selangor.

- b) Ya, pihak IWK adalah satu-satunya pemberi perkhidmatan dalam hal-hal pembetulan di Malaysia termasuk di negeri Selangor.
- c) Kerajaan Negeri memberikan komitmen penuh dan terus bekerjasama dengan Kerajaan Pusat bagi memastikan pengurusan sisa kumbahan sentiasa diurus dengan baik dan dinaiktaraf mengikut keperluan semasa selaras dengan pertumbuhan perbandaran. Pada ketika ini, projek-projek pembetulan di bawah inisiatif Greater Kuala Lumpur / Klang Valley yang sedang giat dilaksanakan dengan pembiayaan oleh Kerajaan Pusat.

Secara umum, projek-projek tersebut melibatkan pembinaan loji-loji serantau yang moden dan berkapasiti besar serta pembinaan rangkaian paip pembetulan bagi menampung kawasan perkhidmatan yang luas. Dengan pembinaan loji-loji serantau ini, loji-loji kecil yang rata-rata terletak di kawasan-kawasan kediaman dapat disambungkan dan ditutup dan ini akan memberi lebih keselesaan kepada orang ramai. Loji-loji serantau yang moden tersebut juga mampu merawat sisa kumbahan bagi mencapai piawaian efluen terkini seperti yang telah digariskan oleh Jabatan Alam Sekitar sekaligus memastikan air sungai dan pantai tidak akan tercemar serta sumber air minuman juga selamat dan terpelihara.

Antara projek-projek pembetulan yang sedang dan akan dilaksanakan adalah projek Kajang II, Langat Centralised Sewage Treatment Plant (CSTP) di sebahagian Lembangan Sungai Langat, Lot 130 Klang, Upper Kerayong, rangkaian paip pembetulan di Petaling Jaya, pembinaan loji serantau dan pembetulan di Puchong.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 Gombak Setia)**

TAJUK : KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah prosedur untuk menggazetkan sesebuah kawasan sebagai kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)?
- b) Adakah kawasan Kg. Kerdas Gombak telah digazetkan sebagai kawasan di bawah pentadbiran MPS?

JAWAPAN:

- a) Prosedur untuk menggazetkan sesebuah kawasan sebagai kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah seperti mana yang dinyatakan dalam Seksyen 3 Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171).

Seksyen 3 Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171):

“Pengisytiharan dan penetapan taraf kawasan–kawasan pihak berkuasa tempatan.

Untuk pentadbiran kerajaan tempatan di bawah Akta ini, Pihak Berkuasa Negeri, dengan berunding dengan Menteri dan Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya, boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta* –

- i. mengisytiharkan mana-mana kawasan dalam Negeri itu menjadi suatu kawasan pihak berkuasa tempatan;
 - ii. memberi suatu nama kepada kawasan pihak berkuasa tempatan itu;
 - iii. menentukan sempadan-sempadan bagi kawasan pihak berkuasa tempatan itu; dan
 - iv. menetapkan taraf pihak berkuasa tempatan itu dan taraf itu adalah taraf Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah.
- b) Ya, keseluruhan kawasan adalah di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Selayang (MPS).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 Batu Tiga)**

TAJUK : ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT 2010

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah keberkesanan Enakmen Kebebasan Maklumat 2010 Selangor dan adakah kes-kes yang telah merujuk kepada Enakmen tersebut diketengahkan oleh mana-mana individu atau institusi?

JAWAPAN:

- a) Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011 telah mula berkuatkuasa pada 5 Mac 2013 yang lalu. Sehingga kini, keberkesanan pelaksanaan Enakmen ini di negeri Selangor boleh dilihat menerusi aspek-aspek berikut:-

- i- Dari segi peruntukan dan penguatkuasaan undang-undang, Pihak Berkuasa Negeri telah meluluskan dua undang-undang subsidiari, iaitu Kaedah-Kaedah Badan Maklumat Negeri (Negeri Selangor) 2012 dan Peraturan-Peraturan Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) (Akses Kepada Maklumat) 2012.

Berdasarkan maklum balas yang diterima sepanjang pelaksanaan Enakmen ini, Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor sedang dalam proses menambahbaik peruntukan undang-undang melalui proses pindaan undang-undang yang berkenaan.

- ii- Dari aspek promosi dan sambutan orang ramai, Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor telah mempromosikan pelaksanaan Enakmen ini melalui laman web Kerajaan Negeri Selangor dan hebahan-hebahan yang ditampal di semua Jabatan / Agensi kerajaan negeri.

Hasil pelaksanaan aktiviti-aktiviti promosi ini, Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor melalui semua Jabatan / Agensi negeri, Badan-Badan Berkanun negeri dan Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan negeri telah menerima sebanyak 143 permohonan untuk mendapatkan maklumat daripada orang ramai yang telah diproses oleh Pegawai-Pegawai Maklumat.

Permohonan untuk mendapatkan maklumat ini turut merangkumi isu-isu sensitif dan utama negeri, seperti isu Perjanjian Air dan Lebuhraya KIDEX. Ini menunjukkan bahawa orang ramai telah mula memahami pelaksanaan Enakmen ini dan mengaplikasikan hak membuat permohonan untuk

mendapatkan maklumat bagi mendapatkan informasi-informasi yang berkaitan dengan mereka.

- iii- Badan Maklumat Negeri yang bertindak selaku Lembaga Rayuan dalam pelaksanaan Enakmen ini akan bersidang dalam waktu terdekat bagi mendengar satu kes rayuan yang dikemukakan oleh pemohon yang tidak berpuas hati dengan maklumat yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri mengenai isu Lebuhraya KIDEX. Ini merupakan kes pertama yang dikemukakan untuk pertimbangan Badan Maklumat Negeri semenjak berkuatkuasanya Enakmen ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 Teratai)**

TAJUK : PERBELANJAAN KESIHATAN DAN PUSAT DIALISIS RAKYAT

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah perbelanjaan Kerajaan Negeri telah digunakan untuk aspek Kesihatan setakat Oktober 2014?
- b) Sila kemukakan senarai bilangan penduduk yang menerima rawatan mengikut setiap Pusat Dialisis Rakyat yang ditubuhkan
- c) Berapakah perbelanjaan bulanan untuk satu Pusat Dialisis Rakyat?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kesihatan telah membelanjakan hampir 90% daripada jumlah peruntukan yang diperuntukkan iaitu RM800,000.00 bagi tahun 2014 dengan melaksanakan pelbagai aktiviti dan program pembangunan kesihatan di Negeri Selangor. Jumlah keseluruhan yang telah dibelanjakan adalah sebanyak RM722,483.85.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 69% daripada peruntukan ini disalurkan kepada Program Bantuan Kesihatan Sihat Selangor manakala selebihnya digunakan bagi tujuan kempen dan mempromosi gaya hidup sihat di Negeri Selangor.

- b) Bilangan penduduk yang menerima rawatan mengikut setiap Pusat Dialisis Rakyat adalah seperti di Jadual 1.

BIL.	LOKASI PDR	JUMLAH MESIN	JUMLAH PENERIMA
1	Ampang	12	37
2	Taman Medan	8	18
3	Sementa	8	29
4	Lembah Keramat	8	28
JUMLAH		36	112

Jadual 1

- c) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kos perbelanjaan bulanan untuk satu Pusat Dialisis Rakyat adalah seperti di **Lampiran A**.

Lampiran A

PUSAT DIALISIS RAKYAT	JANUARI (RM)	FEB (RM)	MAC (RM)	APRIL (RM)	MEI (RM)	JUN (RM)	JULAI (RM)	OGOS (RM)	SEPT (RM)	OKT (RM)
Ampang	35,920.20	35,920.20	35,920.20	36,900.00	38,400.00	39,611.20	42,193.60	42,193.60	42,414.00	42,414.00
Lembah Keramat	23,185.00	23,195.00	23,195.00	24,592.20	24,592.20	25,708.40	26,458.40	27,391.20	28,291.60	28,892.80
Taman Medan	26,208.36	26,208.36	26,458.76	28,359.16	28,359.16	28,359.16	29,059.96	29,309.96	30,710.76	30,710.76
Sementa	26,309.36	26,306.36	26,709.16	28,559.16	31,693.50	32,144.30	32,695.10	32,945.10	34,566.30	34,566.30

PUSAT DIALISI RAKYAT	PERBELANJAAN SEHINGGGA OKTOBER 2014
Ampang	391,887.00
Lembah Keramat	255,511.80
Taman Medan	283,744.40
Sementa	306,495.64
JUMLAH	1,237,638.84

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 Teluk Datuk)**

**TAJUK : LITAR LUMBA *DRAG* DI MUKIM TANJONG DUA BELAS KUALA
LANGAT**

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan membina sebuah litar lumba *drag* di lot 9947 mukim Tanjung Belas Kuala Langat oleh Syarikat Taqwa teguh sepanjang 1 KM?
- b) Adakah kerajaan negeri akan menanggung sebarang kos pampasan di atas projek pembinaan ini?
- c) Sila nyatakan tarikh Mula dan Tarikh siap kerja litar lumba *drag*.

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Tidak berkaitan. Namun, maklumat tanah adalah seperti berikut:

- PT 9947 HSD 5462
- MUKIM TANJUNG DUABELAS
- KELUASAN 12.14 HEKTAR.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 Batang Kali)**

TAJUK : JETI HARAM

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri memantau kewujudan jeti-jeti haram di Selangor?
- b) Apakah peranan Kerajaan Negeri untuk memastikan jeti haram ini tidak menyumbang kepada aktiviti jenayah?

JAWAPAN:

- a) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil 16/2008 yang bersidang pada 25 Jun 2008 memutuskan bahawa pengurusan jeti dan kelulusan pembinaan jeti diletakkan di bawah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) berdasarkan peruntukan Seksyen 43, Enakmen LUAS, 1999.

Permohonan mendapatkan Kebenaran Bertulis Aktiviti Pengubahan Sumber (Pembinaan Jeti) akan dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Jeti Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Pengarah LUAS. Jawatankuasa ini dianggotai oleh jabatan dan agensi yang terlibat seperti Kastam DiRaja Malaysia, Jabatan Laut, Pejabat Tanah Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor, Jabatan Alam Sekitar serta jabatan/agensi lain yang akan dijemput mengikut keperluan.

LUAS telah mengambil inisiatif untuk menjalankan inventori jeti di Negeri Selangor bagi mendapatkan maklumat lengkap berkenaan jeti-jeti sedia ada. Selain itu, inventori yang dijalankan akan memudahkan perancangan aktiviti jeti pada masa hadapan dan menyelaraskan inventori jeti sedia ada.

Inventori jeti dijalankan di seluruh Negeri Selangor dengan kerjasama daripada Pejabat Daerah dan Tanah setiap kawasan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Negeri Selangor dan Jabatan Perikanan Negeri Selangor.

Pengumpulan data inventori yang dijalankan oleh LUAS mendapati sebanyak 1350 buah jeti yang telah dibina di dalam Negeri Selangor yang merangkumi jeti pendaratan ikan dan jeti komersial seperti pecahan yang berikut :

- i. Jeti pendaratan ikan : 1304 buah
- ii. Jeti komersial : 46 buah

Berdasarkan rekod dan maklumat yang dikumpulkan, LUAS mendapati kebanyakan jeti yang dibina tanpa sebarang kelulusan. Lanjutan itu, Kajian Pengurusan Jeti Negeri Selangor dijalankan dengan mengambil kira hasil inventori yang disediakan.

Kajian jeti yang dijalankan mendapati isu utama pembinaan jeti tanpa kebenaran terbahagi kepada aspek perundangan, pengurusan, operasi dan alam sekitar. Pembinaan jeti dibuat tanpa mendapat sebarang kelulusan agensi yang berkaitan dan penggunaan/pemilikan tanah yang tidak sah.

Pembinaan jeti tanpa kawalan ini menyebabkan kepadatan jeti dan kesesakan peletakan bot dan sampan sehingga mengganggu keadaan morfologi sungai dan pantai. Pemantauan secara menyeluruh jeti tidak dapat dijalankan kerana tiada kemudahan laluan masuk disediakan di samping tidak menitik beratkan langkah keselamatan. Selain itu, pembinaan jeti yang dibuat memberi kesan kepada alam sekitar di mana penebangan pokok bakau secara berleluasa dijalankan.

Penilaian kesesuaian yang dijalankan di tapak mengambil kriteria-kriteria seperti zon guna tanah, aspek sosioekonomi, kapasiti sungai dan pantai, kemudahan laluan masuk dan kesan alam sekitar. Daripada isu dan penilaian kriteria yang dijalankan ke atas setiap tapak jeti yang terlibat, had bilangan jeti yang diperlukan di sesebuah kawasan disediakan.

Hasil kajian yang dijalankan dapat membantu pihak Kerajaan Negeri di dalam membuat keputusan bagi membolehkan jeti beroperasi secara sah. Jeti yang memenuhi syarat dan kriteria selaras dengan peruntukan Seksyen 43, Enakmen LUAS, 1999 akan diwartakan sebagai kegunaan awam manakala jeti yang tidak memenuhi kriteria dan tiada kelulusan akan dirobohkan.

Jeti yang beroperasi di dalam had pelabuhan memerlukan lesen daripada LPK manakala jeti yang beroperasi di luar had pelabuhan memerlukan lesen daripada LUAS. Lesen yang dikeluarkan dilengkapi dengan syarat yang menyatakan senarai bahan dan barangan yang dibenarkan untuk pemunggahan dan pengangkutan bagi jeti yang diluluskan.

Berdasarkan lesen yang dikeluarkan, pemantauan akan dijalankan oleh Kastam dan APMM bagi memastikan jenis muatan yang dibawa telah diluluskan oleh LUAS dan LPK. Pemantauan akan dijalankan secara berjadual oleh LUAS bagi memantau laluan navigasi jalan air pedalaman pada setiap bulan.

- b) LUAS mendapati tiada aktiviti jenayah yang dijalankan dan tidak menerima sebarang laporan aktiviti jenayah dijalankan bagi jeti-jeti yang dibina di dalam Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, pemantauan aktiviti ini juga melibatkan agensi penguatkuasaan lain seperti Polis Marin, Jabatan Imigresen dan Kastam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 Kota Anggerik)**

**TAJUK : MASALAH BANJIR DI SUNGAI RASA, SHAH ALAM YANG TIDAK
BERKESUDAHAN**

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah banjir ini?
- b) Berapa kos keseluruhan untuk program tebatan banjir ini?
- c) Berapa peratus kos ini telah digunakan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor telah mengambil langkah-langkah pencegahan mengatasi masalah banjir dengan melaksanakan kerja-kerja tebatan banjir seperti senarai di dalam lampiran maklumat tambahan.

Kerjasama turut diberikan oleh dua (2) agensi lain iaitu Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bagi membendung masalah banjir yang berlaku di Sungai Rasa, Shah Alam.

Senarai projek-projek yang melibatkan 3 buah agensi ini terdiri dari 3 peringkat iaitu Projek yang telah dilaksanakan, Projek dalam Perlaksanaan dan Projek dalam Perancangan.

- b) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM60 juta ke atas keseluruhan projek yang dijalankan melibatkan 3 buah agensi iaitu JPS Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor dan Majlis Bandaraya Shah Alam.
- c) Prestasi kemajuan peruntukan yang telah digunakan adalah sebanyak 20%

Maklumat Tambahan :

Berikut di bawah adalah senarai kerja-kerja tebatan banjir yang dilaksanakan melibatkan tiga (3) agensi yang berkaitan :

1. Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor

Bil	Nama Projek
KERJA-KERJA TELAH DILAKSANAKAN	
1	Kerja-kerja menebas Semak Samun dan Pembersihan Sungai Rasa,Klang,Selangor.
2	Kerja-kerja membina Platform untuk pam sementara dan kerja-kerja berkaitan di sebelah pam minyak BHP, Jalan Sg. Rasah,Klang,Selangor Darul Ehsan
3	Kerja-kerja membaik pulih Struktur Saliran dan Kerja-kerja berkaitan Di Sungai Rasah, Tugu Keris,Klang,Selangor Darul Ehsan
4	Kerja-kerja mengorek, mendalam dan melebarkan Sistem Saliran @Pintu Air Kg. Padang Jawa
5	Membina Flap Gate Di Sepanjang Sg. Rasah @ Jalan Batu 3 lama, Daerah Klang
6	Kerja-kerja Pembinaan Kolam takungan banjir Serta Kerja-kerja lain yang berkaitan di kawasan perindustrian Bukit Raja, Daerah Klang Selangor Darul Ehsan
KERJA-KERJA DALAM PERLAKSANAAN	
7	Kerja-kerja Membaikpulihan Struktur Utama Sg. Rasah Dan Kerja-kerja Berkaitan Di I-City / Plaza Tol Sg. Rasah, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan
8	Kerja-kerja membina lencongan dari Sg Rasah ke Tasik Ladam Sg. Klang dan membina rumah pam di kunci air Tasik Ladam Padang Jawa dan lain-lain kerja berkaitan
9	Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji jaya & Mentauliah Pam Selam Elektrik & Aksesori Yang Berkaitan Kepada Jabatan Pengairan Dan Saliran Selangor (Tasik Ladam)
10	Membina Kolam Takungan di Bukit Bandaraya U11, Shah Alam.
KERJA-KERJA DALAM PERANCANGAN	
11	Pembinaan Kolam Takungan dan Pengambilan Balik Tanah (Tanah Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan)

12	Kerja-kerja mengukuhkan Tebing dan Kerja-Kerja berkaitan Di Sungai Rasah Kampung Bukit Kuda,Klang,Selangor Darul Ehsan
KERJA-KERJA DALAM PERANCANGAN	
13	Kerja-kerja desilting Sg. Rasah (CH 0 - CH 4,500)(CH 5,500 - CH 7,000)
14	Bayaran Perunding /Juruukur- RTB Sg. Rasah

2. Majlis Bandaraya Shah Alam

Bil	Nama Projek
KERJA-KERJA TELAH DILAKSANAKAN	
1	Cadangan Kerja-kerja Mengorek Kelodak Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Kolam Takungan Banjir (Kolam Permai) bersebelahan Pasaraya Giant Seksyen7, Shah Alam
2	Cadangan Kerja-kerja Mengorek Kelodak Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Kolam Takungan Banjir (Kolam Bestari) Seksyen7, Shah Alam
3	Cadangan Menaik taraf Longkang Tanah kepada longkang kampung U-Shape drain serta kerja-kerja berkaitan di rizab parit kampung Karrupiah, Seksyen 16, Shah Alam.

3. Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor

Bil	Nama Projek
KERJA-KERJA TELAH DILAKSANAKAN	
1	Kerja-kerja Menaik taraf Jalan Padang Jawa bermula dari Persimpangan Jalan Sg. Rasah
2	Kerja-kerja Menaik taraf Longkang Dan kerja-kerja Berkaitan Di Jalan Sg. Rasah (Fasa 1) Daerah Klang.
3	Kerja-kerja Menaik taraf Longkang Dan kerja-kerja Berkaitan Di Jalan Sg. Rasah (Fasa 2) Daerah Klang.
KERJA-KERJA DALAM PERLAKSANAAN	
4	Projek Menggantikan Jambatan di atas Sungai Rasah di KM 5.6, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan

KERJA-KERJA DALAM PERLAKSANAAN

- 5 Projek Menaik taraf Jalan Dan Longkang Di Sepanjang Jalan Sg. Rasah, Daerah Klang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 Sekinchan)**

TAJUK : TABUNG BENCANA ALAM NEGERI

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan status terkini dana tersebut ?
- b) Sila nyatakan jumlah mangsa yang menerima bantuan Tabung tersebut bagi tahun 2010 -2013 mengikut pecahan daerah ?
- c) Sila nyatakan apakah langkah proaktif yang dilakukan oleh Kerajaan bagi memastikan bantuan Tabung Bencana cepat sampai kepada mangsa ?

JAWAPAN:

- a) Jumlah dana yang telah digunakan bagi **Tabung Bencana Khas Negeri Selangor** dari tahun 2008-2014 berjumlah RM 14,472,335.16 dan baki semasa adalah berjumlah RM 5,589,935.65.

Bagi **Tabung Amanah Bencana Alam** pula, baki akaun semasa adalah sebanyak RM 41,511,081.77. Penggunaan kumpulan wang ini tertakluk kepada seksyen 5, wang dalam Kumpulan Wang tidak boleh digunakan bagi apa-apa maksud kecuali bagi maksud yang diperuntukkan oleh Enakmen Tabung Amanah Bencana Alam 2011.

Berikut disertakan maklumat nilai aset bersih tabung ini sehingga 19 November 2014 :

BUTIRAN	AMAUN (RM)
Tunai di bank	20,815.73
Simpanan tetap	4332,332.79
Faedah deposit dan simpanan tetap terakru	12,933.25
Pelaburan saham amanah	13,145,000.00
Pelaburan mandate pengurusan ekuiti	24,000,000.00
Jumlah keseluruhan	41,511,081.77

Nota :

1. Tiada sebarang liabiliti direkodkan pada tarikh kewangan.
2. Asas perakaunan menggunakan asas tunai ubahsuai di mana pendapatan dan perbelanjaan direkodkan menggunakan konsep akruan. Walau bagaimanapun, pelaburan direkodkan pada nilai kos.

Sumber : Perbendaharaan Negeri Selangor

- b) Berikut adalah jumlah peruntukan bencana alam yang disalurkan mengikut pecahan daerah dan insiden bencana alam bagi tahun 2008-2014 (rujuk LAMPIRAN A)
- c) Berikut adalah jenis bencana alam dan kadar yang boleh dituntut di bawah Tabung Bencana Khas Negeri Selangor :

BIL.	INSIDEN	KADAR
1.	Mangsa banjir, tanah runtuh, ribut	RM 500.00
2.	Mangsa kebakaran a) Musnah sebahagian b) Musnah keseluruhan	RM 250.00 RM 500.00
3.	Waris kepada mangsa bencana yang meninggal dunia	RM 1000.00

Sumber : Arahan Akaun Amanah Tabung Bencana Khas Negeri Selangor

LAMPIRAN A

**JUMLAH PERUNTUKAN BENCANA ALAM YANG DISALURKAN MENGIKUT
PECAHAN DAERAH DAN INSIDEN BENCANA ALAM BAGI TAHUN 2008-2014**

DAERAH	JENIS INSIDEN	JUMLAH INSIDEN DALAM TAHUN							JUMLAH PERUNTUKAN PENYALURAN BANTUAN BENCANA ALAM HINGGA MAC 2014 (RM)
		2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	
KLANG	BANJIR	8	4	14		4	3	4	617,9209.90
	TANAH RUNTUH								
	RIBUT	4	9	10		6	11	6	
	KEBAKARAN	12	10	17		16	16	4	
	LAIN-LAIN								
GOMBAK	BANJIR	2		1	1	3	9		334,989.00
	TANAH RUNTUH	7					1	1	
	RIBUT	6	5	1	4	4	3	8	
	KEBAKARAN		6	1	2	10	17	7	
	LAIN-LAIN								
SEPANG	BANJIR	1	2	2	2	5	1	3	399,582.30
	TANAH RUNTUH					1			
	RIBUT			1	1	1	1		
	KEBAKARAN		1	1	4	1	3	14	
	LAIN-LAIN					1			
SABAK BERNAM	BANJIR								249,298.00
	TANAH RUNTUH								
	RIBUT	20	97	14	21	21			
	KEBAKARAN	11	12	14	11	4			
	LAIN-LAIN								
HULU SELANGOR	BANJIR	1	1		2	4	5	3	301,251.00
	TANAH RUNTUH	1	1						
	RIBUT	1			8	4	12	6	
	KEBAKARAN	1		4	4	4	9	1	
	LAIN-LAIN								
HULU	BANJIR		1		1	1		5	5,075,935.56

LANGAT	TANAH RUNTUH				1			1	
	RIBUT							22	
	KEBAKARAN								
	LAIN-LAIN								
KUALA SELANGOR	BANJIR						1	1	469,157.40
	TANAH RUNTUH								
	RIBUT						12	9	
	KEBAKARAN						8	8	
	LAIN-LAIN							4	
KUALA LANGAT	BANJIR	1	11	1	1	2	1		1,180,322.00
	TANAH RUNTUH				1				
	RIBUT		2	4	5	6	7	10	
	KEBAKARAN		28	6	3	6	10	4	
	LAIN-LAIN	1	4			23	1	9	
PETALING	BANJIR	4	2	3	2		1		282,590.00
	TANAH RUNTUH								
	RIBUT	5	4	11	7	3	4	9	
	KEBAKARAN	3	8	8	8	16	7	11	
	LAIN-LAIN								

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 Sungai Burong)**

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peruntukan MARRIS yang diterima oleh kerajaan negeri sehingga suku tahun terakhir 2014?
- b) Berapakah jumlah peruntukan MARRIS yang telah dibelanjakan mengikut kawasan sehingga suku tahun terakhir 2014
- c) Apakah langkah yang diambil kerajaan negeri untuk memastikan peruntukan ini dibelanjakan keseluruhannya?

JAWAPAN:

- a) Jumlah peruntukan MARRIS yang diterima oleh Kerajaan Negeri sehingga suku tahun terakhir 2014 sehingga 31 November 2014 adalah berjumlah RM475,620,745.75 dan perincian terimaan peruntukan adalah seperti berikut:

BULAN	JUMLAH TERIMAAN MARRIS (RM)
Januari	41,502,833.00
Februari	41,502,833.00
Mac	41,502,833.00
April	41,502,833.00
Mei	41,502,833.00
Jun	41,502,833.00
Julai	41,502,833.00
Ogos	41,502,833.00
September	47,866,027.25
Oktober	47,866,027.25
November	47,866,027.25

JUMLAH	475,620,745.75
---------------	-----------------------

- b) Berikut merupakan jumlah perbelanjaan untuk kerja penyelenggaraan dari Januari 2014 sehingga 7 November 2014 :-

Bil	Agensi	Jumlah Peruntukan (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)	Peratus Perbelanjaan (%)
1	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	384,142,110.97	271,145,701.52	70.95%
2	Pejabat Daerah dan Tanah (PDT)	11,800,000.00	3,705,451.08	31.40%
3	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor (JKR)	156,000,000.00	53,465,021.78	34.27%
4	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor (JPS)	4,000,000.00	2,129,151.50	53.23%
Jumlah Keseluruhan		555,942,110.97	330,445,325.88	

- c) Langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan peruntukan dibelanjakan keseluruhannya seperti berikut:-
- i. Memastikan semua Jabatan/Agensi Pelaksana memahami keperluan sebenar dalam membuat permohonan pelaksanaan kerja-kerja di bawah MARRIS yang selari dengan Garis Panduan Penyelenggaraan Jalan Negeri bagi mempercepatkan proses kelulusan;
 - ii. Memastikan semua Jabatan/Agensi Pelaksana mengemaskini data di dalam Sistem MARRIS Online untuk semua jalan di bawah seliaan Jabatan/Agensi Pelaksana;
 - iii. Membuat semakan ke atas jalan-jalan yang berdaftar dan tidak berdaftar;
 - iv. Mengemaskini rekod perubahan taraf jalan (fokus kepada semakan taraf jalan kerana ia memberi kesan kepada per km jalan yang didaftarkan);
 - v. Memastikan Agensi pelaksana menyediakan perancangan awal untuk suku tahun pertama;

- vi. Selain aktiviti yang dirancang, Jawatankuasa Pentadbiran Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri turut mempertimbangkan permohonan-permohonan tambahan yang selaras dengan skop MARRIS berdasarkan kepada keperluan tambahan;
- vii. Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbiran Kumpulan Wang Amanah boleh diadakan sekerap mungkin bagi membincangkan perancangan dan kemajuan pelaksanaan projek-projek penyenggaraan jalan negeri di Selangor oleh Agensi Pelaksana; dan
- viii. Penambahbaikan keatas tatacara pengurusan Kumpulan Wang Penyenggaraan Jalan Negeri ini dibuat dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian di Pihak Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 Selat Klang)**

TAJUK : JENIS BANTUAN KEBAJIKAN

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Sila senaraikan jenis bantuan kebajikan sedia ada. Perincikan golongan penerima.
 - b) Adakah bantuan kebajikan ini benar-benar boleh menyelesaikan masalah penerima? Apakah penambahbaikan yang dirancang oleh Kerajaan Negeri?
 - c) Bagaimanakah golongan marhaen boleh mendapat bantuan yang pantas daripada kerajaan?

JAWAPAN:

- a) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan 11 jenis bantuan kewangan seperti berikut:
 1. Bantuan Kanak-kanak (BKK)
 2. Bantuan Anak Pelihara (BAP)
 3. Bantuan Orang Tua (BOT)
 4. Elaun Pekerja Cacat (EPC)
 5. Bantuan Latihan Perantis (BLP)
 6. Bantuan Am (BA)
 7. Bantuan Penjagaan Orang Kurang Upaya (OKU) Terlantar dan Pesakit Kronik Terlantar (BPT)
 8. Bantuan Orang Kurang Upaya (OKU) Tidak Berupaya Bekerja (BTB)
 9. Bantuan Alat Tiruan/Sokongan (BAT)
 10. Bantuan Geran Pelancaran.
 11. Tabung Bantuan Mangsa Serangan Binatang Buas (TSBB)

Prinsip pemberian bantuan JKM adalah berdasarkan kepada kelayakan dan bukan merupakan hak tanpa mengira latar belakang kaum, agama dan jantina.

Perincian golongan penerima adalah seperti berikut:

JENIS BANTUAN	KADAR (RM)	KRITERIA
1. Bantuan Kanak-kanak (BKK)	100 - 450.00	Diberikan kepada keluarga yang sedang memberi jagaan kepada anak/kanak-kanak berikut; <ol style="list-style-type: none"> 1. berumur 18 tahun ke bawah, 2. anak-anak yatim/yatim piatu; 3. kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa/penjaga yang tidak berkemampuan atau putus mata pencarian kerana uzur, tidak upaya, berpenyakit atau tanggungan banduan atau pusat tahanan.
2. Bantuan Anak Pelihara (BAP)	500.00	Diberikan kepada penjaga yang menjaga kanak-kanak seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> i. kanak-kanak berumur 18 tahun ke bawah ii. kanak-kanak yang tidak mempunyai ibu bapa; iii. kanak-kanak yang tinggal bersama dengan keluarga ganti; iv. Kanak-kanak bukan diambil sebagai anak angkat menerusi Akta Pengangkatan 1952 atau Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952; v. kanak-kanak yang diambil dari Program Anak Pelihara"yang dikendalikan oleh JKM; vi. Kanak-kanak yang dipelihara di bawah perintah Mahkamah bagi kanak-kanak mengikut Akta Kanak-kanak 2001.
3. Bantuan Orang Tua (BOT)	300.00	Diberikan kepada warga tua seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> i. tiada mata pencarian tertentu untuk menyara hidup; ii. umur 60 tahun dan ke atas; iii. Jika mempunyai keluarga tetapi keluarga tidak berkemampuan untuk menyara hidup.

JENIS BANTUAN	KADAR (RM)	KRITERIA
4. Elaun Pekerja Cacat (EPC)	300.00	Diberikan kepada OKU seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> i. OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat; ii. Bekerja sendiri atau dengan majikan; iii. Berpendapatan di bawah RM1,200.00 sebulan; dan iv. tidak tinggal di institusi yang telah disediakan kemudahan tempat tinggal, makan/minum dan pakaian percuma.
5. Bantuan Latihan Perantis (BLP)	250.00	Diberikan kepada: <ol style="list-style-type: none"> i. anak-anak penerima bantuan bulanan Jabatan; bekas pelatih dari Institusi Kebajikan dan kes-kes seliaan akhlak.
6. Bantuan Am (BA)	100.00 / 150.00 / 175.00	Diberikan kepada golongan yang memerlukan dan keluarga miskin yang tidak diliputi di bawah jenis bantuan persekutuan lain.
1. Bantuan Penjagaan Orang Kurang Upaya (OKU) Terlantar dan Pesakit Kronik Terlantar (BPT)	300.00	Diberikan kepada ; <ol style="list-style-type: none"> i. penjaga sepenuh masa yang merupakan ahli keluarga OKU terlantar/pesakit kronik terlantar; ii. OKU terlantar/pesakit kronik terlantar yang bergantung sepenuhnya kepada penjaga untuk kehidupan harian; dan iii. pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000.00 sebulan.
8. Bantuan Orang Kurang Upaya(OKU) Tidak Berupaya Bekerja (BTB)	150.00	Diberikan kepada: <ol style="list-style-type: none"> i. OKU yang berdaftar dengan JKM; ii. OKU yang tidak berupaya bekerja disebabkan faktor-faktor yang munasabah tetapi bukan kerana sikap tidak mahu bekerja; iii. berumur antara 18-59 tahun; iv. bukan penerima skim bantuan bulanan JKM sedia ada; v. bukan peserta program Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan

JENIS BANTUAN	KADAR (RM)	KRITERIA
		Pusat penjagaan / pemulihan kelolaan kerajaan dan NGO.
9. Bantuan Alat Tiruan/Sokongan (BAT)	Berdasarkan Harga Alat Tiruan/Sokongan	Diberikan kepada OKU yang tidak berkemampuan untuk membeli alat tiruan/sokongan yang disyorkan oleh pegawai perubatan atau pakar perubatan.
10. Bantuan Geran Pelancaran (BGP)	2,700 (max)	Diberikan kepada klien jabatan yang mempunyai minat dan berpotensi untuk maju dengan menceburi bidang ekonomi.
- a) Bagaimanakah caranya bekas kolam udang berkenaan di baik pulih oleh pihak bertanggungjawab?
- b) Sudah diatitkan gerak kerja untuk penanaman semula benih-benih pokok kayu bakau yang baharu jika kawasan berkenaan mahu dijadikan semula kawasan pemuliharaan alam sekitar?

JAWAPAN:

- a) Kolam tersebut telah diambil alih oleh Syarikat J.W Properties. Syarikat tersebut kini sedang menjalankan projek ternakan udang harimau dalam kolam.
- b) Jabatan tidak mengatitkan sebarang gerak kerja untuk penanaman semula benih-benih pokok kayu bakau di kawasan berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH
(N26 Bangi)**

**TAJUK : RANCANGAN KERAJAAN NEGERI BAGI MENGGALAKKAN
KEUSAHAWANAN KECIL DI KAWASAN BANDAR**

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon nyatakan rancangan Kerajaan Negeri bagi menggalakkan keusahawanan kecil terutama di kawasan bandar:
- a) Sokongan pihak PBT dalam pemberian lesen perniagaan kecil.
 - b) Tapak-tapak perniagaan sementara di kawasan PBT dan kampung.
 - c) Insentif-insentif galakan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri.

JAWAPAN:

- a) Pihak Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa komited untuk membantu keusahawanan kecil termasuk dalam pemberian lesen perniagaan. Sokongan pihak Kerajaan Negeri melalui PBT dalam pemberian lesen perniagaan kecil adalah membenarkan aktiviti penjajaan di tepi jalan dengan syarat lokasi perniagaan adalah sesuai, tidak bercanggah dengan peraturan dalam undang-undang kecil, tidak menimbulkan masalah lalu lintas, halangan dan sebagainya.

Di antara lesen penjaja yang dikeluarkan adalah:-

- (i) Lesen / permit penjaja sementara;
- (ii) Lesen / permit penjaja statik;
- (iii) Lesen / permit penjaja beredar / kenderaan (*mobile*);
- (iv) Lesen / permit penjaja perayaan;
- (v) Lesen / permit pasar malam;
- (vi) Lesen / permit pasar tani;
- (vii) Lesen / permit pasar awam' dan
- (viii) Lesen / permit ruang niaga di pasar raya / *hypermarket*

Selain itu, pihak PBT juga ada menganjurkan sesi taklimat kepada usahawan kecil dan penjaja bagi menjelaskan undang-undang kecil dan peraturan syarat-syarat lesen.

Terdapat juga sesetengah PBT seperti Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) yang mengeluarkan lesen serta-merta kepada peniaga-peniaga kecil untuk berniaga di kawasan-kawasan yang telah ditentukan, di

samping memberikan kelonggaran terhadap pensyaran-pensyaran lesen yang tidak kekal.

- b) Pada asalnya, terdapat sejumlah Kedai Luar Bandar (PLB) yang diuruskan oleh Pejabat Daerah / Tanah. Walau bagaimanapun, kedai-kedai tersebut telah diserahkan / diambil alih oleh PBT bagi memastikan keadaannya sentiasa terjaga. Selain daripada kedai-kedai PLB tersebut yang telah diambil alih oleh pihak PBT, pihak PBT sendiri ada menyediakan tapak-tapak perniagaan seperti gerai, kiosk, petak pasar malam, petak pasar pagi di dalam kawasan taman perumahan. Kebanyakan tapak-tapak perniagaan sementara ini melibatkan jalan-jalan awam dan tempat letak kereta kawasan perumahan. Ada di antara gerai-gerai tersebut yang hanya dikenakan sewa serendah RM100.00 dan RM300.00 sebulan.

Selain daripada PBT, agensi / anak syarikat Kerajaan Negeri juga turut menyediakan tapak-tapak perniagaan ini seperti Bazar PKPS di kawasan MPSJ, Bazar Primawalk.

Sebahagian daripada tapak-tapak perniagaan sementara yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri melalui PBT, Agensi dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri adalah seperti di **Lampiran 1**.

- c) Kerajaan Negeri sentiasa berusaha meningkatkan dan menambah baik ekonomi rakyat. Selain daripada insentif-insentif dan galakan-galakan seperti menyediakan tapak-tapak perniagaan sementara di kawasan PBT dan Kampung, dan lesen peniaga kecil / penjaja, Kerajaan Negeri juga turut memberikan Bantuan Dana Industri Kampung dan lain-lain lagi. Di antara insentif-insentifi dan galakan-galakan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri yang paling jelas dapat dilihat adalah pemberian bantuan khas berjumlah RM500.00 / peniaga kepada peniaga-peniaga Uptown Seksyen 24 Shah Alam yang telah terlibat dengan kebakaran baru-baru ini.

Kerajaan Negeri juga telah melantik Pembantu EXCO Pembangunan Usahawan khas untuk memantau operasi peniaga-peniaga kecil (penjaja) ini. Di antara perkara yang akan diberikan perhatian khusus adalah penyeragaman gerai-gerai penjaja dan penyusunan semula penjaja-penjaja ini termasuk uptown-uptown yang makin dikenali ramai sekarang ini.

LAMPIRAN 1**DI ANTARA SENARAI TAPAK PERNIAGAAN / SEMENTARA
DI KAWASAN PBT DAN KAMPUNG**

Bil.	Lokasi
1	Tapak penjaja Punchong Perdana
2	Tapak penjaja TK4
3	Tapak penjaja PUJ
4	Tapak penjaja Jalan Bandar 9
5	Tapak penjaja Pusat Bandar Puchong
6	Gerai Tasik Kg. Sri Aman Puchong (Tasik Buaya)
7	Jalan Plumbum T/7T (berhadapan Giant Seksyen 7 Shah Alam)
8	Jalan Tengku Ampuan Zabedah 9/K, Seksyen 13 Shah Alam
9	Jalan Lompat Galah 13/36, Seksyen 13
10	Jalan Nelayan 19?B, Seksyen 19
11	Jalan Singa 20/1, Seksyen 20
12	Jalan Pulau Angsa AU10/1, Seksyen U10
13	Jalan Sepadu 25/123 Seksyen 25
14	Jalan Perepat 27/95, Seksyen 27
15	Jalan Bukit Cheding, Seksyen 28
16	Jalan D31/D, Kota Kemuning, Seksyen 31
17	Jalan Liter D, Seksyen U19
18	Pusat Penjaja Sementara Uniten
19	Pusat Penjaja Sementara Pantai Bagan Lalang
20	Uptown Shah Alam
21	Pasar Seri Giant Seksyen 13 Shah Alam
22	Fasa 4 Tambahan, Bandar Baru Bangi
23	Batu 10, Cheras
24	Taman Pelangi Semenyih
25	Taman Bukit Belimbing
26	Bandar Sungai Long
27	Bandar Mahkota Cheras

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 Kota Anggerik)**

TAJUK : RUMAH URUT TANPA LESEN

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Berapa jumlah rumah urut berlesen di kawasan MBSA dan senaraikan mengikut alamat?
 - b) Berapa jumlah rumah urut tidak berlesen di MBSA yang masih beroperasi?
 - c) Apakah tindakan MBSA untuk membasmi rumah urut tidak berlesen?

JAWAPAN:

- a) Jumlah rumah urut yang masih beroperasi di Shah Alam ialah **satu**. Maklumat premis adalah seperti berikut :-

Nama syarikat : Only One Foot Reflexology Sdn. Bhd
Alamat : No. 10A, Jalan Anggerik Vanilla 31/93,
Kota Kemuning, Seksyen 31,
40460 Shah Alam

- b) Pada masa ini, di dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam terdapat sebanyak 15 buah premis menjalankan aktiviti-aktiviti pusat rumah urut haram. Sebanyak 65 kali operasi penguatkuasaan telah dilakukan pada Januari 2013 sehingga September 2014 dengan tujuan membanteras aktiviti-aktiviti rumah urut tersebut.
- c) Tindakan yang dikenakan kepada pemilik-pemilik premis ini ialah dengan mengenakan tindakan kompaun, membuat sitaan barangan aktiviti dan barangan sitaan tersebut tidak dibenarkan untuk dituntut semula. Perobohan partition juga dilakukan sekiranya terdapat pengubahsuaian di dalam premis tersebut yang tidak terdapat kelulusan daripada MBSA. Tindakan diambil di bawah Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan Pusat Kesihatan MBSA 2007.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 Bukit Gasing)**

TAJUK : MENTERI BESAR INCORPORATED (MBI)

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan bilangan anak syarikat di bawah MBI, dan laporan kewangan masing-masing untuk tahun 2013
- b) Bagi setiap anak syarikat tersebut, tolong senaraikan semua ahli lembaga pengarah, termasuk elaun tahunan mereka

JAWAPAN:

- a) Terdapat dua belas (12) anak syarikat di bawah Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) seperti berikut:
 - 1) Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)
 - 2) Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)
 - 3) SSIC Berhad (SSIC)
 - 4) Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB)
 - 5) Pendidikan Industri YS Sdn Bhd (PIYSSB)
 - 6) Tourism Selangor Sdn Bhd (TSSB)
 - 7) Rangkaian Mesra Sdn Bhd (RMSB)
 - 8) Bukit Beruntung Golf & Country Resort (BBGC)
 - 9) Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB)
 - 10) Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)
 - 11) MSNS (Holdings) Sdn Bhd (MSNSH)
 - 12) Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor (YAQs)

Laporan kewangan anak-anak syarikat MBI bagi tahun 2013 adalah seperti di lampiran 1.

- b) Berikut dilampirkan senarai penuh nama pemegang Ahli Lembaga Pengarah anak syarikat milik MBI dan lampiran elaun tahunan seperti di lampiran 2 dan 3.

SENARAI NAMA PENGARAH / PEMEGANG AMANAH BAGI LAMPIRAN 2
ANAK-ANAK SYARIKAT DI BAWAH MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN) (MBI)
(SETAKAT 31HB OKTOBER 2014)

BIL	SYARIKAT	BIL	SYARIKAT
1	KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD (KDEB) 1 YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali-Pengerusi 2 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman 3 YB Dato' Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi 4 YM Raja Haji Idris Bin Raja Kamarudin 5 YBhg En. Suhaimi Bin Kamaralzaman	8	TOURISM SELANGOR SDN. BHD. (TSSB) 1 YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali-Pengerusi 2 YB Dato' Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi 3 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman 4 YBhg Dato' Mohamad Roslan Bin Sakiman
2	PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD (PNSB) 1 YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali-Pengerusi 2 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman 3 YBhg Dato' Haji Ahmad Bin Omar		TOURISM SELANGOR PROMOSI SDN. BHD. (TSPSB) 1 YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali-Pengerusi 2 YB Dato' Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi 3 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman 4 YBhg Datin Jasmine Binti Abdullah Heng 5 YBhg En. Anthony Wong Kim Hooi 6 YBhg En. Perremal a/l Maruthamuthu 7 YBhg Dato' Mohamad Roslan Bin Sakiman
3	KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD. (KSSB) 1 YBhg Tuan Haji Sabtu Bin Md Ali-Pengerusi 2 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman 3 YB Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman 4 YBhg En. Cheong Seng Gee 5 YBhg Dato' Dr. Azimuddin Bin Bahari	9	YAYASAN DAR AL QARD AL HASAN SELANGOR (YAQ) 1 YB Dato' Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi 2 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman 3 YB Tuan Dr Abd Rani Bin Osman 4 YBhg Dato' Mohamad Roslan Bin Sakiman
4	SELANGOR STATE INVESTMENT CORPORATION (SSIC) 1 YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali-Pengerusi 2 YB Dato' Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi 3 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman 4 YBhg Dato' Mohamad Roslan Bin Sakiman 5 YBhg En. Hasan Azhari Bin Haji Idris 6 YB Dato' Teng Chang Khim	10	YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR (YAWAS) 1 YB Dato' Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman 2 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman 3 YBhg Dato' Idris Bin Md. Tahir 4 YBhg Dato' Abdul Halim Bin Harun 5 YBhg Puan Siti Khamnah Binti Hashim
5	MSNS HOLDINGS SDN. BHD. (MSNSH) 1 YB Tuan Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi-Pengerusi 2 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman 3 YBhg Dato' Tarmed Bin Hj Omar 4 YBhg En. Azal Bin Adzhar - Alt Dir To Dato' Noordin	11	RANTAIAN MESRA SDN. BHD. (RMSB) 1 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman-Pengerusi 2 YB Tuan Dr Abd Rani Bin Osman 3 YB Puan Dr. Daroyah Binti Alwi
6	PENDIDIKAN INDUSTRI YS SDN. BHD. (PIYSB) 1 YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali-Pengerusi 2 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman 3 YB Dato' Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman 4 YBhg Prof (E) Dato' Ir. Dr. Muhamad Zohadie Bin Bardaie 5 YB Tuan Dr. Che Rosli Bin Che Mat 6 YB Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad	12	BUKIT BERUNTUNG GOLF & COUNTRY RESORT BERHAD (BBGC) 1 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman-Pengerusi 2 YBhg En. Mohd Azizi Bin Mohd Zain 3 YBhg En. Tukiman Bin Nail 4 YBhg En. Amirul Azizan Bin Abd Rahim 5 YBhg En. Ahmad Suaidi Bin Abdul Rahim

**MAKLUMAT IMBUHAN LEMBAGA PENGARAH ANAK-ANAK SYARIKAT MBI LAMPIRAN 3
BAGI TAHUN 2013 (BAYARAN DIBUAT ADALAH PADA TAHUN 2014)**

BIL	SYARIKAT	Nama Pengarah	Yuran Tahunan (RM)
1	Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)	YAB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid Bin Ibrahim	100,000.00
		YB Dato' Hj Mohammed Khusrin Bin Hj Munawi	70,000.00
		YB Dato' Noordin Bin Sulaiman	70,000.00
		YM Raja Haji Idris Bin Raja Kamarudin	70,000.00
		YBhg Tuan Suhaimi Bin Kamaralzaman	N/A
2	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	YAB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid Bin Ibrahim	80,000.00
		YB Dato' Noordin Bin Sulaiman	60,000.00
		YBhg Dato' Haji Ahmad Bin Omar	60,000.00
		YBhg Dato' Rahmat Bin Jamari	60,000.00
		YBhg Tuan Haji Md Yusof Bin Husin	60,000.00
		YB Tuan Azan Bin Ismail	60,000.00
3	Kumpulan Semesta Sdn Bhd. (KSSB)	YBhg Tuan Sabtu Bin Md Ali	60,000.00
		YB Dato' Noordin Bin Sulaiman	60,000.00
		YBhg En. Wong Su Kok	60,000.00
		YB Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman	60,000.00
		YB Tuan Ganabatirau Veraman	60,000.00
		YB Tuan Mat Shuhaimi Bin Shafiei	60,000.00
		YBhg En. Cheong Seng Gee	60,000.00
		YBhg Dato' Dr. Azimuddin Bin Bahari	60,000.00
4	SSIC Berhad (SSIC)	YAB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid Bin Ibrahim	10,000.00
		YB Dato' Hj Mohammed Khusrin Bin Hj Munawi	8,000.00
		YB Dato' Noordin Bin Sulaiman	8,000.00
		YBhg Tuan Hasan Azhari Bin Haji Idris	8,000.00
		YB Tuan Ean Yong Hian Wah	8,000.00
		YBhg Dato' Mohamad Roslan Bin Sakiman	8,000.00
5	MSNS Holdings Sdn Bhd. (MSNSH)	YB Tuan Amirudin Bin Shari	10,000.00
		YB Dato' Noordin Bin Sulaiman	N/A
		YBhg Dato' Tarmed Bin Hj. Omar	7,000.00
		YBhg En. Mohd Azizi Bin Mohd Zain alt dir to Dato' Noordin	7,000.00
6	Tourism Selangor Sdn Bhd. (TSSB)	YAB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid Bin Ibrahim	8,000.00
		YB Dato' Hj Mohammed Khusrin Bin Hj Munawi	5,000.00
		YB Dato' Noordin Bin Sulaiman	5,000.00
		YBhg Dato' Mohamad Roslan Bin Sakiman	5,000.00
	Tourism Selangor Promosi Sdn. Bhd. (TSPSB)	YAB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid Bin Ibrahim	N/A
		YB Dato' Hj Mohammed Khusrin Bin Hj Munawi	N/A
		YB Dato' Noordin Bin Sulaiman	N/A
		YBhg Dato' Mohamad Roslan Bin Sakiman	N/A
		YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping	5,000.00
		YBhg Datin Jasmine Binti Abdullah Heng	5,000.00
		YBhg En. Anthony Wong Kim Hooi	5,000.00
		YBhg En. Perremal a/l Maruthamuthu	5,000.00
		YBhg Tuan Gwo-Burne Loh	5,000.00
		YBhg Tuan Dr Mohd Nasir Bin Hashim	5,000.00
		YBhg Tuan Lee Kim Sin	5,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 Jeram)**

TAJUK : PENIAGA WARGA ASING

221. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa perbandingan pemilikan perniagaan antara warganegara dan warga asing di Bandar Klang ?
- b) Apa tindakan kerajaan negeri dalam mencegah penumbuhan premis perniagaan warga asing di sekitar Selangor khususnya Bandar Klang ?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri tidak mempunyai data yang khusus bagi perbandingan tersebut. Walau bagaimanapun, semua lesen dikeluarkan kepada warganegara sahaja. Tiada lesen dikeluarkan kepada warganegara asing tanpa permit.
- b) Tindakan penarikan lesen akan diambil kepada mana-mana pemilik yang mengakibatkan lesen-lesen yang dikeluarkan dan diberikan pada orang asing. Pihak Majlis menjalankan tindakan penyitaan ke atas penjaja warga asing di sekitar kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Klang. Bagi tempoh Jan – Okt 2014 sebanyak 191 tindakan sita telah dilaksanakan. Statistik seperti di bawah:

Bil	Bulan (2014)	Jumlah Sitaan
1	Januari	21
2	Februari	20
3	Mac	20
4	April	17
5	Mei	15
6	Jun	31
7	Julai	17
8	Ogos	15
9	September	23
10	Oktober	12
	Jumlah	191

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 Gombak Setia)**

TAJUK : TANAH PERSENDIRIAN

222. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah penyelesaian terhadap isu salah guna tanah persendirian yang digunakan sebagai tempat transit pasir dari luar Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) telah mengeluarkan **Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 1 / 2012 : Pengeanaan Fi Tahunan Dan Royalti Ke Atas Longgokan (Stockpile) Pasir Transit Di Negeri Selangor** yang bertujuan memberi panduan kepada pengusaha pasir dan pemilik tanah-tanah persendirian bagi tujuan memohon dan mengadakan pusat pelonggokan dan penjualan semula pasir kepada pihak ketiga (*stockpiling and transiting to third party*). Ia juga memberi peluang kepada pengusaha pasir dan pemilik tanah-tanah tersebut membetulkan kaedah penggunaan tanah mereka melalui saluran yang sah sebelum tindakan penguatkuasaan oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri dilakukan.

Kemudian, mulai 1 Oktober 2014, Kerajaan Negeri Selangor telah menyerahkan pengurusan pasir secara longgokan (*stockpiling sand*) ini kepada Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) sebagai langkah penambahbaikan kecekapan pengurusan pasir di negeri Selangor. Ia juga bertujuan bagi meningkatkan hasil Kerajaan Negeri Selangor melalui pengawalseliaan melalui satu agensi. Keputusan Kerajaan Negeri Selangor tersebut telah diedarkan melalui **Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 2 / 2014 : Pengurusan Permit Pemindahan Pasir Untuk Longgokan Pasir (Stockpile) Transit Di Negeri Selangor**.

Kedua-dua Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor ini adalah langkah-langkah dalam menyelesaikan isu longgokan pasir dari luar negeri, sama ada ianya terletak di atas tanah kerajaan, tanah rizab mahupun tanah persendirian, dengan mengenakan **fi tahunan dan royalti** tertakluk kepada kategori tanah yang berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 Kuala Kubu Bharu)**

TAJUK : PERKEMBANGAN INDUSTRI PELANCONGAN NEGERI SELANGOR

223. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri telah merancang dan membentuk jawatankuasa bagi memastikan program Tahun Melawat Selangor 2015 dilaksanakan dengan jayanya?
- b) Nyatakan 10 pusat pelancongan yang paling digemari oleh pelancong dalam dan luar negeri di negeri Selangor
- c) Senaraikan perbelanjaan sebenar yang telah digunakan bagi menaiktaraf tempat-tempat pelancongan di Hulu Selangor.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah memilih tahun 2015 sebagai Tahun Melawat Selangor dan program ini dijangka akan merancakkan lagi industri pelancongan di negeri Selangor dan dapat meningkatkan lagi pendapatan kepada semua pemain industri sekaligus meningkatkan lagi jumlah kedatangan pelancong dari dalam dan luar negara ke negeri Selangor .

Sehubungan dengan itu penganjuran Tahun Melawat Selangor 2015 adalah dibawah seliaan dan pentadbiran Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Puan Elizabeth Wong (UPEN Pihak Berkuasa Tempatan). Selain itu turut menjadi skretariat Tahun Melawat Selangor 2015 ialah Jawatankuasa Pelancongan yang dianggotai Ahli Lembaga Pengarah Tourism Selangor seperti berikut :

- i. Yang Berbahagia Datin Jasmine Abdullah Heng
- ii. Yang Berusaha En Anthony Wong
- iii. Wakil Pihak Pejabat Menteri besar Inc.

Turut menjadi jawatankuasa bersama ialah Pengurus Besar Tourism Selangor . Antara lain jawatankuasa ini akan memastikan semua aktiviti, acara dan program yang telah dirancang sebelum ini dijalankan serta memberikan impak yang baik terhadap industri pelancongan di negeri Selangor. Selain daripada itu skretariat ini juga akan menjadi pengawal

kepada penggunaan semua peruntukan agar ianya dapat dibelanjakan secara berhemat dan terkawal .

Walau bagaimanapun bagi melancarkan lagi pengurusan dan perjalanan Tahun Melawat Selangor 2015 juga turut melibatkan serta bekerjasama dengan erat daripada pihak-pihak seperti berikut :

- i. Kementerian Pelancongan Malaysia
- ii. Tourism Malaysia
- iii. Tourism Malaysia Selangor
- iv. Semua pengusaha produk pelancongan negeri Selangor
- v. Agensi pelancongan
- vi. Pusat membeli belah
- vii. Restoran
- viii. Kraf tangan
- ix. Semua NGO pelancongan seperti MATTA, Bumitra, Persatuan Pemandu Pelancongan, MAH, MBHA dan lain-lain lagi.

Tourism Selangor turut mengambil inisiatif dengan menubuhkan sebuah jawatankuasa yang akan membantu menyelesaikan isu-isu berbangkit yang melibatkan agensi kerajaan mahupun diperingkat swasta . Jawatankuasa ini dikenali sebagai Jawatankuasa Pegawai Perhubungan Pelancongan Pihak Berkuasa Tempatan , Pejabat Daerah , Agensi Kerajaan dan Swasta yang mempunyai keanggotaan seperti berikut :

- i. Pegawai Pelancongan / Komunikasi Korporat Pihak Berkuasa Tempatan
 - ii. Pegawai Pelancongan / Komunikasi Pejabat Daerah
 - iii. Pegawai Agensi Kerajaan Persekutuan Di Peringkat Negeri Selangor
 - iv. Pegawai Agensi Swasta Yang Lain
- b) Negeri Selangor kini boleh berbangga dengan produk dan destinasi pelancongannya kerana dengan promosi berterusan yang dilakukan oleh Negeri Selangor melalui agensi pelaksanaannya iaitu Tourism Selangor mula menampakkan hasil apabila produk dan destinasi pelancongan di Negeri Selangor semakin dikenali dan menjadi pilihan percutian oleh para pelancong dalam dan luar negara.

Pada awal kempen 'Selangor Shines' dijalankan, terdapat 10 destinasi pelancongan yang terkenal dan sering menjadi tarikan utama pelancong apabila mereka berkunjung ke Negeri Selangor. Sehingga kini jumlah destinasi tersebut semakin bertambah.

Berikut adalah 20 destinasi di Negeri Selangor yang popular dikalangan pelancong dari dalam dan luar negara:

Bil	Destinasi Pelancongan	Daya Tarikan
1.	Sunway Lagoon, Petaling Jaya	<ul style="list-style-type: none"> • Teman Tema Air • 'One stop centre' hiburan, membeli-belah, hospital, pendidikan dan lain-lain
2.	Batu Caves, Gombak	<ul style="list-style-type: none"> • Perayaan Thaipusam • Tempat beribadat terbesar bagi masyarakat India
3.	Kelip-Kelip, Kuala Selangor	<ul style="list-style-type: none"> • Menyaksikan keindahan hidupan kerdipan kelip-kelip pada waktu malam
4.	Masjid Sultan Abdul Aziz Shah, Shah Alam	<ul style="list-style-type: none"> • Kecantikan dan keunikan seni bina Islam • Tempat beribadat bagi umat Islam • Merupakan masjid terbesar dan terunggul di Malaysia dan di Asia Tenggara
5.	Selangor Gold Coast, Sepang	<ul style="list-style-type: none"> • Menawarkan pengalaman percutian yang indah dengan tinggal di chalet-chalet di atas air yang menganjur ke Selat Melaka dan binaan chalet yang menyerupai pokok plama (dilihat dari udara) seperti sebuah resort yang terdapat di negara Timur Tengah.
6.	Dong Zen Monastery Temple, Kuala Langat	<ul style="list-style-type: none"> • Tempat beribadat bagi penganut agama Buddha yang setiap tahun menganjurkan pelbagai aktiviti seperti 'Pesta Tanglung' serta mempunyai landskap yang cantik dan bersih
7.	Forest Research Institute of Malaysia (FRIM), Kepong	<ul style="list-style-type: none"> • Tempat beriadah serta menjadi kunjungan bagi penggemar mahupun pengkaji flora dan fauna serta mempunyai hutan hujan yang tertua di Malaysia

8.	Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz, Klang	<ul style="list-style-type: none"> • Sebuah muzium yang serba indah yang memaparkan sejarah yang amat bernilai mengenai kehidupan dan pemerintahan Institusi Diraja Negeri Selangor.
9.	Bukit Melawati, Kuala Selangor	<ul style="list-style-type: none"> • Sebuah kota peninggalan kerajaan Melayu Selangor yang menyimpan pelbagai cerita sejarah, misteri dan juga menempatkan makam Diraja Selangor. • Juga merupakan tempat bagi mencerap anak bulan serta Rumah Api yang dibina pada 1907 dan beroperasi hingga kini bagi pengguna Selat Melaka.
10.	Hutan Lipur Kanching, Rawang	<ul style="list-style-type: none"> • Merupakan tempat paling popular bagi aktiviti riadah bersama keluarga sambil mandi manda di air terjun yang airnya sejuk dan menyegarkan.
11.	I-City Shah Alam, Shah Alam	<ul style="list-style-type: none"> • Menyaksikan keindahan pelbagai lampu LED yang berwarna warni serta aktiviti bermain salji di 'snow walk', galeri seni dan permainan taman tema air yang menyeronokkan.
12.	Kidzania, Mutiara Damansara	<ul style="list-style-type: none"> • Taman tema 'indoor' bagi kanak-kanak yang mempunyai pelbagai aktiviti yang mendedahkan mereka kepada kehidupan sebenar apabila mereka dewasa kelak. • Hanya terdapat beberapa buah taman tema seperti ini diseluruh dunia.
13.	Morib Gold Coast, Kuala Langat	<ul style="list-style-type: none"> • Sebuah resort yang mempunyai pelbagai aktiviti riadah bersama keluarga serta sebuah mini taman tema air.

14.	Litar Formula One, Sepang	<ul style="list-style-type: none"> Litar Formula Satu bagi kejohanan lumba motor dan kereta formula satu peringkat antarabangsa dan antara litar yang terbaik di dunia.
15.	Pusat Membeli Belah GM, Klang	<ul style="list-style-type: none"> Pusat membeli belah barangan secara borong yang sangat terkenal.
16.	Genting Strawberry Leisure Farm, Genting Highlands (Dalam sempadan Hulu Selangor)	<ul style="list-style-type: none"> Kebun tanaman buah strawberi yang sangat terkenal dan turut menyajikan pelbagai makanan diperbuat daripada buah strawberi. Pengunjung boleh memetik sendiri buah tersebut. Serta terdapat juga tanaman sayur, ternakanmadu lebah serta kebun cendawan.
17.	Hutan Lipur Sungai Chongkak, Hulu Langat	<ul style="list-style-type: none"> Sebuah resort yang terletak di dalam hutan semulajadi dan mempunyai chalet untuk disewa. Boleh menjalankan aktiviti seperti hari keluarga serta program perkhemahan juga kem motivasi. Mempunyai sungai yang bersih serta sesuai untuk mandi manda dan berkelah bersama keluarga mahupun teman-teman.
18.	Jalan Tengku Kelana, Klang (Little India)	<ul style="list-style-type: none"> Tempat yang amat popular yang menempatkan pelbagai kedai serta gerai yang menjual pelbagai keperluan bagi masyarakat India. Amat sibuk menjelang perayaan Deepavali.
19.	Homestay Selangor	<ul style="list-style-type: none"> Negeri Selangor mempunyai 15 buah homestay yang berlesen yang menawarkan pengalaman suasana kehidupan kampung yang cantik dan bernilai.

20.	Genting Highlands (Dalam sempadan pentadbiran Hulu Selangor)	<ul style="list-style-type: none"> Sebuah taman tema yang terletak di tanah tinggi yang terkenal di seluruh dunia dan menawarkan pelbagai aktiviti permainan serta membeli-belah.
-----	---	--

- c) Berikut adalah senarai perbelanjaan sebenar yang telah digunakan bagi menaik taraf tempat-tempat pelancongan di Hulu Selangor sepanjang lima (5) tahun kebelakangan ini:

TAHUN	PELAKSANA	AKTIVITI / PROJEK	PERUNTUKAN (RM)
2010	PDT Hulu Selangor	Cadangan Pembinaan Wakaf dan Kerja-kerja Pembaikan di tapak Pelancongan Kolam Air Panas Kerling	49,960.00
2011	MDHS	Pemasangan Papan Tanda Produk-produk Pelancongan Negeri Selangor	82,500.00
2012	MDHS	Projek Menaiktaraf Kemudahan di Kawasan Tubing, Sungai Chiling, Hulu Selangor	96,970.00
2013	MDHS	Menaiktaraf 5 unit gazebo di Batang Kali, Hulu Selangor	42,500.00
2014	-	Tiada	-
JUMLAH KESELURUHAN			271,930.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 Batang Kali)**

TAJUK : SELANGOR SCIENCE PARK 2

224. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan secara terperinci berkenaan pemaju, kos dan jangka masa projek Selangor Science Park 2?
- b) Apakah kepentingan kepada pembangunan di Selangor?

JAWAPAN:

- a) PKNS ialah pemaju Selangor Science Park 2, Cyberjaya.

Kos keseluruhan pembangunan adalah sebanyak RM3.0 billion yang melibatkan kos pembelian tanah, pembinaan infrastruktur dan pembangunan. Tempoh masa projek adalah selama 10 tahun iaitu sehingga tahun 2025.

- b) Selangor Science Park 2 seluas 1,200 ekar adalah pusat pertumbuhan baru yang kesebelas dimajukan oleh PKNS. Ianya telah dirancang sebagai pembangunan utama di Koridor Selatan Negeri Selangor dengan mengambil munafaat daripada pembangunan Putrajaya dan Cyberjaya.

Selaras dengan objektif Agenda 21 pembangunan Selangor Science Park 2 mementingkan pembangunan lestari dan mampan serta berkonsepkan Kehijauan (Green Development). Untuk itu Selangor Science Park 2 dirancang dengan hasrat sebagai Bandar Solar yang pertama (First Solar City) untuk Negeri Selangor dengan penggunaan "renewal energy".

Bersandarkan lokasi yang strategik, Selangor Science Park 2 telah dirancang untuk menarik pelabur asing dengan kawasan perindustrian sebanyak 40% daripada keseluruhan pembangunan. Institusi pendidikan juga tidak ketinggalan dimana Sekolah Antarabangsa Korea akan beroperasi di sini. Selain daripada itu Segi College dan Brainy Bunch Islamic Montessori juga telah menunjukkan minat.

PKNS juga telah menerima cadangan bagi pembangunan sebuah Pusat Expo Negeri Selangor untuk di bangunkan di tapak ini.

Dalam pada itu cadangan pembangunan perumahan dan komersial masih diteruskan termasuk pembinaan 840 unit pangsapuri rumah mampu milik.

Pada keseluruhannya Selangor Science Park 2 dijangka menjadi sebuah pusat pertumbuhan baru yang vibran dan dapat menandingi pembangunan Putrajaya dan Cyberjaya

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 Paya Jaras)**

TAJUK : PERTINDIHAN HAK MILIK TANAH

225. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kaedah yang sesuai untuk mengawal supaya tiada pertindihan permohonan tanah?
- b) Apakah tindakan daripada pihak kerajaan untuk memperbetulkan dan menyelesaikan nombor geran pada hak milik tanah?
- c) Apakah peranan ketua kampung untuk menyelesaikan isu permohonan tanah?

JAWAPAN:

- a) Bagi mengawal pertindihan permohonan tanah, setiap permohonan yang dikemukakan ke Pejabat Tanah Daerah (PTD) akan disahkan terlebih dahulu oleh Juru Teris melalui Pelan '*Charting*' dan fail-fail terdahulu berkaitan tanah tersebut. Seterusnya, Penolong Pegawai Tanah (SO) di PTD akan membuat siasatan ke atas tanah yang berkenaan dan akan menyediakan laporan tanah untuk pengesyoran.
- b) Sekiranya berlaku pertindihan pemilikan tanah, terdapat dua (2) kaedah yang sesuai untuk dilaksanakan bagi memperbetulkan dan menyelesaikan nombor geran pada hakmilik tanah tersebut, iaitu:
 - i) Kerajaan Negeri akan membuat pengukuran semula tanah di Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) sekiranya pertindihan tersebut melibatkan persempadanan tanah; atau
 - ii) Kerajaan Negeri boleh juga mengarahkan agar pemilik-pemilik yang terlibat dengan pertindihan menyerahkan semula tanah kepada kerajaan melalui Seksyen 197 KTN dan memberi milik semula di bawah Seksyen 76 KTN.
- c) Bagi membantu menyelesaikan isu permohonan tanah, Ketua Kampung boleh berperanan sebagai pemudah cara atau orang tengah di antara pihak Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) dan pemohon tanah. Di samping itu, Ketua Kampung juga boleh bekerjasama dengan pihak PTD dalam menjalankan siasatan dan proses permohonan tanah-tanah di kawasan seliaan beliau.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 Damansara Utama)**

**TAJUK : PRESTASI PERBELANJAAN MARRIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN
(PBT) UNTUK TAHUN 2014**

226. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan jumlah MARRIS yang sepatutnya dibelanja pada tahun 2014 untuk SETIAP PBT berdasarkan RM3 juta setiap DUN dan panjang jalan.
- b) Berapa peratus yang telah dibelanja sehingga sekarang untuk setiap PBT?
- c) Apakah tindakan disiplin kerajaan terhadap PBT yang prestasi rendah?

JAWAPAN:

- a) Peruntukan MARRIS yang sepatutnya dibelanjakan pada tahun 2014 untuk setiap PBT berdasarkan RM3 juta setiap DUN dan panjang jalan adalah seperti berikut:-

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	SILING (RM)
1	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	39,297,696.86
2	Majlis Bandaraya Shah Alam	78,688,226.28
3	Majlis Perbandaran Subang Jaya	30,046,844.43
4	Majlis Perbandaran Klang	57,818,310.08
5	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	27,732,573.33
6	Majlis Perbandaran Kajang	38,540,746.59
7	Majlis Perbandaran Selayang	23,956,134.35
8	Majlis Perbandaran Sepang	11,706,359.05
9	Majlis Daerah Kuala Langat	34,257,870.00
10	Majlis Daerah Hulu Selangor	9,744,800.00
11	Majlis Daerah Sabak Bernam	12,324,800.00
12	Majlis Daerah Kuala Selangor	20,027,750.00
Jumlah Keseluruhan		384,142,110.97

- b) Peratus perbelanjaan yang dibelanjakan oleh setiap PBT adalah seperti berikut:-

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS
1	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	28,784,691.95	73%
2	Majlis Bandaraya Shah Alam	54,617,861.60	69%

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS
3	Majlis Perbandaran Subang Jaya	30,046,844.43	100%
4	Majlis Perbandaran Klang	40,636,016.00	70%
5	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	17,615,216.05	68%
6	Majlis Perbandaran Kajang	26,977,707.00	70%
7	Majlis Perbandaran Selayang	20,324,893.85	85%
8	Majlis Perbandaran Sepang	7,620,600.11	65%
9	Majlis Daerah Kuala Langat	20,624,398.70	60%
10	Majlis Daerah Hulu Selangor	7,379,289.23	76%
11	Majlis Daerah Sabak Bernam	8,631,306.32	70%
12	Majlis Daerah Kuala Selangor	7,886,876.28	39%
JUMLAH KESELURUHAN		271,145,701.52	71%

- c) Kerajaan Negeri berpandangan pengiraan prestasi yang dinyatakan di atas adalah untuk tempoh setahun. Setakat ini, kesemua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah melaksanakan projek dengan baik mengikut kemampuan masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 Sungai Burong)**

TAJUK : PERMOHONAN TANAH

227. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar kerajaan terhadap permohonan pemilikan tanah individu bagi tanah-tanah anak syarikat yang tidak diusahakan?
- b) Berapakah jumlah permohonan tanah tersebut sepanjang tahun 2014?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri tidak menerima permohonan pemberimilikan tanah daripada individu atau syarikat ke atas tanah-tanah yang telah diberimilik kepada anak-anak syarikat Kerajaan Negeri.
- b) Berdasarkan maklumbalas dari anak-anak syarikat Kerajaan Negeri, jumlah permohonan tanah-tanah tersebut untuk tahun 2014 adalah seperti di **Lampiran A.**

LAMPIRAN A**PERMOHONAN PEMILIKAN TANAH INDIVIDU KE ATAS TANAH-TANAH HAKMILIK ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2014**

Bil	Anak Syarikat	Bilangan Permohonan	Catatan
1.	PKPS	3	Terdapat tiga (3) permohonan daripada syarikat ataupun individu yang berminat untuk menyewa tanah milik PKPS yang masih belum diusahakan. Walau bagaimanapun, berdasarkan cadangan kertas kerja yang telah diterima oleh PKPS, aktiviti pertanian yang akan dijalankan oleh syarikat ataupun individu tersebut adalah tidak bersesuaian dengan bentuk muka bumi tanah ini. Oleh yang demikian, PKPS memutuskan untuk tidak menyewakan tanah ini kepada mereka.
2.	PKNS	2	a. Daerah Gombak – Kawasan Bandar Tasek Puteri dan Kundang b. Daerah Klang – Kawasan Industri Bandar Sultan Suleiman, Pelabuhan Klang
3.	MBI	2	Jumlah permohonan tanah yang dipohon oleh syarikat swasta dan individu yang dikemukakan kepada MBI secara purata adalah sebanyak 2 permohonan bagi setiap tanah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 Meru)**

TAJUK : PROGRAM MES MIMBAR.

228. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kelulusan pemohon baru tahun 2014?
- b) Berapa peratuskah kepatuhan pembayaran balik?
- c) Berapakah bilangan peserta berjaya meneruskan dan meningkatkan perniagaan mereka sejak 2013 hingga kini?

JAWAPAN:

- a) Dana yang diterima daripada Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) pada tahun 2014 adalah sebanyak RM500 ribu Sepanjang tahun 2014 sehingga Oktober 2014 sebanyak RM647,500 telah dibiayai bersamaan 195 permohonan baru.

Dana yang terbaru diterima dari Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) selepas pengumuman bantuan pinjaman kepada mangsa bencana Uptown Shah Alam adalah sebanyak RM930ribu. Sebanyak RM545,000 pembiayaan telah diluluskan yang bersamaan dengan 109 peserta.

Jumlah keseluruhan peserta baru MIMBAR pada tahun 2014 adalah seramai 304 orang dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM1,192,500.


- b) Rata-rata institusi mikrokredit di kawasan bandar juga menghadapi masalah yang sama dalam proses kutipan bayaran balik pinjaman, terutama dalam menghadapi sikap, disiplin dan komitmen peminjam kawasan bandar yang mencabar dalam usaha menjelaskan sesuatu pinjaman. Kesan ini dirasai MIMBAR yang memberikan pinjaman perniagaan tanpa mengenakan caj faedah kepada peminjam sebelum ini.

Justeru itu, sehingga kini jumlah keseluruhan bayaran balik pinjaman yang diperolehi MiMBAR Selangor sehingga Oktober 2014 adalah sebanyak RM5,152,735. Pulangan bayaran ini termasuk pinjaman pusingan pertama hingga ketiga. Ianya termasuk seramai 1,755 peserta yang telah selesai menjelaskan bayaran MIMBAR.

Berikut adalah jadual jumlah bayaran balik pinjaman dari tahun 2011 sehingga Oktober 2014 :

TAHUN	2011		2012		2013		2014	
ZON	BIL PESERTA	RM	BIL PESERTA	RM	BIL PESERTA	RM	BIL PESERTA	RM
KLANG	179	103,280	738	455,133	592	408,859	250	68,119
SHAH ALAM	152	108,632	553	377,776	401	250,950	164	45,174
AMPANG	127	92,811	391	270,779	293	163,287	107	27,002
SEPANG	87	61,666	253	182,431	192	115,535	90	28,100
PETALING	82	43,997	355	198,897	347	210,311	137	35,036
SUBANG	107	62,329	382	238,021	327	201,193	145	37,851
SELAYANG	248	151,743	680	512,238	561	372,129	208	52,448
KAJANG	28	12,507	222	126,597	176	110,858	93	27,046
JUMLAH	1010	636,965	3,574	2,361,872	2,889	1,833,122	1,194	320,776

Berikut adalah peratusan pembayaran balik peserta MIMBAR dari tahun 2011 hingga 2014 yang telah dikategorikan mengikut pola pembayaran balik.



KATEGORI	PENJELASAN	PERATUSAN (%)	BILANGAN (PESERTA A)
A	Peserta membuat bayaran mengikut tempoh dan tiada tunggakan.	35	1,755
B	Peserta mempunyai tunggakan selama 30 hari atau 1 bulan.	4	214

C	Peserta mempunyai tunggakan selama 60 hari atau 2 bulan.	3	151
D	Peserta mempunyai tunggakan selama 90 hari dan keatas atau tunggakan melebihi 3 bulan keatas.	58	2,859

Walau bagaimanapun, hasil daripada program Ops Kutipan dan Gerak Gempur yang diberikan perhatian sepenuhnya bermula pada Jun 2014 yang lalu, seramai 250 peserta tegar (dari kategori D) telah selesai membuat bayaran pinjaman MiMBAR. Manakala bagi seramai 615 peserta telah membuat penjadualan semula bayaran balik pinjaman hasil daripada program tersebut. Ini menunjukkan dari Jun 2014 hingga Oktober 2014 seramai 865 peserta dari kategori D (peminjam tegar) telah diberi pemantauan dan peringatan untuk bayaran balik.

Jumlah keseluruhan bayaran balik bagi 865 penjadualan semula dianggarkan sebanyak RM 1,057,275 sehingga selesai tempoh bayaran. Walau bagaimanapun, usaha MiMBAR Selangor melalui OPS Kutipan masih diteruskan bagi mengurangkan jumlah peserta tegar.

Pada tahun 2014 juga, MiMBAR telah memperkenalkan **PROGRAM STANDING INSTRUCTION (S.I) 2014**. Program ini adalah satu kaedah yang diberi penambahbaikan yang dipantau sepenuhnya setiap bulan bagi mendapatkan bayaran balik peserta yang dibiaya pada tahun 2014. Antara langkah pemantauan di dalam program ini adalah:

- i. MIMBAR menetapkan tarikh penarikan bayaran balik peserta melalui bank
- ii. MIMBAR menghantar SMS (*SMS Blasting*) peringatan bagi bayaran balik dua (2) hari sebelum tarikh penarikan pada setiap bulan
- iii. MIMBAR akan mencetak laporan kepatuhan bayaran balik
- iv. MIMBAR akan membuat langkah susulan bagi peserta yang gagal dalam kepatuhan bayaran balik

Hasil daripada program ini, kita telah berjaya memperoleh kutipan semula pembayaran MiMBAR sebanyak 97% sepanjang tahun 2014.

Pelbagai langkah dilakukan bagi memastikan peminjam tidak lari dari tanggungjawab mereka dalam melunaskan pinjaman yang dipohon. Antara langkah yang diambil oleh MiMBAR Selangor adalah:

i. Pemantauan dan kutipan

Pemantauan terhadap peserta dibahagikan mengikut zon kawasan bagi setiap pegawai. Setiap peserta yang telah diluluskan pinjamannya akan dipantau dari segi perniagaan yang dijalankan dan corak bayaran balik mereka. Peserta yang kurang berdisiplin dalam pembayaran balik melalui potongan bank akan didekati dengan kaedah pembayaran secara manual

iaitu melalui pegawai kutipan. Kaedah ini akan disesuaikan mengikut masa dan kemampuan peserta yang menjadikan peserta kurang rasa terikat dan tidak perlu untuk ke bank setiap bulan. Terdapat juga peserta yang suka untuk membuat bayaran di pejabat kerana dengan cara ini mereka lebih berpeluang dan cepat mengetahui informasi dan program terkini yang disediakan oleh MiMBAR Selangor mahupun kerajaan negeri.

ii. Operasi turun padang

Pada setiap bulan, MiMBAR Selangor akan mengkaji corak bayaran balik peserta sama ada melalui bank mahupun manual. Apabila melihat corak ini berubah dengan drastik pada satu-satu masa atau bukan bermusim, operasi turun padang besar-besaran akan dilakukan oleh semua kakitangan. Pada ketika ini, MiMBAR Selangor akan memberi lebih perhatian kepada mereka yang liat, bermasalah dan tegar dalam membuat pembayaran. Peserta akan diingatkan tentang baki pinjaman dan keperluan mereka untuk melunaskan pinjaman sebagai tanggungjawab sendiri. Pada masa ini juga, bagi peserta yang benar-benar mengalami masalah yang kritikal, boleh berbincang dengan pegawai operasi sama ada untuk membuat penangguhan bayaran atau menjadual semula pembayaran mereka.

iii. Surat peringatan

Langkah yang lebih tegas akan dikeluarkan oleh MiMBAR Selangor terhadap mereka yang tegar dan tidak mengendahkan bayaran balik pinjaman. Surat peringatan akan dikeluarkan dan ditinggalkan di premis atau kediaman mereka sekiranya mereka sukar dihubungi dan diajak berjumpa. Surat peringatan ini merangkumi jumlah pinjaman yang telah dibiayai, jumlah yang perlu dilunaskan setiap bulan dan baki bayaran. Surat peringatan ini biasanya adalah untuk mereka yang benar-benar bermasalah.

iv. Kerjasama pemimpin masyarakat

MiMBAR Selangor juga menggunakan pendekatan yang lebih dekat dengan masyarakat iaitu dengan melakukan perbincangan dan membawa serta ketua-ketua masyarakat di setiap kawasan seperti pengerusi penduduk, qariah masjid, Ahli Dewan Undangan Negeri dan pihak lain yang lebih dekat dengan masyarakat setempat mereka. Kaedah digunapakai supaya dapat mengenalpasti masyarakat setempat yang bermasalah dan meminta bantuan mereka untuk mendekati dan berbincang dengan peserta yang bermasalah agar dapat melunaskan pinjaman mereka.

v. Kempen bayaran balik

Kempen bayaran balik turut giat dijalankan bagi memberi kesedaran kepada peminjam. Kempen ini dilakukan dengan pelbagai kaedah di serata kawasan.

vi. Penjadualan semula

Bagi peserta yang benar-benar mengalami masalah berat, mereka boleh berbincang untuk membuat penjadualan semula bayaran balik mengikut kepada kemampuan mereka sehingga stabil semula. Penjadualan semula ini dibenarkan setelah dikenalpasti permasalahan yang dihadapi peserta.

- c) Sehingga kini MIMBAR telah mengenalpasti seramai 2,384 peserta masih aktif dalam perniagaan sejak tahun 2013 hingga kini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 Teluk Datuk)**

TAJUK : PEMBINAAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT DI JENJAROM

229. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri akan menyediakan tapak tanah untuk membina sebuah balai bomba dan penyelamat yang baru di Jenjarom?
- b) Adakah pemeriksaan secara berkata dilakukan oleh anggota bomba dan penyelamat untuk memeriksa berfungsinya pili bomba dari lorong 1 hingga lorong 23 Kg Sg. Jarom?
- c) Berapakah ramai anggota dan pegawai bomba dan penyelamat bertugas di balai banting?

JAWAPAN:

a), b), dan c)

Ya, Butiran Tapak Balai Bomba dan Penyelamat di Mukim Tanjong Duabelas adalah seperti berikut:

- Tapak Balai Bomba dan Penyelamat Telok Panglima Garang
Keluasan : 8 ekar
No. Hakmilik Sementara : HSM 13257 / LOT 12419

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 Bukit Melawati)**

TAJUK : JAMBATAN KETIGA KLANG

230. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status semasa projek Jambatan Ketiga Klang?
- b) Berapakah kos dan nilai projek pembinaan?
- c) Nyatakan kontraktor dan konsultan yang dilantik untuk projek tersebut?

JAWAPAN:

- a) Status pembinaan semasa adalah sebanyak 2.48%.
- b) Kos kontrak adalah RM 199,156,069.39.
- c) Kontraktor yang berjaya adalah Cergas Murni Sdn. Bhd dan konsultan adalah Vast Consultant Sdn. Bhd

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 Hulu Kelang)**

TAJUK : PROGRAM PERTANIAN BANDAR

231. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program '*edible garden*'?
- b) Apakah program galakan dan inisiatif yang diberikan bagi menjayakan program '*edible garden*'?
- c) Bagaimanakah penanaman herba khususnya rosella dapat dilaksanakan melalui program '*edible garden*'?

JAWAPAN:

- a) '*Edible garden*' bermaksud taman yang dibangunkan mengandungi tumbuhan yang sesuai untuk dimakan atau pokok herba, sayuran, ulaman, umbisi dan buahan dan digabungkan dengan tanaman landskap.

Selain berfungsi sebagai kebun dapur, '*edible garden*' juga boleh menjadi landskap yang menarik jika bijak menggabungkan pokok herba, sayuran dan buahan dengan pokok berbunga atau tumbuhan landskap atau hiasan.

'*Edible garden*' tidak semestinya kebun yang besar. Ia boleh dilakukan di dalam pasu, bekas-bekas terpakai, balkoni dan kawasan lapang di tepi rumah. Konsep '*edible garden*' dengan Mini fertigasi kini sedang diperkenalkan kepada penduduk bandar. Menerusi konsep ini, taman tidak perlu disiram atau diselenggara setiap hari sebaliknya pengairan dan siraman baja dapat dikawal serta sesuai di ruang yang terhad.

- b) Melalui program Pertanian Bandar kelolaan Jabatan Pertanian, '*edible garden*' diperkenalkan di peringkat individu dalam perumahan, komuniti, pejabat, sekolah dan institusi swasta seperti berikut:

BIL.	PROJEK	SUB PROJEK	KATEGORI	KADAR MAKSIMUM (RM)
1.	Kawasan Perumahan (Individu)	Laman Edibel	Individu dalam komuniti (minimum 10 peserta /kawasan setempat)	100/peserta
		Cendawan	Individu dalam komuniti (minimum 10 peserta/ kawasan setempat)	50/peserta
		Mini Fertigasi	Individu dalam Komuniti (minimum 3 peserta/ kawasan setempat)	600/peserta
2.	Kawasan Perumahan (Komuniti)	Kebun Konvensional/Organik	Komuniti (10 peserta/kumpulan)	1,000/kumpulan
		Fertigasi Terbuka	Komuniti (10 peserta/kumpulan)	5,000/kumpulan
3.	Institusi (Syarikat/Swasta/ Pejabat/Sekolah dsbnya)	<i>Nutrient Film Technique</i> (NFT)	Institusi	1,000
		Laman Edibel	Institusi	1,000
		Piskiponik	Institusi	2,500
		Mini Fertigasi	Institusi	600

- c) Jabatan Pertanian sedia memberi khidmat nasihat bagi penanaman herba khususnya roselle dalam program '*edible garden*'. Peserta secara individu atau berkumpulan boleh memohon bantuan di bawah program Pertanian Bandar untuk penanaman roselle dari Pejabat-pejabat Pertanian Daerah berhampiran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 Sekinchan)**

TAJUK : HOSPITAL SHAH ALAM

232. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila huraikan seluruh kronologi pembinaan Hospital tersebut ?
- b) Sila nyatakan berapakah jumlah keseluruhan kos pembinaan Hospital tersebut ?
- c) Sila nyatakan bilakah Hospital tersebut dapat beroperasi sepenuhnya ?

JAWAPAN:

a) Projek Hospital Shah Alam dilaksanakan dalam dua (2) pakej pembangunan, iaitu:

- i. Pakej 1 : Kerja Tanah dan Kerja Awalan Berkaitan;
Kos RM 8.7 juta - Tempoh kontrak 8 bulan.
Mula 8 Februari 2007 - Siap 7 Oktober 2007.
- ii. Pakej 2 : Kerja-Kerja Bangunan dan Berkaitan;
Kos RM 482.6 juta - Tempoh siap selama 36 bulan.
Mula 15 November 2007.
EOT No.1 - Tarikh siap semasa 12 Februari 2011.
EOT No. 2 - Tarikh siap semasa 25 Jun 2011.
3 September 2010: Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor -
Kemajuan fizikal 27%.

7 September 2011: Kementerian Kewangan Malaysia meluluskan Syarikat Gadang Engineering (M) Sdn. Bhd. sebagai Kontraktor Penyiap.

10 Oktober 2011: Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan;

- Tarikh Milik Tapak - 19 Oktober 2011.
- Tarikh Siap Kerja - 18 Oktober 2013.
- Kos Projek RM 410.87 juta.
- Tempoh kontrak asal - 24 bulan.

16 Julai 2013: Kelulusan EOT No.1 dikeluarkan dan Tarikh Siap Semasa pada 24 September 2014.

12 September 2014:

EOT No.2 diluluskan oleh Jawatankuasa dan
Tarikh Siap Semasa 31 Mac 2015.

- b) Kos Projek untuk Kontraktor Penyiap: RM 410.87 juta. Kos / bayaran (termasuk bayaran pendahuluan) untuk kontrak ditamatkan: RM 139.9 juta.
- c) Sehingga 10 November 2014 kemajuan kerja di tapak adalah sebanyak 94%. Kontraktor perlu menyiapkan projek ini mengikut tarikh siap semasa, iaitu pada 31 Mac 2015.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 Pelabuhan Klang)**

TAJUK : PENGGUNAAN DANA RIZAB NEGERI

233. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Perincian lengkap mengenai objektif, syarat dan terma, tata cara dan tata kelola penggunaan dana rizab negeri serta mekanisma pemantauan dan penguatkuasaan.

JAWAPAN:

- a) Pengurusan Kumpulan Wang Disatukan atau rizab negeri adalah tertakluk kepada perkara-perkara berikut:-
- i) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Negeri Selangor, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
 - ii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan seperti berikut:-
 - a) Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urusan niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61];
 - b) Akaun Pinjaman Disatukan mengakaun semua pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan di bawah kuasa Undang-Undang Negeri dan pembayaran yang berkaitan; dan
 - c) Akaun Amanah Disatukan mengakaun semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah, suratcara amanah, arahan amanah dan perjanjian.

Mekanisma pemantauan dan penguatkuasaan ke atas penggunaan Kumpulan Wang Disatukan / Rizab Negeri adalah terbahagi kepada tiga (3) iaitu:-

- i) Kawalan Dewan Negeri Selangor contohnya pewujudan Jawatan Kuasa Kira-kira Wang Awam;
- ii) Kawalan Perbendaharaan – penguatkuasaan Akta Tatacara Kewangan, Pekeliling Perbendaharaan dan Sistem Perakaunan Berkomputer dengan Kawalan dan Sekuriti bagi kelulusan sesuatu perbelanjaan dan perolehan; dan
- iii) Kawalan Jabatan – contohnya tanggungjawab Pegawai Pengawal dari segi penurunan kuasa, pusingan tugas dan pengasingan tugas.

Adalah menjadi dasar Kerajaan Negeri bagi menggunakan rizab ini untuk pelaksanaan program atau projek yang akan membawa manfaat jangka panjang kepada pembangunan sosioekonomi negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 Gombak Setia)**

TAJUK : KEMUDAHAN RIADAH

234. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan kerajaan untuk menaiktaraf kemudahan riadah di DUN-DUN untuk melahirkan rakyat yang sihat?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri dari masa ke semasa melalui PBT menaiktaraf pelbagai kemudahan riadah termasuk di dalam kawasan Dun melalui pelaksanaan Padang Cergas yang telah dimulakan sejak tahun 2013, sebanyak 118 buah padang cergas telah dibina yang bertujuan untuk melahirkan masyarakat yang sihat. Kerajaan Negeri juga menyediakan peruntukan sebanyak RM1,365,040.00 bagi pembinaan padang cergas dan menaiktaraf taman permainan dan rekreasi bagi PBT yang mempunyai kekangan kewangan. Selain itu, setiap PBT jug mempunyai rancangan masing-masing bagi menaiktaraf kemudahan riadah yang memerlukan pembaikan dari masa ke semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 Kampung Tunku)**

TAJUK : SISTEM TALIAN ADUAN RAKYAT SELANGOR (STARS)

235. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Huraikan tentang latar belakang dan sejarah STARS dan berikan statistik berkenaan dengan bilangan dan jenis aduan yang diterima melalui STARS sejak tahun 2010 hingga sekarang.

JAWAPAN:

- a) Sistem Talian Aduan Rakyat Selangor (STARS) telah dibangunkan oleh Syarikat Padimas Systems Sdn. Bhd. Ia telah mendapat kelulusan daripada Perbendaharaan Negeri Selangor pada 05 Oktober 2006 dan mula beroperasi pada 2007.

Sistem ini telah diselenggara oleh Syarikat Padimas Systems Sdn. Bhd. selama 2 tahun bermula 1 Mei 2010 sehingga 30 April 2012 yang meliputi 11 buah server yang ditempatkan di Pusat Data BTM dan 6 PBT. Walau bagaimanapun, penyelenggaraan tidak disambung selepas tamat tempoh tersebut kerana tidak mendapat kelulusan Perbendaharaan Negeri Selangor dan telah diarahkan untuk diselenggara sendiri oleh Bahagian Teknologi Maklumat (BTM).

Pada Jun sehingga Ogos 2011, kajian audit mengenai pengurusan aduan melalui Portal STARS telah dilaksanakan oleh Bahagian Audit Dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan hasil penemuan audit mendapati penambahbaikan perlu dibuat untuk memastikan sistem ini dapat menghasilkan maklumat yang tepat serta dapat membantu pihak pengadu dengan cekap dan berkesan. Sehubungan itu, BTM telah membuat langkah penambahbaikan dengan mengambil kira faktor kos penyelenggaraan bagi 11 buah server bagi permasalahan ini. Maka sistem STARS telah dipindahkan ke dua buah *server cloud* di Pusat Data BTM. Kesemua sistem telah dipindahkan ke server ini kecuali Majlis Perbandaran Selayang.

STARS merupakan gerbang utama kepada pengadu yang ingin menyampaikan aduan atau cadangan kepada mana-mana organisasi dan agensi kerajaan di Negeri Selangor. Sistem ini membolehkan orang awam menyampaikan aduan atau cadangan dengan mudah melalui portal yang khusus kepada organisasi yang terlibat. Portal ini juga seterusnya memudahkan orang ramai kerana hanya perlu mengingati satu portal pengaduan sahaja selain mudah capai pada bila-bila masa dan dimana sahaja yang mempunyai capaian internet.

Pemantauan terhadap aduan juga dapat dibuat dan aduan dapat disalurkan dengan pantas kepada jabatan/agensi terlibat. STARS juga membantu dalam pengurusan aduan dan maklumbalas orang awam di Selangor secara berpusat dan elektronik sepenuhnya.

**STATISTIK BILANGAN DAN JENIS ADUAN YANG DITERIMA MELALUI
STARS SEJAK TAHUN 2010 HINGGA 31 OKTOBER 2014**

JENIS / KATEGORI ADUAN	TAHUN				
	2010	2011	2012	2013	2014
Alam Sekitar	181	257	246	273	184
Bangunan	85	111	102	76	59
Infrastruktur	162	203	277	277	250
Kacauganggu	77	101	95	137	147
Kepimpinan	9	13	26	17	8
Pelbagai	189	420	459	990	627
Perkhidmatan	143	177	278	1155	489
Peniagaan Tanpa Lesen	16	16	11	39	23
Rasuah / Penyelewengan	22	23	19	23	10
Tanah	101	103	84	81	60
JUMLAH	985	1424	1597	3068	1857

*Nota: Sumber daripada Sistem Talian Aduan Rakyat Selangor (STARS),
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 Kuang)**

TAJUK : SUMBANGAN EKONOMI NEGERI KEPADA NEGARA

236. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah tahap sumbangan ekonomi negeri kepada Negara tahun 2014?
- b) Apakah ramalan sumbangan ekonomi negeri di tahun 2015?

JAWAPAN:

- a) Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Selangor bagi tahun 2014 diunjurkan tumbuh 6.1% dengan anggaran berjumlah RM197,949 juta. Jumlah tersebut dianggarkan menyumbang 23.77% kepada KDNK Malaysia (RM832,773 juta).

Sumbangan ini disokong oleh pertumbuhan kukuh dalam sektor ekonomi utama iaitu perkhidmatan, pembuatan, pembinaan, perlombongan dan pertanian.

- b) Pada tahun 2015, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Selangor diunjurkan bernilai RM208,881 juta. Ini bermakna Negeri Selangor dijangkakan akan menyumbang 23.83% kepada KDNK negara (RM876,446 juta).

KDNK Negeri Selangor pada tahun 2015 diunjurkan tumbuh 5.5% kepada RM208,881 juta. Nilai ditambah sektor pembuatan diunjurkan tumbuh 5.6% manakala nilai ditambah sektor perkhidmatan diunjurkan tumbuh 5.4%. Sektor pembinaan diunjurkan tumbuh 11.2%. Sementara itu nilai ditambah sektor pertanian diunjurkan tumbuh 1.6%.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 Balakong)**

TAJUK : HARTANAH DAN PERUMAHAN NEGERI SELANGOR

237. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah hartanah dan perumahan di dalam negeri Selangor yang dimiliki oleh warga asing.
- b) Nyatakan kesan positif dan negatif berikutan jumlah pemilikan hartanah dan perumahan dalam negeri oleh warga asing.

JAWAPAN:

- a) Sehingga **30 Oktober 2014**, terdapat **3,107 unit** hartanah dan perumahan di Negeri Selangor yang dimiliki oleh warga asing. Berikut adalah jumlah pemilikan tersebut mengikut tahun.

TAHUN	JUMLAH (unit)
2011	834
2012	852
2013	807
2014 (sehingga 30 Oktober 2014)	614
JUMLAH	3,107

*Sumber: Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) dan
Sistem Pendaftaran Hakmilik Strata (SPHS).*

Nota: Maklumat tersebut tidak melibatkan data pemilikan oleh syarikat asing dan pemilikan di bawah Hak Milik Induk 'Master Title'.

- b) Pemilikan hartanah dan perumahan oleh warga asing di Negeri Selangor memberikan kesan positif dan juga negatif ke atas aspek sosial dan ekonomi negeri Selangor seperti berikut:

Kesan Positif

- i) Meningkatkan prestasi ekonomi dalam negeri dan merancakkan pertumbuhan sektor perumahan dan sektor sampingan, iaitu pendidikan serta kesihatan.
- ii) Menarik pelabur asing untuk melabur dalam industri perumahan domestik.
- iii) Menggalakkan kehadiran pakar-pakar dari negara maju untuk berkhidmat di Negeri Selangor.

Kesan Negatif

- i) Wujudnya masalah pasaran perumahan yang tidak efisien yang menyebabkan harga rumah sentiasa meningkat tanpa kawalan, pasaran perumahan yang tidak stabil serta wujud spekulasi dan monopoli.
- ii) Meningkatkan kadar inflasi.
- iii) Masalah keseimbangan sosial dan budaya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 Hulu Bernam)**

TAJUK : MANFAAT IBU TUNGGAL

238. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah permohonan yang telah diterima dan diluluskan untuk Skim Manfaat Ibu Tunggal di Selangor?
- b) Adakah Kerajaan Negeri menyokong skim dan bantuan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat?

JAWAPAN:

- a) Jumlah Ibu tunggal yang berdaftar di DUN Selat Klang melalui sistem e-Bu adalah seramai 583 orang.
- b) Pada masa kini, Kerajaan Negeri ada menyediakan beberapa bantuan untuk ibu tunggal untuk jangka masa panjang seperti latihan dan bimbingan. Melalui latihan dan bimbingan ini mereka boleh mendapatkan bantuan kewangan dari SKIMSEL, MIMBAR, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Lembaga Zakat Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 Kuala Kubu Baharu)**

TAJUK : TAKUNGAN AIR EMPANGAN SG SELANGOR

239. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan peratusan takungan air yang paling rendah pernah dicatat sejak Empangan Sg Selangor dibina.
- b) Senaraikan peratusan takungan air Empangan Sg Selangor yang tertinggi dan terendah setiap bulan pada tahun 2012, 2013 dan 2014.
- c) Apakah kaedah-kaedah digunakan untuk memeriksa Empangan Sg Sungai bagi memastikan kebocoran tidak berlaku.

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan rekod didapati paras air empangan dan peratusan takungan yang paling rendah pernah dicatatkan sejak Empangan Sungai Selangor dibina ialah pada bulan Ogos 2014 iaitu 186.10m bersamaan 31.84%.
- b) Berdasarkan rekod analisis pemantauan, bagi tahun 2012 nilai maksimum peratusan takungan Empangan Sungai Selangor ialah 100% iaitu pada bulan Januari hingga Jun dan nilai minimum peratusan takungan 52.02% iaitu pada bulan Oktober. Bagi tahun 2013 nilai maksimum peratusan takungan Empangan Sungai Selangor ialah 100% iaitu pada bulan Mac hingga Jun dan nilai minimum peratusan takungan 48.85% iaitu pada bulan Oktober. Bagi tahun 2014, nilai maksimum peratusan takungan Empangan Sungai Selangor ialah 68.42% iaitu pada bulan Januari dan nilai minimum peratusan takungan 31.84% iaitu pada bulan Ogos. Perincian data peratusan takungan air Empangan Sungai Selangor yang tertinggi dan terendah setiap bulan pada tahun 2012, 2013 dan 2014 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- c) Pemantauan struktur Empangan Sungai Selangor bagi memastikan kebocoran tidak berlaku adalah berdasarkan Laporan Keselamatan Empangan di mana audit pemeriksaan empangan dijalankan secara berkala di kawasan sekitar struktur empangan dengan kerjasama Jabatan Bekalan Air, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA). Tindakan pemuliharaan dan penambahbaikan akan dilaksanakan pihak pengendali empangan Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn. Bhd. dengan kelulusan pihak berkuasa negeri.

Berdasarkan Kertas “Kepentingan Keselamatan Struktur Empangan” dalam Mesyuarat Majlis Sumber Air Negara (MSAN) Bil. 9 pada 21 Oktober 2014, terdapat cadangan penubuhan *Dam Technical Centre (DTC)* yang diterajui oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA). Tujuan utama penubuhan *DTC* ialah untuk melaksanakan pengawasan dan pemeriksaan struktur empangan secara berpusat dan berperanan sebagai pusat pangkalan data keselamatan empangan diperingkat nasional dan memberikan khidmat teknikal dan pakar kepada pengendali empangan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan pusat tersebut akan disemak dan dikaji semula di peringkat Kerajaan Negeri bagi mengelakkan pertindihan kuasa memandangkan pengurusan sumber air di Negeri Selangor adalah tertakluk di bawah Enakmen LUAS 1999.

DATA PERATUS TAKUNGAN EMPANGAN SUNGAI SELANGOR (2012-2014)

BULAN	PERATUS TAKUNGAN 2012 (%)		PERATUS TAKUNGAN 2013 (%)		PERATUS TAKUNGAN 2014(%)	
	MINIMUM	MAKSIMUM	MINIMUM	MAKSIMUM	MINIMUM	MAKSIMUM
JAN	94.53	100	94.39	97.5	64.78	68.42
FEB	94.53	100	95.2	97.47	46.9	64.16
MAC	100	100	97.77	100	36.39	46.31
APRIL	100	100	97.71	100	36.6	40.38
MEI	100	100	100	100	40.46	42.76
JUN	92.13	100	94.13	100	41.99	43.79
JULAI	80.13	92	77.39	93.46	33.46	41.91
OGOS	65.52	79.53	61.28	76.8	31.84	33.46
SEPT	54.87	65.1	56.02	60.88	33.4	35.69
OKT	52.02	59.19	48.85	55.62	35.9	48.85
NOV	59.62	77.86	52.29	58.01	49.28	53.2
DIS	78.57	93.46	58.21	65.2		

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 Kota Damansara)**

TAJUK : TANAH PERKUBURAN

240. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Siapakah yang bertanggungjawab memantau pengendalian tanah-tanah perkuburan di negeri Selangor?
- b) Apakah usaha dan peranan kerajaan negeri dalam menyelesaikan isu percampuran tanah perkuburan Islam dan Kristian yang berlaku baru-baru ini?

JAWAPAN:

- a) Untuk Makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengendalian/pengurusan tanah-tanah perkuburan Islam di negeri Selangor, adalah dibawah bidang kuasa Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan terdapat juga tanah-tanah perkuburan Islam yang diselenggara oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti Tanah Perkuburan Islam Seksyen 21, Shah Alam dan tanah perkuburan Islam Lipat Kajang, Klang.

Manakala bagi keperluan selain Islam pula seperti mana keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam Negeri Selangor Bil.7/2014 telah menetapkan segala urusan penyelenggaraan perkuburan selain Islam adalah dibawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

- b) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, usaha untuk mengatasi isu-isu percampuran tanah perkuburan Islam dan Kristian atau lain-lain agama, dibuat berdasarkan penelitian oleh Pentadbir Tanah Daerah semasa penentuan kawasan tanah untuk kegunaan tapak perkuburan.

Walaupun, untuk jangka masa panjang, kerajaan negeri melalui JPBD Selangor telah menjalankan Inventori Tanah Perkuburan dan Keperluan Perkuburan Sehingga Tahun 2060 di Negeri Selangor. Laporan 2 jilid bertarikh April 2011 yang siap digunapakai ini antara lainnya adalah merumuskan penawaran jumlah tapak perkuburan semasa mengikut agama di setiap kawasan PBT di Negeri Selangor dan menganalisis keperluan semasa kawasan perkuburan sehingga tahun 2060.

Laporan tersebut turut mengutarakan cadangan konsep tapak perkuburan wilayah bersepadu di Negeri Selangor tahun 2060 bagi menampung keperluan penduduk yang berbilang kaum di masa hadapan.

Ciri-ciri Cadangan Konsep Perkuburan Wilayah Bersepadu Negeri Selangor

Konsep yang akan dibangunkan ini meliputi tanah perkuburan Islam, jirat cina, perkuburan hindu dan perkuburan Kristian yang dirancang secara bersepadu dengan pengasingan zon perkuburan mengikut agama.

Selain itu, perancangan tanah perkuburan bersepadu juga turut dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan seperti pejabat pentadbiran, stor perkhidmatan, surau, rumah kakitangan, kompleks pembakaran mayat (crematorium), kemudahan rumah ibadat selain Islam, kemudahan lawatan/ziarah, depot penyelenggaraan dan tempat letak kereta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 Damansara Utama)**

TAJUK : PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD (PNSB)

241. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan semua projek usahasama PNSB dengan syarikat lain dan bekalkan maklumat terperinci.
- b) Sila senaraikan semua aset yang dimiliki oleh PNSB.
- c) Sila bekalkan butiran kesemua penjualan aset PNSB 2008-2013: tarikh penjualan, pembeli, harga, butiran aset dan tender terbuka/tutup.

JAWAPAN:

- a) Projek usahasama yang dijalankan oleh PNSB dengan syarikat lain adalah sebagaimana di Lampiran A.
- b) Senarai aset yang dimiliki oleh PNSB adalah sebagaimana di Lampiran B
- c) Senarai butiran penjualan aset PNSB 2008-2013 adalah seperti di Lampiran C.

BIL	NAMA PROJEK	LUAS (EKAR)	SYARIKAT USAHASAMA	STATUS
1	CADANGAN PEMBANGUNAN DI ATAS LOT 2224 MUKIM CHERAS	4.444	KEYWISE PROJECT SDN. BHD.	PROJEK TELAH SIAP SEPENUHNYA
2	CADANGAN PEMBANGUNAN DI ATAS LOT 9 DAN SEBAHAGIAN LOT 10, JALAN PADANG, PELABUHAN KLANG	3.1	GALERI CEKAP SDN. BHD.	PROJEK TELAH SIAP SEPENUHNYA
3	CADANGAN PEMBANGUNAN PROJEK PERUMAHAN DI ATAS LOT 3422 (KOI TROPIKA)	10.49	UTARARIA DEVELOPMENT SDN.BHD.	PROJEK TELAH SIAP SEPENUHNYA DALAM PROSES PENGELUARAN HAKMILIK STRATA DAN PINDAHMILIK KEPADA PEMBELI.
4	CADANGAN PEMBANGUNAN SEMULA RANCANGAN PERUMAHAN JALAN AMAN FASA III (KG. BEREMBANG)	21.15	PERSPEKTIF MASA SDN.BHD.	RUMAH PANGSA KOS RENDAH 634 UNIT TELAH SIAP SEPENUHNYA LAIN LAIN PEMBANGUNAN SEDANG DILAKSANAKAN
5	CADANGAN PEMBANGUNAN SEMULA SETINGGAN DI KAMPUNG KEMENSAH	15.16	PERSPEKTIF MASA SDN.BHD.	72 UNIT TOWN HOUSE UNTUK PEMINDAHAN SETINGGAN TELAH SIAP SEPENUHNYA LAIN-LAIN PEMBANGUNAN SEDANG DILAKSANAKAN
6	CADANGAN PEMBANGUNAN DI ATAS LOT 1818, MUKIM AMPANG.	10.68	LITAZU SDN. BHD.	PROJEK TELAH SIAP SEPENUHNYA
7	CADANGAN PEMBANGUNAN DI SG. LONG, MUKIM CHERAS	18.25	BIDARA LUMAYAN SDN.BHD.	PROJEK TELAH SIAP SEPENUHNYA

BIL	NAMA PROJEK	LUAS (EKAR)	SYARIKAT USAHASAMA	STATUS
8	CADANGAN PEMBANGUNAN DI ATAS LOT 7165, MUKIM RAWANG, DAN PENEMPATAN SEMULA PUSAT SERENTI RAWANG KE PUSAT LATIHAN DENGKIL	345	GLOMAC RAWANG SDN. BHD.	PROJEK SEDANG BERJALAN Phase 3B: 86unit teres; 100% siap. Phase 5: 73unit teres; 100% siap. Phase 7B: 178unit teres; 100% siap. Phase 3C: 54 unit teres; 100% siap. Phase 14A1 & 14A2: 63 & 15 unit zero lot banglo; 100% siap. Phase 17A & 17B: 100 unit shop ofis; 100% siap. Phase 11A : 55 unit teres; 100% siap. Phase 13 teres - 60% Phase 15B Semi-D - 10% Phase 10 teres - 3% Rumah Kos Rendah - 100%
9	CADANGAN PERUMAHAN DAN PERNIAGAAN DI ATAS LOT 1831, 2070, 6795 DAN 11197, (TAMAN IMPIAN PUTRA)	77.467	DASAR BERINGIN SDN. BHD.	FASA TELAH SIAP: FASA 1 - 277 UNIT RKS FASA 3 - 43 UNIT KEDAI / PEJABAT FASA 4 - 179 UNIT RKS FASA 6 - 365 UNIT RKS FASA 5 - 190 UNIT RPKS PEMAJU BERCADANG MENGEMUKAKAN RAYUAN BAGI MEMINDA KOMPONEN PEMBANGUNAN DARIPADA RUMAH KOS RENDAH KEPADA RUMAH MAMPU MILIK (RUMAH SELANGORKU).
10	CADANGAN PEMBANGUNAN DI ATAS LOT 2348 BT. 20 1/2, JALAN BROGA, MUKIM SEMENYIH.	24.4	FAIRVIEW DEVELOPMENT SDN. BHD.	PROJEK TELAH SIAP KECUALI RUMAH KOS RENDAH PEMAJU BERCADANG UNTUK MEMBINA RUMAH KOS RENDAH BERKONSEPKAN TOWN HOUSE KURANG PERMINTAAN RKR DIKAWASAN INI
11	CADANGAN PEMBANGUNAN DI ATAS LOT 1906, MUKIM SEMENYIH, HULU LANGAT	84	AMALAN SETAR (M) SDN.BHD.	MASIH DIDALAM PROSES KELULUSAN PINDAAN KEBENARAN MERANCANG DARIPADA PBT
12	CADANGAN BAGI MEMAJUKAN TANAH DI BATU 9, JALAN KAPAR, PEREPAT (TAMAN PEREPAT INDAH)	79.83	ATHENEUM PARK SDN. BHD.	FASA TELAH SIAP: FASA 1A - 108 UNIT RKS (CF keluar Dec.2005) FASA 1B - 108 UNIT RKS (CF keluar Dec.2005) FASA 1C -42 UNIT RKR (CF keluar 10.Dec.2007) FASA 2B - 154 UNIT RKS (CF keluar 13. April 2009) FASA 2C - 154 UNIT RKS: i. BLOK A,B,C,D (46 UNIT) (CF keluar 14 Jan 2010) ii. BLOK E,F,G,H (46 UNIT) (CP keluar 18 feb 2010) iii. BLOK I & J (31 UNIT) (CF keluar 17 feb 2012) FASA 3B - 90 UNIT RPKR (CF keluar 14.Jan.2010) FASA DALAM PEMBINAAN: FASA 2C - 154 UNIT RKS: i. BLOK K & L (31 UNIT) FASA 2A - 144 UNIT RKS (88% siap)

BIL	NAMA PROJEK	LUAS (EKAR)	SYARIKAT USAHASAMA	STATUS
13	CADANGAN PEMBANGUNAN (MORIB BEACH RESORT) SECARA USAHASAMA DI ANTARA PNSB & GOLDEN HOPE DEVELOPMENT SDN. BHD.	806.738	GOLDEN MORIB SDN. BHD. (I&P MORIB)	MMKN BIL 20/2012 PADA 30 MEI 2012 TELAH MENOLAK PERMOHONAN RAYUAN PENGURANGAN PREMIUM KE ATAS TANAH PADANG GOLF DAN TELAH MELULUSKAN SECARA PEWARTAAN KE ATAS TANAH TERSEBUT DAN YB SETIAUSAHA KERAJAAN DILANTIK SEBAGAI PEG.PENGAWAL
14	CADANGAN PEMBANGUNAN SEPANG GOLD COAST BAGI DAERAH KUALA LANGAT	935	SEPANG GOLDCOAST SDN.BHD.	PEMBANGUNAN WATER VILLA TELAH SIAP SEPENUHNYA DAN TELAH BEROPERASI. BAGI LAIN-LAIN PEMBANGUNAN - SEDANG MENUNGGU PROSES PEWARTAAN SEMPADAN OLEH PTG.
15	CADANGAN PEMBANGUNAN BERCAMPUR DI MUKIM TANJUNG DUA BELAS, DAERAH KUALA LANGAT, SELANGOR.	1172.28	SAPPHIRE INDEX SDN. BHD.	KEBENARAN MERANCANG TELAH DILULUSKAN OLEH MDKL PADA 21.1.2014. SUPPLEMENTARY AGREEMENT DI ANTARA MBI, PNSB DAN PEMAJU TELAH DIMETERAI PADA 7.8.2014. PERMOHONAN SERAHBALIK DAN BERMILIK SEMULA DI BAWAH SEKSYEN 204B, KTN TELAH DILULUSKAN OLEH PIHAK BERKUASA NEGERI PADA 10.9.2014.
16	CADANGAN PEMBANGUNAN BERSEPADU DI ATAS SEBAHAGIAN HS(D) 5386, PT 8594, MUKIM TANJUNG DUA BELAS (PLOT F)	60	SANJUNG HEMAT SDN. BHD.	PROJEK TELAH SIAP SEPENUHNYA.
17	CADANGAN PEMBANGUNAN DI TAPAK TAMAN BOTANI, MUKIM SG. BULOH	100	C.WHEEL DAN SEMPONIA	PROJEK BERJALAN SEBAGAIMANA YANG TELAH DIJADUALKAN. RUMAH MAMPU MILIK TELAH MENCAPAI KEMAJUAN 30% PEMBINAAN.

BIL	NAMA PROJEK	LUAS (EKAR)	SYARIKAT USAHASAMA	STATUS
18	CADANGAN PEMBANGUNAN BERCAMPUR DI SEKSYEN U10, SHAH ALAM	75	GREENHILL DEVELOPMENT SDN. BHD.	LEMBAGA PENGARAH PNSB BIL.1/2012 PADA 9 MAC 2012 TELAH MELULUSKAN CADANGAN PENJUALAN HARTANAH KEPADA GREENHILL DEVELOPMENT SDN BHD BERJUMLAH RM35 JUTA TERMASUK SEGALA PERBELANJAAN YANG TELAH DIKELUARKAN OLEH PNSB KE ATAS TANAH SELUAS 70.55 EKAR MILIK PNSB. PERJANJIAN JUALBELI HARTANAH DI ANTARA PNSB, PNSB DEVELOPMENT SDN. BHD. DAN GREENHILL DEVELOPMENT SDN. BHD. TELAH DIMETERAI PADA 12 APRIL 2012.
19	CADANGAN PEMBANGUNAN DI ATAS LOT HSD 4602 PT 8228, MUKIM PANCHANG BEDENA.	25.391	PNSB	KELULUSAN KEBENARAN MERANCANG TELAH DILULUSKAN PADA 26 SEPTEMBER 2014. PENYEDIAAN KELULUSAN PELAN BANGUNAN, DAN PELAN-PELAN BERKAITAN SEDANG DILAKSANAKAN
20	CADANGAN PEMBANGUNAN DI ATAS PT. 6262& 6263, MUKIM DENGKIL	100	SEMAI RIA SDN. BHD.	PROJEK BERJALAN SEPERTI DIJADUALKAN PEMAJU BERCADANG UNTUK MEMINDA RUMAH KOS RENDAH KE RUMAH SELANGORKU.
21	CADANGAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN SEPANG GOLD COAST	3686	SEPANG GOLD COAST	*PEMBANGUNAN BAGI FASA 1 (GPT) TELAH SIAP SEPENUHNYA DAN TELAH BEROPERASI PADA 1 JULAI 2010. *PEMBANGUNAN YANG DIJALANKAN HANYA DI DALAM PLOT 67 SAHAJA PADA MASA KINI
22	CADANGAN PEMBANGUNAN DI ATAS TANAH MUKIM HULU KLANG	54.01	SAUJANA UKAY SDN. BHD. (GEMAR MEGA PRIMA SDN. BHD.)	TASK FORCE DAN PENGURUSAN PNSB MENGESYORKAN SUPAYA PEMAJU DIBERI TEMPOH SELAMA 3 BULAN UNTUK MENANDATANGANI PERJANJIAN TAMBAHAN. SEKIRANYA GAGAL, PNSB BOLEH MENAMATKAN PERJANJIAN USAHASAMA TANPA MELIBATKAN IMPLIKASI PERUNDANGAN KEPADA PNSB DAN KERAJAAN NEGERI.

BIL	NAMA PROJEK	LUAS (EKAR)	SYARIKAT USAHASAMA	STATUS
23	CAD. PEMBANGUNAN TAMAN EKOLOGI BERASASKAN KONSERVASI, REKREASI & SEBAHAGIAN PERUMAHAN DI ATAS TANAH PERBADANAN MENTERI BESAR DI ATAS PT 24420 DAN 24429, MUKIM KAPAR.	120.55	PANDANG JAYA DEV. SDN. BHD.	*NOTIS PENAMATAN PROJEK TELAH DIKEMUKAKAN PADA 31.10.2008. *TANAH TERLIBAT DENGAN HUTAN PAYA BAKAU
24	CADANGAN PEMBANGUNAN DAN REKREASI DI TANJUNG RHU, PULAU CAREY	400	JUGRA PARADISE SDN. BHD.	PEMAJU SEDANG MENYEDIAKAN PELAN PEMBANGUNAN DAN FEASIBILITY STUDY PROJEK. PEMAJU BERCADANG UNTUK MENGEMUKAKAN PERMOHONAN 'RIGHT OF WAY' (ROW) KEPADA PTD. KUALA LANGAT BAGI MENDAPATKAN AKSES TERUS KE TAPAK.
25	CADANGAN PEMBANGUNAN FASA 3, BANDAR PERANGINAN PANTAI MORIB FASA 3A- 29 EKAR FASA 3B -701 EKAR	730	GK RESORT BERHAD	PEMAJU DIKEHENDAKI MEMAJUKAN FASA 3A TERLEBIH DAHULU. SEKIRANYA BERJAYA, FASA 3B SETERUSNYA AKAN DIBENARKAN UNTUK DIBANGUNKAN. MMKN KE 25/2011 PADA 20 JULAI 2011 TELAH MENIMBANG DAN MENOLAK PERMOHONAN PEMBERIMILIKAN TANAH FASA 3A KEPADA PNSB.
26	CADANGAN PEMBANGUNAN BERCAMPUR DI SEKSYEN U10, SHAH ALAM	150	FOKUS AWANA SDN. BHD.	PEMAJU AKAN MENGEMUKAKAN PELAN TATATUR DAN FEASIBILITY STUDY PROJEK TERBARU MEMANDANGKAN PELAN TATATUR ASAL TELAH LUPUT TEMPOH KELULUSAN.
27	CADANGAN PEMBANGUNAN BERCAMPUR DI SEKSYEN U10, SHAH ALAM	68	JULUNG BERKAT SDN. BHD.	LEMBAGA PENGARAH PNSB BIL.1/2010 BERTARIKH 22 FEB 2010 TELAH MELULUSKAN PULANGAN SEBANYAK RM12,209,180.00 PERMOHONAN KELULUSAN KEBENARAN PINDAHMILIK TELAH DIPEROLEHI DARIPADA PEJABAT TANAH GALIAN SELANGOR MELALUI SURAT BERTARIKH 28 FEBRUARI 2011. BAYARAN TELAH DIJELASKAN SEPENUHNYA

BIL	NAMA PROJEK	LUAS (EKAR)	SYARIKAT USAHASAMA	STATUS
28	CADANGAN PEMBANGUNAN BERCAMPUR DI PEKAN SG. HAJI DORANI DI ATAS LOT 672, 757, 7341, 7342, 9177,9179, 10296 DAN 10297, MUKIM PANCHANG BEDENA	19.9	BAGAI SEMPURNA SDN. BHD.	MESYUARAT 'JMC' PADA 30.10.2014 TELAH BERSETUJU AGAR PEMAJU MENGEMUKAKAN TAWARAN PULANGAN TERBARU BERDASARKAN NILAI TANAH SEMASA DAN 5% DARIPADA GDV PROJEK. PEMAJU JUGA TELAH MENGEMUKAKAN PERMOHONAN KM UNTUK PENDIRIAN BANGUNAN DAN PERMOHONAN UNTUK KELULUSAN PELAN BANGUNAN, PELAN INFRASTRUKTUR DAN PELAN KERJA TANAH KEPADA MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM.
29	CADANGAN MEMBANGUNKAN LOT 557 MUKIM DENGKIL	633.22	GALERI KENCANA/ SAGA TUNAS/ EDISI MEGAH SB	PEMAJU AKAN MENGEMUKAKAN PELAN TATATUR DAN FEASIBILITY STUDY PROJEK TERBARU MEMANDANGKAN PELAN TATATUR ASAL TELAH LUPUT TEMPOH KELULUSAN.
30	CADANGAN PEMBANGUNAN BERSEPADU DI ATAS SEBAHAGIAN HS(D) 5386, PT 8594, MUKIM TANJUNG DUA BELAS (PLOT H DAN I)	30	INTELSTYLE SDN. BHD.	*PELAN PINDAAN TELAH DILULUSKAN DARIPADA PERUMAHAN KEPADA INDUSTRI. *KERJA-KERJA TANAH TELAH DIMULAKAN.
31	CADANGAN PEMBANGUNAN BERSEPADU DI ATAS SEBAHAGIAN HS(D) 5386, PT 8594, MUKIM TANJUNG DUA BELAS (PLOT A & J)	345	SERIBU BAIURI SDN. BHD.	PROJEK TELAH SIAP 80%. HANYA PEMBANGUNAN SERVICE APARTMENT 'SKY PARK' SEDANG DILAKSANAKAN
32	CADANGAN PEMBANGUNAN BERSEPADU DI ATAS SEBAHAGIAN HS(D) 5386, PT 8594, (PLOT B) MUKIM TANJUNG DUA BELAS *FASA 5-KEDAI SETINGKAT KOS RENDAH (150 UNIT) *FASA 6 & 7 - RUMAH TERES DUA TINGKAT (980 UNIT)	140	UTUH SEJAGAT SDN. BHD.	SIAP SEPENUHNYA

BIL	NAMA PROJEK	LUAS (EKAR)	SYARIKAT USAHASAMA	STATUS
33	CADANGAN PEMBANGUNAN BERSEPADU DI ATAS SEBAHAGIAN HS(D) 5386, PT 8594, MUKIM TANJUNG DUA BELAS (PLOT C)	230	JATIDIRI GIGIH SDN BHD.	SIAP SEPENUHNYA
34	CADANGAN PEMBANGUNAN BERSEPADU DI ATAS SEBAHAGIAN HS(D) 5386, PT 8594, MUKIM TANJUNG DUA BELAS (PLOT D)	60	JAUHARI UNGGUL SDN.BHD.	SIAP SEPENUHNYA
35	CADANGAN PEMBANGUNAN BERSEPADU DI ATAS SEBAHAGIAN HS(D) 5386, PT 8594, MUKIM TANJUNG DUA BELAS (PLOT G)	200	GALIAN JUTA SDN. BHD.	SIAP SEPENUHNYA
36	CADANGAN PEMBANGUNAN BERCAMPUR DI BANDAR PETALING JAYA SELATAN	5.44	PAN PREMIUM SDN. BHD.	PERJANJIAN PENYELESAIAN TELAH DITANDATANGANI
37	CADANGAN PEMBANGUNAN BERSEPADU DI ATAS SEBAHAGIAN PT. 15139, MUKIM PETALING	155	DAMAI KEMUNING SDN. BHD.	PERJANJIAN PENYELESAIAN BERSAMA PIHAK PEMAJU TELAH DITANDATANGANI PADA 8 JUN 2010 PEMBANGUNAN FASA 1 SEDANG DILAKSANAKAN
38	CADANGAN UNTUK MEMAJUKAN SEBAHAGIAN LOT 5318 DI MUKIM DENGKIL.	92	OAXIS SDN. BHD.	PERJANJIAN BAGI PENYELESAIAN AWAL. TELAH DITANDATANGNI KELULUSAN KEBENARAN MERANCANG TELAH DIPEROLEHI

BIL	NAMA PROJEK	LUAS (EKAR)	SYARIKAT USAHASAMA	STATUS
-----	-------------	-------------	--------------------	--------

LAPORAN PENJUALAN TANAH SEHINGGA OKTOBER 2014

BIL	NAMA PROJEK	LUAS (EKAR)	PEMBELI	PENERANGAN
1	CADANGAN PEMBANGUNAN 16 UNIT KEDAI/PEJABAT 3 TINGKAT DI ATAS LOT 3761, SG.RAMAL, MUKIM KAJANG.	2.1	TEKNOLOGI BUDAYA TEKUN SDN.BHD.	PENJUALAN INI TELAH DILAKSANAKAN SECARA TENDER TERBUKA PERJANJIAN JUALBELI TELAH DITANDATANGANI PADA 5 JULAI 2010
2	LOT 42197, PEKAN BANGI LAMA, MUKIM KAJANG	51	TEKNOLOGI BUDAYA TEKUN SDN.BHD.	PENJUALAN INI TELAH DILAKSANAKAN SECARA TENDER TERBUKA. PERJANJIAN JUALBELI TELAH DITANDATANGANI PADA 19 NOVEMBER 2012.

**RINGKASAN LAPORAN PROJEK
MENGIKUT DAERAH**

BIL	DAERAH	LUAS (EKAR)	PENERANGAN	CADANGAN UNIT MENGIKUT LAYOUT							BILANGAN UNIT SIAP DIBINA							BILANGAN UNIT DALAM PEMBINAAN						
				RKR	RKSR	RKS	RKT	KEDAI	KILANG	JUMLAH	RKR	RKSR	RKS	RKT	KEDAI	KILANG	JUMLAH	RKR	RKSR	RKS	RKT	KEDAI	KILANG	JUMLAH
1	HULU LANGAT	169.311		380	235	2,416	58	59	0	3,148	0	235	2,416	0	43	0	2,694	120	45	26	58	16	0	265
2	KLANG	82.930		302	144	963	12	32	0	1,453	42	90	708	12	0	0	852	260	0	554	12	0	0	826
3	SEPANG	3895.760		336	215	627	760	236	1	2,175	0	0	493	399	112	0	1,004	0	0	0	0	112	0	112
4	PETALING	345.930		550	0	8,670	5,423	749	1	15,393	0	0	1,050	533	38	0	1,621	0	0	8,213	4,332	711	1	13,257
5	GOMBAK	421.030		1,801	405	2,693	2,811	77	0	7,787	1,022	4	155	149	15	0	1,345	0	12	573	1,192	32	0	1,809
6	KUALA LANGAT	5154.018		3,170	1,578	7,964	5,644	432	0	18,788	0	0	2,506	224	0	0	2,730	0	0	900	0	78	0	978
7	SABAK BERNAM	19.900		0	0	104	17	55	0	176	0	0	0	0	0	0	0	0	104	17	55	0	176	
JUMLAH				6,539	2,577	23,437	14,725	1,640	2	48,920	1,064	329	7,328	1,317	208	0	10,246	380	57	10,370	5,611	1,004	1	17,423

**RINGKASAN JUMLAH UNIT -UNIT RUMAH, KEDAI DAN KILANG PROJEK-PROJEK USAHASAMA
PNSB - SWASTA**

BIL.	DAERAH	SIAP	SEDANG BINA	BELUM BINA	JUMLAH
1	GOMBAK	334	2448	4733	7515
2	HULU LANGAT	1490	1143	1338	3971
3	KLANG	648	656	755	2059
4	KUALA LANGAT	3628	978	16099	20705
5	PETALING	1064	1684	1690	4438
6	SEPANG	605	493	1670	2768
7	HULU SELANGOR	0	0	0	0
8	KUALA SELANGOR	0	0	0	0
9	SABAK BERNAM	0	0	176	176
JUMLAH		7769	7402	26461	41632

**RINGKASAN PEMBINAAN UNIT-UNIT RUMAH PROJEK PERUMAHAN PROJEK USAHASAMA
PNSB - SWASTA**

JENIS RUMAH : KOS SEDERHANA RENDAH

BIL.	DAERAH	SIAP	SEDANG BINA	BELUM BINA	JUMLAH
1	GOMBAK	334	0	389	723
2	HULU LANGAT	49	16	190	255
3	KLANG	0	0	0	0
4	KUALA LANGAT	0	0	1578	1578
5	PETALING	0	0	0	0
6	SEPANG	0	0	359	359
7	HULU SELANGOR	0	0	0	0
8	KUALA SELANGOR	0	0	0	0
9	SABAK BERNAM	0	0	0	0
JUMLAH		383	16	2516	2915

RINGKASAN PEMBINAAN UNIT PROJEK-PROJEK PERUMAHAN USAHASAMA PNSB - SWASTA

JENIS RUMAH : KOS SEDERHANA

BIL.	DAERAH	SIAP	SEDANG BINA	BELUM BINA	JUMLAH
1	GOMBAK	0	525	1965	2490
2	HULU LANGAT	1050	1023	362	2435
3	KLANG	504	524	554	1582
4	KUALA LANGAT	2188	900	6793	9881
5	PETALING	1050	623	71	1744
6	SEPANG	493	493	134	1120
7	HULU SELANGOR	0	0	0	0
8	KUALA SELANGOR	0	0	0	0
9	SABAK BERNAM	0	0	104	0
JUMLAH		5285	4088	9983	19356

RINGKASAN PEMBINAAN UNIT PROJEK-PROJEK PERUMAHAN USAHASAMA PNSB - SWASTA

JENIS RUMAH : KILANG

BIL.	DAERAH	SIAP	SEDANG BINA	BELUM BINA	JUMLAH
1	GOMBAK	0	0	0	0
2	HULU LANGAT	0	0	0	0
3	KLANG	0	0	0	0
4	KUALA LANGAT	0	0	0	0
5	PETALING	0	23	0	23
6	SEPANG	0	0	1	1
7	HULU SELANGOR	0	0	0	0
8	KUALA SELANGOR	0	0	0	0
9	SABAK BERNAM	0	0	0	0
JUMLAH		0	23	1	24

RINGKASAN PEMBINAAN UNIT PROJEK-PROJEK PERUMAHAN USAHASAMA PNSB - SWASTA					
JENIS RUMAH : KOS TINGGI					
BIL.	DAERAH	SIAP	SEDANG BINA	BELUM BINA	JUMLAH
1	GOMBAK	0	1198	1556	2754
2	HULU LANGAT	63	60	63	186
3	KLANG	12	0	0	12
4	KUALA LANGAT	0	0	5644	5644
5	PETALING	0	1023	1031	2054
6	SEPANG	0	0	490	490
7	HULU SELANGOR	0	0	0	0
8	KUALA SELANGOR	0	0	0	0
9	SABAK BERNAM	0	0	17	17
JUMLAH		75	2281	8801	11157

LAPORAN LAND BANK SEHINGGA OKTOBER 2014

LAMPIRAN B

DAERAH : HULU SELANGOR

BIL	NAMA PROJEK	LUAS (EKAR)	HAKMILIK	TARIKH LULUS MMKN	TINDAKAN PERUNDANGAN	SYARIKAT USAHASAMA	PREMIUM	CUKAI TANAH	PENERANGAN
1	CADANGAN PROJEK BERSEPADU LOT 13511, PN 51471, MUKIM SERENDAH (BELAKANG KELAB GOLF SERENDAH UNTUK PEMBANGUNAN BERGAMPUR)	150	SEMENTARA	KE 28/9/92 10 MAC 1992	TIADA	TIADA	TELAH BAYAR	PNSB BAYAR	*HAKMILIK MUKTAMAT TELAH DIPEROLEHI. *DIDANGKAN UNTUK TENDER SECARA RFP (REQUEST FOR PROPOSAL).
2	PERMOHONAN PELUPUSAN SECARA PEMBERMILIKAN TANAH KERAJAAN DI PLOT B MUKIM SERENDAH UNTUK PERTANIAN	12.808	SEMENTARA	KE 6/2/008 02-Apr-08	TIADA	TIADA	TELAH BAYAR	PNSB BAYAR	*HAKMILIK SEMENTARA TELAH DIPEROLEHI
3	CADANGAN PROJEK PERTANIAN AGROTEK DI PT 10, PT.11 DAN 12M BANDAR SG.CHIK, MUKIM HULU YAM	544.52	SEMENTARA		ADA	TIADA	TELAH BAYAR	PNSB BAYAR	*LEMBAGA PENGARAH BIL. 3/2010 28 SEP 2010 PUTUSKAN AGAR TANAH DITAWARKAN UNTUK JUJUAN KEPADA PESERTA PERTANIAN PADA HARGA PASARAN SEMASA DENGAN MENAKTARAF INFRA DAN UTILITI SERTA HAKMILIK AKAN DIKELUARKAN BAGI SETIAP LOT PERTANIAN TERLIBAT. JIKUASA PERSATUAN PETANI DI HULU YAM TIDAK SETUJU DENGAN TAWARAN JUJUAN TERSEBUT KERANA KURANG BERKEMAMPUAN DAN POHON SUPAYA PNSB MENERUSKAN SEWAAN SEPERTI ASAL. MDHS TELAH MENOLAK RAYUAN BANTAHAN PNSB KE ATAS DRTHS 2020 SUPAYA ZON PERTANIAN DITUKARKAN KEPADA PEMBANGUNAN BERGAMPUR SEPERTIMANA SURAT BERTARIKH 26/2/2011 MMKN BIL. 1/2012 TELAH MEMUTUSKAN SUPAYA PNSB MENUNJUK SYARAT KEGUNAAN TANAH DARIPADA PEMBANGUNAN BERGAMPUR KEPADA PERTANIAN.
4	CADANGAN PEMBANGUNAN BERGAMPUR DI PT 9701 HS(D) 8109, MUKIM SERENDAH	85.762	SEMENTARA	MMKN KE 33/91 20 NOV. 1991	ADA	TIADA	TELAH BAYAR	PNSB BAYAR	TANAH TELAH DISEWAKAN KEPADA PETANI-PETANI UNTUK MENJALANKAN KEGIATAN PERTANIAN & PENTERNAKAN
		793.09							
		JUMLAH							

BIL	NAMA PROJEK	LUAS (EKAR)	HAKMILIK	TARIKH LULUS MMKN	TINDAKAN PERUNDANGAN	SYARIKAT USAHASAMA	PREMIUM	CUKAI TANAH	PENERANGAN
5	LOT 1995, 2018, 2086, 2073 DAN 3243, MUKIM SERENDAH DAN MUKIM ULU YAM, DAERAH HULU SELANGOR (BUKIT BERUNTUNG 2)	1275.92	MBI	-	-	TIADA	-	-	PNSB TELAH MENGENKAKAN RAYUAN UNTUK PENGUBAHAN KEPADA RANCANGAN TEMPATAN HULU SELANGOR BAGI MEMINDA KAWASAN YANG TELAH DIZONKAN SEBAGAI KAWASAN PUSAT RAKAN MUDA ANTARABANGSA KEPADA PEMBANGUNAN BERGAMUT SEPERTIMANA KELULUSAN PELAN SUSUNATUR PADA TAHUN 1989. PERMOHONAN TUKAR SYARAT DAN MENGENAKAN KATEGORI KEGUNAAN TANAH DARIPADA TIADA / PERTANIAN KEPADA PEMBANGUNAN BERGAMUT. *CADANGAN SUPAYA TANAH INI DITENDERKAN KEPADA PIHAK LUAR
JUMLAH		1275.92							

DAERAH : KLANG

BIL	NAMA PROJEK	LUAS (EKAR)	HAKMILIK	TARIKH LULUS MMKN	TINDAKAN PERUNDANGAN	SYARIKAT USAHASAMA	PREMIUM	CUKAI TANAH	PENERANGAN
1	HARTANAH MILIK PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD DI ATAS LOT PT 96041 SELUAS 1.99 EKAR, PULAU INDAH, MUKIM KLANG	1.99	SEMENTARA	MMKN 22 MEI 2002	TIADA	-	TELAH BAYAR	PNSB BAYAR	ALAF PROGRESIF TELAH BERSETUJU DENGAN TAWARAN SEWAAN DARIPADA PNSB DAN TELAH KEKUKUHAN SEMULA BORANG SETUJU TERIMA SERTA BAYARAN DUELAHASKAN BAGI BULAN MAC (PERTAMA) RM4,500.00 SEBULAN DAN DEPOSIT (RM 13,500.00 @ 3 BULAN) DAN JUMLAH BAYARAN YANG DITERIMA KESELURUHANNYA BERJUMLAH RM19,000.00 PADA MAC 2011
JUMLAH		1.99							

DAERAH : KUALA LANGAT

BIL	NAMA PROJEK	LUAS (EKAR)	HAKMILIK	TARIKH LULUS MMKN	TINDAKAN PERUNDANGAN	SYARIKAT USAHASAMA	PREMIUM	CUKAI TANAH	PENERANGAN
1	KAWASAN BT.8 SUJANGKANG MUKIM TELUK PANGLIMA GARANG.	16	TIADA	20 MAC. 2002	TIADA	TIADA	BELUM BAYAR	-	*TA BARU AKAN DIKELUARKAN SETELAH PELAN HITUNGAN BARU DIHANTAR BERDASARKAN KELUASAN BARU.
2	PLOT E, BANDAR SAUJANA PUTRA, MUKIM TANJUNGG 12.	150	SEMENTARA		TIADA	TIADA	TELAH BAYAR	PNSB BAYAR	* 90% ADALAH AIR (KOLAM TAKUNGAN) **TELAH DISEWAKAN KEPADA SYARIKAT KARISMA MANTAP S.B. UNTUK TUJUAN REKREASI.
JUMLAH KESELURUHAN		166							

DAERAH : KUALA SELANGOR

BIL	NAMA PROJEK	LUAS (EKAR)	HAKMILIK	TARIKH LULUS MMKN	TINDAKAN PERUNDANGAN	SYARIKAT USAHASAMA	PREMIUM	CUKAI TANAH	PENERANGAN
1	CADANGAN PEMBANGUNAN DI KG. SG.BULOH, MUKIM API-API	64	SEBAHAGIAN 43 EKAR TELAH ADA HAKMILIK	MMKN 18 OGOS 1983	TIADA	TIADA	50% TELAH BAYAR	PNSB BAYAR	*SEBAHAGIAN TANAH SELUAS 43 EKAR TELAH DIKELUARKAN HAKMILIK. *SEBAHAGIAN 21 EKAR LAGI DALAM PROSES MOHON
2	CADANGAN UNTUK MEMAJUKAN TANAH DI MUKIM BESTARI JAYA BAGI TUJUAN 'MOTOCROSS'.	100	-	MMKN 12/2002 10-Apr-02	TIADA	-	-	-	*MASIH DALAM TINDAKAN PTD. KUALA SELANGOR UNTUK PROSES PECAH SEMPADAN TANAH DAN MENGELUARKAN NOTIS 5A. *KEADAAN TAPAK - 50% KOLAM -50% TANAH
3	PT 6595 HINGGA PT 6606 MUKIM BESTARI JAYA.	821,449	SEMENTARA	MMKN 4/2002 30-Jan-02	TIADA	-	TELAH BAYAR	PNSB BAYAR	*PNSB TELAH MENYERAHKAN SEMULA TANAH SELUAS 8 EKAR KEPADA KERAJAAN NEGERI SEBAGAI RIZAB INFRASTRUKTUR BEKALAN AIR. *DISEWAKAN KEPADA SYARIKAT / INDIVIDU / SETINGGAN PERTANIAN SEDIA ADA. *KEADAAN TAPAK -70% KOLAM -30% TANAH
4	CADANGAN PEMBANGUNAN BERCAMPUR DI ATAS TANAH KAW. BUKIT BADONG, MUKIM LUOK	40,544	-	MMKN 30/2004 08-Dis-04	TIADA	-	-	-	*PTD. KUALA SELANGOR DI DALAM PROSES UNTUK MENGELUARKAN NOTIS 5A. *KEADAAN TANAH BERBUKIT (BEKAS KUARI)
5	PT 832, PT 833, PT 836 - PT 838 DAN PT 5616 - PT 5624, MUKIM ULU TINGGI DAN MUKIM BESTARI JAYA, DAERAH KUALA SELANGOR. (BESTARI JAYA)	1312.89	HAKMILIK MBI	-	-	-	-	-	TANAH TELAH TERLIBAT DENGAN CADANGAN HORAS
		2338.883							
		JUMLAH KESELURUHAN							

DAERAH : PETALING

BIL	NAMA PROJEK	LUAS (EKAR)	HAKMILIK	TARIKH LULUS MMKN	TINDAKAN PERUNDANGAN	SYARIKAT USAHASAMA	PREMIUM	CUKAI TANAH	PENERANGAN
1	TANAH KERAJAAN NEGERI DI HUTAN SIMPAN BUKIT CHERAKAH, KOMPARTMENT 37, MUKIM BUKIT RAJA. (BERSEBELAHAN POJEK PERUMAHAN KAKITANGAN PNSB)	271 (195-PTD)	TIADA	KE 24/2007 8 OGOS 2007	TIADA	TIADA	BELUM BAYAR		*JABATAN HUTAN MEMAKLUMKAN AKAN KEKALKAN TANAH SEBAGAI KAWASAN HUTAN .
2	TANAH KERAJAAN NEGERI MUKIM SUNGAI BULOH. (BERHAMPIRAN DEPOH KAPAL TERBANG MAS)	22.836	SEMENTARA	MMKN 11/2006 10 MEI 2006	TIADA		TELAH BAYAR	TELAH BAYAR	*TANAH ADALAH TERLETAK DI DALAM SEBAHAGIAN KAWASAN LAPANGAN TERBANG SUBANG.
3	CADANGAN PEMBANGUNAN BERCAMPUR DI ATAS TANAH KERAJAAN DI MUKIM BUKIT RAJA.(KOMPARTMEN 32)	49		MMKN 27/2002 5 SEPT. 2002	TIADA				*MASIH MENUNGGU PTD.PETALING UNTUK MENGEJUKAKAN NOTIS 5A. *TERDAPAT MASALAH PERSEMPADANAN DENGAN TUAN TANAH BERSEBELAHAN. *KAWASAN HUTAN BELUKAR
JUMLAH		286.836							

DAERAH : SEPANG

BIL	NAMA PROJEK	LUAS (EKAR)	HAKMILIK	TARIKH LULUS MMKN	TINDAKAN PERUNDANGAN	SYARIKAT USAHASAMA	PREMIUM	CUKAI TANAH	PENERANGAN
1	TANAH KERAJAAN NEGERI, BANDAR BARU SALAK TINGGI MUKIM DENGKIL. (HADAPAN KUARTERS BOMBA)	5	TIADA	KE 22/2007 24 JULAI 2007	TIADA	TIADA	BELUM BAYAR		KELULUSAN DASAR TELAH DIPEROLEHI.
2	SECARA PEMBERMILIKAN TANAH KERAJAAN DI LOT 993, 990 DAN 4482 DI BAGAN LALANG UNT PEMBANGUNAN BERCAMPUR	8	TIADA	KE 2/2008 16-Jan-08	TIADA	TIADA	TELAH BAYAR		DALAM PROSES PENGELUARAN HAKMILIK
3	CADANGAN PEMBANGUNAN INDUSTRI, BANDAR BARU SALAK TINGGI, MUKIM DENGKIL	16	SEMENTARA	29 JULAI 1992	TIADA	TIADA	TELAH BAYAR	PNSB BAYAR	TENDER BAGI JUALAN TELAH DI BUKA TETAPI TIADA SYARIKAT/INDIVIDU YANG BERMINAT.
4	CADANGAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN DAN KOMERSIL DI ATAS LOT PT.6025 HS(D) 2245, BANDAR BARU SALAK TINGGI	100	HAKMILIK KEKAL				TELAH BAYAR (NOMINAL)		*TENDER TERBUKA UNTUK MELAKSANAKAN PROJEK SECARA USAHASAMA TELAH LUN DIADAKAN DAN MASIH DI DALAM PROSES PENILAIAN TENDER
JUMLAH		129							

LAPORAN LAND BANK PSKS (SSI) 2009

DAERAH : SEPANG

BIL	NAMA PROJEK	LUAS (EKAR)	HAKMILIK	TARIKH DIPEROLEHI	SYARIKAT USAHASAMA	PREMIUM	CUKAI TANAH	PENERANGAN	CATATAN
1	CADANGAN PEMBANGUNAN TANAH MILIK PSKS YANG DIRURUSKAN OLEH PMSB DI ATAS TANAH YANG DIBERIMILIK SELUAS 217 EKAR, KAWASAN BUKIT BAJA, MUKIM DENGKIL, DAERAH SEPANG.	217	SEMENTARA (TITLE DALAM SIMPANAN PSKS)	MMKN 28-JUL-04	JY CONSTRUCTION WORKS SDN. BHD.	TELAH BAYAR	DIBAYAR OLEH PEMAJU	PELAN TATAPUR TELAH DILULUSKAN OLEH MP SEPANG PADA 17 OKTOBER 2006. MASIH DALAM PERBINCANGAN MENGENAI PAMPASAN ORANG ASLI BUKIT BAJA.	
	JUMLAH	217							

PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD
STATEMENT OF FINANCIAL POSITION AS AT 31 OCTOBER 2014

CURRENT MONTH

FIXED ASSETS

Tangible Fixed Assets (Net Book Value)	Note 1	9,689,333.83
Prepaid Land Lease Payments	Note 2	27,559,011.59
Land Held for Future Development	Note 3	464,653,599.82
		<u>501,901,945.24</u>

INVESTMENT

Subsidiary Companies	Note 4	21,147,611.00
Associate Companies	Note 5	20,001.00
Other Investments	Note 6	7,509,158.20
		<u>28,676,770.20</u>

CURRENT ASSETS

Development Properties For Sale		25,869,930.53
Property Development Costs	Note 7	1,666,330.69
Trade Receivables	Note 8	40,804,657.67
Other Receivable, Prepayment and Deposits	Note 9	48,039,463.28
Amount Due From Subsidiaries	Note 10	9,169,889.31
Tax Recoverable	Note 11	25,352,463.00
Fixed Deposits and Repo Deposits	Note 12	106,015,000.00
Cash and Bank Balances	Note 13	7,551,229.81
Total Current Assets		<u>264,468,964.29</u>

GRAND TOTAL - ASSET

795,047,679.73

PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD
 NOTES TO THE ACCOUNTS FOR THE MONTH OF 31 OCTOBER 2014

	<u>Current Month</u>
Note 1	
	<u>FIXED ASSETS</u>
	- FIXED ASSET - FREEHOLD LAND 226,910.96
	- FIXED ASSET - LEASEHOLD LAND -
	- FIXED ASSET - BUILDING 11,624,303.00
	- FIXED ASSET - OFFICE FURNITURE & FITTINGS 193,453.50
	- FIXED ASSET - OFFICE EQUIPMENTS 166,270.27
	- FIXED ASSET - OFFICE RENOVATION 226,137.25
	- FIXED ASSET - COMPUTER EQUIPMENTS 778,351.00
	- FIXED ASSET - AIR CONDITIONER 11,900.00
	- FIXED ASSET - TELEPHONE COMMUNICATION 113,151.00
	- FIXED ASSET - MOTOR VEHICLE 2,505,164.05
	<u>15,845,641.03</u>
	Less : Accumulated Depreciation B/F 6,156,307.20
	<u>9,689,333.83</u>
Note 2	
	<u>PREPAID LAND LEASE PAYMENTS</u>
	- PREPAID LAND LEASE PAYMENTS (FA) 33,901,344.34
	LESS : ACCUMULATED AMORTISATION
	- AMORTISATION (ON LEASE PAYMENTS) 6,342,332.75
	<u>27,559,011.59</u>
Note 3	
	<u>LAND HELD FOR PROPERTY DEVELOPMENT</u>
	- LAND HELD FOR PROPERTY DEVELOPMENTS - BBST, TM, TKP, OTHERS 11,295,230.00
	- LAND HELD FOR PROPERTY DEVELOPMENTS - BISTARI JAYA 106,075,033.47
	- LAND HELD FOR PROPERTY DEVELOPMENTS - BUKIT BERUNTUNG 340,182,472.35
	- LAND HELD FOR PROPERTY DEVELOPMENTS - KG BAGAN LALANG, MUKIM SEPANG 7,100,864.00
	<u>464,653,599.82</u>
Note 4	
	<u>INVESTMENT IN SUBSIDIARY COMPANIES</u>
	- INVESTMENT IN SUB - PNSB INSURANCE BROKERS 3,141,646.00
	- INVESTMENT IN SUB - PORT KLANG LOGISTICS CENTRE 549,998.00
	- INVESTMENT IN SUB - PNSB DEVELOPMENT SDN BHD 10,000,000.00
	- INVESTMENT IN SUB - PNSB MANAGEMENT CONSULTANCY 10,000,000.00
	- INVESTMENT IN SUB - PNSB SUPPLIES & SERVICES SDN BHD 1.00
	- INVESTMENT IN SUB - PNSB CONSTRUCTION SDN BHD 399,998.00
	- INVESTMENT IN SUB - PNSB TRADING SDN BHD 998.00
	- INVESTMENT IN SUB - PNSB PROPERTIES SDN BHD 998.00
	Less : Provision for diminution of value 24,093,639.00
	- PORT KLANG LOGISTICS CENTRE 549,998.00
	- PNSB INSURANCE BROKERS 2,396,030.00
	<u>21,147,611.00</u>
Note 5	
	<u>INVESTMENT IN ASSOCIATE COMPANIES</u>
	- INVESTMENT IN ASSOC - PNSB AWAN MEGAH 100,000.00
	- INVESTMENT IN ASSOC - MATANG PAGAR SDN BHD 20,001.00
	- INVESTMENT IN ASSOC - SG SEMBILANG ISLAND RESORT 150,000.00
	- INVESTMENT IN ASSOC - SAMSUNG MEDICAL RUBBER 2,000,000.00
	Less : Provision for diminution of value 2,270,001.00
	- PNSB AWAN MEGAH 100,000.00
	- SG SEMBILANG ISLAND RESORT 150,000.00
	- SAMSUNG MEDICAL RUBBER 2,000,000.00
	<u>20,001.00</u>

PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD
 NOTES TO THE ACCOUNTS FOR THE MONTH OF 31 OCTOBER 2014

Current
Month

Note 6	<u>INVESTMENT</u>	
	<u>a) Quoted Shares</u>	
	- QUOTED INVT (SHARE) - A & M REALITY	990,975.44
	- QUOTED INVT (SHARE) - HIL INDUSTRIES BHD	2,391,264.00
	- QUOTED INVT (SHARE) - KUMPULAN EUROPLUS BERHAD	269,321.19
	- QUOTED INVT (SHARE) - TALAM CORPORATION BERHAD	<u>701,090.00</u>
		4,352,650.63
	Prov. For Diminution in value - Quoted Investment	<u>3,096,507.57</u>
	SUB TOTAL	<u>7,449,158.20</u>
	 <u>B) Unquoted Shares</u>	
	- UNQUOTED INVESTMENT - MORIB MARINA	37,499.00
	- UNQUOTED INVESTMENT - UMW PNSB DEVELOPMENT	1,000,000.00
	- UNQUOTED INVESTMENT - PNSB ACMAR SDN BHD	600,000.00
	- UNQUOTED INVESTMENT - TEMPLER PARK DEVELOPMENT	<u>50,000.00</u>
		1,687,499.00
	Less : Prov. For Diminution of Value	
	- MORIB MARINA	27,499.00
	- UMW PNSB DEVELOPMENT	1,000,000.00
	- PNSB ACMAR SDN BHD	<u>600,000.00</u>
	SUB TOTAL	<u>60,000.00</u>
	 TOTAL INVESTMENT	 <u>7,509,158.20</u>
Note 7	<u>PROPERTY DEVELOPMENT COSTS</u>	
	- PROPERTY DEVELOPMENTS - SABAK BERNAM	1,481,570.69
	- PROPERTY DEVELOPMENTS - MUKIM RAWANG	184,760.00
		<u>1,666,330.69</u>

PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD
 NOTES TO THE ACCOUNTS FOR THE MONTH OF 31 OCTOBER 2014

Current
Month

Note 8	<u>TRADE RECEIVABLES</u>	
	- TRADE DEBTOR - PNSB JV	4,947,555.73
	- TRADE DEBTOR - PROJECTS (TAMAN WIRA PERMAI)	511,741.00
	- TRADE DEBTOR - PROJECTS (TAMAN HARMONI)	419,202.50
	- TRADE DEBTOR - PROJECTS (TAMAN PERMATA)	2,450,604.40
	- TRADE DEBTOR - PROJECTS (TAMAN KANDIS PERMAI)	198,338.55
	- TRADE DEBTOR - PROJECTS (BANDAR BARU SALAK TINGGI)	421,518.58
	- TRADE DEBTOR - LEASE RENTAL : AGRO SSI	916,246.86
	- TRADE DEBTOR - LEASE RENTAL : AGRO PNSB	41,505.80
	- TRADE DEBTOR - LEASE RENTAL : LAND PNSB	1,074,500.00
	- TRADE DEBTOR - LEASE RENTAL : TAMAN WIRA PERMAI (TWP)	7,500.00
	- TRADE DEBTOR - BUILDINGS - HOUSING/SHOPLOT SSI	4,440.00
	- TRADE DEBTOR - BUILDINGS - SHOPLOT PNSB	156,927.90
	- TRADE DEBTOR - AMALAN SETAR	35,691,650.00
	- TRADE DEBTOR - OTHERS	8,800,000.00
		<u>55,641,731.32</u>
	- AR RECEIVABLE - TAMAN WIRA PERMAI	511,741.00
	- AR RECEIVABLE - TAMAN HARMONI	419,202.50
	- AR RECEIVABLE - TAMAN PERMATA	2,450,604.40
	- AR RECEIVABLE - TAMAN KANDIS PERMAI	198,338.55
	- AR RECEIVABLE - BANDAR BARU SALAK TINGGI	421,518.58
	- AR RECEIVABLE - JV ENTITLEMENT INCOME	197,000.00
	- PROVISION FOR BAD DEBTS - SPECIFIC	10,638,668.62
	TOTAL TRADE RECEIVABLE	<u>40,804,657.67</u>

Note 9 Other Receivables, Prepayment and Deposits

- OTHER DEBTORS - PERSPEKTIF MASA SDN BHD	1,443,835.19
- OTHER DEBTORS - STAFF SUBSIDY	113,482.27
- OTHER DEBTORS - MBI (CANAL CITY)	35,571,852.94
- OTHER DEBTORS - TENAGA NASIONAL	146,333.12
- OTHER DEBTORS - PNSB SUPPLIES & SERVICES	253.00
- CASH ADVANCE	37,621.60
- STAFF LOAN	14,016.00
- ADVANCE TO SUPPLIERS	29,630.00
- ADVANCE - MINING PROJECT	10,058,950.00
- EXPENSES RECOVERABLE	26,412.00
- DEPOSIT - SYKT TELEKOM	8,000.00
- DEPOSIT - MAJLIS PERBANDARAN SHAH ALAM	129,321.60
- DEPOSIT - POS MALAYSIA BERHAD	1,400.00
- DEPOSIT - TENAGA NASIONAL BERHAD	199,531.26
- DEPOSIT - MAJLIS DAERAH SEPANG	61,000.00
- DEPOSIT - SYABAS	180,824.30
- DEPOSIT - BENDAHARI NEGERI SELANGOR	17,000.00

Other Receivables, Prepayment and Deposits

48,039,463.28

PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD
NOTES TO THE ACCOUNTS FOR THE MONTH OF 31 OCTOBER 2014

**Current
Month**

Note 10	<u>INTER-COMPANY BALANCES</u>	
	- INTER CO. - PNSB PROPERTIES	193,368.77
	- INTER CO. - PNSB MANAGEMENT CONSULTANCY	(5,050,990.06)
	- INTER CO. - PNSB DEVELOPMENT	14,369,455.70
	- INTER CO. - PNSB CONSTRUCTION SDN BHD	(368,800.10)
	- INTER CO. - PNSB TRADING SDN BHD	26,855.00
		<u>9,169,889.31</u>
Note 11	<u>Tax Recoverable</u>	
	- TAX ADVANCE - YA 2013	25,352,463.00
		<u>25,352,463.00</u>
Note 12	<u>Fixed Deposits and Repo Deposits</u>	
	- FIXED DEPOSIT - RHB, SECTION 9 SHAH ALAM	24,915,000.00
	- FIXED DEPOSIT - UNITED OVERSEAS BERHAD - UOB	10,000,000.00
	- FIXED DEPOSIT - MAYBANK SECTION 14, SHAH ALAM	3,000,000.00
	- FIXED DEPOSIT - MALAYSIAN BUILDING SOCIETY BERHAD (MBSB)	50,000,000.00
	- FIXED DEPOSIT - BANK RAKYAT	13,000,000.00
	- REPO DEPOSIT - MAYBANK	5,100,000.00
		<u>106,015,000.00</u>
Note 13	<u>Cash and Bank Balances</u>	
	- CURRENT ACCOUNT - MAYBANK	215,578.94
	- MAYBANK - PROCEEDS ACCOUNT	3,537,760.14
	- MAYBANK - FSRA	3,000,000.00
	- CURRENT ACCOUNT - RHB 323	53,137.11
	- OD CURRENT A/C - 2369	101.97
	- PROJECT CURRENT A/C - BANDAR BARU SALAK TINGGI	363,814.09
	- PROJECT CURRENT A/C - TAMAN PERMATA	41,242.66
	- PROJECT CURRENT A/C - TAMAN HARMONI	87,162.26
	- HDA CURRENT A/C - TAMAN WIRA PERMAI	229,836.85
	- FOREIGN CURRENCY NOTES A/C	19,595.79
	- PETTY CASH	3,000.00
		<u>7,551,229.81</u>

BIL	NAMA PROJEK	LUAS (EKAR)	PEMBELI	PENERANGAN
1	CADANGAN PEMBANGUNAN 16 UNIT KEDAI/PEJABAT 3 TINGKAT DI ATAS LOT 3761, SG.RAMAL, MUKIM KAJANG.	2.1	TEKNOLOGI BUDAYA TEKUN SDN.BHD.	PENJUALAN INI TELAH DILAKSANAKAN SECARA TENDER TERBUKA PERJANJIAN JUALBELI TELAH DITANDATANGANI PADA 5 JULAI 2010
2	LOT 42197, PEKAN BANGI LAMA, MUKIM KAJANG	51	TEKNOLOGI BUDAYA TEKUN SDN.BHD.	PENJUALAN INI TELAH DILAKSANAKAN SECARA TENDER TERBUKA. PERJANJIAN JUALBELI TELAH DITANDATANGANI PADA 19 NOVEMBER 2012.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 Sungai Panjang)**

TAJUK : KOMPLEKS MUHIBBAH SEKSYEN 24 (UPTOWN)

242. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peniaga yang berniaga di Kompleks Muhibbah?
- b) Berapakah kadar sewaan yang dikenakan kepada peniaga?
- c) Nyatakan pihak yang bertanggungjawab terhadap operasi dan penyelenggaraan di kompleks ini?

JAWAPAN:

- a) Jumlah peniaga yang berniaga di Kompleks Muhibbah berjumlah 398 yang terdiri daripada lot seperti berikut:

Senarai Blok	Jumlah lot	Jumlah peniaga
Blok A (utama)	155	148
Blok B (utama)	168	160
Blok C (makanan)	19	18
Blok D	11	8
Blok FA	24	21
Blok FB	25	22
Lain-lain	25	21
Jumlah Keseluruhan	427	398

- b) Kadar yang dikenakan kepada penyewa adalah RM300.00 untuk satu lot atau keluasan gerai berukuran 12' x 8'. Bayaran bagi Gerai yang mempunyai ukuran berbeza pula, bayaran adalah mengikut keluasan berdasarkan kepada kadar RM 3.125 bagi sekaki persegi (RM300/96 kaki persegi). Bayaran sewa untuk lot kedai makan RM500.00 sebulan.
- c) Pihak yang bertanggungjawab terhadap operasi dan penyelenggaraan di Kompleks Muhibbah adalah Dataran Usahawan Selangor Sdn. Bhd.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 Teluk Datuk)**

**TAJUK : MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT DINAIKTARAF SEBAGAI MAJLIS
PERBANDARAN**

243. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah syarat dan kriteria yang diperlukan oleh sesebuah Majlis daerah dinaiktaraf sebagai Majlis Perbandaran?
- b) Adakah Majlis Daerah Kuala Langat Sudah memenuhi syarat-syarat itu?
- c) Jika Ya, mengapa Majlis Daerah Kuala Langat belum dinaiktarafkan sebagai Majlis Perbandaran?

JAWAPAN:

- a) Kriteria adalah merujuk kepada Pekeliling Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bilangan 4 Tahun 2008 iaitu Kriteria Baru Naik Taraf PBT.
- b) Sudah memenuhi syarat-syarat ditetapkan.
- c) MDKL telah mengemukakan permohonan untuk naiktaraf Majlis Perbandaran kepada pihak berkuasa negeri pada tahun 2007.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 Dengkil)**

TAJUK : PUSAT REKREASI KOLAM AIR PANAS

244. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan pusat Rekreasi kolam air panas yang terdapat di Selangor?
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan kolam air panas di Selangor terus bersih dan dikunjungi ramai?

JAWAPAN:

- a) Kolam air panas wujud di beberapa tempat dan ia menjadi satu sumber tarikan untuk dikunjungi. Senarai Pusat Rekreasi Kolam Air Panas di Negeri Selangor adalah seperti berikut:
 - i) Kolam Air Panas Hulu Tamu, Batang Kali
 - ii) Kolam Air Panas Selayang, Batu 9 Gombak
 - iii) Kolam Air Panas Setapak
 - iv) Kolam Air Panas Sg. Serai, Dusun Tua Hulu Langat
 - v) Kolam Air Panas Semenyih
 - vi) Air Panas Kerling, Hulu Selangor
- b) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi yang terlibat seperti Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) sentiasa mengambil berat tentang penyelenggaraan Pusat Rekreasi Kolam Air Panas bagi memastikan aspek kebersihan sentiasa dipatuhi.

Bagi Pusat Rekreasi Kolam Air Panas di bawah penyelenggaraan PBT, Kerajaan Negeri juga menurunkan peruntukan bagi tujuan menaik taraf kemudahan-kemudahan demi keselesaan pengunjung ke kolam air panas berkenaan. Pada masa yang sama pemantauan berterusan secara bersepadu dilakukan oleh Badan Pelancongan Negeri iaitu Tourism Selangor Sdn Bhd (TSSB) ke tempat-tempat rekreasi kolam air panas melalui siri promosi dan lawatan tapak bersama media dan agensi pelancongan luar seperti program TS Day Out dan FamTrip yang dijalankan setiap tahun. Melalui aktiviti dan pemantauan ini, pusat rekreasi kolam air panas akan terus terjaga dan mendapat perhatian supaya ia terus kekal menjadi salah satu tarikan pelancongan bukan sahaja untuk dinikmati oleh pelancong-pelancong luar bahkan turut dirasai oleh pengunjung tempatan.

Keunikan yang ada sewajarnya dipelihara kerana ia menjadi kebanggaan negeri dan aset penting dalam industri pelancongan. Kesedaran kepada pelancong juga harus diberi tumpuan dan dipertingkatkan khususnya pelancong tempatan terhadap kebersihan pusat-pusat rekreasi tersebut. Bagi memastikan kolam-kolam air panas dikunjungi ramai, Kerajaan Negeri melalui pelbagai saluran media terutamanya media sosial meuar-uarkan mengenai kewujudan serta keistimewaan lokasi pelancongan bagi menggalakkan kedatangan pelancong ke lokasi tersebut

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 Kinrara)**

TAJUK : TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM

245. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah tanah dan lokasi bagi tujuan rumah ibadat bukan Islam yang telah diwartakan sejak tahun 2008?
- b) Nyatakan jumlah permohonan tanah bagi tujuan rumah ibadat bukan Islam yang masih dalam proses serta jangkaan masa permohonan-permohonan tersebut diselesaikan?
- c) Senaraikan lokasi serta keluasan tapak bagi tujuan rumah ibadat bukan Islam yang masih kosong di PBT MPSJ

JAWAPAN:

Tuan Speaker

- a) Jumlah tanah rumah ibadat bukan islam yang telah diwartakan sejak 2008 adalah seperti berikut :

PEJABAT TANAH & DAERAH	TAHUN							JUMLAH MENGIKUT DAERAH
	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	
KLANG	0	0	0	1	7	3	1	12
HULU LANGAT	0	0	3	3	1	0	0	7
SEPANG	0	0	0	2	2	0	0	4
KUALA LANGAT	0	0	0	0	2	0	0	2
KUALA SELANGOR	0	0	0	5	0	0	0	5
SABAK BERNAM	1	1	1	4	1	1	1	10
PETALING	0	0	5	1	0	0	0	6
PEJABAT TANAH & GALIAN	Tiada maklumat diterima sehingga 17 November 2014							

GOMBAK	Tiada maklumat diterima sehingga 17 November 2014							
HULU SELANGOR	Tiada maklumat diterima sehingga 17 November 2014							
JUMLAH MENGIKUT TAHUN	1	1	9	16	13	4	2	46

- b) Permohonan tanah bagi tujuan rumah ibadat bukan Islam yang masih dalam proses serta jangkaan masa permohonan-permohonan tersebut diselesaikan adalah seperti berikut :

SENARAI & BUTIRAN PEMOHON	BUTIRAN LENGKAP PERMOHONAN	JANGKAAN PERMOHONAN SELESAI
PEJABAT DAERAH & TANAH KLANG		
Persatuan Penganut Dewa Tew Seng Keng, Meru Klang	Lot: 62550 & 62551 Luas: 2024 mp Mukim: Kapar	6 hingga 12 bulan
Persatuan Penganut Dewi Maha Mariamman	Lot: 123925 Luas: 2003 mp Tempat: Bandar Putera, Mukim Klang	6 hingga 12 bulan
Persatuan Penganut Ann Look, Klang	Lot: 15353 (Lot lama 3815) Luas: 450.9708 mp Tempat: Jln Landasan, Bandar Klang	6 hingga 12 bulan
Persatuan Penganut Vadalur Vallalar	Lot: 62550 & 62551 Luas: 1808 & 216 mp Tempat: Jln Teruntum 20, Meru Mukim Kapar	6 hingga 12 bulan
Gereja Presbyterian Bethel	Lot: 97687 Luas: 4310 mp Tempat: Bandar Puteri, Mukim Klang	6 hingga 12 bulan

Gereja Presbyterian Anointing Grace	Lot: 46405 Luas: 4047 mp Tempat: Bandar Bukit Raja, Mukim Kapar	6 hingga 12 bulan
Titular Roman Catholic Archbishop of Kuala Lumpur	Luas : 0.53 ekar Tempat : Black Water, Mukim Klang	6 hingga 12 bulan
Tiam Yam Toh Teng	Lot : - Luas : 2428mp Tempat : Jalan Cox, Mukim Klang	6 hingga 12 bulan
Persatuan Pengurusan Rumah Berhala Tong Guat Seng Hong	Lot : 62003 (PT 58874) Luas : 358mp Tempat : Jalan Sungai Putus, Mukim Kapar	6 hingga 12 bulan
Persatuan Penganut Sri Maha Muneeswarar	Lot : 114578 Luas : 2146 mp Tempat : Ambang Botanic , Mukim Klang	6 hingga 12 bulan
Persatuan Pengurusan Rumah Berhala Ho Who San Koon	PT : 4233 Luas : 280 mp Tempat : Jalan Landasan , Bandar Klang	6 hingga 12 bulan
Persatuan Pengurusan Rumah Berhala Yun Tian Gong Kapar	PT : 1706 Luas : 1016 mp Tempat : Pekan Kapar	6 hingga 12 bulan
Persatuan Penganut Sri Maha Mariamman	Petak A : Luas : 0.4445 hektar Tempat : Taman Klang Utama, Mukim Kapar	6 hingga 12 bulan
Persatuan Penganut Dewa Gua Restu, Klang	Lot: 38881 Luas: 362 mp Tempat: TamanBunga Raya, Mukim Klang	6 hingga 12 bulan
Persatuan Penganut Dewa Liang Mu Kong, Klang	PT : 4239 Luas : 929 mp Tempat : Seksyen 29, Bandar Klang	6 hingga 12 bulan

Kuil Sri Sivan, Jalan Kota Klang	Luas : 637.940 mp Tempat : Jalan Kota, Bandar Klang	6 hingga 12 bulan
Persatuan Penganut Dewa Tew Seng Keng, Meru Klang	Lot : 98253 Luas : 2629 mp Tempat : Mukim Kapar	6 hingga 12 bulan
Kuil Sri Maha Mariamman	Lot : Sebahagian Lot 2197 & sebhgn Lot 2191 Luas : 0.5 ekar Tempat : Jalan Lembaga Bandaran, Bandar Klang	6 hingga 12 bulan
Persatuan Penganut Dewa Ha Li Zei Klang	Lot : 83026 Luas : 809 mp Tempat : Bandar Bukit Tinggi, Pekan Pandamaran	6 hingga 12 bulan
Persatuan Shirdi Sai Baba Selangor	Luas : 929 mp Tempat : Bandar Botanik, Mukim Klang	6 hingga 12 bulan
The Assemblies Of God Of Malaysia	Luas : 1467 mp Tempat : Kemuning Utama, Mukim Klang	6 hingga 12 bulan
Persatuan Penganut Dewa Kuan Seh Keong, Pandamaran	PT: 14740 Luas : 481 mp Tempat : Jln. Wooten, Pekan Pandamaran	6 hingga 12 bulan
Persatuan Penganut Dewa Ishaan Malaysia	Lot: 83028 Luas : 889 mp Tempat : Bandar Bukit Tinggi, Pekan Pandamaran	6 hingga 12 bulan
Kovil Sri Maha Mariamman	Lot: 96441 Luas : 973 mp Tempat : Jln. Sijangkang, Pekan Pandamaran	6 hingga 12 bulan
Persatuan Penganut Annapoorani Klang	Lot: Sebhgn Lot 130445 (PT 143658) Luas : 2023.5 mp	6 hingga 12 bulan

	Tempat : Batu 6, Jln. Langat, Bandar Bestari, Mukim Klang	
Kuil Arulmigu Mariamman, Bandar Bukit Tinggi	Lot: 118020 Luas : 4663 mp Tempat : Batu 3, Jln. Langat, Bandar Bukit Tinggi, Mukim Klang	6 hingga 12 bulan
Persatuan Penganut Buddha Aryasanga, Kota Kemuning	PT: 142776 Luas : 2226 mp Tempat : Kota Kemuning, Mukim Klang	6 hingga 12 bulan
Persatuan Penganut Sri Maha Karumariamman	Plot: D Luas : 929 mp Tempat : Bandar Botanik, Mukim Klang	6 hingga 12 bulan
Persatuan Penganut Ajaran Dian Guang Gong, Klang	Lot: 35341 Luas : 806 mp Tempat : Jalan Meru, Mukim Kapar	6 hingga 12 bulan
Persatuan Pembinaan Tokong Chin Swee Keng, Jalan Meru	Lot: 41987, 41992, Petak A & Petak B Luas : 2549 mp Tempat : Jalan Meru, Bandar Klang	6 hingga 12 bulan
Persatuan Penganut Dewa Guan Shi Miao, Pel. Klang	Plot: 5 (sebhgn Lot 83960) Luas : 167.2 mp Tempat : Pandamaran, Mukim Klang	6 hingga 12 bulan
Persatuan Penganut Dewa Lam Suah Keng, Klang	Plot: 7 (sebhgn Lot 83960) Luas : 167.2 mp Tempat : Pandamaran, Mukim Klang	6 hingga 12 bulan
Persatuan Penganut Dewa Kwang Poh	Plot: 3 (sebhgn Lot 83960) Luas : 167.2 mp Tempat : Pandamaran,	6 hingga 12 bulan

	Mukim Klang	
Jawatankuasa Pengurusan Kuil Arulmigu Vickneswarar Alayam	PT: 72327 Luas : 3612 mp Tempat : Bandar Sultan Suleiman, Mukim Kapar	6 hingga 12 bulan
Persatuan Penganut Dewi Socoil Sri Maha Mariamman, Pel. Klang	Lot: Sebhgn Lot 1508 Luas : 277 mp Tempat : Bandar Port Swettenham	6 hingga 12 bulan
Persatuan Penganut Dewa Khong Hock Kong, Klang	Plot: 1 & 2 (sebhgn Lot 83960) Luas : 167.2 mp & 167.2 mp Tempat : Pandamaran, Mukim Klang	6 hingga 12 bulan
Persatuan Penganut Perlama Hock Seng Kong, Klang	Lot: Tapak A (Bersebelahan Lot 10) Luas : 3251.469 mp Tempat : Port Swettenham	6 hingga 12 bulan
Kuil Sri Maha Mariamman, Stesen Janaelektrik Jambatan Connaught, Jln. Kg. Jawa	Lot: Tapak A Luas : 5143 mp Tempat : Jalan Kg. Jawa, Mukim Klang	6 hingga 12 bulan
Pertubuhan Ajaran Buddha Wujin Kuala Langat	PT: 142776 Luas : 2226 mp Tempat : Kota Kemuning, Mukim Klang	6 hingga 12 bulan
Persatuan Penganut Sri Jadamuniswarar Bathrakaliamman, Tmn Sri Perepat	Plot: A (Sebhgn Lot 64214) Luas : 334.451 mp Tempat : Tmn. Sri Perepat, Mukim Kapar	6 hingga 12 bulan
Persatuan Penganut Sree Rama Baktha Anjaneyar Madam Malaysia (Sri Rama Baktha Anjaneyar Madam Malaysia)	Plot: A (Sebhgn Lot 64214) Luas : 334.451 mp Tempat : Tmn. Sri Perepat, Mukim Kapar	6 hingga 12 bulan

Persatuan Penganut Dewa See Leng Keng, Port Klang	Plot: 1 Luas : 139 mp Tempat : Pekan Pandamaran	6 hingga 12 bulan
Persatuan Penganut Dewa Tew Seng Keng, Meru Klang	Lot: 62550 & 62551 Luas: 2024 mp Mukim: Kapar	6 hingga 12 bulan
PEJABAT DAERAH & TANAH HULU LANGAT		
Persatuan Sri Sithi Vinayagar, Bandar Tasek Kesuma	11735 bagi tujuan kuil	Menunggu pemohon mengemukakan pelan ukur seperti yang telah dipersetujui oleh Ahli Majlis
Persatuan Hokkien Cheras Batu 9 & 11 Cheras	Lot 3224 PA 10-052043	10.11.2014 Teknikal Lembaga Lebuhraya Malaysia MPKj. 26.06.2014 Menyokong
Persatuan Penganut Sri Siva Jada Muniswara Kajang	Plot 1 Seluas 292kaki persegi bagi tujuan kuil	Menunggu ulasan JPS
Persatuan Penganut Shun Nam Gong Kajang Selangor	Plot 1 seluas 2276 kaki persegi bagi tujuan tokong	Menunggu ulasan daripada TNB
PEJABAT DAERAH & TANAH SEPANG		
PDS(T)10/4/AM/2-2013 (RISI) National Evangelical Christian Fellowship Malaysia (Gereja)	Lot : 108640 Luas : 2024 M.P Mukim : Cyberjaya, Mukim Dengkil PA: 212957	Kertas Ringkasan telah hantar ke UPEN pada 17/10/2014 dan akan dibentangkan didalam mesyuarat HESI Bil. 9/2014
PDS(T)10/4/AM/1-2013 (RISI) Persatuan Penganut Sri Sangali Kampar, Puchong	No. 54, Jalan DAH, Desa Ayer Hitam, Sepang 47100 Puchong Mukim : Dengkil	Dalam tindakan penyediaan Laporan Tanah. Dalam tempoh 30 hari, kertas ringkasan akan dihantar ke UPEN untuk dibentangkan didalam mesyuarat HESI

PDS(T)10/4/AM/1-2014 (RISI) Persatuan Penganut Arulmigu Sri Maha Avudayar, Sepang	Lot : 1439, Lorong 7, Kampung BAdu 1, 43900, Sepang Luas : 0.8001 hektar Mukim : Sepang	Dalam tindakan penyediaan Laporan Tanah. Dalam tempoh 30 hari, kertas ringkasan akan dihantar ke UPEN untuk dibentangkan didalam mesyuarat HESI
PDS(T)10/4/AM/2-2014 (RISI) Pertubuhan Pengurusan Kuil Arulmigu Dewi Sri Karumariamman -358, Kampung Baru, 43950 Sungai Pelek	Lot : 7589 Luas : 364 m.p Mukim : Sepang P.A : 96377	Didalam penyediaan Kertas Ringkasan untuk dibentangkan didalam mesyuarat HESI Bil. 9/2014
PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA LANGAT		
Rumah Ibadat Bukan Islam (Kuil Hindu) - Kuil Sri Turubothai Amman	2.234 ekar di Pekan Morib	Lulus MB 20.7.2013 Dalam tindakan penyediaan warta ke PTG
Tapak Kuil Dewi Sri Maha Mariamman Sungai Sedu, Pekan Sungai Manggis Sek. 2	4.4596 ekar di Mukim Tanjung Dua Belas	kelulusan MMKN 15 September 2014 menanggungkan permohonan ini untuk semakan semakan semula YB Tn Dr. Ahmad Yunus bin Khairi bersama PTD Kuala Langat
Persatuan Penganut Dewa Tung Loh	Bandar Jenjarum	Lulus MB 8.6.2011 dan tindakan Pelan Akui (PA) oleh JUPEM
Tokong Soon Tian Kong, Kg. Bukit Jugra, Jugra	Lot 185 seluas 2023.4 meter persegi di lot 185 Mukim Jugra	Lulus MB 28.10.2010 dan tindakan Pelan Akui (PA) oleh JUPEM
PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA SELANGOR		
Persatuan Penganut Dewa Sri Melayanur Anggala Paramaswariamman Alayam	Mukim Jeram dengan keluasan lebih kurang 7.0 ekar dan dalam	

	tindakan PTD	
Pengerusi Kuil Sri Thandayuthapani	Keluasan 0.33 ekar Mukim Bestari Jaya LULUS - 18.6.2011 dan kini dalam tindakan JUPEM untuk ukur halus	Tertakluk kepada terimaan pelan ukur dari JUPEM
Persatuan Penganut Dewa Tien Hock Chin Long	Keluasan 0.043 ekar Permohonan ditangguhkan kerana terdapat bantahan daripada penduduk setempat	
Persatuan Penganut Dewa Fatt See Kong	Keluasan 0.387 ekar Mukim Tanjong Karang LULUS - 19.11.2011 dan kini dalam tindakan JUPEM untuk ukur halus	Tertakluk kepada terimaan pelan ukur dari JUPEM
Persatuan Penganut Dewa Sei Ling	Mukim Kuala Selangor LULUS - 11.3.2012 dan kini dalam tindakan JUPEM untuk ukur halus	Tertakluk kepada terimaan pelan ukur dari JUPEM
Pertubuhan Pembinaan Rumah Berhala Huat Sze Kong	Mukim Kuala Selangor LULUS - 7.6.2014 dan kini dalam tindakan JUPEM untuk ukur halus	Tertakluk kepada terimaan pelan ukur dari JUPEM
Pertubuhan Penganut Thiru Annamalaiyar	Mukim Jeram LULUS -29.6.2013 dan kini dalam tindakan JUPEM untuk ukur halus	Tertakluk kepada terimaan pelan ukur dari JUPEM
Pengerusi Kuil Sri Maha Mariamman	Dalam Tindakan PTGS untuk Pembatalan Pewartaan Rizab Kuari	Pewartaan akan dibuat selepas selesai pembatalan.
Persatuan Penganut Hindu Arulmigu Sri Ruthara Veerammakaliamman	Mukim Kuala Selangor LULUS - 16.8.2014 dan	Tertakluk kepada terimaan pelan ukur

	kini dalam tindakan PTD untuk Permohonan Ukur oleh JUPEM	dari JUPEM
Pengerusi Kuil Sri Pachai Marathu Muniandy	Mukim Tanjong Karang dan kini dalam tindakan PTD	
Persatuan Pengurusan Tokong Cina Btg. Berjantai	Mukim Bestari Jaya dan kini dalam tindakan PTGS untuk mohon kelulusan MMKN	
Pengerusi, Jawatankuasa Kuil Sri Maha Mariamman , Kampung Sungai Yu	Keluasan 0.5 ekar Mukim Hujung Permatang LULUS - 7.6.2014 dan kini dalam tindakan PTD untuk Permohonan Ukur oleh JUPEM	Tertakluk kepada terimaan pelan ukur dari JUPEM
Jawatankuasa Penaja Penganut Dewa Sri Maha Mariamman Kampung Sri Sentosa	Mukim Ijok LULUS - 11.1.2014 dan kini dalam tindakan JUPEM untuk ukur halus	Tertakluk kepada terimaan pelan ukur dari JUPEM
Jawatankuasa Kuil Sri Maha Badra Kaliamman Tanjung Keramat	Keluasan 2420 MP Mukim Kuala Selangor dan dalam tindakan PTD	
Persatuan Penganut Sey Ann Kong	Keluasan 1821 MP Mukim Tanjong Karang dan dalam tindakan PTD	
Pengerusi Persatuan Penganut Sri Subramaniar	Keluasan 247.24 MP Mukim Tanjong Karang dan dalam tindakan PTD	
Pengerusi Kuil Sri Maha Mariamman Ladang Raja Musa	Keluasan 0.3430 ekar Mukim Pasangan dan dalam tindakan PTD	

Persatuan Dewa Fatt Xi Kong	Mukim Tanjong Karang dan dalam tindakan PTD	
Pengerusi Kuil Sri Pachai Marathu Muniandy	Mukim Tanjong Karang dan kini dalam tindakan PTD	
PEJABAT DAERAH & TANAH SABAK BERNAM		
TIADA	TIADA	TIADA
PEJABAT DAERAH & TANAH PETALING		
JAWAPAN SEPERTI DI LAMPIRAN 1		
PEJABAT DAERAH & TANAH HULU SELANGOR		
JAWAPAN SEPERTI DI LAMPIRAN 2		
PEJABAT TANAH & GALIAN SELANGOR		
TIADA MAKLUMAT YANG DIPEROLEHI		
PEJABAT DAERAH & TANAH GOMBAK		
TIADA MAKLUMAT YANG DIPEROLEHI		

- c) Lokasi serta keluasan tapak bagi tujuan rumah ibadat bukan Islam yang masih kosong di MPSJ:

Bil.	Blok Perancangan (BP)	Keluasan
1.	Subang Jaya	Tiada
2.	Subang Hi-Tech	Tiada
3.	Putra Heights	Tiada
4.	Kinrara	Tiada
5.	Puchong	Tiada
6.	Bandar Putra Permai	2 tapak (0.5 ekar, 0.5 ekar)
7.	Seri Kembangan	Tiada

Hanya di Bandar Putra Permai sahaja yang masih mempunyai tapak yang telah dizonkan bagi kegunaan RIBI yang masih kosong dan belum mempunyai hak milik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 Sungai Air Tawar)**

TAJUK : GOLONGAN MUALAF

246. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah kerajaan negeri untuk membanteras kes murtad di kalangan mualaf ?
- b) Senaraikan program yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri untuk golongan mualaf di Negeri Selangor ?

JAWAPAN:

- a) Jabatan Mufti Selangor menyediakan khidmat nasihat dan kaunseling bagi kes murtad di kalangan mualaf. Selain itu, terdapat juga 'Skuad Mesra' bagi menziarahi mualaf yang ingin keluar dari Islam dengan mengenap pasti masalah mereka di samping memberi bantuan yang diperlukan.
- b) Antara program yang dilaksanakan:
 1. Kursus Insentif Mualaf Asas bagi memberikan pendidikan awal atau fardhu ain bagi mualaf yang baru masuk Islam. Pendekatan yang digunakan di dalam kursus meliputi ceramah, praktikal, latihan pengukuhan dan penilaian. Ke kerap an program diadakan sebanyak 11 kali setahun.
 2. Kursus Insentif Mualaf Lanjutan bagi memberikan pendidikan lanjutan fardhu ain bagi mualaf yang baru masuk Islam. Pendekatan yang digunakan di dalam kursus meliputi ceramah, praktikal, latihan pengukuhan dan penilaian. Ke kerap an kursus program diadakan sebanyak 3 kali setahun.
 3. Kursus Pengukuhan Mualaf bagi mengukuhkan lagi pemahaman mualaf dan pengamalan di dalam kehidupan harian mereka. Antara skop pengukuhan adalah:
 - 3.1 Kursus Tahsin Ibadah
 - 3.2 Kursus Pemantapan Akidah (bahasa Tamil, Mandarin dan English)
 - 3.3 Kursus Pasca Perkahwinan
 - 3.4 Kursus Pengurusan Jenayah
 - 3.5 Kursus Motivasi dan Team Building
 - 3.6 Kursus Penyediaan Makanan Halal

3.7 Kursus Smart Solat

3.8 Kursus Pengurusan Harta (Wasiat dan Hibah)

4. Selain kursus-kursus yang dilaksanakan beberapa program kesedaran juga turut dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran mualaf seperti ceramah bulanan, sambutan hari kebesaran Islam, mini forum dan sebagainya. Kekerapan adalah mengikut tarikh kebesaran Islam.
5. Kelas Agama Mualaf juga dilaksanakan di setiap daerah bagi memastikan mualaf di Negeri Selangor ini mendapat bimbingan asas fardhu ain. Sehingga 1 November 2014 sebanyak 171 Kelas Fardhu Ain Mualaf telah diwujudkan bagi menampung keperluan sedia ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 Teratai)**

TAJUK : KEBAJIKAN NEGERI SELANGOR

247. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan semua maklumat kebajikan yang ditawarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat ("JKM") Selangor
- b) Sila kemukakan senarai bilangan penduduk DUN Teratai yang mendapat manfaat JKM sejak tahun 2004 - 2014
- c) Sila kemukakan senarai bilangan penduduk mengikut DUN yang mendapat manfaat JKM pada tahun 2013 dan tahun 2014.

JAWAPAN:

- a) Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menawarkan perkhidmatan mengikut mengikut kumpulan sasar seperti berikut:

KANAK-KANAK:

1. Pengurusan kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak
2. Pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak di institusi kebajikan
3. Perlindungan dan pemulihan kanak-kanak di institusi (Sekolah Tunas Bakti/Asrama Akhlak/Taman Seri Puteri).
4. Penempatan dengan keluarga pelihara
5. Permohonan anak angkat
6. Program Khidmat Saksi Kanak-kanak
7. Talian NUR 15999
8. Rumah Tunas Harapan
9. Taska Komuniti
10. Majlis Penyelaras bagi Perlindungan Kanak-kanak
11. Kaunseling
12. Bantuan Penyaraan Kanak-kanak (Maksimum RM450.00 sebulan) / Bantuan Anak Pelihara (Maksimum RM500.00 sebulan) / Bantuan Latihan Aparentis (RM250.00)
13. Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak (PPKK)
14. Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK)
15. Jawatankuasa Kebajikan Kanak-Kanak Daerah (JKKD)

ORANG KURANG UPAYA (OKU)

1. Pendaftaran OKU
2. Latihan vokasional dan pemulihan perubatan di PLPP Bangi
3. Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)
4. Rumah kelompok
5. Perkhidmatan institusi – TSH/Bengkel Terlindung/Pusat Harian
6. *Disability Equality Training* (DET)
7. *Job Coach*
8. *Independent Living* (IL)
9. Kaunseling
10. Elaun Pekerja Cacat (RM300.00 sebulan dan akan dinaikkan kadar kepada RM 350.00 sebulan pada tahun 2015.)
11. Bantuan OKU Tidak Bekerja (BTB) – RM 150.00 sebulan dan akan dinaikkan kadar kepada RM 200.00 pada tahun 2015.
12. Geran Pelancaran (Maksimum RM2,700.00)
13. Bantuan alat tiruan
14. Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik (RM 300.00)

WARGA EMAS

1. Pusat Jagaan Harian Warga Emas
2. Pusat Aktiviti Warga Emas
3. Unit Khidmat Penyayang Warga Emas
4. Perkhidmatan institusi – Rumah Seri Kenangan (RSK) / Rumah Ehsan
5. Kaunseling
6. Bantuan Orang Tua (RM300.00)

ORANG PAPA:

1. Perkhidmatan institusi (perlindungan, pemulihan dan latihan vokasional) – Desa Bina Diri
2. Kaunseling
3. Geran Pelancaran

KELUARGA

(Keluarga: Wanita dan gadis, ibu/bapa tunggal, mangsa keganasan rumah tangga dan lain lain)

1. Pengurusan dan Perlindungan mangsa keganasan rumah tangga
2. Kaunseling
3. Khidmat mediasi
4. Badan Pendamai
5. Bantuan kewangan

MANGSA BENCANA (Berpandu kepada Arahan No. MKN 20)

1. Pendaftaran mangsa bencana
2. Pengurusan pusat pemindahan
3. Bantuan mangsa bencana
4. Kaunseling

KOMUNITI

1. Projek organisasi komuniti
2. Unit Khidmat Penyayang
3. Program perkongsian bijak (*smart partnership*)
4. Pembangunan kesukarelaan
5. Geran kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan
6. MAYANG

- b) Senarai bilangan penduduk DUN Teratai yang mendapat manfaat JKM sejak tahun 2004 hingga 2014 adalah seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN PENDUDUK DUN TERATAI YANG MENDAPAT MANAFAAT JKM
2004	5
2005	18
2006	11
2007	18
2008	47
2009	212
2010	33
2011	26
2012	367
2013	80
2014	211
JUMLAH	1028

Jumlah keseluruhan yang mendapat manfaat dari JKM dari tahun 2004 hingga 2014 adalah 1028 orang.

- c) Senarai bilangan penduduk mengikut DUN yang mendapat manfaat JKM pada tahun 2013 dan 2014 adalah seperti di Lampiran 4.

**BILANGAN PEDUDUK MENGIKUT DUN YANG MENDAPAT MANAFAAT JKM BAGI
TAHUN 2013 DAN 2014**

BIL	DUN	PENERIMA 2013	PENERIMA 2014
1	N01 SUNGAI AIR TAWAR	537	693
2	N02 SABAK	802	771
3	N03 SUNGAI PANJANG	865	963
4	N04 SEKINCHAN	683	769
5	N05 HULU BERNAM	946	905
6	N06 KUALA KUBU BAHARU	1,475	1,314
7	N07 BATANG KALI	3,177	2,916
8	N08 SUNGAI BURONG	510	470
9	N09 PERMATANG	561	470
10	N10 BUKIT MELAWATI	548	551
11	N11 IJOK	815	624
12	N12 JERAM	669	712
13	N13 KUANG	755	529
14	N14 RAWANG	547	505
15	N15 TAMAN TEMPLER	776	724
16	N16 BATU CAVES	351	354
17	N17 GOMBAK SETIA	692	593
18	N18 HULU KELANG	795	787
19	N19 BUKIT ANTARABANGSA	68	64
20	N20 LEMBAH JAYA	920	866
21	N21 CHEMPAKA	227	330
22	N22 TERATAI	80	211
23	N23 DUSUN TUA	319	571
24	N24 SEMENYIH	480	550
25	N25 KAJANG	894	1,270
26	N26 BANGI	171	289
27	N27 BALAKONG	179	235
28	N28 SERI KEMBANGAN	838	855
29	N29 SERI SERDANG	936	929
30	N30 KINRARA	293	428
31	N31 SUBANG JAYA	593	428
32	N32 SERI SETIA	550	600
33	N33 TAMAN MEDAN	750	800
34	N34 BUKIT GASING	400	480
35	N35 KAMPUNG TUNKU	450	500
36	N36 DAMANSARA UTAMA	300	400
37	N37 BUKIT LANJAN	88	150

BIL	DUN	PENERIMA 2013	PENERIMA 2014
38	N38 PAYA JARAS	426	428
39	N39 KOTA DAMANSARA	700	750
40	N40 KOTA ANGGERIK	736	791
41	N41 BATU TIGA	306	297
42	N42 MERU	818	812
43	N43 SEMENTA	840	835
44	N44 SUNGAI PINANG	363	303
45	N45 SELAT KLANG	597	556
46	N46 PELABUHAN KLANG	947	856
47	N47 PANDAMARAN	958	871
48	N48 KOTA ALAM SHAH	465	418
49	N49 SERI ANDALAS	1148	994
50	N50 SRI MUDA	666	665
51	N51 SIJANGKANG	107	148
52	N52 TELOK DATUK	993	969
53	N53 MORIB	786	759
54	N54 TANJONG SEPAT	1084	1085
55	N55 DENGKIL	466	441
56	N56 SUNGAI PELEK	327	302

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 Semenyih)**

TAJUK : KEBENARAN MERANCANG

248. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prosedur permohonan untuk Kebenaran Merancang bagi projek-projek pembangunan?
- b) Senaraikan permohonan Kebenaran Merancang yang diterima dan diluluskan dari tahun 2013 hingga 2014 mengikut PBT?

JAWAPAN:

- a) Permohonan kebenaran merancang adalah keperluan di bawah Subseksyen 21 (1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta 172. Kaedah layanan terhadap permohonan perlu mematuhi Subseksyen 22 Akta yang sama.
 - Penyediaan pelan susunatur cadangan pemajuan perlu mematuhi keperluan Manual Garis panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor (Edisi Kedua) dan mana – mana undang – undang yang diterimapakai oleh PBT.
 - Cadangan pemajuan perlu dikemukakan ke PBT melalui Unit Pusat Setempat (OSC) dan akan dirujuk ke agensi teknikal bagi ulasan teknikal. Bagi kelulusan, permohonan akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa OSC yang bersidang 2 kali sebulan mengikut keperluan PBT masing- masing.
- b) Berikut adalah senarai permohonan Kebenaran Merancang yang diterima dan diluluskan dari tahun 2013 hingga 2014 mengikut PBT :

PBT	Permohonan KM Yang Diterima		Permohonan KM Yang Diluluskan	
	2013	2014	2013	2014
MBSA	2,011	1,232	1,870	973
MBPJ	178	176	122	81
MPK	309	216	270	184
MPAJ	139	77	113	31
MPSJ	605	380	533	280

MPS	192	148	151	104
MPKJ	187	120	136	36
MPSP	590	487	590	423
MDKL	110	111	95	100
MDHS	87	72	73	62
MDKS	73	65	67	46
MDSB	33	51	16	28
Jumlah Keseluruhan	3352	2311	3094	1847

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 Sekinchan)**

TAJUK : PROGRAM PENDIDIKAN YAYASAN SELANGOR (YS)

249. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan sumber-sumber pendapatan yang diperolehi oleh YS untuk membiayai program pendidikan ?
- b) Berapakah bilangan pelajar yang menerima bantuan biasiswa sejak tahun 2010 hingga 2013 mengikut pecahan kaum ?
- c) Apakah Kriteria yang ditetapkan dalam konteks memperolehi bantuan pinjaman dan biasiswa ?

JAWAPAN:

- a) Sewaan hartanah (bangunan, rumah kedai, rumah kediaman (apartmen/kondo),kem)

Sewaan tempat letak kereta

Sewa Ruang Siarkaki & Iklan

Pendapatan usahasama perladangan/pembangunan hartanah

b)

BILANGAN PELAJAR YANG MENERIMA BANTUAN BIASISWA YAYASAN SELANGOR 2010 SEHINGGA 2013 MENGIKUT PECAHAN KAUM

TAHUN BANGSA	2010	2011	2012	2013
MELAYU	869	1001	2803	3771
CINA	3	3	87	45
INDIA	2	1	86	56
JUMLAH	874	1005	2976	3872

c) Kriteria bagi memperolehi bantuan biasiswa yayasan selangor

1. pelajar telah terpilih sebagai pelajar rancangan khas pendidikan kementerian pendidikan Malaysia dengan kerjasama Yayasan Selangor (RKPYS-KPM).

Kriteria bagi memperolehi bantuan pinjaman Yayasan Selangor

1. pemohon adalah merupakan peminjam pinjaman pelajaran Yayasan Selangor sedia ada di peringkat sijil / diploma.
2. pemohon telah mendapat tawaran melanjutkan pengajian di peringkat diploma / ijazah di ipta / ipts tempatan sahaja.
3. permohonan terhad kepada kuota tahunan yang telah ditetapkan dengan keutamaan kepada pemohon yang mencapai kelulusan akademik yang baik (cgpa 3.0 ke atas).
4. pemohon perlu mengisi borang permohonan pinjaman tambahan pelajaran Yayasan Selangor yang boleh diperolehi di bahagian pembiayaan pendidikan Yayasan Selangor.
5. Yayasan Selangor tidak lagi membuka tawaran pinjaman selain daripada peminjam sedia ada berikutan keputusan mesyuarat majlis mesyuarat kerajaan negeri pada tahun 2012 yang mengarahkan hanya kerajaan Negeri Selangor yang akan menyalurkan bantuan pinjaman pelajaran kepada rakyat Negeri Selangor melalui tabung kumpulan wang biasiswa Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 Jeram)**

TAJUK : MEMBAIK PULIH KEMUDAHAN AKTIVITI RIADAH

250. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membina tapak kemudahan riadah terutama bagi aktiviti lasak di kawasan pinggir bandar?
- b) Bagaimanakah proses pemantauan dan penyelenggaraan kemudahan riadah seperti gelanggang futsal yang dibina oleh kerajaan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri menyambut baik dan mengambil maklum mengenai cadangan untuk membina kemudahan riadah bagi aktiviti lasak di kawasan pinggir Bandar melalui PeBT dan PBT. Namun begitu, masih belum ada permintaan khusus untuk pembinaan kemudahan tersebut. Kerajaan Negeri akan membina kemudahan riadah tersebut pada masa akan datang mengikut keperluan sesebuah tempat.
- b) Proses pemantauan dan penyelenggaraan kemudahan yang dibina oleh kerajaan adalah melalui pemantauan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Sehubungan dengan itu, sebanyak RM20,000.00 telah diperuntukkan kepada setiap DUN melalui PBT masing-masing dalam usaha untuk membaikpulih kemudahan dan infrastruktur sukan dan riadah yang rosak dan terbiar seperti padang bola, gelanggang-gelanggang futsal, takraw dan badminton.

- c) Kerajaan Negeri telah meluluskan Pembentangan Dasar Belia Negeri Selangor dijalankan sebagai panduan utama ke arah pembangunan belia positif yang holistik dan sebagai manual yang memandu ke arah hala tuju pembangunan belia pada masa akan datang. Justeru, dasar pembangunan belia akan dirancang berdasarkan kepada 10 teras utama yang merangkumi Pendidikan & Latihan Kemahiran, Keusahawanan & Pekerjaan, Kepimpinan & Organisasi, Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT), Kemasyarakatan, Jaringan & Kesukarelawan, Kesejahteraan Dan Kesihatan, Sukan & Kecergasan, Agama & Akhlak, Kebudayaan & Kesenian dan Pengantarabangsaan. Seterusnya, strategi dan pelan tindakan akan dirancang berpandukan kepada teras-teras yang ditetapkan untuk memenuhi keperluan dan aspirasi khusus belia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 Kampung Tunku)**

**TAJUK : BILANGAN QUALIFIED TITLE YANG MASIH BELUM DIPROSES MENJADI
FINAL TITLE**

251. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah jumlah Hak milik Sementara (*Qualified Title*) yang masih belum diproses menjadi Hak milik Kekal (*Final Title*) di setiap daerah pada sekarang?
- b) Perincikan semua faktor dan kekangan yang menyebabkan masalah ini.

JAWAPAN:

- a) Jumlah hakmilik Sementara (*Qualified Title*) yang masih belum diproses menjadi Hakmilik Kekal (*Final Title*) di Negeri Selangor sehingga 31 Oktober 2014 (bagi terimaan tahun 2003 hingga 2014) dan pecahannya mengikut daerah adalah seperti di **Lampiran A**.
- b) Faktor dan kekangan dalam menyelesaikan proses penukaran Hakmilik Sementara kepada Hakmilik Kekal/Tetap (QTFT) adalah seperti berikut:
 - i) Pengesanan fail permohonan lama di Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) untuk penyediaan *Final Title (FT)*.
 - ii) Terdapat permohonan yang masih tiada Permohonan Ukur (PU) dan Pelan Akui (PA).
 - iii) Kekurangan kakitangan/ pegawai seperti berikut:
 - Pegawai Petempatan untuk membuat proses suai padan (*match making*) dan penyediaan permohonan Hak Milik (*Requisition of Title (RT)*).
 - Kakitangan bagi urusan kemasukan Hak Milik.
 - Pendaftar Hak Milik bagi membuat proses pendaftaran dan pengeluaran Hak Milik Sambungan.

Walaupun Kerajaan Persekutuan telah melantik Pasukan Petugas Khas (PPK) secara kontrak pada tahun 2004 yang ditempatkan di seluruh Pentadbiran Tanah Selangor seramai 146 perjawatan, tetapi sehingga kini hanya tinggal 40 orang pegawai (kontrak) yang masih berkhidmat iaitu 32 orang dalam penyelesaian tunggakan Penukaran Pendaftaran Hakmilik Sementara kepada Hakmilik Kekal, manakala baki 8 orang terlibat dalam urusan Hakmilik Strata dan Hasil.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini terdapat 780,310 lot atau 60% berbanding 1,301,970 lot jumlah tunggakan keseluruhan telah berjaya diselesaikan. Manakala sehingga September 2014, baki sebanyak 521,660 lot atau 40% masih perlu didaftarkan kepada Hakmilik Kekal.

LAMPIRAN A

PRESTASI PENYELESAIAN TUNGGAKAN PENJUARAN PENDAFTARAN QTFT DI NEGERI SELANGOR
SEHINGGA 31 OKT 2014 (BAGI TAHUN 2003 HINGGA 2012)

BIL	PTG/PTD	TERIMAAN (2003-2012)				SELESAI				BAKI TUNGGAKAN			
		HS(M)	HS(D)	JUMLAH	HS(M)	HS(D)	JUMLAH	HS(M)	HS(D)	JUMLAH	HS(M)	HS(D)	JUMLAH
		1	KLANG	89,326	132,928	222,254	56,854	64,270	121,124	32,472	68,658	101,130	
2	KUALA LANGAI	43,739	31,655	75,394	40,494	25,060	65,554	3,245	6,595	9,840			
3	K. SELANGOR	46,558	33,981	80,539	43,506	15,482	58,988	3,052	18,499	21,551			
4	SABAK BERNAM	42,239	4,453	46,692	40,028	2,899	42,927	2,211	1,554	3,765			
5	ULU LANGAT	101,823	145,883	247,706	57,159	79,177	136,336	44,604	60,706	111,370			
6	PETALING	53,688	269,157	322,845	29,041	138,634	168,475	23,847	130,523	154,370			
7	ULU SELANGOR	41,051	45,208	86,259	34,706	31,604	66,310	6,345	13,604	19,949			
8	GOMBAK	60,100	66,305	126,705	35,794	37,152	72,946	24,606	29,153	53,759			
9	SEPANG	32,406	33,509	65,915	27,436	20,107	47,543	4,970	13,402	18,372			
JUMLAH KESELURUHAN		511,230	763,079	1,274,309	365,818	414,385	780,203	145,412	348,694	494,106			

LAMPIRAN A

PRESTASI PENYELESAIAN TUNGGAKAN PENUKARAN PENDAFTARAN QTFT DI NEGERI SELANGOR
SEHINGGA 31 OKT 2014 (BAGI TAHUN 2013)

BIL	PTG/PTD	TERIMAAN (2013)				SELESAI				BAKI TUNGGAKAN		
		HS(M)	HS(D)	JUMLAH	HS(M)	HS(D)	JUMLAH	HS(M)	HS(D)	JUMLAH		
1	KLANG	0	4,285	4,285	0	24	24	0	4,261	0	4,261	
2	KUALA LANGAT	1	3,670	3,671	1	33	34	0	3,637	0	3,637	
3	K. SELANGOR	0	1,413	1,413	0	2	2	0	1,411	0	1,411	
4	SABAK BERNAM	0	315	315	0	35	35	0	280	0	280	
5	ULU LANGAT	156	3,502	3,658	1	84	85	155	3,418	155	3,573	
6	PETALING	522	3,152	3,674	0	117	117	522	3,035	522	3,557	
7	ULU SELANGOR	514	591	1,105	462	18	480	52	573	52	625	
8	GOMBAK	0	3,759	3,759	0	53	53	0	3,706	0	3,706	
9	SEPANG	406	1,394	1,800	0	14	14	406	1,380	406	1,786	
JUMLAH KESELURUHAN		1,599	22,081	23,680	464	380	844	1,135	21,701	1,135	22,836	

LAMPIRAN A

PRESTASI PENYELESAIAN TUNGGAKAN PENUKARAN PENDAFTARAN QTFT DI NEGERI SELANGOR
SEHINGGA 31 OKT 2014 (BAGI TAHUN 2014)

BIL	PTG / PTD	TERIMAAN (2014)			SELESAI			BAKI TUNGGAKAN		
		HS(M)	HS(D)	JUMLAH	HS(M)	HS(D)	JUMLAH	HS(M)	HS(D)	JUMLAH
1	KLANG	650	1,528	2,373	209	15	274	591	1,506	2,099
2	KUALA LANGAT	29	777	806	29	1	30	0	776	776
3	K. SELANGOR	0	813	813	0	3	3	0	810	810
4	SABAK BERNAM	0	68	68	0	0	0	0	68	68
5	ULU LANGAI	58	6,719	6,771	55	202	257	3	6,511	6,514
6	PEJALING	117	2,779	2,890	117	72	189	0	2,701	2,701
7	ULU SELANGOR	355	2,730	3,085	221	9	230	134	2,721	2,855
8	GOMPAK	63	2,166	2,229	63	49	112	0	2,117	2,117
9	SIPANG	0	962	962	0	141	141	0	821	821
JUMLAH KESELURUHAN		1,472	18,515	19,987	744	492	1,236	728	18,023	18,751

LAMPIRAN A

PRESTASI PENYELESAIAN TUNGGAKAN PENUKARAN PENDAFTARAN QTFT DI NEGERI SELANGOR
SEHINGGA 31 OKT 2014 (BAGI TAHUN 2014)

BIL	TAHUN TUNGGAKAN	TERIMAAN			SELESAI			BAKI TUNGGAKAN		
		HS(M)	HS(D)	JUMLAH	HS(M)	HS(D)	JUMLAH	HS(M)	HS(D)	JUMLAH
1	2003 DAN KT DAWAH SEHINGGA 2012	511,230	703,079	1,274,309	365,818	414,365	780,203	145,412	348,094	494,106
2	2013	1,599	22,031	23,630	164	330	334	1,135	21,701	22,836
3	2014	1,472	10,515	10,987	744	492	1,236	728	18,023	18,751
JUMLAH KESELURUHAN		514,301	803,675	1,317,976	367,026	416,267	782,283	147,276	388,418	636,693

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 Batang Kali)**

TAJUK : SISTEM SALIRAN DI KAWASAN PERINDUSTRIAN

252. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan sistem saliran di kawasan perindustrian sempurna dan bersesuaian?
- b) Adakah Kerajaan Negeri melakukan pemantauan kepada pemantauan kepada sistem saliran di kawasan perindustrian?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor akan mengenalpasti kawasan-kawasan yang selalu mengalami banjir setiap kali berlakunya hujan lebat terutamanya di musim tengkujuh. Jabatan Pengairan dan Saliran akan melantik perunding untuk membuat kajian serta rekabentuk terperinci yang melibatkan sistem saliran dalaman serta sistem saliran utama yang melibatkan sungai-sungai. Ini termasuk membina rumah-rumah pam, saliran, longkang-longkang konkrit dan melebar serta mendalamkan sungai-sungai utama. Kajian yang dibuat meliputi kawasan-kawasan industri yang berisiko banjir. Pihak Berkuasa Tempatan akan menyediakan plan perparitan di dalam kawasan industri yang akan menghubungkan kepada sistem saliran utama yang telah disediakan oleh JPS. Sebagai contoh, pihak JPS telah menyiapkan Kajian Induk Sistem Saliran Pekan Sijanggang pada tahun 2013 dan Tender Fasa 1 Sistem Saliran yang melibatkan sebahagian kawasan perindustrian di Pekan Sijanggang telah dipanggil pada Oktober 2014 dan sedang dalam peringkat penilaian.
- b) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor sentiasa memantau sistem saliran dari segi keberkesanannya termasuk penyelenggaraan terhadap sistem perparitan di dalam kawasan industri untuk mengelakkan sebarang kejadian banjir. Perkara-perkara berkaitan banjir juga ada dibincangkan di dalam Mesyuarat Penyelarasan Bagi Cadangan Projek Pembangunan Di Negeri Selangor Darul Ehsan - Pelaburan Tempatan yang diadakan setiap bulan, dipengerusikan oleh Y.Bhg. En Hasan Azhari bin Hj Idris; Ketua Pegawai Eksekutif Selangor State Investment Centre (SSIC).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 Bukit Gasing)**

TAJUK : JUMLAH DAN KEPADATAN PENDUDUK

253. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila berikan jumlah penduduk dan kepadatan penduduk di Negeri Selangor mengikut PBT?
- b) Sila berikan jumlah penduduk dan kepadatan penduduk di Negeri Selangor mengikut mukim dan daerah?
- c) Apakah sumber data tersebut?

JAWAPAN:

- a) Jadual berikut adalah jumlah dan kepadatan penduduk di Negeri Selangor mengikut PBT

PBT	JUMLAH PENDUDUK	KELUASAN (kilometer persegi)	KEPADATAN PENDUDUK (orang)
MBSA	541,306	290.30	1864
MBPJ	613,977	97.200	6316
MPK	744,062	573.00	1298
MPS	542,409	1293.2	419
MPSJ	708,296	161.80	4377
MPAJ	428,615	143.50	2986
MPKJ	795,522	787.61	1010
MPSP	207,354	599.66	345
MDKL	220,214	857.70	256
MDKS	205,257	1194.5	171
MDHS	194,387	1756.3	110
MDSB	108,839	1017.0	107

- b) Jadual berikut adalah jumlah dan kepadatan penduduk di Negeri Selangor mengikut daerah dan mukim.

DAERAH	MUKIM	JUMLAH PENDUDUK	KELUASAN (kilometer persegi)	KEPADATAN PENDUDUK (orang)
PETALING	Bukit Raja	117,869	78.820	1495
	Damansara	516,666	132.91	3887
	Petaling	603,430	144.26	4182
	Sungai Buloh	466,163	132.91	3507
KLANG	Bandar Klang	842,146	573.8	1,467
	Kapar			
	Klang			
GOMBAK	Batu	285,288	185.42	1538
	Rawang	199,095	1065.7	186
	Setapak	76,247	42.110	1810
	Hulu Kelang	108,064	102.50	1054
HULU LANGAT	Ampang	342,676	38.590	8879
	Beranang	49,772	61.900	804
	Cheras	244,563	59.310	4123
	Kajang	342,657	92.980	3685
	Semenyih	99,669	95.57	1042
	Hulu Langat	55,251	294.47	187
	Hulu Semenyih	3,610	183.37	19
SEPANG	Dengkil	170,442	293.95	579
	Labu	10,130	111.42	90
	Sepang	26,191	204.41	128
HULU SELANGOR	Ampang Pecah	13,649	41.430	329
	Batang Kali	32,783	162.65	201
	Buloh Telor	110	25.890	4
	Kalumpang	2,444	41.440	58
	Kerling	3,718	175.34	21
	Kuala Kalumpang	3,605	38.850	92
	Peretak	1,418	203.83	6
	Rasa	2,999	82.620	36
	Serendah	83,099	129.01	644
	Sungai Gumut	1,703	41.440	41
	Sungai Tinggi	1,884	160.06	11
	Hulu Bernam	26,671	446.80	59
	Hulu Yam	20,304	111.11	182
KUALA SELANGOR	Kuala Selangor	11,649	1,194.55	171
	Api-Api	21,628		
	Tanjung Karang	30,624		
	Hujung	9,835		

DAERAH	MUKIM	JUMLAH PENDUDUK	KELUASAN (kilometer persegi)	KEPADATAN PENDUDUK (orang)
	Permatang			
	Bestari Jaya	24,584		
	Ijok	54,119		
	Jeram	45,352		
	Pasangan	7,312		
	Hulu Tinggi	154		
KUALA LANGAT	Tanjung 12	98,164	331.64	295
	Telok Panglima Garang	63,726	80.070	795
	Kelanang	19,894	75.130	264
	Bandar	11,136	38.522	289
	Jugra	7,371	185.33	39
	Morib	3,640	25.218	144
	Batu	16,283	121.48	134
SABAK BERNAM	Panchang Bedena	39,055	185.58	210
	Bagan Nakhoda Omar	11,623	88.083	131
	Sabak	20,232	156.42	129
	Sungai Panjang	8,568	288.30	29
	Pasir Panjang	24,231	298.62	81

- c) Untuk makluman Yang Berhormat, sumber data adalah dari Jabatan Perangkaan Malaysia, melalui terbitan Taburan Penduduk Mengikut Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dan Mukim, 2010 serta maklumat dari PBT dan Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 Sungai Burong)**

TAJUK : EKONOMI KERAJAAN NEGERI

254. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri ada membawa masuk pelaburan baru dan nyatakan jumlah pelaburan yang telah di bawa masuk pada tahun 2013 sehingga sekarang?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menarik lebih banyak pelaburan dalam tahun ini dan tahun hadapan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa berusaha untuk menarik pelabur-pelabur baru ke negeri ini melalui jaringan kerjasama strategik dengan pelabur-pelabur tempatan serta asing bagi mengekalkan negeri Selangor sebagai destinasi pilihan pelaburan. Data daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) menunjukkan bahawa, bermula tahun 2013 sehingga Julai 2014, sebanyak 381 projek perkilangan dengan nilai pelaburan sebanyak RM14.421 bilion telah dibawa masuk ke negeri Selangor. Perinciannya adalah seperti berikut :

Tahun	Bilangan projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
2013	228	23,519	6,207,711,908	3,625,294,944	9,833,006,852
2014 (Jan – Julai)	153	9,659	2,706,991,219	1,881,102,933	4,588,094,152
Jumlah	381	33,178	8,914,703,127	5,506,397,877	14,421,101,004

Daripada jumlah ini, sebanyak 247 projek merupakan projek baru dengan nilai pelaburan berjumlah RM10 billion. Perinciannya adalah seperti berikut:

Tahun	Projek Baru				
	Bilangan projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
2013	148	17,241	4,978,215,470	2,371,144,783	7,349,360,253
2014 (Jan – Julai)	99	6,749	1,394,649,707	1,397,148,229	2,791,797,936
Jumlah	247	23,990	6,372,865,177	3,768,293,012	10,141,158,189

- b) Bagi menarik lebih banyak pelaburan ke negeri Selangor, Kerajaan Negeri melalui *Selangor State Investment Centre (SSIC)* akan meneruskan strategi promosi seperti yang telah dilaksanakan sebelum ini. Strategi ini termasuklah misi pelaburan ke luar negara, menyertai misi penggalakan pelaburan dan perdagangan yang dianjurkan oleh agensi pusat seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), penerbitan iklan-iklan melalui media cetak dan media elektronik dalam dan luar negara, mengaturkan program-program pertemuan dengan pelabur sedia ada untuk menyelesaikan isu-isu berbangkit dan menganjurkan pertemuan dengan pihak kedutaan dan dewan-dewan perniagaan asing.

Walaupun bagaimanapun, di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri yang baharu ini, Kerajaan Negeri telah merancang untuk menjadikan negeri Selangor sebagai pusat perdagangan antarabangsa melalui penganjuran ekspo yang meliputi pelbagai jenis pameran dan pertunjukan perdagangan. Penganjuran ekspo ini dilihat dapat dijadikan medium kepada pengusaha-pengusaha tempatan dan asing merebut peluang perniagaan serta mempromosikan produk masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 Balakong)**

TAJUK : PROGRAM BANTUAN KESIHATAN SIHAT SELANGOR

255. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jenis bantuan yang dihulurkan kepada golongan yang kurang bernasib baik dibawah program ini
- b) Nyatakan jumlah perbelanjaan Kerajaan dibawah program ini mengikut jenis bantuan masing-masing

JAWAPAN:

- a) Program Bantuan Kesihatan Sihat Selangor menyediakan jenis bantuan seperti berikut : -
 - i. Dialisis Buah Pinggang : RM 2,000.00 diberikan secara 'one-off'
 - ii. Katarak Mata : bantuan tidak melebihi RM 1,200.00
 - iii. Pembedahan Kecil : bantuan tidak melebihi RM 5,000.00
 - iv. Lain-lain rawatan : bantuan tidak melebihi RM 5,000.00
- b) Bagi tahun 2014, sehingga 18 November 2014, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah peruntukan bagi membiayai Program Bantuan Kesihatan Sihat Selangor. Jumlah perbelanjaan mengikut bantuan adalah seperti di berikut: -

BIL.	JENIS BANTUAN KESIHATAN	PERBELANJAAN (RM)
1	Dialisis	290,420.80
2	Katarak Mata	13,460.00
3	Pembedahan Kecil	92,696.45
4	Lain-lain Rawatan	158,256.60
JUMLAH		554,833.85

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 Bukit Melawati)**

TAJUK : PROGRAM LAMAN DAPUR

256. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah ibu tunggal yang telah terlibat dalam program Laman Dapur mengikut daerah?
- b) Berapakah jumlah yang telah berjaya dalam projek menjana pendapatan melalui pertanian di bawah program Laman Dapur?

JAWAPAN:

Perlu rujuk kepada Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 Kuala Kubu Bharu)**

TAJUK : LESEN MENDUDUKI SEMENTARA

257. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jenis-jenis kegunaan tanah yang boleh dikeluarkan Lesen Menduduki Sementara
- b) Adakah Pejabat Daerah dan Tanah diberikan kuasa meluluskan semua jenis Lesen Menduduki Sementara?
- c) Apakah rasionalnya tanah kosong dikeluarkan Lesen Menduduki Sementara dengan syarat kegunaan tanah tersebut sebagai tapak rumah kediaman seperti di Mukim Ampang Pecah Daerah Hulu Selangor?

JAWAPAN:

- a) Jenis-jenis tanah yang boleh dikeluarkan Lesen Menduduki Sementara (LPS) adalah seperti di para 4.2, Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor (PTGS) Bilangan 7/ 2011, seperti berikut :
 - i) Tanah Kerajaan;
 - ii) Tanah lombong yang tidak digunakan untuk tujuan perlombongan; dan
 - iii) Tanah Rizab yang tidak digunakan untuk tujuan ia dirizabkan.

Manakala permohonan LPS yang dibenarkan adalah bagi tujuan seperti berikut:

- i) Bangunan Kediaman Sementara;
- ii) Bengkel;
- iii) Ternakan (Komersil);
- iv) Pertanian (Komersil);
- v) Pejabat/ Rumah Contoh/ Pondok Pengawal;
- vi) Lain-lain jenis kegunaan (komersil). Contohnya *Used Car*, Tempat Letak Kereta;
- vii) Tapak Loji (termasuk jentera/ kenderaan bermotor);
- viii) Simpanan Stok (*Stock Piling* satu lorong);
- ix) Papan Iklan;
- x) Jeti (Komersil);
- xi) Pelantar (Komersil);
- xii) Industri IKS;
- xiii) Gerai;

- xiv) Persembahan Hiburan;
- xv) Pengisi Petrol (*visible petrol filter*);
- xvi) Kem Pekerja/ Berek/ Rumah Sementara/ Rumah Panjang;
- xvii) Tanaman Kontan;
- xviii) Restoran;
- xix) Jejantas;
- xx) Garaj Kereta Persendirian;
- xxi) Stor; dan
- xxii) Tempat Cuci Kereta.

- b) Melalui Arahan PTGS Bilangan 1/2012 yang berkuat kuasa mulai 16 Ogos 2012, tiada lagi penurunan kuasa bagi melulus Lesen Menduduki Sementara (LPS) kepada Pentadbir Tanah Daerah (PTD), **kecuali** permohonan LPS bagi tujuan seperti berikut:
- i) Permohonan LPS bagi tujuan Pondok Pengawal seperti Pekeliling PTGS Bilangan 1/ 2013 yang berkuat kuasa mulai 14 Mac 2013; dan
 - ii) Permohonan LPS bagi tujuan *Billboard* (Papan Iklan) seperti di Pekeliling PTGS Bilangan 2/ 2013 yang berkuat kuasa mulai 27 Mei 2013.
- c) Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Daerah Hulu Selangor pada tahun 2006 tidak menyokong permohonan pemberimilikan tanah secara berkelompok di Taman Damai, Mukim Ampang Pecah, Daerah Hulu Selangor. Ini adalah disebabkan tapak yang dimohon belum diusahakan dan masih dalam keadaan semak. Sehubungan itu, Jawatankuasa Tanah Daerah Hulu Selangor telah bersetuju supaya semua pemohon diberi Lesen Menduduki Sementara (LPS).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 Pelabuhan Klang)**

TAJUK : PEMBENTANGAN BELANJAWAN 2015

258. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Rasional dan justifikasi bagi pembentangan belanjawan 2015 dikala tiada sebarang unjuran kelembapan apatah lagi penguncupan ekonomi bagi Selangor.

JAWAPAN:

- a) Rasional dan justifikasi Belanjawan 2015 akan dibentangkan di dalam ucapan Belanjawan 2015 oleh YAB Dato' Menteri Besar di persidangan Dewan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 Damansara Utama)**

TAJUK : TANAH-TANAH NEGERI

259. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pernahkah Kerajaan Negeri mengadakan semakan/audit "bank tanah" kerajaan?
- b) Berapa besarkah 'bank tanah' Kerajaan Negeri? Sila senaraikan jenis, keluasan dan nilai.
- c) Berapakah keluasan tanah Kerajaan Negeri telah diberi kepada GLC-GLC? Sila senaraikan keluasan tanah dan GLC yang mendapat tanah kerajaan.

JAWAPAN:

- a) Sebagai langkah proaktif dalam mengawalselia tanah-tanah milik kerajaan, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) telah mewujudkan Sistem SeLIS (*Selangor Land Information System*) yang berfungsi untuk menyimpan maklumat inventori data tanah-tanah kerajaan bagi tujuan pengawalan dan pemantauan. Sistem tersebut telah dibangunkan pada tahun 2012 dan digunakan secara rasminya pada 28 Mac 2013. Ianya diselua oleh PTGS, manakala pihak Pentadbir Tanah Daerah adalah sebagai pembekal data. Pemantauan data tanah kerajaan dalam sistem SeLIS telah dilaksanakan secara berkala, iaitu setiap 15 haribulan (setiap bulan) secara dalam talian (*online*). Unit Task Force dan Penyelidikan, PTGS dengan kerjasama Pejabat Tanah Daerah (PTD) akan sentiasa menjalankan pemantauan ke atas tanah-tanah kerajaan ini dan Laporan Pemantauan Tanah Kerajaan Negeri dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) mulai Julai 2013 sehingga kini.
- b) Berdasarkan Sistem SeLIS, data aset kerajaan (tanah) telah dibahagikan kepada 6 jenis iaitu, *Virgin Land*, Luput Pajakan, Notis 8A Rampasan, Lupus Notis 5A, Lesen Pendudukan Sementara (TOL) dan Tanah Rizab (Hutan, Kawasan Lapang, Kubur, Jalan, Parit, Rentis TNB, Keagamaan). Bilangan data aset kerajaan (tanah) dan keluasannya sehingga **31 Oktober 2014** adalah seperti berikut :-

Bil.	Tanah Kerajaan Negeri	Bilangan Plot	Luas Tanah (ekar)
1.	<i>Virgin Land</i>	66	10,672.53
2.	Luput Notis 5A	401	898.94
3.	Luput Pajakan	300	68.45

Bil.	Tanah Kerajaan Negeri	Bilangan Plot	Luas Tanah (ekar)
4.	Notis 8A	290	3,764.24
5.	Lesen Pendudukan Sementara (LPS)	612	251.58
6.	Tanah Rezab	3,177	6,894.88
	JUMLAH	4,846	22,550.62

Sumber: Selangor Land Information System (SeLIS)

Manakala anggaran nilai tanah tersebut di peringkat awalan mengikut daerah, berdasarkan analisis pihak Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) adalah seperti berikut:-

Bil.	Daerah	Jumlah Plot	Luas Tanah (ekar)	Anggaran Nilai (RM)
1.	Gombak	19	887.698	423,771,978.96
2.	Klang	20	2,414.69	252,304,580.40
3.	Petaling	8	124.158	89,795,725.00
4.	Kuala Selangor	13	2,270.52	235,264,511.20
5.	Selangor	16	834.110	281,041,272.00
6.	Hulu Langat	5	211.668	249,416,893.00
7.	Kuala Langat	17	3,395.98	435,930,881.76
8.	Sabak Bernam	6	775.400	151,989,552.00
9.	Hulu Selangor	13	2,152.36	247,742,969.76
	JUMLAH	117	13,066.59	2,340,231,364.08

Sumber: Laporan Pemantauan Tanah Kerajaan Negeri yang dibentangkan dalam Mesyuarat MTES Bilangan 11/2014 bertarikh 28 Ogos 2014

Nota:-

Jumlah plot adalah terdiri daripada Virgin Land, Luput Pajakan, Notis 8A Rampasan, Lupus Notis 5A, Lesen Pendudukan Sementara (TOL) dan Tanah Rizab.

- c) Berdasarkan maklumat yang diterima daripada anak-anak syarikat Kerajaan Negeri, berikut adalah keluasan tanah Kerajaan Negeri yang telah diberi kepada GLC-GLC:

Bil	Anak Syarikat	Keluasan Tanah (Ekar)
1.	PKNS	2,325.72

Bil	Anak Syarikat	Keluasan Tanah (Ekar)
2.	MBI	8,805.36
3.	Yayasan Selangor	3,768.84
4.	PKPS	2059.87
Jumlah		16,959.79

Sumber: PKNS, MBI, Yayasan Selangor dan PKPS

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 Permatang)**

TAJUK : MENAIKTARAF KEMUDAHAN PASAR BASAH

260. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan pasar basah yang ada di Selangor mengikut PBT.
- b) Senaraikan kerja menaiktaraf yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri dari 2008 hingga 2014 mengikut PBT.

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah senarai pasar basah yang ada di Selangor mengikut PBT :

PBT	Senarai Pasar Awam/Basah
MBSA	<ol style="list-style-type: none">1) Pasar Moden Seksyen 62) Pasar Jalan 16/6 Seksyen 163) Pasar Sri Gaya, Pekan Subang Seksyen U64) Pasar Welfare, Kg. Baru Sg. Buloh Seksyen U195) Pasar Bandar Baru Sg. Buloh Fasa 1 Sek. U206) Pasar Basah Seksyen 257) Pasar Basah Seksyen 28
MBPJ	<ol style="list-style-type: none">1) Pasar Jalan Othman2) Pasar Taman Dato Harun3) Pasar Seri Setia4) Pasar Kg. Cempaka5) Pasar Seksyen 146) Pasar Taman Megah7) Pasar Seksyen 178) Pasar Seksyen 21
MPK	<ol style="list-style-type: none">1) Kompleks Pasar Besar Jalan Meru2) Pasar Pelabuhan Klang (Jalan Sungai Aur)3) Pasar Baru Pekan Kapar4) Pasar Pandamaran

MPAJ	<ol style="list-style-type: none"> 1) Sri Inai 2) Pandan Perdana 3) Taman Muda 4) Kg. Dato Mufti 5) Ampang Jaya 6) Taman Sri Watan 7) Taman Maju Jaya 8) Taman Putra 9) Tapak EKSP0 Taman Muda 10) Jalan 13, Kg Baru Cina Ampang 11) Pasar Pekan Ampang 12) Pasar Kuala Ampang 13) Pasar Pandan Jaya 14) Pasar Tasek Tambahan 15) Pasar Bandar Baru Ampang
MPSJ	<ol style="list-style-type: none"> 1) SS 15, Subang Jaya 2) Batu 14, Puchong 3) Jalan Pasar Sri Kembangan 4) Jalan Sri Serdang Utara, Taman Sri Serdang 5) Bazar Rakyat, Jln SK 6/1
MPS	<ol style="list-style-type: none"> 1) Pasar Moden MPS Sri Gombak 2) Pasar Moden MPS Rawang 3) Pasar Moden MPS Bandar Country Homes 4) Pasar Harian dan Pusat Penjaja MPS Taman Ehsan 5) Pasar Harian MPS Batu Arang
1.	LUTHERAN CHURCH IN MALAYSIA AND SINGAPORE	301, BALAKONG NEW VILLAGE, SUNGAI BESI	PPM SEL 320/64 -13(2)	MENAİK TARAF	121360010032464	ALLIANCE BANK	899454	25,000.00
2.	GEREJA METHODIST TAMIL BUKIT ROTAN	LOT 1, SEKSYEN 2, JALAN BESAR BUKIT ROTAN, 45700 KUALA SELANGOR	ACT 457 1955	BAIK PULIH	8001801561	CIMB BANK	899455	10,000.00
JUMLAH								35,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 Dengkil)**

TAJUK : PERJAWATANAN PEJABAT DATO MENTERI BESAR

270. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan pegawai-pegawai dalam pentadbiran Menteri Besar sekarang?
- b) Nyatakan tugas dan fungsi setiap pegawai tersebut?
- c) Nyatakan pangkat, kadar gaji dan elaun yang diterima oleh mereka?

JAWAPAN:

- a) Jumlah warga kerja yang berkhidmat di Pejabat YAB Dato' Menteri Besar Selangor (PMB) adalah seramai **32 orang** yang mana 28 orang pegawai dilantik mengisi waran perjawatan sedia ada dan 4 orang pegawai dilantik oleh Menteri Besar Incorporated (MBI). Senarai perincian warga kerja PMB disertakan di **Lampiran 1(A) dan 1(B)**.
- b) Operasi kerja di PMB dibahagikan kepada **empat (4) unit** yang mempunyai fungsi dan skop tugas yang tersendiri iaitu Pentadbiran, Perkhidmatan, Media dan Kewangan. Carta fungsi setiap unit berkenaan diperincikan di **Lampiran 2**.
- c) Bersama-sama ini disertakan **Lampiran 3** yang menerangkan gaji dan elaun warga kerja yang berkhidmat di Pejabat YAB Dato' Menteri Besar Selangor lantikan kerajaan negeri. Manakala, urusan pembayaran gaji dan elaun bulanan pegawai-pegawai politik diuruskan sepenuhnya oleh Menteri Besar Incorporated (MBI).

**CARTA ORGANISASI PEJABAT (SEDIA ADA)
YAB. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR**

UNIT PENTADBIRAN			JUMLAH
JAWATAN	GREDE		
Pegawai Tadbir dan Diplomatik M44/M48/M52	M44/M48/M52		1
Setiausaha Politik	(diantik secara politik)		1
Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)	N28		1
Pembantu Tadbir (P/O)	N17		1
Pembantu Tadbir (P/O)	N17 (KUP)		2
Pegawai Khidmat Pelanggan	N17		1
Sarjen/Koperal	YY6/YY4		1
Pemandu Kenderaan	H11		1
Pembantu Am Pejabat	N11		1
Jumlah			10


UNIT PERKHIDMATAN			JUMLAH
JAWATAN	GREDE		
Penolong Pegawai Tadbir	N27		1
Pembantu Tadbir (P/O)	N22		1
Pembantu Tadbir (P/O)	N17/N22		2
Pembantu Tadbir (P/O)	N17		2
Pembantu Am Pejabat	N11		3
Pemandu Kenderaan	H11		4
Jumlah			13

UNIT MEDIA			JUMLAH
JAWATAN	GREDE		
Setiausaha Akhbar	S41/S44		1
Pegawai Berita	S41		1
Pereka Set/Juru Foto	B17		1
Pembantu Tadbir (P/O)	N17/N22		1
Jumlah			4

UNIT KEWANGAN			JUMLAH
JAWATAN	GREDE		
Pembantu Tadbir (Kew.)	W17		1
Jumlah			1

NOTA : Jumlah kakitangan keseluruhan sedia ada termasuk Tetap/Kontrak adalah sebanyak 28 orang.

**CARTA FUNGSI PEJABAT
YAB. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR**



RINGKASAN GAJI DAN ELAUN KARTANGAN PEJABAT YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR											
BIL.	JAWATAN/GRED	GAJI MINIMUM (RM)	GAJI MAKSIMUM (RM)	ELAUN					Jumlah Keseluruhan Gaji Minimum + Elaun (sebulian)	Bilangan Jawatan	CATATAN
				ELAUN KHIDMAT AWAM (RM)	ELAUN KOS SARA HIDUP (RM)	IMBUHAN TETAP PERUMAHAN (RM)	ELAUN KERAIAN DAN ELAUN ELAUN LAIN (RM)	ELAUN KOS SARA HIDUP (RM)			
1	Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M54	5,937.00	11,971.00	-	300.00	900.00	800.00		7,937.00	1	Tetap
2	Pegawai Berita Gred S41	1,909.00	8,644.00	300.00	300.00	250.00	-		2,759.00	1	Kontrak
3	Penolong Pegawai Tadbir Gred N27	1,362.00	5,092.00	160.00	300.00	160.00	-		1,982.00	1	Kontrak
4	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22	2,165.00	4,233.00	180.00	300.00	115.00	-		2,760.00	1	Tetap
5	Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat Gred N28	2,165.00	4,233.00	180.00	300.00	115.00	-		2,760.00	1	Tetap
6	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17	928.00	3,375.00	180.00	300.00	115.00	-		1,523.00	9	2 - kontrak 7 - tetap
7	Pembantu Tadbir (Kew.) Gred W17	929.00	3,377.00	180.00	300.00	115.00	-		1,524.00	1	Tetap
8	Juru Foto / Pereka Set Gred B17	936.00	3,404.00	180.00	300.00	115.00	-		1,531.00	1	Kontrak

RINGKASAN GAJI DAN ELAUN KAKTANGAN PEJABAT YAB DATO MENTERI BESAR SELANGOR										
BIL	JAWATAN/GRED	GAJI MINIMUM (RM)	GAJI MAKSIMUM (RM)	ELAUN				JUMLAH KESELURUHAN GAJI MINIMUM + ELAUN (sebulan)	BILANGAN JAWATAN	CATATAN
				ELAUN KHIDMAT AWAM (RM)	ELAUN KOS SARAN HIDUP (RM)	IMBUHAN TETAP PERUMAHAN (RM)	ELAUN KERAJIAN DAN ELAUN ELAUN LAIN (RM)			
10	Koperal Gred YY6/YY4	2,186.08	4,053.59	275.00	300.00	115.00	Elaun Tugas PDRM RM200.00 dan Bayaran Insentif Tugas Am RM200.00	2,376.00	1	Dipinjamkan
11	Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17	928.00	3,375.00	180.00	300.00	115.00	-	1,523.00	1	Kontrak
11	Pemandu Kenderaan Gred H11	981.00	2,328.00	180.00	300.00	95.00	-	1,556.00	5	2 - kontrak 3 - tetap
14.	Pembantu Am Pejabat Gred N11	981.00	2,328.00	180.00	300.00	95.00	-	1,556.00	4	1 - kontrak 4 - tetap
JUMLAH :								29,787.00	27	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 Bukit Gasing)**

TAJUK : KUIL SIVAN BUKIT GASING

271. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila butirkan status permohonan pewartaan tanah untuk Kuil Sivan Bukit Gasing di Petaling Jaya
- b) Juga beri kronologi setiap langkah permohonan ini.

JAWAPAN:

- a) Adalah dimaklumkan bahawa pentadbiran ini telah menerima Cabutan Kertas Minit Mesyuarat Kerajaan Negeri bertarikh 20 Ogos 2014 kertas EXCO MTES 6/25/2014 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 32/2014 pada 25 Ogos 2014 di mana Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah menimbang dan meluluskan seperti mana berikut :
 - i) Bersetuju seluas 5000 kaki persegi (saiz keluasan tapak banglo) diluluskan untuk pewartaan sebagai Tapak Kuil Sivan Bukit Gasing. Kawasan lain dikekalkan sebagai Kawasan Lapang. Keputusan hendaklah dimaklumkan kepada penduduk dan pihak-pihak berkepentingan . Kawasan lapang ini hendaklah dibina parit dan pagar;
 - ii) Supaya semua Pemegang Amanah Kuil menandatangani Guarantee Letter kepada Kerajaan Negeri bahawa mereka tidak akan membesarkan bangunan kuil melebihi 5000 kaki persegi. Binaan yang melebihi 5000 kaki persegi adalah di atas liabiliti individu ahli pemegang amanah tersebut; dan
 - iii) Pendengaran awam dan proses pewartaan hendaklah diteruskan. Berdasarkan keputusan tersebut pentadbiran ini telah memaklumkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) kepada Persatuan Penganut Kuil Sivan Bukit Gasing melalui surat bertarikh 13 Oktober 2014. Di dalam surat makluman tersebut pemohon juga dipohon untuk mengemukakan plan ukur yang baru berdasarkan keluasan 5000 kaki persegi yang telah diluluskan bagi tujuan pewartaan. Namun sehingga kini Pentadbiran ini masih belum menerima apa-apa maklum balas daripada pihak kuil tersebut.

Merujuk kepada Minit Mesyuarat Berhubung Pembatalan Warta Kerajaan Negeri Selangor No. 807 Bertarikh 23 November 1961 sebagai Tapak kawasan Hijau (Green Belt) di Lot 4575 Seksyen 5, Bandar Petaling Jaya Daerah Petaling Di Bawah Seksyen 64 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 yang diadakan pada 22 September 2014 yang lalu ,antaranya telah diputuskan bahawa :

- i) proses pewartaan kuil akan dimulakan selepas Warta Pembatalan Rizab Kawasan Hijau dilaksana dan diselesaikan oleh PTG
- ii) pihak MBPJ perlu mengadakan satu Pendengaran Awam seperti mana yang diputuskan oleh MMKN
- iii) MBPJ juga dipohon untuk mengemukakan guarantee letter kepada pihak kuil apabila pihak kuil membuat binaan Kuil Sivan Bukit Gasing tersebut.

Sehubungan dengan itu, Pentadbiran ini akan meneruskan proses pewartaan kuil selepas selesai proses Warta Pembatalan Kawasan Hijau oleh PTG dan selesai Pendengaran Awam oleh MBPJ

- b) Sila rujuk Lampiran A.

LAMPIRAN A

KRONOLOGI

**PERMOHONAN PEMBERIMILIKAN DAN PEWARTAAN TANAH KERAJAAN
DIBAWAH SEKSYEN 62 KANUN TANAH NEGARA BAGI TUJUAN KEGUNAAN
AWAM SEBAGAI TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (KUIL) SELUAS
LEBIH KURANG 9174 MP (2.267 EKAR) LOT 4575, SEKSYEN 5, BANDAR
PETALING JAYA**

TARIKH	PERKARA
31 Okt. 2008	Terima permohonan Pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 KTN oleh Board Of Trustees Siva Temple Registered. Tapak telah diwartakan untuk kegunaan awam sebagai Kawasan Hijau(Green Belt) mengikut warta Kerajaan Negeri Selangor bertarikh 9 Nov. 1961 (GN 807 – 61).
2 Dis. 2008	Ulasan daripada JKR Petaling tiada apa-apa halangan
5 Dis. 2008	Ulasan daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor tiada halangan
31 Dis. 2008	Ulasan daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya tidak menyokong permohonan
2 Mac 2010	Ulasan daripada Jabatan Mineral Dan Geosains Selangor/Wilayah Persekutuan ; i) Cerun-cerun semulajadi yang masih kekal mempunyai julat kecuraman dari 30 hingga 38 (berdasarkan pelan No Pelan:WD/01). Dikategorikan sebagai Kelas III hingga IV (mengikut Garispanduan Pembangunan Kawasan Tanah Tinggi, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar)

21 Julai 2010	Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam Negeri Selangor Bil 3/2010 telah menangguhkan permohonan tersebut.
1 Mac 2011	Pertikaian antara Persatuan Penganut Sivan Bukit Gasing dan Board Of Trustees Siva Temple Registered yang mempunyai hak, mengawal dan mengurus kuil telah dibawa ke Mahkamah Tinggi Shah Alam melalui saman No 24-474-2011 yang telah difailkan oleh Datin Seri Indrani Samy Velu dan tiga yang lain sebagai ahli Board Of Trustees Siva Temple Registered.
20 Jun 2011	Permohonan Pewartaan tanah dibawah Seksyen 62 KTN dikemukakan oleh Persatuan Penganut Sivan Bukit Gasing.
19 Dis. 2011	Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam Negeri Selangor Bil 5/2011 telah menyokong permohonan pewartaan kepada Persatuan Penganut Sivan Bukit Gasing seluas lebih kurang 2.6 ekar dengan syarat pemohon diarahkan untuk merobohkan sendiri bangunan yang dibina diatas struktur yang berbahaya. Pihak pemohon hanya dibenarkan untuk membina kuil satu tingkat dan seluas 1 ekar sahaja.
27 Dis 2011	Surat Pentadbiran ini kepada Persatuan Penganut Sivan Bukit Gasing untuk merobohkan struktur kuil sediaada bagi tujuan keselamatan.
25 Julai 2012	Mesyuarat EXCO MTES telah diadakan bagi memberi penjelasan mengenai kuil tersebut.
19 Ogos 2013	Kertas Ringkasan permohonan Pemberimilikan dan Pewartaan Tanah oleh Persatuan Penganut Sivan Bukit Gasing dan Board Of Trustees Siva Temple Registered di kemukakan kepada PTG Selangor
4 Oktober 2013	Surat daripada Pejabat Tanah Dan Galian Selangor memohon mendapatkan ulasan daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya sebelum kertas ringkasan di angkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.
19 November 2013	Ulasan daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya diterima.
25 November 2013	Kertas Ringkasan dikemukakan semula ke Pejabat Tanah Dan Galian Selangor
12 Disember 2013	Surat daripada Pejabat Tanah Dan Galian Selangor memohon mengemukakan beberapa dokumen.
21 Februari 2014	Dokumen tambahan dikemukakan kepada Pejabat Tanah dan Galian Selangor.

28 April 2014	Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 13/2014 yang telah diadakan pada 2 April 2014 dan disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 14/2014 pada 23 April 2014 telah menimbang dan menengguhkan permohonan tersebut dan meminta Majlis Bandaraya Petaling Jaya mengadakan pendengaran awam berhubung pembinaan kuil di atas kawasan Jajaran Hijau Bukit Gasing yang telah diwartakan semenjak tahun 1961.
5 Jun 2014	<p>Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 18/2014 yang telah diadakan pada 21 Mei 2014 dan disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 19/2014 pada 4 Jun 2014 telah menimbang dan bersetuju dengan cadangan penyelesaian isu kuil Penganut Sivan Bukit Gasing iaitu :-</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Pengarah Tanah dan Galian Selangor dan Pentadbir Tanah Daerah Petaling diminta mematuhi proses dan prosedur pembatalan pewartaan “Jajaran Hijau Bukit Gasing” dan mewartakan tapak tersebut sebagai kuil. i. Notis Pengumuman pembatalan warta hendaklah diisytiharkan pada 26 Mei 2014 (Isnin) dan Sesi Pendengaran Awam akan diadakan pada 29 Jun 2014 (Ahad) pada jam 11.30 Pagi. Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) diminta mencadangkan lokasi Pendengaran Awam tersebut. ii. Pengarah Tanah dan Galian Selangor diminta menyediakan Kertas Ringkasan MMKN berhubung hasil Pendengaran Awam tersebut seminggu selepas majlis berkenaan diadakan untuk mendapatkan keputusan selanjutnya daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
1 Julai 2014	Kertas Ringkasan dikemukakan sekali lagi ke Pejabat Tanah dan Galian Selangor
28 Ogos 2014	<p>Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 31/2014 yang telah diadakan pada 20 Ogos 2014 dan disahkan oleh Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 32/2014 pada 25 Ogos 2014 telah menimbang dan meluluskan seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Bersetuju seluas 5,000 kaki persegi (saiz keluasan tapakbanglo) diluluskan untuk pewartaan sebagai tapak Kuil Sivan Bukit Gasing. Kawasan lain dikekalkan sebagai kawasan lapang. Keputusan hendaklah dimaklumkan kepada penduduk dan pihak-pihak yang berkepentingan. Kawasan lapang ini hendaklah dibina parit dan dipagar ii) Supaya semua Pemegang Amanah Kuil menandatangani guarantee letter kepada Kerajaan Negeri bahawa mereka tidak akan membesarkan bangunan kuil melebihi 5000 kaki persegi. Binaan yang melebihi 5000 kaki persegi adalah di atas liabiliti individu ahli

	<p>iii) pemegang amanah tersebut. Pendengaran awam dan proses pewartaan hendaklah diteruskan.</p>
13 Oktober 2014	Surat kelulusan dikemukakan kepada Persatuan Penganut Sivan Bukit Gasing Petaling Jaya

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 Sungai Air Tawar)**

TAJUK : PRINSIP AMAR MAKRUH & NAHI MUNGKAR

272. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program-program negeri bagi melaksanakan prinsip Amar Makruh dan Nahi Mungkar ?
- b) Bagaimanakah prinsip ini boleh diterima baik di kalangan bukan Islam ?

JAWAPAN:

- a) Pendekatan melalui medium dakwah dilaksanakan oleh Jabatan Agama Islam Selangor kepada kumpulan sasar seperti orang awam, belia, remaja, pekerja industri dan golongan OKU.

Contohnya Program Forum Perdana dilaksanakan di setiap daerah dan mukim dengan memberi kefahaman terhadap akidah, syariah dan akhlak Islam. Melalui para pendakwah bertauliah, kumpulan ini turut sama memberi penerangan dan ilmu pengetahuan Islam di seluruh masjid dan surau, agensi kerajaan serta swasta.

Di peringkat lapangan pula, jabatan ini telah melatih sukarelawan dakwah khusus memberi bimbingan kepada golongan remaja, warga emas dan lawatan ke hospital. Terdapat 33 kumpulan NGO Islam yang bernaung di bawah JAIS turut membantu melaksanakan usaha dakwah di seluruh Negeri Selangor.

- b) *Amar Makruh Nahi Munkar* adalah perkara asasi dalam Islam dan pelaksanaannya akan dilihat sebagai sesuatu yang memayungi syariat Islam keseluruhannya. Ini secara tidak langsung akan memberi kesan yang baik kepada muamalah dan kehidupan bersosial kepada masyarakat bukan Islam, sejajar dengan konsep '*Baladun Taiyibatun Wa Rabbun Ghafur*'.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 Kuala Kubu Baharu)**

TAJUK : LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR (LPHS)

273. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan syarat-syarat yang dikenakan oleh LPHS terhadap pemaju untuk perlepasan kuota bumiputera
- b) Senaraikan jumlah denda, bayaran balik potongan harga bumiputera dan caj pelanggaran mekanisme pelepasan kuota bumiputera yang dikenakan oleh LPHS kepada pemaju-pemaju sejak tahun 2010
- c) Status terkini rayuan pengecualian kuota jualan bumiputera projek Taman Rasa Utama, Hulu Selangor yang telah siap sepenuhnya pada tahun 2002

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, syarat- syarat yang perlu dipatuhi oleh pemaju sebelum sesuatu rayuan permohonan pelepasan kuota Bumiputera diberikan, pemaju perlu mengemukakan beberapa maklumat atau aktiviti kepada LPHS seperti berikut :
 - i) Laporan projek yang mengandungi statistik jualan;
 - ii) Salinan keratan akhbar- akhbar tempatan, majalah, portal (website) yang mempromosikan hartanah- hartanah milik pemaju;
 - iii) Salinan Sijil Perakuan Arkitek yang menunjukkan kemajuan projek di tapak;
 - iv) Menyertai pameran hartanah Bumiputera yang dianjurkan samada oleh LPHS atau pihak swasta.

Selain itu, pemaju perlu terlebih dahulu menjual kesemua unit- unit hartanah kuota bukan Bumiputera sebelum boleh memohon untuk pelepasan kuota Bumiputera.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat penepatan urusan mekanisma pelepasan kuota Bumiputera yang dikenakan kepada pemaju sejak tahun 2010 adalah seperti berikut :
 - i) Bayaran Balik Potongan Harga Bumiputera
 - Kediaman = 7%
 - Komersial = 10%
 - Industri = 10%
 - ii) Caj Pelanggaran Tanpa Kelulusan = 5%

Kesemua bayaran ini akan dimasukkan ke dalam Tabung Amanah Penyelenggaraan Kuota Bumiputera yang digunakan bagi tujuan pembelian hartanah- hartanah Bumiputera yang tidak terjual melalui pembelian yang dijalankan dan diuruskan oleh anak syarikat LPHS iaitu Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. Untuk makluman Yang Berhormat juga, kaedah pelepasan ini telah pun dipermudahkan yang mana pelepasan akan diberikan secara automatik berdasarkan peringkat yang telah ditetapkan iaitu :

- i) Peringkat 1 = Kerja- kerja pembinaan mencapai 50% (berdasarkan perakuan Arkitek) - 20% daripada baki unit
 - ii) Peringkat 2 = Kerja- kerja pembinaan mencapai 75% (berdasarkan perakuan Arkitek) - 30% daripada baki unit
 - iii) Peringkat 3 = CCC dikeluarkan - 30% daripada baki unit
 - iv) Peringkat 4 = 6 bulan selepas CCC dikeluarkan - Keseluruhan baki unit
- c) Untuk makluman Yang Berhormat, LPHS telah meluluskan rayuan permohonan pelepasan kuota Bumiputera daripada Tetuan Sunway Integrated Properties Sdn Bhd bagi projek Taman Rasa Utama, Hulu Selangor pada 8 september 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 Semenyih)**

TAJUK : MENARIK BALIK LESEN OPERASI KILANG

274. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan lesen operasi kilang yang ditarik balik oleh kerajaan negeri dari 2013 hingga 2014 dan kesalahannya mengikut PBT?
- b) Apakah kerajaan negeri memandang serius kepada pelanggaran syarat oleh pemilik kilang?

JAWAPAN:

a) dan b)

Berikut adalah senarai lesen operasi kilang yang telah ditarik balik bagi tempoh 2013 hingga 2014 mengikut PBT.

PBT	TAHUN	NAMA SYARIKAT/ KILANG	JENIS KESALAHAN
MBSA	2013	TIADA	
	2014	1) Setiahub Sdn. Bhd. Lot 3775-A7, Jalan Pekan Subang, Kg. Melayu Subang, Seksyen U6, 40150 Shah Alam. 2) M&Y Advertising Lot 3775-A5, Jalan Pekan Subang, Kampung Melayu Subang, Seksyen U6, 40150 Shah Alam. 3) Koperasi Jaringan Sepadu (M) Berhad Lot 3775, Jalan 1D, Kg. Baru Subang, Seksyen U6, 40150 Shah Alam.	Perlanggaran syarat-syarat teknikal Jabatan Bangunan seperti berikut : i) Bangunan telah siap dibina tanpa kelulusan Majlis; ii) Bangunan telah diduduki dan telah beroperasi tanpa Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC); iii) Pihak pemilik telah mengemukakan salinan Perakuan Siap dan Pamatuhan (CCC) yang palsu semasa mengemukakan permohonan lesen perniagaan; iv) Aktiviti yang dijalankan di tapak juga bercanggah daripada syarat nyata tanah iaitu Industri Sederhana. Bangunan kilang telah dijadikan kedai serbaneka (Kojaris Mart) manakala bangunan gudang pula dijadikan 8 unit ruang yang mana 2 unit telah dijadikan sebagai kedai serbaneka, 1 unit telah beroperasi sebagai kedai hiasan taman dan 1 unit lagi kedai percetakan. Baki 4 unit ruang lagi dijangkakan juga akan dijadikan kedai.

		<p>4) Setiahub Sdn. Bhd Lot 3775-A8, Jalan Pekan Subang, Kampun Melayu Subang, Seksyen U6, 40150 Shah Alam.</p> <p>5) Stone Houz Sdn. Bhd. A-No.6, Jalan 1D, Kampung Baru Subang, Seksyen U6, 40150 Shah Alam.</p>	
MPAJ	2013	Pengurus Hau Heng Interior Design No. 1120, Jalan 12, Kg. Baru Ampang, 68000 Ampang.	Menjalankan aktiviti memproses / membuat perabot dengan menggunakan mesin yang menimbulkan pencemaran habuk dan bunyi bising di kawasan perumahan berhampiran.
	2014	Pengurus Body Coating Sdn Bhd No. 1314, Jalan Merdeka Ria 1, Merdeka Ria Industrial Park, 68000 Ampang.	<p>1. Gagal menyediakan garisan kuning keselamatan di tempat kerja dan stor yang sempurna untuk laluan pelet 'Truck Lift' untuk mengangkat barang-barang.</p> <p>2. Gagal menyediakan pusat pembuangan sampah dan tong sampah yang mencukupi serta gagal melantik kontraktor berlesen untuk melupuskan sampah sisa industri.</p> <p>3. Gagal memasang papan tanda 'Jaga Kebersihan' dan 'Utamakan Keselamatan' serta gagal menyediakan alat-alat perlindungan semasa bertu yang sempurna di dalam premis.</p> <p>4. Gagal meletakkan/menyimpan barang-barang atau bahan kimia secara betul dan selamat (cecair yang mudah meletup).</p> <p>5. Gagal memasang papan tanda 'Dilarang Merokok' bersaiz 40' x 50'</p> <p>6. Gagal mengemukakan permohonan pelan ubahsuai bagi bangunan tambahan yang dilakukan kepada Jabatan Bangunan & Senibina.</p>
MPSJ	2013	TIADA	
	2014	1) Swan Printing	i. Kacauganggu bunyi bising, bau hasil

		<p>2) Percetakan Strategik Sdn. Bhd.</p> <p>3) Percetakan Kembara Sdn. Bhd.</p> <p>4) Top Binding Sdn. Bhd.</p> <p>5) Master Defence (Masdef)</p>	<p>dari aktiviti yang dijalankan.</p> <p>ii. Aduan awam berkaitan pembuangan sisa toksik dan sisa industri ke dalam parit awam.</p> <p>iii. Tidak mematuhi syarat sekatan waktu operasi yang telah ditetapkan di dalam lesen.</p> <p>iv. Tidak mematuhi syarat binaan struktur tambahan bangunan (tiada kelulusan).</p> <p>v. Tidak mematuhi syarat Jabatan Alam Sekitar Selangor.</p>
MPKJ	2013	TIADA	
	2014	<p>WEI YEAN FURNITURE & RENOVATION No. 411, Batu 9, 43200 Cheras</p>	<p>Aduan daripada penduduk setempat kerana aktiviti yang dilakukan menimbulkan pencemaran dan kacau ganggu serta aktiviti tersebut tidak lagi sesuai untuk beroperasi di kawasan berkenaan</p>
MPS	2013	<p>1. Precision Bearing (M) Sdn Bhd Lot 17502, Jln 4, Tmn Selayang Baru, Bt Caves, Selangor.</p> <p>2. Bigwise Capital Sdn Bhd Lot 17504, Jln 4, Kws Ind. Selayang, Bt Caves, Selangor.</p> <p>3. New Haier Trading Sdn Bhd No. 17506, Jln 2, Tmn Ind. Selayang Baru, Batu Caves, Selangor.</p> <p>4. Mydecor Marketing Sdn Bhd Lot 17513. Jln 2, Tmn Ind. Selayang Baru, Bt Caves, Selangor.</p> <p>5. Lb Prestige Parts & Machinery Sdn Bhd No.6, Jln Sbc 10, Tmn Sri Batu</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tutup Longkang • Bahan Mentah Atas Lantai • Tambahan Hadapan • Tidak Pasang Perangkap Minyak • Halangan Kaki Lima • Tiada Lesen Gudang-

	<p>Caves, Selangor</p> <p>6. Kim Kee Food Catering Sdn Bhd Lot 3, Jln E1/1, Tmn Ehsan, Selangor D.E</p> <p>7. Golden City Plastics Lot 4868, Jln E1/1, Ind. Tmn Ehsan, Selangor</p>	
2014	<p>Kuen Engineering & Trading Sdn Bhd No. 47, Jln E1/2, Tmn Ind. Ehsan, Selangor D.E</p> <p>Sin Soon Loong Marketing Sdn Bhd No.48, Jln Usaha Ehsan, Tmn Ehsan, Selangor D.E</p> <p>Mx Fruit & Vegetable (M) Sdn Bhd Lot 53, Jln E1/2, Ind. Tmn Ehsan, Selangor D.E</p> <p>Edwincon Eng & Trading Sdn Bhd Lot.30, Jln 2, Rawang Ind. Estate, Rawang</p> <p>Jin Huat Hardware Sdn Bhd Lot. 36&36a, Jln Rp 1, Rawang Ind. Estate</p> <p>Fujiaire (M) Sdn Bhd No.38, Jln Rp 1, Rawang Ind. Estate</p> <p>Prestar Manufacturing Sdn Bhd No.39, Jln Rp 1, Rawang Ind. Estate</p> <p>Prestar Storage System Sdn Bhd No.39, Jln Rp 1, Rawang Ind. Estate</p> <p>Sin Shun Huat Hardware & Trading Sdn Bhd Lot.28, Jln 2, Rawang Ind. Estate, Rawang</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak Mengikut Kelulusan • Gudang Tanpa Lesen • Perniagaan Tanpa Lesen • Tiada Lesen Anjing • Perubahan Bangunan • Pembiakan Jentik-Jentik • Mendirikan Bangunan

MPSP	2013	Plasman Plastic	Kacau ganggu
	2014	SKS Coach Builders SKS Chasis Sdn.Bhd.	Tiada KM Tiada KM
MDKL	2013	TIADA	
	2014	Kilang Union Wood Industries Sdn. Bhd.	Premis tidak terletak di zon industri dan tidak memenuhi syarat pematuhan oleh Jabatan Alam Sekitar.
MDHS	-	Wescham Technologies, Ulu Yam Lama.	-Kacau ganggu kepada penduduk. -mengalirkan bahan buangan ke longkang/ sungai.
MBPJ	TIADA		
MPK	TIADA		
MDKS	TIADA		
MDSB	TIADA		

- b) Kerajaan Negeri memandang serius pelanggaran syarat oleh pemilik kilang kerana ia boleh memberi kemudaratan dan membahayakan pengguna dan alam sekitar. Kerajaan Negeri melalui PBT telah menetapkan syarat sebelum dan selepas lesen perniagaan dikeluarkan. Bagi mana-mana pemilik yang gagal mematuhi setiap syarat yang digariskan, tindakan penguatkuasaan boleh diambil berdasarkan Undang-Undang Kecil Tred Perniagaan dan Perindustrian atau Akta, garis panduan, pekeliling atau peraturan yang telah ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 Damansara Utama)**

TAJUK : PRESTASI MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

275. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan jumlah aduan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengikut jenis aduan (sampah, jalan, longkang dan lain-lain) SETIAP BULAN dari Januari 2012 sehingga sekarang.

JAWAPAN:

Bilangan Aduan Diterima Mengikut ulan (Mengikut Jenis Terpilih, Tahun 2012)

JenisAduan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogo	Sep	Okt	Nov	Dec
Sampah Kebun/ Haram /Rumah /Papantanda Sampah	422	259	917	276	203	257	218	205	226	272	273	232
Cantas /Tebang Pokok	152	227	239	224	228	223	241	178	214	231	239	219
Longkang Tersumbat	80	92	123	150	148	211	170	147	129	183	159	131
Kerosakan Longkang Kecil	45	51	52	62	56	38	41	42	62	73	76	71
Lampu Jalan	90	100	134	119	103	108	119	104	93	117	126	133
Lampul syarat	43	44	43	57	54	32	55	33	53	94	65	62
Jalan Rosak	88	112	186	139	113	80	69	58	39	70	222	201
Lain-lain	564	721	831	776	717	659	710	467	530	694	743	753

Bilangan Aduan Diterima Mengikut Bulan (Mengikut Jenis Terpilih, Tahun 2013)

Jenis Aduan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogo	Sep	Okt	Nov	Dec
Sampah Kebun/ Haram / Rumah /Papantanda Sampah	279	202	190	254	246	231	355	249	185	203	203	203
Cantas /Tebang Pokok	215	204	219	226	186	193	249	182	199	238	219	219
Longkang Tersumbat	164	121	121	149	119	198	228	168	145	177	164	164
Kerosakan Longkang Kecil	60	43	54	60	51	57	82	54	75	58	61	61
Lampu Jalan	134	106	122	117	127	98	146	108	85	117	133	133
Lampu Isyarat	98	65	64	77	63	84	108	52	71	53	27	27
Jalan Rosak	221	127	173	141	175	88	104	50	104	59	103	103
Lain-lain	739	628	701	722	501	643	760	533	710	769	753	753

Bilangan Aduan Diterima Mengikut Bulan (Mengikut Jenis Terpilih, Tahun 2014)

Jenis Aduan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogo	Sep
-------------	-----	-----	-----	-----	-----	-----	-----	-----	-----

Sampah Kebun/ Haram /Rumah / Papantanda Sampah	252	257	172	293	249	248	244	266	230
Cantas / Tebang Pokok	195	199	169	259	297	203	145	193	225
Longkang Tersumbat	132	314	154	149	114	160	193	139	145
Kerosakan Longkang Kecil	61	62	44	58	71	45	51	59	60
Lampu Jalan	133	93	99	115	135	154	128	154	117
Lampu Isyarat	32	43	34	21	27	19	25	36	46
Jalan Rosak	148	76	49	94	157	113	55	104	119
Lain-lain	786	809	666	897	854	804	692	735	730

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 Jeram)**

TAJUK : TAHAP KEMISKINAN RAKYAT

276. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kadar kemiskinan keseluruhan rakyat Selangor ketika ini?
- b) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan tahap kemiskinan boleh bertambah dan berkurangan dalam konteks Selangor?

JAWAPAN:

- a) Merujuk kepada Jabatan Perangkaan Malaysia (seperti di **JADUAL 9**), pada tahun 2012, negeri Selangor mencatatkan peratus insiden kemiskinan sebanyak 0.4%, manakala peratus insiden kemiskinan tegar adalah sebanyak iaitu 0.0%. Statistik ini adalah berasaskan kepada Paras Garis Kemiskinan (PGK) Nasional iaitu pada RM830. Namun, sebagai negeri termaju, Selangor tidak boleh menggunakan kriteria paras kemiskinan Putrajaya. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah menetapkan paras yang realistik dan bertanggungjawab iaitu RM1,500 sebagai Paras Garis Kemiskinan (PGK) di negeri Selangor. Menurut kriteria ini, 30% daripada penduduk Selangor berada di bawah garis kemiskinan.
- b) Kemiskinan merupakan sebagai suatu isu subjektif yang boleh dilihat daripada pelbagai dimensi. Konsep kemiskinan yang digunakan adalah berdasarkan kepada kaedah yang telah diperkenal pada tahun 2004 iaitu dengan mengambil kira PGK makanan dan PGK bukan makanan bagi setiap isi rumah yang dilawati. Melalui pendekatan ini, sesebuah isi rumah adalah dianggap miskin sekiranya pendapatan bulanan isi rumah tersebut adalah kurang daripada PGK, iaitu pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asas dari segi makanan dan bukan makanan yang membolehkan setiap ahlinya berfungsi di dalam masyarakat.

Secara umumnya, kadar peningkatan kemiskinan dipengaruhi oleh beberapa faktor. Faktor ekonomi sesebuah negara merupakan salah satu faktor yang dilihat berupaya mempengaruhi peningkatan kadar kemiskinan. Kos sara hidup yang kian meningkat dan suasana ekonomi yang sangat mencabar ini terus menjadi masalah kepada golongan berpendapatan sederhana dan rendah. Oleh yang demikian, pertumbuhan ekonomi yang sihat dan seimbang adalah amat penting bagi membasmi kemiskinan secara berterusan di samping berupaya meningkatkan taraf hidup rakyat.

Di samping itu, jumlah pendapatan turut berperanan dalam peningkatan kadar kemiskinan. Ini kerana ketidaksamarataan pendapatan yang meningkat dengan ketara di kalangan pelbagai kumpulan etnik sekaligus akan mewujudkan jurang

ketidaksamarataan pendapatan yang besar dan seterusnya memberi kesan negatif terhadap kadar kemiskinan di sesebuah Negara. Sikap negatif individu dan masyarakat yang malas berusaha dan bekerja keras juga menjadi faktor penyebab mereka terus dibelenggu dengan kemiskinan walaupun berada di dalam persekitaran yang menyediakan pelbagai peluang pekerjaan.

Faktor pendidikan pula memainkan peranan penting dalam mengurangkan kadar kemiskinan. Sebagai contoh, anak-anak yang berjaya dalam pendidikan dapat memperbaiki kehidupan keluarga dan sekali gus mengelakkan mereka daripada mewarisi kemiskinan keluarga. Ini secara tidak langsung berupaya mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan masyarakat. Justeru itu, penekanan kepada tahap pendidikan dan kemahiran lebih tinggi adalah cara yang tepat bagi mengatasi masalah peningkatan kadar kemiskinan.

Antara inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam mengurangkan kadar kemiskinan adalah melalui penganjuran pelbagai program di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan seperti Program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan, Program Tajaan Kemahiran Teknikal melalui Kolej Antarabangsa INPENS, Program Pemberian Baucer sempena Perayaan dan Program *Back to School*. Selain itu, Kerajaan Negeri juga turut memperluaskan program bantuan menerusi Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) di bawah Jawatankuasa-jawatankuasa Tetap yang lain untuk membantu meringankan bebanan rakyat seperti Hadiah Anak Masuk Universiti, Program Air Bersih Percuma sebanyak 20 meter padu sebulan, Program Skim Mesra Usia Emas, Skim Mikrokredit Selangor, Tabung Warisan Anak Selangor, Skim Mikrokredit Wanita Ladang dan pelbagai lagi.

Hakikatnya, penglibatan semua pihak merangkumi sektor swasta, badan bukan Kerajaan dan masyarakat itu sendiri amat penting dalam membasmi kemiskinan hingga ke akar umbi. Dengan adanya perancangan ekonomi yang fokus dan bersistematik, sistem pendidikan yang berkesan serta pertumbuhan ekonomi yang seimbang, kemiskinan berupaya dikurangkan dengan efektif.

JADUAL 9:

INSIDEN KEMISKINAN MENGIKUT NEGERI DAN STRATA DI MALAYSIA BAGI TAHUN 2012

Jadual 2.2: Insiden kemiskinan mengikut negeri dan strata, Malaysia, 2012
 Table 2.2: Incidence of poverty by state and strata, Malaysia, 2012

Negeri State	Insiden kemiskinan/Incidence of poverty					
	Miskin/Poor			Miskin tegar/Hardcore poor		
	Jumlah Total	Bandar Urban	Luar Bandar Rural	Jumlah Total	Bandar Urban	Luar Bandar Rural
Malaysia	1.7	1.0	3.4	0.2	0.1	0.6
Johor	0.9	0.7	1.4	0.1	0.1	0.0
Kedah	1.7	1.1	2.6	0.1	0.0	0.4
Kelantan	2.7	1.8	3.4	0.3	0.2	0.4
Melaka	0.1	0.2	0.0	0.0	0.0	0.0
Negeri Sembilan	0.5	0.5	0.3	0.1	0.1	0.0
Pahang	1.3	1.1	1.4	0.2	0.2	0.2
Pulau Pinang	0.6	0.5	1.0	0.0	0.1	0.0
Perak	1.5	1.1	2.2	0.2	0.0	0.4
Perlis	1.9	0.9	2.6	0.5	0.2	0.6
Selangor	0.4	0.2	2.3	0.0	0.0	0.0
Terengganu	1.7	1.5	2.0	0.2	0.2	0.2
Sabah	8.1	5.3	12.7	1.6	0.6	3.2
Sarawak	2.4	1.1	4.0	0.3	0.3	0.4
W.P. Kuala Lumpur	0.8	0.8	n.a.	0.1	0.1	n.a.
W.P. Labuan	1.1	0.6	2.7	0.0	0.0	0.0
W.P. Putrajaya	-	-	n.a.	-	-	n.a.

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 Teluk Datuk)**

**TAJUK : PENAMBAHAN PERABOT KESELAMATAN DI BULATAN BANDAR
SAUJANA PUTRA,JENJAROM**

277. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri akan membina bonggol jalan dan lampu isyarat di bulatan Bandar Saujana Putra, Jenjarom untuk mengurangkan kemalangan jalanraya yang sering berlaku disitu?
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan mengkaji kesesuaian pembinaan flyover di Persiaran Saujana Putra menyambungi ke arah Tol ELITE dan SKVE memandangkan keadaan trafik yang sesak pada waktu pagi dan selepas masa kerja?
- c) Adakah Kerajaan Negeri akan menambahkan lagi lampu jalan L.E.D di bulatan Bandar Saujana Putra untuk menerangkan simpang-simpang jalan disitu?

JAWAPAN:

- a) Pihak Majlis tiada cadangan untuk berbuat demikian. Jalan tersebut juga masih di bawah tanggungjawab pemaju.
- b) Tiada kajian untuk mengkaji kesesuaian pembinaan flyover di Persiaran Saujana Putera menyambungi ke arah Tol ELITE dan SKVE.
- c) Pada masa ini, pihak Majlis belum mempunyai perancangan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 Batang Kali)**

TAJUK : PORTFOLIO PELABURAN

278. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar, strategi dan program portfolio Pelaburan kini berbanding EXCO yang lalu?
- b) Bagaimanakah dasar, strategi dan program ini dapat memastikan pertambahan pelaburan di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Secara amnya, dasar, strategi dan program portfolio pelaburan kini tiada perbezaan yang ketara dengan EXCO yang lalu kerana program-program promosi tetap diteruskan seperti yang dilakukan pada tahun-tahun sebelum ini seperti misi penggalakkan pelaburan ke luar negara, program-program pertemuan dengan pelabur, dewan-dewan perniagaan dan pihak kedutaan asing, program-program promosi dan pengiklanan dan lain-lain lagi.

Namun begitu, terdapat sedikit sedikit penambahbaikan seperti berikut:-

- i. Peruntukan Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian & Perdagangan Industri Kecil & Sederhana (IKS) Dan Pengangkutan telah ditambah bagi meningkatkan aktiviti-aktiviti promosi pelaburan.
- ii. Pihak Kerajaan Negeri dalam proses kajian untuk membuka kawasan perindustrian baru yang berkonsepkan *gated & guarded*
- iii. Menggalakkan pembukaan kawasan-kawasan perindustrian baru dengan penglibatan pemaju swasta
- iv. Mensasarkan untuk membantu PKS untuk mengembangkan perniagaan ke pasaran global melalui penggunaan kemudahan internet seperti *e-commerce*
- v. Mensasarkan perdagangan sebagai aktiviti utama dan menjadikan selangor sebagai Pusat Perdagangan (*Trade Centre*)

- b) Kerajaan Negeri berkeyakinan dengan dasar dan strategi ini mampu mempertingkatkan pelaburan kerana:-
- i. Melalui program promosi yang dilakukan sama ada dalam dan luar negara melibatkan kumpulan sasar yang lebih meluas dan promosi peluang-peluang pelaburan dapat dihebahkan kepada para pelabur yang berpotensi di negara-negara yang menjadi fokus seperti Amerika Syarikat, Eropah, Jepun, China dan beberapa negara lagi.
 - ii. Aktiviti promosi dan pengiklanan peluang-peluang pelaburan di media cetak mahupun media elektronik dapat mempromosikan negeri Selangor kepada pelabur yang berminat untuk mengembangkan pelaburan di rantau Asia Tenggara.
 - iii. Pertemuan bersama pelabur-pelabur berpotensi sewaktu misi pelaburan luar negara dapat meyakinkan para pelabur untuk melabur di Negeri Selangor.
 - iv. Program Mesra Pelabur seperti kunjungan hormat dan pertemuan-pertemuan dengan pelabur sedia ada dapat memberi keyakinan kepada pelabur mengenai keprihatinan pihak Kerajaan Negeri dalam membantu menyelesaikan isu-isu yang berbangkit dan secara langsung menggalakkan pihak syarikat untuk menambah pelaburan sedia ada.
 - v. Kewujudan SSIC Berhad yang berperanan sebagai agensi penggalakkan pelaburan memudahkan pihak pelabur merujuk kepada pihak Kerajaan Negeri sekiranya terdapat isu-isu yang berbangkit. Ini secara langsung meyakinkan para pelabur bahawa pihak Kerajaan negeri amat komited dalam menjaga hal ehwal pelabur yang melabur di Negeri Selangor. Dengan adanya agensi khusus seperti SSIC, dapat membantu memudahkan proses pelaburan di Negeri Selangor serta memudahkan pihak pelabur mengutarakan isu yang berbangkit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 Kinrara)**

TAJUK : PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR SUKAN

279. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perbelanjaan yang telah digunakan oleh kerajaan bagi pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur sukan di negeri Selangor dalam tempoh tahun 2013 dan 2014
- b) Apakah rancangan kerajaan untuk menambahkan baik pembangunan infrastruktur sukan di kampung tradisi dan kampung baru

JAWAPAN:

- a) Dari tahun 2013 sehingga 2014, Kerajaan Negeri telah melaksanakan dua puluh empat (24) projek penyelenggaraan kemudahan sukan bagi Pejabat Daerah dan Tanah seluruh Negeri Selangor. Jumlah yang telah dibelanjakan adalah sebanyak RM505,547.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Lima Ribu Lima Ratus Empat Puluh Tujuh Sahaja).
- b) Kerajaan Negeri Selangor komited di dalam pembangunan infrastruktur sukan di kampung tradisi dan kampung baru seluruh Negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor sebelum ini telah melaksanakan beberapa projek pembangunan infrastruktur sukan di bawah Geran Selangorku bagi pembinaan gelanggang futsal, bola keranjang dan sebagainya di setiap daerah. Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan rancangan pembinaan baru dan penyelenggaraan infrastruktur sukan ini dan beberapa rancangan lain di bawah agensi pelaksana, Pejabat Daerah dan Tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor

Sebarang perancangan pembangunan infrastruktur Sukan akan dibuat berdasarkan kajian yang teliti supaya infrastruktur tersebut dapat dioptimumkan penggunaannya. Justeru itu, Kerajaan Negeri akan mengkaji pembangunan infrastruktur Sukan di kampung tradisi dan kampung baru sesuai dengan maklumbalas yang diterima daripada penduduk kampung dan juga pihak yang mempunyai kepakaran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 Sungai Burong)**

TAJUK : TANAH RIZAB MELAYU

280. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan keluasan Tanah Rizab Melayu yang masih dijaga oleh kerajaan negeri?
- b) Nyatakan pembangunan sekiranya ada yang sudah dilaksanakan di atas Tanah Rizab Melayu pada tahun 2014?

JAWAPAN:

- a) Sehingga **30 Oktober 2014**, jumlah keluasan Tanah Rizab Melayu (TRM) di Negeri Selangor adalah seluas **402,755.42 ekar** dan pecahannya mengikut daerah seperti di **Lampiran A**.
- b) Bagi mengekalkan dan mempertahankan Tanah Rizab Melayu (TRM) di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri sentiasa memastikan setiap tanah yang dibatalkan hendaklah digantikan terlebih dahulu sebelum proses pengambilan diluluskan seperti mana yang termaktub di bawah Perkara 89 Fasal 3, Perlembagaan Persekutuan iaitu "*mana-mana tanah yang terhenti menjadi tanah Rizab Melayu maka mana-mana tanah lain yang serupa keadaannya dengan tanah yang terhenti itu dan seluas tidak lebih daripada luas tanah itu hendaklah dengan serta merta diisytiharkan sebagai Rizab Melayu*".

Melalui Pekeliling PTGS Bilangan 7/2001, Kerajaan Negeri juga telah mengeluarkan Dasar dan Garis Panduan Pembatalan dan Penggantian Tanah Rizab Melayu Negeri Selangor yang menekankan tentang penggantian TRM perlu dilaksanakan dengan segera tanpa mengambil kira jenis tanah, sama ada tanah pekan, bandar atau desa dan guna tanah pertanian, kawasan zon kediaman/ perniagaan dan industri yang belum diberi milik.

Selain itu, Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Pengurusan dan Penggantian Tanah Rizab Melayu (JKPPTRM) pada 28 Ogos 2014 yang dianggotai oleh semua Pentadbir Tanah Daerah yang bertanggungjawab ke atas hal-hal pengurusan dan penggantian TRM agar ianya selaras dengan Enakmen Rizab Melayu serta peraturan-peraturan lain yang sedang berkuatkuasa.

LAMPIRAN A

KEDUDUKAN TANAH RIZAB MELAYU (TRM) DI SEMBILAN (9) DAERAH
SEHINGGA 30 OKTOBER 2014

DAERAH	KELUASAN TRM (a)	KELUASAN PEMBATALAN (b)	KELUASAN PENGGANTIAN (c)	KELUASAN BELUM DIGANTI (d=b-c)	KELUASAN PADA 30/10/14 (e=a-b+c)
	Ekar				
Petaling	2,617.88	0	0	0	2,617.88
Gombak	12,895.05	6.38	0	6.38	12,888.67
Klang	23,474.88	5.99	0	5.99	23,468.89
Sepang	28,500.94	4,621.93	2,325.60	2,296.33	26,204.61
Hulu Selangor	36,850.83	1,539.37	1,002.00	537.37	***36,313.46
Hulu Langat	33,325.79	22.34	23.61	-1.27	33,327.06
Kuala Langat	39,577.00	4,822.33	3,800.37	1,021.96	**38,555.04
Kuala Selangor	56,895.19	0	0	0	56,895.19
Sabak Bernam	172,485.00	59.53	59.15	0.38	172,484.62
JUMLAH	406,622.56	11,077.87	7,210.73	3,867.14	402,755.42

Sumber : Pejabat Tanah dan Daerah (PDT)

Nota:

* Seluas 1,024.20 ekar daripada 3,800.37 ekar TRM telah diganti di Daerah Hulu Selangor, iaitu TRM Bukit Tarek.

** Keluasan pada 30/10/2014 bagi Daerah Kuala Langat adalah 37,530.84 ekar kerana perkara seperti di *.

*** Keluasan pada 30/10/2014 bagi Daerah Hulu Selangor adalah 37,337.66 ekar kerana perkara seperti di *.

**MAKLUMAT PEMBANGUNAN TANAH RIZAB MELAYU YANG TELAH
DILAKSANAKAN MENGIKUT DAERAH BAGI TAHUN 2014**

BIL.	DAERAH	JUMLAH PROJEK	JUMLAH KELUASAN (HEKTAR)
1.	Klang	40	49.378
2.	Gombak	7	3.572
3.	Sabak Bernam	1	2.099
4.	Sepang	25	27.348
5.	Hulu Langat	23	30.344
6.	Kuala Selangor	3	3.513
7.	Petaling	1	0.378
8.	Kuala Langat	25	31.665
9.	Hulu Selangor	Tiada	Tiada
JUMLAH KESELURUHAN		125	148.297

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 Teratai)**

TAJUK : PROGRAM PEMBANGUNAN BELIA

281. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan maklumat program dan skim pembangunan belia Selangor
- b) Sejauh manakah PeBT dapat memberi manfaat kepada belia Selangor
- c) Sila kemukakan program yang dijalankan untuk belia mengikut DUN dalam tahun 2008 hingga 2014

JAWAPAN:

- a) Dan c)

Skim pembangunan belia di Negeri Selangor melibatkan pelbagai aktiviti yang digerakkan oleh Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) di dalam setiap zon.

Di samping itu juga, program belia juga dianjurkan dengan kerjasama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Program yang dijalankan untuk belia yang melibatkan semua DUN di Negeri Selangor adalah sebagaimana berikut :-

- i. Program Insentif Perkahwinan Belia.
 - ii. Sambutan Hari Belia Antarabangsa
 - iii. Sambutan Hari Sukan Antarabangsa
 - iv. Program Walkathon BES
 - v. Sidang Belia Negeri Selangor
 - vi. Program Usahawan Belia Selangor
 - vii. Bengkel Pengucapan Awam
 - viii. Bengkel Kepimpinan PeBT
 - ix. Program Perkahwinan Perdana Belia Selangor
- b) Penubuhan PeBT banyak memberi manfaat kepada dalam menyampaikan hasrat Kerajaan Negeri kepada Generasi Muda di Negeri Selangor. Sebagai contoh, banyak program-program di peringkat Zon / Kampung dan Daerah digerakkan oleh PeBT menggunakan peruntukkan yang disediakan kerajaan negeri dan tambahan dari pihak ADUN / Ahli Majlis Zon tersebut. Sebagai contoh Program Bengkel

Pengucapan Awam di setiap daerah untuk memupuk keberanian Generasi Muda berucap dan menyuarakan pendapat secara profesional di khalayak ramai. Selain itu, program-program seperti Kejohanan Futsal, Kayuhan Santai Belia Ehsan Selangor dan pelbagai lagi telah dijalankan kearah memupuk budaya hidup sihat dan aktif untuk generasi di peringkat kampung, zon mahupun daerah.

Di peringkat Kerajaan Negeri juga, banyak program yang telah dijalankan bermanfaat untuk Generasi Muda contohnya program membantu menjalankan majlis perkahwinan bagi Generasi Muda yang kurang berkemampuan dengan mengadakan Program Perkahwinan Perdana Belia 2014. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri telah menjalankan Program Hari Sukan Antarabangsa 2014, Program Hari Belia Peringkat Antarabangsa di mana melibatkan Generasi Muda di seluruh Selangor ke program tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 Bukit Melawati)**

TAJUK : LEBUHRAYA DI SELANGOR

282. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan lebuhraya-lebuhraya yang beroperasi di Selangor kini dan tempoh pegangan konsesinya?
- b) Nyatakan lebuhraya-lebuhraya yang sedang dirancang atau dibina di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Terdapat 19 lebuhraya yang sedang beroperasi di Selangor. Lebuhraya tersebut dan tempoh pegangan konsesi adalah seperti berikut:

SENARAI LEBUHRAYA YANG BEROPERASI DI SELANGOR DAN TEMPOH KONSESI

Bil	Lebuhraya	Tempoh Konsesi
1.	Lebuhraya Utara – Selatan (PLUS)	50 Tahun
2.	Lebuhraya Shah Alam (KESAS)	28 Tahun 9 Bulan
3.	Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah (ELITE)	36 Tahun
4.	Lebuhraya Cheras – Kajang (GRANDSAGA)	30 Tahun
5.	Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA)	32 Tahun
6.	Lebuhraya Baru Pantai (NPE)	36 Tahun
7.	Lebuhraya Damansara – Puchong (LDP)	33 Tahun
8.	Lebuhraya Tingkat Ampang – Kuala Lumpur (AKLEH)	33 Tahun
9.	Lebuhraya Kemuning – Shah Alam (LKSA)	40 Tahun
10.	Lebuhraya Skim Penyuraian Trafik Kajang (SILK)	39 Tahun

11.	Lebuhraya KL – Putrajaya (MEX)	33 Tahun
12.	Lebuhraya Kajang – Seremban (LEKAS)	33 Tahun
13.	Lebuhraya Skim Penyuraian Trafik KL – Barat (SPRINT)	33 Tahun
14.	Lebuhraya KL – Kuala Selangor (KLKS)	40 Tahun
15.	Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE)	40 Tahun
16.	Lebuhraya Pintas Baru Selat Klang Utara (NNKSB)	25 Tahun
17.	Lebuhraya Duta – Ulu Kelang (DUKE)	34 Tahun
18.	Lebuhraya Shah Alam- Kuang (GCE)	33 Tahun
19.	Lebuhraya Kuala Lumpur – Seremban/Lebuhraya Hubungan Timur Barat (METRAMAC)	30 Tahun

Sumber : Lembaga Lebuhraya Malaysia

b) Senarai lebuhraya-lebuhraya yang sedang dirancang dan dalam pembinaan adalah seperti berikut:

1) Projek Dalam Pembinaan

- i. Lebuhraya Pantai Barat atau *West Coast Expressway* (Taiping-Banting)
- ii. Lima (5) Projek Menaiktaraf Lebuhraya Operasi iaitu:
 - Pembinaan Lorong Ke Empat, Lebuhraya Utara Selatan
 - Persimpangan Bertingkat Seri Kembangan Di Lebuhraya Kuala Lumpur – Putrajaya (Seri Kembangan)
 - Pembinaan Jalan Sambungan Melintasi Taman Kajang Utama Di Lebuhraya SILK
 - Cadangan Menaiktaraf Lebuhraya SILK dari Persimpangan UNITEN ke Persimpangan UPM
 - Cadangan Pembinaan Persimpangan Bandar Tasik Puteri di Lebuhraya LATAR

2) Projek Dalam Perancangan dan Pra Pembinaan

- i. Lebuhraya Serdang – Kinrara – Putrajaya (SKIP)
- ii. Lebuhraya Paroi-Senawang-KLIA-Salak Tinggi (SKLIA)

- iii. Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE)
- iv. Lebuhraya Damansara – Shah Alam (DASH)
- v. Lebuhraya Sungai Besi – Ulu Kelang (SUKE)
- vi. Lebuhraya Kinrara – Damansara (KIDEX)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 Sekinchan)**

TAJUK : BAYARAN PENGHARGAAN PERKHIDMATAN OLEH MMKN

283. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan secara terperinci berapakah jumlah bayaran penghargaan perkhidmatan pegawai Pejabat Menteri Besar dan Pegawai MBI ?
- b) Sila nyatakan apakah rasionalnya bayaran tersebut ?
- c) Sila nyatakan adakah bayaran tersebut bercanggah dengan amalan prinsip ketelusan dan Pekeliling Kewangan Negeri ?

JAWAPAN:

- a) Jumlah bayaran penghargaan perkhidmatan pegawai Pejabat Menteri Besar dan Pegawai MBI melibatkan implikasi kewangan syarikat sebanyak RM2.3 juta yang melibatkan seramai lapan (8) orang terdiri daripada Pegawai Pengurusan Utama, Pegawai Kanan dan Pegawai dibawah lantikan MBI seperti berikut :-
 - 1) Cik Faekah Binti Haji Hussin
 - 2) Puan Rohany Binti Dato' Talib
 - 3) Puan Arfa'eza Binti Ab. Aziz
 - 4) Puan Rahimah Binti Kamaruddin
 - 5) Tuan Dr. Sulaiman Bin Masri
 - 6) Tuan Haji Mustapha Bin Mohd Talib
 - 7) Encik Abdul Halim Bin Mohamed Yusof
 - 8) Tuan Nazuri Bin Tuan Ismail
- b) Arahan pembayaran ini dibuat susulan daripada Keputusan Dasar Mesyuarat Lembaga Pengarah Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) yang telah diadakan pada 25hb Ogos 2014. Melalui mesyuarat tersebut Lembaga Pengarah Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) bersetuju dengan cadangan untuk memberi penghargaan dan / atau pampasan kepada pegawai lantikan politik dan kontrak yang telah berkhidmat untuk YAB Dato' Menteri Besar Selangor dan Pengerusi MBI semenjak Mac 2008. Keputusan ini telah diambil memandangkan pegawai-pegawai terlibat telah selama ini menyokong Dato' Menteri Besar menjalankan tugas dengan berkesan berteraskan amanah, pertanggungjawaban dan telus. Kertas Ringkasan berkaitan Penghargaan Perkhidmatan Kepada Lantikan Politik / Kontrak Pegawai Dato' Menteri Besar dan Pengerusi Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) ini juga telah

dikemukakan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri No. 34 / 37 / 2014 sebagai maklumat oleh Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang disediakan oleh mantan Ketua Pegawai Eksekutif MBI.

JENIS PERUBAHAN MATERIAL PENGGUNAAN BANGUNAN	JABATAN/AGENSI YANG PERLU DIRUJUK
Taska/pusat jagaan	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor
Tadika	Jabatan Pelajaran Negeri Selangor
Tadika Islam	Jabatan Agama Islam Selangor/Jabatan Pelajaran Negeri Selangor
Taski	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor/ Jabatan Agama Islam Selangor

Notis Lot Berjiran

- (i) Semua ulasan / persetujuan jiran hendaklah daripada pemilik premis dan bukannya penyewa.
- (ii) Notis kepada lot berjiran dipinda semula berdasarkan peruntukan Akta Perancang Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) dimana akan melibatkan tanah/lot seperti berikut:
 - Tanah yang bersempadan dengan tanah yang dimaksudkan oleh sesuatu permohonan di bawah seksyen ini ;

- Tanah yang dipisahkan daripada tanah yang dimaksudkan oleh sesuatu permohonan yang dibuat di bawah seksyen ini oleh mana-mana jalan, lorong, parit atau tanah rizab yang lebarnya tidak melebihi 20 meter dan yang akan bersempadan dengan tanah yang dimaksudkan oleh permohonan itu jika tidak kerana dipisahkan oleh jalan, lorong, parit atau tanah rizab itu ;
- Tanah yang terletak dalam jarak 200 meter dari sempadan tanah yang dimaksudkan oleh sesuatu permohonan di bawah seksyen ini jika jalan masuk ke tanah yang dimaksudkan oleh permohonan itu ialah jalan mati yang digunakan oleh pemunya-pemunya tanah yang dimaksudkan oleh permohonan itu.

PBT	JUMLAH PERMOHONAN MEMBINA TASKA													
	2008		2009		2010		2011		2012		2013		2014	
	Lulus	Tidak Lulus	Lulus	Tidak Lulus	Lulus	Tidak Lulus	Lulus	Tidak Lulus	Lulus	Tidak Lulus	Lulus	Tidak Lulus	Lulus	Tidak Lulus
MBSA									LULUS : 52 TIDAK LULUS : 60					
MBPJ	11	2	12	2	1	1	2	4	7	0	5	0	2	0
MPK	1	0	6	0	15	0	4	0	10	0	1	0	3	1
MPAJ	4	3	1	0	0	0	12	0	15	0	15	0	8	0
MPSJ	32	0	41	1	42	0	55	0	49	0	34	5	41	1
MPS	7	1	17	1	9	1	14	3	19	3	9	-	3	1
MPKj	0	1	0	0	0	0	6	1	3	4	7	0	13	0
MPSp	0	0	0	0	0	0	18	0	26	1	17	2	27	1
MDKL	8	0	17	0	12	0	38	0	20	0	27	0	12	0
MDHS	0	0	0	0	0	0	1	1	28	0	4	0	1	0
MDKS	14	0	12	1	14	2	3	1	12	1	7	1	1	0
MDSB	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	1
JUMLAH	77	6	106	5	96	4	150	9	189	5	127	8	111	5

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 Teratai)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

303. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah permohonan Rumah Selangorku yang telah diterima dan diluluskan?
- b) Sila kemukakan senarai mengikut DUN bagi permohonan rumah Selangorku yang diterima dan diluluskan
- c) Sila kemukakan maklumat kawasan dan bilangan rumah Selangorku yang dibina dalam tempoh 2014 hingga 2017.

JAWAPAN:

- a) Secara keseluruhannya sehingga kini terdapat 51 projek Rumah Selangor yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).
- b) Senarai projek Rumah Selangorku yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) mengikut PBT (mengikut pecahan DUN) sukar ditentukan) adalah seperti di **Lampiran1**.
- c) Kawasan dan bilangan Rumah Selangorku yang dibina dalam tempoh 2014 hingga 2017 di **Lampiran 2**.

LAMPIRAN 1

Jadual 1 : Senarai 51 Projek Rumah Selangorku Mengikut PBT.

BIL	PROJEK	PBT	PEMAJU	STATUS PEMBANGUNAN
1.	Sebahagian Lot 8093, Persiaran Seri Wangi, Desa Alam Seksyen U12, Shah Alam, Daerah Petaling.	MBSA	PKNS) & Debbin Sdn. Bhd.	Dalam Pembinaan
2.	PT 32411 (Lot Asal PT 20028, PT 20642 Dan PT 20643), Taman Alam Budiman, Seksyen U10 Shah Alam, Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling.	MBSA	Sin Heap Lee Development Sdn. Bhd.	Dalam Pembinaan
3.	Di Atas Lot 49018 & PT 48447 Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling.	MBSA	PPC Glomac Sdn. Bhd.	Belum Bina
4.	Di Atas Geran 278967, Lot 121898, Daerah Klang, Mukim Klang.	MBSA	Paramount Property Development Sdn. Bhd.	Belum Bina
5.	Lot PT 11904 (HSD 261773), Sutera Damansara, Mukim Pekan Baru Sungai Buloh, Daerah Petaling.	MBPJ	Semponia Sdn. Bhd. & Country Wheel Sdn. Bhd. & (PNSB)	Dalam Pembinaan
6.	Lot 12010 (PM 46), Lot 1211 (PM 47), Lot 5034 (HSD 20589) Dan Lot 5035 (HSD 20590), Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak.	MPAJ	Twin Ridge Sdn. Bhd.	Belum Bina
7.	Hakmilik HSD 62143 PT 3902 – HSD 62303 PT 4062 Bandar Ulu Kelang, Daerah Gombak	MPAJ	Gapadu Harta Sdn. Bhd.	Belum Bina
9.	Taman Ukay Indah, Sg. Sering, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak.	MPAJ	LPHS	Belum Bina
8.	Lot 1333 Di Taman Puchong Utama, Pekan Puchong perdana, Daerah Petaling.	MPSJ	Hillcrest Gardens Sdn. Bhd.	Belum Bina

BIL	PROJEK		PEMAJU	STATUS PEMBANGUNAN
10.	Lot HSD 247473 PT 78441 Dan Lot HSD 247472 PT 78440, Daerah Petaling.	MPSJ	Leo Vista Sdn. Bhd.	Belum Bina
11.	Hakmilik PN 7397 Lot 53383, Mukim Petaling.	MPSJ	Taman Equine (M) Sdn. Bhd.	Belum Bina
12.	Hakmilik HSD 208469 PT 69358 dan HSD 208470 PT 69359, Mukim Petaling, Daerah Petaling	MPSJ	Basco Sdn. Bhd.	Belum Bina
13.	Lot HS(D) 273236 PT 79870 & HSD 273237 PT 79871 (Dahulu HSD 142205 PT 50607), Mukim Petaling	MPSJ	Dr. Nik Zamri Majid	Belum Bina
14.	PT 18288, Mukim Klang, Daerah Klang.	MPK	Selaman Sdn. Bhd.	Belum Bina
15.	Di Atas Lot PT 129711, Bandar Botanic, Daerah Klang.	MPK	Harum Intisari Sdn. Bhd.	Belum Bina
16.	Hakmilik GRN 85859 Lot 54922 dan GRN 85890 Lot 54923 Mukim Kapar Daerah Klang.	MPK	Sutera Bangsa Sdn. Bhd.	Belum Bina
17.	Lot 68252 - Lot 68503, PT 68249 Dan PT 68251 (Lot Lama 671, 1493, 3178 Dan 11749) Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	MPKj	Regal Form Sdn. Bhd.	Belum Bina
18.	Di Atas Lot 1024, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	MPKj	TJ Land Sdn. Bhd.	Dalam Pembinaan
19.	Di Atas Lot 43783, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	MPKj	TPPT Sdn. Bhd	Dalam Pembinaan
20.	Ke Atas Hakmilik HSM 18911 PT 41867, HSM 18918 PT 41876, HSM 18919 PT 41877, HSM 18922 PT 41880, HSM 18912 PT 41870, HSM 18920 PT 41878, HSM 18921 PT 41879 dan HSM 18923 PT 41881, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	MPKj	Luxhome Property Sdn. Bhd.	Dalam Pembinaan

BIL	PROJEK	PBT	PEMAJU	STATUS PEMBANGUNAN
21.	Bandar Baru Sg. Long, Daerah Hulu Langat.	MPKj	Sin Heap Lee Development Sdn. Bhd. & Sukma Pesona Sdn. Bhd.	Siap
22.	Seksyen 3, Bandar Baru Bangi, Daerah Hulu Langat.	MPKj	PKNS	Siap
23.	Di Atas Lot 1603 Dan 1916, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat.	MPKj	D-Hill Sdn. Bhd.	Belum Bina
24.	Di Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat.	MPKj	Kueen Lai Properties Sdn. Bhd.	Belum Bina
25.	Hakmilik GM 118 Lot 3521 Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat.	MPKj	Hamzah Bin Abdul Majid	Belum Bina
26.	Hakmilik GRN 236131, Lot 11397, Mukim Beranang, Daerah Hulu Langat.	MPKj	Agenda Istimewa Sdn. Bhd.	Belum Bina
27.	Hakmilik GRN 235494 Lot 44433 Dan GRN 235511 Lot 44450 Di Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	MPKj	Pan Majestic Development Sdn. Bhd.	Belum Bina
28.	Hakmilik HSD 148833 PT 74093 Di Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	MPKj	Avipolitan Development Sdn. Bhd.	Belum Bina
29.	Hakmilik HSD 146983 PT 73122 Dan HSD 146984 PT 73123 Seksyen 9 Di Bandar Kajang, Daerah Hulu Langat.	MPKj	Prestige Improvement Sdn. Bhd.	Belum Bina
30.	Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat	MPKj	Tanming Management Sdn Bhd	Belum Bina
31.	Hakmilik GM 886 Lot 2294 Di Batu 9, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat	MPKj	Savana Tiara Sdn. Bhd.	Belum Bina

BIL	PROJEK	PBT	PEMAJU	STATUS PEMBANGUNAN
32.	Lot 7773, Mukim Kajang Daerah Hulu Langat.	MPKj	K.Y.K Development Sdn. Bhd.	Belum Bina
33.	Lot 3514, Mukim Sepang, Daerah Sepang.	MPSepang	Mainstay Development Sdn. Bhd.	Belum Bina
34.	Hakmilik PM 4851 Lot 786, PM 4852 Lot 787, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	MPSepang	Wandeerfull Property Development Sdn. Bhd.	Belum Bina
35.	Taman Putra Impiana Di Atas Lot PT 49685, PT 49687 Dan PT 49688, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	MPSepang	Usahasama Utama Sdn. Bhd.	Belum Bina
36.	Di Blok 19, Cyberjaya, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	MPSepang	Sterling Prima Sdn. Bhd.	Dalam Pembinaan
37.	Projek Rumah Mampu Milik Di Bukit Botak, Selayang, Daerah Gombak	MPS	PKNS	Siap Dibina
38.	Hakmilik PM 854 Lot 1048 Dan GRN 54445 Sebahagian Lot 18056, Mukim Rawang, Daerah Gombak.	MPS	Pinggir Mentari Sdn. Bhd.	Belum Bina
39.	PN 91816 Lot 24673 Konsep Baru, Di Bandar Kundang, Daerah Gombak.	MPS	Major Land Development Sdn. Bhd.	Belum Bina
40.	Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak.	MPS	Alimach Holding Sdn. Bhd.	Belum Bina

BIL	PROJEK/ PERMOHONAN	PBT	PEMAJU	BILANGAN UNIT
41.	Lot 23124, No. Hakmilik 93260, Bandar Kundang, Daerah Gombak.	MPS	Kumpulan Sri Jayomiesah Sdn. Bhd. (YKT Lands Sdn. Bhd.)	Belum Bina
42.	HSD 20215 PT 20608 Dan PN 20110 Lot 4491 Di Seri Pristana, Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor	MDKS	Seristana Sdn. Bhd.	Belum Bina
43.	Lot 14, Lot 15, Lot 27, Lot 32, Lot 619, Lot 620, Lot 655, Lot 618, PT 1 dan Lot 469 Mukim Kuala Selangor dan Pekan Pasir Penambang, Daerah Kuala Selangor.	MDKS	Goldpage Assets Sdn. Bhd.	Belum Bina
44.	HS(D) 5290 PT 620 dan HS(D) 5290 PT 621 Bandar Kuala Selangor, Daerah Kuala Selangor.	MDKS	Kumpulan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (SAP Holding Berhad)	Belum Bina
45.	Lot 1591 Dan PT 2053, Mukim Hujung Permatang, Daerah Kuala Selangor.	MDKS	Soon Sin Hin Development Sdn. Bhd.	Belum Bina
46.	HS(D) 1877 PT 834 Dan HS(D) 1878 PT 1092 Mukim Ijok Dan Mukim Jeram, Bandar Puncak Alam, Daerah Kuala Selangor.	MDKS	Puncak Alam Resources JV Dengan TM Facilities Sdn. Bhd. (Pemilik Tanah)	Belum Bina
47.	HS(D) 23278 PT 21746 dan HS(D) 23277 PT 21745 Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor	MDKS	Perfect Eagle Development Sdn. Bhd.	Belum Bina
48.	Di Atas Sebahagian PT1 HS(D) 39397 Seksyen 1D (Fasa 1), Antara Gapi, Bandar Sungai Chik, Daerah Hulu Selangor.	MDHS	PKNS	Dalam Pembinaan

BIL	PROJEK/ PERMOHONAN	PBT	PEMAJU	BILANGAN UNIT
49.	Hakmilik HSD 3781 PT 1957 Di Taman Keruing Rasa, Mukim Batang Kali, Daerah Hulu Selangor.	MDHS	PKNS	Belum Bina
50.	Hakmilik PT 1 Blok 1 Di Seksyen 1 Antara Gapi, Bandar Sungai Chick, Daerah Hulu Selangor.	MDHS	PKNS	Belum Bina
51.	Hakmilik GRN 197482 Lot 2507 Mukim Bandar, Daerah Kuala Langat.	MDKL	TS Development Sdn. Bhd.	Belum Bina

Jadual 1 : Senarai 51 Projek Rumah Selangorku dan Tarikh Siap / Jangkaan Siap

BIL	PROJEK	BIL. UNIT	PEMAJU	JANGKAAN SIAP
1.	Sebahagian Lot 8093, Persiaran Seri Wangi, Desa Alam Seksyen U12, Shah Alam, Daerah Petaling.	104	PKNS) & Debbin Sdn. Bhd.	2017
2.	PT 32411 (Lot Asal PT 20028, PT 20642 Dan PT 20643), Taman Alam Budiman, Seksyen U10 Shah Alam, Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling.	536	Sin Heap Lee Development Sdn. Bhd.	2017
3.	Di Atas Lot 49018 & PT 48447 Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling.	453	PPC Glomac Sdn. Bhd.	2017
4.	Di Atas Geran 278967, Lot 121898, Daerah Klang, Mukim Klang.	650	Paramount Property Development Sdn. Bhd.	2017
5.	Lot PT 11904 (HSD 261773), Sutera Damansara, Mukim Pekan Baru Sungai Buloh, Daerah Petaling.	236	Semponia Sdn. Bhd. & Country Wheel Sdn. Bhd. & (PNSB)	2016
6.	Lot 12010 (PM 46), Lot 1211 (PM 47), Lot 5034 (HSD 20589) Dan Lot 5035 (HSD 20590), Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak.	24	Twin Ridge Sdn. Bhd.	2017
7.	Hakmilik HSD 62143 PT 3902 – HSD 62303 PT 4062 Bandar Ulu Kelang, Daerah Gombak	298	Gapadu Harta Sdn. Bhd.	2017
8.	Taman Ukay Indah, Sg. Sering, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak.	2,496	LPHS	2020

BIL	PROJEK	BIL. UNIT	PEMAJU	JANGKAAN SIAP
9.	Lot 1333 Di Taman Puchong Utama, Pekan Puchong perdana, Daerah Petaling.	236	Hillcrest Gardens Sdn. Bhd.	2017
10	Lot HSD 247473 PT 78441 Dan Lot HSD 247472 PT 78440, Daerah Petaling.	316	Leo Vista Sdn. Bhd.	2018
11.	Hakmilik PN 7397 Lot 53383, Mukim Petaling.	120	Taman Equine (M) Sdn. Bhd.	2018
12.	Hakmilik HSD 208469 PT 69358 dan HSD 208470 PT 69359, Mukim Petaling, Daerah Petaling	232	Basco Sdn. Bhd.	2018
13.	Lot HS(D) 273236 PT 79870 & HSD 273237 PT 79871 (Dahulu HSD 142205 PT 50607), Mukim Petaling	1,300	Dr. Nik Zamri Majid	2018
14.	PT 18288, Mukim Klang, Daerah Klang.	84	Selaman Sdn. Bhd.	2016
15.	Di Atas Lot PT 129711, Bandar Botanic, Daerah Klang.	110	Harum Intisari Sdn. Bhd.	2017
16.	Hakmilik GRN 85859 Lot 54922 dan GRN 85890 Lot 54923 Mukim Kapar Daerah Klang.	548	Sutera Bangsa Sdn. Bhd.	2018
17.	Lot 68252 - Lot 68503, PT 68249 Dan PT 68251 (Lot Lama 671, 1493, 3178 Dan 11749) Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	TM	Regal Form Sdn. Bhd.	2017
18.	Di Atas Lot 1024, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	92	TJ Land Sdn. Bhd.	2015

19.	Di Atas Lot 43783, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	57	TPPT Sdn. Bhd	2016
-----	--	----	---------------	------

BIL	PROJEK	PBT	PEMAJU	JANGKAAN SIAP
20.	Ke Atas Hakmilik HSM 18911 PT 41867, HSM 18918 PT 41876, HSM 18919 PT 41877, HSM 18922 PT 41880, HSM 18912 PT 41870, HSM 18920 PT 41878, HSM 18921 PT 41879 dan HSM 18923 PT 41881, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	TM	Luxhome Property Sdn. Bhd.	2017
21.	Bandar Baru Sg. Long, Daerah Hulu Langat.	136	Sin Heap Lee Development Sdn. Bhd. & Sukma Pesona Sdn. Bhd.	2013
22.	Seksyen 3, Bandar Baru Bangi, Daerah Hulu Langat.	124	PKNS	2014
23.	Di Atas Lot 1603 Dan 1916, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat.	TM	D-Hill Sdn. Bhd.	2019
24.	Di Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat.	90	Kueen Lai Properties Sdn. Bhd.	2017
25.	Hakmilik GM 118 Lot 3521 Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat.	53	Hamzah Bin Abdul Majid	2018
26.	Hakmilik GRN 236131, Lot 11397, Mukim Beranang, Daerah Hulu Langat.	628	Agenda Istimewa Sdn. Bhd.	2018
27.	Hakmilik GRN 235494 Lot 44433 Dan GRN 235511 Lot 44450 Di Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	148	Pan Majestic Development Sdn. Bhd.	2018

28.	Hakmilik HSD 148833 PT 74093 Di Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	183	Avipolitan Development Sdn. Bhd.	2018
29.	Hakmilik HSD 146983 PT 73122 Dan HSD 146984 PT 73123 Seksyen 9 Di Bandar Kajang, Daerah Hulu Langat.	306	Prestige Improvement Sdn. Bhd.	2018

BIL	PROJEK	BIL. UNIT	PEMAJU	JANGKAAN SIAP
30.	Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat	144	Tanming Management Sdn Bhd	2018
31.	Hakmilik GM 886 Lot 2294 Di Batu 9, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat	40	Savana Tiara Sdn. Bhd.	2018
32.	Lot 7773, Mukim Kajang Daerah Hulu Langat.	TM	K.Y.K Development Sdn. Bhd.	2018
33.	Lot 3514, Mukim Sepang, Daerah Sepang.	28	Mainstay Development Sdn. Bhd.	2017
34.	Hakmilik PM 4851 Lot 786, PM 4852 Lot 787, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	176	Wandeerfull Property Development Sdn. Bhd.	2017
35.	Taman Putra Impiana Di Atas Lot PT 49685, PT 49687 Dan PT 49688, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	376	Usahasama Utama Sdn. Bhd.	2018
36.	Di Blok 19, Cyberjaya, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	960	Sterling Prima Sdn. Bhd.	2017
37.	Projek Rumah Mampu Milik Di Bukit Botak,	1,422	PKNS	2013

	Selayang, Daerah Gombak			
38.	Hakmilik PM 854 Lot 1048 Dan GRN 54445 Sebahagian Lot 18056, Mukim Rawang, Daerah Gombak.	600	Pinggir Mentari Sdn. Bhd.	2017

BIL	PROJEK	BIL. UNIT	PEMAJU	JANGKAAN SIAP
39.	PN 91816 Lot 24673 Konsep Baru, Di Bandar Kundang, Daerah Gombak.	488	Major Land Development Sdn. Bhd.	2016
40.	Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak.	76	Alimach Holding Sdn. Bhd.	2017
41.	Lot 23124, No. Hakmilik 93260, Bandar Kundang, Daerah Gombak.	96	Kumpulan Sri Jayomiesah Sdn. Bhd. (YKT Lands Sdn. Bhd.)	2017
42.	HSD 20215 PT 20608 Dan PN 20110 Lot 4491 Di Seri Pristana, Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor	405	Seristana Sdn. Bhd.	2016
43.	Lot 14, Lot 15, Lot 27, Lot 32, Lot 619, Lot 620, Lot 655, Lot 618, PT 1 dan Lot 469 Mukim Kuala Selangor dan Pekan Pasir Penambang, Daerah Kuala Selangor.	TM	Goldpage Assets Sdn. Bhd.	2017
44.	HS(D) 5290 PT 620 dan HS(D) 5290 PT 621 Bandar Kuala Selangor, Daerah Kuala Selangor.	276	Kumpulan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (SAP Holding Berhad)	2018

45.	Lot 1591 Dan PT 2053, Mukim Hujong Permatang, Daerah Kuala Selangor.	34	Soon Sin Hin Development Sdn. Bhd.	2018
46	HS(D) 1877 PT 834 Dan HS(D) 1878 PT 1092 Mukim Ijok Dan Mukim Jeram, Bandar Puncak Alam, Daerah Kuala Selangor.	1,034	Puncak Alam Resources JV Dengan TM Facilities Sdn. Bhd. (Pemilik Tanah)	2016

BIL	PROJEK	BIL. UNIT	PEMAJU	JANGKAAN SIAP
	HS(D) 23278 PT 21746 dan HS(D) 23277 PT 21745 Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor	180	Perfect Eagle Development Sdn. Bhd.	2018
	Di Atas Sebahagian PT1 HS(D) 39397 Seksyen 1D (Fasa 1), Antara Gapi, Bandar Sungai Chik, Daerah Hulu Selangor.	129	PKNS	2017
	Hakmilik HSD 3781 PT 1957 Di Taman Keruing Rasa, Mukim Batang Kali, Daerah Hulu Selangor.	TM	PKNS	2018
	Hakmilik PT 1 Blok 1 Di Seksyen 1 Antara Gapi, Bandar Sungai Chick, Daerah Hulu Selangor.	80	PKNS	2018
	Hakmilik GRN 197482 Lot 2507 Mukim Bandar, Daerah Kuala Langat.	440	TS Development Sdn. Bhd.	2017
JUMLAH		16.544		

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 Kota Damansara)**

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN MEWAH

304. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan Pemaju yang bertanggungjawab menjalankan projek di Kawasan Hijau Kelab Tasik Pandan, Pandan Perdana?
- b) Apakah kriteria kelulusan bagi menjalankan sesuatu projek di tanah Kerajaan Negeri?
- c) Apakah tindakan terhadap aduan yang dikemukakan penduduk yang mahukan penjelasan status projek tersebut?

JAWAPAN:

- a) BEST BOULEVARD SDN BHD
- b) Projek dijalankan di atas tanah hakmilik Best Boulevarad Sdn Bhd iaitu diatas Lot 44816 Seksyen 15, Taman Pandan Perdana , Mukim Ampang , Daerah Hulu Langat , Selangor.
- c) Pihak Majlis mengadakan Sesi Taklimat Projek pada 24/8/2013 bagi mendengar segala pandangan dan bantahan penduduk. Pada sesi taklimat tersebut , pihak pemaju telah memberi penerangan berkenaan cadangan pembangunan yang akan dijalankan . Sesi taklimat telah dihadiri oleh pembantah yang mengemukakan surat bantahan , penduduk Taman Pandan Perdana, Pihak NGO, Adun Teratai (YB. Tiew Wey Keng) & Ahli Parlimen (YB. Rafizi Ramli)

Pihak Majlis telah mengambil maklum pandangan & bantahan penduduk dengan memaksukkan beberapa perkara berkaitan ke dalam syarat kelulusan bagi dipatuhi oleh pihak pemaju .

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 Bukit Gasing)**

TAJUK : LUAS TANAH DIBAWAH PENTADBIRAN MBPJ

305. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila butirkan keluasan keseluruhan kawasan pentadbiran MBPJ.
- b) Sila butirkan perincian mengikut seksyen keluasan MBPJ tersebut.
- c) Sila butirkan perincian kegunaan tanah untuk setiap kategori kegunaan seperti di dalam Rancangan Tempatan Petaling Jaya.

JAWAPAN:

- b) 97.2 km persegi
- c) Seksyen – 18.42km persegi / 4,551.67 ekar
SS – 17.60km persegi / 4,349.05 ekar
PJU – 54.90km persegi / 13,566.07 ekar
PJS – 6.28km persegi / 1,551.82 ekar
- d) Terdapat 11 kategori kegunaan tanah, iaitu :
 - i. Perumahan
 - Kepadatan rendah
 - Kepadatan sederhana
 - Kepadatan tinggi
 - Cluster bagi cadangan pembangunan semula perumahan
 - ii. Industri
 - Industri
 - Kwarters pekerja
 - iii. Institusi
 - Institusi kerajaan
 - Balai polis
 - Balai bomba
 - Pusat komuniti / perpustakaan
 - Dewan orang ramai/balairaya
 - Perpustakaan
 - Rumah orang tua
 - Pejabat pos
 - Asrama

- iv. Institusi pendidikan
 - Tadika
 - Sekolah menengah
 - Sekolah rendah
 - Sekolah agama
 - Institusi pengajian tinggi
 - Maktab

- v. Tanah perkuburan
 - Perkuburan islam
 - Perkuburan kristian
 - Crematorium

- vi. Utility
 - Rizab TNB
 - Ibu sawat STM
 - Pembentungan
 - Tangki Air
 - Rizab Parit

- vii. Perdagangan
 - Perdagangan
 - Perdagangan Terhad (perkhidmatan)
 - Perdagangan Terhad (institusi)
 - Stesen Minyak
 - Gerai / Pusat penjaja
 - Kolej swasta
 - Hospital swasta
 - Hotel
 - Tapak pasar
 - Institusi pendidikan

- viii. Institusi keagamaan
 - Masjid
 - Surau
 - Kuil hindu
 - Kuil sikh
 - Kuil Buddha
 - Gereja
 - Kem. Agama lain
 - Institusi keagamaan

- ix. Jalanraya
 - Jalanraya/lebuhraya
 - Tempat letak kenderaan
 - Laluan LRT / Komuter

- x. Lain-lain
 - Kawasan lapang
 - Tasik
 - *Green Belt* Bukit Gasing

- xi. Sempadan
 - Kawasan kajian
 - Rujuk Rancangan Tempatan Sek. 13

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ
(N03 Sungai Panjang)**

TAJUK : PEMBANGUNAN ATLET SELANGOR

306. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukkan kerajaan negeri untuk membangunkan sukan di Selangor dari 2010 hingga 2014 mengikut jenis sukan?
- b) Apakah usaha kerajaan negeri untuk meningkatkan pencapaian atlet Selangor?
- c) Nyatakan sukan yang menjadi fokus utama kerajaan negeri?

JAWAPAN:

- a) Peruntukkan kerajaan negeri untuk membangunkan sukan di Selangor dari 2010 hingga 2014 adalah seperti berikut:-

2010	Pembangunan	40 sukan x RM 40,000.00	1,600,000.00	4,301,548.25
	SUKMA	32 sukan x RM 60,000.00	1,920,000.00	
	Peralatan/ kemudahan		0.00	
	MSD	9 daerah x RM 20,000.00	180,000.00	
	MSSS		50,000.00	
2011	Pembangunan	40 sukan x RM 40,000.00	1,600,000.00	3,567,971.00
	SUKMA	25 sukan x RM 60,000.00	1,500,000.00	
	Peralatan/ kemudahan		247,971.00	
	MSD	9 daerah x RM 20,000.00	180,000.00	
	MSSS		40,000.00	
2012	Pembangunan	40 sukan x RM 40,000.00	1,600,000.00	3,798,032.78
	SUKMA	24 sukan x RM 60,000.00	1,440,000.00	
	Peralatan/ kemudahan		538,032.78	
	MSD	9 daerah x RM 20,000.00	180,000.00	

	MSSS		40,000.00	
2013	Pembangunan	40 sukan x RM 40,000.00	1,600,000.00	4,025,199.50
	SUKMA	20 sukan x RM 60,000.00	1,200,000.00	
	Peralatan/ kemudahan		995,199.50	
	MSD	9 daerah x RM 20,000.00	180,000.00	
	MSSS		50,000.00	
2014	Pembangunan	40 sukan x RM 40,000.00	1,600,000.00	4,826,362.99
	SUKMA	25 sukan x RM 60,000.00	1,500,000.00	
	Peralatan/ kemudahan		1,506,362.99	
	MSD	9 daerah x RM 20,000.00	180,000.00	
	MSSS		40,000.00	
Jumlah Keseluruhan			15,692,751.53	

Walaupun bagaimanapun peruntukkan ini tidak tertumpu kepada program pembangunan diperingkat persatuan sahaja. Kita juga memperuntukkan kepada program-program pembangunan sukan diperingkat daerah dan juga Majlis Sukan Sekolah-sekolah (MSSS).

Untuk makluman, jumlah perbelanjaan untuk pembangunan sukan ini adalah jauh berbeza daripada negeri-negeri yang menjadi saingan kuat Selangor seperti Negeri Terengganu memperuntukkan sejumlah RM 25.9 juta setahun, Wilayah Persekutuan sebanyak RM 19 juta setahun, Sarawak sebanyak RM20 juta setahun dan Johor sebanyak RM14 juta setahun. Keempat-empat negeri ini merupakan negeri yang bersaing hebat untuk menjadi juara Sukan Malaysia (SUKMA). Peruntukkan-peruntukkan ini adalah untuk pembangunan sukan secara berterusan dan jangkamasa panjang.

- b) Antara usaha kerajaan negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor untuk meningkatkan pencapaian atlet Selangor adalah seperti membaikpulih kemudahan-kemudahan dan menukar ganti peralatan-peralatan untuk digunakan oleh atlet. Selain itu, mempergiatkan lagi program-program pembangunan atlet di peringkat akar umbi iaitu di daerah-daerah termasuklah menyediakan jurulatih yang berkemahiran tinggi. Selain daripada itu, memandangkan pesaingan yang sengit dari setiap negeri, pelbagai pakej atlet yang menarik telah diwujudkan seperti biasiswa pelajaran, tawaran kerja, hadiah kemenangan, peralatan yang canggih, jurulatih yang berkemahiran tinggi. Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor sedang mengkaji dan merangka untuk mempelbagai dan memperhebatkan lagi program dan pakej atlet terkini supaya mereka dapat menjalani latihan berterusan dan juga berkualiti dan mengelakkan atlet berhijrah ke negeri lain.

- c) Kerajaan negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor menumpukan kepada sukan – sukan teras terutama yang dipertandingkan diperingkat dunia. Dengan penumpuan kepada sukan – sukan ini, kerajaan negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor dapat memberi tumpuan sepenuhnya melalui pembangunan hingga ke peringkat elit. Sukan teras ini juga menawarkan pingat yang banyak di setiap kejohanan atau pertandingan. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri tidak mengabaikan sukan – sukan pilihan yang lain. Kerajaan negeri juga telah menyediakan kemudahan infrastruktur bagi sukan – sukan pilihan seperti gelanggang bola tampar, padang ragbi dan sebagainya.

Sukan-sukan yang menjadi fokus utama kerajaan negeri melalui Majlis Sukan Negeri adalah sukan-sukan yang menawarkan pingat yang banyak di Sukan Malaysia antaranya Olahraga, Kanu, Lawan Pedang, Memanah, Gimnastik dan Gimrama, Menembak, Angkat Berat, Wushu, Berbasikal, Akuatik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 Bukit Gasing)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

307. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Butirkan semua projek Rumah Selangorku yang dibangunkan oleh Syarikat Milik Kerajaan?
- b) Butirkan semua projek Rumah Selangorku yang dibangunkan oleh syarikat swasta?
- c) Butirkan semua projek Rumah Selangorku yang diluluskan tetapi belum dibina lagi? Sila juga beri tarikh sasaran untuk siap dibina.

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah senarai projek Rumah Selangorku yang dibangunkan oleh Syarikat Milik Kerajaan Negeri:

Bil.	Pemaju / Usahasama	PBT	Projek	Bil. Unit	Status
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	MPKj	Seksyen 3, Bandar Baru Bangi, Daerah Hulu Langat	124	Projek Siap Dibina
2.		MPS	Bukit Botak, Selayang, Daerah Gombak	1,422	Projek Siap Dibina
3.		MDHS	Seksyen 1D (Fasa 1), Antara Gapi, Daerah Hulu Selangor	129	Projek Dalam Pembinaan

Bil.	Pemaju / Usahasama	PBT	Projek	Bil. Unit	Status
4.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) & Debbin Sdn. Bhd.	MBSA	Desa Alam Seksyen U12, Shah Alam, Daerah Petaling	104	Projek Dalam Pembinaan
5.	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) & Semponia Sdn. Bhd. & Country Wheel Sdn. Bhd. &	MBPJ	Sutera Damansara, Daerah Petaling	236	Projek Dalam Pembinaan
6.	Menteri Besar Incorporated (MBI) & Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS)	MPAJ	Taman Ukay Indah, Sungai Sering,	1,496	Peringkat Kelulusan PBT
JUMLAH				3,511	

- b) Berikut adalah senarai semua projek Rumah Selangorku yang dibangunkan oleh syarikat milik swasta:

Bil.	PBT	Pemaju / Pemaju Usahasama	Projek	Bil. Unit	Status
1.	MPKj	Sin Heap Lee Development Sdn. Bhd. & Sukma Pesona Sdn. Bhd.	Bandar Baru Sg. Long, Daerah Hulu Langat.	136	Projek Siap Dibina
2.		TJ Land Sdn. Bhd.	Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	92	Projek Dalam Pembinaan
3.		TPPT Sdn. Bhd.	Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	57	Projek Dalam Pembinaan
4.		Luxhome Property Sdn. Bhd.	Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	<i>Belum dimuktamadkan</i>	Belum Dibina

Bil.	PBT	Pemaju / Pemaju Usahasama	Projek	Bil. Unit	Status
5.	MBSA	Sin Heap Lee Development Sdn. Bhd.	Taman Alam Budiman, Seksyen U10 Shah Alam.	536	Projek Dalam Pembinaan
6.	MPK	Harum Intisari Sdn. Bhd.	Bandar Botanic, Daerah Klang.	110	Projek Dalam Pembinaan
7.	MPSp	Sterling Prima Sdn. Bhd.	Cyberjaya, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	960	Projek Dalam Pembinaan
JUMLAH				1,891	

c) Senarai projek Rumah Selangorku yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) sejak tahun 2010 hingga kini yang masih belum dibina adalah seperti berikut :

i) Syarikat Milik Kerajaan

Bil.	PBT	Pemaju / Usahasama	Projek	Bil. Unit	Tarikh Jangkaan Siap
1.	MPAJ	MBI & Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS)	Taman Ukay Indah, Sg. Sering, Daerah Gombak.	2,496	2020
2.	MDKS	Kumpulan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. & SAP Holding Berhad	Bandar Kuala Selangor, Daerah Kuala Selangor.	276	2017
3.	MDHS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Taman Keruing Rasa, Daerah Hulu Selangor.	<i>Belum Dimuktamadkan</i>	2017
4.			Seksyen 1 Antara Gapi, Daerah Hulu Selangor.	80	2017
JUMLAH				2,852	

ii) Syarikat Swasta

Bil.	PBT	Pemaju / Usahasama	Projek	Bil. Unit	Tarikh Jangkaan Siap
1.	MBSA	PPC Glomac Sdn. Bhd.	Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling.	453	2017
2.		Paramount Property Development Sdn. Bhd.	Daerah Klang, Mukim Klang.	650	2017
3.	MPAJ	Twin Ridge Sdn. Bhd.	Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak.	24	2018
4.		Gapadu Harta	Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak.	298	2019
5.	MPSJ	Hillcrest Gardens Sdn. Bhd.	Taman Puchong Utama, Daerah Petaling.	236	2018
6.		Leo Vista Sdn. Bhd.	Daerah Petaling.	316	2018
7.		Taman Equine (M) Sdn. Bhd.	Mukim Petaling.	120	2018
8.		Basco Sdn. Bhd.	Mukim Petaling, Daerah Petaling.	232	2018
9.		Dr. Nik Zamri Majid	Mukim Petaling.	1,300	2018
10.	MPK	Selaman Sdn. Bhd.	Mukim Klang, Daerah Klang.	84	2016
11.		Sutera Bangsa Sdn. Bhd.	Mukim Kapar Daerah Klang.	548	2018
12.	MPKj	Regal Form Sdn. Bhd.	Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	<i>Belum dimuktamadkan</i>	2017
13.		D-Hill Sdn. Bhd.	Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat.	<i>Belum dimuktamadkan</i>	2019
14.		Kueen Lai Properties Sdn. Bhd.	Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat.	90	2017
15.		Hamzah Bin Abdul Majid	Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat.	53	2018
16.		Agenda Istimewa Sdn. Bhd.	Mukim Beranang, Daerah Hulu Langat.	628	2018
17.		Pan Majestic Development Sdn. Bhd.	Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	148	2018

Bil.	PBT	Pemaju / Usahasama	Projek	Bil. Unit	Tarikh Jangkaan Siap
18.	MPKj	Avipolitan Development Sdn. Bhd.	Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	183	2018
19.		Prestige Improvement Sdn. Bhd.	Bandar Kajang, Daerah Hulu Langat.	306	2018
20.		Tanming Management Sdn Bhd	Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	144	2018
21.		Savana Tiara Sdn. Bhd.	Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat	40	2018
22.		K.Y.K Development Sdn. Bhd.	Mukim Kajang Daerah Hulu Langat.	<i>Belum dimuktamadkan</i>	2018
23.	MPSp	Mainstay Development Sdn. Bhd.	Mukim Sepang, Daerah Sepang.	28	2017
24.		Wandeerfull Property Development Sdn. Bhd.	Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	176	2017
25.		Usahasama Utama Sdn. Bhd.	Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	376	2018
26.	MPS	Pinggir Mentari Sdn. Bhd.	Mukim Rawang, Daerah Gombak.	600	2017
27.		Major Land Development Sdn. Bhd.	Bandar Kundang, Daerah Gombak.	488	2016
28.		Alimach Holding Sdn. Bhd.	Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak.	76	2017
29.		Kumpulan Sri Jayomiesah Sdn. Bhd. & YKT Lands Sdn. Bhd.	Bandar Kundang, Daerah Gombak.	96	2017
30.	MDKS	Seristana Sdn. Bhd.	Seri Pristana, Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor	405	2016
31.		Goldpage Assets Sdn. Bhd.	Mukim Kuala Selangor dan Pekan Pasir Penambang, Daerah Kuala Selangor.	<i>Belum dimuktamadkan</i>	2017

Bil.	PBT	Pemaju / Usahasama	Projek	Bil. Unit	Tarikh Jangkaan Siap
32.	MDKS	Soon Sin Hin Development Sdn. Bhd.	Mukim Hujong Permatang, Daerah Kuala Selangor.	34	2018
33.		Puncak Alam Resources JV Dengan TM Facilities Sdn. Bhd. (Pemilik Tanah)	Mukim Ijok Dan Mukim Jeram, Bandar Puncak Alam, Daerah Kuala Selangor.	1,034	2016
34.		Perfect Eagle Development Sdn. Bhd.	Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor.	180	2018
35.	MDKL	TS Development Sdn. Bhd.	Mukim Bandar, Daerah Kuala Langat.	440	2017
JUMLAH				9,786	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 Sungai Burong)**

TAJUK : PRINSIP & DASAR KEWANGAN

308. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prinsip dan dasar Kewangan negeri yang baharu?
- b) Bagaimanakah dasar ini dapat memastikan kewangan negeri yang stabil?
- c) Apakah perubahan dasar yang signifikan berbanding pentadbiran lalu?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Tiada prinsip dan dasar kewangan negeri yang baharu akan dilaksanakan. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2015 Kerajaan Negeri akan memberikan tumpuan kepada kemudahan infrastruktur, pembangunan Rumah Selangorku dan bantuan pendidikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ
(N03 Sungai Panjang)**

TAJUK : USAHAWAN MUDA

309. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bantuan yang disediakan oleh kerajaan negeri kepada usahawan muda?
- b) Apakah usaha kerajaan negeri untuk mempertingkatkan jumlah usahawan muda?
- c) Senaraikan perusahaan baru yang telah berjaya dibawah manfaat bantuan kerajaan negeri?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor sangat komited di dalam membantu usahawan-usahawan Negeri Selangor. Bantuan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah terbuka kepada semua golongan. Setiap usahawan Negeri Selangor yang berusia 18 tahun dan ke atas sehingga umur 55 tahun berhak untuk memohon bantuan-bantuan keusahawanan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, usahawan di Negeri Selangor tidak dikategorikan mengikut kategori belia, remaja, muda ataupun warga emas, orang kelainan upaya dan ibu tunggal sebaliknya di kategorikan mengikut kelas perusahaan iaitu Perusahaan Mikro, Kecil ataupun Sederhana. Terdapat banyak bantuan-bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada usahawan-usahawan Negeri Selangor dan diantaranya adalah seperti di **Lampiran 1**.
- b) Berpandukan daripada Laporan Ekonomi 2012/2013, 11.8 juta rakyat dianggarkan mempunyai akaun Facebook dengan lebih 80% melayari internet untuk mengakses facebook. Golongan muda adalah golongan yang paling aktif melayari facebook. Sehubungan itu, pada tahun 2014, Kerajaan Negeri telah menganjurkan sebanyak 3 siri Bengkel Peningkatan Jualan Melalui Facebook. Ini adalah untuk menggalakkan lagi dan mempertingkatkan jumlah orang muda untuk menceburi bidang perusahaan yang semakin hari semakin mudah dengan pasaran yang semakin luas dan kemudahan di hujung jari (*on-line*). Bengkel yang dijalankan ini bukan sahaja menggalakkan usahawan muda untuk menceburi bidang perusahaan, malahan ia juga turut membantu usahawan muda yang telah bergiat aktif di dalam pasaran secara *on-line* terutamanya Facebook untuk lebih berdaya saing dengan memperkenalkan "*skills*" dan "*trick*" facebook untuk memastikan "*post*" facebook yang dibuat oleh usahawan muda mencapai lebih ramai golongan sasaran yang dikehendaki.

- c) Kerajaan Negeri telah mewujudkan Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan Negeri Selangor. Peranan Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan Negeri Selangor adalah memberi bantuan dan sokongan kepada usahawan-usahawan yang telah memulakan perniagaan mereka. Kerajaan Negeri tidak memberikan bantuan memulakan perniagaan. Kerajaan Negeri menetapkan tempoh kelayakan sesuatu perniagaan itu untuk mendapatkan bantuan adalah telah beroperasi sekurang-kurangnya 2 tahun dari tarikh permohonan. Ini kerana tempoh 2 tahun tersebut adalah tempoh yang munasabah untuk menilai sama ada sesuatu perusahaan itu mampu bertahan dan berkembang ataupun sebaliknya. Berpandukan rekod yang ada, Kerajaan Negeri telah memberi bantuan kepada hampir 24,794 usahawan di sepanjang tahun 2008 hingga 2014.

Senarai Diantara Bantuan / Program Keusahawanan

Bil.	Nama Program
1	Penang International Halal Expo & Convention
2	Program 4P – Modul 2
3	Program 4P - Modul 3
4	Seminar “Globalization and Economic Community, is Malaysia Ready?”
5	Malaysia International Halal Show 2014
6	Taklimat Pembiayaan Perniagaan (AGROBANK)
7	Taklimat Halal - JAIS
8	Taklimat MeSTI – KKM
9	Seminar Peluang Perniagaan Barangan China dan Vietnam Bersama Farouk Hussin
10	Kursus Peningkatan Jualan Melalui “Facebook Marketing”
11	Taklimat Pembiayaan Perniagaan (SME BANK)
12	Seminar Kepentingan Pendaftaran Syarikat SSM
13	Taklimat Panduan Mengeksport oleh MATRADE & Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) oleh MITI
14	Bengkel Penulisan Kertas Kerja Perniagaan (PUNB)
15	HALAFEST
16	Mangkin Keusahawanan Diri (MKD)
17	Bengkel Pengurusan Kewangan (BPK)
18	Program Penghargaan Peserta (PPP) Zon 1
19	Program Penghargaan Peserta (PPP) Zon 3
20	Program Penghargaan Peserta (PPP) Zon 2
21	Bengkel Membina Perniagaan yang Berjaya
22	Program SPIES Zon 1
23	Program SPIES Zon 3
24	Bengkel Membina Website
25	Bual Biz Santai : Nikmat Rahsia Kegagalan dalam perniagaan
26	Bengkel Pelan Perniagaan Usahawan
27	Program Usahawan
28	Taklimat Produk/Hub Halal

29	Program Usahawan
30	Bengkel Pelan Perniagaan Usahawan
31	Promasa (Usahawan Separuh Masa)
32	Bengkel Membina Website
33	Seminar Kenali Karektor Diri
34	Bengkel Kertas Kerja Usahawan
35	Program Taklimat Usahawan
36	Taklimat Penerangan Food Safety & Halal Toyyiban
37	Kursus Pra Kelulusan (KPK Fasa 52)
38	Kursus Pra Kelulusan (KPK Fasa 53)
39	Bengkel Pengurusan Kewangan Usahawan
40	Kursus Pra Kelulusan (KPK Fasa 54) & Bengkel Usahawan
41	Kursus Pra Kelulusan (KPK Fasa 55) & Bengkel Usahawan
42	Kursus Pra Kelulusan (KPK Fasa 56) & Bengkel Usahawan
43	Bengkel SMART BIZ
44	Kursus Pra Kelulusan (KPK Fasa 57) & Bengkel Usahawan
45	Bengkel FB Marketing for Business Siri 1
46	Kursus Pra Kelulusan (KPK Fasa 58) & Bengkel Usahawan
47	Kursus Pra Kelulusan (KPK Fasa 59) & Bengkel Usahawan
48	Bengkel FB Marketing for Business Siri 2
49	Bengkel Penjenamaan Produk /Label/Packaging
50	Kursus Survival Mikro-Niaga 1.0 (SMN Fasa 60)
51	Kursus Survival Mikro-Niaga 2.0 (SMN Fasa 61)
52	Seminar ICT For Growth
53	Bengkel Penyediaan Rancangan Perniagaan Efektif
54	Bengkel Penyediaan Perakaunan Perniagaan Kecil dan Sederhana
55	Seminar Inspirasi Usahawan: Usahawan Muslim Profesional
56	Program Mudahcara Pensijilan Halal
57	Kursus Pengendalian Makanan dan Kesedaran Halal
58	Bengkel Transformasi Usahawan Niaga
59	Seminar 'Kenapa Bisnes?'
60	Bengkel Transformasi Usahawan Niaga Sesi 2

61	Kursus Borong China dan Pemasaran Secara Online
62	Program Mudahcara Pensijilan Halal Sesi 2
63	Kursus Imej Profesional dan Etiket Bisnes
64	Kursus Pengendalian Makanan Sesi 2
65	Kursus Hartanah
66	Kursus Kenali Potensi Diri
67	Kursus Kek (Sesi 1)
68	Kursus Kek (Sesi 2)
69	Kursus Gubahan Bunga Segar
70	Kursus Apam Balik dan Kek Sarang Semut
71	Kursus Makanan Tradisional
72	Kursus Perakaunan dan Simpan Kira
73	Kursus MESTI (Sesi 1)
74	Kursus MESTI (Sesi 2)
75	Kusus Pastri Pizza dan Puding Nangka
76	Kursus Sejuk Beku
77	Kursus Kek dan Foundant
78	Kursus Membuat Kek
79	Kursus Kraft dan Gubahan Bunga
80	Kursus Biskut
81	Kursus Natural Farming
82	Kursus Kraftangan
83	Kursus Frozen Food
84	Kursus Laksa
85	Kursus Coklat (Sesi 1)
86	Kursus Coklat (Sesi 2)
87	Kursus Bakery, Pastry, & Puff
88	Kursus MESTI
89	Kursus Kuih Tradisional
90	Kursus Sejuk Beku
91	Kursus Dekorasi dan Gubahan Kek
92	Kursus Perakaunan dan Simpan Kira

93	Kursus Pastry
94	Demo Sejuk Beku (Program Luar)
95	Kursus Roti dan Pau
96	Kursus Kraftangan
97	Kursus Kuih Tradisional
98	Kursus Makanan Barat
99	Kursus Mee Kuning
100	Kursus Kek Moden
101	Kursus Soya dan Cincau
102	Kursus Mee dan Cendol
103	Kursus Roti Asas
104	Kursus Congo Bar

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 Dengkil)**

TAJUK : PORTFOLIO KERAJAAN PRIHATIN

310. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar dan perancangan kerja EXCO portfolio Kerajaan Prihatin tahun 2015?
- b) Apakah ada perbezaan dasar dan program berbanding pentadbiran sebelum ini?
- c) Bagaimanakah pencapaian portfolio ini di tahun 2014?

JAWAPAN:

- a) Portfolio Kerajaan Prihatin merupakan antara portfolio yang membantu rakyat miskin di Negeri Selangor untuk mendapatkan bantuan bina baru rumah dan juga baikpulih rumah. Justeru, perancangan kerja di bawah portfolio Kerajaan Prihatin bagi tahun 2015 akan sebahagian besar dikekalkan seperti tahun ini.

Namun begitu, Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin ini senantiasa terbuka kepada cadangan dan pandangan yang diberikan rakyat Selangor secara khususnya demi memastikan kebajikan dan hak rakyat terjamin serta terbela. Perancangan seperti pemberian bina baru rumah, baikpulih rumah dan program – program Kerajaan Prihatin memainkan peranan yang amat penting dan memberi impak yang mendalam kepada rakyat di Negeri Selangor.

Justeru, satu *retreat* Jawatankuasa telah dijadualkan untuk diadakan pada bulan Disember 2014 yang melibatkan pelbagai pihak yang berkemahiran di dalam bidang masing – masing bagi memberi input dan cadangan yang dapat memastikan program – program yang dijalankan oleh jawatankuasa ini memberi impak yang mendalam kepada masyarakat. Di samping itu, retreat ini dijadikan sebagai *platform* untuk jawatankuasa ini menambahbaik dasar sedia ada dan merangka satu dasar baru yang dapat dimanfaatkan oleh masyarakat khususnya rakyat di Negeri Selangor tahun 2015.

- b) Program Kerajaan Prihatin telah dilaksanakan sekian lama dan mempunyai dasar pelaksanaan yang hampir sama saban tahun dan masih digunapakai sehingga kini kerana ia mempunyai satu impak dan memberi tanggapan yang amat positif daripada rakyat Selangor khususnya terhadap Kerajaan Negeri Selangor.

Namun begitu, sedikit sebanyak dasar yang sedia ada ditambahbaik selaras dengan peredaran masa supaya ia kekal relevan di masa – masa akan datang. Antara penambahbaikan yang telah dibuat adalah penambahbaikan daripada tatacara pemilihan dan kriteria permohonan bagi Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin di mana ia disesuaikan dengan keadaan ekonomi

semasa. Had siling bagi sebuah rumah bina baru dan baikpulih juga dikaji semula saban tahun selaras dengan kenaikan harga barangan. Kualiti rumah yang dibina dan dibaikpulih juga dipertingkatkan dengan penggunaan bahan – bahan bermutu tinggi yang dapat bertahan lama dan selamat untuk didiami.

- c) Portfolio Kerajaan Prihatin merupakan antara portfolio yang membantu rakyat miskin untuk mendapatkan kediaman yang selesa dan selamat untuk diduduki. Pada tahun ini, Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin telah mencapai kejayaan yang sangat besar dimana pada tahun ini sahaja, Kerajaan Negeri telah dapat membantu seramai 97 keluarga miskin yang layak untuk mendapat bantuan bina baru rumah dan juga baikpulih sebahagian rumah yang rosak. Peruntukan sebanyak sebanyak **RM1,305,253.45** telah dibelanjakan oleh Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin bagi membina baru 37 buah rumah dan membaikpulih 60 buah rumah. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin sentiasa peka akan keperluan bagi memiliki kediaman yang selesa dan selamat bagi mereka yang kurang mampu. Secara tidak langsung, dengan program sebegini, ia dapat membantu mengurangkan bebanan sewa rumah kepada pemohon sekaligus dapat mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan rakyat di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 Sungai Air Tawar)**

TAJUK : JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG ?

311. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kerajaan negeri akan menaikkan elaun JKKK dalam belanjawan bajet 2015 ?
- b) Nyatakan secara terperinci jumlah terkini kampung tradisi di Negeri Selangor serta JKKK yang telah dilantik secara rasmi oleh kerajaan negeri ?

JAWAPAN:

- a) Ketua-Ketua Kampung merupakan pemimpin masyarakat dan wakil Kerajaan Negeri di peringkat akar umbi. Pemilihan Ketua-Ketua Kampung ini adalah melalui proses temuduga yang melibatkan ADUN, Ahli Parlimen kawasan serta wakil-wakil parti dan Pejabat Daerah. Pelantikan sebagai Ketua Kampung merupakan satu mandat dan amanah Kerajaan Negeri di mana Ketua-Ketua Kampung bertanggungjawab menjadi ketua masyarakat dan mengutarakan masalah-masalah yang tidak dapat diselesaikan oleh masyarakat tersebut. Tugas Ketua Kampung merupakan satu ibadah dan juga kerja secara sukarela atau '*social work*' tanpa mengharapkan apa-apa bantuan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tetap memberi elaun sebanyak RM800.00 sebulan kepada Ketua Kampung. Selain itu, setiap Ketua Kampung diberi peruntukan sebanyak RM10,000.00 setahun bagi mengadakan aktiviti-aktiviti atau program-program JKKK. Kadar kenaikan elaun JKKK akan dikaji dari semasa ke semasa selaras dengan keadaan ekonomi pada masa ini selain tertakluk kepada peruntukan sedia ada daripada Kerajaan Negeri Selangor.
- b) Jumlah terkini Kampung Tradisi di Negeri Selangor adalah sebanyak 368 buah kampung. Manakala jumlah Pengerusi dan Ahli JKKK di seluruh Selangor adalah terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Setiausaha, seorang Bendahari dan ahli-ahli yang lain. Jumlah keanggotaan JKKK hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya lima (5) orang dan tidak melebihi lima belas (15) orang yang mewakili semua lapisan masyarakat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 Semenyih)**

TAJUK : PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU

312. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar dan perancangan kerajaan negeri bagi agenda Pembangunan Kampung Baru tahun 2015?
- b) Bagaimanakah pencapaian EXCO portfolio ini tahun 2014?
- c) Nyatakan projek dan jumlah peruntukan bagi setiap kampung-kampung baru yang telah disalurkan?

JAWAPAN:

- a) Perancangan Kerajaan Negeri bagi agenda Pembangunan Kampung Baru 2015 adalah dengan menambah baik dan memperbanyakkan program-program serta projek-projek pembangunan di Kampung Baru yang merangkumi pembangunan fizikal dengan mengutamakan ketelusan dan kebertanggungjawaban terhadap rakyat selaras dengan prinsip pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Projek-projek kecil yang akan dilaksanakan adalah merupakan projek infrastruktur bagi menjamin kesejahteraan penduduk Kampung Baru / Bagan / Tersusun Negeri Selangor.
- b) dan c)

Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sebanyak RM5,000,000.00 kepada Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kampung Baru untuk projek-projek kecil/ program-program yang akan dijalankan sepanjang tahun 2014. Jawatankuasa Tetap ini telah berjaya melaksanakan beberapa program dan projek-projek kecil di Kampung Baru / Bagan / Tersusun sepanjang tahun 2014 seperti berikut:

i) Program Riang Ria Membaca

Program ini telah dilaksanakan pada bulan Julai hingga September 2014 melibatkan enam (6) buah kampung Baru / Bagan / Tersusun di Negeri Selangor. Tujuan program adalah untuk memupuk budaya membaca di kalangan generasi muda. Butiran lengkap program adalah seperti berikut :

Bil.	Daerah	Kampung	Tarikh
1.	Kuala Selangor	Kg. Baru Ijok	20/07/2014
2.	Sabak Bernam	Kg. Bagan Sg. Pulai	10/08/2014
3.	Hulu Langat	Kg. Baru Bangi	16/08/2014
4.	Gombak	Kg. Kuala Garing	17/08/2014
5.	Hulu Selangor	Kg. Baru Air Panas	24/08/2014
6.	Kuala Langat/ Sepang	Kg. Baru Seri Dengkil	07/09/2014

ii) **Projek-projek Kecil**

Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa fasa projek-projek kecil di Kampung Baru /Bagan /Tersusun Negeri Selangor yang mana merangkumi beberapa jenis projek seperti berikut:

BIL.	JENIS PROJEK	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN (RM)
1.	Jalan	13	742,235.00
2.	Jambatan & Titi	5	743,433.00
3.	Longkang	18	903,625.00
4.	Bangunan	13	1,080,740.00
5.	Lain-lain	18	739,730.00
JUMLAH KESELURUHAN		67	4,209,763.00

Secara keseluruhan, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM4.2 juta bagi melaksanakan pembangunan fizikal di Negeri Selangor bagi tahun 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 Bukit Melawati)**

TAJUK : PROJEK TERNAKAN BABI

313. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status projek ternakan babi seperti yang pernah diumumkan pada tahun 2008?
- b) Nyatakan jumlah permintaan berbanding bekalan untuk hasil ternakan babi di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Secara dasarnya, Kerajaan Negeri akan meneruskan semula projek Penternakan Babi Moden (Modern Pig Farming (MPF) ini memandangkan ianya mendatangkan kebaikan kepada semua pihak dan seterusnya dapat mengatasi isu pencemaran sebagaimana yang telah dibangkitkan.
- b) Permintaan daging babi negeri ini adalah 49,069 tan metrik setahun berbanding pengeluaran sebanyak 27,090 tan metrik setahun. Ini bermaksud tahap saradiri daging babi di negeri ini adalah 55%. Bakinya diimport daripada negeri-negeri lain dan luar negara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 Hulu Bernam)**

TAJUK : PORTFOLIO KESIHATAN

314. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prestasi pencapaian EXCO Kesihatan tahun 2014?
- b) Bagaimanakah perancangan dan dasar portfolio Kesihatan tahun 2015?
- c) Apakah dasar-dasar ini dapat memastikan warga Selangor yang sihat dan selamat?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kesihatan telah membelanjakan hampir 90% daripada jumlah peruntukan yang diperuntukkan iaitu RM800,000.00 bagi tahun 2014 dengan melaksanakan pelbagai aktiviti dan program pembangunan kesihatan di Negeri Selangor. Jumlah keseluruhan yang telah dibelanjakan adalah sebanyak RM722,483.85.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 69% daripada peruntukan ini disalurkan kepada Program Bantuan Kesihatan Sihat Selangor manakala selebihnya digunakan bagi tujuan kempen dan mempromosi gaya hidup sihat di Negeri Selangor.

Antara aktiviti yang telah di jalankan oleh Jawatankuasa Tetap Kesihatan adalah seperti berikut:-

- i. Majlis pelancaran Program Sihat Selangor (PSS) di Stadium Kajang pada 15 Februari 2014
- ii. Program Sihat Selangor anjuran MDSB telah diadakan pada 29 Mac 2014 bertempat Dataran Tonggak 10 Sg. Besar
- iii. Program Sihat Selangor anjuran MPS telah diadakan pada 19 April 2014 bertempat di Taman Tasik Bandar Country Homes
- iv. Program Sihat Selangor anjuran MPK telah diadakan pada 17 Mei 2014 bertempat di Taman Rakyat, Klang
- v. Program Sihat Selangor anjuran MPSJ telah diadakan pada 24 Mei 2014 di Worldwide Land Fill Sanitary, Air Hitam
- vi. Lawatan ke Hospital Ampang pada 29 Januari 2014
- vii. Lawatan ke Hospital Tanjung Karang pada 16 Mei 2014

- viii. Lawatan ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah pada 22 Julai 2014
- ix. Lawatan ke Hospital Sg. Buloh pada 25 Oktober 2014
- x. Program Jom Gempur Aedes pada 9 Mac bertempat di Padang Desa Sri Jenaris, Kajang
- xi. Majlis Pelancaran Pelan Tindakan Selangorku Bebas Denggi pada 3 November 2014
- xii. Program Gotong Royong Mega: Terjah dan Musnah Aedes Negeri Selangor 2014 secara serentak di Negeri Selangor
- xiii. Mesyuarat membincangkan isu demam denggi secara mingguan
- xiv. Lawatan kerja Jawatankuasa Tetap Kesihatan di: -
 - Klinik kesihatan Taman Medan
 - Klinik Desa Padang Jawa
 - Klinik kesihatan Kapar
 - Klinik kesihatan Batu 9, Cheras
 - Klinik Desa Sg. Lui

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan (YB Exco) juga telah melaksanakan penjenamaan semula Skim Bantuan Kesihatan dengan memperkenalkan **Program Bantuan Sihat Selangor** dengan penambah baik amaun bantuan yang di salurkan.

- b) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kesihatan akan meneruskan perancangan dan dasar sedia ada dengan beberapa penambahbaikan bagi tahun 2015. Kerajaan Negeri juga merujuk kepada **Dasar Kesihatan Kebangsaan** sebagai panduan bagi memastikan keselarasan seterusnya memastikan kesihatan rakyat Negeri Selangor sentiasa berada di dalam tahap yang optimum. Bagi tahun 2015, Jawatankuasa Tetap Kesihatan telah merangka dan akan melaksanakan aktiviti atau program seperti berikut:-
 - i. Program Bantuan Sihat Selangor
 - ii. Panel Dialisis Sihat Selangor
 - iii. Skim Kesihatan Lelaki
 - iv. Kempen Gaya Hidup Sihat
 - v. Program Ziarah Medik Sihat Selangor
- c) Ya, perancangan program dan pelaksanaan dasar-dasar seperti di atas pasti dapat memastikan warga Selangor yang sihat dan selamat

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 Dengkil)**

TAJUK : KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)

315. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah terkini pelajar mengikut pecahan bidang kursus yang ditawarkan?
- b) Berapa peratuskah jumlah pelajar terdiri dari anak Negeri Selangor?
- c) Apakah status terkini kedudukan kewangan KUIS?

JAWAPAN:

- a) Bilangan pelajar KUIS mengikut kursus setakat November 2014 adalah seperti berikut:

BIL	KURSUS	BIL. PELAJAR
1	Asasi	448
2	Diploma	2548
3	Ijazah Sarjana Muda	2423
4	Ijazah Sarjana	20
5	Ijazah PhD	35
	Jumlah	5474

(Rujuk Lampiran A mengikut pecahan program)

- b) Bilangan pelajar KUIS anak negeri Selangor adalah seramai 2052 daripada 5474; iaitu 37.5%
- c) Penyata kewangan terkini KUIS yang berakhir 30 September 2014 melaporkan kerugian sebelum cukai sebanyak **RM1.8 juta**.

Di antara alasan terhadap kerugian tersebut adalah:

- Tuntutan tunggakan yuran penginapan asrama BOT yang telah dibilkan kepada KUIS sehingga September 2014 berjumlah lebih kurang **RM21.7 juta**.
- Tuntutan tunggakan cukai perniagaan dan penalti yang dikenakan untuk tahun perniagaan 2006 hingga 2010 kepada KUIS sebanyak **RM8.02 juta**.

Untuk maklum KUIS menerima geran dana daripada MAIS sebanyak **RM12.0 juta** setahun bagi menampung bayaran emolumen staf KUIS.

STATISTIK KESELURUHAN PELAJAR KUIS sehingga 10 NOVEMBER 2014

Bil	Kod Program	Program	Bil Pelajar
1	BC01	IJAZAH SARJANA MUDA BAHASA ARAB SEBAGAI BAHASA KEDUA (KEPUJIAN)	148
2	BC03	IJAZAH SARJANA MUDA BAHASA ARAB DAN TERJEMAHAN (KEPUJIAN)	62
3	BI01	IJAZAH SARJANA MUDA SYARIAH DENGAN UNDANG-UNDANG (KEPUJIAN)	564
4	BI02	IJAZAH SARJANA MUDA AL-QURAN DAN AL-SUNNAH DENGAN KOMUNIKASI (KEPUJIAN)	335
5	BI03	IJAZAH SARJANA MUDA USULUDDIN DENGAN MULTIMEDIA (KEPUJIAN)	241
6	BI04	IJAZAH SARJANA MUDA AL-QURAN DAN AL-QIRAAT (KEPUJIAN)	49
7	BI05	IJAZAH SARJANA MUDA DAKWAH DENGAN PENGURUSAN SUMBER INSAN (KEPUJIAN)	230
8	IS11	DIPLOMA PENGAJIAN BAHASA INGGERIS	15
9	IS12	DIPLOMA PENGAJIAN ISLAM (SYARIAH)	296
10	IS13	DIPLOMA PENGAJIAN ISLAM (USULUDDIN)	6
11	IS14	DIPLOMA PENGAJIAN ISLAM (AL-QURAN & AS-SUNNAH)	205
12	IS15	DIPLOMA PENGAJIAN ISLAM (DAKWAH)	57
13	IS16	DIPLOMA TAHFIZ AL-QUR'AN DAN AL-QIRAAT	165
14	IS18	DIPLOMA SYARIAH DAN PERUNDANGAN ISLAM	169
15	MG02*	IJAZAH SARJANA SYARIAH (PENGURUSAN) - SEPARUH MASA	5
		JUMLAH	2547
16	BC02	IJAZAH SARJANA MUDA KOMUNIKASI (PENYIARAN) (KEPUJIAN)	86
17	BB01	IJAZAH SARJANA MUDA PENTADBIRAN PERNIAGAAN DENGAN E-DAGANG (KEPUJIAN)	85
18	BB02	IJAZAH SARJANA MUDA PEMBANGUNAN SUMBER INSAN (KEPUJIAN)	177
19	BB03	IJAZAH SARJANA MUDA EKONOMI DAN KEWANGAN (KEPUJIAN)	41
20	BB04	IJAZAH SARJANA MUDA PERAKAUNAN (KEPUJIAN)	106
21	BB05	IJAZAH SARJANA MUDA KEWANGAN ISLAM (PERBANKAN) (KEPUJIAN)	208
22	BB06	IJAZAH SARJANA MUDA KEWANGAN ISLAM (PASARAN MODAL) (KEPUJIAN)	0
23	BB07	IJAZAH SARJANA MUDA KEWANGAN ISLAM (TAKAFUL) (KEPUJIAN)	10
24	CS41	DIPLOMA KOMUNIKASI	84

25	DN01	DIPLOMA KEJURURAWATAN	10
26	LS43	DIPLOMA PENGAJIAN ISLAM (BAHASA ARAB)	58
27	MS31	DIPLOMA PERAKAUNAN	60
28	MS32	DIPLOMA PENGURUSAN PERNIAGAAN	89
29	MS33	DIPLOMA PERBANKAN ISLAM	243
30	MS34	DIPLOMA PENGURUSAN SUMBER MANUSIA	112
31	MS35	DIPLOMA EKONOMI	19
32	MS40	DIPLOMA KEUSAHAWANAN	3
33	MS42	DIPLOMA PERANCANGAN KEWANGAN ISLAM	2
34	MG01*	IJAZAH SARJANA PENTADBIRAN PERNIAGAAN (MUAMALAH) - SEPARUH MASA	15
		JUMLAH	1408
35	BT01	IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI MAKLUMAT (MULTIMEDIA)(KEPUJIAN)	64
36	BT02	IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI MAKLUMAT (TEKNOLOGI RANGKAIAN) (KEPUJIAN)	16
37	BT03	IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN PERISIAN (KEPUJIAN)	1
38	MS36	DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT (MULTIMEDIA)	277
39	MS38	DIPLOMA TEKNOLOGI E-DAGANG	13
40	MS39	DIPLOMA SAINS KOMPUTER	45
		JUMLAH	416
41	ES51	DIPLOMA PERGURUAN (TASL)	21
42	ES51*	DIPLOMA PERGURUAN (TASL) - SEPARUH MASA	21
43	ES52	DIPLOMA PERGURUAN (TESL)	126
44	ES52*	DIPLOMA PERGURUAN (TESL) - SEPARUH MASA	6
45	ES53	DIPLOMA PERGURUAN (PENDIDIKAN ISLAM)	254
46	ES53*	DIPLOMA PERGURUAN (PENDIDIKAN ISLAM) - SEPARUH MASA	192
		JUMLAH	620
47	FA01	KURSUS ASAS PENGAJIAN ISLAM	181
48	FA02	PENGAJIAN ASASI PENGURUSAN	140
49	FA03	PENGAJIAN ASAS TEKNOLOGI MAKLUMAT	24
50	FA04	PENGAJIAN TAHUN ASAS BAHASA ARAB	53
51	FA05	PENGAJIAN ASAS KOMUNIKASI	50
		JUMLAH	448
52	PI01	IJAZAH DOKTOR FALSAFAH ISLAMIYYAT	4

53	PI01*	IJAZAH DOKTOR FALSAFAH ISLAMIYYAT - SEPARUH MASA	31
		JUMLAH	35

JUMLAH KESELURUHAN PELAJAR	5474
-----------------------------------	-------------

ASASI	448
DIPLOMA	2548
IJAZAH SARJANA MUDA	2423
SARJANA	20
PhD	35
	5474

Jumlah pelajar anak Negeri Selangor **2052**
% pelajar anak Negeri Selangor **37.5%**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 Sungai Air Tawar)**

TAJUK : PENJUALAN ARAK

316. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri ke atas peniaga-peniaga kedai serbaneka yang masih menjual minuman beralkohol yang diletakkan bersebelahan dengan barangan keperluan harian ?
- b) Sejauh manakah Kerajaan Negeri prihatin dengan sensitiviti umat Islam di negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui PBT akan mengeluarkan Notis bertulis kepada peniaga untuk mematuhi syarat meletak minuman beralkohol berasingan dan barang keperluan harian dalam tempoh 14 hari. Kegagalan mematuhi syarat akan menyebabkan pihak Majlis tidak menyokong pembaharuan lesen minuman keras ke Pejabat Tanah dan Daerah (Bagi premis sedia ada yang mempunyai lesen minuman keras) dan pembatalan lesen perniagaan.
- b) Kerajaan Negeri sememangnya prihatin dengan sensitiviti umat Islam di negeri Selangor. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri telah mengarahkan semua PBT melaksanakan arahan "**Self Regulatory**" dilaksanakan di semua kedai serbaneka dalam kawasan PBT untuk mengawal larangan penjualan minuman beralkohol kepada pembeli beragama Islam atau yang berumur 18 tahun ke bawah. Konsep ini memberikan penekanan kepada pengusaha untuk melaksanakan kawalan sendiri di premis masing-masing tanpa menjejaskan hak komuniti bukan Islam untuk membeli minuman beralkohol di premis-premis serbaneka. Bagi tujuan pemantauan, PBT melaksanakan Kawal Selia Sendiri ke atas premis-premis yang menjual minuman beralkohol. Antara tindakan yang telah dijalankan adalah:
 - i. Meminta pengusaha atau pemilik premis menampal poster larangan menjual minuman beralkohol kepada orang Islam di pintu/ dinding depan premis.
 - ii. Mengasingkan minuman beralkohol dengan lain-lain minuman di dalam peti sejuk.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 Semenyih)**

TAJUK : KILANG-KILANG HARAM

317. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pencapaian EXCO portfolio Penyelesaian Kilang Haram di tahun 2014?
- b) Apakah KPI penting pencapaian EXCO pada tahun-tahun sebelum ini?
- c) Bagaimanakah dasar dan perancangan KPI EXCO portfolio ini tahun 2015?

JAWAPAN:

- a) Pencapaian Pengerusi Jawatankuasa Tetap Penyelesaian Kilang Haram bagi tahun 2014 adalah seperti di **Lampiran A**.
- b) Pada tahun-tahun sebelum ini KPI EXCO Penyelesaian Kilang Haram sememangnya amat penting. KPI EXCO Penyelesaian Kilang Haram meningkat dari tahun ke tahun dan sehingga kini lebih **1,000 lot tanah telah berjaya diputihkan**.
- c) KPI Pengerusi Jawatankuasa Tetap Penyelesaian Kilang Haram pada tahun 2015 adalah seperti di **Lampiran B**.

LAMPIRAN A

**KRA & KPI BAGI JAWATANKUASA TETAP: PENYELESAIAN KILANG HARAM
PENGERUSI JAWATANKUASA & PEMILIK KPI: Y.B EAN YONG HIAN WAH**

Teras KNS	Portfolio	KRA	Objektif	KPI	Sasaran
Teras 4 Menambah baik Tadbir Urus	JAWATANKUASA PENYELESAIAN KILANG HARAM	<ul style="list-style-type: none"> Penyelesaian program pemutihan kilang tanpa kebenaran di Negeri Selangor. 	i. Menyelesaikan permohonan mengubah jenis kegunaan tanah dan meminda syarat nyata tanah daripada pertanian kepada industri.	1. % permohonan yang lengkap diangkat untuk pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Penyelesaian Kilang Haram.	100%
				2. % permohonan yang lengkap diangkat untuk pertimbangan Mesyuarat OSC PTD.	100%
			ii. Menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi pelaksanaan program pemutihan.	1. % peruntukan yang digunakan bagi program pemutihan.	100%
			iii. Mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Penyelesaian Kilang Haram Negeri Selangor.	1. Bilangan mesyuarat yang diadakan secara berkala bagi membincang dan mempertimbangkan permohonan yang diterima.	12 kali setahun

LAMPIRAN A

			iv. Memantau dan menyelaras segala data dan program yang di buat oleh PBT dan PTD.	1. Bilangan laporan yang perlu dikemukakan oleh PTD dan PBT.	12 kali setahun
			v. Melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas tuan tanah dan pengusaha kilang yang tidak memohon lesen sementara, permit khas sementara atau tukar syarat.	1. % penguatkuasaan undang-undang terhadap kilang-kilang yang enggan menerima program ini.	80%

LAMPIRAN B

**KRA & KPI BAGI JAWATANKUASA TETAP: PENYELESAIAN KILANG HARAM
PENGERUSI JAWATANKUASA & PEMILIK KPI: Y.B EAN YONG HIAN WAH**

Teras KNS	Portfolio	KRA	Objektif	KPI	Sasaran
Teras 4 Menambah baik Tadbir Urus	JAWATANKUASA PENYELESAIAN KILANG HARAM	<ul style="list-style-type: none"> Penyelesaian program pemutihan kilang tanpa kebenaran di Negeri Selangor. 	i. Menyelesaikan permohonan mengubah jenis kegunaan tanah dan meminda syarat nyata tanah daripada pertanian kepada industri.	1. % permohonan yang lengkap diangkat untuk pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Penyelesaian Kilang Haram.	100%
				2. % permohonan yang lengkap diangkat untuk pertimbangan Mesyuarat OSC PTD.	
			ii. Menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi pelaksanaan program pemutihan.	1. % peruntukan yang digunakan bagi program pemutihan.	100%
			iii. Mampengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Penyelesaian Kilang Haram Negeri Selangor.	1. Bilangan mesyuarat yang diadakan secara berkala bagi membincang dan mempertimbangkan permohonan yang	12 kali setahun

LAMPIRAN B

				diterima.	
			iv. Memantau dan menyelaras segala data dan program yang di buat oleh PBT dan PTD.	1. Bilangan laporan yang perlu dikemukakan oleh PTD dan PBT.	12 kali setahun
			v. Melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas tuan tanah dan pengusaha kilang yang tidak memohon lesen sementara, permit khas sementara atau tukar syarat.	1. % penguatkuasaan undang-undang terhadap kilang-kilang yang enggan menerima program ini.	100%

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 Bukit Melawati)**

TAJUK : INFRASTRUKTUR PENGANGKUTAN

318. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan kerajaan bagi memajukan infrastruktur pengangkutan awam negeri?
- b) Nyatakan liputan dan manfaat projek MRT yang sedang dan bakal dilaksanakan untuk rakyat Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk meningkatkan penggunaan perkhidmatan awam di Negeri Selangor bagi mengatasi masalah kesesakan jalanraya serta mengurangkan jumlah penggunaan kereta khususnya di kawasan bandar. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri sentiasa menyokong usaha pelaksanaan projek-projek pengangkutan awam seperti *Bus Rapid Transit* (BRT), *Mass Rapid Transit* (MRT), *Light Rail Transit* (LRT) serta *High Speed Rail* (HSR) yang akan memberi faedah dan manfaat kepada seluruh rakyat di Negeri Selangor.

Untuk memajukan infrastruktur pengangkutan awam juga, Kerajaan Negeri akan memastikan sistem pengangkutan awam yang disediakan dapat memenuhi keperluan dan kemudahan rakyat. Dengan menitikberatkan beberapa aspek penting dalam perkhidmatan awam iaitu ketepatan masa, kualiti perjalanan, akses yang mudah dan kapasiti yang mencukupi, keutamaan aspek-aspek ini dapat menjadikan pengangkutan awam sebagai pilihan utama rakyat. Projek-projek pengangkutan awam seperti BRT, MRT, LRT dan HSR akan memberi faedah dan manfaat kepada pengguna di Negeri Selangor.

- b) Berikut merupakan liputan dan sasaran pengguna projek pengangkutan awam *Mass Rapid Transit* (MRT) yang sedang dan bakal dilaksanakan untuk rakyat Selangor.

Projek KVMRT Sungai Buloh – Kajang merupakan projek keretapi penumpang berkapasiti tinggi yang beroperasi dari Sungai Buloh ke Kajang sepanjang 51 kilometer (km). Ia melibatkan 41.5km laluan bertingkat (*elevated*) dan 9.5km laluan bawah tanah (*underground*). Terdapat 31 buah stesen sepanjang laluan Sungai Buloh – Kajang di mana 24 buah stesen di laluan bertingkat dan 7 buah stesen bawah tanah serta 16 kemudahan *Park And Ride* disediakan. Senarai stesen dan lokasi adalah seperti di **Lampiran A**.

Projek MRT ini dilaksanakan secara berperingkat iaitu Fasa 1 (Januari 2017) dan Fasa 2 (Julai 2017). Berdasarkan lokasi stesen-stesen yang dicadangkan,

Kerajaan Negeri percaya ia dapat memberi manfaat kepada 384,000 sasaran pengguna pada tahun tersebut (2017) dan mencecah 875,000 menjelang tahun 2050.

LAMPIRAN A

Lokasi Stesen dan Jajaran Projek KVMRT Sungai Buloh - Kajang

MPS	MBSA	MBPJ	DBKL	MPKj
Sungai Buloh	Kota Damansara	Kampung Baru Sungai Buloh	One Utama	Taman Suntex
	Taman Industri Sungai Buloh	RRI (Rubber Research Ins)	TTDI	Taman Cuepacs
		Teknologi	Bukit Kiara	Bandar Tun Hussein Onn
		PJU 5	Pusat Bandar Damansara	Balakong
		Dataran Sunway	Semantan	Taman Koperasi
		The Curve	KL Sentral	Saujana Impian
		Seksyen 16	Pasar Seni	Bandar Kajang
			Merdeka	Kajang
			Bukit Bintang Central	
			Pasar Rakyat	
			Cochrane	
			Maluri	
			Taman Bukit Ria	
			Taman Bukit Mewah	
			Leisure Mall	
			Plaza Pheonix	

Sumber daripada SPAD

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 Pelabuhan Klang)**

TAJUK : HALA TUJU PEMBANGUNAN DAN PERANAN BELIA

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Perincian satu "*blueprint*", jika ada, terutama mengenai hala tuju pembangunan dan peranan belia; pemberdayaan sendiri dan penglibatan belia dalam proses penggubalan dasar dan pentadbiran awam negeri serta keperluan dan aspirasi khusus belia.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah meluluskan Pembentangan Dasar Belia Negeri Selangor dijalankan sebagai panduan utama ke arah pembangunan belia positif yang holistik dan sebagai manual yang memandu ke arah hala tuju pembangunan belia pada masa akan datang. Justeru, dasar pembangunan belia akan dirancang berdasarkan kepada 10 teras utama yang merangkumi Pendidikan & Latihan Kemahiran, Keusahawanan & Pekerjaan, Kepimpinan & Organisasi, Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT), Kemasyarakatan, Jaringan & Kesukarelawan, Kesejahteraan Dan Kesihatan, Sukan & Kecergasan, Agama & Akhlak, Kebudayaan & Kesenian dan Pengantarabangsaan. Seterusnya, strategi dan pelan tindakan akan dirancang berpandukan kepada teras-teras yang ditetapkan untuk memenuhi keperluan dan aspirasi khusus belia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 Dusun Tua)**

TAJUK : MASALAH PENAGIH DADAH

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah pencegahan oleh Kerajaan Negeri bagi mengelak golongan muda dari terjebak dengan masalah dadah?
- b) Tindakan Kerajaan Negeri bagi membantu mereka yang telah terjebak supaya dapat dipulihkan menjadi manusia biasa?
- c) Jika tiada, apakah rancangan Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

- a) Langkah pencegahan bagi mengelak golongan muda terjebak dengan masalah penagihan dadah:
 - 1) Program pencegahan di dalam Institusi Keluarga
 - 2) Program pencegahan di Institusi Pendidikan
 - i. Sekolah (Rendah & Menengah)
 - ii. Institut Pengajian Tinggi (Awam & Swasta)
 - 3) Program pencegahan dadah dalam komuniti
 - 4) Program Pencegahan dadah di tempat kerja

b) dan c)

Tindakan kerajaan bagi membantu mereka terjebak dengan gejala dadah supaya pulih seperti manusia biasa :

- 1) Program Rawatan & Pemulihan
 - i. Pemulihan di Pusat Pemulihan Dadah
 - Memberikan pendidikan psikososial kepada penagih di dalam Pusat Pemulihan Dadah

- Meningkatkan *self-esteem* penagih
- Program kaunseling kepada penagih
- Program kerohanian
- Aktiviti fizikal (kawad dan riadah)
- Integrasi penagih ke dalam masyarakat
- Rawatan secara klinikal

ii. Pemulihan Dalam Komuniti

- Penubuhan pusat khidmat kepada penagih
- Program kerohanian
 - o Kelas bimbingan agama
 - o Guru bimbingan agama/ sukarelawan
- Program kerjaya
 - o Penganjuran karnival kerjaya kepada penagih
 - o Penempatan kerja untuk penagih
 - o Latihan kemahiran vokasional
- Program rawatan, perubatan & pemulihan
 - o Program methadone untuk kepulihan penagih
 - o Seminar/ bengkel kesihatan kepada penagih dadah & keluarga
- Mengadakan kerjasama pemulihan dadah di antara Jabatan Kerajaan di Negeri Selangor

2) Penguatkuasaan

- i. Operasi bersepadu antara Agensi Penguatkuasaan/ Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor
- ii. Operasi berdasarkan aduan awam (komuniti)
- iii. Operasi sekatan jalan raya dan terminal bas bersama Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 Kajang)**

TAJUK : ISU MASYARAKAT INDIA

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah yang dirancang kerajaan negeri untuk mewujudkan peluang pekerjaan di kalangan kaum India di Selangor
- b) Minta kerajaan negeri senaraikan kuil-kuil India di dalam kawasan DUN Kajang dan langkah-langkah yang diambil oleh pewartaan kuil-kuil India
- c) Apakah rancangan kerajaan negeri untuk membantu golongan penjaja kecil di kalangan masyarakat India di Selangor

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai dasar secara khusus untuk membantu kaum India bagi mendapatkan peluang pekerjaan yang baik di negeri Selangor.

Walau bagaimanapun, di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang, senantiasa peka akan arus perubahan dan peningkatan kos sara hidup yang tinggi pada masa kini dan sekali gus meningkatkan persaingan bagi mendapatkan pekerjaan yang baik dan mampu untuk menanggung segala keperluan semasa.

Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang telah melaksanakan beberapa program motivasi di ladang – ladang bagi meningkatkan kesedaran dan keyakinan para pekerja ladang dan anak – anak pekerja ladang untuk memajukan diri bagi meningkatkan taraf hidup sosioekonomi mereka dengan lebih baik dan dapat menjamin masa depan mereka dan keluarga.

Di bawah jawatankuasa ini, program seperti Program Bantuan Yuran Pengajian bagi anak – anak pekerja ladang telah dilaksanakan secara meluas di ladang – ladang di negeri Selangor dan secara tidak langsung dapat membantu anak – anak pekerja ladang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan meningkat peluang untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik. Di samping itu, Program Bantuan Subsidi Tambang Bas Sekolah yang telah dilaksanakan di ladang – ladang juga sedikit sebanyak membantu pekerja ladang untuk mengurangkan kos bebanan sara hidup bagi menghantar anak – anak mereka ke sekolah untuk mendapatkan pendidikan yang lebih baik dan sempurna untuk menjamin masa hadapan.

Melihat kepada perubahan dan permintaan pekerjaan pada masa kini yang lebih mengutamakan mereka yang mempunyai kelulusan pengajian tertinggi dan juga mempunyai kemahiran dan pengalaman yang luar, Jawatankuasa Pekerja Ladang dalam perancangan untuk mengembangkan program – program sedia ada selaras dengan permintaan pasaran semasa dan pekerjaan masa kini. Dengan perancangan untuk penambahan program – program berbentuk kemahiran serta akademik yang lebih khusus dapat meningkatkan peluang pekerjaan pekerja – pekerja ladang dan menyiapkan anak – anak pekerja ladang dengan kemahiran dan pendidikan bagi masa akan datang dan menjamin masa depan mereka serta keluarga.

- b) Senarai kuil – kuil India di dalam kawasan DUN Kajang dan langkah – langkah yang diambil oleh pewartaan kuil – kuil India adalah seperti di LAMPIRAN.
- c) Setakat ini, Kerajaan Negeri tiada rancangan khusus untuk membantu golongan penjaja kecil di kalangan masyarakat India di Negeri Selangor. Namun begitu, di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan, Kerajaan Prihatin dan Pekerja Ladang, kami senantiasa peka dan mengambil maklum akan kemajuan masyarakat India di dalam bidang perniagaan. Masyarakat India di Negeri Selangor dilihat kurang menceburkan diri di dalam bidang perniagaan kerana mereka tidak tahu akan saluran yang betul untuk mendapatkan bantuan yang berkaitan. Kerajaan Negeri menggalakkan penceburan masyarakat India dalam bidang perniagaan.

Di bawah program-program stanco Kerajaan Negeri, terdapat beberapa bantuan khusus untuk membantu penjaja-penjaja kecil namun tidak tertumpu kepada satu-satu kaum sahaja, malah bantuan seperti ini adalah terbuka kepada seluruh rakyat di Selangor demi untuk membantu para penjaja kecil-kecilan dalam memajukan diri di dalam bidang perniagaan. Seperti contoh, Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan. Di bawah program bantuan ini, Kerajaan Negeri merancang untuk membantu penjaja kecil yang layak dalam mendapatkan peralatan berniaga dan mesin pemprosesan tanpa mengenakan sebarang bayaran demi untuk membantu mereka yang kurang berkemampuan namun mempunyai minat memajukan diri dalam bidang perniagaan. Kerajaan Negeri amat menitikberatkan kebajikan rakyat dalam memberi bantuan - bantuan sebegini.

Penjaja di kalangan masyarakat India didapati kurang membuat permohonan bagi mendapatkan lesen menjaja. Ramai di antara mereka yang menjaja apa jua jenis perniagaan tanpa mendapatkan kebenaran daripada pihak yang sepatutnya terlebih dahulu. Untuk makluman, semua rakyat di Negeri Selangor boleh memohon dan tiada sebarang kuota atau sekatan yang dikenakan untuk penjaja kecil yang ingin mendapatkan lesen menjaja.

Masyarakat India harus tampil ke hadapan untuk mengetahui akan saluran yang betul dalam mendapatkan bantuan – bantuan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

LAMPIRAN

PROSES PERMOHONAN PEWARTAAN BAGI RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM

- Semua permohonan pewartaan Bagi Rumah Ibadat Selain Islam (RIBI) perlulah dibuat melalui Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) masing-masing. Permohonan yang diterima akan di proses oleh pihak PTD dengan mendapatkan ulasan daripada beberapa Jabatan Teknikal yang berkaitan.
- Permohonan yang lengkap akan dibawa ke Mesyuarat Hal Ehwal Selain Islam (HESI) untuk dipertimbangkan sebelum diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk kelulusan.
- Selepas mendapat kelulusan daripada MMKN, satu kertas ringkasan akan dibawa untuk mendapatkan kelulusan Menteri Besar. Seterusnya, tindakan mendapatkan Pelan Akui daripada pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) perlu dilakukan sekiranya tapak yang diluluskan belum memiliki Pelan Akui.
- Setelah semua Dokumen telah lengkap, PTD akan menghantar makluman pewartaan kepada pihak Kamar Penasihat Undang-Undang untuk tujuan percetakan warta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 Sungai Pelek)**

TAJUK : LAMPU LED

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandangkan pemasangan 50 lampu LED telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor . Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan menambahkan lampu LED pada masa akan datang di setiap DUN?
- b) Berapakah perbelanjaan telah disalurkan pada projek ini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sedang meneliti dan akan membuat perancangan berhubung menambah pemasangan lampu LED di setiap DUN pada masa akan datang.
- b) Tiada peruntukan khusus bagi pemasangan lampu LED ini pada tahun 2014. Walau bagaimanapun sebanyak RM 4.2 juta telah diperuntukkan bagi pemasangan lampu LED untuk tahun 2015 di PBT Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 Bukit Melawati)**

TAJUK : INDUSTRI AKUAKULTUR

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah perkembangan industri akuakultur di Selangor?
- b) Apakah industri ini dapat menyediakan peluang ekonomi kepada rakyat luar bandar?

JAWAPAN:

- a) Perkembangan industri akuakultur di Selangor mengikut kategori ternakan
 - 1) Akuakultur air tawar- Pengeluaran bagi ternakan ikan air tawar di Negeri Selangor pada masa kini menurun kerana, kebanyakan penternak tidak menjalankan aktiviti ternakan kerana banyak tanah yang dijual untuk menjalankan projek pembangunan dan kos sewaan tanah pada masa kini agak tinggi.
 - 2) Akuakultur Air Payau – Bagi ternakan dalam sangkar, kebanyakan penternak masih menjalankan aktiviti ternakan dengan baik, namun bagi aktiviti ternakan dalam kolam, kebanyakan penternak berhadapan dengan penyakit. Masalah penyakit ini kebanyakan menyerang ternakan udang dalam kolam.
 - 3) Ikan hiasan – Merupakan industri ternakan yang berpotensi. Walau bagaimanapun, berlaku penurunan kerana kebanyakan pengusaha tidak dapat mengeksport ikan ke Negara- Negara EU.
- b) Industri Akuakultur mampu memberi peluang ekonomi kepada rakyat luar bandar. Walau bagaimanapun, banyak faktor yang perlu dikenal pasti sebelum memulakan projek. Tapak projek yang dipilih perlulah mempunyai sumber bekalan air yang mencukupi, tapak projek yang sesuai, pengiraan kos kenaikan harga makanan ternakan dan pemasaran hasil.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 Paya Jaras)**

TAJUK : MEMBINA RUMAH PAM UNTUK KAWASAN RENDAH

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah terdapat cadangan mewujudkan rumah pam bagi kawasan rendah untuk mengeluarkan air ke sungai berhampiran?
- b) Adakah kerajaan negeri mewujudkan data kawasan yang kerap terkena banjir kilat di dalam negeri Selangor?
- c) Apakah tindakan susulan terhadap masalah banjir kilat ini?

JAWAPAN:

- a) Pembinaan rumah pam adalah bertujuan untuk mengepam limpahan air dari sungai bagi mengatasi masalah banjir khususnya di kawasan rendah. Di samping itu juga, ianya bertujuan untuk memastikan air pembuangan dari longkang atau parit dapat mengalir ke sungai atau laut dengan lancar dan sempurna.

Pembinaan rumah pam juga bergantung kepada lokasi dan kekerapan banjir yang berlaku di dalam kawasan yang mudah dinaiki air. Namun begitu, penyediaan pam mudah alih adalah memadai diletakkan di kawasan yang mengalami masalah banjir kilat. Walau bagaimanapun, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor sering melaksanakan kerja-kerja mengatasi masalah banjir seperti kerja-kerja pembersihan sistem saliran, perangkap sampah yang berada di jajaran sungai-sungai, pengorekan kelodak di dalam kolam-kolam tadahan hujan dan sebagainya.

- b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor telah mewujudkan sistem pemantauan banjir bagi mengenal pasti kawasan mudah banjir di seluruh Negeri Selangor. Sistem ini juga merangkumi paparan bagi data-data lain seperti bacaan taburan hujan, paras air sungai, data stesen telemetri dan sebagainya. Sehubungan itu, pengemaskinian data 'Hot Spot Banjir' ini juga sentiasa dilakukan dari masa ke semasa.
- c) Dalam menangani masalah banjir kilat ini, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor sentiasa menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan ke atas sistem saliran yang berada di bawah seliaan jabatan ini dengan merujuk kepada pelan perancangan tahunan seperti melaksanakan kerja-kerja pembersihan sampah sarap, menyelenggara kolam tadahan banjir, mengorek sistem saliran dan sebagainya bagi tujuan melancarkan aliran air keluar ke sungai. Selain itu juga,

kajian-kajian secara terperinci berhubung pencegahan banjir sentiasa dilaksanakan bagi tujuan mengenal pasti punca-punca banjir dan memastikan pelaksanaan kerja-kerja tebatan banjir tersebut dapat dilaksanakan dalam kadar segera dengan menggunakan peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 Rawang)**

TAJUK : KONSESI TAPAK LETAK KERETA

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan syarikat-syarikat konsesi, nilai dan tempoh kontrak yang menyewa tapak letak kereta mengikut pecahan PBT.
- b) Apakah mekanisme yang diwujudkan antara syarikat konsesi dan PBT bagi memastikan bahawa kadar sewaan tapak letak kereta adalah berpatutan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri pada 1 April 1998 telah meluluskan pelaksanaan Sistem Kutipan Hasil Tempat Letak Kereta Bersepadu Secara Bayar Dan Peraga/ Pay And Display (P&D) di seluruh negeri Selangor kepada dua (2) syarikat iaitu Syarikat Suasa Efektif (M) Sdn. Bhd. (SESB) dan Syarikat Godell Parking Sdn. Bhd. (GPSB). Perjanjian kontrak pengurusan tempat letak kereta ditandatangani oleh tiap-tiap PBT dengan syarikat konsesi. Tiada perjanjian utama dengan Kerajaan Negeri. Tempoh perjanjian konsesi adalah selama dua puluh (20) tahun bermula pada April 1998 dan akan berakhir pada bulan April 2018.

Syarikat Suasa Efektif (M) Sdn. Bhd. diberi konsesi bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berikut:-

- (i) Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA);
- (ii) Majlis Perbandaran Klang (MPK); - telah ditamatkan
- (iii) Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ);
- (iv) Majlis Perbandaran Selayang (MPS);
- (v) Majlis Perbandaran Kajang (MPKj);
- (vi) Majlis Perbandaran Sepang (MPSp); dan
- (vii) Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) – belum beroperasi

Syarikat Godell Parking Sdn. Bhd. pula diberi konsesi bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berikut:-

- (i) Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ);
- (ii) Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ);
- (iii) Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL);
- (iv) Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) – belum beroperasi; dan
- (v) Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) – belum beroperasi

Kadar sewaan tapak letak kereta dan caj bayaran petak letak kereta bermula pada awal pengoperasian iaitu pada tahun 1998 dan sehingga kini kadarnya masih kekal dan tidak berubah. Berikut adalah pecahan kadar sewaan tapak letak kereta dan caj bayaran petak letak kereta mengikut PBT:-

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Jumlah Petak Letak Kereta	Caj Bayaran Petak Letak Kereta/Jam
Syarikat Suasa Efektif (M) Sdn. Bhd.			
1.	MBSA	34,042	40 sen
2.	MPAJ	8,208	50 sen
3.	MPS	11,195	50 sen
4.	MPKJ	1,864	50 sen
5.	MPSp	749	40 sen
Syarikat Godell Parking Sdn. Bhd			
1.	MBPJ	20,613	60 sen
2.	MPSJ	23,594	50 sen
3.	MDKL	2,585	40 sen

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 Balakong)**

TAJUK : PROJEK TERBENGGALAI

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan projek-projek perumahan yang terbengkalai dan usaha yang kerajaan lakukan untuk membangunkan semula projek tersebut mengikut DUN masing-masing.

JAWAPAN:

- a) Jumlah projek perumahan terbengkalai di Negeri Selangor sehingga 31 Oktober 2014 adalah sebanyak 125 projek yang melibatkan 30, 633 unit. Statistik projek perumahan terbengkalai mengikut pecahan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti berikut:-

NO.	KAWASAN PBT	PROJEK PERUMAHAN	PROJEK PEMBESARAN KAMPUNG	JUMLAH PROJEK	JUMLAH UNIT
1.	MBSA	11	-	11	3,499
2.	MBPJ	3	-	3	1,924
3.	MPSJ	4	-	4	2,738
4.	MPAJ	6	-	6	3,222
5.	MPK	27	-	27	2,710
6.	MPKJ	15	-	15	5,298
7.	MPS	10	2	12	2,299
8.	MPSp	7	-	7	185
9.	MDKS	8	2	10	3,691
10.	MDHS	8	5	13	4,511
11.	MDKL	16	-	16	530
12.	MDSB	1	-	1	26
JUMLAH		116	9	126	30,633

Antara usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk membangunkan semula projek perumahan terbengkalai adalah seperti berikut:-

- i. Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT) yang dipengerusikan oleh saya sendiri dengan keahlian terdiri daripada Y.B. Penasihat Undang-undang, Pengarah Eksekutif LPHS, Pembantu EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan, Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Insolvensi/Liquidator, Jawatankuasa Pembeli/Pemilik Rumah dan Bank terlibat melalui LPHS yang telah dilaksanakan secara berjadual sejak tahun 2011. Peranan Jawatankuasa ini adalah bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak terlibat dalam memulihkan projek terbengkalai serta merangka pelan pemulihan di samping membuat pemantauan sehingga projek siap dengan Sijil Layak Menduduki.
- ii. LPHS melalui Mesyuarat Teknikal turut mengadakan perbincangan dengan pelikuidasi (liquidator), bersama semua jabatan teknikal seperti SYABAS, TNB, IWK dan agensi berkaitan termasuk pihak bank dengan tujuan mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat minimum bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.
- iii. Sekiranya projek ini melibatkan kenaikan kos, LPHS akan melantik Juruukur Bahan untuk membuat penilaian semula kos pemulihan projek tersebut yang bertujuan untuk memaklumkan kos tambahan yang perlu ditanggung oleh pembeli sekiranya projek ini ingin diteruskan.
- iv. Sekiranya projek ini menghadapi defisit kos pemulihan. LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan daripada kontraktor yang berminat dan berwibawa kepada KPKT untuk membuat keputusan bagi mendapatkan peruntukan khas pemulihan projek ini. Sekiranya peruntukan ini tidak dapat dipertimbangkan oleh KPKT, Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan untuk menggunakan dana daripada Tabung Pemulihan Projek Terbengkalai (Dana TEPAT) yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada 29 Oktober 2014.
- v. Membantu pembeli menubuhkan jawatankuasa bertindak di kalangan mereka supaya tindakan yang diambil dapat diselaraskan dengan pihak berkuasa dan badan yang terlibat di mana persetujuan untuk memulihkan projek perlu diperolehi daripada sekurang-kurangnya 85% daripada pembeli.
- vi. Memberi khidmat nasihat dan panduan mengenai tindakan yang boleh diambil oleh pembeli untuk membawa kes ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah ditadbir melalui Akta Pemajuan

Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989.

- vii. LPHS juga akan mencadangkan kepada Kerajaan Negeri tindakan-tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil demi memastikan hak pembeli terhadap hartanah mereka terjamin. Tindakan perampasan tanah boleh dibuat sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara (KTN) dan pelanggaran syarat di bawah Seksyen 129 Kanun yang sama. Selain itu, pengambilan tanah juga dilaksanakan sebagai usaha membolehkan projek terbengkalai dipulihkan semula dan seterusnya dimajukan secara tender.

**3,PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 Kuang)**

TAJUK : KESESAKAN LALU LINTAS DI PERSIMPANGAN JALAN KUANG

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah ada perancangan untuk mengambil alih tanah di Persimpangan Empat (4) Jalan Kuang, Kg Setia (B149) dan Lorong Melati (B25) yang sering berlaku kesesakan teruk terutama di waktu puncak bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas ?

JAWAPAN:

- a) Pentadbir Tanah Gombak sedia membuat pengambilan tanah melalui kaedah Akta Pengambilan Tanah 1960 lot-lot yang terlibat sepanjang di Persimpangan Empat (4) Jalan Kuang, Kg. Setia (B 149) dan Lorong Melati (B25) untuk mengatasi kesesakan jalan tersebut.

Walau bagaimanapun sehingga kini Pentadbir Tanah Gombak tiada menerima permohonan pengambilan tanah dari mana-mana jabatan kerajaan/agensi seperti JKR/UPEN/MPS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 Tanjung Sepat)**

TAJUK : TANAH

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah lot dan keluasan tanah rizab Melayu yang diwartakan di Selangor secara bandingan tahunan sejak 2005 hingga 2014?
- b) Apakah usaha kerajaan untuk menggantikan semula kemerosotan keluasan tanah rizab Melayu di negeri Selangor?
- c) Bagi membantu rakyat dalam mengatasi masalah pemilikan perumahan dan penempatan, adakah kerajaan bersetuju untuk melaksanakan program pembesaran kampung tradisi Melayu?

JAWAPAN:

- a) Terdapat **1,500 lot** dengan keluasan **113.314 hektar** Tanah Rizab Melayu (TRM) di Negeri Selangor telah diwartakan dari tahun 2005 hingga 2014. Butirannya mengikut Daerah adalah seperti di **Lampiran A**.
- b) Bagi menggantikan semula kemerosotan keluasan Tanah Rizab Melayu (TRM) di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha mengenalpasti tanah-tanah yang bersesuaian dan sama jenis serta keluasan untuk dicadangkan sebagai tanah penggantian ke atas Tanah Rizab Melayu yang telah dibatalkan. Sebagai contoh, MMKN baru-baru ini telah meluluskan cadangan penggantian TRM sebanyak **940.4 ekar** tanah di **Daerah Hulu Selangor** dan **895 ekar** tanah di **Daerah Gombak** untuk diwartakan sebagai Tanah Rizab Melayu. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) dengan kerjasama semua Pentadbir Tanah Daerah telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Pengurusan dan Penggantian Tanah Rizab Melayu (JKPPTRM) yang memfokuskan hal-hal pengurusan dan penggantian TRM agar ianya selaras dengan Enakmen Rizab Melayu serta peraturan-peraturan lain yang sedang berkuatkuasa.
- c) Bagi membantu rakyat dalam mengatasi masalah pemilikan perumahan dan penempatan, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) serta Anak Syarikat Kerajaan Negeri telah diberi tanggungjawab

untuk menumpukan pembinaan rumah-rumah mampu milik dengan harga yang mampu dimiliki oleh rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana. Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk melaksanakan program pembesaran kampung tradisi Melayu.

LAMPIRAN A

JUMLAH LOT DAN KELUASAN TANAH REZAB MELAYU (TRM) YANG DIWARTAKAN DI NEGERI SELANGOR SECARA BANDINGAN SEJAK TAHUN 2005-2014

BIL.	DAERAH	TAHUN 2005		TAHUN 2014		PERBANDINGAN TAHUN 2005 & 2014	
		JUMLAH LOT	JUMLAH KELUASAN	JUMLAH LOT	JUMLAH KELUASAN	JUMLAH LOT	JUMLAH KELUASAN
1.	Petaling	-	-	-	-	-	-
2.	Gombak	-	-	-	-	-	-
3.	Klang	-	-	-	-	-	-
4.	Sepang	-	-	-	-	-	-
5.	Hulu Selangor	-	-	-	-	-	-
6.	Hulu Langat	-	-	1,194	4.25 hektar	1,194	4.25 hektar
7.	Kuala Langat	-	-	-	-	-	-
8.	Kuala Selangor	-	-	303	101.4 hektar	303	101.4 hektar
9.	Sabak Bernam	3	7.664 hektar	-	-	3	7.664 hektar
JUMLAH KESELURUHAN		3	7.664 hektar	1,497	105.65 hektar	1,500	113.314 hektar

Sumber: Bahagian Perundangan, PTGS

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 Batu Tiga)**

TAJUK : GENDER DAN BELANJAWAN RESPONSIF GENDER

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha kerajaan negeri Selangor dalam advokasi gender?
- b) Sehubungan dengan konsep gender, adakah kerajaan negeri Selangor akan melaksanakan belanjawan responsif gender (GRB)?
- c) Jika ada, berapakah jumlah belanjawan yang diperuntukkan untuk advokasi gender dan GRB?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri pada ketika ini telah mula menyerapkan advokasi gender atau pembelaan dan perlindungan kepada wanita di dalam aspek perundangan secara berperingkat. Ini dimulakan dengan adanya program *One Stop Crisis Center (OSCC)* bagi melindungi kaum wanita daripada keganasan dan ancaman.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan *Program Women Against Crime (WAC)* bagi kesedaran awam terhadap jenayah terhadap wanita yang perlu diperangi dan dihentikan. Dan Kerajaan Negeri akan merangka lain-lain program advokasi gender di masa akan datang.

Namun begitu perlindungan yang khusus di bawah aspek perundangan, Kerajaan Negeri akan merangka program yang memberikan pendedahan dan nilai tambah kepada kaum wanita agar mereka lebih mengetahui hak dan bentuk-bentuk pembelaan mahupun perlindungan di bawah perundangan sedia ada.

- b) Ini merupakan antara agenda besar dan komitmen kita dalam mengurusperdanakan gender di peringkat Kerajaan Negeri selaras dengan Agenda wanita Malaysia.
- c) Buat masa ini Kerajaan Negeri masih dalam peringkat kajian bagi membolehkan proses pengumpulan data dan analisa dijalankan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 Kuala Kubu Bharu)**

**TAJUK : PROGRAM KEBERSIHAN KESELURUHAN "*TOTAL CLEAN*" DI PBT
SELANGOR**

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah peruntukan yang disalurkan untuk Program Kebersihan Keseluruhan mengikut PBT.
- b) Apakah langkah-langkah seterusnya dicadangkan oleh Kerajaan Negeri selepas 3 bulan Program Kebersihan Keseluruhan dilaksanakan bagi memastikan kebersihan masih terjaga.
- c) Adakah Kerajaan Negeri juga bercadang mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap kontraktor-kontraktor sampah yang gagal melakukan kerja kutipan sampah mengikut jadual seperti senarai hitam kontraktor di peringkat negeri bukan peringkat PBT tertentu sahaja? Jika tidak, nyatakan sebabnya.

JAWAPAN:

- a) Jumlah peruntukan yang disalurkan untuk Program Kebersihan Keseluruhan adalah sebanyak **RM31,234,692.70**. Jumlah mengikut PBT seperti di **Lampiran 1**.
- b) Selain daripada melaksanakan Pelan Tindakan Pengurusan Sisa Pepejal jangka pendek iaitu untuk tempoh tiga (3) bulan, Kerajaan Negeri juga bercadang untuk mewujudkan pelan tindakan jangka panjang untuk tempoh tiga (3) hingga empat (4) tahun. Antara tindakan-tindakan yang diambil dalam pelan jangka panjang ini termasuklah:-
 - i. Menggubal Enakmen Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negeri Selangor;
 - ii. Menyediakan Pelan Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu Negeri Selangor yang akan menentukan kaedah pengurusan dan pelupusan yang efektif dan mengikut kajian kos;
 - iii. Melaksanakan pembersihan awam secara *in-house* di PBT secara berperingkat mulai tahun 2015; dan

- iv. Menyediakan SOP penyediaan dokumen tender dan proses pelantikan kontraktor kutipan sampah di seluruh PBT.
- c) Kerajaan Negeri akan mengkaji kaedah yang boleh digunapakai bagi menyenarai hitam syarikat yang gagal melakukan kerja kutipan sampah melalui sistem yang dapat dikongsi atau diakses oleh Kerajaan Negeri bersama PBT. Setakat ini, lantikan kontraktor-kontraktor sampah adalah dilaksanakan oleh pihak PBT sendiri di mana PBT telah mempunyai mekanisme untuk memantau prestasi kontraktor-kontraktor yang telah dilantik dan tindakan tegas telah diambil termasuklah mengenakan penalti melalui pelaksanaan *Notice to Correct* kepada kontraktor, penamatan kontrak syarikat yang dan tidak melantik semula mana-mana syarikat kontraktor yang mempunyai rekod perkhidmatan yang tidak baik.

Lampiran 1

Jumlah peruntukan yang disalurkan untuk Program Kebersihan Keseluruhan mengikut PBT Pada Tahun 2014

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	Jumlah Peruntukan yang Diluluskan		Jumlah (RM)
	Perbelanjaan AM - B29	Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri (MARRIS)	
Majlis Perbandaran Selayang	1,953,550.00	1,813,365.00	3,766,915.00
Majlis Perbandaran Ampang Jaya	2,540,000.00	1,620,250.00	4,160,250.00
Majlis Perbandaran Subang Jaya	697,675.00	840,000.00	1,537,675.00
Majlis Perbandaran Sepang	757,550.00	587,238.00	1,344,788.00
Majlis Daerah Kuala Langat	815,000.00	627,000.00	1,442,000.00
Majlis Perbandaran Klang	5,702,500.00	2,475,300.00	8,177,800.00
Majlis Daerah Kuala Selangor	1,300,000.00	2,737,200.00	4,037,200.00
Majlis Daerah Sabak Bernam	561,550.00	348,782.20	910,332.20
Majlis Perbandaran Kajang	3,844,432.50	1,435,300.00	5,279,732.50
Majlis Daerah Hulu Selangor	378,000.00	200,000.00	578,000.00
JUMLAH KESELURUHAN	18,550,257.50	12,684,435.20	31,234,692.70

***Sumber: Pejabat Kewangan Negeri (PWN)*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 Kota Damansara)**

TAJUK : TANAH MILIK KERAJAAN NEGERI

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah keluasan tanah milik kerajaan negeri di kawasan DUN Kota Damansara?
- b) Nyatakan perancangan kerajaan negeri terhadap tanah-tanah yang belum dimajukan?
- c) Apakah pendirian kerajaan negeri untuk bekerjasama dengan kerajaan pusat bagi memajukan kawasan demi manfaat kepada rakyat?

JAWAPAN:

- a) Jumlah keluasan tanah yang masih belum mempunyai hakmilik dan di bawah Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti jadual yang berikut:

KAWASAN	KELUASAN	STATUS
Kg Baru Subang	0.4832 Ek 1955.51 mp	Kawasan Lapang
Paya Jaras, Sg Buloh	2.5151 Ek 10178.6 mp	Kawasan Lapang
Taman Juta Permai	78.40 Ek 317284.8 mp	Kawasan Lapang
Kg Melayu Subang	15.14 Ek 61271.58 mp	Kawasan Lapang

PJU 1A	51.93 Ek 210160.7 mp	Kawasan Lapang
Kota Damansara/ Pekan Subang	6.2833 Ek 25428.51 mp	Dewan Orang Ramai/ Balairaya (9 buah)
Kota Damasara	61.3031 Ek 248093.64 mp	Sekolah (7 Buah)
Pekan Subang	1.373 Ek 5556.53 mp	Sekolah (Sebuah)
Seksyen U5	1.7715 ek 7169.2605 mp	Sekolah (Sebuah)
Keseluruhan	219.1992 Ek 887099.16 mp	

- b) Bagi tanah-tanah yang belum dimajukan, Kerajaan Negeri pada pada 3 September 2014 telah bersetuju supaya tapak-tapak tersebut diwartakan seperti berikut :

Bil.	Kawasan	Keputusan
1.	Ara Damansara	Meluluskan tapak dikekalkan sebagai tanah negeri dan diwartakan bagi maksud awam untuk tujuan kemudahan masyarakat dengan melantik Y.B Setiausaha kerajaan Negeri Selangor sebagai Pegawai Pengawal dan diurus tadbir oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ). Mencadangkan supaya tanah ini dicantumkan dengan tanah bersebelahan untuk dijadikan rizab tanah negeri.
2.	Saujana Resort	Meluluskan tapak untuk dikekalkan sebagai Rizab Sungai Damansara selaras dengan zon gunatanah Rancangan Tempatan untuk kegunaan badan air dan rizab sungai.

- c) Kerajaan Negeri tiada halangan untuk bekerjasama dengan Kerajaan Pusat dalam memajukan sesuatu kawasan sekiranya dasar tersebut tidak bertentangan dengan polisi Kerajaan Negeri dan seterusnya memberi manfaat kepada semua golongan rakyat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 Meru)**

TAJUK : PUSAT JUDI HARAM DAN MAKSIAT WARGA ASING DUN MERU.

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah lokasi yang telah diadakan oleh penduduk dan JKKK? Senaraikan.
- b) Apakah hasil penguatkuasaan. Senaraikan.
- c) Adakah punca gagal operasi sebab kurang bukti sewaktu operasi dan bagaimana info siasatan yang dibuat JKKK tidak membantu sebagai bukti?

JAWAPAN:

- a) Dari tempoh 01 Jan - 12 Nov 2014 tiada sebarang aduan diterima oleh pihak Polis dari JKKK kawasan Meru, Klang Utara, Selangor.
- b) Serbuan dan pemeriksaan yang dijalankan oleh pihak Polis terhadap pusat judi haram dan Maksiat di kawasan Meru bagi tempoh 01 Jan - 12 Nov 2014 seperti berikut :

i) Perjudian Mesin

Jumlah Serbuan/ Pemeriksaan	Jumlah Serbuan Berjaya	Tangkapan	Rampasan	Pertuduhan		Keputusan Kes
				Tuduh	Dalam siasatan	
180	28	28	411	21	7	Penjaga premis dituduh dibawah Seksyen 3 (1) UUK PS 2007 Denda RM3,000/=.

Nota: UUKPS 2007 – Undang-Undang Kecil Pusat Siber & Cafe 2007

ii) Maksiat

Jumlah Serbuan/ Pemeriksaan	Jumlah Serbuan Berjaya	Tangkapan		Pertuduhan		Keputusan Kes
		Penjaga	W/Asing	Tuduh	Dalam siasatan	
923	68	74	484	55	4	1) Penjaga premis di bawah Seksyen 3 (1) UUK PK 2007 Denda RM3,000/=. 2) Warga asing diusir ke Negara Asal.

Nota: UUKPS 2007 – Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan & Kesihatan 2007

- c) Pihak Polis memerlukan kerjasama daripada orang awam untuk menyalurkan maklumat berkaitan perjudian dan pelacuran. Walaupun begitu maklumat yang diperolehi perlu di tapis dan diteliti supaya maklumat baru yang diperolehi mewajarkan serbuan dilakukan.

Kertas Siasatan yang dibuka dan telah lengkap terlebih dahulu dirujuk ke Pejabat YA TPR bagi mendapatkan arahan pertuduhan dan seterusnya mendakwa pesalah ke Mahkamah.

Sepanjang tempoh Januari 2014 sehingga Oktober 2014 PDRM Kontinjen Selangor telah merekodkan sebanyak 3,760 serbuan berjaya dengan seramai 4,104 orang penjaga dan pemain telah ditangkap. PDRM Kontinjen Selangor turut berjaya merampas 60,687 unit komputer mesin perjudian serta anggaran nilai rampasan bernilai RM 48.5 juta.

Bermula 26 Oktober 2014 (Fasa Pertama) PDRM Kontinjen Selangor telah melipatgandakan usaha pembanterasannya kegiatan mesin perjudian ini dan berjaya membuat serbuan sebanyak 54 serbuan dengan menangkap seramai 76 orang penjaga dan pemain serta rampasan mesin perjudian sebanyak 982 unit. Fasa pertama ini memberi fokus bagi memastikan semua premis tersebut ditutup dan tidak lagi beroperasi sehingga 2 November 2014.

Manakala Fasa Kedua bermula pada 3 November 2014 pula memfokuskan usaha dalam mengambil langkah pencegahan dalam memastikan premis-premis yang telah ditutup tidak lagi menjalankan operasi judi haram secara sembunyi. Dalam Fasa Kedua ini PDRM Kontinjen Selangor bekerjasama dengan pihak

mahkamah dengan memperolehi Waran Pengeledahan serta turut melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam membantu menjalankan serbuan terhadap premis yang telah ditutup tetapi masih berani beroperasi secara curi-curi.

Sebagai langkah pencegahan yang berterusan, pihak Polis Kontinjen Selangor sentiasa menjalankan pemantauan, serbuan dan pemeriksaan berterusan agar kegiatan mesin perjudian dan pelacuran dapat dibanteras sepenuhnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 Kota Anggerik)**

TAJUK : TAWARAN KERJA TENDER TERENDAH DI MBSA

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan kerja-kerja kontrak di MBSA yang gagal dilaksanakan lantaran tawaran tender diberi kepada tawaran harga tender terendah ?
- b) Apakah langkah MBSA untuk mengatasi masalah kontraktor yang gagal untuk melaksanakan kontrak yang ditawarkan ?
- c) Adakah MBSA akan meneruskan polisi harga terendah ini ?

JAWAPAN:

- a) Kontraktor yang gagal melaksanakan kerja yang ditawarkan dan telah ditamatkan perkhidmatan serta masih disenaraihitamkan oleh pihak Majlis ialah seperti berikut:-

Bil	No. Sebutarga & Tender	Tajuk
1.	SH 60/2013	Tawaran Semula Cadangan Penyewaan Bangunan Tadika Di Alamat No. 44, Jalan Elektron U16/83, Denai Alam, Seksyen U16, Shah Alam Untuk MBSA
2.	T 14/2013	Cadangan Membina Dan Menaiktaraf Tempat Letak Kereta Dan Motosikal Di Bawah Rentis TNB, Stesen Komuter Shah Alam, Jalan Parang Satu 19/18A, Seksyen 19, Shah Alam Utk MBSA
3.	SH 143/2013	Cadangan Kerja-Kerja Membaiki Longkang Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Sebahagian Kawasan Perumahan Seksyen 3, Shah Alam Untuk MBSA
4.	SH 146/2013	Cadangan Kerja-Kerja Membaiki Longkang Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Sebahagian Kawasan Perumahan Seksyen 19, Shah Alam Untuk MBSA
5.	SH 145/2013	Cadangan Kerja-Kerja Membaiki Longkang Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Sebahagian Kawasan Perumahan Seksyen 6, Shah Alam Untuk MBSA
6.	T 25/2013	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Tandas Dan Sistem Perpaipan Sediada Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Tandas Wisma MBSA, Seksyen 14, Shah

		Alam Untuk MBSA
7.	SH 157/2013	Cadangan Kerja-Kerja Membina Dan Menyiapkan Pagar Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Pejabat Cawangan MBSA Kota Kemuning, Seksyen 31, Shah Alam Untuk MBSA
8.	SH 158/2013	Cadangan Kerja-Kerja Membina Dan Menyiapkan pagar Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Pejabat Cawangan MBSA Setia Alam, Seksyen U13, Shah Alam Untuk MBSA
9.	SH 263/2013	Cadangan Kerja-Kerja Mengecat Petak Dan Nombor Petak Tempat Letak Kereta Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam Untuk MBSA
10.	SH 148/2013	Cadangan Kerja-Kerja Membina Longkang Konkrit Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Sebahagian Jalan Batu Bata, Seksyen 35, Shah Alam Untuk MBSA
11.	T136/2013	Cadangan Perkhidmatan Pembersihan Awam Di Zon SA25(C) Seksyen 32, Shah Alam Untuk MBSA
12.	T114/2013	Cadangan Perkhidmatan Kerja-Kerja Kutipan Sisa Domestik Di Zon SA19 (B) Seksyen 26, Shah Alam Untuk MBSA
13.	T 71/2013	Cadangan Kerja-Kerja Merekabentuk, Membekal Dan Measang papantanda Tunjuk Arah Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Persiaran Masjid, Seksyen 14, Shah Alam Untuk MBSA
14.	T20/2013	Cadangan Membina Dan Menyiapkan Trek Basikal Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Parcel G (Persiaran Pegawai, Pusat Bandar Seksyen 14), Shah Alam Untuk MBSA
15.	SH101/2014	Cadangan Kerja-Kerja Membaiki Longkang Tepi Jalan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan 25/50, Seksyen 25, Shah Alam Untuk MBSA
16.	SH98/2014	Cadangan Kerja-Kerja Membaiki Longkang Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kawasan Komersial, Seksyen 27, Shah Alam Untuk MBSA
17.	SH72/2014	Cadangan Kerja-Kerja Mengecat Petak Dan Nombor Petak Letak Kereta Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kawasan Pentadbiran MBSA Untuk MBSA

18.	T67/2014	Cadangan Perkhidmatan Pembersihan Longkang Besar Di Zon SA-LB, Seksyen 15 & 16, Shah Alam Untuk MBSA
-----	----------	--

- b) Kontraktor yang gagal menjalankan kontrak yang telah ditawarkan akan disenaraihitamkan untuk tempoh dua (2) tahun. Tawaran semula akan dibuat dan kontraktor yang lain akan di lantik untuk meneruskan kerja-kerja yang gagal disiapkan oleh kontraktor terdahulu.
- c) Polisi harga terendah yang diamalkan oleh MBSA adalah berdasarkan arahan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan polisi ini akan diteruskan sehingga mendapat arahan yang baru.

Jumlah Taburan Hujan (mm)	2,370	2,573	2,235	3,076	2,396	2,630	2,098	1,499 <i>(sehingga 31hb Oktober 2014)</i>
----------------------------------	--------------	--------------	--------------	--------------	--------------	--------------	--------------	---

- b) Secara amnya, berdasarkan analisis tren paras air empangan di Negeri Selangor adalah didapati semua empangan akan berada pada kapasiti 80% pada setiap awal tahun dan mencapai kapasiti maksimum 100% pada bulan April berikutan peningkatan kadar hujan semasa Monsun Peralihan. Pada bulan Mei hingga September iaitu Monsun Barat Daya, pengurangan kadar hujan di kawasan tadahan akan menyebabkan peningkatan pelepasan air empangan bagi tujuan bekalan air dan paras air empangan akan menurun. Walau bagaimanapun semasa Monsun Peralihan dan Monsun Timur Laut (November hingga Mac) jumlah kadar taburan hujan adalah tinggi dan seterusnya meningkatkan kembali paras air empangan. Perincian purata paras air bulanan untuk tujuh (7) empangan di Selangor dari tahun 2007 hingga 2014 ialah seperti di **LAMPIRAN B**.
- c) Beberapa perancangan Kerajaan Negeri Selangor melalui LUAS bagi menjamin keperluan sumber air mentah mencukupi untuk pelbagai sektor dengan mengambilkira perubahan iklim (*climate change*) adalah seperti berikut:
- i) Lembaga telah menjalankan Kajian Kolam Bekas Lombong Sebagai Kolam Takungan Aliran Air Banjir di Lembangan Sungai Selangor pada tahun 2013 dengan kerjasama perunding. Objektif utama kajian ialah menjalankan kajian kebolehlaksanaan penggunaan kolam bekas lombong secara dwifungsi iaitu sebagai kolam takungan bagi tebatan banjir dan juga kolam takungan sumber air yang akan berfungsi sebagai sumber air tambahan jika berlakunya masalah kekurangan sumber air atau kemarau. Lanjutan daripada itu, pembangunan projek penggunaan kolam bekas lombong tersebut juga dikenali sebagai Kolam Takungan Hiliran (*Hybrid off River Augmented System, (HORAS)*) merupakan fasa pertama daripada keseluruhan projek pembangunan sumber air di Kuala Selangor. Ia melibatkan penakungan lebihan air dari Sungai Selangor dan juga air dari akuifer bawah tanah. Bagi Fasa Pertama keluasan kolam yang terlibat ialah 163 hektar dengan kedalaman 27 meter yang akan disambung dengan akuifer bawah tanah. Anggaran kapasiti air mentah ialah 600 Juta Liter/Hari (JLH). Projek ini dijangka siap pada bulan April 2015;
 - ii) Pembangunan Fasa Kedua melibatkan kolam takungan aliran banjir Bestari Jaya dengan melibatkan keluasan 3,924 hektar. Ia bertindak secara dwifungsi iaitu sebagai kolam mitigasi banjir dan juga kolam takungan

sumber air. Kapasiti takungan sumber air mentah dianggarkan sebanyak 500 juta meter padu (*MCM*) dan ianya juga mengurangkan 50% kawasan yang dilanda banjir di bahagian hilir Sungai Selangor ketika aliran tinggi (*high flow*). Kajian awal menunjukkan sumber air yang boleh diperolehi adalah 3000 juta liter sehari.

- iii) Perancangan untuk replikasi projek kolam takungan ini juga diperingkat kajian kebolehlaksanaan bagi kolam tebatan banjir Sungai Rasau di Lembangan Sungai Klang;
- iv) Pelaksanaan Kajian Sumber Air Bumi Negeri Selangor bagi mengenalpasti akuifer yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai sumber bekalan air dengan langkah pengawalan yang ketat;
- v) Pembangunan *Decision Support System*, (*DSS*) bagi pengurusan Lembangan Sungai Selangor secara holistik di mana pelepasan air empangan akan dilaksanakan secara optima dengan mengambilkira keadaan semasa aliran sungai dan juga ramalan hujan di kawasan tadahan. Pembangunan *DSS* ini juga akan direplikasi kepada lembangan lain secara berfasa; dan
- vi) Pihak Institut Penyelidikan Hidraulik Malaysia (*NAHRIM*) juga telah menjalankan kajian berkenaan “Sumber Air Dan Perubahan Iklim –Kajian Lanjutan Kesan Perubahan Iklim Ke Atas Sumber Air Negara” dan mendapati bagi Negeri Selangor semasa abad ke 21, keadaan taburan hujan adalah semakin tinggi dan akan meningkatkan paras purata aliran sungai. Keadaan ini juga akan meningkatkan risiko kejadian banjir di kawasan rendah yang berisiko banjir jika tiada langkah kawalan tebatan banjir dilaksanakan.

DATA PURATA PARAS AIR EMPANGAN SUNGAI SELANGOR

BULAN/TAHUN	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014
JAN	220.11	220.18	220.15	217.12	220.17	219.11	219.05	206.83
FEB	219.92	219.75	220.03	218.63	220.19	218.3	218.79	201.23
MAC	220.01	219.83	220.16	219.13	220.2	220.19	220.04	192.14
APRIL	220.19	220.19	220.15	219.98	220.19	220.19	220	197.17
MEI	220.18	220.04	220.1	220.12	220.19	220.14	220.2	193.1
JUN	220.19	220.19	219.03	220.09	219.92	219.19	219.67	194.11
JULAI	220.17	220.19	215.73	220.12	217.67	215.21	215.12	191
OGOS	220.08	219.86	210.21	219.88	213.64	206.2	202.83	186.52
SEPT	220.15	220.12	209.83	219.25	211.8	202.76	203.51	187.62
OKT	220.14	220.02	210.16	219.41	212.82	200.86	198.95	193.41
NOV	220.21	220.22	211.97	218.29	215.62	207.26	200.9	
DIS	220.2	220.18	215	219.56	219.71	215.67	204.6	

DATA PURATA PARAS AIR EMPANGAN SUNGAI TINGGI

BULAN/TAHUN	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014
JAN	59.5	59.63	59.6	59.65	59.35	59.63	58.65	57.62
FEB	59.51	59.56	59.64	59.46	59.29	59.77	59	56.52
MAC	59.62	59.64	59.69	58.95	59.2	59.7	59.35	54.49
APRIL	59.59	59.6	59.67	59.53	59.51	59.63	59.66	53.11
MEI	59.6	59.53	59.51	59.69	59.6	59.6	59.7	54.22
JUN	59.65	59.62	59.28	59.62	59.43	59.31	59.48	52.57
JULAI	59.56	59.62	58.86	59.64	58.55	58.22	58.83	51.73
OGOS	59.48	59.39	57.95	59.42	57.43	56.39	57.87	49.73
SEPT	59.45	59.52	58.04	59.36	57.24	55.84	57.12	49.13
OKT	59.6	59.58	57.96	59.49	56.94	55.21	56.46	49.95
NOV	59.62	59.66	58.87	59.05	57.7	56.71	56.99	
DIS	59.61	59.66	59.61	59.18	59.21	58.2	57.47	

DATA PURATA PARAS AIR EMPANGAN KLANG GATES

BULAN/TAHUN	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014
JAN	95.37	95.36	95.5	94.69	94.3	96.01	95.47	91.79
FEB	95.28	95.49	94.83	93.6	94.6	95.73	94.94	90.4
MAC	95.21	94.9	95.46	92.64	94.68	96.22	94.7	89.61
APRIL	95.11	95.64	95.82	92.25	94.31	95.97	94.09	90
MEI	95.08	95.63	95.7	92.52	95.23	96.17	95.32	91.04
JUN	95.47	96.08	95.51	92.52	96.18	96.17	95.22	92.73
JULAI	95.17	96.19	94.66	92.43	95.9	95.27	94.03	92.29
OGOS	95.32	96.04	93.91	92.33	95.71	94.12	92.81	91.61
SEPT	95.6	95.68	94.74	92.35	95.84	93.8	93	91.46
OKT	95.78	95.85	95.73	94	96.11	93.65	92.42	92.99
NOV	95.8	95.61	95.83	93.97	95.57	95.74	92.79	
DIS	95.54	95.56	95.22	94.38	95.97	95.71	92.84	

DATA PURATA PARAS AIR EMPANGAN TASIK SUBANG

BULAN/TAHUN	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014
JAN	38.61	38.49	38.49	37.3	38.25	38.54	38.59	38.61
FEB	38.48	38.44	38.26	37.29	38.27	38.6	38.54	38.29
MAC	38.52	38.67	38.06	37.28	38.19	38.7	38.4	37.87
APRIL	38.65	38.66	38.4	37.97	38.29	38.64	38.25	37.66
MEI	38.6	38.53	38.2	38.54	38.55	38.56	38.44	37.59
JUN	38.61	38.53	37.59	38.4	38.31	38.4	38.13	37.47
JULAI	38.44	38.29	36.96	38.07	37.97	38.1	37.61	36.96
OGOS	38.32	38.03	36.63	37.81	37.71	37.63	37.15	36.65
SEPT	38.37	38.13	36.69	37.67	37.89	37.55	37.07	36.33
OKT	38.39	38.42	36.64	38.02	38.33	37.71	36.68	36.45
NOV	38.55	38.54	36.66	37.94	38.68	38.68	37.16	
DIS	38.55	38.63	36.97	38.19	38.63	38.68	37.91	

DATA PURATA PARAS AIR EMPANGAN BATU

BULAN/TAHUN	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014
JAN	*	*	*	103.17	103.16	102.86	102.88	102.7
FEB	*	*	*	102.96	103.02	102.78	102.78	101.12
MAC	*	*	*	103.12	103.23	103.18	103.25	99.83
APRIL	*	*	*	103.01	103.03	103.14	102.91	96.02
MEI	*	*	*	103.24	103.23	103.15	103.65	90.48
JUN	*	*	*	102.9	102.97	102.66	103.06	100.96
JULAI	*	*	*	102.05	103.26	102.57	102.87	87.61
OGOS	*	*	*	102.02	103.38	102.43	102.02	90.12
SEPT	*	*	*	103.14	102.98	102.23	102.2	99.89
OKT	*	*	*	103.23	103.19	102.54	102.09	101.19
NOV	*	*	*	103.15	103.04	104.13	102.53	
DIS	*	*	*	103.25	103.16	103.36	103.25	

Nota : * Tiada rekod

DATA PURATA PARAS AIR EMPANGAN SUNGAI LANGAT

BULAN/TAHUN	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014
JAN	221.03	221.02	221.08	221	221.08	221.05	221.01	220.49
FEB	221	221	221.01	220.81	221	220.8	220.77	217.69
MAC	221.02	221.03	221.04	219.64	221.09	221.02	220.84	213.6
APRIL	221.03	214.95	221.03	219.89	221.08	221.02	219.93	211.85
MEI	221.03	221.02	221.01	213.79	221.08	221.02	220.9	213.48
JUN	221.03	221.04	221.03	221.06	221.07	220.98	220.91	215.48
JULAI	221.03	221.03	220.95	221.07	221.07	220.95	219.56	214.85
OGOS	221.03	221.02	220.45	221.08	221.08	221	217.67	213.9
SEPT	221.03	221.02	221.02	221.09	221.07	220.36	210.2	213.26
OKT	221.04	221.05	221.07	221.09	221.08	219.84	217.26	214.79
NOV	221.03	221.06	221.08	221.09	221.07	221.06	217.87	
DIS	221.03	221.05	221.07	221.35	221.08	221.05	220.27	

DATA PURATA PARAS AIR EMPANGAN SUNGAI SEMENYIH

BULAN/TAHUN	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014
JAN	*	*	*	111.03	111.04	111.05	111.04	110.99
FEB	*	*	*	110.93	111.04	111.03	111.05	109.7
MAC	*	*	*	110.7	111.06	111.06	111.03	107.02
APRIL	*	*	*	111.03	111.08	111.05	111.08	106.27
MEI	*	*	*	111.03	111.11	111.06	111.07	104.11
JUN	*	*	*	111.04	111.05	111.03	111.05	108.59
JULAI	*	*	*	111.03	111.04	111.03	111.03	108.13
OGOS	*	*	*	111.04	111.05	110.79	110.94	105.98
SEPT	*	*	*	111.04	111.05	110.92	110.98	104.53
OKT	*	*	*	111.05	111.06	111.04	110.72	104.76
NOV	*	*	*	111.05	111.08	111.13	111.03	
DIS	*	*	*	111.06	111.06	111.07	111.04	

Nota : * Tiada rekod

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 Sungai Panjang)**

TAJUK : KEBUDAYAAN NEGERI

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar negeri untuk membangunkan bidang kebudayaan?
- b) Sejauh manakah rakyat Selangor kenal dan menghargai kewujudan pelbagai jenis kebudayaan di Selangor?
- c) Bagaimanakah kerajaan negeri mempromosikan kebudayaan negeri kepada para pelancong di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Pada ketika ini Kerajaan Negeri mengguna pakai Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang diselaraskan mengikut keperluan di Negeri Selangor. Dasar Kebudayaan Kebangsaan ini dijadikan sebagai garis panduan dalam merangka program – program untuk membangunkan kebudayaan di Negeri Selangor. Justeru itu, mulai tahun 2015, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kebudayaan akan mempergiatkan lagi usaha-usaha melalui pelbagai program dan aktiviti untuk memelihara, memulihara dan membangunkan pelbagai bentuk kebudayaan dan kesenian yang ada di Negeri Selangor.
- b) Negeri Selangor merupakan negeri maju yang mana status ini diketahui umum. Namun begitu, masih rendah tahap kesedaran dan promosi berkenaan kebudayaan Negeri Selangor kepada warga Selangor atau pun orang luar. Justeru itu, program pembudayaan dan promosi berkenaan kebudayaan dan kesenian Negeri Selangor akan dipergiatkan mulai tahun 2015. Dengan ini kebudayaan Selangor yang ada dapat dipelihara, dipulihara dan terus dibangunkan agar Selangor turut dikenali dengan Negeri yang kaya dengan kebudayaan dan kesenian.
- c) Tourism Selangor akan terus memainkan peranan penting dalam mempromosikan Negeri Selangor sebagai pelancongan yang unik di Selangor. Antara tindakan yang akan terus dilakukan adalah seperti yang berikut.

1) Promosi

Kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor akan meneruskan semua aktiviti promosi yang telah dijalankan samada di dalam mahupun di luar Negara untuk memperkenalkan kebudayaan di Negeri Selangor. Di setiap tempat menarik yang dikongsikan di dalam promosi, pihak Tourism juga menyelitkan informasi tentang keunikan kebudayaan yang ada pada tempat tersebut.

Antara promosi ke luar negara yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

1. Asean Tourism Forum, Sarawak
2. Sales Mission to India
3. Arabian Travel Mart Dubai
4. ITB Asia Singapura
5. World Travel Mart, London

2) Laman web dan Media Sosial

Tourism di dalam laman web rasmi akan sentiasa mempromosi kebudayaan negeri dan memastikan semua maklumat yang dipaparkan adalah yang terkini dan tepat. Laman web Tourism Selangor boleh dilayari melalui <http://www.tourismselangor.my> dan Facebook, Twitter dan Instagram Tourism Selangor menggunakan profil nama @TourismSelangor.

3) Acara Pelancongan

Tourism Selangor juga akan membawa dan menganjurkan acara-acara yang akan menjadikan destinasi pelancongan Negeri Selangor sebagai lokasi penganjuran mahupun persinggahan para peserta. Di antara acara ini, Tourism Selangor memberi ruang untuk segmen atau booth khas memaparkan kebudayaan Negeri Selangor samada tarian, peragaan kostum, dan persembahan secara langsung.

Antara Acara pelancongan yang diselitkan paparan kebudayaan Negeri Selangor untuk tahun 2014 ialah:

01	Festival Bon Odori	Tarian Kebudayaan pelbagai kaum di Selangor oleh penari MBPJ
02	Sambutan Pesta Tanglung	Tarian Kebudayaan pelbagai kaum di Selangor oleh penari MBPJ

4) Familiarization Trip 'FAM Trip'

Tourism Selangor juga akan membawa lawatan-lawatan untuk para media mahupun lain-lain 'fam tour' serta agensi-agensi pelancongan dalam dan luar negara bagi mempromosikan produk-produk pelancongan secara terus kepada 'key players' dan agensi-agensi pelancongan. Secara tidak langsung acara ini dapat juga mendekatkan diri para peserta dengan kebudayaan yang terdapat di Negeri Selangor.

Fam Trip yang telah dijalankan sepanjang tahun 2014 adalah seperti berikut :

- i) FAM Tour Myanmar (ATF 2014)
- ii) FAM Tour USA (ATF 2014)
- iii) FAM Trip Iran (SMIFT 2014)
- iv) FAM Trip Media Filipina 2014 AirAsia
- v) FAM Tour Media Selangor Golf Masters 2014
- vi) FAM Tour Pesara Kakitangan Kerajaan 2014
- vii) FAM Tour Jabatan Perkhidmatan Awam Majlis Bersama Kebangsaan Perdana 2014

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 Hulu Kelang)**

TAJUK : DAERAH PETALING DAN TANAH RIZAB MELAYU

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah punca jumlah keluasan tanah rizab Melayu di Daerah Petaling sebagai yang terendah di seluruh Selangor?
- b) Berapakah keluasan asal tanah rizab Melayu di Daerah Petaling?
- c) Apakah pengambilan tanah rizab Melayu di Daerah Petaling mengikut syarat-syarat yang ditetapkan?

JAWAPAN:

- a) Adalah dimaklumkan bahawa keluasan keseluruhan Daerah Petaling ialah 49,775,75 hektar di mana ia merupakan daerah paling kecil di Negeri Selangor. Manakala keluasan **asal** tanah Rizab Melayu yang diwartakan bagi daerah Petaling ialah seluas 2,2729.5 ekar. Dimaklumkan juga bahawa tiada sebarang pembatalan yang direkodkan sehingga kini.
- b) Keluasan asal tanah rizab Melayu di Daerah Petaling adalah 2,729.5 ekar.
- c) Sehingga kini tiada Pengambilan tanah rizab Melayu di Daerah Petaling yang direkodkan. Walau bagaimanapun, Pentadbiran ini akan memastikan setiap proses pengambilan tanah Rizab Melayu mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 Kajang)**

TAJUK : KEUSAHAWANAN DAN PENAIKTARAFAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS)

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Minta kerajaan negeri kemukakan cadangan untuk membina kiosk untuk membantu golongan penjaja kecil
- b) Minta kerajaan negeri kemukakan jumlah peruntukan yang dikeluarkan untuk membantu Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Selangor dari tahun 2010-2013
- c) Adakah kerajaan negeri mempunyai rancangan untuk meningkatkan peruntukan pembangunan di setiap DUN untuk merangsang aktiviti keusahawanan di Selangor

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan Negeri Selangor telah membincangkan cadangan ini di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan. Cadangan yang telah dikemukakan semasa mesyuarat Jawatankuasa Tetap itu adalah untuk menyeragamkan dan membina kiosk yang seragam untuk golongan penjaja kecil.
- b) Jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan untuk membantu Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Selangor dari tahun 2010-2013 adalah sebanyak RM90,134,565.89.

Bil.	Jabatan / Agensi	2012	2013	2014
1	UPEN	2,050,000.00	2,200,000.00	2,200,000.00
2	Jab. Perkhidmatan Veterinar	460,000.00	215,000.00	1,450,000.00
3	Jabatan Pertanian	2,050,000.00	1,249,549.79	1,208,046.00
4	PKNS	2,589,560.00	2,595,210.00	3,893,000.00
5	SKIMSEL	26,431,500.00	19,599,950.00	21,942,750.00
Jumlah		33,581,060.00	25,859,709.79	30,693,796.00

- c) Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk meningkatkan peruntukan pembangunan usahawan untuk merangsang aktiviti keusahawanan di Selangor. Di samping itu juga, Kerajaan Negeri juga akan mengkaji keperluan dan kesesuaian had bantuan bagi Dana Industri Kampung dari RM10,000.00 permohonan yang diluluskan ke RM30,000.00 permohonan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 Teluk Datuk)**

TAJUK : GERAN SELANGORKU DIBAWAH MBI

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan semua projek yang telah dibuat oleh MBI menggunakan Dana geran Selangorku di DUN Teluk Datuk sejak tahun 2008 hingga 2013 bulan Mei.
- b) Sila menyatakan butir2 nama syarikat kontraktor dan kos setiap projek dibuat.
- c) Apakah dasar dan garis bantuan MBI putuskan sama ada sesuatu projek itu diluluskan atau di tolak?

JAWAPAN:

- a) Daripada peruntukan sebanyak RM30 juta, sebanyak RM1.771 juta telah dibelanjakan sepertimana berikut :

NALISA DUN: STATUS PROJEK INFRASTRUKTUR & INFRASTRUKTUR SUKAN (LULUS / KIV) GERAN SELANGORKU

N	DAERAH	DEWAN UNDANGAN NEGERI	INFRASTRUKTUR			Perbelanjaan			INFRA SUKAN			Perbelanjaan			WAKIL RAKYAT
			Lulus	KIV	Jumlah	Projek Ditawarkan	Projek Ditawarkan + Projek Dalam Proses Sebutharga	Lulus	KIV	Jumlah	Projek Ditawarkan	Projek Ditawarkan + Projek Dalam Proses Sebutharga			
			RM	No. Prj	RM	RM	No. Prj	RM	RM	No. Prj	RM				
52	PTD Kuala Langat	Telok Datok	9	32	41	1,329,361	9	1,329,361	1	0	1	177,698	1	177,698	Loh Chee Heng

- b) Butiran kos serta kontraktor adalah seperti berikut:

PROJEK INFRASTRUKTUR YG TELAH DILULUSKAN MENGIKUT FASA

BIL	KLUSTER	FASA	NAMA PROJEK	NO. PROJEK	ANGGARAN PBT	KOS PROJEK	PBT	DUN	TARIKH J/K PEMANDU BERSIDANG	NAMA KONTRAKTOR	TEMPOH KERJA	TARIKH MULA KERJA	TARIKH SIAP KERJA		
1	INFRA	Fasa 1	Cadangan menurap semula sebahagian jalan di Taman Yayasan, Jenjarom, Kuala Langat	MDKL/JPP/SH:19/14	169,700.00	143,870.00	MDKL	Telok Datok	21 Mac 2012	Mutiara Batu Laut Enterprise	3 Minggu	04-Apr-12	25-Apr-12		
2	INFRA	Fasa 2	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Longkang di Taman Ria, Jenjarom, Kuala Langat	MDKL/JPP/SH:33/12	200,133.00	145,000.00	MDKL	Telok Datok	16 April 2012	Rozita Bt Mohijidin	7 Minggu	07-May-12	16-Jul-12		
3	INFRA	Fasa 3	Permohonan bagi melebarkan lorong jalan bagi Jalan Teratal, Jalan Dewan, Jalan Jubli Perak dan Jalan Bunga Raya di RTB Bukit Changgang, Banting, Kuala Langat	MDKL/JPP/SH:34/12	106,880.00	81,560.00	MDKL	Telok Datok	17 Mei 2012	Dwansha Enterprise	4 Minggu	06-Jun-12	02-Jul-12		
4	INFRA	Fasa 3	Membbaiki/menyelenggara Jalan-Jalan di Kg Jenjarom	MDKL/JPP/SH:35/12	151,302.50	110,640.00	MDKL	Telok Datok	17 Mei 2012	D Two Lungi Enterprise	4 Minggu	06-Jun-12	04-Jul-12		
5	INFRA	Fasa 4	Melebar Bahu Jalan di Kg Baru Sg Jarom, Mukim Tanjung Dua Belas	MDKL/JPP/SH:36/12	229,400.00	198,891.00	MDKL	Telok Datok	17 Mei 2012	Miratika Enterprise	8 Minggu	04-Jun-12	30-Jul-12		
6	INFRA	Fasa 4	Menurap semula jalan di Kg Baru Sg Jarom, Mukim Tanjung Dua Belas	MDKL/JPP/SH:35/12	301,875.00	210,925.00	MDKL	Telok Datok	17 Mei 2012	FZ Maju Resources	5 Minggu	04-Jun-12	09-Jul-12		
7	INFRA	Fasa 4	Cadangan menaiktaraf Longkang di Taman Yayasan Jenjarom, Kuala Langat	MDKL/JPP/SH:38/12	106,253.00	91,000.00	MDKL	Telok Datok	17 Mei 2012	Mohd Ja'afar bin Selam	4 Minggu	04-Jun-12	02-Jul-12		
8	INFRA	Fasa 5	Cadangan menaiktaraf longkang di Jalan Dahlia, Taman Seri, Telok Datok, Banting	MDKL/JPP/SH:79/12	66,096.00	47,845.00	MDKL	Telok Datok	11 Jul 2012	Dirmanjah Enterprise	5 Minggu	06-Aug-12	10-Sep-12		
9	INFRA	Fasa 5	Cadangan menurap semula sebahagian jalan di Taman Seri Jarom, Jenjarom	MDKL/JPP/SH:75/12	361,500.00	299,630.00	MDKL	Telok Datok	11 Jul 2012	Messtechnic Sdn Bhd	4 Minggu	08-Oct-12	10-Nov-12		
					1,693,139.50	1,329,361.00									

SUKAN

27	SUKAN	Fasa 4	Pembinaan Gelanggang Serbaguna di Padang Mahkota, Banting		200,000.00	177,698.00	PTD Kuala Langat	Telok Datok	15 Ogos 2012	Motif Maju Enterprise	6 Minggu	15-Oct-12	30-Jan-13
----	-------	--------	---	--	------------	------------	------------------	-------------	--------------	-----------------------	----------	-----------	-----------

- c) Beberapa garis panduan digunapakai dalam meluluskan sesuatu projek termasuk memastikan ia mempunyai kepentingan umum atau rakyat terbanyak berdasarkan maklum balas PBT serta pemimpin masyarakat setempat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 Kuang)**

TAJUK : GAJI DAN ELAUN MANTERI BESAR, EXCO DAN SPEAKER

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah kedudukan gaji dan elaun perjawatan yang tersebut kini?
- b) Apakah formula untuk kadar gaji dan elaun yang sesuai digunakan?

JAWAPAN:

- a) Kedudukan gaji dan elaun bulanan bagi Menteri Besar, Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (AMMKN) dan Speaker terkini berdasarkan keputusan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor yang ke 38/2014 bertarikh 1 Oktober 2014 dan Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri Selangor (Saraan) bilangan 8 tahun 1980 seperti perincian berikut :

- (i) Menteri Besar

NO.	PERKARA	RM
1.	Gaji	29,250.00
2.	Elaun Ahli Dewan Negeri	11,250.00
3.	Elaun Keraian Ahli Dewan Negeri	500.00
4.	Elaun Khas Ahli Dewan Negeri	1,500.00
5.	Elaun Kediaman Rasmi	4,000.00
6.	Elaun Pengerusi Jawatankuasa Tetap	6,500.00
7.	Elaun Pembantu Rumah dan Tukang Kebun	3,000.00
8.	Bayaran Balik Telefon	1,000.00
9.	Elaun Keraian Menteri Besar	5,500.00
JUMLAH		62,500.00

(ii) Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (AMMKN)

NO.	PERKARA	RM
1.	Gaji	20,250.00
2.	Elaun Pengerusi Jawatankuasa Tetap	4,000.00
3.	Elaun Ahli Dewan Negeri	11,250.00
4.	Elaun Keraian Ahli Dewan Negeri	500.00
5.	Elaun Keraian EXCO	1,000.00
6.	Elaun Khas Ahli Dewan Negeri	1,500.00
7.	Elaun Kediaman Rasmi	1,000.00
8.	Tukang Kebun	500.00
9.	Pembantu rumah	500.00
10.	Bayaran Balik Telefon	1,000.00
JUMLAH		41,500.00

(iii) Y.B. Speaker

NO.	PERKARA	RM
1.	Gaji	22,500.00
2.	Elaun Ahli Dewan Negeri	11,250.00
3.	Elaun Keraian Ahli Dewan Negeri	500.00
4.	Elaun Keraian Speaker	1,000.00
5.	Elaun Khas Ahli Dewan Negeri	1,500.00
6.	Elaun Khas Speaker	1,500.00
7.	Elaun Kediaman Rasmi	1,000.00
8.	Pembantu rumah	500.00
9.	Bayaran Balik Telefon	1,000.00
JUMLAH		40,750.00

- b) Formula untuk kadar gaji dan elaun yang digunakan berdasarkan keputusan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor yang ke 38/2014 adalah formula 75% daripada elaun/gaji yang diterima oleh Y.B. Ahli Dewan Negeri dan Anggota Pentadbiran Negeri Sarawak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 Dusun Tua)**

TAJUK : RAWATAN PROSTAT DAN SAKIT TUAN

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan skim atau program rawatan untuk kaum lelaki yang menghadapi masalah prostat dan sakit tuan?
- b) Jumlah pesakit prostat dan sakit tuan yang mendapat rawatan di hospital Kerajaan di Negeri Selangor bagi 3 tahun lepas.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan Skim Kesihatan Lelaki iaitu *Prostate Screening* pada tahun 2015. Skim tersebut diwujudkan khusus bagi kaum lelaki yang menghadapi masalah prostat dan sakit tuan.
- b) Bilangan pesakit yang menjalani pembedahan di hospital KKM Negeri Selangor di bawah disiplin Urologi adalah seperti berikut:-

TAHUN	BILANGAN KES
2011	1352
2012	2248
2013	2292
JUMLAH	5892

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 Rawang)**

TAJUK : PEMBANGUNAN DESA DAN KAMPUNG

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri kepada Bahagian Pembangunan Luar Bandar mengikut pecahan PTD bagi tahun 2007-2014.
- b) Apakah pendekatan Kerajaan Negeri untuk membangunkan kampung-kampung tidak tersusun dan memerlukan naik taraf daripada segi infrastruktur asas seperti jalan dan sebagainya.
- c) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai peruntukan khas untuk menyediakan sistem jalan dan perparitan untuk Kampung Sungai Bakau,Rawang?

JAWAPAN:

- a) Jumlah peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri kepada Bahagian Pembangunan Luar Bandar mengikut pecahan PTD bagi tahun 2007-2014 adalah seperti di **Lampiran**.
- b) Kerajaan Negeri dari dulu hingga kini memberi tumpuan spesifik kepada Pembangunan Desa tidak kira kepada Kampung Baru, Kampung Tersusun, Kampung Bagan atau Kampung Tradisi. Matlamat Kerajaan Negeri secara amnya adalah untuk meningkatkan pendapatan serta taraf ekonomi penduduk desa. Ini sekaligus dapat meningkatkan taraf hidup serta merapatkan jurang ekonomi masyarakat Bandar dan desa.

Pada ketika ini, Kerajaan Negeri Selangor sedang merangka satu dasar iaitu Pembangunan Desa Bersepadu dan Mampan. Ini bertujuan bagi meningkatkan pendapatan penduduk di samping mewujudkan nilai keempunyaan penduduk bagi sesuatu kampung tersebut. Perkara ini masih di peringkat awal di mana segala kajian sedang dilakukan di peringkat akar umbi bagi memastikan segala perjalanan berhubung perkara ini berjalan seperti yang dilaksanakan mengikut perancangan yang telah dibuat.

- c) Kerajaan Negeri ada menyediakan peruntukan khusus tahunan untuk pembangunan infrastruktur kampung Melayu dan kampung tradisi di bawah peruntukan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri yang dikawal selia

oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri. Walau bagaimanapun, tiada peruntukan khas untuk Kampung Sungai Bakau. Selain penyediaan peruntukan khusus tersebut, Kerajaan Negeri juga sedia mempertimbangkan permohonan dari semasa ke semasa sekiranya keperluan pelaksanaan projek pembangunan tersebut adalah mendesak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 Kinrara)**

TAJUK : LOMBONG PASIR

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan pemegang permit bagi lombong-lombong pasir di Daerah Petaling mengikut kawasan DUN.
- b) Nyatakan laporan serta tindakan penguatkuasaan yang telah dilakukan terhadap kegiatan lombong pasir haram di daerah Petaling sejak tahun 2008.
- c) Nyatakan garis panduan bagi memastikan kegiatan lombong pasir tidak akan menjejaskan alam sekitar.

JAWAPAN:

- a) Adalah dimaklumkan bahawa tiada sebarang aktiviti perlombongan pasir yang pernah direkodkan di Daerah Petaling. Oleh yang demikian Pentadbiran ini tidak menerima sebarang permohonan dan tidak pernah mengeluarkan sebarang permit bagi lombong-lombong pasir di mana-mana kawasan DUN Daerah Petaling. Walau bagaimanapun, sehingga kini pentadbiran hanya menerima dan memproses permohonan simpanan *stockpile* pasir di atas tanah hakmilik.
- b) Pejabat Tanah dan Daerah Petaling tidak pernah melaksanakan sebarang tindakan penguatkuasaan berkaitan kegiatan lombong pasir haram memandangkan tiada aktiviti melombong pasir yang pernah direkodkan di Daerah Petaling.
- c) Soalan ini perlu dirujuk kepada Pejabat Tanah Dan Galian Selangor (PTGS).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 Dengkil)**

TAJUK : PUSAT REKREASI AIR TERJUN

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan pusat rekreasi air terjun yang terdapat di Selangor?
- b) Apakah usaha kerajaan negeri untuk memastikan kawasan rekreasi air terjun kekal bersih dan selamat?

JAWAPAN:

a) Senarai Pusat Rekreasi Air Terjun yang berdaftar di Negeri Selangor antaranya adalah seperti berikut:-

- i) Taman Rimba Ampang
- ii) Hutan Rekreasi Sungai Congkak
- iii) Air Terjun Sungai Tekala
- iv) Air Terjun Sungai Pangsun
- v) Air Terjun Sungai Gabai
- vi) Air Terjun Templer Park
- vii) Air Terjun Batu Asah
- viii) Hutan Rekreasi Sungai Tua
- ix) Hutan Rekreasi Bukit Lagong
- x) Hutan Rekreasi Kanching
- xi) Air Terjun Sungai Pisang
- xii) Hutan Rekreasi Sungai Kedondong
- xiii) Air Terjun Semangkuk
- xiv) Air Terjun Sungai Sendat
- xv) Air Terjun Sungai Chilling

b) Pelbagai usaha telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan kawasan rekreasi air terjun di Negeri Selangor terus kekal bersih dan selamat di antaranya adalah seperti berikut:

i. Kerjasama Agensi Kerajaan

1. Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS)

JPNS menyelia dan mengawal sebahagian besar Pusat Rekreasi Air Terjun di Negeri Selangor di bawah pentadbirannya. Kakitangan JPNS sentiasa membuat lawatan serta pemeriksaan dan

memaklumkan kepada Kerajaan Negeri sekiranya terdapat sebarang ancaman atau kerosakan yang boleh mendatangkan bahaya kepada pengunjung.

Bukan sekadar itu, JPNS telah menyelia kawasan tersebut dengan baik dan sentiasa memastikan aspek kebersihan di kawasan tersebut dipatuhi.

2. **Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS)**

JAS dan JKNS telah memberikan komitmen serta kerjasama yang baik kepada Kerajaan Negeri dengan memaklumkan sekiranya terdapat ancaman penyakit atau kualiti air yang tidak baik yang boleh menjejaskan keselamatan dan kesihatan kepada pengunjung melalui pemeriksaan kualiti air secara berkala terutama apabila mendapat makluman tentang ancaman penyakit vektor seperti penyakit kencing tikus. Sehingga hari ini penularan penyakit ini di Pusat Rekreasi Air Terjun dapat dibendung dengan baik hasil kerjasama yang berterusan daripada semua pihak.

ii. **Kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan**

Melalui penyelenggaraan dan pemeriksaan berkala seperti yang dilaksanakan oleh JPNS.

iii. **Kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO)**

Kerjasama bersama dengan Pertubuhan Pencinta Air Terjun Selangor. Pelbagai kempen dilaksanakan serta peruntukan sebanyak RM25,000.00 diberikan untuk menjalankan pelbagai program.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 Lembah Jaya)**

TAJUK : PPAS

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kenapakah kerajaan mengambil masa yang terlalu lama untuk menaiktaraf PPAS Lembah Jaya Selatan.
- b) Senaraikan nama-nama kontraktor serta jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan bagi membaikpulih perpustakaan tersebut.
- c) Bilakah ianya akan dibuka.

JAWAPAN:

a)

PENJENAMAAN SEMULA BANGUNAN-BANGUNAN PERPUSTAKAAN.

Perpustakaan kini telah ditransformasikan menjadi hub ilmunan, hub pendidikan dan pusat tumpuan komuniti (*community centric*) dengan konsep Penjenamaan Semula Perpustakaan (*rebranding*) dan Perpustakaan sebagai Rumah Kedua Ku (*Library My Second Home*).

Matlamat utama adalah bagi membantu kerajaan mengurangkan kadar jenayah dan gejala sosial. Bermula pada tahun 2009, bangunan-bangunan perpustakaan mula dijenamakan, dengan konsep yang lebih menarik melibatkan:-

1. Buku-buku dan bahan penyelidikan terkini(termasuk pembangunan koleksi bahasa cina dan tamil di sebahagian perpustakaan yang dijenama semula)
2. Infrastruktur
3. Ruang bacaan yang lebih santai
4. Perabot yang serba moden
5. Perkhidmatan multimedia
6. Internet dan wifi percuma,
7. Pusat siber rakyat,
8. Kemudahan kafeteria dan surau serta tandas yang bersih.

Perpustakaan Desa Lembah Jaya adalah perpustakaan yang dibaikpulih dengan konsep penjenamaan semula (*rebranding*) dan telah berjaya menjadikan lebih ramai masyarakat berminat untuk menuntut ilmu.

Bangunan ini merupakan salah sebuah pusat perkhidmatan desa yang telah mula beroperasi sejak tahun 2005. Bangunan ini terletak didalam kawasan masjid di Kg Lembah Jaya. Keadaan perpustakaan ini uzur dan memerlukan penambahbaikan luaran dan dalaman. Perpustakaan ini telah disenaraikan dalam Projek Perpustakaan yang dibiayai oleh Kumpulan Perangsang Selangor Berhad bagi yang memenuhi konsep *Rebranding PPAS*.

Kerja-kerja pengubahsuaian di bangunan perpustakaan Desa Lembah Jaya, Ampang, Selangor bermula pada 25 Mac 2013 dan telah disiapkan dalam yang ditempoth ditetapkan serta mengikut spesifikasi kerja yang telah dinyatakan dalam tawaran sebutharga dan telah siap proses pengubahsuaian pada 13 November 2013.

Malangnya, pada 21 Januari 2014 telah berlaku kecurian (*kuprum*) yang menyebabkan 7 unit (2.0 HP) di Perpustakaan tersebut rosak. Pihak PPAS telah membuat laporan Polis dan PPAS telah menggantikan penghawa dingin yang baru bagi memastikan ruang perpustakaan dapat digunakan dengan selesa.

- b) Nama kontraktor bagi projek Kerja-kerja Pengubahsuaian di Bangunan Perpustakaan Desa Lembah Jaya, Ampang iaitu Teknokrat Teguh Construction, No.8, Tingkat Bawah, Blok 4, Jalan 13/7, Pusat Perniagaan Worldwide, 40675 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Kerja-kerja Pengubahsuaian Di Bangunan Perpustakaan Desa Lembah Jaya, Ampang, Selangor dengan Kos RM 97,069.22 (Ringgit Malaysia: Sembilan Puluh Tujuh Ribu Enam Puluh Sembilan dan Dua Puluh Dua Sen Sahaja)

Kerja-kerja pengubahsuaian di bangunan perpustakaan Desa Lembah Jaya, Ampang, Selangor telah bermula pada 25 Mac 2013 dan telah siap pada 13 November 2013 menyiapkan kerja dalam yang ditempoth yang ditetapkan serta mengikut spesifikasi kerja.

- c) Pada 2 September 2014 (Isnin), Perpustakaan Desa Lembah Jaya telah dibuka kepada orang ramai. Pengunjung perpustakaan boleh membuat proses keahlian dan pinjaman serta perlbagai aktiviti dijalankan sempena cuti sekolah.


Berikut adalah statistik keahlian & pengguna terhadap kemudahan perpustakaan di Perpustakaan Desa Lembah Jaya:-

Perkara	Tahun 2014 (September-Oktober)
Keahlian Baru	30 Orang
Pinjaman Buku	302 naskah
Pengunjung	519 Orang

Aktiviti yang dijalankan sepanjang Pembukaan Perpustakaan tersebut:-

1. Finger puppet
2. Bola beracun
3. Story telling (*Semut Nabi Sulaiman A.S*)
4. Mari Bercerita (*Bercakap Benar*)
5. Permainan Dam Haji
6. Origami

Berikut adalah gambar keadaan di Perpustakaan Desa Lembah Jaya, Ampang:-







**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 Batu Tiga)**

TAJUK : PEMANTAUAN PEMBANGUNAN RUMAH KOS RENDAH

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah mekanisme LPHS untuk memantau pembangunan rumah kos rendah agar ia dibina menurut tempoh yang telah ditetapkan?
- b) Mohon disenaraikan kawasan-kawasan pembinaan rumah kos rendah yang sedang dalam pembinaan dan yang akan dibina serta tarikh-tarikh siapnya.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, LPHS telah mengenal pasti sebanyak 48,645 unit Rumah Kos Rendah yang belum dibina secara keseluruhannya di Negeri Selangor sejak tahun 1990-an sehingga kini. Bagi mengatasi permasalahan tersebut, LPHS telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan satu jawatankuasa '*task force*' yang dikenali sebagai Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Rumah Kos Rendah / Rumah Kos Sederhana Rendah / Rumah Kos Sederhana yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 35 / 2013 bertarikh 13 November 2013. Keahlian Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

Pengerusi : Pengarah Eksekutif LPHS

Ahli –Ahli : 1) Wakil Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS)
2) Wakil Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor (JPBD)
3) Wakil Pejabat EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar
4) Wakil Pejabat Daerah dan Tanah berkaitan
6) Wakil Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan

Urusetia : Bahagian Pembangunan LPHS

Selain bertindak sebagai Jawatankuasa Pemantauan, ia juga bertindak sebagai '*one stop agency*' bagi membantu pemaju dalam menyelesaikan isu-isu berkenaan pembangunan rumah harga kawalan, pemudahcara kepada permohonan kelulusan di peringkat PBT dan memberi syor untuk meminda kepada syarat Rumah Selangorku (bagi pemaju yang masih belum membangunkan rumah-rumah harga kawalan).

Bagi memastikan pemaju-pemaju membina Rumah-Rumah Selangorku termasuk Rumah Selangorku Jenis A (Rumah Kos Rendah) sebagaimana yang telah ditetapkan, LPHS telah menetapkan kaedah kawalan seperti berikut:

- i) Rumah Selangorku perlu dibina terlebih dahulu atau bersekali dengan pembangunan jenis lain dan PBT tidak dibenarkan meluluskan Kebenaran Merancang (KM) bagi fasa lain / kos bebas selagi sekurang-kurangnya sebahagian daripada Rumah Selangorku tidak dibina.
 - ii) Pembinaan Rumah Selangorku diletakkan di Fasa Awal Pembangunan
 - iii) Memasukkan syarat nyata tanah sebagai 'Rumah Selangorku' di dalam suratan hak milik tanah.
 - iv) Pemaju disyaratkan untuk membina Rumah Selangorku dalam tempoh 2 tahun dari tarikh kelulusan MMKN dan Kebenaran Merancang oleh PBT dan sekiranya pemaju gagal memulakan kerja-kerja pembinaan dalam tempoh 2 tahun daripada kelulusan tersebut ianya akan tarik balik.
 - v) Denda sebanyak 10% dari harga jualan rumah (harga jualan pada Perjanjian Jual Beli) sekiranya pemaju gagal mendapatkan senarai nama pembeli daripada LPHS
- b) Sebanyak enam (6) projek Rumah Kos Rendah dengan jumlah keseluruhan sebanyak 1,905 unit yang sedang dan yang akan dibina berdasarkan kepada pendaftaran yang diterima oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) melalui Sistem Pendaftaran Pemaju sehingga 15 November 2015 adalah seperti berikut:

PBT	Pemaju	Mukim / Daerah	Unit	Jangka Masa Siap
MP Sepang	Plenitude Permai Sdn. Bhd.	Mukim Dengkil, Daerah Sepang	448	2016
	Permatanah Sdn. Bhd.	Mukim Dengkil, Daerah Sepang	244	2016
	Pilihan Teraju, Sdn. Bhd.	Mukim Dengkil, Daerah Sepang	120	2017
MBSA	Hicom Gamuda Sdn. Bhd.	Mukim Klang, Daerah Klang	183	2017
	Bandar Setia Alam Sdn. Bhd. (SP Setia Berhad)	Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling	650	2016
MPS	Ratus Bayan	Mukim Batu, Daerah Gombak	260	2017
JUMLAH			1,905	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 Teratai)**

TAJUK : PENUBUHAN INSTITUT KAJIAN DAN PENYELIDIKAN SELANGOR

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Selangor bercadang untuk menubuhkan Institut Kajian dan Penyelidikan Selangor?
- b) Sila kemukakan laporan terkini yang telah dijalankan atas kepuasan penduduk terhadap prestasi Kerajaan Selangor mengikut setiap DUN.

JAWAPAN:

- a) Cadangan untuk menubuhkan Institut Kajian dan Penyelidikan Selangor sedang diteliti secara terperinci bagi membolehkan ia ditubuhkan dengan mempunyai matlamat di mana ianya dapat menjadikan Negeri Selangor satu pusat penyelidikan yang menawarkan perkhidmatan penyelidikan profesional yang komprehensif dengan memberi input yang berharga kepada Negeri dan Negara.

Jika pun ditubuhkan institut ini mestilah berupaya untuk memberi sumbangan dan buah fikiran yang bermakna dalam merangka dan mencadangkan polisi baru kepada kerajaan negeri.

- b) Kerajaan Negeri telah melantik Merdeka Center for Opinion Research untuk membuat kajian kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan PBT di negeri Selangor. Hanya lapan (8) PBT sahaja yang terlibat dalam kajian tersebut. Laporan bagi siri pertama yang telah dijalankan oleh pihak perunding mengikut setiap DUN adalah seperti di **Lampiran 1**.

Kesimpulan yang dapat dibuat hasil daripada laporan seperti di Lampiran 1 ialah tiga (3) isu tumpuan utama perlu diberi penekanan iaitu kekurangan dalam penyelenggaraan infrastruktur awam, masalah jenayah serta keselamatan awam dan masalah pengurusan sampah serta kebersihan. Setiap PBT perlu meningkatkan lagi prestasi perkhidmatan PBT dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

LAPORAN KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN TERHADAP PERKHIDMATAN PBT DI NEGERI SELANGOR

MAJLIS / DUN	KUTIPAN SAMPAH TIDAK MENGIKUT JADUAL	PERPARITAN DAN LONGKANG YANG TERSUMBAT	JALAN RAYA YANG BERLUBANG / TIDAK DISELENGGARA	PERSEKITARAN YANG TIDAK BERSIH	KESESAKAN LALU LINTAS / JALAN RAYA	MASALAH PENDATANG / WARGA ASING	MASALAH JENAYAH / SOSIAL
MPS							
Kuang	x	x	x			x	x
Rawang	x	x	x	x	x	x	x
Taman Templer	x	x	x	x	x	x	x
Batu Caves	x	x	x	x	x	x	x
Gombak Setia	x	x	x		x	x	x
Bukit Lanjan	x		x	x			x
PayaJaras		x	x		x	x	x
Lain-lain : Anjing liar berkeliaran, pokok-pokok tidak ditebang, tekanan air rendah, kemudahan asas tidak mencukupi, lori haram kerapkeluar masuk kawasan perumahan, pengangkutan awam sukardidapati, banjir selepas hujan, masalah denggi							
MPK							
Meru	x	x	x	x	x	x	x
Sementa	x	x	x	x	x	x	x
Sungai Pinang	x	x	x	x	x	x	x
Selat Kelang	x	x	x	x	x	x	x
Pelabuhan Klang	x	x	x	x		x	x
Pandamaran	x	x	x	x	x	x	x
Kota Alam Shah	x	x	x	x	x		x
Seri Andalas	x	x	x	x	x	x	x
Lain-lain : Anjing liar berkeliaran, rumah terbenakal tidak diuruskan, pembuangan asid dari kilang, kurang kemudahan awam, masalah denggi, banjir kilat, pembakaran terbuka, premis haram, tekanan air rendah, pokok besar tidak ditebang							

MAJLIS / DUN	KUTIPAN SAMPAH TIDAK MENGIKUT JADUAL	PERPARITAN DAN LONGKANG YANG TERSUMBAT	JALAN RAYA YANG BERLUBANG / TIDAK DISELENGGARA	PERSEKITARAN YANG TIDAK BERSIH	KESESAKAN LALU LINTAS / JALAN RAYA	MASALAH PENDATANG / WARGA ASING	MASALAH JENAYAH / SOSIAL
MBSA							
Batu Tiga	x	x	x	x		x	x
Kota Anggerik	x	x	x	x	x	x	x
Paya Jaras	x	x	x	x	x	x	x
Kota Damansara	x	x	x	x		x	x
Seri Muda	x	x	x	x		x	x
Lain-lain :- Masalah denggi, banjir selepas hujan, kekurangan tempat letak kereta, pencemaran udara di kilang, pengiklanan haram, vandalisme, kekurangan pengangkutan awam, pembakaran terbuka							
MPSJ							
Seri Kembangan	x	x	x	x	x		x
Seri Serdang	x	x	x	x	x	x	x
Kinrara	x	x	x	x	x	x	x
Subang Jaya	x	x	x	x	x	x	x
Lain-lain :- Masalah banjir lumpur, kekurangan kenderaan awam, kekurangan tempat letak kereta, masalah banjir liar, banjir selepas hujan, masalah lombong yang banyak sampah sarap, kewujudan tempat siber yang tidak berlesen, masalah denggi, masalah bekalan air							
MPKJ							
Dusun Tua	x	x	x	x	x	x	x
Semenyih	x	x	x	x	x	x	x
Kajang	x	x	x	x	x	x	x
Bangi	x	x	x	x		x	x
Lain-lain :- Pembakaran terbuka, perlunya menambah baik dalam sistem pengangkutan, masalah banjir liar, banjir, aktiviti mengorek pasir yang tidak terkawal di kawasan sungai berhampiran kampung, vandalisme							

MAJLIS / DUN	KUTIPAN SAMPAH TIDAK MENGIKUT JADUAL	PERPARITAN DAN LONGKANG YANG TERSUMBAT	JALAN RAYA YANG BERLUBANG / TIDAK DISELENGGARA	PERSEKITARAN YANG TIDAK BERSIH	KESESAKAN LALU LINTAS / JALAN RAYA	MASALAH PENDATANG / WARGA ASING	MASALAH JENAYAH / SOSIAL
MBPJ							
Seri Setia	x	x	x	x	x	x	x
Taman Medan	x	x	x	x	x	x	x
Bukit Gasing	x	x	x	x	x	x	x
KampungTu nku	x	x	x	x	x	x	x
Damansara Utama	x	x	x	x	x	x	x
Bukit Lanjan	x	x	x	x	x	x	x
Kota Damansara	x	x	x	x	x	x	x
Lain-lain :- Masalahanjing liar, masalahdenggi, masalahbekalan air, tong sampahtidakmencukupi, kurangperkhidmatan bas, masalahtempatletakkereta, pembakaranterbuka							
MPAJ							
Hulu Kelang	x	x	x	x	x	x	x
Chempaka	x	x	x	x	x	x	x
Teratai	x	x	x	x	x	x	x
Lain-lain :- Tempatletakkeretatidakmencukupi, masalahpengangkutanawam, masalahanjing liar, gangguanbekalan air, masalahdenggi, kerapberlakubanjir, masalahtempatletakkereta							
MPSp							x
TanjongSep at	x	x	x	x			x
Dengkil	x	x	x	x	x	x	x
Sungai Pelek	x	x	x	x	x	x	x
Lain-lain :- Masalah anjing liar, kekurangan kemudahan awam, masalah denggi, masalah bekalan air, pembakaran terbuka, Masalah pencemaran udara, masalah banjir, lori pasir yang kerap lalu-lalang mengganggu penduduk							

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 Sungai Air Tawar)**

TAJUK : SEKOLAH TAHFIZ SAINS BAGAN TERAP, SABAK BERNAM

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa peruntukan kerajaan negeri untuk membaikpulih bangunan sedia ada ?
- b) Berapa jumlah pelajar yang ada sekarang ?
- c) Berapa sumbangan daripada kerajaan negeri kepada setiap pelajar ?

JAWAPAN:

- a) Peruntukan kerajaan negeri untuk membaikpulih sebanyak RM3.8 juta.
- b) 142 orang pelajar.
- c) Kerajaan Negeri hanya menanggung kos makanan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 Gombak Setia)**

TAJUK : BANTUAN JKM

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pihak Kerajaan mengkaji untuk menaikkan bantuan Jabatan Kemajuan Masyarakat (JKM) kepada tahap yang munasabah dengan kadar kemiskinan bandar.

JAWAPAN:

- a) Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mencadangkan kepada kerajaan negeri untuk menaikkan kadar bantuan Am daripada RM 75.00 sehingga RM 175.00 sebulan kepada RM300.00 sebulan mulai Januari 2015. Keperluan kenaikan kadar tersebut di atas dasar berikut:

- 1) Peningkatan kos sara hidup.
- 2) Kadar Bantuan Am telah diguna pakai sejak sekian lama dan masih belum dikaji berbanding Bantuan Persekutuan yang telah dikaji beberapa kali.

Peratusan kenaikan kadar bantuan antara 71.43% hingga 200 % Pecahan adalah seperti berikut:

KADAR BANTUAN AM SEDIA ADA	KENAIKAN BARU	PERATUS
RM 100.00	RM 300.00	200
RM150.00	RM 300.00	100
RM 175.00	RM 300.00	71.43

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 Kota Anggerik)**

TAJUK : STADIUM SHAH ALAM

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Stadium Shah Alam, samada Stadium Melawati dan Stadium Bola Sepak kian usang. Apakah rancangan Kerajaan untuk memperbaiki Stadium ini ?
- b) Berapa kos yang diperuntukkan ?
- c) Bila dijangkakan siap untuk kerja-kerja membaikpulih stadium ini ?

JAWAPAN:

- a) Satu pemeriksaan audit telah dijalankan oleh pihak JKR Negeri Selangor ke atas Stadium Shah Alam dan Stadium Malawati pada 8 hingga 11 Oktober 2013. Pemeriksaan ini dilaksanakan selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 26/2013 pada 4 September 2013 yang telah memutuskan Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor menjalankan pemeriksaan ke atas dua (2) buah stadium iaitu Stadium Shah Alam dan Stadium Malawati supaya segala kecacatan / kerosakan dapat dikenalpasti dan dibaiki untuk menjamin keselamatan dan kebolehfungsian fasiliti bangunan yang berkenaan.

Jadual dibawah menunjukkan penemuan kerosakan untuk kedua-dua buah stadium.

Jadual 1 : Penemuan kerosakan di Stadium Shah Alam

Bil	Disiplin	Jumlah Penemuan Kerosakan	
		Isu Keselamatan	Isu Kefungsian
1.	Senibina	3	31
2.	Awam dan Struktur	-	3
3.	Elektrik	7	2
4.	Mekanikal	6	2
	Jumlah	16	38
	Jumlah Besar	54	

Jadual 2 : Penemuan Kerosakan di Stadium Malawati

Bil	Disiplin	Jumlah Penemuan Kerosakan	
		Isu Keselamatan	Isu Kefungsian
1.	Senibina	3	28
2.	Awam dan Struktur	-	4
3.	Elektrik	6	-
4.	Mekanikal	7	2
	Jumlah	16	34
	Jumlah Besar	50	

Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan untuk membaikpulih Stadium Shah Alam dan Stadium Malawati secara berperingkat seperti berikut :

- i. Menaiktaraf Stadium Shah Alam dengan anggaran sebanyak **RM2,328,300.00** seperti berikut:

Bil	Perkara	Jumlah (RM)
1.	Tandas	692,000.00
2.	Bumbung Stadium	656,000.00
3.	Pembaikan Genset	546,300.00
4.	Peralatan Siaraya	434,000.00
	Jumlah Keseluruhan	2,328,300.00

Kerja-kerja membaikpulih Stadium Shah Alam seperti di atas telah siap sepenuhnya kecuali pembaikan genset yang dilaksanakan pada masa kini.

- ii. Sebagaimana keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) bertarikh 3 April 2013 UPEN telah bersetuju untuk membiayai kos modal sebanyak **RM 3,532,280.00** bagi Kerja-Kerja Mengecat, Membaikpulih Salur Air Bumbung, Tangki Air dan Kumbahan Tandas / Bilik Persalinan dan Membaikpulih Sistem Hawa Dingin di Stadium Malawati, Seksyen 13, Shah Alam.

Kerja-kerja membaikpulih Stadium Malawati seperti di atas masih dalam penyediaan senarai kuantiti untuk proses tender dan dijangka akan dilaksanakan pada taun 2015.

- b) Jumlah anggaran kos yang dianggarkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya untuk membaikpulih Stadium Shah Alam ialah sebanyak **RM153,016,320.00** dan Stadium Malawati ialah **RM43,391,050.00**. Pecahannya adalah seperti jadual dibawah:

Jadual 3 : Jumlah Anggaran Kos Membaikpulih Stadium Shah Alam

Bil	Disiplin	Anggaran Kos (RM)	
		Isu Keselamatan	Isu Kefungsian
1.	Senibina	47,720,840.00	49,477,160.00
2.	Awam dan Struktur	-	824,000.00
3.	Elektrik	15,800,000.00	6,000,000.00
4.	Mekanikal	32,846,320.00	348,000.00
	Jumlah	96,367,160.00	56,649,160.00
	Jumlah Besar	153,016,320.00	

Jadual 4 : Jumlah Anggaran Kos Membaikpulih Stadium Malawati

Bil	Disiplin	Anggaran Kos (RM)	
		Isu Keselamatan	Isu Kefungsian
1.	Senibina	3,533,000.00	15,197,000.00
2.	Awam dan Struktur	-	551,000.00
3.	Elektrik	360,000.00	-
4.	Mekanikal	23,410,050.00	340,000.00
	Jumlah	27,303,050.00	16,088,000.00
	Jumlah Besar	43,391,050.00	

- c) Jika sekiranya syor pembaikan kedua-dua Stadium tersebut dipersetujui dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri, tempoh masa yang diperlukan untuk kerja-kerja membaikpulih Stadium Shah Alam adalah dalam tempoh 24 bulan dan Stadium Malawati dalam tempoh 18 bulan seperti di jadual di bawah:

Jadual 5 : Tempoh Yang Diperlukan Untuk Membaikpulih Stadium Shah Alam

Bil	Disiplin	Tempoh / Masa
1.	Senibina	24 bulan
2.	Awam dan Struktur	12 bulan
3.	Elektrik	12 bulan
4.	Mekanikal	18 bulan
	Jumlah	24 bulan

Jadual 6 : Tempoh Yang Diperlukan Untuk Membaikpulih Stadium Malawati

Bil	Disiplin	Tempoh/ Masa
1.	Senibina	12 bulan
2.	Awam dan Struktur	12 bulan
3.	Elektrik	06 bulan
4.	Mekanikal	18 bulan
	Jumlah	18 bulan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 Sekinchan)**

TAJUK : KOMPLEKS LKIM KUALA SELANGOR

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah status terkini kompleks tersebut ?
- b) Sila huraikan setakat manakah pencapaian matlamat Kompleks LKIM ini seperti yang dirancang ?
- c) Sila nyatakan apakah punca utama yang menyebabkan aktiviti pendaratan ikan masih gagal dijalankan ?

JAWAPAN:

- a) Kompleks Pendaratan Ikan LKIM telah siap sepenuhnya pada 2 Mei 2014, walau bagaimanapun sehingga kini pihak kami masih menunggu kelulusan Sijil Kebenaran Menduduki (CF) daripada Pejabat Tanah Daerah Kuala Selangor.
- b) Setakat ni belum ada kerja-kerja pendaratan ikan dilakukan. Ini kerana pihak LKIM tidak membuka operasi pendaratan ikan yang melibatkan aktiviti orang awam sehingga Sijil Kelayakan Menduduki diterima daripada pihak Pejabat Tanah Daerah. Walau bagaimanapun, kami telah menempatkan Pejabat Persatuan Nelayan Kawasan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Daerah di bangunan Kompleks LKIM tersebut.
- c) Aktiviti pendaratan masih belum gagal dijalankan kerana operasi pendaratan kepada bot-bot nelayan/orang awam belum bermula kerana pihak LKIM belum mendapat Sijil Kelulusan Menduduki daripada Pejabat Tanah & Daerah Kuala Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 Semenyih)**

TAJUK : PENGUATKUASAAN PAPAN IKLAN

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prosedur permohonan papan iklan rumah kedai?
- b) Apakah spesifikasi papan iklan yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri?
- c) Apakah tindakan kerajaan negeri sekiranya papan iklan yang dipasang tidak mengikut spesifikasi?

JAWAPAN:

- a) Bagi permohonan lesen papan iklan rumah kedai, pemohon perlu mengisi borang permohonan iklan dan disertakan dokumen-dokumen seperti di bawah :
 - i. Satu salinan ROB (Borang A dan D) atau ROC (Borang 9 dan 49 atau 13 jika ada) atau pendaftar Pertubuhan
 - ii. Satu salinan lakaran iklan yang lengkap dan dibuat melalui komputer/visual iklan;
 - iii. Sekeping gambar lokasi pemasangan papan iklan ;
 - iv. Satu salinan Sijil Layak Menduduki Bangunan (CF).
 - v. Surat kebenaran jiran jika terdapat iklan 2 muka disisi / tepi premis bangunan (jika berkenaan).
 - vi. Penggunaan Bahasa Kebangsaan dan penggunaan visual juga akan dinilai di mana menjadi salah satu keperluan berdasarkan Undang-Undang Kecil Iklan 2007.
- b) Spesifikasi papan iklan adalah mengikut syarat-syarat visual iklan Undang-Undang Kecil Iklan (2007) seperti berikut :
 - i. Bahasa Kebangsaan/ Melayu hendaklah digunakan dalam semua iklan sama ada secara sendiri atau dengan mana-mana bahasa lain **(Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil);**
 - ii. Jika bahasa Kebangsaan/ Melayu digunakan bersama dengan bahasa lain (Bahasa Inggeris, Mandarin dan Bahasa Tamil) dalam sesuatu iklan, perkataan dalam bahasa kebangsaan hendaklah **30% lebih besar** daripada bahasa lain tersebut dan diutamakan dari segi kedudukan;

- iii. Penggunaan tulisan bahasa asing yang lain selain daripada Bahasa Inggeris, Mandarin dan Tamil adalah **tidak dibenarkan sama sekali**. Penggunaan tulisan Jawi adalah digalakkan;
 - iv. Bahasa dalam iklan tersebut hendaklah menggunakan nahu yang betul. Pengusaha/ pemohon perlu mendapatkan pengesahan penggunaan bahasa bagi visual iklan dari Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP);
 - v. Pengusaha/ pemohon dikehendaki melampirkan lakaran lokasi pemasangan papan iklan mengikut pelan lokasi yang dinyatakan;
 - vi. Maklumat papan iklan hendaklah dilengkapkan dengan maklumat-maklumat seperti ukuran papan iklan, ukuran perkataan serta nyatakan samada ianya bercahaya atau tidak bercahaya;
 - vii. Pengusaha/ pemohon dikehendaki menyediakan ruangan untuk mempamerkan nombor rujukan kelulusan papan iklan di sebelah bawah, penjuru kanan;
 - viii. Papan iklan yang dipasang menghalang **struktur bertingkap dan berkaca adalah tidak dibenarkan**;
 - ix. Papan iklan yang dipasang mestilah **tidak melepasi bumbung bangunan**;
 - x. Struktur iklan hendaklah mendapatkan kelulusan Jurutera bertauliah @ berdaftar; dan
 - xi. Pemohon tertakluk kepada Undang- Undang Kecil Iklan PBT.
- c) Sekiranya papan iklan yang tidak mengikut spesifikasi , notis pematuhan akan dikeluarkan untuk memastikan pemohon membuat pembetulan. Sekiranya pemohon walaupun telah menerima notis, tindakan penurunan iklan akan diambil seperti yang termaktub dalam Undang- Undang Kecil Iklan PBT masing- masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 Selat Klang)**

**TAJUK : PELAN KOMPREHENSIF BESERTA PERUNTUKAN MENCUKUPI SISTEM
PENGALIRAN DAN SALIRAN DI DUN SELAT KLANG**

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandang kawasan Selat Klang lebih rendah daripada paras laut, apakah pelan komprehensif bagi mengurangkan risiko banjir kilat? Adakah ia mengambilkira maklum balas serta pengalaman penduduk setempat?
- b) Berapakah kos yang terlibat?
- c) Apakah faktor yang dikenal pasti yang memburukkan risiko untuk banjir berlaku di kawasan tersebut terutama di Jalan Yadi, Kampung Sg. Udang dan Kampung Delek

JAWAPAN:

- a) Secara umumnya, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor telah menyediakan pelan komprehensif bagi mengatasi masalah banjir di dalam Daerah Klang. Pelan komprehensif tersebut dikenali sebagai Pelan Induk Saliran Daerah Klang telah dibangunkan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia dan siap pada tahun 2009 merangkumi beberapa aspek kajian dan perancangan yang perlu dirujuk sebelum sebarang pembangunan dijalankan di dalam Daerah Klang. Rancangan tebatan banjir turut diberi keutamaan dan perhatian di dalam pelan komprehensif tersebut bagi memastikan kelestarian pengurusan banjir perlu dilaksanakan secara konsisten dengan mengambil kira pelan penampan banjir termasuk pengurusan empangan dan saliran yang lebih baik.

Pelan komprehensif tersebut merupakan suatu langkah jangka panjang terhadap masalah banjir di dalam Daerah Klang tetapi projek-projek tebatan banjir jangka pendek kini giat dilaksanakan di seluruh daerah yang turut melibatkan semua agensi kerajaan termasuk Phak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pertahanan Awam (JPAM), polis, pejabat daerah dan lain-lain. Skop pengkhususan yang diberikan kepada Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor adalah berkaitan dengan pembangunan ke atas sistem saliran, pengurusan sungai, pengukuhan benteng

sungai dan pantai dsb. Secara keseluruhannya pelan komprehensif ini turut mengambilkira maklumbalas dan cadangan yang dikemukakan oleh penduduk setempat.

b) Berdasarkan kepada Pelan Induk Saliran Daerah Klang yang disediakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, sebanyak RM96 juta diperlukan untuk mengatasi masalah banjir kilat dengan melaksanakan kerja-kerja tebatan banjir seperti :

- i. menaiktaraf saliran sediaada,
- ii. membina kolam takungan,
- iii. membina kunci air,
- iv. pembinaan lintasan yang bersesuaian dan
- v. pengambilan balik tanah.

c) Faktor utama yang dikenalpasti menyebabkan masalah banjir berlaku adalah disebabkan oleh :

- i. Keadaan sistem perparitan sediaada tidak mampu untuk menampung aliran terutama ketika hujan yang sangat lebat,
- ii. Masalah parit tersumbat dan sebu disebabkan terdapat sampah sarap di dalam longkang-longkang di dalam kawasan Dun Selat Klang terutamanya di Jalan Yadi, Kampung Sungai Udang dan Kampung Delek.
- iii. Terdapat banyak lintasan kecil yang menghalang laluan air yang boleh menyebabkan banjir kilat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 Rawang)**

TAJUK : CARUMAN KUBUR

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah caruman kubur Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2006-2014.
- b) Senaraikan jumlah caruman kubur yang telah disalurkan mengikut pecahan daerah bagi tahun 2006-2014
- c) Senaraikan permohonan dan projek yang telah diluluskan kepada Pejabat Daerah dan Tanah Gombak menggunakan caruman kubur bagi tahun 2008-2014.

JAWAPAN:

- a) Jumlah caruman Akaun Amanah Perkuburan yang dikumpulkan mulai tahun 2006 sehingga tahun 2014 adalah sebanyak **RM 34,710,832.35 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Empat Juta Tujuh Ratus Sepuluh Ribu Lapan Ratus Tiga Puluh Dua dan Sen Tiga Puluh Lima Sahaja)**. Pecahan jumlah kutipan caruman mengikut tahun adalah seperti **Jadual 1** berikut:

Jadual 1:

TAHUN	JUMLAH CARUMAN (RM)
2006	1,478,171.60
2007	1,131,937.50
2008	1,529,226.75
2009	934,549.85
2010	1,406,998.75
2011	4,531,673.05
2012	2,249,985.30
2013	15,998,657.50
2014	5,449,632.05
JUMLAH	34,710,832.35

Perincian adalah seperti di **Lampiran A**.

Perincian jumlah caruman yang disalurkan bagi tahun 2006 hingga 2014 mengikut daerah adalah seperti **Jadual 2** berikut:

Jadual 2:

BIL	DAERAH	JUMLAH CARUMAN (RM)
1	Petaling	4,971,754.75
2	Gombak	2,935,569.25
3	Klang	2,824,492.00
4	Kuala Langat	1,475,986.75
5	Hulu Langat	13,045,220.30
6	Sepang	4,891,942.75
7	Kuala Selangor	788,857.25
8	Hulu Selangor	3,090,948.25
9	Sabak Bernam	686,061.05
JUMLAH		34,710,832.35

(Ruangan ini sengaja dikosongkan)

- b) Jumlah caruman akaun amanah perkuburan yang telah disalurkan kepada semua daerah bagi tahun 2006 hingga 2014 adalah berjumlah **RM17,143,586.00** (Ringgit Malaysia: Tujuh Belas Juta Satu Ratus Empat Puluh Tiga Ribu Lima Ratus Lapan Puluh Enam Sahaja) sebagaimana **Jadual 3** di bawah:

Jadual 3

BIL	DAERAH	JUMLAH (RM)
1	Petaling	4,640,370.00
2	Gombak	2,710,797.00
3	Klang	4,028,939.75
4	Kuala Langat	1,025,269.25
5	Hulu Langat	4,044,504.00
6	Sepang	39,792.00
7	Kuala Selangor	112,919.00
8	Hulu Selangor	503,995.00
9	Sabak Bernam	37,000.00
JUMLAH		17,143,586.00

Perincian adalah seperti di **Lampiran B**.

- c) Jawatankuasa Akaun Amanah Perkuburan menerima permohonan peruntukan projek dan program melalui Akaun Amanah Perkuburan daripada daerah Gombak mulai tahun 2014.

Kerajaan Negeri telah meluluskan permohonan berjumlah **RM2,047,135.00 (Ringgit Malaysia: Dua Juta Empat Puluh Tujuh Ribu Satu Ratus Tiga Puluh Lima Sahaja)** untuk menampung pelaksanaan **18** buah projek pembangunan kawasan perkuburan di daerah Gombak pada tahun 2014 dan senarai projek adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA	JUMLAH (RM)
1	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Pembaikan Di Kawasan Perkuburan Islam Bukit Lagong (Masjid Al-Mutaqqin) Mukim Batu	48,840.00
2	Cadangan Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Kawasan Perkuburan Islam Bukit Lagong Taman Ehsan Kepong Mukim Batu	116,210.00
3	Cadangan Kerja-Kerja Membaikpulih Dan Membina Longkang di Tanah Perkuburan Islam Masjid Country Homes Mukim Rawang 1	142,076.00
4	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Tanah Perkuburan Islam Batu 20, Kuang Mukim Rawang 2	103,810.00
5	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Taraf Tanah Perkuburan Islam Bandar Tasik Puteri Mukim Rawang 2	54,400.00
6	Cadangan Menaiktaraf Jalan Di Tanah Perkuburan Islam Taman Sri Gombak Mukim Setapak	116,250.00
7	Cadangan Kerja-Kerja Menurap Jalan/Laluan Di Tanah Perkuburan Islam Taman Keramat AU1, Keramat Permai Mukim Hulu Kelang	90,494.00

BIL	PERKARA	JUMLAH (RM)
8	Cadangan Kerja-Kerja Menurap Jalan Serta Membekal Dan Memasang Longkang Konkrit Di Tanah Perkuburan Islam Kg Klang Gate	21,615.00
9	Kerja-Kerja Menaiktaraf Kawasan Tanah Perkuburan Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Tanah Perkuburan Cina Sungai Buloh Mukim Batu	200,000.00
10	Kerja-Kerja Menurap Jalan Di Tanah Perkuburan Kwong Hock Rawang	150,000.00
11	Kerja-Kerja Menurap Jalan Di Tanah Perkuburan Cina Kampung Batu Arang	90,000.00
12	Kerja-Kerja Membina Wakaf Dan Menaiktaraf Pagar Di Kawasan Tanah Perkuburan Islam Batu Arang	100,000.00
13	Kerja-Kerja Menaiktaraf Kawasan Tanah Perkuburan Islam Kampung Melayu Seri Kundang Mukim Rawang 2	197,560.00
14	Kerja-Kerja Menaiktaraf Tanah Perkuburan Islam Batu 17 Kuang Mukim Rawang 2	101,300.00
15	Kerja-Kerja Menaiktaraf Tanah Perkuburan Cina Kampung Baru Stesen Mukim Rawang 2	89,300.00
16	Kerja-Kerja Menaiktaraf tanah Perkuburan Cina Kampung Baru Kundang Mukim rawang 2	197,692.00
17	Cadangan Menaiktaraf Jalan Di Tanah Petkuburan Cina Taman Sri Gombak Mukim Setapak	200,000.00
18	Kerja-Kerja Membina Wakaf, Memasang Longkang Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Tanah Perkuburan Islam Kg Klang Gate Mukim Hulu Klang	27,588.00

BIL	PERKARA	JUMLAH (RM)
JUMLAH		2,047,135.00

(Ruang ini sengaja dikosongkan)



LAPORAN CARUMAN AKAUN AMANAH PERKUBURAN (65107) BAGI TAHUN 2006 HINGGA 2014

BIL	DAERAH	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	JUMLAH
1	Petaling	146,062.50	239,578.00	163,250.00	140,187.50	140,512.50	585,906.75	314,177.50	2,983,080.00	259,000.00	4,971,754.75
2	Gombak	481,805.00	164,094.25	393,367.00	116,785.25	114,531.25	152,244.00	254,875.00	976,742.50	281,125.00	2,935,569.25
3	Klang	144,068.00	73,918.75	200,526.50	64,470.00	126,341.75	704,685.00	91,437.50	703,812.50	715,232.00	2,824,492.00
4	Kuala Langat	41,729.50	74,127.00	47,296.25	27,313.00	77,405.75	168,781.25	101,000.00	654,750.00	283,584.00	1,475,986.75
5	Hulu Langat	225,324.85	187,112.00	336,728.75	416,531.35	664,780.75	2,148,906.30	924,250.00	6,210,312.50	1,931,273.80	13,045,220.30
6	Sepang	181,107.00	230,895.50	65,913.50	154,188.75	195,418.25	523,558.00	456,875.00	1,404,738.00	1,833,437.50	4,891,942.75
7	Kuala Selangor	14,531.50	117,249.50	125,468.75	45,937.50	45,937.50	85,706.25	39,325.00	264,499.00	50,202.25	788,857.25
8	Hulu Selangor	204,193.25	15,719.50	8,000.00	49,250.00	15,375.00	27,000.00	20,350.00	2,721,148.00	29,912.50	3,090,948.25
9	Sabak Bernam	39,350.00	29,243.00	188,676.00	74,075.25	26,696.00	134,885.50	47,695.30	79,575.00	65,865.00	686,061.05
JUMLAH		1,478,171.60	1,131,937.50	1,529,226.75	934,549.85	1,406,998.75	4,531,673.05	2,249,985.30	15,998,657.50	5,449,632.05	34,710,832.35

**LAPORAN PENGGUNAAN CARUMAN AKAUN AMANAH PERKUBURAN (65107)
NEGERI SELANGOR MENGIKUT DAERAH BAGI TAHUN 2006 SEHINGGA 2014**

BIL	DAERAH	Tahun									JUMLAH (RM)
		2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	
1	Petaling	-	-	-	-	-	700,000.00	400,000.00	500,000.00	3,040,370.00	4,640,370.00
2	Gombak	-	-	-	-	-	-	-	-	2,710,797.00	2,710,797.00
3	Klang	158,343.75	-	-	1,300,000.00	-	-	-	278,000.00	2,292,596.00	4,028,939.75
4	Kuala Langat	-	31,156.75	-	-	-	-	-	200,000.00	794,112.50	1,025,269.25
5	Hulu Langat	-	-	-	-	-	1,000,000.00	639,800.00	-	2,404,704.00	4,044,504.00
6	Sepang	-	-	-	-	-	-	-	39,792.00	-	39,792.00
7	Kuala Selangor	-	-	-	-	-	-	-	-	112,919.00	112,919.00
8	Hulu Selangor	-	-	-	-	-	-	-	-	503,995.00	503,995.00
9	Sabak Bernam	-	-	-	-	-	-	-	-	37,000.00	37,000.00
JUMLAH		158,343.75	31,156.75	-	1,300,000.00	-	1,700,000.00	1,039,800.00	1,017,792.00	11,896,493.50	17,143,586.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 Pandamaran)**

TAJUK : PENDAFTARAN PENGUNDI-PENGUNDI BARU

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Lebih kurang 800,000 ribu pemuda-pemudi di Negeri Selangor yang belum daftar sebagai pengundi. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa rancangan untuk membantu SPR mendaftarkan pengundi-pengundi baru di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Perlu merujuk kepada Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 Jeram)**

TAJUK : ANJING LIAR

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha kerajaan negeri bagi menangani peningkatan jumlah anjing liar?
- b) Nyatakan tindakan yang telah kerajaan negeri laksanakan dari 2008 hingga 2014 untuk mengurangkan bilangan anjing liar?

JAWAPAN:

a) Dan b)

Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan telah mengambil pelbagai langkah yang komprehensif bagi membasmi anjing liar dari tahun 2008 sehingga 2014. Kerajaan Negeri juga akan mengunapakai **Tatacara Operasi Piawaian** penangkapan dan pelupusan anjing terbiar di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan seperti di **Lampiran A** yang dikeluarkan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT). Antara langkah yang telah diambil adalah seperti di berikut :-

- I. Menjalankan operasi tangkapan anjing terbiar di lokasi-lokasi yang diadakan dan kawasan sekitar dengan penggunaan umpan dan perangkap, sumpitan pelali, penjerut.
- II. Melantik kontraktor bagi penangkapan anjing berkeliaran.
- III. Menubuhkan pasukan kawalan anjing
- IV. Melaksanakan program KEMBIRI melalui sistem pelesenan anjing seperti yang di jalankan oleh MPS
- V. Mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan pelesenan anjing.
- VI. Menguatkuasakan program pemandulan dalam sistem pelesenan anjing.

Sehubungan itu, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri dengan kerjasama PBT telah menetapkan sasaran yang jelas dalam mengatasi masalah pembiakan anjing liar di Negeri Selangor iaitu untuk mengurangkan populasi anjing liar dengan melaksanakan kerja-kerja kawalan secara berterusan serta menguatkuasakan undang-undang



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
NO.51, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8891 5003
Fax : 03-8891 5558

Rujukan Kami : JKT.D.100-1/3/2 Jld. 6(3)

Tarikh : 9 Julai 2014

**PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
BILANGAN 5 TAHUN 2014**

***TATACARA OPERASI PIAWAI (SOP)
PENANGKAPAN DAN PELUPUSAN ANJING TERBIAR
DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN***

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi penjelasan serta panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengenai pengurusan aktiviti penangkapan dan pelupusan anjing terbiar di kawasan PBT.

LATAR BELAKANG

2. Penyediaan SOP ini adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 16 Oktober 2013 dan Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan ke-67 pada 4 Mac 2014 yang

bersetuju supaya diwujudkan satu SOP untuk rujukan agensi pelaksana.

3. SOP ini merangkumi semua aktiviti penangkapan dan pelupusan anjing terbiar di kawasan PBT, Semenanjung Malaysia. Bagi negeri Sabah dan Sarawak penggunaan SOP ini tertakluk kepada penerimaan PBN sebagaimana yang dipersetujui.

4. SOP Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar di Kawasan PBT adalah seperti di Lampiran.

TARIKH KUATKUASA

5. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

PERTANYAAN

6. Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut berhubung Pekeliling ini boleh dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah
Jabatan Kerajaan Tempatan
No. 51, Persiaran Pertama, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
(u.p.: Bahagian Kesihatan Persekitaran)

No. Tel : 03-8891 3300

No. Faks : 03-8891 3098

PENUTUP

7. Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua PBN dan PBT untuk perhatian dan tindakan sewajarnya.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan"

Yang Ikhlas,



(DATO' SERI ARPAH BINTI ABDUL RAZAK)

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan
dan Kerajaan Tempatan.

9 Julai 2014

s.k.

Semua YB. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Datuk Bandar/ Yang Dipertua
Pihak Berkuasa Tempatan

Lampiran Kepada

**Pekeliling Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan
Dan Kerajaan Tempatan**

Bilangan 5 Tahun 2014

**Tatacara Operasi Piawai (SOP) Penangkapan dan Pelupusan
Anjing Terbiar di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan**

Kandungan**Muka Surat**

	SENARAI SINGKATAN	6
	BAHAGIAN I	7
1	Pengenalan	7
2	Objektif	8
3	Tafsiran	8
	BAHAGIAN II	9
4	Prosedur Penangkapan Dan Pelupusan Anjing Terbiar	9
4.1	Aktiviti Kawalan Anjing Terbiar	9
4.2	Penangkapan Anjing	10
4.3	Pengurangan Anjing	13
4.4	Tuntutan Semula Anjing	14
4.5	Pelupusan Anjing	15
4.6	Melapor dan Merekod	16
5	Kesimpulan	17
6	Rujukan	17
	LAMPIRAN	
	Lampiran 1: Borang Aduan Anjing Terbiar	18
	Lampiran 2: Kaedah Penangkapan Anjing Menggunakan Gelung	19
	Lampiran 3: Kaedah Penangkapan Anjing Menggunakan Perangkap	20
	Lampiran 4: Kaedah Penangkapan Anjing Menggunakan Jaring	21
	Lampiran 5: Spesifikasi Ukuran Sangkar Di Dalam Kenderaan	22
	Lampiran 6: Notis Pemberitahuan Penangkapan Anjing Berlesen Yang Terbiar	23
	Lampiran 7: Perkara Yang Dilarang Semasa Menangkap Anjing	24
	Lampiran 8: Spesifikasi Saiz Sangkar Di Dalam Paun	25
	Lampiran 9: Borang Tuntutan Semula Anjing	26
	Lampiran 10: Borang Permohonan Anjing Angkat	27
	Lampiran 11: Laporan Suntikan Anjing Terbiar	28
	Lampiran 12: Carta Alir Aktiviti Penangkapan Dan Pelupusan Anjing Terbiar Di PBT	29

SENARAI SINGKATAN

- JPV : Jabatan Perkhidmatan Veterinar
JKT : Jabatan Kerajaan Tempatan
NGO : Badan Bukan Kerajaan
PAUN: Tempat Kurungan Anjing
PBT : Pihak Berkuasa Tempatan
PBN : Pihak Berkuasa Negeri
PPE : Alat Pelindungan Keselamatan
SOP : Tatacara Operasi Piawai

TATACARA OPERASI PIAWAI (SOP) PENANGKAPAN DAN PELUPUSAN ANJING TERBIAR DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

BAHAGIAN I

1. PENGENALAN

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) telah menyediakan Garis Panduan Penangkapan Dan Pelupusan Anjing Terbiar pada bulan Mei 2008 sebagai rujukan untuk diguna pakai oleh mana-mana jabatan atau agensi yang terlibat dalam aktiviti berkenaan. Garis panduan ini telah diedarkan oleh JPV kepada PBT untuk makluman dan pelaksanaan.

Walau bagaimanapun, kaedah yang dilaksanakan oleh sesetengah PBT tidak memenuhi spesifikasi yang telah ditetapkan dalam garis panduan tersebut. Oleh yang demikian, satu Tatacara Operasi Piawai (SOP) Penangkapan Dan Pelupusan Anjing Terbiar perlu diwujudkan untuk diguna pakai oleh semua PBT di seluruh Malaysia.

Isu berkaitan anjing terbiar seringkali dipaparkan di media massa sejak kebelakangan ini. Kaedah penangkapan dan pelupusan yang digunakan oleh PBT dianggap penganiayaan kepada anjing dan tidak dipersetujui oleh *Non-Government Organisation* (NGO). Sehubungan dengan itu, SOP yang dirangka ini diharap dapat menyelesaikan masalah tersebut dan seterusnya membantu PBT dalam menjalankan operasi dengan lebih berkesan dan tanpa penganiayaan kepada haiwan.

2. OBJEKTIF

- 2.1 Memastikan mewujudkan keseragaman Tatacara Operasi Piawai(SOP) dalam aktiviti penangkapan dan pelupusan anjing terbiar di kawasan PBT seluruh Malaysia
- 2.2 Memastikan kaedah penangkapan dan pelupusan anjing terbiar tanpa ada penganiayaan kepada haiwan.

3. TAFSIRAN

- 3.1 Dalam SOP Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

“Penganiayaan” ertinya tidak memberi:

- i) persekitaran yang sesuai;
- ii) makanan yang sepatutnya;
- iii) kebebasan untuk berkelakuan seperti sifat semulajadinya;
- iv) tempat tinggal yang sempurna; dan
- v) perlindungan daripada kesakitan, penderitaan, kecederaan dan penyakit.

- 3.2 “Anjing terbiar” ertinya semua jenis anjing yang tidak berlesen atau berlesen yang merayau tanpa tuan atau penyelia di tempat awam dalam kawasan PBT.

- 3.2 **“Anjing berlesen”** ertinya anjing yang didaftarkan oleh pemunya di kawasan PBT anjing tersebut dipelihara.

BAHAGIAN II

4. PROSEDUR PENANGKAPAN DAN PELUPUSAN ANJING TERBIAR

4.1 Aktiviti Kawalan Anjing Terbiar

- i) Menerima, merekod dan menyiasat aduan:
 - a) Butir-butir aduan yang diterima melalui telefon, surat, akhbar dan lain-lain dicatatkan ke dalam sistem e-aduan atau borang aduan anjing terbiar seperti di Lampiran 1;
 - b) Mengenalpasti aduan atau maklumat yang diterima;
 - c) Pegawai yang berkenaan menjalankan siasatan di lapangan dan menyediakan laporan;
 - d) Membuat ulasan sekiranya tindakan tidak dapat diambil ke atas aduan tersebut.
- ii) Operasi Rutin / Pemantauan Lokasi:
 - a) Menyelaras, mengatur serta membuat jadual perancangan bagi menentukan tarikh, masa dan tempat operasi penangkapan anjing terbiar.

- b) Mewujudkan serta menyediakan peta kawasan operasi mengikut kawasan atau sistem *zoning*.

4.2 Penangkapan Anjing

- i) Membuat persiapan sebelum operasi penangkapan anjing dijalankan.
- ii) Mengatur pasukan atau anggota yang mencukupi bagi operasi tersebut.
- iii) Anggota yang terlibat dalam operasi hendaklah mereka yang terlatih, berkemahiran dan tidak melakukan penganiayaan kepada haiwan.
- iv) Semua anggota yang terlibat dalam operasi tangkapan anjing hendaklah dibekalkan dengan Alat Pelindungan Keselamatan (PPE) yang sesuai dan mencukupi di samping sentiasa memastikan ianya dipakai dengan sempurna sepanjang tempoh operasi dijalankan.
- v) Memastikan peralatan dan perkakas mencukupi serta sesuai disamping menyediakan senarai semak peralatan.
- vi) Anjing hendaklah ditangkap menggunakan kaedah-kaedah seperti berikut:

- a) Kaedah gelung – Kaedah ini menggunakan gelung yang diperbuat daripada tali atau lain-lain bahan yang boleh dilaras (*adjustable*) dengan pemegang panjang yang tidak mendatangkan kecederaan kepada anjing. Keterangan mengenai kaedah ini sila rujuk di **Lampiran 2**;
- b) Kaedah Perangkap – menggunakan sangkar dengan umpan untuk menarik anjing memasuki perangkap seperti keterangan di **Lampiran 3**;
- c) Kaedah Jaring – Jaring digunakan untuk menyerkup dan menangkap anjing tanpa mendatangkan kecederaan kepada anjing seperti keterangan di **Lampiran 4**;
- d) *Tranquilizer Gun* – Penggunaan pistol pelali hanya dibenarkan setelah mendapat kebenaran daripada pihak-pihak yang berkenaan (rujukan kepada pihak Polis dan Jabatan Veterinar) dan hendaklah digunakan secara berhemah.
- e) Kaedah-kaedah lain yang dicadangkan dari masa ke semasa berdasarkan kepada penerimaan kaedah yang terkini hendaklah mendapat panduan dan nasihat daripada pihak JPV.

- f) Penangkapan akan dibuat sekiranya terdapat anjing terbiar atau berkeliaran di tempat aduan atau sasaran.
- g) Anjing yang ditangkap hendaklah dibawa dengan kenderaan yang sesuai mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh JPV ke tempat kurungan anjing yang telah disediakan. Kenderaan yang digunakan mestilah mempunyai ruang dan pengudaraan yang mencukupi untuk bilangan anjing yang ditangkap, bersih, selesa, dan menyediakan makanan dan minuman jika perlu untuk penghantaran yang selamat dari masa ditangkap hingga dibawa ke tempat kurungan. Semua anjing yang ditangkap mesti dihantar ke tempat kurungan pada hari ianya ditangkap dengan selamat. Ukuran sangkar anjing dalam kenderaan adalah seperti di **Lampiran 5**.
- h) Semua anjing berlesen yang telah ditangkap hendaklah dimaklumkan kepada tuan punya anjing yang berkenaan melalui telefon atau notis pemberitahuan seperti di **Lampiran 6**.
- i) Pemeriksaan susulan atau rondaan perlu dijalankan sekiranya gagal menangkap anjing di kawasan aduan bagi mengelakkan aduan berulang.
- j) Perkara-perkara yang dilarang semasa menangkap anjing adalah seperti di **Lampiran 7**.

4.3 Pengurungan Anjing

- i) PBT hendaklah menyediakan paun yang sesuai mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh JPV seperti di **Lampiran 8**.
- ii) Sekiranya penangkapan dibuat maka anjing tersebut akan dikurung di paun atau tempat kurungan anjing sehingga pemilik anjing datang membuat tuntutan atau tamat tempoh kurungan.
- iii) Bagi anjing yang berlesen tempoh pengurungan adalah selama tujuh hari manakala bagi anjing yang tidak berlesen tempoh pengurungan adalah selama dua hari dari tarikh anjing ditangkap.
- iv) Anjing berpenyakit yang telah disahkan oleh Pegawai atau Pembantu Veterinar atau mana-mana pegawai di PBT yang terlatih dan telah diturunkan kuasa oleh pihak JPV yang tidak boleh diubahi maka anjing tersebut boleh diilupuskan mengikut jangka waktu yang telah ditetapkan oleh Pegawai atau Pembantu Veterinar tersebut.
- v) Semasa dalam tempoh pengurungan anjing-anjing hendaklah di tempatkan di dalam tempat kurungan yang sesuai dan diberi makan seperti yang disebutkan di para 4.3 (iii) dan rujukan **Lampiran 8**.

4.4 Tuntutan Semula Anjing

- i) Pemilik anjing boleh menuntut semula anjing yang telah ditangkap dan dikurung dalam tempoh pengurungan.
- ii) Pemilik anjing perlu datang dan mengenal pasti anjing milik mereka.
- iii) Pemilik anjing hendaklah mengisi borang permohonan tuntutan semula anjing seperti di **Lampiran 9**.
- iv) Pegawai yang berkenaan perlu memastikan maklumat anjing yang dituntut menepati dengan prosedur permohonan tuntutan semula anjing yang telah ditetapkan oleh PBT masing-masing.
- v) Pemilik anjing perlu menjelaskan bayaran kompaun dan memohon lesen sekiranya belum berlesen sebelum menuntut semula anjing mereka.
- vi) Caj pengurungan harian yang munasabah boleh dikenakan kepada pemilik anjing bagi menanggung kos makanan semasa tempoh pengurungan anjing tersebut.
- vii) Anjing yang ditangkap hendaklah diserahkan kepada pemiliknya setelah prosedur di atas selesai.
- viii) Anjing yang ditangkap juga boleh diserahkan sebagai anjing angkat kepada individu atau pihak NGO yang

berminat untuk dipelihara sekiranya anjing tersebut tidak dituntut dalam tempoh yang ditetapkan.

- ix) Permohonan anjing angkat oleh individu atau pihak NGO yang berminat hendaklah dibuat di dalam borang permohonan anjing angkat seperti di **Lampiran 10**.

4.5 Pelupusan Anjing

- i) Pelupusan anjing akan dibuat selepas tamat tempoh pengurangan yang ditetapkan seperti yang disebutkan di para 4.3 iii iaitu sekiranya tiada tuntutan semula ke atas anjing-anjing tersebut.
- ii) Anjing-anjing hendaklah dilupuskan rujukan Akta Doktor Veterinar 1974 (Akta 147) dengan cara suntikan dan disahkan mati oleh Pegawai Veterinar atau mana-mana pegawai di PBT yang terlatih dan telah diturunkan kuasa oleh pihak JPV.
- iii) Setelah anjing disuntik, pegawai yang berkenaan hendaklah mengisi borang laporan suntikan anjing terbiar seperti di **Lampiran 11**.
- iv) Anjing yang telah disahkan mati hendaklah dibawa ke tapak pelupusan untuk ditanam atau dilupus dengan kaedah lain seperti pembakaran dalam *incinerator*.

- v) Sekiranya kaedah penanaman digunakan, ianya hendaklah mengikut rujukan Akta Binatang 1953 (Akta 167) mengikut Seksyen 28 iaitu pelupusan binatang yang dijangkiti, burung atau "carcass" dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing.

4.6 Melapor dan Merekod

- i) Setelah dilupuskan, Pegawai yang berkenaan hendaklah melaporkan kepada Ketua Unit Kesihatan Persekitaran yang berkenaan untuk makluman.
- ii) Seterusnya, selepas laporan diterima, ia hendaklah direkodkan dan disimpan dalam fail jabatan. Carta alir aktiviti penangkapan dan pelupusan anjing di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah seperti di **Lampiran 12**.
- iii) Rekod-rekod yang perlu disimpan adalah seperti berikut:
 - a) Rekod aduan anjing terbiar;
 - b) Rekod tindakan susulan/siasatan ke atas aduan;
 - c) Rekod pemberitahuan kepada pemunya mengenai penangkapan anjing berlesen;
 - d) Rekod operasi penangkapan anjing terbiar;

- e) Rekod tuntutan semula anjing oleh pemilik anjing;
- f) Rekod permohonan anjing angkat;
- g) Rekod suntikan dan pelupusan anjing; dan
- h) Rekod-rekod lain yang difikirkan perlu oleh PBT.

5. KESIMPULAN

Pada kesimpulanya SOP ini dihasilkan ialah untuk mewujudkan keseragaman di kalangan PBT seperti kaedah aktiviti kawalan anjing, penangkapan anjing, pengurangan anjing, tuntutan semula anjing dan pelupusan anjing terbiar tanpa ada penganiyaan terhadap haiwan anjing terbiar ini di seluruh Malaysia.

6. RUJUKAN



- i) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).
- ii) Akta Binatang 1953 (Akta 647)
- iii) Akta Doktor Veterinar 1974 (Akta 147).
- iv) Manual Prosedur Kerja : Proses Kerja Menangkap Anjing Berkeliaran, Unit Kawalan Pest, Jabatan Kesihatan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- v) Prosedur Penangkapan Dan Pemusnahan Anjing Liar, Majlis Perbandaran Klang.
- vi) Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing.

BORANG ADUAN ANJING TERBIAR

MAKLUMAT PENGADU			
Nama			
No. K/P			
Alamat			
No. Telefon			
SALURAN ADUAN (Sila tandakan (✓) di ruang berkenaan)			
Melalui Telefon		Datang ke Pejabat	
Surat		Lain-Lain (nyatakan)	
MAKLUMAT ADUAN (Sila tandakan (✓) di ruang berkenaan)			
Tarikh Aduan			
Lokasi Aduan			
Catatan			
PENGESAHAN			
Pengadu,		Tandatangan	
..... ()			
UNIT ANJING TERBIAR (Untuk kegunaan pejabat sahaja)			
Tarikh Terima			
Tarikh Siasatan			
Ulasan (PPKP / PKA)			
Kelulusan			
Tandatangan / Nama Pegawai			

KAEDAH MENANGKAP ANJING MENGGUNAKAN GELUNG


1



Hampiri anjing dengan perlahan, sambil memegang gelung di belakang atau tepi dengan kabel gelung tergantung longgar.

Dengan perlahan masukkan gelung melalui kepala anjing sehingga gelung tersebut sampai ke leher anjing. Gunakan satu tangan untuk menarik kabel sehingga ia mengikat leher anjing tanpa menjerutnya. Gelung ini reka sebegitu rupa untuk mengendalikan anjing tanpa mencaderakannya

2




Setelah gelung dijamin ikatannya dengan perlahan bimbing anjing kearah tujuan yang diperlukan dengan cara menolak dan bukan menarik.

3




4



SEDIAKAN sekeping papan yang tidak licin untuk membolehkan anjing naik keatas kenderaan dan setelah ianya masuk sangkar lepaskan ikatan leher dengan perlahan sambil menutup pintu sangkar dan menarik keluar gelung.


KAEDAH PENANGKAPAN MENGGUNAKAN PERANGKAP



CONTOH JENIS
PERANGKAP



1. Sediakan perangkap anjing dimana anjing terbiar sering berkeliaran.
2. Masukkan umpan dalam sangkar untuk mengumpan anjing.
3. Pada kebiasaanya anjing terbiar akan mencari makan pada malam hari, maka datang kembali pada keesokan hari untuk melihat jika ada anjing yang terperangkap.
4. Jangan mengendalikan anjing terbiar tanpa peranti perlindungan diri.
5. Jika terdapat anjing yang terperangkap, gunakan gelung untuk mengeluarkan anjing dari perangkap dan masukkan dalam kenderaan tangkap anjing tanpa mendatangkan kecederaan atau penyiksaan kepada anjing.

KAEDAH PENANGKAPAN MENGGUNAKAN JARING



1. Berdiri dengan jaring tanpa menakutkan anjing
2. Semungkin boleh cuba rapatkan anjing kedinding untuk mengelakkan daripada ia lari
3. Jangan terlalu rapat kerana ia akan menakutkan anjing. Gunakan pemegang jaring sebagai pengukur. Jarak yang disyorkan 3 meter.

4. Dengan perlahan rapatkan jaring dari bahagian tepi anjing dan serkup terus supaya ia tidak dapat melarikan diri. Perhatian perlu diberi supaya anjing tidak mendapat kecederaan semasa proses ini.



5. Rapatkan jaring hingga ke bawah dan pusing pemegang jaring supaya jaring membuat ikatan dengan anjing

Lampiran 5**SPESIFIKASI UKURAN SANGKAR DI DALAM KENDERAAN**

Spesis	Luas lantai minima (cm²)	Lebar minima (cm)	Tinggi minima (cm)	Maksimum bilangan anjing	Penambahan keluasan lantai bagi setiap penambahan anjing (cm²)
Anjing (Tinggi)					
< 45 cm	5400	60	60	1	
> 45 cm	8100	90	90	1	

**NOTIS PEMBERITAHUAN
PENANGKAPAN ANJING BERLESEN YANG TERBIAR**

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa anjing tuan seperti butiran di bawah telah ditangkap oleh Pegawai dari PBT kerana didapati terbiar pada tarikh:..... masa:..... di kawasan:.....,

Dengan itu tuan adalah diminta untuk menuntut semula anjing tuan dalam tempoh 7 hari dari tarikh Notis ini, di mana jika tuan gagal untuk menuntut semula anjing tuan dalam tempoh yang tersebut maka pihak PBT akan melupuskan anjing tersebut, seperti mana pihak PBT dapati perlu.

1. Nama Pemunya:
2. No. Kad Pengenalan:
3. Alamat :
4. No. Telefon :
5. Anjing Ditempatkan di:
6. Butir-Butir Anjing :
Jantina : Jantan / Betina Jenis :
Warna : Fizikal :
Lain-Lain :
7. No. Lesen:


Untuk Kegunaan Pejabat

TUNTUTAN INI : DILULUSKAN / DITOLAK


Tarikh:
.....

Tandatangan:
(Pengarah Kesihatan)

PERKARA YANG DILARANG SEMASA MENANGKAP ANJING



JANGAN menarik,
menyentap,
mengheret atau
mengangkat
anjing
menggunakan
gelung.



Lampiran 8

SPESIFIKASI UKURAN SANGKAR DI DALAM PAUN

Spesies	Luas lantai minima (cm ²)	Lebar minima (cm)	Tinggi minima (cm)	Maksimum bilangan anjing	Penambahan keluasan lantai bagi setiap penambahan anjing (cm ²)
Anjing (8-16 minggu)	6000	60	50	4	1500
< 3 kg	6000	60	50	2	3000
> 3 kg					
Anjing (Tinggi)	15000	90	180	1	
< 40 cm	24000	90	180	1	
40 -70 cm	35000	90	180	1	
> 70 cm					

BORANG PERMOHONAN ANJING ANGKAT

8. Nama Pemohon :
9. No. Kad Pengenalan :
10. Alamat :
11. No. Telefon :
12. Bil. Anjing Yang Dituntut :
13. Tujuan Tuntutan :
14. Lokasi Anjing Akan Ditempatkan :
15. Butir-Butir Anjing :
- Jantina : Jantan / Betina Jenis :
- Warna : Fizikal :
- Lain-Lain :
16. Klinik Haiwan :
17. No. Lesen :

Semua keterangan yang diberikan di atas adalah benar.

Tarikh : Tandatangan:
(Pemohon)

*Sila sertakan salinan kad pengenalan

Untuk Kegunaan Pejabat

PERMOHONAN INI: DILULUSKAN / DITOLAK

Tarikh : Tandatangan:
(Pengarah Kesihatan)

Lampiran 11

LAPORAN SUNTIKAN ANJING TERBIAR

1. Tarikh Suntikan :
2. Tarikh Tangkapan :
3. Kawasan Tangkapan :
4. Jumlah Suntikan :

**Potong yang mana tidak berkenaan*

.....
Pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Diselia Oleh,


Disahkan Oleh,

.....
Pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar

.....
PKP / PPKP

*Nota : Pegawai Kesihatan Perserkitaran (PKP)
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP)*

**CARTA ALIR
AKTIVITI PENANGKAPAN DAN PELUPUSAN ANJING TERBIAR
DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)**



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BEROTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH
(N26 Bangi)**

**TAJUK : PERKEMBANGAN RANCANGAN PENYELESAIAN MASALAH
PELUPUSAN SAMPAH BAGI MPKJ.**

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon nyatakan perkembangan rancangan penyelesaian masalah pelupusan sampah bagi MPKj :
 - a) Tapak *sanitary landfill* di Semenyih.
 - b) Lokasi dan kos pembinaan pusat transit sampah.
 - c) Rancangan jangka panjang bagi isu ini.

JAWAPAN:

- a) Penilaian Awal Tapak (PAT) bagi tapak pelupusan sanitari Semenyih telah diajukan kepada Jalam Alam Sekitar dan diluluskan untuk Kajian Terperinci Impak Alam Sekitar (DEIA). Kajian DEIA telah dimulakan dan pembangunan tapak pelupusan sanitari ini adalah tertakluk kepada kelulusan DEIA tersebut. Di samping itu, pihak kerajaan negeri sedang menimbang untuk membangunkan sebuah stesen pemindahan.
- b) Cadangan tapak untuk stesen pemindahan ini adalah di kawasan perindustrian Bangi. Anggaran kos pembangunan untuk cadangan tersebut adalah berjumlah RM 35 juta.
- c) Kerajaan Negeri akan menggalakkan aktiviti kitar semula dan pengurangan sumber untuk mengurangkan penghasilan sisa pepejal. Ini dapat membantu mengurangkan pelupusan sisa pepejal di tapak pelupusan. Dengan adanya sebuah stesen pemindahan, sisa pepejal akan dihantar ke luar daripada kawasan kutipan, sekaligus meminimumkan impak terhadap alam sekitar dan sosial. Di samping itu, kerajaan negeri sedang mengkaji teknologi-teknologi lain untuk melupuskan sisa pepejal yang mana ianya akan mengurangkan kebergantungan terhadap tapak pelupusan sanitari. Diantara teknologi yang sedang dikaji adalah loji tenaga sisa (Waste – to Energy)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 Kajang)**

TAJUK : ISU TRAFIK DI BANDAR KAJANG

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan kerajaan negeri untuk menaiktaraf Jalan Cheras di Batu 14
- b) Apakah perancangan kerajaan melalui PBT untuk membina jejantas yang menghubungkan Prima Saujana ke Kajang *Bypass* menghala ke laluan Kuala Lumpur
- c) Minta kerajaan negeri jelaskan rancangan untuk membina tapak parkir '*Park And Ride*' dengan akses yang mudah dan fasiliti mesra Orang Kurang Upaya (OKU)

JAWAPAN:

- a) Jalan Cheras Bt. 14, Kajang, adalah jalan dibawah penyelenggaraan pihak JKR. Oleh yang demikian, perancangan naik taraf jalan tersebut boleh dimajukan kepada pihak JKR.

Pihak Majlis telah mensyaratkan pemaju-pemaju pembangunan yang secara langsung terlibat menggunakan Jalan Kajang by pass untuk aliran trafik ke Kuala Lumpur dan Seremban menanggung kos penyelesaian masalah tersebut. Pihak Majlis juga telah mengkoordinasikan mesyuarat bagi penyelesaian masalah lalulintas yang melibatkan aliran trafik keluar masuk ke Kajang 'by pass' dengan pemaju-pemaju yang terlibat, agensi teknikal dan perunding trafik. Berdasarkan mesyuarat tersebut, 1 cadangan penyelesaian telah dicadangkan iaitu cadangan persimpangan bertingkat untuk kenderaan membuat pusing balik (elevated u – turn) untuk dilaksanakan menggunakan sumbangan-sumbangan dari pemaju tersebut. Dalam masa terdekat ini, pihak Majlis akan mengadakan mesyuarat susulan untuk mengkaji semula cadangan penyelesaian tersebut.

- b) dan c)

Pihak Majlis masih di peringkat perancangan untuk mengadakan 'Park And Ride'/ parking berpusat di beberapa kawasan yang dikenalpasti dalam kawasan MPKj. Walau bagaimanapun 'Park and Ride' yang diperingkat pelaksanaannya terdapat dalam pembangunan projek MRT, dimana beberapa stesen MRT dalam proses pembinaan 'Park and Ride' dan tempat meletak kenderaan bertingkat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 Kampung Tunku)**

TAJUK : GANJARAN DAN HADIAH KEPADA PEJABAT DAERAH DAN TANAH

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua ganjaran dan hadiah yang diberikan kepada setiap Pejabat Daerah dan Tanah setiap tahun mengikut daerah.
- b) Bagaimanakah ganjaran dan hadiah ini digunakan oleh setiap PDT untuk mempertingkatkan keceriaan tempat kerja dan kebajikan kakitangan PDT?

JAWAPAN:

a)

1.	PDT	2010	2011	2012	2013	2014	ULASAN/ CATATAN
	Gombak	i)Anugerah Kutipan Hasil Cukai Tanah Tertinggi tahun 2009 RM100,000.00	i)Anugerah Kutipan Hasil Cukai Tanah Tertinggi tahun 2010 RM200,000.00	i)Anugerah Kutipan Hasil Cukai Tanah Tertinggi tahun 2011 RM200,000.00	i)Anugerah Kutipan Hasil Cukai Tanah Tertinggi tahun 2012 RM200,000.00	i)Anugerah Kutipan Hasil Cukai Tanah Tertinggi tahun 2013 RM200,000.00 ii)Ganjaran bagi barang rampasan aktiviti pengeluaran pasir RM 17,500.00	Ganjaran bagi barang rampasan aktiviti pengeluaran pasir diberikan secara berperingkat

2.

PDT	2010	2011	2012	2013	2014	ULASAN/ CATATAN
Hulu Langat	<p>7.8.2014 The Malaysia Book of Record Program Kacau Dodol Peringkat Daerah Hulu Langat</p> <p>MKJR Daerah Hulu Langat Penglibatan Paling Aktif (RM1,000.00)</p>	<p>MKJR Daerah Hulu Langat Penglibatan Paling Aktif (RM1,000.00)</p>	<p>MKJR Daerah Hulu Langat Penglibatan Paling Aktif (RM1,000.00)</p> <p>Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) tempat ke 7 (RM5,000.00)</p>	<p>24.1.2013 Perarakan Maulidurrasul Peringkat Negeri Selangor 1434H/2013M (RM1,000.00)</p> <p>MKJR Daerah Hulu Langat Penglibatan Paling Aktif (RM1,000.00)</p>	<p>14.1.2014 Perarakan Maulidurrasul Peringkat Negeri Selangor 1435H/2014M Sepanduk (RM1,000.00)</p> <p>30.8.2014 Perbarisan dan Perarakan Sempena Bulan Kemerdekaan Ke 57 Peringkat Negeri Selangor Tempat ke 6 (RM500.00)</p>	

3.

PDT	2010	2011	2012	2013	2014	ULASAN/ CATATAN
Hulu Selangor	Anugerah Kutipan Hasil RM100,000.00	APPC Tempat ke empat belas (14) RM10,000.00	APPC Tempat ketiga (3) RM5,000.00 Anugerah Portal – empat (4) bintang	APPC Anugerah Pengurusan Rekod Terbaik RM5,000.00		

4.

PDT	2009	2010	2011	2012	2013	2014
Klang	Pengiktirafan daripada Kerajaan Negeri Selangor di atas kejayaan mengutip cukai semasa melebihi 90% dan tunggakan cukai melebihi 70%. Mendapat insentif sebanyak RM100,000.00.	Pengiktirafan daripada Kerajaan Negeri Selangor di atas kejayaan mengutip cukai semasa melebihi 90% dan tunggakan cukai melebihi 70%. Mendapat insentif sebanyak RM100,000.00.	Pengiktirafan daripada Kerajaan Negeri Selangor di atas kejayaan mengutip cukai semasa melebihi 90% dan tunggakan cukai melebihi 70%. Mendapat insentif sebanyak RM200,000.00.	Tiada	Tiada	Tiada

5.

PDT	2010	2011	2012	2013	2014	ULASAN/ CATATAN
Kuala Langat	<ol style="list-style-type: none"> 1. Anugerah Inovasi Pentadbiran Daerah & Tanah (AIPDT) Tahun 2010 (Finalis) Sijil Penghargaan 2. Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Tahun 2010 (Finalis) -Hadiah RM5,000.00 beserta Sijil 3. Malaysia Government Portal Web Side Assessment Tahun 2010 Taraf : 2 Bintang 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Anugerah Inovasi Pentadbiran Daerah dan Tanah (AIPDT) Tahun 2011 (Finalis) Sijil Penghargaan 2. Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Tahun 2011 -Hadiah RM10,000.00 beserta Sijil 3. Malaysia Government Portal Web Side Assessment 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Anugerah Inovasi Sektor Awam Negeri Selangor (AISAS) Tahun 2012 - Kaunter Bayaran dan Semakan Cukai Tanah PDKL (Finalis) Sijil Penghargaan 2. Anugerah Inovasi Sektor Awam Negeri Selangor (AISAS) Tahun 2012 – Kaunter Kutipan Luar dan Kaunter Kabin Pekan Banting (Finalis) Sijil 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Anugerah Inovasi Pentadbiran Daerah dan Tanah (AIPDT) Tahun 2013 (Finalis) Sijil Penghargaan 2. Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Tahun 2013 3. Malaysia Government Portal Web Side Assessment Tahun 2013 Taraf : 4 Bintang 		

		<p>Tahun 2011 Taraf :</p> <p>4 Bintang</p>	<p>Penghargaan</p> <p>3. Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Tahun 2012 -Hadiah RM5,000.00 beserta Sijil</p> <p>4. Malaysia Government Portal Web Side Assessment Tahun 2012 Taraf : 4 Bintang</p>			
--	--	--	--	--	--	--

6.

PDT	2010	2011	2012	2013	2014	TINDAKAN	ULASAN/ CATATAN
Kuala Selangor	Anugerah Prestasi Kutipan Hasil Cukai Tanah 2010 sebanyak RM100,000 diterima pada 16/12/2011	Anugerah Prestasi Kutipan Hasil Cukai Tanah 2011 sebanyak RM200,000 diterima pada 28/11/2012	tiada	tiada	tiada	Ketua Penolong Pegawai Daerah Bahagian Tanah, merangkap Pengerusi Kelab Kebajikan & Sukan Pejabat Daerah / Tanah Kuala Selangor	

7.

PDT	2010	2011	2012	2013	2014	TINDAKAN	ULASAN / CATATAN
Petaling	-	-	Hadiah kutipan cukai tertinggi bagi tahun 2011 (RM200 ribu)	Hadiah kutipan cukai tertinggi bagi tahun 2012 (RM200 ribu)	Hadiah kutipan cukai tertinggi bagi tahun 2014 (RM200 ribu)	Perbelanjaan diuruskan oleh Kelab jabatan.	Sebagaimana garis panduan yang ditetapkan.

8.	PDT	2010	2011	2012	2013	2014	TINDAKAN	ULASAN/ CATATAN
	Sabak Bernam		Pengauditan Indeks Akauntabiliti Tahun 2011 - 20,000.00		Pengiktirafan 5 Bintang terhadap portel peringkat Kebangsaan -Sijil	Membenteras kecurian lori pasir oleh penguatkuasa - 10,000.00		

9.	PDT	2010	2011	2012	2013	2014	TINDAKAN	ULASAN/ CATATAN
	Sepang	RM100,000.00	RM100,000.00	RM200,000.00			Kelab Kebajikan Dan Sukan Pejabat Daerah Sepang	Ganjaran disalurkan terus ke akaun Kelab Sukan Dan Kebajikan Pejabat Daerah Sepang

b)

1. PDT	TINDAKAN	ULASAN/ CATATAN
Gombak	<p>Anugerah serta ganjaran yang diterima tidak digunakan untuk keceriaan tempat kerja kerana pentadbiran ini menggunakan peruntukan sediaada jabatan bagi penyelenggaraan. Sebaliknya sebahagian Anugerah dan ganjaran ini digunakan dengan memberi insentif kepada pegawai dan kakitangan unit yang terlibat.</p> <p>Bagi Anugerah Kutipan Hasil tertinggi, sebahagian daripada anugerah ini digunakan untuk sumbangan anak-anak cemerlang dan sumbangan kebajikan.</p> <p>Selain itu juga, peruntukan anugerah kutipan hasil tertinggi juga digunakan untuk mengadakan kursus-kursus motivasi, kursus latihan khusus, program hari keluarga, program sukan dan majlis perayaan/keraian.</p>	<p>Bagi Anugerah Kutipan Hasil tertinggi pentadbiran membelanjakan peruntukan tersebut mengikut Garis Panduan yang telah ditetapkan oleh pihak Perbendaharaan Negeri Selangor</p>

2.	PDT	TINDAKAN	ULASAN/ CATATAN
	Hulu Langat	PDTHL membelanjakan wang ganjaran tersebut dalam bentuk berikut : (a) Jamuan makan kepada petugas dan kakitangan sebagai tanda terima kasih	

3.	PDT	TINDAKAN	ULASAN/ CATATAN
	Hulu Selangor	Pejabat ini :- <ul style="list-style-type: none"> - Mengadakan pertandingan keceriaan di tempat kerja melalui amalan 5S - Mengadakan pertandingan mencipta logo 5S - Mengadakan lawatan sambil belajar bagi amalan 5S 	

4.

PDT	TINDAKAN	ULASAN/ CATATAN
Klang	a) Insentif yang diterima tersebut telah disalurkan ke Kelab Kebajikan dan Sukan Pejabat Daerah/Tanah Klang di mana dana tersebut telah digunakan untuk penganjuran Hari Keluarga PDTK dan Sukan Dalaman PDTK serta pemberian sumbangan/bantuan sempena sambutan hari lahir/kelahiran cahayamata/kematian/perkahwinan dan pertukaran pegawai/kakitangan dari PDTK. Selain itu, dana berkenaan turut digunakan untuk membiayai keperluan pasukan PDTK dalam penyertaan Sukan PETANDA. Token turut diberikan kepada semua kakitangan di Unit Hasil di atas kejayaan mereka membuat kutipan cukai semasa melebihi 90% dan tunggakan cukai melebihi 70% tersebut.	

5.

PDT	TINDAKAN	ULASAN/ CATATAN
Kuala Langat	<ol style="list-style-type: none">1. APPC Tahun 2010 – Wang Tunai RM5,000.00<ul style="list-style-type: none">- Dibahagikan kepada unit-unit untuk program keceriaan unit.2. APPC Tahun 2011 – Wang Tunai RM10,000.00<ul style="list-style-type: none">- Wang Tunai di beri kepada semua kakitangan Sebanyak RM50.00 seorang. Jumlah keseluruhan digunakan RM8,000.00. Lebihan digunakan untuk keceriaan unit-unit mengikut keperluan.3. APPC 2012 – Wang Tunai RM5,000.00<ul style="list-style-type: none">- Digunakan untuk Program Amalan 5S. Setiap zon-zon diberi sebanyak RM500.00 bagi kegunaan keceriaan zon.	

6.

PDT	TINDAKAN	ULASAN/ CATATAN
Kuala Selangor	Perbelanjaan wang insentif ini adalah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh pihak PWN Selangor.	
	1. Bayaran Insentif Khas Kepada Unit Hasil PTD Tahun 2010 : RM 25,000.00	
	Bayaran Insentif Khas Kepada Unit Hasil PTD Tahun 2011 : RM 50,000.00	
	2. Kursus Latihan Khusus Tahun 2010 : RM 20,000.00	
	Kursus Latihan Khusus Tahun 2011 : RM 40,000.00	
	3. Program Motivasi Bina Insan / Kelas Agama SPIES Tahun 2010 : RM 20,000.00	
	Program Motivasi Bina Insan / Kelas Agama SPIES Tahun 2011 : RM 20,000.00	
	4. Program Hari Keluarga Tahun 2010 : RM 15,000.00	
	Program Hari Keluarga Tahun 2011 : RM 40,000.00	
	5. Majlis Perayaan / Keraian Tahun 2010 : RM 10,000.00	
Majlis Perayaan / Keraian Tahun 2011 : RM 15,000.00		
6. Sumbangan Anak-Anak Cemerlang Tahun 2010 : RM 5,000.00		
Sumbangan Anak-Anak Cemerlang Tahun 2011 : RM 10,000.00		
7. Sumbangan Kebajikan Tahun 2010 : RM 5,000.00		
Sumbangan Kebajikan Tahun 2011 : RM 10,000.00		
8. Program Sukan Tahun 2010 : tiada		
Program Sukan Tahun 2011 : RM 15,000.00		

7. PDT	TINDAKAN	ULASAN / CATATAN
Petaling	<ul style="list-style-type: none"> • Agihan kepada Unit Hasil dan Bahagian Tanah • Program Hari Keluarga Jabatan • Sumbangan kebajikan, hari lahir, perkahwinan, kematian, musibah dan anak cemerlang, perpisahan • Sambutan hari raya • Program sukan jabatan • Program bulan Ramadhan; tadarus, bubur lambuk, sumbangan duit raya, edaran buah kurma • Cabutan bertuah • Sumbangan program jkkk • Cenderahati 	<p>Perbelanjaan diuruskan oleh Kelab jabatan.</p> <p>Sebagaimana garis panduan yang ditetapkan.</p>

8. PDT	TINDAKAN	ULASAN/CATATAN
Sabak Bernam	<p>I. Pengauditan Indeks Akauntabiliti Tahun 2011</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memberi saguhati duit kepada kakitangan yang melaksanakan kerja (RM200.00) dan semua kakitangan (RM50.00) dan pemberian - T.Shirt AI. <p>II. Pengiktirafan 5 Bintang terhadap Portel Peringkat Kebangsaan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sijil di pameran di Bilik Pegawai Daerah. 	

	<p>III. Membenteras kecurian lori pasir oleh penguatkuasa</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pemberian saguhati duit kepada kakitangan yang terlibat (RM300.00) dan pemberian wang setiap 6 unit untuk program 5S dengan jumlah RM3,250.00 - 	
--	--	--

9.	PDT	TINDAKAN	ULASAN/ CATATAN
	Sepang	Semua kakitangan hasil telah diberi insentif sebanyak RM1000.00 seorang dan baki digunakan bagi kegunaan sukan petanda, kebajikan kakitangan dan program jabatan	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 Batang Kali)**

TAJUK : KENAIKAN TAMBANG BAS SEKOLAH

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan bagi menangani kenaikan tambang bas sekolah?
- b) Apakah peranan kerajaan negeri bagi memastikan ibu bapa tidak terbeban dengan kenaikan tambang bas sekolah?

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Desa telah melaksanakan program pemberian baucer tambang bas sekolah pada bulan Mac yang lepas. Di dalam program tersebut, baucer sebanyak RM20.00 telah diberikan kepada seramai 4,500 orang pelajar sekolah di seluruh daerah Hulu Langat yang melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM90,000.00. Pemberian baucer tersebut merupakan satu projek perintis yang dimulakan untuk membantu rakyat di Negeri Selangor, terutama keluarga yang kurang berkemampuan bagi menangani kenaikan kos sara hidup terutama tambang bas sekolah anak-anak. Walaupun jumlah bantuan yang diberikan bernilai RM20.00, rata-rata ibu bapa berpuas hati atas bantuan insentif yang diberikan kepada mereka terutama sekali untuk keluarga yang mempunyai bilangan anak yang ramai.

Rentetan daripada kejayaan program pemberian baucer tambang bas sekolah yang telah dilaksanakan, Kerajaan Negeri berhasrat untuk menaikkan nilai baucer yang diberikan seperti mana program pemberian tambang bas sekolah yang diberikan kepada anak-anak pekerja ladang yang tinggal di estet. Walau bagaimanapun, pertimbangan tersebut adalah tertakluk kepada peruntukan kewangan semasa Kerajaan Negeri.

Namun begitu, di bawah portfolio Pekerja Ladang, Kerajaan Negeri akan mengekalkan program berkaitan yang sedia ada iaitu Sumbangan Subsidi Tambang Bas Sekolah Kepada Anak-Anak Pekerja Ladang dan Bekas Pekerja Ladang demi mengurangkan beban penjaga mereka dalam menampung kos menghantar anak mereka ke sekolah. Sumbangan subsidi sebanyak RM300.00 ini diberikan kepada setiap anak-anak pekerja ladang yang membuat permohonan melalui Persatuan Ibu Bapa Dan Guru di sekolah masing-masing. Sumbangan RM300.00 yang diberi adalah untuk tempoh setahun bagi seorang pelajar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 Dusun Tua)**

TAJUK : MEMPERLUASKAN PERKHIDMATAN DIALISIS

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memperluaskan lagi perkhidmatan Pusat Dialisis Rakyat bagi menampung permintaan perkhidmatan dialisis yang semakin meningkat dengan mengadakan Pusat itu di setiap DUN di tempat-tempat yang sesuai?
- b) Atau, Kerajaan mempunyai cadangan yang lain?

JAWAPAN:

a) dan b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk memperluaskan lagi perkhidmatan Pusat Dialisis Rakyat. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan memperkenalkan satu bentuk program baru iaitu **Panel Dialisis Sihat Selangor** pada tahun hadapan.

Panel Dialisis Sihat Selangor ini bertujuan untuk:

- i. Membantu pesakit buah pinggang yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan rawatan dialisis secara berkala di seluruh pusat-pusat dialisis yang berada di Negeri Selangor;
- ii. Membantu pesakit miskin yang tiada menerima bantuan dari mana-mana agensi;
- iii. Membantu memberikan kemudahan Pusat Dialisis yang dekat dan mudah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kini terdapat 115 pusat dialisis yang beroperasi di seluruh Negeri Selangor. Dengan cara melantik pusat-pusat dialisis di setiap daerah akan memudahkan lagi orang awam terutama rakyat di Negeri Selangor menerima bantuan rawatan dialisis daripada Kerajaan Negeri seterusnya menampung keperluan perkhidmatan dialisis di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 Rawang)**

TAJUK : KADAR CUKAI TANAH SELANGOR

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan kadar cukai yang dikenakan terhadap kawasan industri di Selangor bagi status mukim, desa dan bandar mengikut pecahan daerah.
- b) Apakah kriteria penentuan kadar cukai tanah terhadap tanah industri di Selangor?
- c) Apakah penyelesaian untuk pemilik tanah di *Rawang Integrated Industry Park* yang dicajkan kadar cukai tanah mukim dan bandar masing-masing walaupun berada dalam kawasan yang sama?

JAWAPAN:

- a) Kadar cukai yang dikenakan ke atas kawasan industri di Selangor bagi status mukim, desa dan bandar adalah berdasarkan Kaedah Tanah Selangor (di bawah Kaedah 13) seperti di **Lampiran A**.
- b) Kriteria penentuan kadar cukai tanah industri di Selangor adalah mengambil kira syarat nyata tanah, keluasan tanah dan status kawasan.
- c) Kadar cukai tanah bagi pemilik di *Rawang Integrated Industry Park* adalah berdasarkan keputusan Kertas EXCO-MTES No:1/7/2009 bertarikh 1 April 2009 yang meluluskan kadar cukai tanah perindustrian bagi seluruh kawasan perindustrian Rawang mengikut kadar cukai tanah perindustrian kawasan Bandar Daerah Klang, berkuat kuasa mulai 1 Januari 2008, seperti mana yang diluluskan dalam MMKN Bilangan 21/2008.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : KADAR CUKAI TANAH SELANGOR

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan kadar cukai yang dikenakan terhadap kawasan industri di Selangor bagi status mukim, desa dan bandar mengikut pecahan daerah.
- b) Apakah kriteria penentuan kadar cukai tanah terhadap tanah industri di Selangor?
- c) Apakah penyelesaian untuk pemilik tanah di *Rawang Integrated Industry Park* yang dicajkan kadar cukai tanah mukim dan bandar masing-masing walaupun berada dalam kawasan yang sama?

JAWAPAN:

- a) Kadar cukai yang dikenakan ke atas kawasan industri di Selangor bagi status mukim, desa dan bandar adalah berdasarkan Kaedah Tanah Selangor (di bawah Kaedah 13) seperti di **Lampiran A**.
- b) Kriteria penentuan kadar cukai tanah industri di Selangor adalah mengambil kira syarat nyata tanah, keluasan tanah dan status kawasan.
- c) Kadar cukai tanah bagi pemilik di *Rawang Integrated Industry Park* adalah berdasarkan keputusan Kertas EXCO-MTES No:1/7/2009 bertarikh 1 April 2009 yang meluluskan kadar cukai tanah perindustrian bagi seluruh kawasan perindustrian Rawang mengikut kadar cukai tanah perindustrian kawasan Bandar Daerah Klang, berkuat kuasa mulai 1 Januari 2008, seperti mana yang diluluskan dalam MMKN Bilangan 21/2008.

KADAR CUKAI TANAH DI NEGERI SELANGOR

1.1.2006

DAERAH		GOMBAK/ PETALING		KLANG		HULU LANGAT	KUALA LANGAT		SEPANG	HULU SELANGOR	KUALA SELANGOR/ SABAK BERNAM	
BANDAR		Per. M/P		Per. M/P		Per. M/P	Per. M/P		Per. M/P	Per. M/P	Per. M/P	
		Kadar	Byrn. Min.	Bdr.	L/Bdr	Kadar	Kadar	Byrn.Min.	Kadar	Kadar	Kadar	Byrn. Min.
		sen	RM	Kdr.sen	Kdr. sen	sen	sen	RM	sen	sen	sen	RM
KEDIAMAN		30.90	50.00	20.60	14.42	10.66	10.29	46.00	10.29	9.59	8.17	37.00
PERNIAGAAN		309.00	99.00	309.00	206.00	106.56	103.00	89.00	102.99	95.89	81.68	73.00
PERUSAHAAN	< 2 HA	232.04		132.61	99.45	53.82	49.72	148.50	49.73	46.17	39.07	121.00
	> 2 HA	257.58	-	137.34	103.00	51.50	51.50	-	51.50	47.96	40.84	-
PERTANIAN	P/H	226.60	-	87.53	72.53	72.58	72.57	-	72.57	67.57	57.56	-
PEKAN												
		sen	RM	sen	sen	sen	sen	RM	sen	sen	sen	RM
KEDIAMAN		20.60	50.00	10.30	6.18	6.74	46.00	6.18	5.75	4.68	37.00	
PERNIAGAAN		206.00	99.00	171.68	68.67	68.67	89.00	68.67	63.93	52.09		
PERUSAHAAN	< 2 HA	99.45	165.00	59.66	30.91	29.83	148.50	29.83	27.69	22.37	110.00	
	> 2 HA	103.00	-	61.79	31.96	30.89	-	30.89	28.76	23.44	-	
PERTANIAN	P/H	226.60	-	52.51	54.39	54.39	-	54.39	50.64	41.26	-	
DESA (MUKIM)												
		sen	RM	sen	sen	sen	RM	sen	sen	sen	RM	
KEDIAMAN		19.89	50.00	9.94	6.18	5.96	45.00	5.96	5.75	4.47	37.00	
PERNIAGAAN		198.90	99.00	165.75	68.67	66.29	89.00	66.29	63.93	49.72	73.00	
PERUSAHAAN	< 2 HA	99.45	132.00	59.66	30.91	28.77	132.00	28.76	27.69	22.37	132.00	
	> 2 HA	103.00	-	61.79	31.96	29.84	-	29.83	28.76	23.44	-	
PERTANIAN		P / HA	P / HA	P / HA	P / HA	P / HA	P / HA	P / HA	P / HA	P / HA	P / HA	
		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	
Getah	> 5 HA	33.66	32.49	33.66	33.66	33.66	33.66	31.33	24.37			
Koko / Sawit	< 5 HA	27.59	26.64	27.61	27.59	27.59	25.69	20.02				
Padi / Nipah		9.90	9.55	9.89	9.88	9.20	24.37 (padi)					
Nipah / Sagu							7.15					
Lain-Lain		13.79	13.32	13.79	13.79	12.84	10.01					

BAYARAN MINIMA BAGI DAERAH GOMBAK, KLANG DAN HULU LANGAT SAMA DENGAN KADAR DI PETALING.
BAYARAN MINIMA BAGI DAERAH SEPANG DAN HULU SELANGOR SAMA DENGAN KADAR DI KUALA LANGAT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : KADAR CUKAI TANAH SELANGOR

Disediakan Oleh :




(ZABIDAH BINTI AWANG)

Tarikh : **11 NOVEMBER 2014**

No. Tel : **03-55447807**

Disemak Oleh :



(DATO' KAMARULZAMAN BIN JAMIL)

Tarikh : **13 NOVEMBER 2014**

No. Tel : **03-55447802**

Disahkan/diluluskan :
oleh

(YAB. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 Bukit Gasing)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN PERUMAHAN DIBAWAH LEMBAGA PERUMAHAN DAN
HARTANAH SELANGOR**

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Butirkan tapak dan bilangan rumah dan jenis perumahan yang dijangka di bina oleh LPHS sebagai Rumah Selangorku
- b) Berapakah pembinaan PPR, Flat Kos Rendah, Kos Sederhana Rendah and Kos Sederhana yang dibina dari 2008-2018. Sila butirkan mengikut tahun dan kawasan PBT

JAWAPAN:

- a) Berikut merupakan tapak, cadangan bilangan unit Rumah Selangorku yang dijangka akan dibina oleh LPHS:

Bil	Lokasi	Keluasan (Ekar)	Anggaran Unit
1.	Taman Ukay Indah Sungai Sering Daerah Gombak	68.25	2,496
1.	Seksyen U1, Glenmarie, Shah Alam Daerah Petaling	2.03	200
2.		3.30	200
3.		3.77	200
4.	Seksyen 35, Shah Alam, Daerah Klang	3.72	200
5.		11.88	1,000
JUMLAH		92.95	4,962

- b) Berikut merupakan pembinaan Rumah Kos Rendah yang telah dan akan dibina sejak tahun 2008 -2018 mengikut PBT berdasarkan penawaran yang dibuat oleh LPHS:

Bil.	Tahun	PBT	Projek	Unit
1.	2010	MBSA	Bandar Setia Alam (Fasa2), Daerah Petaling	725
2.		MPK	Bandar Parkland, Bukit Tinggi 3 Daerah Klang	800
3.		MPS	Saujana Rawang, Daerah Gombak	100
4.		MDKS	Taman Desiran Melawati, Daerah Kuala Selangor	68
5.	2011	MPSJ	Taman Damai Utama, Daerah Petaling	739
6.			Pangsapuri Cempaka Puchong, Daerah Petaling	212
7.		MPK	Perdana Residance, Daerah Klang	108
8.		MDKS	Bandar Saujana Utama 3, Daerah Kuala Selangor	300
9.	2012	MPKj	Taman Melor Fasa 3, Bandar Baru Bangi, Daerah Hulu Langat	22
10.			Pangsapuri Seri Sekamat, Daerah Hulu Langat	78
11.	2013	MPSepang	Taman Emas Dengkil, Daerah Sepang	40
12.	2014	MBSA	Alam Impian Shah Alam, Daerah Klang	270
13.			Bandar Setia Alam (Fasa 3), Daerah Petaling	650
14.		MPSepang	Taman Putra Prima Puchong, Daerah Sepang	400

Bil.	Tahun	PBT	Projek	Unit
15.	2016	MPSepang	Mukim Dengkil, Daerah Sepang (Permatanah Sdn. Bhd.)	214
16.	2017	MBSA	Daerah Klang (Hicom Gamuda Sdn. Bhd.)	183
17.		MPS	Mukim Batu, Daerah Gombak (Ratus Bayan Sdn. Bhd.)	260
18.		MPSepang	Mukim Dengkil, Daerah Sepang (Pilihan Teraju Sdn. Bhd.)	120
JUMLAH				5,289

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 Sungai Burong)**

TAJUK : PERUNTUKAN KEWANGAN UNTUK PORTFOLIO EXCO

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peruntukan untuk pengurusan dan pelaksanaan program bagi setiap portfolio EXCO?
- b) Apakah garis panduan bagi memastikan perbelanjaan setiap portfolio adalah berhemah dan menepati prinsip "*value for money*"?

JAWAPAN:

- (a) Jumlah peruntukan untuk pengurusan dan pelaksanaan program mengikut portfolio EXCO adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Setiap perbelanjaan yang dilaksanakan perlu mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan bagi memastikan dasar perbelanjaan secara berhemah dan prinsip *value for money* dapat diterapkan. Oleh itu, terdapat beberapa garis panduan yang telah disediakan sebagai panduan dan rujukan untuk perbelanjaan di bawah setiap portfolio EXCO seperti berikut:
 - 1) Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil. 7 Tahun 2013 – Garis Panduan Perbelanjaan Berhemah;
 - 2) Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil. 5 Tahun 2013 – Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Ahli Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Dan Ahli Dewan Negeri Selangor;
 - 3) Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil. 1 Tahun 2014 - Pindaan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor: Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Ahli Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Dan Ahli Dewan Negeri Selangor; dan
 - 4) Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil. 1 Tahun 2009 – Garis Panduan Jawatankuasa Tetap.

Lampiran A

BIL.	PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP	JAWATANKUASA TETAP	PERUNTUKAN PEMBANGUNAN (RM)	PERUNTUKAN MENGURUS (RM)
1.	Y.A.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI	KEWANGAN, PEMBANGUNAN TANAH, PENGURUSAN SUMBER ALAM, MTES DAN PENERANGAN	455,478,240.00	500,000.00
JUMLAH KESELURUHAN			455,978,240.00	
2.	YB DATO. TENG CHANG KIM	PELABURAN, PERINDUSTRIAN, PERDAGANGAN, INDUSTRI KECIL SEDERHANA (IKS) DAN PENGANGKUTAN	15,100,000.00	500,000.00
JUMLAH KESELURUHAN			15,600,000.00	
3.	YB TUAN IR. ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD	PERUMAHAN, PENGURUSAN BANGUNAN DAN KEHIDUPAN BANDAR	24,380,010.00	300,000.00
JUMLAH KESELURUHAN			24,680,010.00	
4.	YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING	PELANCONGAN, ALAM SEKITAR, TEKNOLOGI HIJAU DAN HAL EHWAL PENGGUNA	13,150,000.00	400,000.00
JUMLAH KESELURUHAN			13,550,000.00	

BIL.	PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP	JAWATANKUASA TETAP	PERUNTUKAN PEMBANGUNAN (RM)	PERUNTUKAN MENGURUS (RM)
5.	YB TUAN EAN YONG HIAN WAH	KERAJAAN TEMPATAN, PEMUTIHAN KILANG HARAM DAN PEMBANGUNAN KG. BARU	15,478,610.00	300,000.00
JUMLAH KESELURUHAN			15,778,610.00	
6.	YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI	HAL EHWAL AGAMA ISLAM, ADAT Melayu DAN WARISAN DAN PEMBANGUNAN DESA DAN KAMPUNG TRADISI	116,750,030.00	300,000.00
JUMLAH KESELURUHAN			117,050,030.00	
7.	YB PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI	KESIHATAN, KEBAJIKAN, DAN PEMBANGUNAN WANITA DAN KELUARGA	5,650,000.00	300,000.00
JUMLAH KESELURUHAN			5,950,000.00	
8.	YB TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN	KEMISKINAN, KERAJAAN PERIHATIN DAN PEKERJA LADANG	22,368,000.00	300,000.00
JUMLAH KESELURUHAN			22,668,000.00	
9.	YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD	PENDIDIKAN, PEMBANGUNAN MODAL INSAN DAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI	47,750,050.00	300,000.00

BIL.	PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP	JAWATANKUASA TETAP	PERUNTUKAN PEMBANGUNAN (RM)	PERUNTUKAN MENGURUS (RM)
JUMLAH KESELURUHAN			48,050,050.00	
10.	YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI	PEMBANGUNAN GENERASI MUDA, SUKAN, KEBUDAYAAN, DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN	24,995,010.00	400,000.00
JUMLAH KESELURUHAN			25,395,010.00	
11.	YB TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB	INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM, PERMODENAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI	392,870,050.00	300,000.00
JUMLAH KESELURUHAN			393,170,050.00	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 Paya Jaras)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN SELANGOR VISION CITY, ELMINA EAST DAN ELMINA
WEST**

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah terdapat kawalan pembangunan di kawasan tersebut yang kini menjejaskan penduduk kampung berhampiran kerana masalah perparitan dan banjir kilat yang berkala?
- b) Adakah pihak kerajaan negeri akan mengarahkan dan memastikan pihak pemaju mewujudkan kolam tadahan banjir yang mencukupi bagi mengelakkan banjir kilat?

JAWAPAN:

- a) Latar belakang masalah banjir di kawasan berhampiran pembangunan Elmina East :
 - i. Kampung Kubu Gajah merupakan salah satu perkampungan tradisi dengan profil muka bumi yang tidak sekata. Hampir kesemua rumah-rumah kediaman yang dibina tidak tersusun dan tiada kelulusan daripada Majlis.
 - ii. Kemudahan infrastruktur yang terdapat di kawasan ini tidak sempurna terutama sistem sistem perparitannya malahan terdapat jalan-jalan yang tidak mempunyai parit tepi jalan. Terdapat juga parit-parit awam yang melalui tanah-tanah persendirian dan kerap menjadi pertikaian di kalangan pemilik-pemilik tanah tersebut.
 - iii. Kejadian banjir ini telah berlaku di Jalan Gajah 16 dan Jalan Gajah 23 di Kampung Kubu Gajah pada 10 November 2013 bukan kejadian kali pertama malah telah berlaku beberapa kali sebelumnya walaupun sebelum aktiviti pembinaan dilaksanakan di kawasan pembangunan Elmina East.
 - iv. Terdapat 7 kolam tadahan mengikut pelan-pelan yang telah diluluskan dalam pembangunan Elmina East seperti berikut : -

No.Kolam Tadahan	Luas (Ekar)	Status	Hala Aliran
1	7.75	Siap dibina	Sungai Damansara
2	7.06	Siap dibina	Sungai Damansara
3	9.35	Siap dibina	Sungai Subang
4	25.13	Siap dibina	Sungai Subang

5	7.84	Siap dibina	Sungai Subang
6	11.00	Siap dibina	Sungai Subang
7	4.10	Siap dibina	Sungai Buloh

- v. Lawatan tapak pada 10 November 2014 ke pembangunan Elmina East mendapati kolam-kolam tadahan no. 1 hingga no. 7 telah berfungsi dengan baik.
- vi. Lanjutan daripada lawatan tapak tersebut juga mendapati bahawa pemaju iaitu Tetuan Sime Darby Development Sdn. Bhd juga telah siap melebarkan dan menyelenggara Sungai Subang yang merentasi kawasan pembangunan Elmina East sebagaimana syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pengaliran dan Saliran Selangor.
- vii. Majlis telah menetapkan tindakan-tindakan berikut diambil bagi mengelakkan kejadian banjir berulang di Kampung Kubu Gajah, Seksyen U17.
- viii. Bagi kawasan berhampiran sempadan pembangunan Elmina East iaitu Jalan Gajah 16, Tetuan Sime Darby Development Sdn Bhd telah :-
 - Membina ban sebagai benteng penahan limpahan air Sungai Subang ke Jalan Gajah 16
 - Mengorek dan menyelenggara parit tanah di sepanjang Jalan Gajah 16
 - Melaksanakan kerja-kerja pembersihan Sungai Subang dari Jalan Gajah ke Sungai Buloh.
- ix. Tetuan Sime Darby Development Sdn Bhd telah membina kolam takungan sementara di kawasan zon penampungan pembangunan Elmina yang bersebelahan Rentisan Elektrik dan Jalan Gajah 15.
- x. Tetuan Sime Darby Development Sdn Bhd telah meningkatkan kapasiti kolam-kolam tadahan no.4, no. 5 dan no.6 tersebut supaya kapasiti air yang mengalir ke Sungai Subang kurang daripada kapasiti sebelum pembangunan dilaksanakan. Untuk makluman, pengeluaran air daripada kawasan pembangunan Elmina melalui kolam takungan 5 atau 'outlet 3' telah dapat dikurangkan daripada 295.95 m³/sec kepada 219.49 mm³/sec.
- xi. Tetuan Sime Darby Development Sdn Bhd telah meningkatkan aras empangan sedia ada dan membina empangan tambahan sebelum melintasi paip bekalan air dengan tujuan mengurangkan kelajuan pengaliran air pada musim tengkujuh bagi simpanan Sungai Subang yang merentasi pembangunan Elmina.
- xii. Tetuan Sime Darby Development Sdn Bhd telah membina 'perimeter drain' di sempadan pembangunan Elmina berhampiran Jalan Gajah 16.
- xiii. Tetuan Sime Darby Development Sdn Bhd akan membina Kolam Takungan sementara di tanah miliknya disebelah barat Lebuhraya Koridor Guthrie (Elmina West) yang dianggarkan berkeluasan 3000 ekar dan menyumbang 50% kepada 'run off/m³ ke Sungai Subang.

- xiv. Pihak Jabatan Pengaliran dan Saliran akan mempercepatkan proses pengambilan tanah bagi kerja-kerja pelebaran Sungai Subang sepanjang 9.3 km. Ini adalah disebabkan pihak Jurutera Perunding telah menyiapkan pelan-pelan rekabentuk pihak Sime Darby Developmen Sdn Bhd telah menyediakan peruntukan bagi kerja-kerja tersebut sebanyak RM7 Juta.
 - xv. Kerajaan Negeri dipohon menyalurkan peruntukan kepada MBSA bagi membolehkan Majlis melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf sistem perparitan keseluruhan Kampung Kubu Gajah yang meliputi perlantikan Jurukur Berlesen, Jurutera Perunding dan pengambil alihan tanah-tanah persendirian untuk pembinaan parit-parit awam.
- b) MBSA telah menetapkan bahawa Kebenaran Merancang Pelan Susunatur dan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan semua pembangunan di Shah Alam hendaklah mendapatkan sokongan daripada pihak Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS). Pihak JPS telah mensyaratkan bahawa 5% daripada keluasan keseluruhan kawasan pembangunan hendaklah diperuntukkan untuk membina kolam takungan/kolam tadahan banjir.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 Batu Tiga)**

TAJUK : KEBAJIKAN RAKYAT

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan menyeluruh dan berterusan serta bersepadu Kebajikan dan PBT untuk mengurangkan kemiskinan bandar di negeri Selangor?
- b) Apakah ada mekanisme dan kayu ukur untuk mengukur kejayaan usaha-usaha kerajaan negeri Selangor membasmi kemiskinan bandar dan pendekatan usaha-usaha tersebut bersama PBT?

JAWAPAN:

- a) Dalam usaha menjaga kebajikan rakyat Negeri Selangor, salah satu aspek yang perlu diberi perhatian adalah kemiskinan sama ada di bandar dan di luar bandar supaya seimbang dengan pembangunan yang dirancang.

Pada masa ini, Kerajaan Negeri telah menyediakan pelbagai rancangan dan program melalui penglibatan Pejabat Daerah. Namun begitu, dalam masa yang sama, penglibatan PBT juga akan dipertingkatkan untuk menyokong program-program pembasmian kemiskinan yang tidak hanya tertumpu kepada kawasan luar bandar, malah di bandar.

Di antara program-program yang telah disediakan bagi mengurangkan kemiskinan adalah seperti Program Kebajikan dari "welfare" kepada "workfare", Program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan, Program Tajaan Kemahiran Teknikal melalui Kolej Antarabangsa INPENS, Program Pemberian Baucer sempena Perayaan, Program *Back to School*, Program Bantuan Peralatan Pertanian, Kursus Keusahawanan yang mampu untuk membimbing mereka untuk berjaya dan keluar dari kelompok kemiskinan.

Sokongan dan penglibatan pihak PBT seperti kemudahan infrastruktur yang lengkap, kemudahan pemberian lesen perniagaan dengan menetapkan kuota tertentu kepada penjaja jalanan atau peniaga dengan memberi keutamaan kepada golongan tempatan dan wanita juga mampu untuk membantu mengurangkan kadar kemiskinan bandar di Selangor.

- b) Penglibatan pihak PBT dalam usaha membantu mengurangkan kemiskinan bandar turut akan dipertingkatkan lagi bersama dengan Pejabat Daerah dan Tanah.

Sehubungan itu, golongan ini boleh menyertai program dan aktiviti yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri seperti latihan asas, kursus, bimbingan keusahawanan dan bantuan peralatan kepada mereka yang telah dikenal pasti dan berminat untuk mendapatkan ilmu pengetahuan seterusnya dapat belajar berdikari dan meraih pendapatan sendiri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 Sungai Pelek)**

TAJUK : TANAH TERBIAR

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor atas tanah terbiar sebanyak 157 lot seluas 1102 ekor di Daerah Kuala Langat?
- b) Sila nyatakan nombor lot , nama pemilik tanah dan lokasinya ?

JAWAPAN:

- a) Pentadbir Tanah Kuala Langat mencadangkan supaya tanah-tanah terbiar ini dibangunkan untuk tujuan pertanian selepas mendapat kebenaran daripada pemilik tanah – tanah tersebut.
- b) Seperti di lampiran A

DATA TANAH TERBIAR YANG SESUAI UNTUK PERTANIAN TAHUN 2014

NEGERI: SELANGOR
DAERAH: KUALA LANGAT

BIL	MAKLUMAT TANAH TERBIAR			MAKLUMAT PEMILIK TANAH TERBIAR	
	MUKIM	LOT	LUAS (HA)	NAMA TUAN TANAH	ALAMAT
1	TELOK PANGLIWA GARANG	10060	1.07	Mohd Nazrea b. Khalid	No.5 Jln Cempaka Putih 12, Trm Cempaka Banting
2	TELOK PANGLIWA GARANG	10149	0.55	Mohd Isnaini b. Hassan	Lot.3735,Jln Murni, Bt. 3, Kebun Baru, TPG
3	TELOK PANGLIWA GARANG	10198	0.45	Hanifah Bt. Othman	D/A.1353,Jln Kenanga Kg. Sijangkang TPG.
4	TELOK PANGLIWA GARANG	10354	1.32	Crystal Satey Glass (M)/S/B	Lot.9047,Jln Besar Telok Gong, Port Klang.
5	TELOK PANGLIWA GARANG	11081	0.81	Ng Choon Fei	No.23 Jln TR 97,Tropicana Golf & Country Resort Petaling Jaya
6	TELOK PANGLIWA GARANG	11170	0.61	Chin Wood Industries S/B	No.20 Tkt.1,Ug Kws 4, Trm Eng Ann, Klang
7	TELOK PANGLIWA GARANG	1487	1.32	tidak wujud dalam sistem	
8	TELOK PANGLIWA GARANG	1488	1.47	tidak wujud dalam sistem	
9	TELOK PANGLIWA GARANG	1489	1.31	tidak wujud dalam sistem	
10	TELOK PANGLIWA GARANG	1490	1.14	tidak wujud dalam sistem	
11	TELOK PANGLIWA GARANG	2007	1.62	tidak wujud dalam sistem	
12	TELOK PANGLIWA GARANG	13051	1.11	tidak wujud dalam sistem	
13	TELOK PANGLIWA GARANG	13052	1.11	tidak wujud dalam sistem	
14	TELOK PANGLIWA GARANG	1389	2.01	Samori b. Jaafar	No.6 Jln Lereng 8/1E Sek. 8 Shah Alam
15	TELOK PANGLIWA GARANG	2757	2.43	Kheng Joo Realty S/B	No.26,Jln Istana Klang
16	TELOK PANGLIWA GARANG	1471	1.58	tidak wujud dalam sistem	
17	TELOK PANGLIWA GARANG	1472	1.75	tidak wujud dalam sistem	
18	TELOK PANGLIWA GARANG	1473	2.03	tidak wujud dalam sistem	
19	TELOK PANGLIWA GARANG	1474	0.87	tidak wujud dalam sistem	
20	TELOK PANGLIWA GARANG	1475	0.87	tidak wujud dalam sistem	
21	TELOK PANGLIWA GARANG	1477	1.33	tidak wujud dalam sistem	
22	TELOK PANGLIWA GARANG	1478	1.06	tidak wujud dalam sistem	
23	TELOK PANGLIWA GARANG	1479	1.75	tidak wujud dalam sistem	
24	TELOK PANGLIWA GARANG	1480	1.15	tidak wujud dalam sistem	
25	TELOK PANGLIWA GARANG	1481	1.00	tidak wujud dalam sistem	
26	TELOK PANGLIWA GARANG	1482	1.18	tidak wujud dalam sistem	

DATA TANAH TERBIAR YANG SESUAI UNTUK PERTANIAN TAHUN 2014

**NEGERI: SELANGOR
DAERAH: KUALA LANGAT**

BIL	MAKLUMAT TANAH TERBIAR		LUAS (HA)	NAMA TUAN TANAH	MAKLUMAT PEMILIK TANAH TERBIAR	
	MUKIM	LOT			ALAMAT	ALAMAT
27	TELOK PANGLIMA GARANG	1483	1.25	tidak wujud dalam sistem		
28	TELOK PANGLIMA GARANG	1484	1.16	tidak wujud dalam sistem		
29	TELOK PANGLIMA GARANG	1485	1.25	tidak wujud dalam sistem		
30	TELOK PANGLIMA GARANG	1486	1.23	tidak wujud dalam sistem		
31	TELOK PANGLIMA GARANG	1491	1.61	tidak wujud dalam sistem		
32	TELOK PANGLIMA GARANG	1492	3.58	tidak wujud dalam sistem		
33	TELOK PANGLIMA GARANG	1493	5.25	tidak wujud dalam sistem		
34	TELOK PANGLIMA GARANG	1494	3.66	tidak wujud dalam sistem		
35	TELOK PANGLIMA GARANG	1495	1.20	tidak wujud dalam sistem		
36	TELOK PANGLIMA GARANG	1497	2.72	tidak wujud dalam sistem		
37	TELOK PANGLIMA GARANG	1498	2.16	tidak wujud dalam sistem		
38	TELOK PANGLIMA GARANG	1499	1.74	tidak wujud dalam sistem		
39	TELOK PANGLIMA GARANG	1500	3.93	tidak wujud dalam sistem		
40	TELOK PANGLIMA GARANG	1501	1.70	tidak wujud dalam sistem		
41	TELOK PANGLIMA GARANG	1502	2.58	tidak wujud dalam sistem		
42	TELOK PANGLIMA GARANG	1503	2.90	tidak wujud dalam sistem		
43	TELOK PANGLIMA GARANG	1504	0.81	tidak wujud dalam sistem		
44	TELOK PANGLIMA GARANG	1505	0.74	tidak wujud dalam sistem		
45	TELOK PANGLIMA GARANG	1506	1.46	tidak wujud dalam sistem		
46	TELOK PANGLIMA GARANG	1618	2.02	tidak wujud dalam sistem		
47	TELOK PANGLIMA GARANG	1647	2.09	tidak wujud dalam sistem		
48	TELOK PANGLIMA GARANG	1822	0.23	tidak wujud dalam sistem		No.470 Kg. Baru Lenjarom.
49	TELOK PANGLIMA GARANG	2009	1.62	tidak wujud dalam sistem		No.51 Lot.550, Jln Subang 2, Tmn Perindustrian Subang UEP S. Jaya
50	TELOK PANGLIMA GARANG	2020	2.02	tidak wujud dalam sistem		No.6-8 Tkt.2. Jln Gereja Kuala Lumpur.
51	TELOK PANGLIMA GARANG	2110	0.71	tidak wujud dalam sistem		No.33 Jln Helang Siput 2. Tmn Sinar suria Kuala Lumpur.
52	TELOK PANGLIMA GARANG	2111	0.71	tidak wujud dalam sistem		No.5 Jln. Sg. Beranang 32/57A Bkt. Rimau, Shah Alam.

DATA TANAH TERBIAR YANG SESUAI UNTUK PERTANIAN TAHUN 2014

NEGERI: SELANGOR
DAERAH: KUALA LANGAT

BIL	MAKLUMAT TANAH TERBIAR		LUAS (HA)	NAMA TUAN TANAH	MAKLUMAT PEMILIK TANAH TERBIAR	
	MUKIM	LOT			ALAMAT	ALAMAT
53	TELOK PANGLIJIMA GARANG	2135	2.55	tidak wujud dalam sistem	Lot 46 Penthouse Jln. Kapar Klang.	
54	TELOK PANGLIJIMA GARANG	2063	2.02	tidak wujud dalam sistem	Sin Huat Hin bt.15 Jln Klang Banting Jenjarom	
55	TELOK PANGLIJIMA GARANG	2188	1.62	tidak wujud dalam sistem	25 Jln Serulinh 47, Kws 3, Tmn Klang Jaya, Klang	
56	TELOK PANGLIJIMA GARANG	2332	1.89	tidak wujud dalam sistem	No.52 Leboh Tapah, Off Jln Pasar Klang.	
57	TELOK PANGLIJIMA GARANG	2434	1.65	tidak wujud dalam sistem	No.23 Lrg Tkt. Klang	
58	TELOK PANGLIJIMA GARANG	2435	1.62	tidak wujud dalam sistem	No.23 Lrg Tkt. Klang	
59	TELOK PANGLIJIMA GARANG	2632	1.25	tidak wujud dalam sistem	D/A No. 88, Jln Jejaka, Tmn Maluri Cheras Kuala Lumpur.	
60	TELOK PANGLIJIMA GARANG	2633	1.22	tidak wujud dalam sistem	D/A No. 88, Jln Jejaka, Tmn Maluri Cheras Kuala Lumpur.	
61	TELOK PANGLIJIMA GARANG	2691	1.02	tidak wujud dalam sistem	No.12, Jln Bidai U8/13C Sek. U8 Bkt. Jrlutung Shah Alam.	
62	TELOK PANGLIJIMA GARANG	2854	1.70	tidak wujud dalam sistem	Lot. 2869 Jln Ros Bt. 10, Kebun Baru TPG.	
63	TELOK PANGLIJIMA GARANG	3053	1.63	tidak wujud dalam sistem	Lot 1810 Bt 81/4 Sijangkang TPG.	
64	TELOK PANGLIJIMA GARANG	3774	1.82	tidak wujud dalam sistem	Bt. 221/4, Jln Kenanga Kanchong Darat, Banting.	
65	TELOK PANGLIJIMA GARANG	3775	1.84	tidak wujud dalam sistem	No.40 A, Perisaran Raja Muda Musa KS/01 Simpang Lima, Klang.	
66	TELOK PANGLIJIMA GARANG	3778	1.87	tidak wujud dalam sistem	No. 114 Tmn Seri Selayang Batu Caves.	
67	TELOK PANGLIJIMA GARANG	679	2.02	tidak wujud dalam sistem	No.72 Jln Kedah, Di Jln Meru, Klang.	
68	TELOK PANGLIJIMA GARANG	3556	2.09	tidak wujud dalam sistem		
69	TELOK PANGLIJIMA GARANG	3612	1.10	tidak wujud dalam sistem	TBG. 51, Simpang 4, Telok Pulai, Klang.	
70	TELOK PANGLIJIMA GARANG	3613	0.84	tidak wujud dalam sistem	No.22, Jln Lembah 18, Tmn Desa Jaya.	
71	TELOK PANGLIJIMA GARANG	3618	1.12	tidak wujud dalam sistem	No.1. Leboh Tun Tmn Chi Liung, Klang.	
72	TELOK PANGLIJIMA GARANG	3723	1.12	tidak wujud dalam sistem	No.7 Jln Damar 3 Fasa 1, Sri Pandamar, Klang.	
73	TELOK PANGLIJIMA GARANG	3745	1.34	tidak wujud dalam sistem	No. 15, Rumah Murah PKNS, TPG.	
74	TELOK PANGLIJIMA GARANG	3758	1.82	tidak wujud dalam sistem	No. 25-1, Jln PIU 1/42 A, Block F2, Dataran Prima Petaling Jaya.	
75	TELOK PANGLIJIMA GARANG	4090	0.65	tidak wujud dalam sistem	No.363, Jln Jering Pandamaran Pelabuhan Klang.	

DATA TANAH TERBIAR YANG SESUAI UNTUK PERTANIAN TAHUN 2014

NEGERI: SELANGOR
DAERAH: KUALA LANGAT

BIL	MAKLUMAT TANAH TERBIAR			MAKLUMAT PEMILIK TANAH TERBIAR	
	MUKIM	LOT	LUAS (HA)	NAMA TUAN TANAH	ALAMAT
79	TELOK PANGLIMA GARANG	4368	0.44	tidak wujud dalam sistem	36, Lingkungan Sri Sedeli 1-A, Tmn Sri Andalas Klang.
80	TELOK PANGLIMA GARANG	4561	2.07	tidak wujud dalam sistem	No.288, Jln Pulau Carey TPG.
81	TELOK PANGLIMA GARANG	512	1.56	tidak wujud dalam sistem	No.20 Jln Beringin Shah Alam.
82	TELOK PANGLIMA GARANG	532	1.96	tidak wujud dalam sistem	
83	TELOK PANGLIMA GARANG	682	1.97	tidak wujud dalam sistem	
84	TELOK PANGLIMA GARANG	781	2.04	tidak wujud dalam sistem	B-72, Lorong 21 Jenjarom Kuala Langat.
85	TELOK PANGLIMA GARANG	8592	0.82	tidak wujud dalam sistem	No.12 Jln Kipas 34/9, Sek.34 Bkt Kemuning Light Industrial Park Shah Alam.
	JUMLAH MUKIM TELOK PANGLIMA GARANG	85	132.24	tidak wujud dalam sistem	

DATA TANAH TERBIAR YANG SESUAI UNTUK PERTANIAN TAHUN 2014

NEGERI: SELANGOR
DAERAH: KUALA LANGAT

BIL	MAKLUMAT TANAH TERBIAR			MAKLUMAT PEMILIK TANAH TERBIAR	
	MUKIM	LOT	LUAS (HA)	NAMA TUAN TANAH	ALAMAT
1	TANJONG DUABELAS	10223	40.69	tidak wujud dalam sistem	
2	TANJONG DUABELAS	10743	9.47	tidak wujud dalam sistem	
3	TANJONG DUABELAS	10744	9.10	tidak wujud dalam sistem	
4	TANJONG DUABELAS	10745	8.51	tidak wujud dalam sistem	
5	TANJONG DUABELAS	11725	1.01	tidak wujud dalam sistem	No.30 Jln Merpati 1, Kws 5, Banting.
6	TANJONG DUABELAS	11726	1.01	tidak wujud dalam sistem	No.12 Jln Tunas Harapan Batu 1, Kg. Sg. Buaya Banting.
7	TANJONG DUABELAS	11727	1.01	tidak wujud dalam sistem	No. 12 Batu 1, Kg.Sg. Buaya Banting.
8	TANJONG DUABELAS	11773	1.01	tidak wujud dalam sistem	No.44 USJ 4/PS Subang Jaya.
9	TANJONG DUABELAS	11774	1.01	tidak wujud dalam sistem	No. 36 Jln 17/4 Petaling Jaya.
10	TANJONG DUABELAS	11784	1.01	tidak wujud dalam sistem	No.27 Jln Melor Tmn Seri Telok Datok, Banting.
11	TANJONG DUABELAS	11785	1.01	tidak wujud dalam sistem	No. 4 Jln Teratai Tmn Seri Telok Datok, Banting.
12	TANJONG DUABELAS	11787	1.01	tidak wujud dalam sistem	No. 5 Jln Ria 2 Tmn Ria Jenjarom
13	TANJONG DUABELAS	11799	1.01	tidak wujud dalam sistem	No.128 Jln 212 Tmn Bidara Batu Caves.
14	TANJONG DUABELAS	12151	1.21	tidak wujud dalam sistem	
15	TANJONG DUABELAS	12152	1.21	tidak wujud dalam sistem	
16	TANJONG DUABELAS	12153	1.21	tidak wujud dalam sistem	
17	TANJONG DUABELAS	12154	1.21	tidak wujud dalam sistem	
18	TANJONG DUABELAS	12155	1.21	tidak wujud dalam sistem	
19	TANJONG DUABELAS	12156	1.21	tidak wujud dalam sistem	
20	TANJONG DUABELAS	12157	1.21	tidak wujud dalam sistem	
21	TANJONG DUABELAS	12158	1.22	tidak wujud dalam sistem	
22	TANJONG DUABELAS	12189	177.64	tidak wujud dalam sistem	
23	TANJONG DUABELAS	12194	198.60	tidak wujud dalam sistem	
24	TANJONG DUABELAS	12195	198.87	tidak wujud dalam sistem	
25	TANJONG DUABELAS	15756	6.71	tidak wujud dalam sistem	
26	TANJONG DUABELAS	22773	0.47	tidak wujud dalam sistem	

DATA TANAH TERBIAR YANG SESUAI UNTUK PERTANIAN TAHUN 2014

NEGERI: SELANGOR
 DAERAH: KUALA LANGAT

BIL	MAKLUMAT TANAH TERBIAR			MAKLUMAT PEMILIK TANAH TERBIAR	
	MUKIM	LOT	LUAS (HA)	NAMA TUAN TANAH	ALAMAT
27	TANJONG DUABELAS	4806	1.22	Loo Khoon Kin	No.51, Jin Puteri 12/7 Bandar Puteri.
28	TANJONG DUABELAS	9560	41.07	tidak wujud dalam sistem	
29	TANJONG DUABELAS	9566	41.07	tidak wujud dalam sistem	
	JUMLAH MUKIM TANJONG DUABELAS	29	752.20		

DATA TANAH TERBIAR YANG SESUAI UNTUK PERTANIAN TAHUN 2014

**NEGERI: SELANGOR
DAERAH: KUALA LANGAT**

BIL	MAKLUMAT TANAH TERBIAR			MAKLUMAT PEMILIK TANAH TERBIAR	
	MUKIM	LOT	LUAS (HA)	NAMA TUAN TANAH	ALAMAT
1	MORIB	100	0.80	Morib Land S/B	No.56 & 58 Jln Dagang SB 4/2 Tmn Sg. Besi Indah Seri Kembangan
2	MORIB	106	2.03	Hj Omar b. Hj. Abd Majid	Bt. 23 Kg. Knachong Darat Banting.
3	MORIB	14	0.67	Jayakumar a/l Munlancy	No. 20 Jln PU 8/ 2C Tmn Puchong Utama, Puchong.
4	MORIB	15	0.45	SUK Selangor	Tkt.14-19, Bangunan S.S.A.A.S., Shh Alrn.
5	MORIB	99	1.77	Morib Land S/B	No.56 & 58, Jln Dagang SB 4/2 Tmn Sg Besi Indah Seri Kembangan.
JUMLAH MUKIM MORIB		5	5.72		

DATA TANAH TERBIAR YANG SESUAI UNTUK PERTANIAN TAHUN 2014

NEGERI: SELANGOR
DAERAH: KUALA LANGAT

BIL	MAKLUMAT TANAH TERBIAR			MAKLUMAT PEMILIK TANAH TERBIAR	
	MUKIM	LOT	LUAS (HA)	NAMA TUAN TANAH	ALAMAT
1	KELANANG	2235	0.91	tidak wujud dalam sistem	
2	KELANANG	2260	0.73	tidak wujud dalam sistem	
3	KELANANG	183	0.79	Thung Kheng Sui	No. 14 Jln Baiduri 23, Trm Baiduri, Banting.
4	KELANANG	4255	22.30	tidak wujud dalam sistem	
5	KELANANG	788	5.48	tidak wujud dalam sistem	
JUMLAH MUKIM KELANANG		5	30.21		

DATA TANAH TERBIAR YANG SESUAI UNTUK PERTANIAN TAHUN 2014

NEGERI: SELANGOR
DAERAH: KUALA LANGAT

BIL	MAKLUMAT TANAH TERBIAR			MAKLUMAT PEMILIK TANAH TERBIAR	
	MUKIM	LOT	LUAS (HA)	NAMA TUAN TANAH	ALAMAT
1	JUGRA	1033	17.94	tidak wujud dalam sistem	
2	JUGRA	1034	7.01	tidak wujud dalam sistem	
3	JUGRA	1075	1.51	tidak wujud dalam sistem	
4	JUGRA	1076	2.96	tidak wujud dalam sistem	
5	JUGRA	146	1.01	tidak wujud dalam sistem	
6	JUGRA	161	0.46	tidak wujud dalam sistem	
7	JUGRA	164	3.77	tidak wujud dalam sistem	
8	JUGRA	168	0.57	tidak wujud dalam sistem	
9	JUGRA	24	0.56	Madsuboh b. Lemon	Kg. Permatang Pasir, banting.
10	JUGRA	248	4.86	tidak wujud dalam sistem	
11	JUGRA	25	0.78	tidak wujud dalam sistem	
12	JUGRA	26	0.82	Chow Cho Tai	No.8 Jln Halaman 6, Trm Halaman Ampang.
13	JUGRA	304	2.91	tidak wujud dalam sistem	
14	JUGRA	689	0.45	Yazid b. Andak	No. 280/5, jln Kent dua off Jln Hurmey Kuala Lumpur.
15	JUGRA	3155	0.61	Ku Sulaiman Shah Al Haj ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abd Aziz Shah Al Haj	Bkt Riahan No.1 Jln Bkt OPU Daeng Chelak Satu 9/2A Shah Alam.
16	JUGRA	340	2.01	tidak wujud dalam sistem	
17	JUGRA	3502	69.68	tidak wujud dalam sistem	
18	JUGRA	3506	18.03	tidak wujud dalam sistem	
19	JUGRA	3541	19.71	tidak wujud dalam sistem	
20	JUGRA	569	1.90	tidak wujud dalam sistem	
21	JUGRA	588	1.31	tidak wujud dalam sistem	
22	JUGRA	589	1.92	tidak wujud dalam sistem	
23	JUGRA	680	1.64	tidak wujud dalam sistem	

DATA TANAH TERBIAR YANG SESUAI UNTUK PERTANIAN TAHUN 2014

NEGERI: SELANGOR
 DAERAH: KUALA LANGAT

BIL	MAKLUMAT TANAH TERBIAR			MAKLUMAT PEMILIK TANAH TERBIAR	
	MUKIM	LOT	LUAS (HA)	NAMA TUAN TANAH	ALAMAT
24	JUGRA	683	0.87	tidak wujud dalam sistem	
25	JUGRA	662	4.10	tidak wujud dalam sistem	
26	JUGRA	624	1.34	tidak wujud dalam sistem	
JUMLAH MUKIM JUGRA		26	168.73		

DATA TANAH TERBIAR YANG SESUAI UNTUK PERTANIAN TAHUN 2014

**NEGERI: SELANGOR
DAERAH: KUALA LANGAT**

BIL	MAKLUMAT TANAH TERBIAR			MAKLUMAT PEMILIK TANAH TERBIAR	
	MUKIM	LOT	LUAS (HA)	NAMA TUAN TANAH	ALAMAT
1	BATU	217	1.89	Chia Siang Wu	No. 62 Jln SG. 9/17 Trm Seri Gombak Kuala Lumpur.
2	BATU	2534	0.67	Chia Siang Wu	No.62 Jln SG. 9/17 Trm Seri Gombak Kuala Lumpur.
3	BATU	4775	7.64	tidak wujud dalam sistem	
JUNJAL MUKIM BATU		3	10.20		

DATA TANAH TERBIAR YANG SESUAI UNTUK PERTANJIAN TAHUN 2014

**NEGERI: SELANGOR
DAERAH: KUALA LANGAT**

BIL	MAKLUMAT TANAH TERBIAR			MAKLUMAT PEMILIK TANAH TERBIAR	
	MUKIM	LOT	LUJAS (HA)	NAMA TUAN TANAH	ALAMAT
1	BANDAR	502	0.56	Halus Bt. Hj. Mohamed	
2	BANDAR	730	0.44	tidak wujud dalam sistem	
3	BANDAR	74	1.01	Mohd Isa b. Wasiman	No.21, Jln Andaman Utama Trm Andales Ukay, Ampang (terdapat dua ty/milik yang masih berdaftar didalam sistem
4	BANDAR	876	1.16	Abdul Halim b. Hj. Jabar	Kg. Bandar Hujung, Benting.
JUMLAH MUKIM IUGRA		4	3.17		
JUMLAH DAERAH KUALA LANGAT		157	1,102.47		

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 Bukit Melawati)**

TAJUK : PRODUK-PRODUK BARU PELANCONGAN DI ATAS BUKIT MELAWATI

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kenapa rumah kediaman bekas-bekas ketua jabatan dan bekas Rumah Rehat di atas bukit dibiarkan begitu sahaja?
- b) Apakah tidak difikirkan untuk digunapakai sebagai tambahan produk-produk pelancongan yang baharu?
- c) Apakah agensi yang Bertanggungjawab tidak mempunyai peruntukan langsung?

JAWAPAN:

a),b) dan c)

Rumah Pegawai Daerah telah dijadikan Pejabat Muzium dan Muzium Sejarah Bukit Melawati di bawah tanggungjawab Perbadanan Adat dan Warisan Selangor (PADAT).

Rumah Penolong Pegawai Daerah telah dijadikan Muzium Permainan Tradisional Rakyat Bukit Melawati dan di bawah seliaan PADAT.

Rumah Jurutera JKR Daerah tidak lagi diduduki oleh Ketua Jabatan kerana telah berpindah ke kuarters di Tanjung Keramat.

Rumah Rehat : JKR Daerah telah mengeluarkan pengesahan bahawa bangunan tersebut tidak sesuai lagi digunakan dan membahayakan pengguna pada 9 September 2006. Sehubungan itu, Pejabat Daerah telah menutup premis tersebut dan permohonan roboh serta membina baru Rumah Rehat Kuala Selangor dengan kos RM800,000.00 akan dimohon kepada UPEN

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 Meru)**

TAJUK : ANCAMAN ANJING LIAR DI DUN MERU.

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah halangan dalam kaedah penangkapan masa kini yang amat lemah?
- b) Sudahkah digerakkan kempen kesedaran membendung pembiakan anjing liar?
- c) Adakah masalah sampah yang berlonggok di tempat awam salah satu punca peningkatan anjing liar?

JAWAPAN:

- a) Masalah yang dialami semasa menjalankan tangkapan anjing liar ialah ada pihak yang melindungi anjing-anjing liar itu dari ditangkap. Mereka mengaku tuan punya anjing tersebut, tetapi realitinya mereka tidak menjaga, membela atau menyimpan anjing-anjing tersebut. Mereka hanya memberi makan sahaja pada anjing liar tersebut dan membiarkan anjing tersebut berkeliaran secara bebas.
- b) Pihak Majlis mempunyai tatacara sebenar pemeliharaan anjing untuk pemilik anjing ialah:-
 - i) Mendapatkan lesen anjing dari MPK.
 - ii) Hanya dibenarkan memelihara anjing mengikut keluasan premis:-
 - 1,000 meter persegi atau kurang - tidak boleh lebih dua (2) ekor.
 - Lebih dari 1,000 meter persegi – tidak boleh lebih empat (4) ekor
 - iii) Perlu mendapatkan suntikan bagi mencegah penyakit anjing gila sebelum memperbaharui lesen anjing.
 - iv) Sentiasa menjaga kebersihan premis bagi mengatasi isu kacau ganggu bunyi bising dan bau.
 - v) Anjing tersebut handaklah sentiasa berada di bawah kawalan pemiliknya.

Majlis melaksanakan program-program secara berterusan seperti tindakan penguatkuasaan Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing dan mengadakan dialog dengan NGO-NGO pencinta haiwan.

- c) Ya, masalah sampah yang berlonggok di tempat awam merupakan salah satu punca peningkatan anjing liar kerana anjing-anjing liar akan berkumpul untuk mencari makan di tempat-tempat tersebut dan haiwan ini juga menyebabkan sampah tersebut bertaburan dan bersepah dengan lebih jauh.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 Kota Anggerik)**

TAJUK : PEMBANGUNAN PANGSAPURI KOS RENDAH SEKSYEN 16 SHAH ALAM

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha PKNS untuk pembangunan semula pangsapuri ini ?
- b) Berapakah anggaran kos untuk pembangunan semula pangsapuri ini ?
- c) Bila dijangka akan dimulakan ?

JAWAPAN:

- a) Pembinaan pangsapuri kos rendah Seksyen 16 Shah Alam yang telah berumur lebih 35 tahun bertujuan untuk memenuhi permintaan daripada pekerja-pekerja kilang disekitar kawasan perindustrian PKNS. Terdapat sebanyak 918 unit pangsapuri dan 8 unit kedai di atas tapak seluas 17.32 ekar.

Sesuai dengan keadaan jangka hayat bangunan yang semakin uzur, PKNS telah mula merancang program pembangunan semula dengan mengutip maklumat asas profil pemilik. Langkah seterusnya yang perlu di ambil oleh PKNS ialah seperti berikut:

- i) Memantau unit-unit yang telah kosong.
- ii) Menguruskan hal berkaitan hartanah seperti urusan kematian pemilik dan urusan dengan pihak pembiaya.
- iii) Menguruskan isu-isu perundangan yang berkaitan Kanun Tanah Negara dan Akta Hakmilik Strata.
- iv) Menyelaras program perundingan dengan penduduk.
- v) Melaksanakan kajian viabiliti projek
- vi) Melaksanakan pembangunan mengikut persetujuan pemilik

Program pembangunan semula ini dijangka mampu menambahbaik kualiti kediaman serta infrastruktur sedia ada seperti pembesaran jalan, parit, pembentungan dan kerja-kerja sivil berkaitan.

- b) PKNS masih di dalam peringkat permulaan perancangan pembangunan. Bagaimanapun kos dianggarkan tidak kurang daripada RM150 juta yang melibatkan kos pembinaan, pampasan kepada pemilik dan kos tanah.
- c) Mengikut pengalaman PKNS, cadangan pembangunan semula perlu melalui beberapa peringkat. Secara keseluruhannya sesuatu proses pembangunan semula boleh mengambil masa dalam tempoh 5 hingga 8 tahun seperti berikut:

PERKARA	TEMPOH
Perundingan	1 hingga 2 tahun
Perancangan	6 bulan hingga 1 tahun
Pembinaan	3 hingga 5 tahun

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 Balakong)**

TAJUK : PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR MASJID DAN SURAU

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah pembangunan infrastruktur masjid dan surau yang telah, sedang dan akan dilaksanakan pada tahun 2014 mengikut DUN masing-masing
- b) Sila jelaskan sebab-sebab permohonan pembangunan infrastruktur masjid dan surau di dalam DUN Balakong yang belum diluluskan lagi.

JAWAPAN:

- a) Jumlah pembangunan infrastruktur masjid mengikut DUN adalah seperti berikut:

BIL	MASJID	DUN
1	MASJID KG. TUMBOK, KUALA LANGAT	TANJUNG SEPAT
2	MASJID KG. SERI KEDAH, SEKINCHAN	SEKINCHAN
3	MASJID TAMAN PADU PERMAI, SG. BESAR	SUNGAI PANJANG
4	MASJID AL-ISLAH, KG. SEMENTA, KLANG	SEMENTA
5	MASJID FELDA SG. TENGI, HULU SELANGOR	HULU SELANGOR
6	MASJID KG. JOHAN SETIA	SERI ANDALAS
7	MASJID SAIDINA ALI, BUKIT SENTOSA	BATANG KALI
8	MASJID ALAM IMPIAN (MAAHAD TAHFIZ ALAM IMPIAN)	SERI MUDA
9	MASJID DATO' HJ. KAMARUDDIN, PETALING	KG. TUNKU
10	MASJID AL-ISLAH, SERI KEMBANGAN	SERI KEMBANGAN
11	MASJID TAMAN UKAY PERDANA	HULU KLANG

Kerajaan Negeri tidak mempunyai peruntukan bagi pembinaan atau pembangunan infrastruktur yang melibatkan surau. Permohonan pembangunan infrastruktur yang melibatkan surau tersebut boleh dikemukakan kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS).

- b) Sehingga kini, belum ada permohonan yang diterima untuk pembangunan masjid dan surau diterima.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 Pelabuhan Klang)**

TAJUK : PELAN TINDAKAN TANGANI GST

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pelan tindakan terperinci Kerajaan Negeri untuk membantu meringankan beban ledakan inflasi dan lonjakan kos sara hidup ke atas rakyat Selangor akibat program rasionalisasi subsidi dan pelaksanaan GST.

JAWAPAN:

- a) Perdana Menteri Malaysia melalui pembentangan Belanjawan Tahun 2014 yang lalu telah mengumumkan perancangan kerajaan untuk melaksanakan *Goods and Services Tax (GST)* bagi menghapuskan *Sales and Services Tax (SST)* berkuatkuasa 1 April 2015. Pelaksanaan GST ini sedikit sebanyak memberikan kesan kepada rakyat yang mana ianya semakin dirasai apabila kadar inflasi meningkat ekoran kenaikan harga barangan dan perkhidmatan ketika pendapatan rakyat tidak banyak berubah. Tidak dapat dinafikan, pelaksanaan GST juga akan menyebabkan rakyat semakin tertekan apabila banyak barangan akan dikenakan cukai.

Kerajaan Negeri Selangor sangat prihatin dan sangat memahami situasi yang sedang dihadapi oleh rakyat kini. Oleh yang demikian, program-program jaringan sosial seperti yang telah dilaksanakan di bawah Dasar Merakyatkan Ekonomi Selangor sejak tahun 2008 masih dan akan diteruskan berikutan rakyat akan terus terbeban dengan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan yang masih gagal disekat oleh pihak yang berkewajipan. Selain meningkatkan pendapatan rakyat, program-program yang dilaksanakan ini juga sekaligus dapat merapatkan jurang pendapatan antara rakyat berpendapatan rendah dengan rakyat berpendapatan menengah. Pelaksanaan agenda MES akan menjadikan kebajikan dan kualiti hidup rakyat lebih baik dan sekaligus rakyat dapat menikmati hidup yang lebih sejahtera.

Selain meneruskan pelaksanaan agenda MES di negeri ini, beberapa program baru turut dilancarkan yang antaranya termasuklah program-program memperkasa pembangunan kampung-kampung tradisi dan baru. Usaha ini dilakukan bagi meningkatkan pendapatan per kapita penduduk luar bandar agar setanding dengan pendapatan penduduk di bandar-bandar. Kerajaan Negeri Selangor juga komited dalam membantu rakyat meringankan beban kos sara hidup yang meningkat melalui pelbagai program dan insentif yang antara lainnya memfokuskan kepada dasar perumahan yang menitikberatkan keperluan tempat kediaman untuk semua dengan pembinaan rumah mampu milik yang bermutu

serta menguruskan projek-projek perumahan lain yang mengutamakan tahap kemampuan rakyat untuk membeli. Dasar Keusahawanan dan Inovasi juga akan diberi perhatian bagi memberikan peluang kepada rakyat menambahbaik taraf kehidupan melalui penubuhan dana khas serta penyediaan kemudahan latihan dan pendidikan keusahawanan yang kondusif.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 Hulu Kelang)**

TAJUK : SKIMSEL DAN MIMBAR

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Di segi pelaksanaan mengapa SKIMSEL lebih efektif dan efisien berbanding MiMBAR; atau sebaliknya?
- b) Dari segi pemberdayaan wanita apakah kelebihan SKIMSEL berbanding MiMBAR; atau sebaliknya?
- c) Di segi membasmi kemiskinan apakah kelebihan SKIMSEL berbanding MiMBAR; atau sebaliknya?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Jadual di bawah menunjukkan perbandingan pencapaian setakat 31hb Oktober 2014 :

BIL	PERKARA	SKIMSEL	MIMBAR
1.	JANGKAUAN PESERTA		
	Tempoh operasi	Mac 2010–Okt 2014	Feb 2011 – Okt 2014
	Jumlah peserta terkumpul	10,827	4,979
	Jumlah Saluran Dana MBI	RM 23,499,690.00	RM 15,931,656.58
	Jumlah pembiayaan Terkumpul	RM 89,032,750	RM 10,200,978
	Nisbah Saluran Dana Per Pembiayaan	1 : 3.7	1:0.6
	Purata pembiayaan per peserta	RM 8,223	RM 2,049

2.	KUTIPAN BAYARAN BALIK PESERTA & KUALITI PORTFOLIO		
Jumlah Pembiayaan Terkumpul	RM 89,032,750	RM 10,200,978	
Jumlah Kutipan	RM 65,369,367	RM 5,283,913	
Jumlah Tunggakan	RM 433,330	RM 4,917,065	
Jumlah Portfolio Berisiko	2%	87%	
Kadar Kutipan Balik (Terkumpul)	98%	13%	
Kadar Kutipan Balik Tahun 2010	100%		
Kadar Kutipan Balik Tahun 2011	99%		
Kadar Kutipan Balik Tahun 2012	98%		
Kadar Kutipan Balik Tahun 2013	97%		
Kadar Kutipan Balik Tahun 2014	98%		
<i>Nota : KPI kadar kutipan balik yang diluluskan dalam MMKN pada kadar 90%.</i>			

3.	KEUPAYAAN DAYA MAJU		
Jumlah Kerugian Terkumpul	RM2,319,879	RM10,288,193	
Jumlah Pembiayaan Tahun 2014	RM21,653,713	RM647,500	
Jumlah Belanja Tahun 2014	RM3,010,596	RM2,223,321	
Belanja Kakitangan & Manfaat	RM2,697,481	RM1,960,430	
Nisbah jumlah belanja per jumlah pembiayaan tahun 2014	1 : 0.14	1 : 3.43	
Nisbah kerugian terkumpul per jumlah pembiayaan terkumpul	2.6%		

Daripada jadual perbandingan pencapaian yang dinyatakan di atas dapat disimpulkan bahawa program SKIMSEL lebih efektif dan efisien berbanding program MIMBAR.

Terdapat beberapa kelemahan di dalam program Mimbar yang telah dikenalpasti antaranya adalah :-

i) KUTIPAN BAYARAN TERTUNGGAK

Pihak Audit Dalaman MBI mendapati bahawa **29% bersamaan RM1,270,235** daripada tunggakan bayaran balik yang melebihi 30 hari adalah merupakan pembiayaan yang telah dikeluarkan kepada **632 peserta tegar yang tidak pernah membuat sebarang pembayaran balik** kepada Mimbar semenjak tarikh pembiayaan dikeluarkan.

Kedudukan tunggakan yang tinggi boleh menjejaskan keupayaan Mimbar untuk terus memberi manfaat yang meluas kepada rakyat dibawah program MES kerana dana yang telah di agihkan kepada peserta semasa mungkin tidak dapat dimasukkan semula ke pusingan pembiayaan baharu.

ii) “BUSINESS MODEL”

Jadual di bawah merupakan perbandingan "business model" yang dijalankan oleh MIMBAR dan SKIMSEL sebagaimana berikut :-

BIL	PERKARA	SKIMSEL	MIMBAR
1.	Kumpulan Sasaran	Miskin luar bandar	Miskin dalam bandar
2.	Latihan Wajib	3 hari latihan wajib	Taklimat latihan asas sehari
3.	Kumpulan /Nadi	Mempunyai 5 orang ahli (1 kumpulan)	Tiada kumpulan dibentuk
4.	Tabung Kumpulan	RM5 Seminggu	Tiada tabung kumpulan
5.	Mesyuarat Peserta / Sadiq	Seminggu sekali	Tiada paksaan
6.	Kutipan Bayaran	Secara mingguan	Secara bulanan
7.	Kaedah kutipan	Secara tunai mingguan	Secara autodebit / tunai bulanan
8.	Jaminan deposit	3 minggu bayaran balik	Tiada
9.	Caj	3% - 12 minggu	Tiada kenaan caj

	perkhidmatan	6% - 25 minggu 8% - 50 mingguan	perkhidmatan
10.	Pengesahan Modal	Pegawai Operasi akan menyemak resit pembelian semasa pengesahan modal	Tiada pengesahan melalui semakan resit pembelian
11.	Lawatan tapak projek	Pegawai Operasi akan membuat lawatan tapak projek 2 kali dalam tempoh setahun	Tiada lawatan tapak projek selepas mendapat pembiayaan. Lawatan tapak projek hanya dilakukan semasa proses siasatan awal permohonan pembiayaan.

Untuk makluman, **program SKIMSEL menggunakan “business model” Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) manakala program MiMBAR tidak berpandukan mana-mana model skim mikro Kredit di Malaysia** di mana MiMBAR ingin membuat kelainan dan **menggunakan model tersendiri tanpa membuat apa-apa kajian berkaitan risiko-risiko yang bakal dihadapi** antaranya adalah kutipan balik pembiayaan. Program SKIMSEL telah terbukti berjaya kerana jumlah dana yang diterima daripada MBI berjumlah **RM23,499,690** telah **berjaya dikembangkan** dengan jumlah pembiayaan terkumpul berjumlah **RM89,032,750**.

Secara perbandingan dari segi keupayaan untuk mendapatkan balik kutipan balik peserta kemungkinan ahli kumpulan yang dibentuk dapat membantu mempengaruhi peserta untuk lebih bertanggungjawab dalam pembayaran balik pembiayaan. Manakala MIMBAR hanya bersendirian dan ini menyebabkan kurangnya kesedaran berkaitan tanggungjawab membayar balik pembiayaan.

Selain itu, kekerapan kutipan juga memainkan peranan di mana mimbar hanya membuat kutipan secara bulanan dan Standing Instruction (SI) menyebabkan risiko dalam kutipan bayaran balik kerana peserta MIMBAR di kawasan Bandar di mana majoriti penduduk bandar kebiasaannya menyewa rumah. Sekiranya mereka berpindah maka pihak MIMBAR menghadapi kesulitan dalam mencari peserta terbabit.

Pelan / Tindakan penambahbaikan

Antara penambahbaikan yang dilakukan bagi mengatasi kelemahan program Mimbar adalah dengan menambahbaik “business model” program Mimbar iaitu dengan melaksanakan **caj pengurusan menurut syariah (Ujrah)** adalah berasaskan konsep bayaran upah ke atas khidmat peminjam yang diberikan. Caj pengurusan yang dikenakan adalah pada kadar rata bertujuan untuk menampung perbelanjaan pengurusan dan mengurangkan kebergantungan terhadap saluran geran daripada MBI.

Program MiMBAR juga perlu **menukar “business model”** dengan mengambil contoh “business model” yang digunapakai oleh program SKIMSEL bagi memastikan program MiMBAR berjaya. Dengan penggunaan “business model” SKIMSEL, MiMBAR akan dapat memastikan kutipan bayaran balik pembiayaan lebih teratur dan penerimaan bayaran kutipan balik mengikut masa yang ditetapkan begitu juga tapisan dalam mendapatkan peserta.

Selain daripada itu bagi kutipan bayaran tertunggak, pihak pengurusan telah membuat **ops kutipan** dan berjaya membuat penjadualan semula bagi baki kutipan pembiayaan tertunggak. Pengurusan Mimbar juga akan membuat tapisan ke atas peserta bagi memastikan peserta yang diambil bertanggungjawab untuk membuat bayaran balik ke atas pembiayaan yang diberi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 Kajang)**

TAJUK : ISU RDF

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status kajian dan penilaian terkini penggunaan *Revised Derived Fuel* (RDF) dalam pengurusan sisa pejal
- b) Apakah rancangan kerajaan negeri untuk memperkenalkan teknologi pengurusan sisa pejal yang lebih mesra alam dan efisien di dalam proses pengurusan sisa pejal
- c) Apakah rancangan kerajaan negeri untuk menyediakan '*transfer station*' untuk memudahkan penghantaran sisa pejal ke lokasi tapak pelupusan sampah dan RDF di setiap zon PBT seluruh Selangor.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Pejabat Menteri Besar telah mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Isu-Isu Pengurusan Sisa Pepejal di Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) pada 21 Julai 2014 yang membincangkan khusus mengenai status terkini permasalahan yang timbul rentetan daripada kegagalan loji RDF berfungsi sejak April 2014. Mesyuarat tersebut telah memutuskan supaya langkah-langkah segera perlu diambil bagi menangani tersebut. Langkah-langkah tersebut adalah:
 - i. Menjalankan penilaian prestasi syarikat pengoperasi RDF iaitu Recycle Energy Sdn. Bhd. (RESB). Perkara ini timbul apabila didapati bahawa antara punca masalah pengutipan sampah di kawasan MPKj adalah kegagalan loji RDF melaksanakan operasi penguraian sampah. Loji RDF merupakan usahasama secara penswastan antara MPKj dan RESB bermula tahun 2004 dengan konsesi selama 30 tahun.
 - ii. Tanggungjawab membuat kajian dan penilaian prestasi telah diamanahkan kepada Pegawai Tugas-tugas Khas di Pejabat Menteri Besar. Namun setelah berlaku perubahan kepimpinan, usaha kajian yang dimaksudkan tidak dapat dilaksanakan.

- b) Kerajaan Negeri mengambil serius perihal pengurusan sisa pepejal terutamanya berkenaan jangkahayat tapak pelupusan. Dalam hal ini, suatu Jawatankuasa Khas Pengurusan Sisa Pepejal Negeri Selangor (*Task Force* Sampah) telah dibentuk bagi mengenalpasti kaedah dan mencari penyelesaian terbaik secara menyeluruh.

Task Force ini telah melantik PE Research melaksanakan kajian *Integrated Solid Waste Management Study for Selangor* yang telah mencadangkan beberapa opsyen penyelesaian yang merangkumi kombinasi pelbagai teknologi termasuk aspek mesra alam bagi mengurangkan kebergantungan kepada tapak pelupusan sampah. Antara kombinasi penggunaan teknologi yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- i. *Transfer Station (TS)*
- ii. *Material Recovery Facility (MRF)*
- iii. *Waste to Energy (WtE)*
- iv. *Sanitary Landfill (SLF)*
- v. *Open Dump (OD)*

- c) Pusat pemindahan atau *transfer station* merupakan salah satu cara yang paling efektif bagi meningkatkan kekerapan (*frequency*) kutipan sampah. Buat masa ini, hanya terdapat sebuah *transfer station* di Selangor iaitu Shah Alam Transfer Station (SATS) di Seksyen 21 yang dioperasikan oleh pihak Worldwide Holdings Berhad (WHB). SATS ini digunakan oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sesuai dengan faktor jarak dan lokasi. Namun demikian Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang lain tidak dapat menggunakan fasiliti ini. Contohnya, Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) perlu menghantar sisa pepejal terus ke Tapak Pelupusan Tanjung 12 di Kuala Langat yang jaraknya di antara 40 hingga 80 kilometer.

Kos pembinaan *transfer station* adalah lebih tinggi berbanding penyediaan tapak pelupusan sanitari kerana faktor kos peralatan mekanikal. Dengan adanya teknologi seperti itu, kesan sosial seperti bau busuk dan tumpahan *leachate* dapat diatasi jika dibandingkan dengan tapak pelupusan. Tambahan pula keluasan minimum untuk sebuah *transfer station* hanya 6 ekar dengan kapasiti 500tan/hari dan boleh dibina di kawasan perindustrian.

Justeru itu, pihak perunding bebas (PE Research) dengan bantuan agensi/jabatan Kerajaan juga telah mencadangkan beberapa lokasi untuk membangunkan *transfer station*. Namun demikian, cadangan-cadangan tersebut sering mendapat bantahan penduduk walaupun lokasinya jauh dari kawasan penempatan penduduk. Sindrom "*not in my back yard*" masih menebal di seluruh rakyat Selangor meskipun aspek-aspek sosial, topografi, pembinaan, alam sekitar dan kos telah diambilkira untuk menyelesaikan masalah ini dan sekaligus memberikan perkhidmatan kutipan sampah yang lebih baik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 Kuala Kubu Baharu)**

TAJUK : PENGURUSAN MASALAH CERUN

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan unit-unit kejuruteraan cerun yang telah ditubuhkan samada di PBT atau JKR Daerah di Selangor.
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang menubuhkan sebuah agensi atau jabatan yang melibatkan pakar geoteknikal di peringkat negeri untuk memastikan pemantauan cerun secara berkala dilakukan oleh PBT atau JKR Daerah di Selangor. Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya
- c) Adakah Kerajaan Negeri bersedia mencontohi Hong Kong Geotechnical Engineering Office (HK GEO) untuk pengurusan masalah cerun di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Tiada unit Kejuruteraan Cerun di JKR Daerah di Selangor. Walau bagaimanapun, terdapat Bahagian Forensik dan Geoteknik di JKR Selangor yang di tugaskan untuk memantau dan memeriksa cerun-cerun yang berisiko tinggi dalam kawasan jalan JKR.

Berikut adalah unit- unit/ bahagian kejuruteraan cerun yang telah ditubuhkan di PBT:

PBT	UNIT/ BAHAGIAN
MBSA	Bahagian Penyelenggaraan Cerun, Jabatan Kejuruteraan
MBPJ	Tiada unit Kejuruteraan cerun. Walau bagaimanapun, pengurusan dan pemantauan cerun adalah dibawah Bahagian Pembangunan Infrastruktur, Jabatan Kejuruteraan.
MPK	TIADA
MPAJ	Bahagian Cerun di Bawah Pengurusan Jabatan Kejuruteraan pada Tahun 2009.
MPSJ	Unit Cerun, Jabatan Kejuruteraan
MPS	Unit Cerun, Jabatan Kejuruteraan

MPKj	ADA
MPSp	TIADA
MDKL	TIADA
MDHS	ADA
MDKS	TIADA
MDSB	TIADA

- b) Buat masa ini, tiada cadangan untuk menubuhkan sebuah agensi atau jabatan yang melibatkan pakar geoteknikal di peringkat negeri untuk memastikan pemantauan cerun secara berkala dilakukan oleh PBT atau JKR Daerah di Selangor. Pemantauan dibuat oleh JKR Daerah dengan mendapat khidmat nasihat pakar daripada Cawangan Kejuruteraan Cerun Ibu Pejabat JKR Malaysia.
- c) Kerajaan Negeri akan merujuk permasalahan berkaitan pengurusan cerun di Selangor kepada Cawangan Kejuruteraan Cerun Ibu pejabat JKR Malaysia yang sememangnya mencontohi Hong Kong Geotechnical Engineering Office (HK GEO).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 Permatang)**

TAJUK : KOMPLEKS PKNS SHAH ALAM

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah penyewa di kompleks PKNS Shah Alam dan pecahan penyewa mengikut komposisi kaum
- b) Adakah berlaku kadar kenaikan sewa lot-lot kedai dari tahun 2008 hingga 2014
- c) Berapa ramaikah penyewa-penyewa yang telah ditamatkan kontrak penyewaan dari tahun 2008 hingga 2014

JAWAPAN:

- a) Setakat 12hb November 2014 jumlah penyewa di Kompleks PKNS Shah Alam ialah sebanyak 484 dan pecahan penyewa mengikut komposisi kaum adalah seperti berikut :-

	Lot Perniagaan		Lot Pejabat		Jumlah	Jumlah
	Unit	%	Unit	%	Unit	%
Bumiputera	269	80	141	94	410	85
Bukan Bumiputera	65	20	9	6	74	15
JUMLAH	334	100	150	100	484	100

- b) Kenaikan kadar sewa terhadap lot-lot kedai berkuatkuasa dari JUN 2014 setelah PKNS Real Estate Sdn. Bhd. mengambil alih Kompleks PKNS Shah Alam daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor.

Kadar kenaikan sewa minimum adalah sebanyak 30% daripada harga sewa asal dan kenaikan adalah berdasarkan justifikasi seperti berikut :-

- i) Kos Pentadbiran & Penyelenggaraan
- ii) Inisiatif Pembangunan Keusahawan
- iii) Kerja-kerja menaiktaraf bagi keselesaan penyewa dan pengguna.

Untuk makluman kadar kenaikan sewa adalah tidak termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan Malaysia.

Walau bagaimanapun terdapat kenaikan sewa yang telah berlaku mengikut tarikh tamat perjanjian sewaan yang telah dipersetujui antara kedua-dua pihak.

- c) Mengikut rekod, penyewa-penyewa yang telah ditamatkan kontrak penyewaan dari tahun 2008 hingga kini adalah sebanyak 17 Syarikat. Penamatan kontrak adalah disebabkan oleh :-
- i) kes mahkamah
 - ii) penyewa yang tidak berminat meneruskan perniagaan
 - i) Penyewa yang berpindah ke premis baru

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 Lembah Jaya)**

TAJUK : PROGRAM "*I WANT TO TOUCH A DOG*"

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Terdapat kekeliruan yang menyatakan MAIS memberi kebenaran dan dinafikan oleh SS Dato' Mufti negeri Selangor. Terangkan apakah sebenarnya yang berlaku.
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil bagi memastikan perkara seumpama ini tidak berulang lagi.
- c) Adakah sebarang tindakan diambil ke atas penganjur.

JAWAPAN:

- a) Persoalan ini telah pun dijelaskan oleh pihak MAIS menerusi kenyataan akhbar rasmi MAIS pada 21 Oktober 2014 di mana tiada kebenaran bertulis diberikan oleh pihak MAIS mengenai penganjuran program tersebut.

Jelasnya, pihak penganjur, melalui surat bertarikh 3 Oktober 2014 yang telah dialamatkan kepada Pengerusi MAIS, telah memohon kebenaran penganjuran program 'I Want To Touch A Dog'. Surat tersebut telah dipanjang ke Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS) untuk ulasan.

Bagi menjawab kandungan surat tersebut, JMNS telah mengeluarkan surat bertarikh 9 Oktober 2014 kepada Pengerusi MAIS bagi menerangkan hukum hakam pengendalian anjing menurut perspektif Islam. Pemakluman mengenai hukum hakam tersebut kemudiannya telah disampaikan kepada pihak penganjur.

Bagaimanapun, amatlah dikesali apabila program yang dijalankan tidak sepertimana yang digambarkan oleh penganjur serta tidak menepati objektif asal penganjuran seperti yang disebut dalam surat permohonan penganjur iaitu untuk memberi pencerahan atau kefahaman tentang hukum berkaitan kedudukan anjing daripada segi perspektif Islam terutamanya mengenai persepsi sebenar kepada umat Islam tentang keperluan untuk menyelamatkan anjing dalam situasi kecemasan seperti kesakitan atau terbiar, keadaan bagaimana yang mengharuskan orang Islam menjadikan anjing, kaedah menyamak apabila ada berlaku sentuhan dalam keadaan lembap dengan anjing dan kaedah serta dan penggunaan sabun yang dibuat dari tanah liat bagi tujuan penyucian

- b) Pada 25 Oktober 2014, penganjur program telah mengadakan sidang media bagi menjelaskan isu berbangkit berhubung penganjuran program berkenaan dan mengeluarkan kenyataan permohonan maaf kepada semua pihak dan masyarakat.
- c) Pada 21 Oktober 2014, seramai empat (4) orang penganjur program telah hadir ke Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) untuk tujuan siasatan di bawah Seksyen 7 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995.

Setelah meneliti keterangan-keterangan pihak penganjur. Bahagian Penguatkuasaan JAIS telah mengambil keputusan untuk tidak meneruskan siasatan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 Rawang)**

TAJUK : CARUMAN PARIT DAN SUNGAI

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah peruntukan dan projek caruman parit dan sungai yang telah diluluskan mengikut pecahan daerah bagi tahun 2009-2015.
- b) Adakah caruman ini juga boleh digunakan oleh pihak berkuasa tempatan bagi menaik taraf sistem saliran bagi mengatasi masalah banjir?

JAWAPAN:

- a) Peruntukan bagi projek caruman parit dan sungai hanya direkodkan bermula pada tahun 2010 sehingga 2014. Berikut di bawah adalah senarai peruntukan dan projek caruman parit dan sungai yang telah diluluskan mengikut pecahan daerah bagi tahun 2010-2014.

i. PROJEK-PROJEK YANG DILULUSKAN TAHUN 2010

Bil	Bahagian/ Daerah	Maklumat Projek	Peruntukan Diluluskan (RM)
1.	Ibupejabat (BSMA)	Penyediaan Peraturan Kutipan Caruman Parit (Bengkel Caruman Parit)	50,000
2.	Gombak	Menaiktaraf saluran keluar berhampiran Taman Garing, Rawang.	2,500,000
3.	Gombak	RTB Bandar Rawang (Menaiktaraf sistem saliran Bandar Rawang Fasa 2)	5,000,000
Jumlah Keseluruhan			8,000,000

ii. PROJEK-PROJEK YANG DILULUSKAN TAHUN 2011

Bil	Bahagian/ Daerah	Maklumat Projek	Peruntukan Diluluskan (RM)
1.	Kuala Langat	Menaiktaraf Sistem Saliran Batu 9, Sijangkang, Banting (Kerja Ukur dan Kajian)	500,000
2.	Klang	RTB Telok Menegun (Kerja Ukur dan rekabentuk terperinci)	500,000
3.	Klang	RTB Pandamaran dan Pelabuhan Klang (Kerja Ukur dan rekabentuk terperinci)	500,000
Jumlah Keseluruhan			1,500,000

iii. PROJEK-PROJEK YANG DILULUSKAN TAHUN 2012

Bil	Bahagian/ Daerah	Maklumat Projek	Peruntukan Diluluskan (RM)
1.	Hulu Langat	Kerja-Kerja Membina Semula Jambatan Di Jalan 2A, Kampung Lembah Jaya Utara Mukim Ampang	500,000
2.	Hulu Langat	Kerja-Kerja Membaikpulih Semula Tebing Sungai Seputih dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Sepanjang 80m Di Taman Pandan Mewah Height, Mukim Ampang	2,000,000
3.	Petaling	Kerja-Kerja Bagi Membaiki Tebing Sungai Penchala Dari Jasmin Tower hingga SS Two Mall Serta Kerja-Kerja Berkaitan	4,000,000
4.	Selangor	Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Saliran Bagi Mengatasi Banjir Di Kg Ampar Tenang, Mukim Dengkil	500,000
5.	Kuala Langat	Operasi penyelenggaraan perangkap sampah di Bukit Changgang dan Labuhan Dagang	500,000
Jumlah Keseluruhan			7,500,000

iv. PROJEK-PROJEK YANG DILULUSKAN TAHUN 2013

Bil	Bahagian/ Daerah	Maklumat Projek	Peruntukan Diluluskan (RM)
1.	Kuala Langat	Projek Tebatan Banjir Di Lembangan Sg Langat	2,200,000
2.	Petaling	Kerja-Kerja Menaiktaraf Saliran Sg Kayu Ara dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Taman Mayang/Lily Apartment	500,000
3.	Petaling	Kerja-Kerja Membina Saliran Konkrit Sg Hampar dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Kg Baru Sg Buloh	500,000
4.	Hulu Selangor	Kerja-Kerja Menaiktaraf Saliran Serta Kerja Berkaitan Di Sg Masin, Mukim Batang Kali	500,000
5.	Hulu Selangor	Kerja-Kerja Menaiktaraf Saliran Serta Kerja Berkaitan Di Sg Choh, Mukim Serendah	500,000
6.	Selangor	Menaiktaraf Dasar dan Memulihkan Tebing Sg Rasau dan Kerja-Kerja Berkaitan	1,000,000
7.	Selangor	Kerja-Kerja Menaiktaraf Tebing dan Ban Sg Langat dan Kerja-Kerja Berkaitan	500,000
8.	Hulu Langat	Kerja-Kerja Menaiktaraf Sg Lemas Kg Sg Ramal, Mukim Kajang	100,000
9.	Gombak	Menaiktaraf Sg Rawang (missing link) dan kerja-kerja berkaitan di Kg Kenanga, Mukim Rawang	3,000,000
10.	Petaling	Kerja-Kerja Melebar dan Mendalam Kolam Serdang (online) dan Kerja-Kerja Berkaitan di Serdang, Seri Kembangan	500,000
11.	Hulu Selangor	Membaikpulih Saliran serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Sg Guntung, Bukit Beruntung	500,000
12.	Hulu Selangor	Membaikpulih Saliran serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Sg Musang, Bandar Bukit Sentosa	450,000
13.	Kuala Langat	Menaiktaraf ban Sg Langat di kawasan Telok Penglima Garang	2,770,000
14.	Hulu Langat	Kerja-kerja menstabil dan membaikpulih tebing Sg Long dan kerja-kerja berkaitan di kawasan Desa Budiman	790,000
15.	Hulu Langat	Kerja-kerja menstabil dan membaikpulih tebing Sg Balak dan kerja-kerja berkaitan di kawasan Taman Cheras Utama, Mukim Cheras	300,000
16.	Klang	Projek menaiktaraf saliran Jln Bakti dan Jln Palembang, Mukim Kapar	300,000
17.	Klang	Menaiktaraf pintu air Sg Batu 6, Mukim Kapar	300,000
18.	Klang	Cadangan pembinaan parit utama di lot 19868, Mukim Kapar	600,000
19.	BPME	Membekal, menghantar, mengujijaya dan mentauliah pam selam hidraulik dan aksesori yang berkaitan	1,500,000

20.	Gombak	Projek menaiktaraf anak Sg Udang bagi mengatasi masalah banjir dan kerja-kerja berkaitan, mukim batu	5,000,000
Bil	Bahagian/ Daerah	Maklumat Projek	Peruntukan Diluluskan (RM)
21.	Gombak	Projek menaiktaraf Sg Kundang bagi mengatasi masalah banjir dan kerja-kerja berkaitan	500,000
22.	Sepang	Melaksanakan kerja-kerja tebatan banjir dengan membekal serta memasang Flap Gate dan kerja berkaitan di Sg Semarang Line A, mukim Dengkil	499,200
23.	Sepang	Melaksanakan kerja-kerja tebatan banjir dengan pengukuhan tebing Sg Langat dan kerja-kerja di Pekan Dengkil, Mukim Dengkil	499,250
24.	Sepang	Melaksanakan kerja-kerja tebatan banjir dengan membaikpulih benteng Sg Langat dan kerja berkaitan di Kg Orang Asli Bangkong, Bukit Tampoi, Mukim Dengkil	498,200
25.	Sepang	Kerja-Kerja mencegah banjir dengan pembinaan kolam takungan banjir beserta rumah pam dan kerja berkaitan berhampiran Taman Permata dan Sg Semarang Line B	300,000
26.	Petaling	Kerja-Kerja menaiktaraf Sg Lorong 6 dan kerja-kerja berkaitan di Kg Merbau Sempak	500,000
27.	Petaling	Kerja-kerja menaiktaraf saluran parit-parit dalaman dan kerja-kerja berkaitan di Lorong Tembusu, Kg Melayu Subang	500,000
28.	Petaling	Kerja-kerja membaiki hakisan tebing Sg Kayu Ara di Taman Cempaka	500,000
29.	Petaling	Kerja-kerja membaiki hakisan tebing Sg Kayu Ara di Taman Mayang	500,000
Jumlah Keseluruhan			26,106,650

v. PROJEK-PROJEK YANG DILULUSKAN TAHUN 2014

Bil	Bahagian/ Daerah	Maklumat Projek	Peruntukan Diluluskan (RM)
1.	BSMA	Kajian dan rekabentuk terperinci sistem saliran Bandar Banting, Daerah Kuala Langat	300,000
2.	BSMA	Pengambilan balik tanah untuk projek RTB Sg Subang di Kg Kubu Gajah, Daerah Petaling	6,000,000
3.	BPME	Kerja-kerja pemodenan dan pemasangan system automasi dan scada di stesen pintu air pasang surut di Daerah Klang dan Petaling	1,000,000
4.	Klang	Cadangan projek membaikpulih pintu air Sungai Kapar Kechil, Mukim Kapar	500,000
5.	Klang	Cadangan projek menaiktaraf saliran Sg Binjai Mukim Kapar	498,000
Jumlah (a)			8,298,000
Bil	Bahagian/ Daerah	Maklumat Projek	Peruntukan Diluluskan (RM)
6.	Kuala Langat	Kerja-kerja membina rumah pam dan memasang pam	200,000
7.	Kuala Langat	Projek tebatan banjir di Sijangkang	500,000
8.	Hulu Langat	Kerja-kerja membina parit konkrit sepanjang 200m dari Taman Hulu Langat Jaya sehingga Kg Melaka, Mukim Hulu Langat	100,000
9.	Kuala Selangor	Kerja-kerja pembaikan tebing parit di kawasan perumahan Taman Sri Sekinchan 2	479,000
10.	Kuala Selangor	Membina longkang, konkrit (Maindrain) 'U-shape' di Jalan Utama Kg Bukit Belimbing	480,000
11.	Kuala Selangor	Menaiktaraf benteng Sg Selangor di Kg Sepakat, Pekan Kuala Selangor	302,900
12.	Gombak	Kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran dan kerja-kerja lain yang berkaitan di Bandar Rawang fasa 2, Mukim Rawang	2,000,000 (tambahan peruntukan)
13.	Sabak Bernam	Kerja-kerja membaikpulih benteng Sungai Tebuk Mendeling yang terhakis di kawasan Blok 1 serta kerja-kerja yang berkaitan	150,000
14.	Sabak Bernam	Kerja-kerja memperkukuhkan dan meninggikan benteng pantai di kawasan Sg Ular	490,500
15.	Petaling	Kerja-kerja pengukuhan tebing Sg Kayu Ara berhampiran Lebuharaya Sprint	500,000
16.	Hulu Selangor	Kerja-kerja membina tembok penahan parit	300,000

		utama Taman Wawasan Batang Kali, Mukim Batang Kali	
17.	Hulu Selangor	Kerja-kerja mengorek, mendalamkan serta melebarkan Sg Choh, Mukim Serendah	200,000
18.	Hulu Selangor	Kerja-kerja mengorek, mendalamkan dan lain-lain kerja yang berkaitan di Sg Masin, Mukim Batang Kali	150,000
19.	Hulu Selangor	Kerja-kerja membaikpulih saliran serta kerja yang berkaitan di Sg Guntung, Bandar Bukit Beruntung	300,000
Jumlah (b)			6,152,400
Jumlah Keseluruhan			14,450,400

- b) Mengikut Tatacara Akaun Amanah Caruman Parit, penggunaan peruntukan akaun ini adalah bertujuan untuk membiayai perbelanjaan bagi kerja-kerja yang berkaitan dengan menaiktaraf sistem saliran, kejuruteraan sungai, projek tebatan banjir, projek hidrologi dan tebatan banjir serta lain-lain perbelanjaan yang berkaitan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Akaun Amanah seperti pengambilan balik tanah, kajian, rekabentuk terperinci dan sebagainya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 Gombak Setia)**

TAJUK : PERUNTUKAN BENCANA ALAM

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peruntukan untuk bencana alam yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri dan melalui agensi manakah peruntukan tersebut diturunkan?

JAWAPAN:

- a) Peruntukan Bencana Alam Negeri Selangor diturunkan melalui **Tabung Bencana Khas Negeri Selangor** kepada Akaun Tabung Bencana Daerah dan dibuka atas nama Jawatan Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah dengan had syiling sebanyak RM50,000.00.

Bagi **Tabung Amanah Bencana Alam** pula, baki akaun semasa adalah sebanyak RM 41,511,081.77. Penggunaan kumpulan wang ini tertakluk kepada seksyen 5, wang dalam Kumpulan Wang tidak boleh digunakan bagi apa-apa maksud kecuali bagi maksud yang diperuntukkan oleh Enakmen Tabung Amanah Bencana Alam 2011.

Berikut disertakan maklumat nilai aset bersih tabung ini sehingga 19 November 2014 :

BUTIRAN	AMAUN (RM)
Tunai di bank	20,815.73
Simpanan tetap	4332,332.79
Faedah deposit dan simpanan tetap terakru	12,933.25
Pelaburan saham amanah	13,145,000.00
Pelaburan mandate pengurusan ekuiti	24,000,000.00
Jumlah keseluruhan	41,511,081.77

Nota :

1. Tiada sebarang liabiliti direkodkan pada tarikh kewangan.
2. Asas perakaunan menggunakan asas tunai ubahsuai dimana pendapatan dan perbelanjaan direkodkan menggunakan konsep akruan. Walau bagaimanapun, pelaburan direkodkan pada nilai kos.

Sumber : Perbendaharaan Negeri Selangor

